



UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
جامعة العلوم الإسلامية الماليزية
ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA

**Seminar Kebangsaan
Majlis Dekan Pendidikan
Universiti Awam Malaysia
(MEDC2020)**

Ke Arah Menginsankan Pendidikan di Malaysia

Prosiding Seminar

Penyunting

**Hishomudin Ahmad, Noor Saazai Mat Saad
Rahimah Saimin, Kirembwe Rashid Abdul Hamed
Noorhayati Hashim, Sarifah Nurhanum Syed Sahuri
Zarina Ashikin Zakaria, Nur Shahadah Mohd Surbani**

Published by:
Fakulti Pengajian Bahasa Utama
Universiti Sains Islam Malaysia
Bandar Baru Nilai
71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

Tel.: +606-798 6753/6754 Fax: +606-798 6750
Emel: info.fpbu@usim.edu.my
All Rights Reserved.

Copyright © Fakulti Pengajian Bahasa Utama

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, distributed, or transmitted in any form or by any means, including photocopying, recording, or other electronic or mechanical methods, without the prior written permission of the publisher, except in the case of brief quotations embodied in critical reviews and certain other non-commercial uses permitted by copyright law.

e ISBN 978-967-440-885-5



Februari 2021

Pendahuluan

Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri, serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.

Setelah 63 tahun merdeka, sistem pendidikan Malaysia masih berhadapan pelbagai cabaran untuk mema generasi yang seimbang dan harmonis terutamanya aspek kerohanian dan emosi. Tidak dinafikan, pendidikan sedia ada berjaya melahirkan individu-individu yang cemerlang dalam akademik seterusnya professional dalam pelbagai bidang. Namun, tidak sedikit daripada mereka mengalami kekosongan rohani dan gejala jiwa sehingga menyukarkan mereka untuk mengurus diri dan kehidupan yang akhirnya mewujudkan krisis ekonomi dan sosial dalam masyarakat. Oleh itu, adalah penting untuk menginsankan pendidikan di Malaysia dengan mengembalikan asas kemanusiaan yang digariskan dalam falsafah pendidikan kebangsaan. Asas kemanusiaan ini juga perlu didasari dengan prinsip agama dan nilai-nilai murni sejagat untuk mema semula manusia yang holistik dan rasional.

Majlis Dekan Pendidikan Malaysia merupakan salah satu badan yang diiktiraf oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk mewujudkan kerjasama serta perkongsian idea dan kepakaran yang berkaitan dengan penawaran program pendidikan di Universiti Awam (UA). Ia menganjurkan seminar di peringkat kebangsaan setiap tahun sebagai wadah perkongsian hasil penyelidikan dan pertukaran idea ke arah memperkasakan program pendidikan di Malaysia. Pada tahun 2020, majlis ini bekerjasama dengan Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia menganjurkan MEDC2020

TEMA: Ke Arah Menginsankan Pendidikan di Malaysia

SUB TEMA

1. Pendidikan Holistik di Malaysia
2. Pendidikan Berasaskan Nilai
3. Pendidikan dalam Era Revolusi Industri 4.0
4. Pendidikan dalam Konteks Norma Baharu

Ucapan Naib Canselor

Alhamdulillah, syukur kepada Allah SWT kerana dengan keizinan-Nya, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) berjaya menganjurkan Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan Universiti Awam kali ini.



Seminar ini amat besar peranannya dalam menyebarkan ilmu dan kefahaman terhadap pendidikan holistik dan berasaskan nilai ke arah menginsankan pendidikan di Malaysia di era Revolusi Industri 4.0. Apatah lagi, di saat sektor pendidikan di negara Malaysia ketika ini yang masih bergelut dengan pandemik COVID 19, perkongsian ilmu seumpama ini amat bererti dalam menunaikan kehendak kerajaan mencipta kecemerlangan dengan ilmu baharu melalui penyelidikan-penyelidikan terkini. Ilmu-ilmu baharu ini amat penting dalam menyediakan modal insan berkualiti demi mencapai hasrat Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 nanti.

Pendidikan dalam suasana norma baharu memperlihatkan penggunaan teknologi terkini yang menekankan Flexible Education dan kursus dalam talian terbuka secara besar-besaran. Pembelajaran secara digital menjadi pilihan utama dalam pengajaran dan pembelajaran norma baharu melalui aplikasi seperti *MS Teams*, *Zoom Cloud Meeting*, *Google Meet* dan *Google Classroom* menggantikan tradisi pembelajaran secara bersemuka yang dipraktikkan selama ini. Peluang ini menggalakkan pendidik dan pelajar berfikir lebih kreatif dan kritis serta berupaya menyelesaikan masalah dalam pembelajaran dan pengajaran.

Walau bagaimanapun, sentuhan kemanusiaan perlu diterapkan merentasi bidang dan keupayaan teknologi dalam usaha untuk memajukan sektor pendidikan di Malaysia. Di sinilah peranan para penyelidik dan pendidik untuk meneroka dan membentuk elemen keinsanan dalam pendidikan demi memastikan aspek emosi dan rohani terus berkembang mekar dalam diri setiap pelajar. Usaha-usaha ini akan melonjakkan kualiti pendidikan serta merealisasikan hasrat Kementerian Pendidikan Tinggi yang diselaraskan dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, In Sha Allah.

Akhir kata, saya ingin mengalu-alukan wakil-wakil dari Universiti Awam di seluruh Malaysia yang sudi bertandang secara maya ke USIM, bukan sahaja menjadi penyumbang ilmu, malah memberi sokongan padu sehinggakan seminar ini berjaya dilaksanakan.

Sekian dan terima kasih.

Profesor Dr. Mohamed Ridza Wahiddin

Naib Canselor, Universiti Sains Islam Malaysia.

Ucapan Dekan

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala
Wabarakatuh,

Syukur Alhamdulillah kerana limpah kurnia-Nya Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan Universiti Awam Malaysia tahun 2020 (MEDC 2020) ini dapat dilaksanakan di Universiti Sains Islam Malaysia.



Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Majlis Dekan Pendidikan Universiti Awam Malaysia, yang telah memberi kepercayaan penuh kepada pihak Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia untuk menjadi tuan rumah seminar pada kali ini. Saya juga mengucapkan terima kasih juga kepada para ilmuwan dan cendekiawan dari seluruh Malaysia yang sudi bertandang secara maya ke Negeri Beradat, Negeri Sembilan Darul Khusus. Kami warga fakulti berasa amat teruja dan berbangga dengan kepercayaan dan penghormatan serta terharu atas sokongan dan dorongan yang diberikan oleh pelbagai pihak bagi menjayakan seminar ini.

Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan Universiti Awam Malaysia atau singkatannya MEDC yang dianjurkan setiap tahun ini, sebenarnya berperanan besar ke arah mencetuskan paradigma dan menentukan hala tuju pendidikan di Malaysia yang sedaya-upaya dipacu ke peringkat yang lebih tinggi atau “*Soaring Upwards*”, agar selaras dengan perkembangan globalisasi dan keperluan Pendidikan Abad ke-21 ini. Seminar ini sudah pasti menjadi medan perkongsian ilmu dalam kalangan ilmuwan dan cendekiawan kerana kita amat berkeyakinan bahawa gabungan idea dan komentar mereka melalui hasil penyelidikan atau perngkongsian pengalaman masing-masing boleh dirumus menjadi formula penyelesaian masalah yang mungkin atau sedang dihadapi oleh sektor pendidikan di negara ini. Sudah menjadi adat, ilmu-ilmu terkini akan terus berkembang dan bermanfaat melalui usaha-usaha pihak universiti, institusi atau agensi dalam penyelidikan dan perbincangan ilmiah. Saya juga yakin, usaha-usaha ini tidak akan terhenti walaupun kita berada dalam situasi yang genting dan penyesuaian norma baharu khususnya dalam bidang pendidikan.

Sesuai dengan matlamat seminar ini dilangsungkan, maka adalah diharapkan agar perhimpunan para ilmuwan dan cendekiawan di Universiti Sains Islam Malaysia walaupun secara dalam talian ini dapat menyemarakkan kolaborasi akademik sekali gus memupuk kerjasama erat dalam mengupayakan dunia pendidikan kita di negara ini. Adalah diharapkan agar dapatan penyelidikan yang dibentangkan dalam seminar kali ini, akan

memberi rumus ilmu yang dapat dimanfaatkan sebagai panduan kepada warga USIM khususnya dan universiti awam seluruh Malaysia. In sha Allah.

Akhir sekali, saya mengambil kesempatan selaku penganjur untuk memohon kemaafan, seandainya terdapat sebarang kekurangan atau kesilapan daripada kami yang menimbulkan ketidakselesaan kepada seluruh penguaptama, pembentang dan peserta sepanjang penganjuran seminar ini selama dua hari.

Sekian dan terima kasih.

Profesor Madya Dr. Nurkhamimi bin Zainuddin
Dekan, Fakulti Pengajian Bahasa Utama.

Ucapan Pengarah

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Pertama, marilah kita mengucapkan Alhamdulillah sebagai tanda syukur kepada Allah SWT yang mengizinkan kita berkumpul dan bertemu di Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan Universiti Awam Malaysia (MEDC) edisi 2020.



Saya dan rakan – rakan di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) mengalu-alukan kehadiran para pembentang dan peserta dari pelbagai universiti, institusi atau agensi awam mahupun swasta di seluruh negara.

Tahun 2020 telah dicorakkan dengan pelbagai kisah dan peristiwa yang tersendiri. Ujian dan cabaran yang berlaku atas kehendak Yang Maha Esa telah mengubah landskap ekonomi, pendidikan dan sosial negara. Penganjuran MEDC 2020 kali ini ternyata berbeza daripada sebelumnya. Apatah lagi ianya pertama kali dijalankan sepenuhnya secara atas talian dan mengikut Tatacara Pengendalian Piawai tertentu sebagai satu usaha dan komitmen kita untuk memutuskan rangkaian Virus COVID 19. Berbekalkan semangat, kekuatan, galakan dan sokongan daripada pihak universiti, fakulti, Majlis Dekan Pendidikan Universiti Awam Malaysia, rakan-rakan dan ahli keluarga, jawatankuasa penganjur melangkah dengan penuh yakin untuk melakukan tugas dan amanah yang diberikan dengan sepenuh jiwa dan raga demi mendapatkan keredhaan Ilahi, sekaligus berusaha memastikan MEDC 2020 dapat berlangsung dengan jayanya.

Dalam suasana norma baharu, MEDC 2020 memberi ruang dan peluang kepada para pemikir, penyelidik dan pendidik untuk berkongsi ilmu dan pandangan tentang isu, cabaran dan strategi dalam menginsankan pendidikan di Malaysia. Jumlah penyertaan daripada para pembentang dan peserta bagi seminar, pertandingan inovasi dan bengkel amat memberangsangkan. Lebih 100 kertas kerja daripada pelbagai insitituti pendidikan, agensi kerajaan dan swasta, pelajar-pelajar institusi pengajian tinggi serta pihak-pihak yang berminat telah disaring dan diterima untuk membincangkan tema seminar kali ini iaitu “Ke Arah Menginsankan Pendidikan di Malaysia”. MEDC 2020 mengambil satu langkah ke hadapan apabila buat julung kali sebuah pertandingan inovasi, InnoMEDC dianjurkan bersempena seminar ini. Sebanyak 80 penyertaan telah diterima untuk penilaian para juri daripada aspek kreativiti dan sumbangan dalam dunia pendidikan. Penganjuran MEDC 2020 juga telah membina rangkaian kerjasama di antara pihak FPBU dan pelbagai agensi yang menyokong agenda ke arah menginsankan pendidikan di Malaysia. Kami bebesar hati

dan merasa amat gembira dengan sokongan daripada pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Ikatan Guru-Guru Muslim Malaysia (i-Guru), Penerbit USIM dan Pusat Zakat Dan Wakaf USIM yang sudi menjadi rakan strategik dan penaja bersama MEDC 2020.

Secara keseluruhannya, MEDC 2020 telah berjaya mencapai objektif yang ditetapkan. Besarlah harapan kami, seminar kali ini menjadi titik tolak atau permulaan kepada kita semua untuk menginsankan pendidikan di Malaysia dengan mengembalikan asas kemanusiaan yang digariskan dalam falsafah pendidikan kebangsaan yang didasari dengan prinsip agama dan nilai-nilai murni sejagat untuk membina semula manusia yang holistik dan rasional.

Akhir kata, saya juga ingin mengambil kesempatan sekali lagi untuk mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang sudi hadir dan meluangkan masa untuk menghadiri MEDC 2020. Pihak kami mengucapkan ribuan terima kasih di atas kerjasama dan keprihatinan semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung ataupun tidak langsung.

Sekian dan terima kasih.

Dr Sarifah Nurhanum Syed Sahuri

Pengarah,

Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan Universiti Awam Malaysia (MEDC 2020)

KANDUNGAN

Pendahuluan	3
Ucapan Naib Canselor.....	4
Ucapan Dekan	6
Ucapan Pengarah.....	8
KANDUNGAN.....	10
Pencegahan Rasuah Ke Arah Menginsankan Pendidikan Di Malaysia.....	14
Pengaruh Motivasi Pelajar Dalam Program Latihan Kebolehpasaran Di Era Revolusi Industri 4.0	26
Anjakan Digitalisasi Pedagogi Bakal Guru Bahasa Melayu: Pertimbangan Terhadap Aspek Fizikal Dan Psikososial Bagi Pelaksanaan LMI Dalam Talian.....	41
Sijil ‘ <i>Star Rating</i> ’ (SSR) Penarafan Kualiti Solekan pelajar Terapi Kecantikan Dan Spa, Kolej Komuniti Muar, Johor.	52
Peningkatan Penguasaan Tatabahasa Melalui Pendekatan Pembelajaran Berasaskan Projek Dalam Kalangan Pelajar Kolej Komuniti Ledang Bagi Kursus MPU 1212: Bahasa Kebangsaan	67
Using the Video Modelling Method to Enhance the Social Interactional Skills Among Semester 2 Welding Students in Institut Latihan Perindustrian Kuala Lumpur (ILPKL)	77
Peranan Penasihat Industri Dalam Pembangunan Kurikulum Pendidikan Tinggi	97
Pembelajaran Dalam Talian Pada Era Covid-19: Pengalaman Pelajar Kursus Metodologi Penyelidikan FPBU	106
Keberkesanan Penggunaan Lagu Berasaskan Teknologi Untuk Meningkatkan Kecekapan Perbendaharaan Kata Di Kalangan Pelajar Tahun Dua Di Universiti Malaysia Sabah (UMS)	113
Pendidikan Abad Ke 21 Dalam Pengajaran Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa Kedua (ESL) Di Institusi Pengajian Tinggi di Sabah, Malaysia	122
Perlaksanaan Temuduga Dalam Talian Bagi Calon Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (ISMP) UTM.....	129
Kesan Scaffolding Metakognitif Dalam Memahami Pembelajaran Konsep Tatabahasa Penandaan <i>Tense- Aspect</i> Bahasa Inggeris Dalam Kalangan Pelajar L1	136
Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Penguasaan Sains Dalam Kalangan Murid Sekolah Rendah Kebangsaan	151
Persepsi Bakal Guru Pendidikan Khas Terhadap Pendidikan Khas Di Malaysia	160
Perbandingan Kesedaran Pelajar Terhadap Amalan Keselamatan Di UTHM Dan KKTM....	174

Tinjauan Ke Atas Hubungan Di Antara Motivasi Dengan Transformasi Budaya Kehidupan Dalam Kalangan Pelajar Baharu Di Institut Pengajian Tinggi (IPT)	195
Pembangunan Modul Pengajaran Berasaskan Permainan Digital Bagi Kursus Teknologi Elektrik 1	202
Kecerdasan Emosi Dalam Proses Kreativiti: Meningkatkan Nilai Dalam Drama KOMSAS. 216	
Pedagogi Responsif Budaya Menerusi Cerita Rakyat Untuk Kemahiran Literasi Awal Kanak-Kanak: Restrospektif Guru	245
Pembangunan Kerangka Persekolahan Berasaskan Penjarakan Fizikal Pandemik COVID-19	257
Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) Memperkukuh Kefahaman Pelajar Dalam Subjek Matematik Sekaligus Meningkatkan Persediaan Pelajar Menuju Era Revolusi Industri 4.0 ..	271
Analisis Keperluan Gaya Berfikir Dan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Bagi Menyelesaikan Masalah Dalam Penghasilan Produk	287
English Language Literacies – Practices, Competencies vs Demands in Academic Discourses	311
Persepsi Pelajar Bidang Mekanikal Terhadap Penguasaan 4C Dalam Pembelajaran Teori Dan Amali	334
Keberkesanan Penggunaan Peta Pemikiran Dalam Program I-THINK Bagi Meningkatkan Tahap Penguasaan Pelajar Dalam Mata Pelajaran Pendidikan Islam.....	345
Penilaian Tahap Kemahiran Pengurusan Kelas dan Motivasi Guru Pelatih Pelajar Sarjana Muda FPTV, UTHM	353
Norma Baharu: Cabaran Pengajaran Digital Secara Maya Pasca COVID 19	361
Dilema Pengajaran Dan Pembelajaran Pendidikan Moral Dalam Masyarakat Majmuk Malaysia: Masalah Dalam Kalangan Guru	373
Penyertaan Dan Strategi Meningkatkan Aktiviti Fizikal Di Kalangan Pelajar Pendidikan Seni Di UiTM.....	384
Penggunaan <i>Display Light Board</i> (DLB) Dalam Meningkatkan Kemahiran Teknik Melukis Bentuk Geometri Secara ' <i>Still Life</i> '	399
Adakah Kita Sudah Sedia?: Analisis Guru Pendidikan Sivik Di Malaysia.....	412
Pengaplikasian Teori Pembelajaran Konstruktivisme Dalam Pembelajaran Matematik	421
Pembelajaran Menggunakan Kaedah Koperatif " <i>Stay and Stray</i> " Dalam Penulisan Bahasa .	439
Pembelajaran Menggunakan Kaedah <i>Brainwriting</i> Dalam Membantu Pelajar Menguasai Kemahiran Menulis	457
Tinjauan Sistemik Pembelajaran Koperatif Menggunakan Kaedah <i>Jigsaw</i> Dalam Penulisan Bahasa	475
Apakah Kemahiran Melakar Aras Tinggi (KMAT)? Reka Bentuk Dan Aplikasinya Dalam Pengkaryaan Seni Visual.....	488

Tekanan Akademik: Cabaran Pembelajaran Dalam Talian Dalam Kalangan Pelajar Semasa Norma Baharu	501
Peningkatan Literasi Pertanian Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah: Keberkesanan Modul Reka Bentuk Dan Pembangunan Landskap.....	523
Penggunaan Teknik Permainan Berkumpulan ‘ <i>Vocabulary Taskforce</i> ’ Untuk Meningkatkan Motivasi Pelajar Dalam Menguasai Perbendaharaan Kata Bahasa Inggeris	537
Pembentukan Nilai Melalui Pembelajaran Informal Dalam Kalangan Orang Asli Suku Semai	553
Covid-19: Cabaran Dan Pelaksanaan Pengajaran Dan Pembelajaran Teradun.....	568
Reka Corak Simetri: Analisis Terhadap “ <i>Frieze Patterns</i> ” Dalam Tekat Benang Emas	582
Pembangunan Insan Melalui Pengintegrasian Maharat Al-Quran Dalam Pembelajaran Kimia	583
Kisah Wira Tidak Di Dendang: Cabaran Dan Usaha Guru -Guru Bahasa Inggeris Di Sebuah Sekolah Kebangsaan Asli Di Malaysia	595
Perbezaan Jantina Dalam Sikap Membaca Murid Sekolah Rendah: Dari Lensa Guru-Guru Bahasa	609
Penguasaan Kemahiran Proses Sains Dalam Pembelajaran Sains Berasaskan Permainan Digital	624
Pembangunan Insan Dalam Proses Pengajaran Dan Pembelajaran Melalui Pendekatan <i>Lesson Study</i> : Satu Cabaran.....	635
Kemahiran Nilai Manipulatif Dalam Menggunakan Silinder Penyukat, Termometer Dan Mikroskop Dalam Kerja Amali Sains	651
Membangunkan Sistem Pengudaraan Mekanikal <i>Smart Vehicle Ventilation (SVV)</i> Pada Kenderaan Berasaskan IOT.....	663
Bagaimana Retorik Quranik Surah an-Nisa Membentuk Pendidikan Adab Dan Kesopanan Masyarakat	671
Emosi Dan Kesopanan Komunikasi Dalam al-Qur'an: Tinjauan Psikologi Dan Retorik al-Quran	677
Pembangunan Penulisan Melalui ‘ <i>Carousel with A Destination</i> ’: Satu Projek CSR Bersama Murid Tahun 5 SK Banting	691
Kemampuan Interpretasi Dan Penggunaan Data Pentaksiran Dalam Pengajaran.....	700
Kemahiran Penulisan Akademik Di Universiti: Analisis Keperluan Dan Kompetensi Semasa Pelajar ESL.....	715
Penggunaan <i>Haal</i> Dalam Nahu Arab Dalam al-Quran	722
Memfaatkan Pengalaman Pelajar Pelawat Dalam Membangunkan Garis Panduan Untuk Program Pengantarabangsaan Pendidikan.....	730
Pembelajaran Berasaskan Permainan (GBL) Untuk Penulisan Akademik: Satu Tinjauan Dari Guru Pra-Perkhidmatan ESL.....	745

Malaysian Trainee Teachers' Experience at Managing Students' Learning During the Pandemic: A Leap into the 21st. Century Skills	751
Kesediaan Pelajar Program Pendidikan Terhadap Kursus Keusahawanan Di Universiti Utara Malaysia	764
Pengurusan Pembelajaran Berasaskan <i>Blended Learning</i> Dalam Kalangan Pelajar Sarjana Pendidikan	770
Hubungan Jantina Dan Kepuasan Klien Dalam Kaedah Kaunseling Bersemuka Dan E-Kaunseling.....	774
Aplikasi Jawi Dalam Pendidikan Guru	784
Pemupukan STEM Dalam Kalangan Pelajar Luar Bandar.....	792
Pengaruh Kepimpinan Instruksional, Kecerdasan Emosi Dan Personaliti Guru Besar Terhadap Prestasi Kerja Guru Sekolah Rendah di Sabah.....	814
Persepsi Kaunselor Terhadap Gangguan Stress Pasca Trauma (<i>Post-Traumatic Stress Disorder</i>) Mangsa Buli Di Malaysia.....	836
Aspirasi Falsafah Pendidikan Islam Dalam Memperkasa Peranan Guru Pendidikan Islam Sebagai Pemangkin Perubahan Masyarakat.....	854
Pembelajaran pecahan dan sikap ke arahnya tidak berhubung.....	867
“We Wanna Go Home!”.....	877

Pencegahan Rasuah Ke Arah Menginsankan Pendidikan Di Malaysia

Mohamad Tarmize Abdul Manaf
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
tarmize@sprm.gov.my

ABSTRAK

Pengenalan – Umum mengetahui bahawa rasuah merupakan antara penghalang utama kepada kemajuan negara. Rasuah mampu membawa kemudaratan kepada masalah sosial dan menggugat keselamatan negara. Tidak dapat dinafikan peranan warga pendidik amat penting bagi melahirkan generasi unggul, berintegriti tinggi dan membenci segala bentuk jenayah. Namun, amat mendukacitakan apabila segelintir warga pendidik sendiri terjebak dalam jenayah rasuah.

Objektif – Kertas kerja ini membincangkan maksud rasuah dalam konteks negara kita, kesalahan-kesalahan rasuah berdasarkan Akta SPRM 2009 dan hukuman jika disabitkan dengan rasuah.

Metodologi – Perkongsian kes-kes sebenar rasuah melibatkan warga pendidik dikongsi sebagai iktibar kita semua. Oleh yang demikian, rekabentuk yang sesuai bagi kajian ini adalah analisis kandungan. Kes-kes sebenar ini adalah data sekunder yang mana mereka dianalisa secara tematik.

Dapatan – Dari kes-kes sebenar yang telah berlaku, terdapat empat (4) tema besar yang dikeluarkan. Mereka adalah (a) meminta dan menerima rasuah, (b) menawar dan memberi rasuah, (c) mengemukakan tuntutan palsu, dan (d) menggunakan jawatan awam bagi mendapatkan sesuatu. Kesemua tema ini adalah selari dengan Akta SPRM 2009.

Kepentingan - Kertas kerja ini menyentuh secara ringkas langkah-langkah pencegahan yang perlu dilakukan oleh warga pendidik bagi memastikan integriti diri dipelihara dan rasuah dapat dijauhkan. Ia juga menjelaskan beberapa usaha penerapan integriti dan budaya antirasuah dalam sistem pendidikan negara.

Kata Kunci: rasuah warga pendidik, pencegahan rasuah, Akta SPRM 2009, membudayakan integriti, antirasuah, kes sebenar rasuah, menginsankan pendidikan

Pengenalan - Rasuah meruntuhkan negara

Jenayah rasuah merupakan ancaman utama kepada kita. Gejala rasuah yang tidak dibendung akan membawa malapetaka kepada sesebuah negara. Banyak contoh negara yang bergolak dan akhirnya musnah kerana jenayah keji ini. Empayar Rom, Empayar Uthmaniah dan Dinasti Ming yang tidak terurus pentadbirannya menyebabkan tentera dan kakitangan awamnya terpaksa mengamalkan rasuah. Akhirnya empayar-empayar tersebut hancur. Demikian juga dengan kejatuhan Kerajaan Nasionalis Chiang Kai-Shek di China, Richard Nixon di Amerika, Marcos di Filipina dan Presiden Mobuto di Zaire yang tumbang kerana jenayah yang sama.

Kegiatan rasuah di negara kita berlaku sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka lagi. Sifat tamak, dendam, iri hati dan perebutan kuasa dalam kalangan raja dan pembesar-pembesarnya, sehingga sanggup menjual prinsip, maruah serta harga diri. Kerana rasuah, mereka memberikan maklumat sulit kepada Portugis, menyebabkan kejatuhan empayar Kesultanan Melayu Melaka (SPRM & UPSI, 2020).

Integriti warga pendidik

Warga pendidik merupakan satu kelompok sosial yang dipandang tinggi dalam masyarakat. Sumbangan utama warga pendidik adalah melahirkan generasi unggul yang bakal mencorak pembangunan negara. Alangkah baiknya jika kemajuan negara berpaksikan nilai integriti dan sahsiah mulia warganya.

Menginsankan pendidikan di Malaysia mesti bermula dengan warga pendidik. Warga pendidik seharusnya bebas daripada amalan tidak sihat, terutamanya berkaitan jenayah. Selain ibu bapa, warga pendidik mesti menunjukkan contoh teladan yang baik kepada anak-anak. Apa yang diajar kepada anak-anak, mestilah selaras dengan perbuatan yang diperlihatkan oleh guru-guru mereka. Sebagai golongan terpelajar, warga pendidik sudah pasti sedia maklum mengenai kesan buruk perbuatan jenayah terhadap diri, keluarga, komuniti dan negara. Oleh itu, secara logiknya, mudah untuk golongan pendidik menghindarkan diri daripada perbuatan yang tidak bertanggungjawab, tambahan pula perbuatan jenayah.

Malangnya, realitinya tidak seperti mana yang disangka. Warga pendidik memang sangat jarang dikaitkan dengan jenayah mencuri, merompak, merogol atau membunuh. Namun, agak kerap media melaporkan penglibatan warga pendidik dengan perbuatan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa. Dengan kata lain, perbuatan rasuah dalam kalangan warga pendidik bukan kes yang terpencil. Perkara ini amat mendukacitakan kita semua. Tidak mungkin kita mampu menginsankan pendidikan, sekiranya mereka yang menjunjungnya adalah korup.

Kenali rasuah

Asas mengelakkan diri daripada rasuah adalah dengan memahami perbuatan-perbuatan yang boleh dikategorikan sebagai sebagai jenayah itu.

Sebagai permulaan, perkataan rasuah berasal daripada bahasa Arab '*risywah*' yang membawa maksud sogokan atau pujukan. Secara umumnya, rasuah adalah perbuatan

penerimaan atau pemberian suapan bertujuan supaya seseorang itu melakukan sesuatu perbuatan yang berkaitan dengan tugas rasminya.

Hakim YA Raja Azlan Shah semasa membuat keputusan dalam kes PP v Dato' Harun Idris (1997) mendefinisikan rasuah sebagai, "*Corrupt means doing an act knowing that the act done is wrong, doing so with evil intention... purposely doing an act which the law forbids. Corrupt is a question of intention. If the circumstances show that what a person has done or has omitted to do was moved by an evil intention or a guilty mind, then he is liable under the section*". (PP V Dato Harun bin Idris, 1997. 1 MLJ 15)

Definisi rasuah lebih luas diberikan oleh United Nations Development Programme (UNDP) iaitu, "*misuse of public power, office or authority for private benefit - through bribery, extortion, influence-peddling, nepotism, fraud, speed money or embezzlement*". (UNDP, 1999)

Di negara kita, terdapat banyak istilah, panggilan atau nama yang sebenarnya merujuk kepada rasuah. Antaranya, 'tumbuk rusuk', 'duit minyak', 'pelincir', 'kawtim', 'under table money', 'duit kopi', 'duit Panandol' dan 'makan suap'. Perkara yang sama berlaku di luar negara. Rasuah digelar dengan pelbagai panggilan. Contohnya, rasuah dipanggil 'pungli' atau 'pungutan liar' di Indonesia, 'tangentopoli' (Itali), 'sleaze' (UK), 'black mist' (Jepun); 'air supply' (Uganda); 'les affaires' (Perancis), '409' (Nigeria) dan 'than wu' (China). (Mohamad Tarmize, 2020)

Bentuk-bentuk suapan

Dalam konteks kesalahan memberi atau menerima suapan, terdapat beberapa elemen utama yang perlu ada bagi menjadikan sesuatu perbuatan itu adalah rasuah. Elemen-elemen tersebut adalah (1) pemberi rasuah; (2) penerima rasuah; (3) suapan; (4) balasan iaitu tujuan rasuah diberi atau diterima; (5) dan *mens rea* atau niat jahat. (Mohamad Tarmize, 2020)

Merujuk kepada elemen ketiga iaitu suapan, ianya tidak terhad kepada wang ringgit sahaja. Bentuk-bentuk suapan dinyatakan dalam Seksyen 3 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta SPRM 2009). Berikut adalah antara bentuk suapan yang lazim dalam perbuatan rasuah (Mohamad Tarmize, 2020). Bagi tujuan penjelasan, disertakan ilustrasi bagi setiap bentuk suapan.

- a. **Hadiah** - Pembekal A memberi hadiah berbentuk set golf kepada B, seorang pegawai kewangan supaya mempercepatkan bayaran bagi tuntutannya.
- b. **Bonus** - A, pengarah urusan syarikat berjanji memberikan bonus sebanyak lima bulan gaji kepada akauntannya, B. Dengan syarat, B menyembunyikan penyelewengan wang syarikat yang dilakukan A.
- c. **Perkhidmatan** - A, seorang kontraktor menawarkan rasuah berbentuk khidmat seks GRO kepada B, pengarah perolehan syarikat XXX. Sebagai balasannya, B akan memastikan A mendapat projek daripada syarikat XXX.

- d. **Pinjaman** - Seorang pembekal memberi pinjaman wang kepada seorang pegawai pentadbir makmal universiti (yang kesempitan duit). Dengan syarat, pegawai berkenaan menerima dan memperakui pembekalan peralatan makmal yang tidak sempurna.
- e. **Jawatan** - A, pengurus syarikat menawarkan kenaikan pangkat kepada akauntannya supaya tidak melaporkan kepada polis mengenai perbuatannya yang telah mencuri duit syarikat.
- f. **Diskaun** - A, pemilik syarikat pengedar kereta mewah memberi diskaun 75% untuk sebuah kereta BMW kepada B, seorang pegawai penguat kuasa. Diskaun melampau ini bertujuan agar B tidak mengambil tindakan terhadap A yang sedang disiasat kerana terlibat dalam aktiviti menjual dadah.

Metodologi

Kertas ini menggunakan kes-kes sebenar yang telah dilaporkan bagi mencari tema-tema sepertimana yang dinyatakan di dalam Akta SPRM 2009. Analisis kandungan dijalankan terhadap kes-kes ini dimana mereka menjadi data sekunder yang dianalisis secara tematik.

Dapatan - Rasuah dalam bidang pendidikan

Penguatkuasaan terhadap jenayah rasuah di Malaysia dibuat melalui Akta SPRM 2009. Akta ini memperuntukkan empat kesalahan utama rasuah iaitu meminta dan menerima suapan; menawar dan memberi suapan; tuntutan palsu; dan menggunakan jawatan awam untuk mendapatkan suapan.

Dari pelaporan kes-kes, didapati terdapat empat (4) tema besar berkaitan kesalahan dengan rasuah di bidang pendidikan yang selari dengan Akta SPRM 2009. Berikut adalah penjelasan ringkas bagi setiap kesalahan. Disertakan contoh kes yang melibatkan warga pendidik bagi memberi penjelasan lebih baik dan sebagai iktibar kita bersama.

- a. **Kesalahan meminta dan menerima rasuah** - Kesalahan berlaku apabila seseorang itu meminta atau menerima suapan sebagai ganjaran melakukan sesuatu perkara yang salah atau tidak mengikut peraturan. Kesalahan ini diperuntukkan melalui Seksyen 16(a) dan 17(a) Akta SPRM 2009. Ramai penjawat awam terjebak dengan kesalahan ini. Sebab utamanya kerana mereka mempunyai kuasa dan peluang untuk berbuat demikian. Warga pendidik juga berisiko terlibat dengan kesalahan ini. Contoh kes adalah seperti di bawah:

Contoh 1: Pensyarah Matematik terima rasuah untuk tambah markah IPOH, 3 Julai 2014 - Mahkamah menjatuhkan hukuman penjara sehari dan denda RM25,000 terhadap seorang Pensyarah Matematik selepas didapati bersalah atas lima pertuduhan rasuah. Beliau telah menerima wang sogokan sebanyak RM1,130 keseluruhannya untuk menaikkan markah dua pelajarinya bagi subjek Matematik dan Statistik. Perbuatan tersebut dilakukan dalam tahun 2011 dan 2012. (MStar, 3 Januari 2014)

Contoh 2: Guru besar minta rasuah daripada pengusaha kantin

SHAH ALAM, 6 Februari 2017 - Seorang guru besar dijatuhkan hukuman penjara lapan bulan selepas didapati bersalah terhadap dua pertuduhan rasuah. Beliau menerima RM4,400 daripada seorang pengusaha kantin pada 30 Januari dan Oktober 2014. Suapan bertujuan mendapatkan surat sokongan untuk melanjutkan kontrak kantin di sekolahnya. (Astro Awani, 6 Februari 2017)

Contoh 3: Bekas pensyarah terima rasuah untuk beri diploma kepada pelajar

KUALA LUMPUR, 3 Januari 2013 - Mahkamah menjatuhkan hukuman penjara dua bulan dan denda RM10,000 ke atas seorang bekas pensyarah Kuala Lumpur Metropolitan University College (KLMU) setelah mengaku bersalah atas pertuduhan rasuah. Pensyarah tersebut telah memperoleh RM1,500 daripada seorang penuntut KLMU pada 13 Julai 2012. Sebagai balasan, penuntut itu akan diberi diploma di bidang kulinari tanpa perlu menghadiri kuliah dan menduduki peperiksaan. (MStar, 4 Januari 2013)

- b. **Kesalahan menawar dan memberi rasuah** - Kesalahan berlaku apabila seseorang itu menawarkan atau memberikan suapan bertujuan untuk mendapatkan sesuatu melalui jalan yang salah. Kesalahan ini diperuntukkan melalui Seksyen 17(b) Akta SPRM 2009. Saya tidak menjumpai contoh kes sebenar melibatkan warga pendidik yang terlibat bagi kesalahan menawar atau memberi rasuah. Pelaku kesalahan ini kebanyakannya daripada sektor swasta dan orang awam.

Contoh kesalahan ini adalah menawarkan rasuah kepada penguat kuasa untuk mengelakkan tindakan undang-undang; memberi rasuah kepada pegawai perolehan untuk mendapat projek/kontrak; menawarkan rasuah kepada pegawai kewangan untuk mempercepatkan proses tuntutan bayaran projek dan lain-lain lagi.

Sekiranya warga pendidik ditawarkan rasuah, apa yang perlu dilakukan? Sebagai contoh, ditawarkan rasuah oleh pelajar untuk menaikkan markah peperiksaan; ditawarkan rasuah untuk diterima kemasukan pengajian walaupun sebenarnya tidak layak; atau ditawarkan rasuah supaya lulus tanpa perlu hadir peperiksaan.

Dari segi undang-undang, sekiranya seseorang itu ditawarkan atau diminta rasuah, beliau wajib membuat laporan kepada SPRM. Perbuatan tidak melaporkan tawaran, pemberian, permintaan atau penerimaan rasuah merupakan satu kesalahan menurut Seksyen 25(2) dan Seksyen 25(4) Akta SPRM 2009. Sekiranya didapati bersalah boleh dipenjarakan atau didenda.

Sebenarnya, anda juga boleh menahan mereka yang melakukan rasuah. Rasuah adalah kesalahan yang boleh ditangkap tanpa waran (*seizable offence*) seperti mana diperuntukkan melalui Seksyen 49(1) Akta SPRM 2009. Tangkapan oleh orang awam dibenarkan seperti mana Seksyen 27 Kanun Prosedur Jenayah.

- c. **Mengemukakan atau menggunakan tuntutan palsu** - Kesalahan berlaku apabila seseorang itu mengemukakan dokumen tuntutan yang mengandungi maklumat tidak benar (palsu) kepada sesebuah pejabat (sama ada agensi kerajaan atau swasta). Tuntutan palsu dibuat bagi mendapat keuntungan peribadi. Kesalahan ini diperuntukkan melalui Seksyen 18 Akta SPRM 2009

Secara mudahnya, kesalahan berlaku apabila tuntutan bayaran bagi barang/perkhidmatan adalah tidak sama dengan pembekalan sebenar. Tuntutan palsu boleh berlaku dalam beberapa keadaan, sama ada barang/perkhidmatan tidak dibekalkan langsung; atau dibekalkan pada kuantiti yang kurang; atau tidak mengikut spesifikasi seperti mana dinyatakan dalam dokumen tuntutan. Warga pendidik berisiko terlibat bagi kesalahan ini. Berikut adalah beberapa contoh kes yang melibatkan warga pendidik:

Contoh 1: Dekan dipenjara kerana perakukan tuntutan palsu

PUTRAJAYA, 30 Januari 2012 - Mahkamah Rayuan menjatuhkan hukuman penjara setahun dan denda RM10,000 ke atas Dekan Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi, Institut Teknologi MARA (kini Universiti Teknologi MARA). Beliau didapati telah memperakukan pembekalan peralatan Multi Joint 2 AP berharga RM138,600. Padahal, peralatan sebenar yang dihantar adalah Multi Hip yang hanya berharga RM27,965. (Mohamad Tarmize, 2013)

Contoh 2: Pengurus dan CEO Yayasan Pelajaran MARA berpakat membuat tuntutan palsu

KUALA LUMPUR, 6 September 2013 - CEO Yayasan Pelajaran MARA (YPM) dihukum penjara sehari dan didenda RM300,000. Keputusan itu dibuat setelah beliau mengaku bersalah atas kesalahan bersubahat membuat tuntutan palsu. Sebelum itu iaitu pada 17 April 2012, beliau bersama Pengurus Bahagian Pengurusan Program YPM didakwa di mahkamah atas kesalahan memperakukan sembilan Program Kecemerlangan Ilmu dan Sahsiah Diri Murid untuk Jabatan Pelajaran Perak, sedangkan program tersebut tidak dilaksanakan. Setiap program yang diperakukan bernilai RM33,850 dengan jumlah keseluruhan adalah RM304,650. (MStar, 6 September 2013)

Contoh 3: Guru dipenjara kerana tuntutan palsu berkaitan pembekalan pakaian seragam

KOTA KINABALU, 11 Oktober 2016 - Bekas guru dipenjara tiga tahun dan denda RM10,000 selepas didapati bersalah kerana membuat tuntutan palsu berhubung pembekalan pakaian seragam murid Taman Bimbingan Kanak-Kanak (TABIKA), Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS). Guru tersebut didakwa mengemukakan Pesanan Kerajaan bagi membuat tuntutan perbelanjaan pakaian seragam dan sukan murid Tabika KEMAS, yang sebenarnya tidak dibekalkan. (MyMetro, 11 Oktober 2016)

- d. **Menggunakan jawatan awam untuk mendapat suapan** - Kesalahan ini juga dikenali sebagai salah guna kuasa oleh pegawai awam. Seperti namanya, ia hanya melibatkan pegawai awam sahaja. Pegawai awam bermaksud, mana-mana orang yang berkhidmat di agensi kerajaan atau organisasi/syarikat yang dimiliki oleh kerajaan. Kesalahan salah guna kuasa berlaku apabila, seseorang pegawai awam membuat sesuatu keputusan atau mengambil apa-apa tindakan yang dapat menguntungkan dirinya atau keluarganya. Kesalahan ini diperuntukkan melalui Seksyen 23 Akta SPRM 2009. Contoh mudah bagi kesalahan ini adalah, seorang pengarah agensi kerajaan memilih atau mencadangkan syarikat milik ahli keluarganya untuk dianugerahkan sesuatu projek.

Warga pendidik (di sekolah kerajaan atau universiti awam) perlu berhati-hati agar tidak terjebak dengan kesalahan ini. Sekiranya ahli keluarga memasuki tender atau sebut harga di universiti atau sekolah anda, dua perkara wajib dilaksanakan. Pertama, mengisytiharkan kepentingan dan hubungan anda. Kedua, tidak terlibat langsung dalam sebarang proses pemilihan dan pembuatan keputusan. Berikut adalah beberapa kes melibatkan warga pendidik yang telah didakwa dan disabitkan dengan kesalahan salah guna kuasa:

Contoh 1: Guru Besar pilih syarikat adik sendiri

ALOR SETAR, 27 Januari 2014 - Seorang bekas guru besar dihukum penjara dua tahun dan didenda RM148,500 oleh mahkamah atas lima pertuduhan salah guna kuasa. Beliau didakwa menggunakan kedudukannya untuk memilih syarikat ZNR Kuala Nerang Enterprise untuk membekalkan pakaian seragam Pengakap, Persatuan Bulan Sabit dan Tunas Kadet Remaja Sekolah bernilai RM32,400. Sebenarnya, syarikat itu adalah milik adiknya. Kesalahan dilakukan sekitar tahun 2008 dan 2009. (MStar, 27 Januari 2014)

Contoh 2: Pengetua lantik syarikat sendiri

SHAH ALAM, 27 Julai 2017 - Pengetua sekolah menengah di Pelabuhan Klang dijatuhkan hukuman penjara tiga bulan dan denda RM40,500 kerana kesalahan salah guna kuasa. Beliau didapati telah memilih syarikatnya sendiri iaitu Orean Collection untuk membekalkan bahan bantu mengajar berjumlah RM2,091.65 serta peralatan dan alat tulis berjumlah RM4,500. (Utusan Borneo Online, 28 Julai 2017)

Contoh 3: Pensyarah suami isteri bersalah salah guna kuasa

ALOR SETAR, 9 Januari 2017 - Sepasang suami isteri yang bertugas sebagai pensyarah di Kolej Komuniti Padang Terap mengaku bersalah kerana salah guna kuasa. Dalam kes ini, si isteri telah menyediakan Pesanan Kerajaan bagi pembekalan alat ganti kelengkapan elektrik yang bernilai RM34,250.25 kepada syarikat milik adiknya. Seterusnya, si suami telah memperakukan Pesanan Kerajaan tersebut. Mahkamah menjatuhkan hukuman penjara sehari dan denda RM170,251.25 kepada si suami.

Manakala, isterinya dikehendaki berkelakuan baik selama tiga tahun dengan seorang penjamin. (BH Online, 9 Januari 2017)

Hukuman berat kepada perasuah

Siasatan oleh SPRM tidak memilih siapa pelakunya. Sama ada berkedudukan tinggi atau rendah. Tiada yang istimewa, tiada yang terkecuali. Walaupun begitu, kuasa untuk mendakwa terletak sepenuhnya kepada Peguam Negara seperti mana diperuntukkan melalui Perkara 145(3) Perlembagaan Persekutuan Malaysia.

Menghadapi perbicaraan di mahkamah sudah cukup membebankan. Apatah lagi jika didapati bersalah. Hukuman bagi kesalahan rasuah ialah dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 20 tahun dan didenda tidak kurang daripada lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000, yang mana lebih tinggi. Bagi penjawat awam, hukuman penjara boleh menyebabkan mereka hilang kelayakan pencen. Perkara ini diperuntukkan di bawah Seksyen 21(1) Akta Pencen 1980, “... jika mana-mana orang yang telah diberikan pencen atau faedah lain di bawah Akta ini dikenakan hukuman mati atau penjara selama sesuatu tempoh oleh suatu Mahkamah, maka pencen atau faedah lain itu hendaklah terhenti dengan serta-merta.”

Segala harta dan hasil daripada aktiviti rasuah akan disita dan dilucut hak kepada Kerajaan Malaysia. Perkara ini merupakan tindakan tegas terhadap mereka yang terlibat rasuah. Untuk rekod, pada tahun 2019, SPRM berjaya melucut hak harta hasil daripada rasuah sebanyak RM1.285 bilion. Jumlah ini adalah rekod tertinggi bagi nilai lucut hak harta sepanjang penubuhan SPRM. (Laporan Tahunan SPRM, m.s 35)

Tidak cukup dengan itu, segala transaksi melibatkan hasil rasuah merupakan kesalahan pengubahan wang haram di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLATFPUAA 2001). Pengubahan wang haram bermaksud aktiviti penukaran wang atau harta-harta lain yang diperolehi daripada aktiviti haram (seperti pengedaran dadah, rasuah, perdagangan senjata haram, pemerdagangan manusia, samun dan jenayah) kepada wang atau pelaburan yang kelihatan sah dari segi undang-undang (Khalijah, A., Amirul, N & Zakiah, MM, 2017). Sekiranya didapati bersalah di bawah AMLATFPUAA 2001, mereka yang terlibat boleh dipenjarakan tidak lebih 15 tahun dan didenda dengan lima kali nilai hasil daripada aktiviti haram atau RM5 juta, yang mana lebih tinggi. Untuk lebih jelas, contoh kes sebenar pengubahan wang haram adalah seperti di bawah:

MELAKA, 5 Julai 2018 - Bekas Pengarah JKR Melaka dihukum penjara 22 tahun enam bulan dan didenda RM36 juta atas 15 pertuduhan rasuah dan pengubahan wang haram. Bagi 13 pertuduhan rasuah, tertuduh didapati telah menerima suapan tunai berjumlah RM196,200 di pejabat JKR Melaka antara Mac 2014 dan Ogos 2016. Manakala, bagi lima pertuduhan pengubahan wang haram bernilai lebih RM5.2 juta pula melibatkan transaksi: (a) pelaburan RM206,396.16 dalam akaun ASB 2; (b) simpanan RM506,735.92 dalam Tabung Haji; (c) wang tunai RM375,200; (d) pelaburan lebih RM1.98 juta dalam ASW 2020; dan (e)

pelaburan lebih RM2.13 juta dalam Amanah Saham Didik. (Astro Awani, 5 Julai 2018)

Inisiatif pembudayaan integriti dan benci rasuah

Isu rasuah telah menjadi salah satu keutamaan negara. Buktinya, Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023 diwujudkan khusus untuk menangani isu rasuah di negara kita. Lebih bermakna kerana pelancaran NACP disempurnakan sendiri oleh YAB Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad pada 29 Januari 2019. Dasar utama pencegahan rasuah ini mempunyai 115 inisiatif yang merangkumi enam bidang keutamaan iaitu tadbir urus politik, sektor pentadbiran awam, perolehan awam, perundangan dan kehakiman, penguatkuasaan undang-undang, dan tadbir urus korporat.

Sebanyak lapan inisiatif NACP yang memberi fokus pembudayaan integriti dalam bidang pendidikan. Perkara ini dinyatakan seperti mana inisiatif 2.4.1 yang mensasarkan guru pra-perkhidmatan dan dalam perkhidmatan; inisiatif 2.4.2 - pensyarah universiti; inisiatif 2.4.3 -pendidik dan pentadbir di Kementerian Pendidikan Malaysia; inisiatif 2.4.4 - pendidik dan pentadbir universiti; inisiatif 2.4.5 - murid prasekolah; inisiatif 2.4.6 - murid sekolah rendah; inisiatif 2.4.7 - subjek antirasuah di universiti; dan inisiatif 2.4.11 - murid sekolah menengah.

SPRM sendiri turut memberi tumpuan kepada pendidikan antirasuah di peringkat sekolah dan universiti. Berikut antara aktiviti utama yang dilaksanakan:

- a. Kursus Integriti dan Rasuah di institut pengajian tinggi (IPT) - Mulai 2018, SPRM bekerjasama dengan Kementerian Pengajian Tinggi untuk menawarkan Kursus Integriti dan Rasuah di IPT. Sehingga kini, kursus elektif ini telah ditawarkan di Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Putra Malaysia dan Kolej Universiti Islam Melaka. 12 kampus Universiti Kuala Lumpur akan menawarkan kursus ini mulai Semester 2 sesi 2020/2021. Tenaga pengajar bagi kursus ini adalah kombinasi antara pegawai SPRM dan pensyarah IPT terbabit.
- b. Angkatan Mahasiswa Antirasuah (AMAR) - AMAR merupakan kelab pelajar di IPT. Pertubuhan AMAR bermula di universiti awam pada tahun 2007 dengan nama Sekretariat Pencegahan Rasuah. Dari semasa ke semasa, lebih banyak IPT menubuhkan AMAR. Sehingga 30 November 2020, sebanyak 118 AMAR ditubuhkan di seluruh negara. Perinciannya adalah - 20 AMAR di IPT awam; 27 AMAR di Institut Pendidikan Guru; 56 AMAR di IPT di bawah MARA; dan 15 AMAR di IPT swasta.
- c. Elemen antirasuah dalam buku teks sekolah - Elemen antirasuah diperkenalkan dalam buku teks sekolah secara berperingkat mulai tahun 2016. Sehingga kini, buku teks yang telah mempunyai elemen antirasuah adalah Pendidikan Moral Tahun 6; Pendidikan Moral (SJK Cina) Tahun 6; Pendidikan Moral (SJK Tamil) Tahun 6; Pendidikan Islam Tahun 6; Pendidikan Moral Tingkatan 1; Pendidikan Moral Tingkatan 2; Bahasa Melayu Darjah 3; dan Bahasa Melayu Darjah 4.

- d. Program Wira Anti Rasuah (WAR) di sekolah - Program ini bermula pada tahun 2014 sebagai usaha menanamkan perasaan benci kepada rasuah dalam kalangan murid sekolah rendah dan menengah. Sehingga 30 November 2020, program WAR telah diadakan di 142 buah sekolah di seluruh negara, melibatkan 23,781 murid dan 4,100 guru.
- e. Projek Kedai Jujur di sekolah - SPRM dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia sedang melaksanakan projek rintis Kedai Jujur di 10 buah sekolah di sekitar Putrajaya. Objektif utama projek ini adalah menanamkan nilai integriti secara praktikal dalam kalangan murid. Projek ini akan diperluaskan di lebih banyak sekolah pada tahun hadapan.
- f. Pendidikan antirasuah melalui siri animasi popular - Strategi ini mensasarkan pendidikan antirasuah kepada murid sekolah rendah, prasekolah dan kanak-kanak. Pendekatan ini amat berkesan kerana tarikan karakter dan jalan cerita animasi yang menarik. Antara animasi yang memperkenalkan tema antirasuah adalah Boboboi: Sahabat Cilik SPRM dan Upin & Ipin: Perangi Rasuah.

Kesimpulan

Rasuah merupakan jenayah yang amat keji. Agenda menginsankan pendidikan tidak akan berhasil sekiranya rasuah masih berleluasa. Pembudayaan integriti dan antirasuah wajib dijadikan elemen utama dalam usaha menginsankan pendidikan sama ada di peringkat sekolah dan institut pengajian tinggi.

Warga pendidik mesti mengakui hakikat bahawa anda tidak kebal dengan jenayah rasuah. Kajian-kajian kes yang dinyatakan dalam kertas kerja ini membuktikan bahawa rasuah menjadi 'duri tajam' yang mampu merosakkan nama baik sektor pendidikan negara. Harus diingat, hanya integriti diri mampu menjadi benteng kukuh bagi mengelakkan diri daripada terjebak dengan godaan rasuah.

Agenda membanteras rasuah mesti dipikul oleh semua pihak. Rasuah mesti dianggap musuh nombor satu negara. Tugas memerangi rasuah tidak hanya terletak di atas bahu SPRM sahaja. Masyarakat sendiri dapat menentukan tahap rasuah di negara kita. Sekiranya anda menganggap negara kita mempunyai masalah rasuah yang serius, sebenarnya anda mempunyai peranan untuk menjadikan negara kita lebih baik. Caranya mudah. Jangan beri dan jangan terima rasuah.

Sebagai rakyat Malaysia yang bermimpikan negara bebas rasuah, laporkan pelakuan rasuah kepada SPRM. Tindakan 'tidak mahu jaga tepi kain orang' tidak akan membantu mengurangkan jenayah rasuah. Bukan sahaja lapor, tetapi bantu SPRM dalam siasatan dan pendakwaan. Hentikan kritikan tidak membina kepada SPRM. Buktikan dengan perbuatan bahawa anda benar-benar mahu membanteras rasuah.

RUJUKAN

Astro Awani (2017). *Rasuah: Guru besar dipenjara lapan bulan*. Diekstrak daripada <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/rasuah-guru-besar-dipenjara-lapan-bulan-131422>

Astro Awani (2018). *Bekas Pengarah JKR Melaka dipenjara 22 tahun, denda RM36 juta*. Diekstrak daripada <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/bekas-pengarah-jkr-melaka-dipenjara-22-tahun-denda-rm36-juta-179678>

BH Online (2017). *Pasangan Pensyarah Mengaku Terbabit Rasuah*. Diekstrak daripada <https://www.bharian.com.my/taxonomy/term/11/2017/01/232179/pasangan-pensyarah-mengaku-terbabit-rasuah>

Kerajaan Malaysia (2001). *Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001*. Percetakan Nasional Berhad, Kuala Lumpur

Kerajaan Malaysia (2009). *Akta Suruhanjaya Pencegahan rasuah Malaysia 2009*. Percetakan Nasional Berhad, Kuala Lumpur

Kerajaan Malaysia (1980). *Akta Pencen 1980*. Pesuruhjaya Penyemak dan Pembaharuan Undang-Undang

Kerajaan Malaysia. *Kanun Prosedur Jenayah*

Khalijah, A., Amirul, N & Zakiah, MM (2017). *Pengubahan Wang Haram di Malaysia: Analisis Kes Mahkamah*. *Asian Journal of Accounting and Governance* 8: 145–152 (2017) Special Issue

Malaysian Law Journals (1997). *Public Prosecutor v Datuk Harun bin Haji Idris & Ors*. 1 MLJ 14, High Court Kuala Lumpur

Mohamad Tarmize (2013). *Jerung dalam Jaring Kami*. Penerbit Bahagian Pendidikan Masyarakat, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Putrajaya

Mohamad Tarmize (2020). *Nota Pencegahan Rasuah*. Ibu Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Putrajaya

Mstar (2013). *Bekas CEO YPM Dipenjara Sehari, Denda RM300,000 Subahat Guna Dokumen Palsu*. Diekstrak daripada <https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2013/09/06/bekas-ceo-ypm-dipenjara-sehari-denda-rm300000-subahat-guna-dokumen-palsu>

MStar (2013). *Bekas Pensyarah Mengaku Salah Rasuah Beri Diploma Kepada Penuntut*. Diekstrak daripada <https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2013/01/04/bekas-pensyarah-mengaku-salah-rasuah-beri-diploma-kepada-penuntut>

MStar (2014). *Pensyarah Kolej Swasta Didenda RM25,000 Terima Rasuah*. Diekstrak daripada <https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2014/01/03/pensyarah-kolej-swasta-didenda-rm25000-terima-rasuah>

MStar (2014). *Guru Besar Salah Guna Kuasa Didenda RM148,500, Penjara Dua Tahun*. Diekstrak daripada <https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2014/01/27/guru-besar-salah-guna-kuasa-didenda-rm148500-penjara-dua-tahun>

MyMetro (2016). *Bekas Guru Buat Tuntutan Palsu Dijel 3 Tahun, Denda RM10,000*. Diekstrak daripada <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2016/10/173019/bekas-guru-buat-tuntutan-palsu-dijel-3-tahun-denda-rm10000>

Perkara 145(3) Perlembagaan Persekutuan

SPRM (2019). *Laporan Tahunan SPRM 2019*. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Putrajaya

SPRM & UPSI (2020). *Panduan Pendidikan Pencegahan Rasuah di Sekolah*, m.s 4 Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Putrajaya

United Nation Development Programme (1999). *Fighting Corruption to Improve Governance*. New York: UNDP.

Utusan Borneo Online (2017). *Pengetua dipenjara tiga bulan, denda RM40,500*. Diekstrak daripada <https://www.utusanborneo.com.my/2017/07/28/pengetua-dipenjara-tiga-bulan-denda-rm40500>

Pengaruh Motivasi Pelajar Dalam Program Latihan Kebolehpasaran Di Era Revolusi Industri 4.0

¹Mohd Hazwan Mohd Puad, ²Nor Suhaila Mad Nawe
^{1,2}Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia
¹hazwan@upm.edu.my, ²suhailaaa94@gmail.com

ABSTRAK

Pengenalan- Dalam menghadapi cabaran dunia seperti ketidaktentuan ekonomi global, ancaman wabak pandemik COVID-19, penyelarasan norma baharu, dan perubahan sistem kesihatan awam, isu pengangguran graduan pengajian tinggi terus mendapat perhatian semua pihak. Kebolehpasaran graduan menjadi subjek utama perbincangan bagi membantu mengatasi masalah pengangguran dalam negara yang terkesan akibat cabaran tersebut. Program latihan kebolehpasaran graduan merupakan antara usaha berterusan bagi melahirkan tenaga kerja negara yang berpengetahuan dan berkemahiran serta kompeten menghadapi cabaran di era Revolusi Industri 4.0.

Objektif – Kajian ini bertujuan untuk meneroka faktor pembentukan motivasi pelajar yang terlibat dalam program latihan kebolehpasaran dan mengkaji kesan daripada pembentukan motivasi.

Metodologi – Kajian kualitatif ini melibatkan seramai dua orang pelajar dari program kebolehpasaran graduan yang dianjurkan oleh Pusat Pembangunan Keusahawanan dan Kebolehpasaran Graduan (CEM) di Universiti Putra Malaysia (UPM) yang dipilih sebagai informan kajian. Teknik pengumpulan data yang digunakan ialah temu bual separa berstruktur. Pengkaji adalah instrumen dalam kajian ini.

Dapatan – Dapatan kajian menemukan bahawa terdapat beberapa faktor pembentukan motivasi pelajar yang terlibat dalam program latihan kebolehpasaran iaitu faktor diri sendiri, minat, keluarga, jaminan kerja, persekitaran, penganjur program, sikap, dan pengaruh media.

Kepentingan – pengenalpastian faktor dan hasil pembentukan motivasi memberi informasi yang signifikan kepada pihak penganjur untuk membantu pelajar meningkatkan kemahiran kebolehpasaran, kepuasan dan minat. Pihak universiti dicadangkan memperkenalkan pelbagai program latihan kebolehpasaran graduan untuk meningkatkan kemahiran dan daya saing pelajar dalam menghadapi ketidaktentuan cabaran dunia pekerjaan pada hari ini.

Kata Kunci: program latihan kebolehpasaran, motivasi intrinsik, motivasi ekstrinsik

Pengenalan

Pada hari ini, pelbagai isu dan cabaran telah melanda dunia. Isu dan cabaran seperti pandemik Covid-19 yang mengakibatkan ketidakpastian ekonomi global, pengenalan dan pembudayaan norma baharu sebagai gaya hidup terkini, rombakan dan penambahbaikan sistem kesihatan awam, hambatan teknologi dalam era Revolusi Industri 4.0 dan pengangguran pekerjaan graduan yang tinggi dalam kalangan graduan. Pihak kerajaan bersama-sama dengan pihak swasta sedang berusaha untuk mencari jalan keluar dari masalah tersebut dengan pelbagai pelan rangsangan dan inisiatif ekonomi kepada negara.

Di antara isu yang dekat kepada pelajar dan bidang pendidikan ialah kebolehpasaran graduan dari institusi pengajian tinggi. Kebolehpasaran graduan menjadi subjek utama perbincangan bagi membantu mengurangkan masalah pengangguran akibat hambatan dan cabaran dunia dalam memasuki era Revolusi Industri 4.0. Kelayakan dan sijil akademik bukan lagi jaminan kebolehpasaran para graduan. Ini kerana majikan juga mengambil kira nilai tambah kualiti graduan seperti kemahiran, keistimewaan dan kelebihan peribadi untuk merebut peluang pekerjaan. Nilai tambah graduan ini memberi keuntungan kepada majikan dalam mengharungi dunia Revolusi Industri 4.0 kelak (Haron, 2018). Tambahan pula, isu kualiti graduan yang rendah dan tidak kompeten dengan tempat kerja terus memberikan cabaran kepada majikan dalam mencorak persiapan ke era Revolusi Industri 4.0 (Makhbul, 2013; Othman, Ismail & Awang, 2011).

Bagi graduan yang dapat menguasai kemahiran kebolehpasaran, mereka mempunyai banyak kelebihan berbanding graduan lain. Graduan yang dilengkapi kemahiran kebolehpasaran yang tinggi akan lebih berpeluang untuk mendapat pekerjaan (Husain et al., 2010; Taylor, 2005). Graduan berkemahiran tinggi juga menjadi calon utama kepada majikan dalam memilih pekerja kerana pekerja yang mahir dan berpengetahuan akan lebih berdaya tahan tinggi dan kalis cabaran masa hadapan termasuk Revolusi Industri 4.0 (Puad, 2018). Dalam kajian Husain et al. (2010) juga menunjukkan bahawa majikan sangat menitikberatkan kemahiran para graduan. Ini kerana penguasaan kemahiran kebolehpasaran graduan membolehkan mereka bersaing dalam pasaran ekonomi global (Mustapha & Abiddin, 2008).

Perubahan ekonomi dan persaingan pekerjaan yang berlaku dalam dunia hari ini memerlukan institusi pendidikan menyediakan sumber tenaga kerja yang memiliki kemahiran kebolehpasaran (Majid, 2019; Saunders & Zuzel, 2010). Institusi pendidikan perlu mengikut perubahan dinamik yang berlaku dalam industri di seluruh dunia. Kurikulum institusi pendidikan perlu dikemaskini dengan lebih kerap agar dapat mengikut perubahan yang berlaku dalam industri sekaligus menyediakan graduan dengan kemahiran yang relevan untuk mereka mencari kerja. Kemahiran kebolehpasaran yang relevan di alam pekerjaan dapat membantu graduan untuk bekerja pada tahap tertinggi dalam bidang yang mereka ceburi.

Institusi pengajian tinggi dan pusat latihan telah menawarkan program-program latihan yang dapat membantu graduan bersaing di industri secara terbuka. Program latihan kebolehpasaran seperti Professional Training and Education for Growing Entrepreneurs

(PROTÉGÉ), Graduate Career Accelerated Programme (GCAP) telah diwujudkan untuk memberi peluang kepada pelajar untuk meningkatkan tahap kemahiran kebolehpasaran mereka sebelum menceburi alam pekerjaan (Centre of Entrepreneurial Development and Graduate Marketability, 2020; Professional Training & Education For Growing Entrepreneurs, 2020; Puad & Desa, 2020; Talent Corporation Malaysia Berhad, 2020). Program latihan kebolehpasaran seperti ini melatih graduan dengan kemahiran dan teknologi yang terkini dan sesuai dengan keperluan industri semasa. Program Intervensi GE (Graduate employability) menyediakan program bagi meningkatkan kemahiran insaniah, nilai tambah graduan dari aspek kelayakan profesional. Program intervensi ini juga membantu pelajar memperoleh pekerjaan yang relevan dengan kelayakan mereka serta memenuhi keperluan majikan dalam pelbagai sektor.

Kementerian Pendidikan melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2015-2025) Pendidikan Tinggi telah menggariskan 10 lonjakan bagi mencorakkan landskap pendidikan tinggi. Salah satu 10 lonjakan termasuklah pembentukan graduan holistik yang mempunyai ciri keusahawanan dan kebolehpasaran. Adalah menjadi tanggungjawab semua institusi pendidikan pada hari ini untuk mempersiapkan graduan dengan kemahiran kebolehpasaran agar mereka kompetitif dalam mencari pekerjaan dan cemerlang dalam kerjaya (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015).

Penglibatan pelajar dalam program latihan kebolehpasaran masih pada tahap yang sederhana dan menimbulkan kebimbangan kepada negara dalam menghadapi Revolusi Industri 4.0 (Bakhtiar, 2017). Ang (2015) berpendapat faktor motivasi dapat membantu penyertaan dan kejayaan pelajar dalam program latihan kebolehpasaran. Ini kerana motivasi adalah faktor yang dapat mengubah persepsi dan tingkah laku pelajar (Steers & Porter, 2003). Seterusnya, mempengaruhi keputusan dan tindakan pelajar untuk menyertai program latihan kebolehpasaran yang akan dapat meningkatkan kemahiran mereka sebelum memasuki dunia pekerjaan.

Menurut Miaat (2014) dan Ismail (2012), pihak institusi pendidikan perlu sentiasa berusaha untuk memperbaiki program-program akademiknya dan mencipta program latihan kebolehpasaran yang dapat menarik minat serta membangkitkan motivasi pelajar. Kekangan masa dan kepadatan jadual pelajar antara faktor yang menghalang pelajar terlibat dalam program latihan kebolehpasaran. Walau bagaimanapun, dengan motivasi dan galakan yang tepat dari institusi pendidikan, pelajar akan berusaha memperbaiki pengurusan masa mereka dan mengambil bahagian dalam program latihan kebolehpasaran. Program latihan kebolehpasaran graduan adalah usaha berterusan bagi melahirkan tenaga kerja negara yang berpengetahuan dan berkemahiran serta kompeten menghadapi cabaran di era Revolusi Industri 4.0. Oleh itu, kajian ini bertujuan melihat faktor pembentukan dan kesan pembentukan motivasi pelajar dalam program latihan kebolehpasaran CEM di Universiti Putra Malaysia.

Motivasi dan Minat Pelajar untuk Meningkatkan Kemahiran kebolehpasaran

Motivasi didefinisikan sebagai keinginan yang tinggi pada diri seseorang yang mendorong untuk berusaha atau melakukan sesuatu dengan tujuan untuk mencapai kejayaan. Motivasi

intrinsik ialah keinginan dari diri sendiri untuk bertindak tanpa adanya rangsangan dari luar. Tanpa ada motivasi dalam diri, seseorang itu akan tidak bersemangat dalam melibatkan diri dengan program yang dianjurkan. Menurut Jasmi (2012) pengaruh elemen motivasi memberi impak kepada prestasi kerja serta organisasi keseluruhan. Faktor motivasi mendorong seseorang menjadi lebih baik dalam diri mereka. Dengan adanya faktor motivasi, penglibatan pelajar menjadi lebih aktif. Dalam kajian Clements and Kamau (2018) menunjukkan bahawa pelajar-pelajar yang menyertai program latihan kebolehpasaran dikategorikan sebagai tingkah laku proaktif kerjaya dan rangkaian pembangunan diri. Motivasi juga akan mendorong seseorang melakukan kerja yang lebih baik (Locke & Latham, 2013).

Minat juga boleh mendorong seseorang menyertai dengan program latihan kebolehpasaran. Pelajar yang bermotivasi akan mendorong dirinya sendiri untuk berusaha mendapat kemahiran yang diperlukan untuk keperluan kerjaya kerana pelajar jelas dengan matlamatnya iaitu mendapatkan kemahiran untuk mendapat pekerjaan. Ini disokong oleh Fishben dan Ajzen (1975) bahawa minat dan tekad untuk terlibat di dalam sesuatu aktiviti adalah berdasarkan kepada pengetahuan seseorang, pemerhatiannya dan juga maklumat lain yang diperoleh daripada pemerhatian tersebut termasuk motivasi.

Keluarga juga merupakan faktor yang mendorong pelajar terlibat dengan program latihan kebolehpasaran. Faktor latar belakang keluarga termasuklah saiz keluarga, gaya asuhan, status ekonomi sosial, pendidikan ibu bapa, perhubungan anak dengan ibu bapa dan sebagainya (Najmuddin, 2003). Hasil kajian Othman dan Misman (2010) mendapati majoriti keluarga menggalakkan pelajar menceburi bidang keusahawanan. Ini boleh dibahagikan dengan galakan dari segi dorongan dan pujian kepada anak-anak terhadap pekerjaan yang mereka lakukan. Keadaan ini merupakan dorongan dalaman dan bentuk penghargaan kepada mereka agar lebih bersemangat dan boleh mempengaruhi perubahan sikap anak-anak ini kepada yang lebih baik.

Kemahiran Kebolehpasaran dalam Era Revolusi Industri 4.0

Data laporan pengesanan graduan Kementerian Pengajian Tinggi pada tahun 2018 menunjukkan semua bidang pengajian menghadapi masalah pengangguran bermula dari peringkat sijil, diploma dan ijazah pertama. Faktor pengangguran ialah seperti kekosongan pekerjaan yang sedia ada tidak dapat dipenuhi atas sebab-sebab dari pihak majikan dan pihak menganggur (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020). Di antara sebab ialah ketidakpadanan antara penawaran dan permintaan graduan. Sebahagian majikan melaporkan bahawa sesetengah graduan lemah dari segi pengetahuan, kemahiran dan sikap. Dalam kajian Husain et al. (2014), majikan percaya bahawa kemahiran kebolehpasaran pelajar boleh ditingkatkan menerusi pelbagai cara seperti latihan, kursus, bengkel, kurikulum dan pelbagai lagi. Data temu bual mendapati bahawa majikan tidak berpuas hati terhadap penguasaan kemahiran kebolehpasaran pelajar terutamanya daripada aspek komunikasi, kepimpinan, pemikiran kritikal dan penyelesaian masalah, penggunaan teknologi dan keusahawanan.

Menurut Tran (2014) menyatakan bahawa institusi pendidikan fokus kepada pengetahuan akademik tetapi tidak kepada kemahiran kebolehpasaran. Ini menyebabkan graduan tidak dilengkapi kemahiran kebolehpasaran secukupnya untuk mereka bersaing dalam era Revolusi Industri 4.0. Di era ini, institusi pendidikan perlu memainkan peranan penting dalam melahirkan modal insan berpengetahuan dan berkemahiran kebolehpasaran tinggi. Institusi pendidikan pada hari ini perlu menjadi agen untuk melahirkan graduan yang berkemahiran tinggi seterusnya meningkatkan peluang mereka untuk mendapatkan pekerjaan kompetitif dan mencabar dalam era Revolusi Industri 4.0. (Maniam & Yeun, 2007).

Seiring dengan keperluan Revolusi Industri 4.0 ini, pihak Pusat Pembangunan Keusahawanan dan Kebolehpasaran Graduan (CEM) di Universiti Putra Malaysia (UPM) telah mengadakan inisiatif untuk meningkatkan kualiti dan kemahiran graduan. Pelbagai program yang telah diatur dan dirancang untuk membentuk dan membangun potensi pelajar, mendidik pelajar dalam pendidikan kerjaya dan meningkatkan kemahiran kebolehpasaran pelajar (Centre of Entrepreneurial Development and Graduate Marketability, 2020). Program di CEM ini adalah terbuka kepada semua pelajar UPM yang berminat dan ingin menceburkan diri dalam bidang keusahawanan selari dengan keperluan Revolusi Industri 4.0. Pelajar akan dilatih dan dibimbing untuk menjadi seorang usahawan yang berjaya dalam bidang masing-masing tanpa mengabaikan keperluan akademik pelajar. Situasi ini adalah situasi menang-menang kerana pihak pelajar dapat menambah nilai kepada kualiti pendidikan yang mereka sedang pelajari dengan kemahiran kebolehpasaran yang sangat diperlukan di industri pada hari ini.

Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menekankan situasi, konteks dan pengalaman asli dari informan kajian untuk mengkaji pembentukan dan kesan motivasi pelajar dalam penglibatan program latihan kebolehpasaran Pusat Pembangunan Keusahawanan dan Kebolehpasaran Graduan (CEM) di Universiti Putra Malaysia (UPM). Oleh sebab itu, kajian ini hanya merujuk kepada situasi dan pengalaman informan sahaja dan tidak semestinya sama dengan individu lain. Pengkaji menggunakan kaedah temu bual separa berstruktur dan bertindak sebagai instrumen dalam kajian ini yang menemu bual informan. Soalan jenis terbuka diguna pakai bagi mendapatkan data dari informan terlibat. Soalan temu bual telah disahkan oleh dua orang pakar dalam bidang Pendidikan Teknikal dan Vokasional dan Latihan (TVET) dan mahir dalam kajian kualitatif dari Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia.

Seramai dua orang pelajar telah mengambil bahagian dalam kajian ini. Kedua-dua orang informan kajian ini telah terlibat dalam program kebolehpasaran yang dianjurkan oleh Pusat Pembangunan Keusahawanan dan Kebolehpasaran Graduan (CEM) di Universiti Putra Malaysia (UPM). Kebenaran menjalankan kajian telah dimohon dari pihak pentadbir fakulti informan kajian yang terlibat serta CEM di UPM. Setelah mendapat persetujuan untuk ditemu bual, penyelidik membuat temu janji dengan informan kajian pada satu masa tertentu secara berasingan bagi memberi peluang kepada informan menceritakan pengalaman mereka secara jelas dan selesa tanpa desakan dan gangguan. Sesi temu bual

telah dijalankan secara bersemuka antara pengkaji dan informan tanpa dihadiri orang lain. Peraturan dan panduan asas temu bual dibacakan secara ringkas kepada informan sebelum temu bual dimulakan. Soalan temu bual dibaca satu persatu dengan ayat dan bahasa yang lebih mudah difahami oleh informan. Dalam sesi ini, pengkaji memastikan informan memahami soalan dengan tepat dan menjawab dengan tenang serta jujur. Sesi temu bual ini dirakamkan dengan telefon pintar dengan kebenaran informan. Setelah selesai temu bual, rakaman ini berulang kali oleh pengkaji dan setiap perkataan ditranskrip ke bentuk penulisan. Kesahan data dilakukan selepas transkrip temu bual lengkap diberikan kepada informan.

Analisis berasaskan tema digunakan penyelidik dalam menghuraikan data kajian kualitatif ini. Penyelidik mengenal pasti, menganalisis, dan melaporkan tema secara terperinci dari data yang diperolehi. Proses pertama dalam menganalisis data ialah membiasakan dengan data. Pengkaji membaca berulang-ulang kali kedua-dua transkrip temu bual dari kedua-dua informan. Kemudian, pengkaji membina kod dari transkrip. Daripada kod yang telah dibina, pengkaji membuat perkaitan dan perbandingan antara kod-kod bagi membentuk tema dan kerangka tema. Tema-tema yang telah didapati dinilai dan diterjemahkan sesuai dengan konteks kajian ini melalui objektif dan persoalan kajian. Seterusnya, pengkaji membentuk tema dengan kod yang berwarna untuk membezakan tema dan melaporkannya sebagai hasil dapatan kajian. Dapatan

Hasil Dapatan Kajian dan Perbincangan

Dalam kajian ini, informan atau pemberi maklumat digunakan untuk mendapatkan maklumat berkaitan objektif yang telah ditetapkan. Terdapat dua orang pelajar yang telah dipilih sebagai informan dan terlibat dengan program latihan kebolehpasaran CEM di UPM. Latar belakang dua orang pelajar yang telah tersebut adalah seperti dalam Jadual 1.

Terdapat beberapa faktor motivasi yang mendorong pelajar UPM untuk menyertai program latihan kebolehpasaran CEM seperti faktor motivasi dalaman dan luaran. Antara faktor yang dikenal pasti adalah faktor diri sendiri, minat, keluarga, jaminan kerja, persekitaran, Pusat Pembangunan Keusahawanan dan Kebolehpasaran Graduan (CEM), sikap dan pengaruh media. Jadual 2 di bawah menunjukkan kerangka tema bagi faktor pembentukan motivasi pelajar dalam program kebolehpasaran CEM di UPM.

Jadual 1
Maklumat Informan Kajian

Informan A	Informan B
Nama: Zulaikha (bukan nama sebenar)	Nama: Sumayyah (bukan nama sebenar)
Jantina: Perempuan	Jantina : Perempuan
Asal: Kelantan	Asal : Terengganu
Umur: 25 tahun	Umur : 23 tahun
Tempat belajar: UPM (graduan)	Tempat belajar: UPM
Program pengajian diambil: Sains makanan	Program pengajian diambil: Pendidikan Sains Rumah tangga

Jadual 2

Pembentukan Motivasi Pelajar dalam Program Latihan Kebolehpasaran

Tema	Kategori	Sub Kategori
Motivasi intrinsik	Diri sendiri	Tiada pengaruh luar Tiada paksaan Semangat memajukan diri
	Minat	Minat Cita-cita Pengetahuan Dalam diri Persekitaran
Motivasi ekstrinsik	Keluarga	Sokongan dan nasihat dari keluarga Ingin membantu keluarga
	Jaminan kerja	Sistem pendidikan semasa Peluang dan potensi pekerjaan masa hadapan
	Persekitaran CEM	persekitaran tempat kerja dan belajar Dorongan dari program CEM Program CEM menarik minat pelajar Peranan tenaga pengajar dari program CEM Hasil penglibatan pelajar dari program CEM
	Sikap	Ingin memajukan diri Sifat positif dalam diri Mendorong kepada pelajar
	Pengaruh Media	Ceramah Video Sosial

Dapatan kajian menunjukkan tema major adalah motivasi intrinsik dan ekstrinsik. Motivasi intrinsik atau dalaman ialah dorongan peribadi yang membentuk tingkah laku yang menghasilkan prestasi kerja untuk terlibat dalam program latihan kebolehpasaran. Motivasi intrinsik juga menghasilkan tindakan untuk diri sendiri. Motivasi ekstrinsik atau luaran pula ialah dorongan luar yang membentuk tingkah laku dan prestasi kerja individu. Motivasi luaran juga menghasilkan tindakan bukan untuk diri sendiri tetapi kerana sokongan faktor luar. Faktor motivasi luaran ini juga ada membentuk dan mendorong penyertaan pelajar ke program latihan kebolehpasaran CEM di UPM.

Jadual 2 juga menunjukkan terdapat pelbagai dua kategori pembentukan motivasi pelajar ke program latihan kebolehpasaran CEM di UPM dari tema motivasi intrinsik iaitu diri sendiri dan minat. Informan A dan B telah menyatakan sebab utama penyertaan mereka ke dalam program adalah kerana diri mereka sendiri yang berusaha memajukan diri sendiri tanpa paksaan dari orang lain. Faktor diri sendiri ini menyebabkan pelajar lebih bersemangat untuk menyertai program latihan kebolehpasaran CEM tanpa dipengaruhi orang lain. Semangat ini membantu individu untuk terus memajukan diri pada masa hadapan. Faktor diri sendiri merupakan tunjang utama dalam pembentukan motivasi dalam

diri pelajar dalam penglibatan program latihan kebolehpasaran. Motivasi intrinsik keinginan dari diri sendiri untuk bertindak tanpa adanya rangsangan dari luar (Elliot & Harackiewicz, 1994). Faktor diri sendiri lebih berpengaruh kerana tiada pengaruh luar. Yang ada hanyalah kerana ia datang daripada dalam diri informan. Faktor minat pula diluahkan sendiri oleh kedua-dua informan A dan B yang menyatakan berminat dalam bidang keusahawanan dan berpotensi mengembangkan kebolehan dan kemahiran peribadi ke tahap yang lebih tinggi. Menurut Fishben dan Ajzen (1975) bahawa minat dan tekad untuk terlibat di dalam sesuatu aktiviti adalah berdasarkan kepada pengetahuan seseorang, pemerhatiannya dan juga maklumat lain yang diperoleh daripada pemerhatian tersebut termasuk motivasi.

Faktor keluarga dari tema motivasi ekstrinsik juga menyumbang kepada pembentukan motivasi penyertaan pelajar ke dalam program latihan kebolehpasaran CEM. Pihak keluarga informan A dan B memberi sokongan dan nasihat dalam membantu informan memilih bidang pengajian dan menyertai program kebolehpasaran. Ada terdapat juga ahli keluarga informan B juga bergiat aktif dalam bidang keusahawanan selepas menyertai program kebolehpasaran yang ada di tempat lain. Selain itu, faktor jaminan kerja juga menyumbang kepada pembentukan motivasi pelajar. Informan A dan B sama-sama telah mengenal pasti peluang dan potensi kerjaya pada masa hadapan yang banyak berlatar belakangkan keusahawanan. Oleh sebab itu, informan bersetuju bidang keusahawanan memberi potensi yang besar kepada kerjaya mereka dan dapat menjamin masa depan mereka. Tambahan pula faktor persekitaran juga memainkan peranan besar dalam membentuk motivasi untuk menyertai program latihan kebolehpasaran. Persekitaran kawasan tempat tinggal dan belajar berlatar belakangkan perniagaan dan industri. Di samping itu, rakan-rakan juga ada yang terlibat dengan aktiviti perniagaan kecil-kecilan dan ini membantu membentuk motivasi informan. Faktor latar belakang keluarga termasuklah saiz keluarga, gaya asuhan, status ekonomi sosial, pendidikan ibu bapa, perhubungan anak dengan ibu bapa dan sebagainya. Oleh itu, faktor keluarga mempengaruhi informan menyertai program CEM di UPM. Ini boleh dibahagikan dengan galakan dari segi dorongan dan pujian kepada anak-anak terhadap pekerjaan yang mereka lakukan. Keadaan ini merupakan dorongan dalaman dan bentuk penghargaan kepada mereka agar lebih bersemangat dan boleh mempengaruhi perubahan sikap anak-anak ini kepada yang lebih baik.

Hasil dapatan kajian juga menunjukkan informan A dan B bermotivasi menyertai program latihan kebolehpasaran CEM kerana pihak CEM sendiri yang proaktif membantu pelajar. Pihak CEM sentiasa membantu dan mendorong pelajar untuk terlibat dengan program kebolehpasaran, ini terbukti apabila informan A dan B menunjukkan kesungguhan kepada pelajar yang terdahulu dalam program kebolehpasaran. Mereka berjaya dan dapat menyeimbangkan tanggungjawab mereka sebagai pelajar di universiti. Program latihan kebolehpasaran CEM itu sendiri dihebahkan dengan baik oleh pihak CEM dan mempengaruhi motivasi pelajar. Tenaga pengajar dari CEM juga memainkan peranan mereka dengan cemerlang dalam mendorong pelajar untuk terlibat dalam program kebolehpasaran anjuran pihak mereka. Tambahan pula, hasil program ini dipandang tinggi

oleh pelajar. Pelajar terdahulu yang telah menyertai program latihan kebolehpasaran menunjukkan prestasi yang baik dalam bidang keusahawanan dan dipandang tinggi oleh pelajar lain. Kurikulum juga berfungsi sebagai segala rancangan yang dikendalikan oleh sesebuah sekolah atau institusi pelajaran untuk mencapai matlamat pendidikan yang mengandungi segala ilmu pengetahuan serta kemahiran, nilai-nilai dan norma, unsur kebudayaan pada ahli-ahlinya. Oleh itu, informan lebih bersemangat untuk bersama dengan pihak CEM. Setelah menyertai program CEM, informan menyatakan banyak perkara baru yang telah diajar oleh pihak CEM dan informan tekad untuk membuka perniagaan sendiri kerana pihak CEM selalu membantu. Dapatan ini disokong oleh dalam kajian Nooraini dan Siti Soleha (2008). Kurikulum yang sesuai dan menarik boleh mengubah tanggapan atau menarik minat pelajar terhadap sesuatu program.

Selain itu, faktor sikap pelajar juga memainkan peranan besar dalam membentuk motivasi pelajar. Sikap ingin memajukan diri, sentiasa berfikiran positif dan oportunistik, dan membantu pelajar lain dalam menyelesaikan masalah juga antara yang telah dinyatakan oleh kedua-dua informan hasil sesi temu bual. Pelajar itu sendiri yang mempunyai karakter yang kuat dan menarik seperti berusaha memperbaiki keadaan diri, berfikir secara positif dalam setiap masa dan sikap mulia membantu pelajar lain dapat membentuk motivasi informan untuk terlibat dalam program latihan kebolehpasaran CEM. Daripada hasil kajian, informan menjelaskan sikap sangat penting untuk meningkatkan motivasi dan kemahiran dalam diri. Sikap yang baik akan membentuk motivasi dan minat untuk belajar kerana wujudnya matlamat (Halimah Harun, 2006).

Pengaruh media juga membolehkan pelajar lebih bermotivasi dalam menyertai program latihan kebolehpasaran CEM di UPM. Informan A menyatakan video berkaitan usahawan membantu membentuk motivasi mereka untuk lebih bersemangat bekerja dan melatih diri berfikir positif. Daripada informan B, dia sering mendengar ceramah yang menyebabkan dia lebih kuat berusaha dan bersemangat dalam menyertai program latihan kebolehpasaran CEM di UPM. Kedua-dua informan juga bersetuju pengaruh media sosial juga membentuk motivasi mereka dalam menyertai program latihan kebolehpasaran CEM.

Berdasarkan hasil dapatan kajian, terdapat beberapa kesan pembentukan motivasi dalam penglibatan program latihan kebolehpasaran CEM di UPM. Daripada hasil temu bual yang dijalankan, terdapat beberapa kesan pelajar setelah menyertai program CEM. Antara kesan yang dikenal pasti adalah peningkatan kemahiran insaniah pelajar, kepuasan pelajar dan peningkatan minat dengan program CEM. Hasil dapatan ini ditunjukkan dalam Jadual 3 di bawah.

Jadual 3

Kesan Motivasi Pelajar dalam Penglibatan Program Latihan Kebolehpasaran

Tema	Kategori	Sub kategori
Iklm perhubungan pelajar dengan motivasi dalam program latihan kebolehpasaran CEM	Kesan pembentukan motivasi	Peningkatan kemahiran insaniah Kepuasan pelajar Peningkatan minat dalam program kebolehpasaran dan keusahawanan

Hasil temu bual informan mendapati pelajar dapat meningkatkan kemahiran insaniah mereka selepas menghadiri dan terlibat dalam program latihan kebolehpasaran CEM di UPM. Informan menyatakan kemahiran komunikasi, berfikir secara kritis, mengambil peluang perniagaan, kepemimpinan, dan interpersonal mereka meningkat dan berkembang sepanjang menghadiri program latihan kebolehpasaran CEM. Pelbagai aktiviti dan program yang telah diatur terbukti dapat memberi pendedahan kepada peserta dan meningkatkan kemahiran insaniah peserta program CEM. Keyakinan peserta program juga meningkat untuk terus cecak dalam menjalankan perniagaan kelak. Informan juga menceritakan kepentingan peluang pekerjaan untuk masa kini ekoran daripada peluang pekerjaan yang ditawarkan terhad. Memiliki kerjaya sejurus seorang graduan menamatkan pengajian di sesebuah pusat pengajian tinggi adalah salah satu ukuran kebolehpasaran siswazah. Graduan program kebolehpasaran telah menjadi semakin penting bagi melahirkan kakitangan yang berkualiti. Pelajar dan graduan perlu melibatkan diri dengan program latihan kebolehpasaran CEM supaya kemahiran dapat dipertingkatkan (Tran, 2014).

Selain itu, kesan pembentukan motivasi pelajar dalam program latihan kebolehpasaran CEM adalah peserta berpuas hati terhadap program CEM. Daripada hasil temu bual, informan A berpuas hati dengan prestasi diri sendiri selepas menyertai program CEM. Informan A menyatakan beliau rasa seronok dan puas hati selepas melibatkan diri dalam program CEM. Informan B juga menyatakan perkara yang sama dengan tambahan program latihan CEM melangkaui apa yang dijangkakan sebelum ini dan sangat berguna kepada mereka untuk memulakan kerjaya dalam bidang keusahawanan.

Daripada hasil temu bual dijalankan, kedua-dua informan lebih berminat dengan program CEM di UPM selepas menyertainya. Informan A menyatakan dia lebih berminat dalam keusahawanan selepas menyertai program CEM. Hal ini kerana pihak CEM memberi sokongan kepada pelajar yang betul-betul minat dalam kemahiran kebolehpasaran dan keusahawanan. Terdapat dialog yang dinyatakan oleh informan A kepada pengkaji:

Selepas menyertai program latihan kebolehpasaran CEM, minat informan terhadap bidang keusahawanan dan program kebolehpasaran semakin bertambah. Kedua-dua informan menyatakan potensi diri mereka bertambah dan semakin jelas ke arah perniagaan dan keusahawanan. Program latihan kebolehpasaran CEM telah dapat membimbing mereka dan mendorong mereka untuk terlibat secara serius dan sistematik dalam bidang

keusahawanan kelak. Segala tunjuk ajar, pengetahuan, panduan telah diberikan dengan baik semasa program latihan.

Kesan daripada pembentukan motivasi juga, pelajar berpuas hati dengan program latihan kebolehpasaran dan keusahawanan di UPM di mana hasil kajian mendapati informan menjelaskan bahawa mereka sangat seronok dalam penglibatan program CEM di UPM. Berdasarkan dapatan diperoleh, pelajar sangat berpuas hati kerana pihak CEM sendiri memberi dorongan kepada pelajar untuk menyertai program latihan kebolehpasaran dan keusahawanan. Teori Dua Faktor tentang kepuasan kerja. Frederick Herzberg mengemukakan teori motivasi berdasarkan teori dua faktor iaitu motivasi dan hygiene. Faktor motivasi terdiri daripada enam dimensi kerja iaitu pencapaian, pengiktirafan, kenaikan pangkat, pekerjaan itu sendiri, peluang untuk berkembang dan tanggungjawab (Salleh, 2001).

Akhir sekali, daripada pembentukan motivasi juga, pelajar lebih berminat untuk menyertai program latihan kebolehpasaran dan keusahawanan. Berdasarkan dapatan kajian diperoleh, selepas menyertai program CEM di UPM, pelajar lebih berminat kerana program yang dianjurkan oleh pihak CEM menarik dan pihak CEM membantu pelajar meningkatkan kemahiran. Kedua-dua informan menyatakan selepas menyertai program CEM mereka akan membuka perniagaan sendiri kerana mereka mempunyai ilmu keusahawanan hasil daripada melibatkan diri dalam program latihan kebolehpasaran dan keusahawanan di UPM. Penguasaan kerja pada masa hadapan sebagai sumber motivasi untuk meningkatkan tingkah laku.

Kesimpulan

Secara kesimpulan, pelajar mendapat pelbagai manfaat apabila melibatkan diri dalam program latihan kebolehpasaran CEM di UPM. Dalam kajian ini, motivasi pelajar untuk terlibat dalam program latihan kebolehpasaran dan keusahawanan datang dari diri sendiri dan pengaruh luar yang dikenali sebagai motivasi ekstrinsik. Dengan memberi pendedahan ilmu kemahiran kebolehpasaran dan keusahawanan kepada mereka, secara tidak langsung dapat mendorong pelajar untuk berminat menyertai program kebolehpasaran dan keusahawanan. Implikasinya, program kebolehpasaran dan keusahawanan ini dapat berkembang dengan lebih pesat di dalam negara dan dapat bersaing dengan negara-negara maju.

Seperti yang diketahui, dalam era globalisasi kini, peluang pekerjaan terhad kepada graduan. Oleh itu, program latihan kebolehpasaran dan keusahawanan sangat penting bagi memberi peluang kepada pelajar untuk meningkatkan kemahiran dalam diri pelajar. Secara tidak langsung, negara dapat melahirkan graduan yang berkemahiran dan status ekonomi dapat meningkat melalui perniagaan. Program kebolehpasaran dan keusahawanan dapat melahirkan pelajar yang berjaya terutamanya dalam keusahawanan. Namun, terdapat juga pelajar tidak berminat dengan program kebolehpasaran dan keusahawanan. Jadi, kajian ini telah meneliti pendapat informan tentang program kebolehpasaran dan keusahawanan di UPM. Oleh itu, usaha yang baik perlu diteruskan bagi meningkatkan minat pelajar bagi

melibatkan diri dalam program kebolehpasaran dan keusahawanan secara langsung dan tidak langsung.

Hasil daripada kajian ini mendapati guru dan pensyarah tidak memainkan peranan dalam pembentukan motivasi pelajar terhadap program latihan kebolehpasaran. Seharusnya, pendidik harus mendidik pelajar melibatkan diri dalam program kemahiran kebolehpasaran. Jadi, hasil kajian ini dapat memberi panduan kepada guru dan pensyarah untuk memainkan peranan bagi meningkatkan motivasi pelajar dalam melibatkan diri dengan program kemahiran kebolehpasaran dan keusahawanan. Pensyarah-pensyarah di institut pengajian tinggi perlu memainkan peranan bagi membentuk motivasi pelajar untuk menyertai program kebolehpasaran dan keusahawanan. Tanpa perkongsian ilmu dalam bidang program kemahiran kebolehpasaran dan keusahawanan, bagaimana pelajar dapat hendak aplikasikan untuk alam pekerjaan kelak. Daripada kajian ini, guru dan pensyarah dapat seharusnya membantu mengetahui faktor-faktor pembentukan motivasi pelajar, perlu mempunyai idea yang kreatif bagi menarik pelajar untuk berminat dengan program kebolehpasaran dan keusahawanan.

Kementerian Pendidikan Tinggi (KPM) telah memperkenalkan program intervensi kebolehpasaran graduan khususnya Universiti Awam, Politeknik dan Kolej Komuniti. Program Intervensi GE menyediakan program bagi meningkatkan nilai tambah graduan daripada aspek kelayakan profesional, keterampilan diri dan sahsiah bagi membantu pelajar-pelajar memperoleh pekerjaan dan relevan dengan keperluan majikan dalam pelbagai sektor. Program seperti ini dapat memberi ruang dan peluang kepada pelajar untuk menyertai program kebolehpasaran di tempat pengajian mereka. Pihak kerajaan perlu memperuntukkan lebih banyak peruntukan untuk membangunkan program latihan kebolehpasaran di institusi tinggi bagi meningkatkan penglibatan pelajar dalam program latihan kebolehpasaran.

Rujukan

Ang, M. C. H. (2015). Graduate employability awareness: A gendered perspective. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 211, 192-198.

Bakhtiar, A. A. A.(2017). Hubungan di antara kemahiran employability dengan faktor demografi dan konsep sendiri pelajar Universiti Putra Malaysia yang terlibat dalam program pembangunan keusahawanan dan kebolehpasaran (CEM) (Projek Ilmiah Tahun Akhir). Universiti Putra Malaysia, Serdang.

Centre of Entrepreneurial Development and Graduate Marketability. (2020, September 4). *Core functions*.
https://cem.upm.edu.my/services/entrepreneurial_development/core_functions-887

Clements, A. J. & Kamau, C. (2018). Understanding students' motivation towards proactive career behaviours through goal-setting theory and the job demands-resources model. *Studies in Higher Education*, 43 (12), 2279-2293.

Elliot, A. J., & Harackiewicz, J. M. (1994). Goal Setting, Achievement Orientation, and Intrinsic Motivation: A Mediational Analysis. *Journal of Personality and Social Psychology*, 66 (5), 968–80.

Fishben, M., & Ajzen, I. (1975). *Belief, Attitude, Intention and Behavior*. Reading: Addison Wesley Publishing Co.

Haron, H. (2018, 3 September). Education in the Era of IR 4.0. *International Conference on Information Management and Technology (ICIMTech 2018)*. Jakarta, Indonesia.

Husain, M. Y., Mustapha, R., Mohamad, S. A. M. S., Mokhtar, M. S. (2014). *Persepsi Pensyarah Kejuruteraan Terhadap Tahap Kemahiran Employability Pelajar Kejuruteraan Institusi Teknikal: Satu Kajian Kes*. First Technical and Vocational Education International Seminar 2014 (TVEIS 2014). Skudai, Johor.

Husain. M. Y., Mokhtar, S. B., Ahmad, A. A. & Mustapha, R. (2010). Importance of Employability Skills from Employers' Perspective. *Procedia Social and Behavioral Sciences*. 7 (C), 430-438.

Ismail, M. H. (2012). Kajian Mengenai Kebolehpasaran Siswazah di Malaysia: Tinjauan dari Perspektif Majikan. *Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke VII (PERKEM VII)*, Ipoh, Perak.

Jabatan Perangkaan Malaysia. (2020, September 4). *Tenaga Buruh dan Perangkaan Sosial*. <https://www.dosm.gov.my/v1>

Jasmi, S. (2012). A Study on Employees Work Motivation and its Effect on their Performance and Business Productivity (Tesis Master). British University, Dubai.

Jasmi. (2012). A Study on Employees Work Motivation and its Effect on their Performance and Business Productivity. The British University in Dubail.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2015). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi)*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia 2015.

Locke, E. A., & Latham, G. P. (2013). Goal setting theory, 1990. In E. A. Locke & G. P. Latham (Eds.), *New developments in goal setting and task performance* (p. 3–15). Routledge/Taylor & Francis Group.

Majid, F. A. (2019). iCGPA, IR4.0 and graduate employability from the lens of the academics. *Asian Journal of University Education*, 15 (3), 245-256.

Makhsul, Z. M. (2013). *Pengurusan Sumber Manusia Berdaya Saing*. Bangi: Penerbit UKM.

Maniam, U. M. & Yeun, L. C. (2007). Persepsi Pelajar Terhadap Atribut Pekerjaan dan Implikasinya ke atas Pendidikan Universiti. *Sains Malaysiana*, 36 (2), 213-223.

- Miaat, E. A. (2014). Faktor Yang Mendorong Kecenderungan Pelajar Kolej Vokasional ke arah Bidang Keusahawanan (Tesis Master). Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Batu Pahat, Johor, Malaysia.
- Miaat, E. A. (2014). Faktor Yang Mendorong Kecenderungan Pelajar Kolej Vokasional ke arah Bidang Keusahawanan (Tesis Master). Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Batu Pahat, Johor, Malaysia.
- Mustapha, R. & Abiddin, N. Z. (2008). Undergraduate Students Perception On K-Economy And Globalisation: A Case Study In A Malaysian Public University. *The Journal of International Social Research*, 1 (5), 500-522.
- Najmuddin, H. (2003). *Memahami dan Membimbing Remaja Nakal*. Bentong: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Othman, N. & Misman, S. S. (2010). Persepsi Terhadap Faktor- Faktor Yang Mempengaruhi Minat Pelajar 4SPH Dalam Bidang Keusahawanan. <http://eprints.utm.my/id/eprint/10538/>
- Othman, S. F. S., Ismail, R., Awang, A. H. (2011). Perbandingan Persepsi Majikan Syarikat Multinasional Dengan Syarikat Swasta Terhadap Graduan di Malaysia. *Prosiding PERKEM VI* (2), 355-362.
- Professional Training & Education For Growing Entrepreneurs. (2020, September 3). *Apa itu PROTEGE?* <https://www.protege.my/>
- Puad, M. H. M. & Desa, H. M. (2020). Dissecting Perceptions of New Graduates on Work Orientation and Self-Confidence in Employability Skills Training Program. *Universal Journal of Educational Research*. 8 (1A), 70-75.
- Puad, M. H. M. (2018). Obstacles to Employability Skills Training Programs in Malaysia from the Perspectives of Employers', Educators' and Graduates' Perspective. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 8 (10), 952-972.
- Salleh, S. (2001). Hubungan Antara Faktor Hygiene-Motivator dengan Kepuasan Kerja Pekerja Bukan Eksekutif Celcom (M) Sdn. Bhd. Kawasan Timur, Kuching Sarawak. (Tesis Ijazah Sarjana Muda). Universiti Malaysia Sarawak, Kota Samarahan, Sarawak, Malaysia.
- Saunders, V. & Zuzel, K. (2010). Evaluating Employability Skills: Employer and Student Perceptions. *Bioscience Education*, 15 (1), 1-15.
- Steers, R. M. & Porter, L. W. (2003). *Motivation and Work Behavior (7th ed.)*. McGraw-Hill/ Irwin: New York.
- Talent Corporation Malaysia Berhad. (2020, Ogos 25). *Program kerajaan dalam meningkatkan kemahiran graduan bagi menjana kerjaya dalam industri perkhidmatan*. <https://www.talentcorp.com.my/resources>

Taylor, A. (2005). What employers look for: The skills debate and the fit with youth perceptions. *Journal of Education and Work*. 18 (2), 201-218.

Tran, T. T. (2014). *Graduate Employability in Vietnam : A Loose Relationship Between Higher Education and Employment Market*. Anchor Academic Publishing.

Anjakan Digitalisasi Pedagogi Bakal Guru Bahasa Melayu: Pertimbangan Terhadap Aspek Fizikal Dan Psikososial Bagi Pelaksanaan LMI Dalam Talian

Marzni Mohamed Mokhtar¹, Marni Jamil², Muhd Khaizer Omar¹, Roshafiza Hassan¹

¹*Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia, 43400 Serdang Selangor*

²*Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi Mara (UiTM)
Cawangan Pulau Pinang, 13500 Permatang Pauh, Pulau Pinang, Malaysia*

*marzni@upm.edu.my, marnijamil@uitm.edu.my,
khaizer@upm.edu.my, roshafizahassan@gmail.com*

ABSTRAK

Pengenalan- Suku tahun 2020 menyaksikan kemelut pandemik, Covid-19 telah menjadi pencetus ke arah perubahan gaya hidup masyarakat sejagat termasuklah Malaysia sama ada merangkumi bidang politik, ekonomi dan sosial sehingga Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilanjutkan lagi sehingga 31 Disember 2020. Perubahan secara drastik ini menyaksikan warga dunia pendidikan perlu mencari pelbagai penyelesaian alternatif bagi menangani isu pengajaran dan pembelajaran.

Objektif- Kertas kerja ini mengenal pasti tahap persediaan, penilaian kualiti pengajaran, persepsi, kepuasan, dan pengalaman bakal guru Bahasa Melayu terhadap amalan baharu pelaksanaan latihan mengajar dan industri (seterusnya LMI) dalam talian.

Metodologi kajian- Kajian ini adalah menggunakan reka bentuk penyelidikan kuantitatif berbentuk tinjauan deskriptif dengan menggunakan instrumen soal selidik dan disokong dengan soalan respons terbuka. Sampel kajian ini terdiri daripada bakal guru bagi Program Bachelor Pengajaran Bahasa Melayu sebagai Bahasa Pertama (PBMP) iaitu kohort Raksa. Sampel kajian ini dipilih secara rawak dengan melibatkan 21 orang daripada 39 orang yang menjalani LMI.

Dapatan kajian- Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap persediaan, kualiti pengajaran, persepsi, kepuasan dan pengalaman terhadap amalan baharu pelaksanaan Latihan Mengajar dan Industri (LMI) dalam talian berada pada tahap tinggi. Makalah ini akan membahaskan isu kemanusiaan dan tuntutan akademik yang perlu dilunaskan oleh bakal guru Bahasa Melayu dalam melaksanakan pedagogi secara dalam talian.

Kepentingan – Dapatan ini memberi implikasi terhadap Anjakan digitalisasi pedagogi bakal guru Bahasa Melayu memperlihatkan kebergantungan mereka secara langsung terhadap penggunaan peranti, aplikasi mahupun perisian teknologi bagi membolehkan proses penyampaian ilmu dapat dilaksanakan dalam talian. Malah, bakal guru ini dilihat giat berusaha secara kreatif dalam memvariasikan proses pengajaran dan pembelajaran

secara digital sebagai memenuhi tuntutan akademik sebagai pelajar tahun akhir yang menjalani Latihan Mengajar dan Industri (LMI).

Kata kunci: *LMI dalam talian, digitalisasi pedagogi, fizikal, psikososial*

Pengenalan: Transformasi Pembentukan Kurikulum di Malaysia

Pembangunan kurikulum pendidikan Malaysia bergantung penuh kepada usaha dan tanggungjawab Kementerian Pendidikan Malaysia (seterusnya KPM) dalam memacu hala tuju sistem pendidikan yang berkualiti dan bertaraf dunia, di samping memperkembangkan potensi individu sepenuhnya dan memenuhi aspirasi negara (Mior Khairul Azrin, 2011). Malah, pembentukan kurikulum yang berlandaskan kepada aspirasi wawasan negara juga amat penting bagi melahirkan generasi yang dididik mampu mengisi segenap aspek keperluan negara pada masa hadapan (Alias Mat Saad, Nik Mohd. Rahimi Nik Yusoff & Ruhizan Mohammad Yassin, 2011). Hal ini amat penting memandangkan KPM telah menetapkan matlamat, iaitu melahirkan bangsa Malaysia yang taat setia, bersatu padu, beriman, berakhlak mulia, berilmu, berketerampilan, sejahtera, menyediakan sumber tenaga manusia untuk keperluan kemajuan negara, dan memberi peluang-peluang pendidikan kepada semua warganegara. Sekiranya kurikulum yang dibentuk gagal mencapai matlamat sebenar sistem pendidikan, pastinya generasi yang dididik akan mendatangkan masalah kepada negara pada masa hadapan. Kurikulum pendidikan di Malaysia kini dilihat perlu dicorakkan semula dengan berteraskan kepada pengimplimentasian budaya digitalisasi. Kurikulum (*curriculum*) atau disebut sebagai *race course* dalam bahasa Latin, difahami sebagai isi kandungan mata pelajaran bagi mencapai segala matlamat, tujuan dan objektif yang ditetapkan oleh sekolah, sama ada dilaksanakan secara berkumpulan atau secara individu, di dalam atau di luar sekolah.

Proses Naturalisasi PdPc Bahasa Melayu

Pengajaran bahasa Melayu dapat ditanggapi sebagai sebuah proses amali yang dapat dibuat menerusi dua kaedah pelaksanaan. Kaedah pertama memerlukan individu guru mengikuti tatacara pelaksanaan secara lengkap. Manakala, kaedah kedua pula merujuk kepada satu set prinsip bagi melaksanakan tugas tersebut. Kaedah pertama ini adakalanya tidak dapat dipastikan kemenjadiannya bagi satu tugas amali kerana panduan yang diberi mungkin tidak dapat dilaksanakan dengan sebaiknya bagi golongan yang tidak mempunyai pengalaman mengajar. Justeru, seseorang guru bahasa yang baik perlu mempunyai satu set prinsip yang boleh dijadikan panduan bagi melaksanakan tugasnya itu. Pengertian lain bagi kenyataan ini adalah menerusi adalah perlu seseorang guru mempunyai teori yang boleh memandunya memahami apa itu bahasa dan bagaimana murid belajar bahasa (Juriah Long, 2010).

Terdapat pelbagai pendekatan dalam memastikan proses pembelajaran dan pemudahcaraan (seterusnya PdPc) Bahasa Melayu dilaksanakan dalam keadaan naturalisasi. Pendekatan deduktif memberikan fokus kepada guru untuk memulakan pengajaran dengan cara menghuraikan dan memastikan pelajar menguasai peraturan atau rumus bahasa berbanding daripada penggunaan bahasa. Misalnya, apabila guru mengajar tajuk ayat sonsang, guru akan memberikan pendedahan berkaitan takrif ayat songsang dahulu sebelum memberi contoh ayat tersebut. Selanjutnya, pendekatan induktif atau pendekatan jumpaan pula

mengutamakan penggunaan bahasa daripada peraturan atau rumus bahasa. Dalam pendekatan ini, guru akan memberikan contoh penggunaan aspek bahasa sebelum menyimpulkan peraturan atau rumus aspek tatabahasa tersebut. Pendekatan eklektik pula merujuk pada penggabungan dua pendekatan pengajaran iaitu deduktif dan induktif. Dalam konteks pengajaran bahasa Melayu, guru akan menerangkan rumus atau peraturan tatabahasa yang diajar serta memberi contoh. Murid kemudiannya akan memberikan contoh lain untuk menerangkan generalisasi yang dibuat dan kemudiannya menyimpulkan takrif aspek tatabahasa tersebut. Pendekatan komunikatif pula memberikan perhatian kepada kecekapan komunikatif yang meliputi kecekapan bahasa dan kecekapan menggunakan bahasa dalam sesuatu konteks penggunaan bahasa.

Secara alaminya, PdPc bahasa Melayu mempunyai dua langkah utama untuk dilaksanakan iaitu (i) latihan bagi penguasaan struktur bahasa yang tepat dan sesuai dengan sesuatu konteks penggunaan dan (ii) penglibatan murid dalam aktiviti penggunaan bahasa (aktiviti berkomunikasi) yang dirancang oleh guru bagi membolehkan murid menggunakan struktur yang dipilih dalam konteks penggunaannya. Melihat pada tuntutan asas ini, adalah menjadi kewajaran bagi bakal guru Bahasa Melayu untuk memastikan kedua-dua langkah pelaksanaan PdPC Bahasa Melayu tidak diabaikan bagi pelaksanaan PdPc dalam talian.

Perubahan Amalan Digitalisasi Pedagogi

Budaya digitalisasi dijadikan sebagai landasan utama bagi membantu warga dunia pendidikan sama ada pentadbir, pensyarah, guru, pelajar, murid mahupun ibu bapa melibatkan diri dalam proses perancangan, pelaksanaan mahupun penilaian pendidikan semasa Perintah Kawalan Pergereakan (seterusnya PKP) berlangsung. Proses pendigitalisasian pendidikan ini sebenarnya menuntut pelbagai persediaan sama ada dari segi fizikal, mental dan pembentukan sahsiah.

Lambakan pelbagai teknologi bagi mendukung fungsi pembelajaran dalam talian seperti *Zoom Meetings*, *Google Hangouts Meet*, *Discord*, *Lark Meetings*, *Google Classroom*, *Cisco Webex* dijadikan sebagai medium utama untuk menjalankan proses PdPc dalam kalangan bakal guru. Rangkaian pertemuan dan perbincangan maya ini telah membuka ruang baharu bagi warga pendidik untuk mengikuti proses PdPc. Hal ini berpadanan dengan saranan bahawa guru perlu mempelbagaikan kaedah pengajaran supaya pelajar lebih berminat untuk belajar di samping dapat meningkatkan kemahiran berfikir pelajar di dalam bilik darjah (Nor Hasmaliza & Zamri Mahamod, 2016). Bakal-bakal guru dan murid ini menggunakan bilik atau kelas maya ini bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran. Usaha gigih perlu dilakukan untuk mewajarkan kesemua murid dalam mengakses masuk ke dalam talian di samping tidak kecikiran dalam tuntutan menimba ilmu. Kolaborasi dan perkongsian maklumat, bahan, peranti atau pun teknologi yang dilakukan secara guna sama sepatutnya dijadikan sebagai budaya untuk meningkatkan kemahiran berbahasa dan kemahiran penguasaan teknologi antara guru dengan murid. Kemudian, bilik maya yang ditawarkan secara percuma penggunaannya ini sewajarnya diaplikasikan untuk merebut peluang meningkatkan prestasi bakal pendidik, seterusnya melatih diri bakal guru menjadi pendidik yang kreatif dan inovatif.

Penggunaan bilik kuliah maya ini bukan sahaja digunakan sebagai alat penyebaran maklumat, bahkan berupaya membenarkan dan memudahkan penglibatan murid secara aktif (Zamri Mahamod & Rahimah Sabtu, 2018). Hal ini bermakna menerusi budaya digitalisasi pedagogi bahasa, murid dan guru menjadi lebih aktif dan terlibat secara individu sepanjang sesi PdPc berlangsung dalam talian. Proses PdPC yang dilaksanakan secara dalam talian dengan berbantuan kepelbagaian sumber dan bilik kuliah maya ini menekankan aspek konstruksi pengetahuan melalui kolaborasi antara guru dengan murid atau murid dengan murid dalam suasana terbuka, tidak berstruktur dan bersifat sosial. Selain itu, PdPc yang ditadbirkan secara dalam talian juga turut mempunyai ciri seperti bersifat ciptaan, terbuka, peribadi ataupun saling berhubung dengan pelabagi pautan media poengajaran yang lain.

Metodologi Kajian

Reka bentuk kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah berbentuk tinjauan deskriptif dengan menggunakan kaedah kuantitatif iaitu menggunakan instrumen soal selidik dan disokong dengan soalan respons terbuka. Tujuan kajian adalah untuk mengenal pasti tahap persediaan, penilaian kualiti pengajaran, persepsi, kepuasan, dan pengalaman bakal guru Bahasa Melayu terhadap amalan baharu pelaksanaan latihan mengajar dan industri (seterusnya LMI) dalam talian. LMI merupakan latihan penting yang memberikan peluang kepada bakal guru Bahasa Melayu mendapat pengalaman mengajar dalam kegiatan berkaitan dengan latihan keguruan. LMI ini telah dijalankan di sekolah menengah dan bakal guru perlu melaksanakan pengajaran major dan tumpuan kedua selama dua belas minggu dalam tempoh LMI.

Sampel Kajian

Menurut Creswell (2008), populasi merupakan sekumpulan individu yang mempunyai ciri dan kriteria yang sama dengan tujuan kajian dijalankan. Sampel merupakan sub-kumpulan daripada populasi sasaran yang ingin dikaji oleh pengkaji dengan tujuan membuat generalisasi ke atas populasi kajian (Nor Hasmaliza & Zamri Mahmood, 2016). Sampel kajian ini terdiri daripada bakal guru bagi Program Bachelo Pengajaran Bahasa Melayu sebagai Bahasa Pertama (PBMP) iaitu kohort Raksa. Sampel kajian ini dipilih secara rawak dengan melibatkan 21 orang daripada 39 orang yang menjalani LMI.

Instrumen Kajian

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah berbentuk borang soal selidik, yang telah diedarkan kepada responden untuk mendapatkan maklum balas, yang mana ianya merangkumi beberapa item. Instrumen yang dibina ini mengandungi lima bahagian iaitu konstruk persediaan, penilaian kualiti pengajaran, persepsi, kepuasan, dan pengalaman bakal guru Bahasa Melayu terhadap amalan baharu pelaksanaan latihan mengajar dan industri (LMI) dalam talian. Instrumen ini diadaptasi daripada *Lincoln and Guba's Evaluative Criteria (1985)* bagi dapatan kajian berkaitan pengalaman bakal guru Bahasa Melayu.

Dapatan Kajian

Analisis deskriptif berbentuk frekuensi, peratusan, min dan sisihan piawai digunakan untuk menganalisis persediaan, penilaian kualiti pengajaran, persepsi, kepuasan, dan pengalaman bakal guru Bahasa Melayu terhadap amalan baharu pelaksanaan LMI dalam talian. Interpretasi skor purata min ke dalam 5 tahap adalah berdasarkan kepada panduan yang dibangunkan oleh Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP) (2006) bagi mengetahui tahap nilai purata min bagi tiap-tiap pemboleh ubah yang dikaji. Interpretasi skor min adalah seperti yang dinyatakan dalam Jadual 1.

Jadual 1. Interpretasi Skor Min

1.00 – 1.89	Sangat Rendah
1.90 – 2.69	Rendah
2.70 – 3.49	Sederhana
3.50 – 4.29	Tinggi
4.30 – 5.00	Sangat Tinggi

Sumber: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (2006)

Tahap Persediaan Bakal Guru Bahasa Melayu terhadap Amalan Baharu Pelaksanaan Latihan Mengajar dan Industri (LMI) dalam Talian

Skor min keseluruhan bagi konstruk tahap persediaan bakal guru bahasa melayu terhadap amalan baharu pelaksanaan latihan mengajar dan industri (LMI) dalam talian ialah 4.6905 berada pada tahap sangat tinggi dengan nilai sisihan piawai .37001. Jadual 2 menunjukkan dapatan keseluruhan bagi konstruk persediaan bakal guru Bahasa Melayu yang merangkumi maklumat pengajaran, arahan tugas yang jelas, masa persediaan yang mencukupi, tempoh masa yang dijalani, bahan bantu mengajar yang mudah diakses, bahan bantu mengajar yang mudah dimuat turun dan bahan bantu mengajar yang diperoleh daripada pelbagai sumber.

Jadual 2. Tahap Persediaan Bakal Guru Bahasa Melayu

Item	N	Min	Sisihan Piawai (SP)
Maklumat Pengajaran	21	4.57	0.51
Arahan Tugas Jelas	21	4.67	0.48
Masa Persediaan Mencukupi	21	4.43	0.51
Tempoh Masa Latihan Mencukupi	21	4.24	0.63
Bahan Bantu Mengajar Mudah Diakses	21	4.71	0.46
Bahan Bantu Mengajar Mudah Dimuat Turun	21	4.76	0.44
Bahan Bantu Mengajar Pelbagai Sumber	21	4.81	0.40

Tahap Kualiti Pengajaran Bakal Guru Bahasa Melayu terhadap Amalan Baharu Pelaksanaan Latihan Mengajar dan Industri (LMI) dalam Talian

Skor min keseluruhan bagi konstruk kualiti pengajaran bakal guru bahasa Melayu terhadap amalan baharu pelaksanaan latihan mengajar dan industri (LMI) dalam talian ialah 3.8571 berada pada tahap tinggi dengan nilai sisihan piawai .69179. Jadual 3 menunjukkan dapatan bagi konstruk kualiti pengajaran bakal guru Bahasa Melayu terhadap amalan baharu pelaksanaan latihan mengajar dan industri (LMI). Antara item yang diuji ialah berkaitan penyampaian guru jelas, bahan bantu mengajar yang mencukupi, pelaksanaan tatacara PdP yang jelas, kredibiliti guru mengajar, capaian internet bagi PdP dalam talian, pilihan aplikasi platform pengajaran, sesi soal jawab interaktif, bahasa badan atau pergerakan guru dan kehadiran pelajar.

Jadual 3. Tahap Kualiti Pengajaran Bakal Guru Bahasa Melayu

Item	N	Min	Sisihan Piawai (SP)
Penyampaian Jelas	21	4.33	0.66
Bahan Mencukupi	21	4.38	0.59
Tatacara PdP Jelas	21	4.52	0.68
Kredibiliti	21	4.38	0.59
Capaian Internet	21	3.90	0.77
Pilihan Aplikasi	21	4.57	0.60
Sesi Soal Jawab Interaktif	21	4.62	0.59
Bahasa Badan Guru	21	4.29	0.64
Kehadiran Pelajar	21	3.38	1.07

Tahap Persepsi Bakal Guru Bahasa Melayu terhadap Amalan Baharu Pelaksanaan Latihan Mengajar dan Industri (LMI) dalam Talian

Skor min keseluruhan bagi konstruk tahap persepsi bakal guru bahasa Melayu terhadap amalan baharu pelaksanaan latihan mengajar dan industri (LMI) dalam talian ialah 3.8333 berada pada tahap tinggi dengan nilai sisihan piawai .74722. Jadual 4 menunjukkan dapatan bagi konstruk kualiti pengajaran bakal guru Bahasa Melayu terhadap amalan baharu pelaksanaan latihan mengajar dan industri (LMI) dalam talian. Antara item yang diuji ialah kelancaran pelaksanaan PdP dalam talian, pelaksanaan Pdp dalam talian yang interaktif, pelaksanaan PdP yang beretika, keseronokan pelaksanaan PdP dalam talian, pelaksanaan PdP dalam talian memenuhi ekspektasi bakal guru, dan PdP dalam talian memudahkan penyediaan bahan.

Jadual 4. Tahap Persepsi Bakal Guru Bahasa Melayu

Item	N	Min	Sisihan Piawai (SP)
Berjalan Lancar	21	3.90	0.70
Interaktif	21	3.90	0.77
Beretika	21	3.95	0.81
Seronok	21	3.81	0.81
Memenuhi Ekspektasi	21	3.71	0.96
Memudahkan Penyediaan dan Pengendalian Bahan	21	3.76	1.04

Tahap Kepuasan Bakal Guru Bahasa Melayu terhadap Amalan Baharu Pelaksanaan Latihan Mengajar dan Industri (LMI) dalam Talian

Skor min keseluruhan bagi konstruk kepuasan bakal guru Bahasa Melayu terhadap amalan baharu pelaksanaan latihan mengajar dan industri (LMI) dalam talian ialah 3.8810 berada pada tahap tinggi dengan nilai sisihan piawai .72292. Jadual 5 menunjukkan dapatan bagi konstruk kepuasan bakal guru yang mengkaji item perasaan, cadangan pelaksanaan LMI dalam talian, cadangan meneruskan pelaksanaan LMI dalam talian, kepuasan bakal guru menonjolkan ciri pendidik, dan kepuasan penglibatan guru bagi LMI dalam talian.

Jadual 5. Tahap Kepuasan Bakal Guru Bahasa Melayu

Item	N	Min	Sisihan Piawai (SP)
Berpuas Hati	21	3.48	1.03
Menjalani LMI	21	3.14	1.28
Diteruskan	21	3.00	1.34
Menonjolkan Kemampuan	21	3.81	0.87
Berpuas Hati Dengan Penglibatan	21	4.29	0.72

Pengalaman Bakal Guru Bahasa Melayu terhadap Amalan Baharu Pelaksanaan Latihan Mengajar Dan Industri (LMI) dalam Talian

Bagi dapatan berkaitan pengalaman bakal guru Bahasa Melayu terhadap amalan baharu pelaksanaan LMI, terdapat tiga tema utama mewakili konstruk ini. Tema ini terdiri daripada (i) pembelajaran ilmu baharu; (ii) penggunaan kepelbagaian kaedah mengajar; dan (iii) komitmen pelajar dalam mengikuti PdPc dalam talian.

“Pembelajaran ilmu baharu”

Tema pembelajaran ilmu baharu tergambar menerusi pengalaman bakal guru yang perlu mempelajari cara pengendalian aplikasi, peranti dan bahan baharu bagi PdPc dalam talian yang tidak digunakan dalam kelas bersemuka. Contohnya seperti ini:

- Melalui PdP dalam talian, saya dapat mengetahui pelbagai aplikasi yang boleh digunakan untuk mengadakan sesi pengajaran. Aplikasi-aplikasi seperti Zoom dan Google Meet boleh digunakan untuk mengajar murid di dalam kelas untuk memastikan mereka tidak ketinggalan dalam pembelajaran.

“Penggunaan kepelbagaian kaedah mengajar”

Selanjutnya, bagi tema berkaitan penggunaan kepelbagaian kaedah mengajar bagi PdPc dalam talian pula dapat diteliti melalui pandangan ini:

- Saya dapat mempelbagaikan kaedah pengajaran saya bagi memastikan tumpuan dan fokus murid sentiasa ada dalam PdPC secara dalam talian.
-perlu dikuasai oleh saya bagi menampilkan pengajaran yang mampu merangsang kefahaman murid-murid.

“Komitmen pelajar dalam mengikuti PdPc dalam talian”

Manakala bagi tema komitmen pelajar dalam mengikuti PdPc dalam talian jelas menunjukkan bahawa PdPc dalam talian turut mendatangkan kesan terhadap proses LMI yang dilalui oleh bakal guru Bahasa Melayu. Hal ini dapat diperhatikan menerusi dapatan:

- Murid memberikan kerjasama yg baik.
- Murid-murid juga berasa seronok apabila pengajaran dilaksanakan dengan menggunakan pelbagai jenis gamifikasi dan tidak hanya tertumpu kepada kahoot sahaja.
- Kehadiran pelajar dalam menyertai pengajaran secara atas talian kebanyakannya atas rasa tanggungjawab beliau sebagai pelajar namun, kebanyakan mereka tidak fokus. Guru perlu memikirkan langkah untuk membuatkan pelajar ingin belajar dan tidak sabar untuk mengikuti pembelajaran. Antara pengalaman yang menarik adalah, saya menggunakan lukisan untuk memberikan sentuhan seni dan teka teki kepada pelajar. Mereka adalah kelompok yang ingin berseronok dan kita perlu mengadaptasi pengajaran kira kepada cara mereka atau, kita mungkin tidak dapat memenangi hati mereka jika kita tidak berubah.

Perbincangan Dapatan Kajian

Walaupun PdPc Bahasa Melayu hanya melibatkan penguasaan kemahiran bahasa yang ditanggapi sebagai kemahiran yang mudah dikuasai, namun masih terdapat beberapa isu yang dianggap boleh mengganggu kelicinan proses PdPc yang berlangsung dalam talian. Hal ini telah selaras dengan dapatan kajian yang menunjukkan wujudnya kesan kaedah strategi pengajaran dan pembelajaran baharu ke atas persekitaran pembelajaran fizikal (Fraser, 1994 & Emmer et al., 2003). Sebaliknya, adalah penting untuk guru yang menggunakan persekitaran pembelajaran baharu memberikan perhatian pada dua aspek

utama pelaksanaan proses PdPc iaitu (i) aspek fizikal dan (ii) aspek psikososial (Che Nidzam Che Ahmad, Kamisah Osman & Lilia Halim, 2016).

Aspek Fizikal

Menurut Tessmer dan Harris (1992), persekitaran fizikal adalah berkaitan dengan apa-apa perkara yang boleh dirasa, kualiti deria dan objek yang kita temui. Antaranya ialah perabot bilik darjah, ruang, cahaya, kualiti udara dan teknologi (Kilgour 2006, Higgins et al. 2005) dan meliputi semua keadaan fizikal seperti keadaan bilik darjah, bahan-bahan pengajaran dan kemudahan dalam persekitaran pembelajaran (Mok 2008). Dalam konteks PdPc dalam talian, aspek fizikal, pastinya merangkumi isu penyediaan akses internet, kelajuan capaian, kesesuaian peranti, perisian atau aplikasi yang diperlukan, kos kewangan yang diperuntukan perlu difikirkan secara holistik untuk diterjemahkan secara keseluruhan bagi menggantikan budaya penyampaian ilmu sedia ada.

Aspek Psikososial

Aspek psikososial pula berkaitan dengan interaksi yang berlaku antara pelajar dengan pelajar, pelajar dengan guru dan pelajar dengan persekitaran. Persekitaran psikososial bilik darjah melibatkan guru dan pelajar dan hubungan antara satu sama lain (Fraser, 1994). Malah, aspek psikososial dalam persekitaran pembelajaran juga merangkumi kelakuan dan interaksi pelajar dan guru di dalam bilik tersebut (bilik darjah) dan meliputi aspek keselamatan, kesihatan, kemesraan, keceriaan, kawalan disiplin dan unsur kemanusiaan yang lain (Kilgour, 2006). Dalam situasi pelaksanaan PdP dalam talian, adalah menjadi tanggungjawab bakal guru Bahasa Melayu untuk memastikan pelajar yang diajar dalam talian mempunyai persediaan yang mantap terhadap pengetahuan, proses memahirkan diri dengan teknologi, bersikap positif dan bersedia untuk meneroka ilmu baharu, mampu untuk mengekalkan perhatian yang lama dan mempunyai keupayaan psikologi yang stabil apabila berhadapan dengan isu gangguan teknikal ketika menggunakan teknologi.

Kesimpulan

Pengabaian terhadap nilai-nilai agama dan moral semasa menggunakan teknologi dalam kalangan golongan pelajar dan murid perlu dilihat sebagai salah satu ancaman sosial yang semakin membimbangkan masyarakat. Misalnya, dalam proses bakal guru melaksanakan LMI dalam talian, terdapat ancaman seperti penyebaran berita palsu; kelakuan pelik, janggal, bertentangan dengan norma dan budaya masyarakat; dan trend kecam-mengecam di media sosial perlu ditangani dengan sebaiknya kerana berupaya mempengaruhi pemikiran dan amalan hidup bagi golongan bakal guru dan pelajar. Sekiranya perubahan amalan baharu PdPc dalam talian yang dilaksanakan ini gagal mendukung matlamat sebenar sistem pendidikan, pastinya generasi yang dididik kini akan berhadapan dengan ancaman sosial baharu kepada negara pada masa hadapan.

Sikap, nilai dan kepercayaan yang dipegang oleh guru akan mempengaruhi bagaimana proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan. Justeru, seseorang guru perlu mempunyai sikap yang positif, lebih bermotivasi dan berkeyakinan untuk menggunakan pendekatan pengajaran yang lebih terbuka dalam usaha menggalakkan interaksi dan penglibatan pelajar dalam proses pembelajaran. Sekiranya tuntutan terhadap aspek fizikal

dan psikososial bagi proses pendigitalisasian kurikulum ini berjaya dipenuhi, pastinya usaha ini membuahkan hasil.

Rujukan

Alias Mat Saad, Nik Mohd.Rahimi Nik Yusoff & Ruhizan Mohammad Yasin. (2011). Penilaian Kemudahan Pembelajaran, Peruntukan Kewangan dan Kursus dalam Perkhidmatan bagi Kursus Pendidikan Islam di Politeknik Malaysia. *Journal of Islamic and Arabic Education* 3(1), 123-134.

Che Nidzam Che Ahmad, Kamisah Osman & Lilia Halim. (2016). Persekitaran Pembelajaran Fizikal dan Psikososial Makmal Sains dan Hubungannya dengan Tahap Kepuasan Pelajar. Dlm. *Tread penyelidikan Pendidikan Sains*, (339-390). Kamisah Osman & Lilia Halim. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Emmer, E., Evertson, C. & Worsham, M. 2003. *Classroom Management for Secondary Teachers. Edisi ke-6*. Boston, MA: Allyn & Bacon.

Juriah Long. (2010). Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu. Dlm. *Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu*, (33-56). Juriah Long. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Kilgour, P.W. 2006. Student, teacher and parent perceptions of classroom environments in streamed and unstreamed mathematics classrooms. Thesis PhD. Curtin University of Technology Australia.

Lincoln & Guba. (1985). *Lincoln and Guba's Evaluative Criteria*. Retrieved from <http://www.qualres.org/HomeLinc-3684.html>

Mior Khairul Azrin Mior Jamaluddin. (2011). Sistem Pendidikan di Malaysia: Dasar, Cabaran, dan Pelaksanaan ke Arah Perpaduan Nasional. *SOSIOHUMANIKA: Jurnal Pendidikan Sains Sosial dan Kemanusiaan*, Vol.4, No.1 (Mei), 33-48.

Mok Soon Sang. 2008. *Learner and Learning Environment. Educational Psychology and Pedagogy*. Penerbitan Multimedia Sdn.Bhd.

Nailul Azmi Ismail & Zaleha Ahmad. (2016). Keberkesanan Penggunaan Quizlet dan Kahoot IT dalam Memperkasakan Pengajaran Guru dan Memperkaya Pembelajaran Murid. *Kertas Kerja Seminar Bahasa Melayu 2016*. Pusat Bahasa Melayu Singapura, 15 Mac 2016.

Nor Hasmaliza Hasan & Zamri Mahamod. (2016). Persepsi guru bahasa Melayu sekolah menengah terhadap kemahiran berfikir aras tinggi. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu: Malay Language Education (MyLEJ)*, 6 (2), 78-90.

Tessmer, M. & Harris, D. 1992. *Analyzing the instructional setting*. Kogan Page Limited.

Zamri Mahamod & Rahimah Sabtu. (2018). Penggunaan Facebook dalam Pengajaran dan Pembelajaran Komsas Bahasa Melayu. Dlm. *Inovasi Pengajaran dan Pembelajaran: Mengoptimalkan Pembelajaran Pelajar*, (109-131). Saemah Rahman & Zamri Mahamod. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Sijil ‘Star Rating’ (SSR) Penarafan Kualiti Solekan pelajar Terapi Kecantikan Dan Spa, Kolej Komuniti Muar, Johor.

Erwinhirma Sahir^{1,2}, Ruslin Amir¹ & Syaidatun Nazirah Abu Zahrin^{1,3}
Fakulti Pendidikan UKM, ¹Sekolah Kebangsaan Convent Muar², Pusat Citra UKM³
P91451@siswa.ukm.edu.my, ruslin@ukm.edu.my, syaidatun@ukm.edu.my

ABSTRAK

Pengenalan – Kajian tindakan ini berfokus untuk memberi nilai tambah kepada penilaian projek solekan pelajar bukan hanya setakat memberi markah dan gred berpandukan rubrik pentaksiran rasmi seperti yang biasa dilakukan. Pengenalan penarafan Sijil ‘Star Rating’ adalah satu usaha untuk meningkatkan taraf kualiti hasil solekan pelajar di mana tiga tahap kualiti solekan yang terbaik akan diberikan Sijil ‘Star Rating’ iaitu Sijil 5 Bintang, Sijil 4 Bintang dan Sijil 3 Bintang.

Objektif - Kajian tindakan ini bertujuan untuk meningkatkan kualiti solekan pelajar serta amalan pengajaran dan pembelajaran serta mengubah sikap pelajar daripada pasif dan negatif kepada positif dan proaktif.

Metodologi - Kumpulan sasaran kajian ini adalah 10 pelajar semester 2, Sijil Terapi Kecantikan Dan Spa, Kolej Komuniti Muar, Johor. Peringkat permulaan pengkaji membuat pemerhatian serta melaksanakan temubual bersama semua pelajar. Semua maklumat asas yang diperlukan diperolehi daripada pensyarah. Taklimat ringkas diberikan kepada semua pelajar untuk memberi pendedahan dan kefahaman kepada mereka. Kemudian Borang Sesi Perkongsian Maklumat 1, 2 dan 3 diedarkan kepada pensyarah dan pelajar-pelajar. Satu Jadual Pelaksanaan Kajian disediakan untuk memudahkan pelaksanaan intervensi yang dirancang iaitu pelaksanaan Gelung Pertama Penarafan Sijil ‘Star Rating’ bagi projek solekan komersial dan pelaksanaan Gelung Kedua Penarafan Sijil ‘Star Rating’ bagi projek solekan siang dan malam. Satu Analisa Dapatan serta Unjuran Penarafan Sijil ‘Star Rating’ dibuat untuk melihat keberhasilan kajian ini.

Dapatan – Ringkasnya kajian ini menunjukkan bahawa Penarafan Sijil ‘Star Rating’ ini dapat meningkatkan kualiti hasil projek solekan pelajar dan meningkatkan kesungguhan pelajar menghasilkan solekan yang terbaik. Seorang pelajar telah berjaya mendapat Anugerah Emas dan seorang pelajar mendapat Anugerah Gangsa di dalam Pertandingan MyCC Skills peringkat kebangsaan Tahun 2019 anjuran Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, Kementerian Pendidikan Malaysia. Selain daripada itu kesemua pelajar mendapatkan tempat bagi menjalani latihan industri dengan mudah berbanding pelajar-pelajar semester yang lalu.

Kepentingan - Kajian ini turut menyumbang kepada pendidikan holistik di mana kecemerlangan pelajar yang menguasai kemahiran ini akan menjadi aset sepanjang hayat buat diri mereka.

Kata kunci : Sijil ‘*Star Rating*’ (SSR), penarafan kualiti solekan, pelajar Terapi Kecantikan dan Spa, Kajian Tindakan.

Pengenalan

Program Sijil Terapi Kecantikan Dan Spa di Kolej Komuniti Muar, Johor merupakan satu program yang memberi peluang kepada pelajar untuk menimba pengetahuan dan mengasah kemahiran secara teori dan amali dalam bidang Terapi Kecantikan Dan Spa. Program ini dapat melengkapkan pelajar dengan pengetahuan dan kemahiran berkaitan dengan teknik dan kaedah melaksanakan rawatan kulit muka, spa tangan dan kaki, persolekan professional, spa badan dan pengurusan spa serta perniagaan. Program ini turut mendedahkan pelajar kepada aspek-aspek keusahawanan supaya peluang perniagaan dapat diwujudkan dalam bidang berkaitan serta akan memberi pendedahan kepada pelajar tentang cara berkomunikasi yang berkesan. Selain daripada itu program ini akan memastikan pelajar mahir dengan kaedah dan teknik menggunakan mesin yang betul mengikut prosedur yang telah ditetapkan juga membantu memantapkan kemahiran pelajar dalam bidang solekan dan urutan. Program ini diharap dapat membantu dan mampu menyediakan pelajar ke alam pekerjaan yang mana kemahiran-kemahiran yang diajar boleh diimplimentasikan supaya pelajar dapat memulakan kerjaya dalam bidang Perunding Imej, Juruterapi Kecantikan, Jurusolek dan Keusahawan.

Pengenalan Sijil ‘*Star Rating*’ sebagai penarafan kualiti solekan pelajar dalam projek solekan mereka akan memastikan pelajar meningkatkan kualiti solekan serta memperbaiki sikap negative semeasa menyelesaikan projek solekan agar mudah diterima untuk mengikuti latihan industri di mana-mana organisasi yang sesuai dengan kursus solekan yang telah mereka ikuti.

Sorotan Kajian literatur

Bidang teknik dan vokasional menerima pengiktirafan yang hebat serta berkembang secara positif kerana Negara yang dapat menghasilkan sumber manusia yang boleh bersaing di peringkat global akan menghasilkan pendapatan yang tinggi maka ini hanya akan berlaku sekiranya Negara mampu mengeluarkan tenaga mahir yang sentiasa berkembang dan dinamik, (Prof. Emeritus Anuwar Ali, 2011). Ini menunjukkan tenaga mahir yang berkualiti perlu sentiasa dilahirkan untuk merealisasikan taraf Negara maju terutama di dalam bidang teknik dan vokasional. Kolej Komuniti merupakan antara pembekal tenaga mahir di Malaysia perlu terus melahirkan tenaga kerja yang mahir dan berkualiti tinggi maka penarafan sijil ‘*star rating*’ adalah satu usaha kecil untuk melestarikan kecemerlangan ini.

Strategi untuk memberikan sesuatu ganjaran akan membantu mengubah tingkah laku seseorang ke arah mencapai matlamat yang telah ditetapkan. Selain daripada itu kajian juga menunjukkan penerapan ganjaran dapat meningkatkan disiplin pelajar sekiranya penerapan dibuat secara konsisten sama ada dengan lisan mahupun bukan lisan (Lasria Gultom & Meri Fuji Siahaan, 2016).

Berdasarkan hasil kajian prestasi pelajar dapat ditingkatkan dengan pemberian ganjaran (Dewi Yana, Hajidin & Intan Safiah, 2016). Ganjaran yang diberikan merupakan satu usaha untuk menjadikan pelajar lebih giat berusaha sama ada untuk memperbaiki prestasi ataupun untuk meningkatkan pencapaian pelajar. Selain daripada itu ganjaran juga merupakan satu kaedah yang berkesan untuk mendisiplinkan pelajar (Elizabeth Prima, 2016).

Pelajar akan patuh untuk membuat tugas yang diberikan oleh pensyarah dengan penuh disiplin dan akan menghasilkan tugas yang berkualiti kerana dijalankan mengikut ketetapan yang telah diberikan oleh pensyarah. Selain daripada itu penggunaan token ekonomi dalam bentuk bintang juga dikatakan dapat mengubah tingkah laku pelajar yang pasif (Syariman bin Jamari, Mohd Hanafi Mohd Yasin & Mohd Mokhtar Tahar, 2016). Terdapat juga kajian yang mengatakan bahawa pemberian ganjaran dan hukuman mesti diterapkan dengan tepat dan efisien serta perlu disesuaikan dengan situasi dan kondisi pelajar, (Yusvidha Ernata, 2017). Sekiranya ganjaran itu diberikan tepat pada masanya dan selari dengan keperluan pelajar maka pelajar akan mengubah tingkah laku untuk membuat apa yang disarankan untuk mendapat ganjaran bagi kepentingan dirinya sama dengan penawaran sijil 'star rating' sangat sesuai dengan masa dan kondisi pelajar yang memerlukan satu sijil yang melambangkan kualiti hasil solekan mereka yang akan menentukan kebolehpasaran dirinya bagi mendapatkan peluang menjalani latihan industri di tempat yang terbaik.

Sekiranya dilihat daripada perspektif Islam pula satu kajian telah dijalankan dan mendapati ganjaran merupakan sebahagian daripada kaedah untuk mendidik. Ganjaran merupakan satu teknik yang akan menyentuh sisi psikologi pelajar iaitu apabila dia membuat sesuatu kebaikan akan diberikan ganjaran dan keistimewaan dan sebaliknya ini adalah sebahagian daripada hukum alam. Lazimnya pelajar sepatutnya sentiasa berkomunikasi bersama pensyarah atas urusan projek solekan misalnya apa yang perlu diselesaikan untuk mendapat penerangan dan maklumat yang tepat tetapi menurut kajian pelajar yang kurang bertanya di dalam kelas disebabkan oleh perasaan malu dan tidak tahu apa yang hendak ditanya kepada pensyarah walaupun mereka sedar pentingnya dan faedah yang akan diperolehi apabila aktif bertanya, (Yohan Kurniawan, Thana Abdullah, Khuzaiton Zakaria & Wan Muhamad Wan Abdullah, 2012). Kajian juga menunjukkan penarafan bintang boleh digunakan sebagai alat untuk memilih sesuatu perkara dalam membuat keputusan terbaik, (Alicia L. Oxley, 2018). Kebaikan penarafan bintang adalah ia akan memudahkan urusan di dalam hal membuat keputusan kerana penarafan ini telah melambangkan kualiti dan kredibiliti sesuatu perkara. Keputusan yang baik secara relatifnya dapat dibuat dengan memilih daripada senarai yang telah menerima penarafan bintang berkaitan dengan sesuatu bidang atau perkara.

Berdasarkan kajian juga menunjukkan pendidik memainkan multi peranan semasa proses pengajaran dan pembelajaran dan salah satunya adalah dengan memberikan ganjaran dan hukuman untuk meningkatkan motivasi pelajar sehingga tercapainya matlamat pembelajaran, (Alfatory Rheza Syahrul, 2017). Jelaslah disini bahawa pemberian ganjaran berbentuk penarafan sijil 'star rating' sangat menepati matlamat asal iaitu untuk meningkatkan kualiti solekan pelajar dan keyakinan diri pelajar semasa menyelesaikan tugas dengan pencapaian yang cemerlang.


Fokus utama kajian ini adalah untuk pembangunan sumber tenaga manusia dengan penuh jaya berdasarkan kepuasan hati majikan terhadap kualiti graduan yang dihasilkan (Latifah Abdol Latif & Ramli Bahroom, 2014). Pusat pengajian tinggi berperanan untuk melahirkan tenaga manusia yang mempunyai pendidikan, kemahiran yang diperlukan di dalam pasaran pekerjaan. Tenaga mahir yang berkualiti sangat diperlukan dalam usaha untuk menjadi Negara maju dan pasaran tenaga mahir ini tidak hanya untuk pasaran tempatan malahan ke pasaran tenaga kerja dunia.

Metodologi

Setiap pelajar yang berada di dalam semester kedua akan diwajibkan untuk menyiapkan Projek Pengindahan Bahagian Muka & Penyamaran (LA01), Projek Solekan Siang Dan Malam (LA02) dan Projek Solekan Komersial (LA03). Pada pandangan pensyarah pencapaian kebanyakan pelajar dalam Projek Solekan Siang Dan Malam (LA02) dan Projek Solekan Komersial (LA03) tidak memuaskan, markah yang rendah dan projek ini merupakan kemahiran asas solekan yang perlu mereka kuasai dengan sehabis baik. Pencapaian pelajar dalam kedua-dua projek solekan ini bakal menentukan pelajar akan diterima untuk menjalani latihan industri di sesebuah organisasi ataupun tidak.

Beliau masih berhadapan dengan masalah yang sama pada setiap semester di mana pelajar tidak menurut arahan yang telah diberikan, kurang bersemangat untuk menyiapkan tugas dengan sepenuh hati, kurang kreatif, tidak fokus, tidak menepati masa, bersikap sambil lewa serta sangat selesa dengan sesuatu hasil kerja yang telah mereka hasilkan dan tidak mahu mencabar diri untuk melakukan sesuatu yang lebih untuk menghasilkan solekan yang cantik, kemas, teliti dan berkualiti tinggi. Kedua-dua jenis solekan ini merupakan penentu kebolehpasaran diri seseorang jurusolek di dalam dunia realiti. Oleh itu, pengenalan kepada Sijil 'Star Rating' sebagai penarafan kualiti solekan pelajar diharap dapat memberi kesedaran dan mengubah sikap pelajar dalam menyiapkan projek solekan komersial dan projek solekan siang dan malam kepada hasil yang berkualiti tinggi dan diiktiraf oleh pensyarah, pelanggan dan majikan.

Kajian Tindakan ini dijalankan dengan mengikuti Model Kajian Tindakan Kemmis & Mc Taggart (1988) dimana pada kitaran pertama pemerhatian dibuat diikuti dengan perancangan, melaksanakan tindakan, membuat refleksi seterusnya kitaran yang kedua boleh dilaksanakan untuk membuat penambahbaikan dan kitaran ini boleh diteruskan seterusnya sehingga permasalahan itu selesai.



Tinjauan yang telah dibuat melalui pemerhatian menunjukkan pencapaian dan kualiti solekan pelajar dalam Projek Solekan Siang Dan Malam (LA02) dan Projek Solekan Komersial (LA03) masih lagi agak rendah dan belum mencapai tahap yang diharapkan. Hasil solekan pelajar dalam kedua-dua projek tersebut masih tidak menunjukkan kemampuan pelajar untuk mengaplikasi teknik asas solekan yang telah mereka pelajari di dalam bengkel solekan dengan sepenuhnya. Pelajar masih gagal mengeksploitasi bakat dalam diri mereka sendiri kerana pelajar malas melakukan latihan solekan secara berulang-kali dan tidak berani mencuba sesuatu teknik yang baru dan hanya terlalu mengikut teknik solekan yang diajar semata-mata.

Latihan dan pengulangan merupakan proses yang akan mematangkan solekan pelajar seterusnya menajamkan kemahiran asas solekan yang telah mereka pelajari dan akhirnya akan menghasilkan solekan yang dinamik dan berinovasi. Kelemahan-kelemahan ini akan menyebabkan pelajar gagal mendapatkan kualiti solekan berkualiti tinggi yang diharapkan oleh pensyarah dan seterusnya memberi kesan terhadap peluang pelajar untuk menjalani latihan industri di organisasi yang terbaik dalam bidang solekan seperti yang diharapkan oleh pelajar itu sendiri.

Kualiti solekan komersial serta solekan siang dan malam ini turut menjadi aspek paling penting untuk membolehkan pelajar bersaing dan terus bertahan di dalam pasaran kerja selepas tamat pengajian kerana kedua-dua solekan ini biasanya menjadi permintaan ramai pelanggan di luar sana untuk menghadiri majlis-majlis rasmi dan tidak rasmi.

Pelaksanaan Kajian

Proses Pengumpulan Maklumat

Berdasarkan maklumat daripada pensyarah kursus STK 2033/Solekan Komersial sikap pelajar semasa membuat persediaan sebelum dan semasa projek solekan komersial dijalankan akan mempengaruhi dan menentukan markah yang mereka perolehi. Pelajar tidak gemar membuat latihan solekan dan eksplorasi sendiri mengikut teori-teori yang telah diajar di dalam kelas untuk mendapatkan hasil solekan yang kemas, cantik dan kreatif. Pelajar banyak bersandar kepada pensyarah, pelajar hanya akan menunggu arahan daripada pensyarah supaya membuat latihan bersama rakan di dalam kelas dan tidak gemar mencuba. Pensyarah juga memaklumkan bahawa markah projek solekan pelajar tidak mencapai tahap yang dikehendaki oleh pensyarah kerana masih ramai pelajar yang mendapat markah di bawah 50. Pendedahan tentang teknik solekan, maklumat tambahan

untuk meningkatkan kualiti solekan dan masa yang mencukupi untuk pelajar membuat latihan solekan sendiri telah diberikan tetapi pelajar tidak menggunakan peluang yang telah diberikan dengan sebaik-baiknya. Masalah ini berpunca daripada sikap pelajar yang tidak mengambil berat dan suka mengambil sikap sambil lewa.

Berdasarkan maklumat ini, sesi soal jawab secara lisan dijalankan di dalam kelas dan di dapati bahawa pelajar tidak nampak dan tidak peka dengan kepentingan markah dan gred bagi kedua-dua projek solekan ini amat penting untuk mereka. Pelajar juga tidak mempunyai semangat dan keyakinan diri untuk menonjolkan bakat mereka melalui kedua-dua projek ini kerana kurangnya pendedahan kepada kepentingan kedua-dua projek ini kepada kursus mereka dan masa depan mereka selepas tamat latihan kelak. Kemahiran solekan untuk kedua-dua projek ini boleh memberi hasil pendapatan kepada mereka dan peluang ini tidak patut disia-siakan. Markah dan gred kedua-dua projek ini juga akan menentukan kebolehpasaran diri mereka pada masa hadapan untuk mereka mendapatkan perhatian bakal pelanggan dan bakal majikan. Pelajar juga tidak sedar bahawa markah ini akan menentukan kejayaan atau kegagalan permohonan mereka untuk menempatkan diri untuk menjalani latihan industri di sesebuah organisasi yang terkenal seperti Butik Perkahwinan mahupun Salon Kecantikan ternama.

Pemerhatian dan Temu Bual

Bagi melaksanakan kajian ini satu tinjauan awal dilakukan iaitu melalui pemerhatian dalam kelas sewaktu sesi pengajaran dan pembelajaran. Pemerhatian juga dijalankan ke atas fail pembelajaran pelajar untuk melihat nota-nota yang dibekalkan serta maklumat-maklumat berkaitan yang ada di dalam fail mereka. Satu sesi temu bual secara santai dan tidak formal dibuat bersama 5 daripada 10 orang pelajar yang akan terlibat dengan projek solekan komersial dan solekan siang dan malam. Soalan yang diajukan adalah untuk mendapat maklumat asas tentang latar belakang pelajar dan membina hubungan yang baik untuk mendapatkan kerjasama dan sokongan terhadap kajian tindakan yang akan dijalankan. Selain daripada itu temu bual bersama pensyarah juga dijalankan untuk mendapatkan gambaran sebenar tentang pelajar, kandungan kursus serta proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas dan projek solekan yang akan dijalankan.

Taklimat Ringkas

Satu taklimat ringkas berkaitan penarafan Sijil 'Star Rating' bersama pensyarah dijalankan dalam suasana yang santai dan terbuka untuk mendapatkan maklumbalas dan cadangan penambahbaikan daripada mereka untuk memantapkan kajian tindakan yang akan dijalankan sebelum taklimat diberikan kepada pelajar. Satu taklimat diberi kepada semua pelajar untuk memberi penerangan dan kefahaman kepada mereka. Taklimat ini sangat penting untuk mendapatkan kerjasama dan komitmen yang sepenuhnya daripada pelajar semasa menyiapkan Projek Solekan Komersial dan Solekan Siang dan Malam. Penetapan tarikh pelaksanaan projek dinyatakan semasa taklimat ini mengikut ketetapan pensyarah berdasarkan jadual waktu rasmi dan disesuaikan dengan jadual aktiviti dan pengurusan kolej.

Pensyarah dan pelajar memberi maklumbalas yang positif di mana pensyarah berasa teruja untuk melihat perubahan sikap pelajar yang diharapkan lebih bersungguh-sungguh dan positif memandangkan hasil solekan mereka akan diberikan penarafan bintang bukan setakat markah dan gred biasa. Pelajar juga berasa teruja kerana mereka mahu melihat berapa bintang akan diberikan kepada hasil solekan komersial dan solekan siang dan malam yang akan mereka hasilkan. Ini menunjukkan pelajar akan memberi komitmen yang baik semasa mereka menghasilkan projek solekan mereka nanti.

Borang Sesi Perkongsian Maklumat 1, 2 dan 3

Borang 1 diedarkan kepada semua pelajar bertujuan untuk mendapatkan maklumat tentang alasan dan sebab mereka mengikuti program sijil terapi persolekan dan spa serta mendapatkan maklumat siapa yang menggalakkan mereka mengikuti program ini. Pelajar juga akan menceritakan serba sedikit pengalaman mereka semasa mengikuti program ini secara umum dan pengalaman menyiapkan tugas solekan yang pernah mereka buat. Di dalam borang ini juga pelajar menyatakan kesukaran dan masalah yang mereka alami semasa menyiapkan tugas. Pelajar turut diminta memberi pendapat tentang penambahbaikan yang boleh dibuat untuk menghasilkan projek solekan yang lebih baik serta berkualiti. Di dalam borang ini juga secara ringkas pelajar diminta memberitahu perancangan kerjaya mereka dan menyatakan ikon jurumekap yang mereka kagumi dan memberi peluang kepada pelajar untuk memberikan sesuatu ucapan kepada pensyarah mereka bertujuan untuk melihat penghargaan dan bagaimana hubungan yang wujud di antara pensyarah dan pelajar.

Borang 2 khas kepada pensyarah di mana pensyarah akan berkongsi pendapat mereka tentang pengenalan penarafan Sijil ‘Star Rating’ kepada projek solekan pelajar. Selain itu pensyarah akan berkongsi maklumat tentang sikap pelajar semasa menyiapkan projek solekan dan sikap pelajar apabila diberikan sesuatu tugas seperti persediaan sebelum projek dijalankan, perancangan serta latihan yang dibuat dan persediaan pada hari kejadian seperti persiapan diri sebagai jurusolek dan dokumen pelanggan yang perlu dilengkapkan. Pensyarah turut memberi pendapat kebaikan penarafan Sijil ‘Star Rating’ ke atas projek solekan pelajar dan memberi maklumat perubahan sikap pelajar yang diharapkan semasa menyiapkan projek solekan yang diberikan. Pensyarah juga diminta memberi pendapat mereka adakah penarafan Sijil ‘Star Rating’ ini sesuai diperkenalkan kepada kursus yang lain.

Borang 3 adalah borang yang diberikan kepada pelajar dalam dua peringkat. Pelajar menjawab soalan 1 dan 2 selepas taklimat pelaksanaan Sijil ‘Star Rating’ manakala soalan 3, 4, 5 dan 6 dijawab selepas pelajar menyiapkan Projek Solekan Komersial dan Solekan Siang dan Malam.

Pelaksanaan Kajian

1. Pemerhatian dan Temubual bersama Pensyarah dan Pelajar-pelajar Taklimat Ringkas Penarafan Sijil ‘Star Rating’.
2. Borang Sesi Perkongsian Maklumat 1 (Pelajar-pelajar).

3. Penerangan Proses Penarafan Bintang berdasarkan markah dan gred berpandukan Rubrik Pentaksiran Rasmi Kolej Komuniti Muar.
4. Borang Sesi Perkongsian Maklumat 3 (Pelajar-pelajar). Pelajar menjawab Soalan 1 dan 2 sahaja.
5. GELUNG 1 Penarafan Bintang Projek Solekan Komersial.
6. GELUNG 2 Penarafan Bintang Projek Solekan Siang dan Malam.
7. Borang Sesi Perkongsian Maklumat 2 (Pensyarah) dan Borang Sesi Perkongsian Maklumat 3 (Pelajar-pelajar). Pelajar menjawab soalan 3, 4, 5 dan 6.
8. Refleksi Kajian yang telah dijalankan dan Cadangan Baru.
9. Penyediaan & Penyerahan Sijil 'Star Rating'.

Jadual Markah, Gred dan Nilai Gred

Markah	Gred	Nilai Gred
90-100	A+	4.00
80-89	A	4.00
75-79	A-	3.67
70-74	B+	3.33
65-69	B	3.00
60-64	B-	2.67
55-59	C+	2.33
50-54	C	2.00
47-49	C-	1.67
44-46	D+	1.33
40-43	D	1.00
0-39	F	0.00

Jadual Penarafan Sijil 'Star Rating' berdasarkan Jadual Markah, Gred dan Nilai Gred

Markah	Gred	Penarafan Sijil 'Star Rating'
80-100	A+ dan A	5 Bintang
70-79	B+ dan A-	4 Bintang
60-69	B- dan B	3 Bintang

Kitaran 1 : Penarafan Sijil 'Star Rating' kepada Projek Solekan Komersial

Kajian tindakan ini telah dilaksanakan dalam tempoh sekitar satu bulan. Pertemuan dan perbincangan pertama bersama pensyarah telah menghasilkan idea dan perancangan untuk membuat kajian pengenalan penarafan Sijil 'Star Rating' ke atas projek solekan pelajar kerana fokus utama untuk mengatasi masalah sikap sambil lewa dan kurang bersungguh-sungguh pelajar dalam menyelesaikan projek penting yang diberikan kepada mereka.

Bagi melaksanakan penarafan Sijil ‘Star Rating’ ini beberapa langkah telah dijalankan antaranya :

1. Memberi taklimat kepada pelajar tentang pengenalan kepada penarafan Sijil ‘Star Rating’ kepada Projek Solekan Komersial.
2. Memperkenalkan Rubrik Pentaksiran yang akan digunakan untuk menilai hasil Projek Solekan Komersial. Penerangan yang terperinci telah diberikan kepada pelajar merangkumi setiap item.
3. Pelajar diberi maklumat asas dan maklumat tambahan untuk mereka membuat persediaan solekan komersial beserta dengan pakaian dan hiasan yang telah ditetapkan oleh pensyarah iaitu Solekan Pengantin.
4. Penilaian kepada pelajar akan dibuat bermula daripada penampilan diri pelajar dari aspek imej profesional, postur badan dan cara berkomunikasi semasa mula masuk ke dalam Bengkel Solekan dan penyediaan bahan dan alatan.
5. Pelajar diberi kebebasan untuk memilih apa-apa konsep berkaitan solekan dan pakaian pengantin tanpa mengira kaum dan kepercayaan. Markah akan diberikan khusus untuk solekan pengantin manakala pakaian dan hiasan akan memberi gambaran kesesuaian secara keseluruhan.
6. Penilaian solekan akan dibuat selepas masa selama 2 jam diberikan untuk pelajar menyolek model masing-masing dan sesi penilaian akan terus dibuat di dalam studio dengan bantuan pencahayaan dan kamera digital yang canggih untuk mendapatkan gambar yang terbaik.
7. Bagi menanam sifat keusahawan di dalam diri pelajar dan membuka minda untuk keperluan di masa hadapan dan meneroka alam perniagaan selepas tamat latihan, pensyarah akan memberi latihan bonus di mana pelajar dan model akan dibawa ke lokasi penggambaran yang sesuai untuk fotografi pengantin. Pelajar bebas membuat perancangan fotografi terbaik untuk modelnya agar terhasil gambar yang menarik dan asli. Gambar ini akan turut dinilai dan menjadi nilai tambah kepada proses penilaian secara keseluruhan.
8. Senarai penuh markah pelajar akan disemak untuk menentukan penarafan Sijil ‘Star Rating’ kepada Projek Solekan Komersial. Penarafan bintang yang tertinggi adalah 5 bintang diikuti dengan 4 bintang dan terendah adalah 3 bintang.

Kitaran 2 : Penarafan Sijil ‘Star Rating’ kepada Projek Solekan Siang dan Malam

Kitaran 2 kajian tindakan ini dijalankan selepas Kitaran 1 dijalankan. Kajian ini bertujuan untuk melihat keputusan penarafan Sijil ‘Star Rating’ kepada Projek Solekan Siang dan Malam berbanding keputusan penarafan Sijil ‘Star Rating’ Projek Solekan Komersial. Penilaian Projek Solekan Siang dan Malam masih menggunakan Rubrik Penarafan yang sama dengan penilaian Projek Solekan Komersial.

Tujuan Kitaran 2 ini untuk membuat perbandingan dan melihat pencapaian penarafan Sijil ‘Star Rating’ bagi setiap pelajar. Pelajar yang terlibat dalam Kajian 2 adalah pelajar yang sama untuk Kajian 1. Bagi melaksanakan penarafan Sijil ‘Star Rating’ Projek Solekan Siang dan Malam beberapa langkah telah dijalankan antaranya :

1. Memberi taklimat kepada pelajar tentang Kitaran 2 penarafan Sijil ‘Star Rating’ kepada Projek Solekan Siang dan Malam.
2. Memperjelaskan semula Rubrik Pentaksiran yang akan digunakan untuk menilai hasil Projek Solekan Siang dan Malam. Penerangan yang diberikan secara terperinci merangkumi setiap item.
3. Pelajar diberi maklumat asas dan maklumat tambahan untuk mereka membuat persediaan solekan siang dan malam. Pelajar akan diberikan satu sample solekan dan pelajar perlu meniru 100% sample solekan ini pada muka model mereka.
4. Penilaian kepada pelajar akan dibuat bermula daripada penampilan diri pelajar dari aspek imej profesional, postur badan dan cara berkomunikasi semasa mula masuk ke dalam Bengkel Solekan dan penyediaan bahan dan alatan.
5. Pelajar diberi kebebasan untuk memilih mana-mana model untuk projek ini. Markah akan diberikan khusus untuk solekan siang dan malam pada muka model dan tidak melibatkan pakaian dan sebarang hiasan.
6. Penilaian solekan akan dibuat selepas masa selama 2 jam diberikan untuk pelajar menyolek model masing-masing dan sesi penilaian akan terus dibuat di dalam studio dengan bantuan pencahayaan dan kamera digital yang canggih untuk mendapatkan gambar yang terbaik.
7. Senarai penuh markah pelajar akan disemak untuk menentukan penarafan Sijil ‘Star Rating’ kepada Projek Solekan Siang dan Malam. Penarafan bintang yang tertinggi adalah 5 bintang diikuti dengan 4 bintang dan terendah adalah 3 bintang.

Dapatan

Gelung 1 : Keputusan penarafan Sijil ‘Star Rating’ Projek Solekan Komersial

Seorang pelajar telah berjaya mencapai penarafan 5 Bintang di dalam projek solekan komersial. Seorang pelajar ini mewakili pencapaian 10% untuk penarafan 5 Bintang. Seramai 5 pelajar mendapat penarafan 4 Bintang mewakili pencapaian 50% dan 3 pelajar mendapat penarafan 3 Bintang iaitu membawa nilai 30%. Jelas di sini hanya seorang pelajar tidak berjaya mendapat penarafan bintang. Namun markah pelajar berada di atas 50 markah. Pensyarah telah berjumpa dengan pelajar ini untuk berdiskusi dan memberikan kata-kata semangat supaya pelajar ini tidak berasa rendah diri dan kecewa. Penarafan bintang ini merupakan satu suntikan motivasi kepada pelajar di mana pelajar akan berusaha untuk mendapatkan bintang bagi diri masing-masing dengan berusaha bersungguh-sungguh dan bersaing dengan rakan-rakan secara sihat.

Ringkasan penarafan Sijil ‘Star Rating’ Projek Solekan Komersial

Sijil ‘Star Rating’	Peratus	Bil. Pelajar
5 Bintang	10%	1
4 Bintang	50%	5
3 Bintang	30%	3
Tiada Bintang	10%	1
Jumlah Pelajar		10

Berdasarkan pemerhatian semasa projek solekan komersial ini dijalankan setiap langkah dan tindakan yang dibuat dan diambil oleh pelajar jelas kelihatan mereka memahami rubrik pentaksiran yang telah diterangkan. Cuma perbezaan dapat dilihat berbeza antara satu pelajar dengan pelajar yang lain adalah dari aspek sikap dan identiti masing-masing.

Gelung 2 : Keputusan penarafan Sijil 'Star Rating' Projek Solekan Siang dan Malam Pemerhatian

Tiada seorang pelajar pun berjaya mencapai penarafan 5 Bintang di dalam projek solekan siang dan malam. Seramai 5 pelajar mendapat penarafan 4 Bintang mewakili pencapaian 50% dan 3 pelajar mendapat penarafan 3 Bintang iaitu membawa nilai 30%. Di sini seramai 2 pelajar tidak berjaya mendapat penarafan bintang. Namun markah pelajar berada di atas 50 markah. Pensyarah masih mengambil pendekatan untuk berjumpa dengan pelajar bagi menjelaskan kelemahan mereka yang perlu diperbaiki. Pelajar diberikan kata-kata semangat supaya pelajar ini tidak berasa rendah diri dan kecewa.

Penarafan bintang ini masih dijadikan satu cara untuk memotivasikan pelajar untuk mencapai kecemerlangan. Pelajar diasuh untuk berusaha dengan gigih dan bersaing dengan rakan-rakan secara sihat.

Ringkasan penarafan Sijil 'Star Rating' Projek Solekan Siang dan Malam

Sijil 'Star Rating'	Peratus	Bil. Pelajar
5 Bintang	10%	0
4 Bintang	50%	5
3 Bintang	30%	3
Tiada Bintang	10%	2
Jumlah Pelajar		10

Berdasarkan pemerhatian semasa projek solekan siang dan malam ini dijalankan pelajar diberi satu cabaran di mana pelajar diminta untuk membuat solekan sama seperti contoh solekan yang telah disediakan oleh pensyarah. Pelajar mula membuat persediaan selepas mendapat contoh solekan yang diberikan. Pelajar cuba membuat solekan yang dikehendaki dengan bersungguh-sungguh supaya solekan itu kelihatan serupa dengan solekan wajah model di dalam gambar. Tugas ini merupakan pengalaman kedua pelajar membuat tugas solekan dan tugas ini akan diberikan anugerah bintang.

Perbincangan

Unjuran Penarafan Sijil 'Star Rating' Projek Solekan Komersial dan Solekan Siang dan Malam.

Satu senarai pencapaian pelajar berdasarkan penganugerahan bintang boleh dilihat seperti di bawah :

Sijil 'Star Rating'	Penarafan Bintang Solekan Komersial	Penarafan Bintang Solekan Siang dan Malam
Sijil 5 Bintang	1	0
Sijil 4 Bintang	5	5
Sijil 3 Bintang	3	3
Tiada Sijil Bintang	1	2
Jumlah Sijil Bintang	9	8

Rumusan keseluruhan daripada unjuran penarafan Sijil 'Star Rating' ini pelajar dapat dinilai dengan lebih menyeluruh berdasarkan pencapaian mereka berdasarkan daripada kedua-dua projek solekan. Pelajar menunjukkan peningkatan dalam kesungguhan dan keyakinan diri yang baik semasa menyiapkan tugas solekan komersial. Pelajar datang ke bengkel solekan dengan pakaian yang sesuai untuk menampilkan imej diri seorang jurusolek profesional. Pelajar menyusun peralatan dan alat solek dengan teliti untuk memudahkan mereka menyolek model. Pelajar berkomunikasi dengan sopan dan jelas semasa mengambil maklumat diri model dan memberi penerangan tentang keseluruhan konsep solekan dan proses solekan yang akan berjalan. Pelajar mampu menjawab soalan yang ditanya oleh model dengan jelas, ringkas dan mudah difahami. Pelajar berkelakuan seperti jurusolek.

Perkara yang paling menarik dilihat ialah apabila pelajar yang kurang kreatif pada mulanya kini menjadi semakin berani apabila diberi tugas yang mencabar dan realistik. Jelas kelihatan setiap pelajar mahu menjadikan model mereka adalah model yang paling cantik dan bergaya dalam kalangan mereka. Pelajar berlumba-lumba untuk menghasilkan solekan yang kreatif, teliti dan cantik. Pelajar juga mula menyebut mereka mahukan 5 Bintang, mereka mahukan 4 Bintang, solekan mereka akan diberi taraf bintang maka wujud suasana persaingan yang sihat dan menyeronokkan.

Berdasarkan kajian tindakan ini satu senarai pelajar yang mencapai tahap kualiti solekan yang tertinggi hingga kepada yang terendah dapat disenaraikan dengan jelas. Seramai 10 orang pelajar Sijil Terapi Kecantikan Dan Spa Kolej Komuniti Muar terlibat di dalam kajian tindakan ini dan seorang pelajar Siti Nor Umaira Shahira nombor pelajar (J12STK18F004) telah muncul sebagai pelajar terbaik bagi projek Solekan Komersial dan Solekan Siang dan Malam bagi sesi Disember 2018 serta menggondol Anugerah Emas di dalam Pertandingan MyCC Skills Peringkat Kebangsaan Tahun 2019 manakala seorang lagi pelajar mendapat Anugerah Gangsa dalam pertandingan yang sama anjuran Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, Kementerian Pendidikan Malaysia. Seramai 4 orang pelajar iaitu 40% daripada keseluruhan pelajar berjaya mendapat Sijil 'Star Rating' tertinggi iaitu Sijil 5 Bintang dan 4 Bintang. Manakala 3 pelajar mewakili 30% daripada

keseluruhan mendapat penarafan bintang sederhana dan rendah. Semua pelajar berjaya mendapat markah di atas paras 50 markah dengan jayanya.

Penutup

Penarafan bintang dengan cara memberi anugerah sijil 'star rating' juga boleh diklasifikasikan sebagai satu bentuk ganjaran atau 'reward' apabila wujud kepatuhan kepada satu garis panduan yang telah ditetapkan. Berdasarkan kajian lepas pemberian ganjaran dapat meningkatkan hasil pembelajaran pelajar (Puji Rahayu, 2017). Berdasarkan pembuktian keberkesanan dan kebaikan penarafan Sijil 'Star Rating' jelas menunjukkan peningkatan dalam kualiti solekan pelajar dan peningkatan keyakinan diri pelajar. Memang tidak dapat dinafikan terdapat perkembangan yang positif dalam hasil solekan pelajar kursus Sijil Terapi Kecantikan dan Spa, Kolej Komuniti Muar.

Kajian Tindakan ini yang berfokus kepada meningkatkan kualiti solekan pelajar dalam projek solekan komersial serta solekan siang dan malam dalam mencapai objektif yang disasarkan. Pelajar mendapat pengalaman yang menarik sepanjang menjalani kajian tindakan penarafan Sijil 'Star Rating' ini. Pelajar dapat bekerjasama bersama rakan dan pensyarah, mendapat pengetahuan dan peluang terlibat di dalam kajian tindakan penarafan Sijil 'Star Rating' yang pertama kali dijalankan. Pelajar menyatakan mereka mendapat pengetahuan dan pengalaman baru yang menyeronokkan di dalam kelas dan di dalam bengkel solekan serta peluang terlibat dengan projek solekan di dalam mahupun di luar kolej. Pelajar telah mula memiliki inisiatif sendiri untuk sentiasa mencari masa berlatih membuat berbagai-bagai jenis teknik solekan yang telah dipelajari bagi memantapkan kemahiran tangan mereka tanpa perlu disuruh atau dipaksa, usaha ini perlu dibuat dengan penuh minat dan perasaan yang ikhlas.

Pelajar lebih bertanggungjawab berlaku perubahan dalam tingkahlaku mereka kepada yang lebih positif dan proaktif mereka lebih berusaha sendiri untuk menghasilkan solekan yang terbaik, mengatur masa dengan lebih teliti, menambah alat solekan mereka dari masa ke semasa, memperbanyakkan latihan solekan secara sukarela, membuang sifat malas daripada dalam diri mereka, mendapatkan tenaga pakar daripada luar untuk membuat tunjukcara, lebih fokus dan lebih patuh kepada arahan pensyarah.

Pelajar terbaik sesi November 2018 ini juga telah berjaya mendapatkan peluang untuk menjalani latihan industri dengan mudah di salah sebuah butik pengantin terkenal iaitu Peterana Bridal House selama 16 minggu. Secara keseluruhan kesemua pelajar telah mendapat tempat untuk menjalani latihan praktikum dalam tempoh masa yang sangat singkat dan lebih awal berbanding pelajar-pelajar pada semester yang sebelumnya. Kini pelajar-pelajar ini telah tamat pengajian dan mereka semua telah mula bekerja sama ada di butik pengantin mahupun memulakan perniagaan sendiri seperti perniagaan spa bergerak untuk menjana pendapatan masing-masing dan mereka sangat berbangga untuk mempamerkan Sijil 'Star Rating' mereka untuk menarik perhatian dan keyakinan pelanggan serta bakal majikan masing-masing. Berdasarkan pemerhatian terakhir masalah

Moreover, it was a clear need for the content of language teaching material to involve the recipient who is the learner. The video modelling method used as the language source in this study was able, to a greater extent, to get all the learners involved. They were motivated by their peers, and themselves when doing the given tasks, the learners should be interest when performing the given tasks. They were asked to relate and respond to the different clips used from the video modelling method.

The issues found in the video clippings were close to their interests, needs, morale and concerns. The following data obtained from the questionnaire supports the claim as how the learners responded to the use of video modelling in their in their language learning. Their responses can be seen from the following table.

Table 5.1 *How do you respond to the use of language?*

Respondent	Responses
5 th	Quite interesting
10 th	Interesting
15 th	Surprised – never know that the videos had much information
20 th	Sometimes interesting and sometimes boring
25 th	Enjoyed
30 th	Good and interesting
35 th	Enjoyed

The students found the learning experience with the use of newspapers an exciting, interesting experience. The respondents never knew that the newspaper had so much of information. The stimulus in the form videos was able to get responses from learners. Learners responded through group work, discussing sharing of views and also through the given task sheets. After completing the given tasks, the students shared their answer. There were peer correcting sessions. During these peers correcting session, the sharing of views reinforces their learning with feedback from the teacher as well as their peer. Thus, there is no doubt that language learning does involve the behaviour of learners which is reflected in the theory of behaviourism as propagated by Skinner, Thorndike, Pavlov and Watson. How they respond to the source or stimulus is essential and vital in language learning.

In a nutshell, the students' responses have indicated that they have become more interested in learning English after using the video modelling method as the language resource. The following data based on item 12 in questionnaire 2 supports this.

Q16




Figure 5.2: Language Skills have improved

About 85% (71%+ 14%), N = 6 of the respondents have shown more interest in learning English with the use of videos. Only one (20th) responded disagree. When asked by the researcher, the respondent had indicated that interest in English developed with the reading of story books and newspaper. Then various tools have supported the claim that students have responded well to the use of videos in language learning.

5.1.3 How has the video modelling method encouraged the development of the learners’ affective domain through real world experiences?

The main aim of the humanistic approach is to draw and engage the learner into an effective engagement with their learning process. The language process which involves classroom activities must be meaningful and is able to involve learners to experience the learning. One of the main benefits of activities that encourage real world experiences in relation to the development of learner’s affective domain is that it has indeed increased

their range of expressions and language awareness through one another's work. Students had brought with them feelings, aspirations, spiritual and creative needs into the language classroom. These were amplified in the various tasks that the students had the complete.

'Information is rarely, if ever, stored in the human nervous system without affective coding.'

Earl W. Stevick

Learners' expression of feelings and needs were seen in their written answers and oral work. 86% (N=6) have agreed in this matter. The one student (30th) was not certain about this. When discussed further, during the interview she was able to understand, and she agreed.

Q15




Figure 5.3. Real world experiences.

5.2 Conclusion

The use of video modelling method in the acquisition of English language undoubtedly would benefit language learners. However, it is of utmost importance to carry out careful planning in the selection of videos, adoption of videos and the designing of appropriate tasks based on the syllabus. Being an area, which is not widely explored by teachers, it is important that there is a clear understanding and familiarization of the purpose and conditions of language to ensure that it yields positive results. The video

modelling method plays a dual role of improving language skills as well as educating the readers; these roles pave a way in learners towards self-improvement in language learning. It encourages creative thinking, easy and quick learning and successful, application. The mastering of English language will in turn strengthen a developing country like Malaysia.

A wealth of endless possibilities and surprises await the teachers and students who would use this approach to language learning. The use of video modelling is strongly recommended because it surely encourages language learners to enhance their conversational skills. Educators have to view the strength of English language as a tool to assist Malaysia to excel in the fields of Science and Technology, to meet the growing demands of the country in this endeavour towards visualizing its stake in the world. It is never too late to use the video modelling method as a tool for language learning. This method has been said to be an endless resource for innovative teachers and learners besides invigorating routine lessons (Howell, 1986).

References

- Association of Colleges and Research Libraries, American Library Association. (2011). Information literacy defined. Available at <http://www.ala.org/ala/mgrps/divs/acrl/standards/informationliteracycompetency.cfm>
- Cartledge, G., & Milburn, J. F. (1983). Social skills assessment and teaching in the schools. *Advances in School Psychology*, 3, 175-235.
- Cartledge, G., & Milburn, J. F. (1986). *Teaching social skills to children*. New York: Pergamon Press.
- Cihak, D., Fahrenkrog, C., Ayres, K. M., & Smith, C. (2010). The use of video modelling via a video ipod and a system of least prompts to improve transitional behaviors for students with autism spectrum disorders in the general education classroom. *Journal of Positive Behavior Interventions*, 12 (2), 103- 115.
- Florida International University, FIU Libraries. (2011) Information literacy vision statement. Retrieved from <http://library.fiu.edu/AboutUs/DepartmentsServices/ReferenceDepartment/InstructionProgramVisionandMissionStatements.aspx>
- Graetz, J. E., Mastropierie, M. A., & Scruggs, E. T. (2006). Show time: Using video- self modeling to decrease inappropriate behavior. *Teaching Exceptional Children*, 38 (5), 43-48.
- Mark D. Osterman Digital Literacy: Definition, Theoretical Framework, and Competencies Florida International University, USA
- Mohammed Alzyoudi & AbedAlziz Sartawi The impact of video modelling on improving social skills in children with autism (2015)

- M. Henderson & G. Romeo (Eds.), Teaching and digital technologies: Big issues and critical questions (pp. 266-281). Melbourne: Cambridge University Press
- Nikopoulos, C. K., & Keenan, M. (2006). Video modeling and behaviour analysis: A guide for teaching social skills to children with autism. London: Jessica Kingsley Publishers.
- Rustin, L., & Kuhr, A. (1989). Social skills and the speech impaired. London: Input Typesetting Ltd
- Sargent, L. R. (1991). Social skills for school and community: Systematic instruction for children and youth with cognitive delay. Washington, D.C.: The Division on Mental Retardation of the Council for Exceptional Children
- Willmot et al (2012) s Using digital video reporting to inspire and engage students.

Peranan Penasihat Industri Dalam Pembangunan Kurikulum Pendidikan Tinggi

Nurul Aini Mohd Ahyan¹ & Nor Farahwahidah Abdul Rahman¹

¹*Faculty of Social Sciences and Humanities, School of Education, Universiti Teknologi Malaysia*
nurul.aini@utm.my, nfwahidah@utm.my

ABSTRAK

Pengenalan – Pada era globalisasi ini, pemantapan sistem pendidikan negara merupakan antara tonggak utama untuk memajukan negara masing-masing dalam membentuk sebuah negara yang dinamik di taraf global. Usaha pemantapan sistem pendidikan di Malaysia adalah selaras dengan kemajuan peredaran zaman masa kini. Bertitik tolak daripada inisiatif tersebut, kurikulum sesuatu pembelajaran itu hendaklah sentiasa dikemas kini dari masa ke semasa supaya pengetahuan dan kemahiran yang dipelajari itu seiring dengan kehendak semasa. Umum menganggap bahawa, semakin cepat dan ramai graduan yang bekerja, semakin popular, hebat dan relevan ia ditawarkan kepada para belia di luar sana. Sekiranya graduan kekal menganggur dalam masa yang lama, dan dalam kuantiti yang ramai pula, adakah kesalahan utama, jatuh pada program itu sendiri? Adakah program yang ditawarkan sudah tidak relevan dan tidak mendapat tempat di hati para majikan di luar sana?

Objektif – Artikel ini merupakan satu hasil kajian kepentingan penglibatan panel penasihat industri sebagai pemangkin faktor kebolehpasaran seseorang graduan dari institusi pengajian tinggi (IPT).

Methodologi – Kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah berbentuk kuantitatif iaitu menggunakan set soal selidik dengan item tertutup. Responden kajian perlu menjawab berdasarkan skala likert. Lokasi kajian ini ialah tiga buah politeknik yang berada di selatan tanahair. Kajian ini melibatkan beberapa orang pensyarah daripada politeknik yang terlibat dengan pegawai CISEC atau *Corporate, Industrial Services & Employability Centre*. Skop kajian terbahagi kepada beberapa bahagian iaitu persekitaran kerja, skop kerja, pengalaman dan kemahiran yang berbeza, yang menjurus kepada bidang TVET. Kemudian, data yang diperolehi di analisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science (SPSS)* versi 26.0.

Dapatan – Fungsi IPT sebagai medium untuk menghasilkan modal insan yang seimbang dan berkemahiran perlu diperkasakan dengan penglibatan panel penasihat industry. Melalui kajian ini, jelas membuktikan bahawa penasihat industri merupakan satu individu yang sangat penting sebagai jambatan yang menghubungkan antara kedua-dua belah pihak.

Hubungan dua hala di antara Politeknik dan Industri menjadi salah satu faktor terhadap peningkatan peratusan kebolehpasaran graduan mereka. Tambahan lagi, peranan sebagai penasihat industri mempengaruhi perkembangan dan penambahbaikan yang perlu dilakukan oleh pihak institusi pendidikan tinggi dalam menghasilkan graduan yang berkualiti.

Kepentingan – Melalui kupasan ini diharap agar keberhasilan pelajar dalam mencapai objektif pendidikan program adalah sesuatu yang menjadi keutamaan dalam memastikan sesuatu program kekal lestari dan sentiasa menjadi pilihan utama di kalangan majikan.

Kata Kunci: kebolehpasaran, pembangunan kurikulum, penasihat industri, pendidikan tinggi

Pengenalan

Kebolehpasaran merupakan satu isu yang hangat dibincangkan sehingga kini dalam terutama sekali dalam bidang kajian. Ramai pengkaji telah melakukan kajian berkenaan isu terbabit bagi mengesan punca dan mencari jalan penyelesaian yang berlaku dalam pbagai bidang (Ernisuhani dan Noraimi, 2017). Hal ini kerana, tahap kebolehpasaran graduan merupakan satu *indicator* yang mencerminkan kualiti dan mutu kurikulum yang digunakan di sesebuah institusi (Hazrul, 2012). Di samping itu, perkembangan teknologi yang berlaku dalam kehidupan manusia sejagat juga berkembang dengan pesat tanpa had. Perkembangan yang berlaku juga turut mempengaruhi sektor ekonomi di seluruh dunia. Menurut Mohd Zaidi (2016), sistem ekonomi yang wujud pada zaman kini bersifat liberal dan terbuka iaitu sistem perniagaan yang dijalankan tiada sempadan yang menjadikan dunia ini menjadi kecil, malah penyebaran maklumat juga berlaku dengan sangat pantas tanpa batasan. Oleh itu, ekonomi sesebuah negara dapat berkembang dengan adanya kemudahan teknologi bagi menghubungkan negara terbabit dengan negara yang lain. Perkembangan teknologi ini diibaratkan senapang dua mata yang mana, ia memberikan kebaikan dan manfaat dan keburukan kepada kehidupan manusia bergantung kepada pengguna itu sendiri (Goran dan Zara, 2017).

Antara sektor ekonomi yang terkesan daripada perkembangan teknologi ini ialah sektor industri. Sektor industri telah mengalami perubahan bermula dari revolusi industri yang pertama yang hanya menggunakan enjin berkuasa stim untuk menggerakkan kenderaan dan perindustrian sehinggalah revolusi industri yang terkini iaitu revolusi industri 4.0, yang menggunakan sistem robot CPS ‘*Cyber Physical Systems*’ (Martin, 2018). Kemudahan ini telah meningkatkan lagi produktiviti dalam sektor industri sekaligus menjana pendapatan negara. Ini telah menyebabkan sektor pendidikan terutama sekali institusi pendidikan tinggi (IPT) juga turut mengalami perubahan bagi memenuhi tuntutan tersebut (Aini Najwa et al, 2018). Sehubungan dengan itu, pendidikan di negara ini juga perlu ditambahbaik bagi menghasilkan kurikulum yang mantap bertepatan dengan arus pemodenan semasa terutama sekali pendidikan di peringkat tinggi (Tang, K. N, 2020). Institusi pendidikan tinggi merupakan satu institusi yang penting kerana ia merupakan satu

medium yang memberikan kemahiran dan maklumat yang diperlukan oleh bakal pekerja dalam sektor industri (Belwal et al, 2017).

Walaupun Malaysia merupakan salah satu negara yang berstatus negara membangun, Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia telah berjaya menghasilkan ramai graduan yang berkemahiran tinggi dan dapat memenuhi keperluan dalam pelbagai sektor di negara ini (Muhammad Harith Rosly et al, 2020). Kenyataan di atas disokong dengan maklumat daripada Kajian Pengesanan Graduan yang dilakukan oleh Kementerian Pengajian Tinggi pada tahun 2019, menunjukkan hanya seramai 12.2% daripada Universiti Awam dan 21.0% daripada Institusi Pengajian Tinggi Swasta yang tidak bekerja berbanding pada tahun sebelumnya dengan 20.7% dan 24.6% dari Universiti Awam dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta yang tidak bekerja. Ini jelas menunjukkan bahawa Institusi Pengajian Tinggi (IPT) samada awam atau swasta, komited dalam menghasilkan kurikulum yang menepati kemahuan majikan di luar sana. Namun, menurut Farahana Misni et. al (2019) menyatakan bahawa oleh kerana perkembangan teknologi yang telah mempengaruhi sektor industri, kemahiran yang diperlukan oleh sektor industri sering berubah dan menyebabkan Institusi Pengajian Tinggi menerima tekanan daripada pemegang taruh 'stakeholder' terutama sekali daripada pihak industri, yang mendesak agar universiti melengkapkan pelajar dan graduan dengan kemahiran selain daripada kemahiran akademik. Menurut Prashant (2017), pihak institusi mungkin tidak dapat mengenalpasti kemahiran yang perlu ditambahbaik, namun pihak industri mengetahui apa yang diperlukan oleh mereka. Oleh itu, dalam menghasilkan kurikulum yang menepati kemahuan pihak industri, pihak institusi perlulah mendapatkan pandangan daripada Penasihat industri. Penasihat industri merupakan jambatan yang menghubungkan kedua-dua sektor bagi merapatkan lagi jurang antara dua pihak (Onder dan Zeynep, 2017).

Hasil kolaborasi daripada sektor industri dengan institusi dapat dilihat daripada peratusan bilangan graduan daripada politeknik yang tidak bekerja hanyalah 3.3% pada tahun 2019 berbanding daripada Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta (Statistik Pendidikan Tinggi 2019: Kemeterian Pengajian Tinggi). Politeknik merupakan salah satu institusi pengajian yang berkolaborasi dengan pihak industri bagi menjalankan program yang berasaskan PBK atau Pembelajaran Berasaskan Kerja (Syamhanim Ismail et al, 2015). Peratusan positif bilangan graduan yang tidak bekerja saban tahun menjadikan politeknik sebagai responden dan lokasi kajian adalah sesuai bagi menjalankan kajian ini.

Sorotan Kajian literatur

Kepentingan Kurikulum Sebagai Faktor Kebolehpasaran

Institusi Pendidikan Tinggi Awam dan Swasta merupakan institusi yang penting dalam menyediakan modal insan yang diperlukan oleh sektor industri. Pelbagai program dan kursus telah diperkenalkan kepada individu yang berminat untuk menyambung pelajaran mereka dalam bidang yang diminati. Para pelajar beranggapan bahawa jika mereka mengambil kursus di institusi terbabit, ia akan memudahkan mereka untuk diambil bekerja.

Mereka juga beranggapan bahawa segala kemahiran yang diperlukan oleh bakal majikan mereka dapat dipelajari di institusi terbabit. Namun, terdapat beberapa graduan yang tidak dapat bekerja dalam bidang yang diceburinya. Hal ini kerana, berlakunya *mismatch* dari segi pengetahuan dan kemahiran yang dipelajari di institusi terbabit dengan kehendak majikan (Hazrul, 2012). Ini telah menyebabkan graduan terbabit gagal mendapatkan pekerjaan selepas bergraduasi. Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Farahana Misni et al. (2020), menunjukkan bahawa reka bentuk kurikulum mempengaruhi tahap kebolehpasaran graduan. Sehubungan itu, pihak IPT perlulah meneliti kekurangan dan menambahbaik kurikulum yang dihasilkan dengan bantuan daripada penasihat industri. Menurut Aini Najwa et al. (2018) menyatakan pihak universiti dan industri perlu bergandingan bagi menyediakan kurikulum dan kemahiran yang diperlukan oleh industri dan ia akan dapat memberikan kebaikan kedua-dua belah pihak.

Kandungan Pembelajaran

Dalam menghasilkan graduan atau tenaga kerja yang berpengetahuan dan berkemahiran tinggi. Kurikulum yang disediakan perlulah merangkumi kemahiran-kemahiran yang diperlukan oleh seorang individu untuk mendapatkan pekerjaan. Menurut Aini Najwa et al (2018), kurikulum yang dihasilkan oleh institut pendidikan tinggi perlulah merangkumi beberapa elemen bagi menghasilkan graduan yang holistik iaitu kemahiran teknikal dan bukan teknikal, serta mempunyai etika dan moral yang baik. Pihak industri memerlukan pekerja yang mempunyai kemahiran generik atau *soft skills* dan bukan semata-mata graduan yang cemerlang dalam pelajaran seperti boleh bekerja dalam kumpulan dan kemahiran dalam menyelesaikan masalah (Hamzah, 2015). Oleh itu, kurikulum yang dihasilkan perlulah seimbang, dimana secara intipatinya dalam sesebuah pelajaran kemahiran teknikal dan kemahiran generik mampu diasah dalam diri pelajar. Aktiviti dalam sesebuah pelajaran juga boleh memasukkan aktiviti-aktiviti yang dapat membantu para pelajar berkembang seperti melakukan khidmat masyarakat atau komuniti. Dengan melakukan aktiviti tersebut ia dapat meningkatkan kemahiran generik para pelajar serta memberi pendedahan kepada pelajar.

Kemahiran Tenaga Pengajar

Tenaga pengajar juga merupakan salah satu faktor utama dalam memastikan objektif pembelajaran tercapai. Hal ini kerana, tenaga pengajar merupakan medium penyampaian maklumat serta memberikan kemahiran yang diperlukan kepada pelajar bertepatan dengan konsep pembelajaran abad 21. Dengan perkembangan teknologi yang semakin rancak, teknik penyampaian juga perlulah bertepatan dengan arus semasa (Nor Shela dan Mohd Shafie, 2019). Para pelajar ada zaman kini boleh mempelajari dan mendapatkan maklumat dari pelbagai bentuk di *internet* seperti media *Youtube*, pelajar boleh mendapatkan maklumat dari video yang menarik. Tenaga pengajar juga dapat mempelbagaikan aktiviti agar ia dapat menarik minat pelajar untuk mempelajarinya (Delipiter, 2019). Malah, aktiviti seperti melakukan lawatan ke sektor-sektor industri juga turut membantu para pelajar dengan memberi pendedahan kepada pelajar berkenaan suasana pekerjaan mereka setelah bergraduasi (Fakrul, 2020).

Metodologi

Kaedah kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah berbentuk kuantitatif. Lokasi kajian yang dipilih untuk kajian ini ialah tiga buah politeknik yang berada di Johor. Oleh kerana, tujuan kajian ini dilakukan adalah bagi mendapatkan maklumat berkenaan peranan penasihat industri dalam pembangunan kurikulum pendidikan tinggi dari sudut pandang pihak politeknik, kajian ini melibatkan beberapa orang pensyarah daripada politeknik yang terlibat dengan pegawai CISEC atau *Corporate, Industrial Services & Employability Centre*. Pihak daripada CISEC ini merupakan satu kumpulan atau organisasi yang melakukan kajian terhadap keberadaan graduan mereka setelah 6 bulan bergraduasi. Persekitaran kerja, skop kerja, pengalaman dan kemahiran yang berbeza di kalangan responden akan memastikan bahawa jawapan yang diberikan pelbagai walaupun terlibat dengan bidang yang sama iaitu TVET. Reka bentuk soal selidik pula menggunakan item soalan tertutup. Responden kajian hanya perlu menjawab berdasarkan skala likert iaitu, Sangat Tidak Setuju, Tidak Setuju, Kurang Setuju, Setuju dan Sangat Setuju. Data yang diperolehi di analisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science (SPSS)* versi 26.0 bagi mendapat nilai kebolehpercayaan alpha Cronbach. Setelah kesemua item di analisis, dapatan nilai bagi setiap item di tafsir dengan menggunakan tafsiran min yang diadaptasi daripada Landell (1997) dalam Saiful Hazman (2004)

Jadual 1.0: Tafsiran Min

Min	1.0 - 2.3	2.4 - 3.7	3.8 - 5.0
Tafsiran Min	Rendah	Sederhana	Tinggi

(Sumber: Diadaptasi daripada Landell (1997) dalam Saiful Hazman (2004))

Dapatan

Profil Responden

Berdasarkan dapatan data kajian, majoriti responden terdiri daripada lelaki seramai 16 orang dengan peratusan sebanyak 69.6%, manakala responden perempuan adalah seramai 7 orang dengan peratusan 30.4%. Ini menunjukkan majoriti pensyarah lelaki yang memegang dan terlibat dengan tanggungjawab untuk mengesan graduan politeknik selepas enam bulan bergraduasi berbanding pensyarah wanita. Seterusnya, hasil kajian menunjukkan sampel paling banyak terdiri daripada responden yang berumur 30 hingga 39 tahun seramai 12 orang dengan peratusan sebanyak 52.2% dan diikuti oleh responden yang berusia 40 hingga 49 tahun seramai 10 orang dengan peratusan 43.5%. Hasil kajian juga menunjukkan bahawa responden yang berusia 50 tahun dan ke atas merupakan responden yang paling sedikit iaitu hanya seorang dengan peratusan 4.3% dan tiada individu responden yang berusia 20 an. Hal ini menunjukkan bahawa majoriti responden adalah berusia 30-an sehingga 40-an.

Selain itu, dapatan data menunjukkan bahawa majoriti responden memegang jawatan sebagai Ketua/Penolong Ketua Unit seramai 10 orang dengan peratusan sebanyak

43.5%, dan diikuti dengan jawatan sebagai Pensyarah Kanan seramai 6 orang dengan peratusan sebanyak 26.1%. Individu responden yang memegang jawatan dengan bilangan paling sedikit ialah Ketua/Penolong Ketua Jabatan dan Pensyarah iaitu seramai 3 dan 4 orang responden dengan jumlah peratusan 13.0% dan 17.4%. Hasil kajian juga mendapati tiada responden dari jawatan sebagai pengajar dan staf sokongan untuk kajian ini. Di samping itu juga, majoriti responden kajian merupakan responden daripada institusi Politeknik A dengan bilangan responden seramai 12 orang yang mewakili peratusan sebanyak 52.2%, dan diikuti oleh responden daripada Politeknik B seramai 7 orang responden dengan peratusan 30.4%. Akhir sekali, dapatan data mendapati bilangan responden yang paling sedikit ialah daripada Politeknik C dengan bilangan responden seramai 4 orang dengan nilai peratus 17.4%.

Seterusnya, responden kajian yang dipilih mempunyai kelayakan Ijazah Sarjana mendominasi dengan bilangan responden seramai 17 orang dengan nilai peratusan 73.9%. Manakala, responden yang berkelulusan Ijazah Sarjana Muda seramai 6 orang dengan nilai peratusan sebanyak 26.1%. Hal ini menunjukkan bahawa majoriti responden kajian mempunyai tahap pendidikan sehingga Ijazah Sarjana (Master) dalam bidang masing-masing. Dapatan kajian juga telah mendapati bahawa majoriti responden adalah daripada kursus/program Kejuruteraan Elektrik iaitu seramai 15 orang dengan peratusan sebanyak 65.2% serta diikuti oleh Kejuruteraan Mekanikal seramai 4 orang dengan nilai peratusan 17.4%. Selain itu juga, seramai 2 orang responden terdiri daripada kursus/program Kejuruteraan Petrokimia dengan peratusan 8.7%. Responden daripada kursus/program Kejuruteraan Kimia dan Pendidikan teknikal masing-masing terdiri daripada seorang responden membawa peratusan sebanyak 4.3%. Akhir sekali, terdapat 6 orang responden yang mempunyai pengalaman bekerja selama 16 tahun sehingga 20 tahun dan 21 tahun ke atas dengan nilai peratusan 26.1%. Namun, dapatan kajian mendapati majoriti responden yang dipilih mempunyai pengalaman bekerja selama 11 tahun sehingga 15 tahun seramai 9 orang yang mewakili nilai peratusan sebanyak 39.1%. Individu responden yang mempunyai pengalaman yang paling sedikit iaitu 6 tahun sehingga 10 tahun hanyalah seramai 2 orang dengan nilai peratusan 8.7%.

Dapatan Data Soal Selidik

Jadual 2.0: Nilai min dapatan data kajian

Bil	Item Soalan	Nilai Min
1	Melibatkan diri dalam mesyuarat pembangunan kurikulum dengan politeknik	4.43
2	Menyediakan latihan-latihan peningkatan kemahiran kepada bakal graduan	4.00
3	Menjalinkan kerjasama antara usahawan R&D dengan Politeknik	4.43
4	Memberi sumbangan dana untuk peningkatan kualiti pelajar (cth: pembelian mesin terkini, modul dan infrastruktur)	3.83

5	Sentiasa memantau/membantu perkembangan semasa pelajar di politeknik	3.91
---	--	------

Berdasarkan Jadual 2.0, item yang mendapat nilai min yang tertinggi ialah item dengan pernyataan ‘melibatkan diri dalam mesyuarat pembangunan kurikulum dengan politeknik’, dan ‘menjalinkan kerjasama antara usahawan R&D dengan Politeknik’. Kedua-dua item terbabit mendapat nilai min 4.43. Berdasarkan jadual tafsiran min, item terbabit berada di tahap tinggi. Seterusnya ialah item yang berkenaan menyediakan latihan-latihan peningkatan kemahiran kepada bakal graduan dengan nilai min sebanyak 4.00. Selain itu, sentiasa memantau/membantu perkembangan semasa pelajar politeknik merupakan item yang mendapat nilai min 3.91. Akhir sekali, item yang keempat mendapat nilai min sebanyak 3.83 dengan pernyataan item berkenaan memberi sumbangan dana untuk peningkatan kualiti pelajar: contohnya, pembelian mesin terkini, modul dan infrastruktur.

Perbincangan

Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa majoriti responden berpendapat bahawa peranan penasihat industri ialah sentiasa melibatkan diri dalam mesyuarat pembangunan kurikulum dengan politeknik. Menurut Onder dan Zeynep (2017), dengan penglibatan daripada wakil dari sektor industri, pihak institusi dapat mengenalpasti sebarang perkembangan semasa yang berlaku dalam sektor industri dan mengenalpasti kemahiran yang diperlukan oleh sektor industri. Selain itu, item berkenaan menjalinkan kerjasama antara usahawan R&D dengan politeknik juga mendapat pilihan majoriti responden. Umum mengetahui fungsi IPT sebagai medium untuk menghasilkan modal insan yang seimbang. Namun, institusi juga bertanggungjawab untuk melakukan pelbagai kajian yang berkaitan (Belwal et al, 2017). Di mana kajian tersebut dapat mampu membantu sektor industri dalam sektor pembuatan. Seterusnya, menyediakan latihan-latihan peningkatan kemahiran kepada bakal graduan dan memantau/membantu perkembangan semasa pelajar politeknik juga merupakan salah satu peranan sektor industri. Oleh kerana, sektor industri lebih mengetahui aspek-aspek yang diperlukan oleh seseorang individu untuk diambil sebagai pekerja maka sektor industri dapat membantu dengan memenuhi kekurangan pihak IPT (Aini Najwa et. al, 2018). Akhir sekali, item berkenaan memberi sumbangan dana untuk peningkatan kualiti pelajar: contohnya, pembelian mesin terkini, modul dan infrastruktur juga dapat membantu pihak IPT dalam menghasilkan graduan yang kompeten. Dimana mesin-mesin yang disumbangkan dapat dipelajari dan digunakan oleh para pelajar bagi meningkatkan kemahiran mereka. Menurut Farahana Misni et. al (2020), bahawa pentingnya melabur dalam sektor pendidikan, kerana dengan pendidikan ia dapat membantu perkembangan manusia dan menambahkan taraf kehidupan sekitar mereka.

Penutup

Isu kebolehpasaran merupakan isu yang bukan sahaja berlaku di negara ini, sebaliknya ia berlaku di seluruh dunia dan ia merupakan satu isu yang serius, kerana ia mencerminkan kualiti pendidikan di negara kita. Namun, jika sektor Pendidikan terutama sekali IPT dan

Industri dapat bekerjasama isu ini akan dapat diatasi. Institusi pendidikan tinggi dan sektor industri perlulah bekerjasama untuk menghasilkan kurikulum yang bermutu. Kerjasama antara dua pihak akan memberikan kebaikan bukan sahaja kepada pelajar dan graduan, malah ia akan memberikan manfaat kepada sektor pendidikan dan industri. Dengan menghasilkan modal insan yang seimbang dan berkualiti, ia juga mampu menarik pelabur-pelabur asing untuk melabur di negara kita. Sekaligus ia dapat meningkatkan sektor ekonomi negara untuk berkembang dengan lebih pesat.

Rujukan

Aini Najwa, Y. K. (2018). Competencies of Engineering Graduates: What are the Employer's Expectations? *International Journal of Engineering & Technology*, 519-523.

Aini Najwa, Y. K. (2018). Towards Industrial Revolution 4.0: Employers' Expectations on Fresh Engineering Graduates. *International Journal of Engineering & Technology*, 267-272.

Belwal, R., Priyadarshi, P. and Al Fazari, M.H. (2017), "Graduate attributes and employability skills: graduates' perspectives on employers' expectations in Oman", *International Journal of Educational Management*, Vol. 31 No. 6, pp. 814-827.

Delipiter Lase. (2019). EDUCATION AND INDUSTRIAL REVOLUTION 4.0. *Jurnal Handayani (JH)*., 48-62.

Ernisuhani dan Noraimi. (2017). Kajian Terhadap Kebolehpasaran Graduan Diploma Kejuruteraan Perkhidmatan Bangunan, Politeknik Sultan Azlan Shah. *National Innovation and Invention Competition Through Exhibition (iCompEx'17)*. Perak: Politeknik Sultan Azlan Shah.

Fakrul, F. (2020). *PERANAN POLITEKNIK DAN INDUSTRI TERHADAP KEBOLEHPASARAN GRADUAN POLITEKNIK DI JOHOR DALAM BIDANG KEJURUTERAAN*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.

Farahana Misni, N. H. (2020). *The effect of curriculum design on the employability competency of Malaysian graduates*. Kuala Lumpur: Management Science Letters.

Goran Roos & Zara Shroff. (2017). What Will Happen to The Jobs? Technology Enabled Productivity Improvement-good For Some, Bad for Others. *Labour & Industry: A Journal of The Social and Economic Relations of Work*, 1-28.

Hamzah, S. N. (2015). Softskills- Kepentingannya Dalam Memenuhi Kebolehpasaran Pekerjaan Terhadap Graduan Politeknik Johor Bahru. *Tourism and Hospitality Essentials (THE) Journal*, 921-938.

Hazrul, I. M. (2012). Kajian Mengenai Kebolehpasaran Siswazah di Malaysia: Tinjauan dari Perspektif Majikan. *Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke VII (PERKEM VII)*, (pp. 906-913). Ipoh, Perak.

- Kementerian Pengajian Tinggi. (2019). Kajian Pengesanan Graduan. In *Statistik Pendidikan Tinggi 2019* (pp. 152-163). Putrajaya.
- Kementerian Pendidikan Tinggi. (2018). Kajian Pengesanan Graduan. In *Statistik Pendidikan Tinggi 2018* (pp. 161-171). Putrajaya.
- Martin, H. (2018). *INDUSTRY 4.0: How it will affect employment and what skills will be required to match the requirements of the market*. Denmark: Aarhus Business Academy.
- Mohd Zaidi, H. (2016). Strategi Menghasilkan Generasi Cemerlang Melalui Pendidikan: Peranan Universiti. *International Seminar on Education 2016* (pp. 15-22). Selangor: Universiti Selangor, Malaysia.
- Muhammad Harith Rosly, N. A. (2020). Study On The Employability Of Graduates From Bachelor Of Technology With Education Through The Graduates Perceptions. *Journal Of Critical Reviews*, 690-698.
- Nor Shela Saleh dan Mohd Shafie Rosli. (2019). Kepentingan Pembelajaran Abad ke 21 terhadap Potensi Kebolehpasaran Modal Insan. *Innovative Teaching and Learning Journal*, 71-81.
- Onder Enkarlan & Zeynep Aykul. (2018). *Review of Curriculum Development for University-Industry Collaborations with a Comparative Analysis on Master of Industrial Product Design Education*. Turkey: Izmir Institute of Technology.
- Prashant Ambad, S. B. (2018). Industry 4.0 - A Glimpse. *2nd International Conference on Materials Manufacturing and Design Engineering* (pp. 233-238). India: Elsevier B.V.
- Syamhanim Ismail, M. M. (2015). *Kajian Kes: Pembelajaran Berasaskan Kerja Program Teknologi Pengurusan Fasiliti Melalui Kolaborasi Politeknik Dan Industri*. Johor: UTHM.
- Tang, K. N. (2020). The importance of soft skills acquisition by teachers in higher education institutions. *Kasetsart Journal of Social Sciences*, 41(1), 22–27.

Pembelajaran Dalam Talian Pada Era Covid-19: Pengalaman Pelajar Kursus Metodologi Penyelidikan FPBU

Lubna Abd Rahman¹, Zalika Adam¹, Wan Azura Wan Ahmad¹ & Siti Rosilawati Ramlan¹

*¹Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia
lubna@usim.edu.my, zalika@usim.edu.my, wanzura@usim.edu.my,
rosilawati@usim.edu.my*

ABSTRAK

Pengenalan- Masyarakat seluruh dunia menyaksikan satu perubahan drastik dalam cara hidup mereka sejak berlakunya penularan wabak COVID-19. Perubahan ini meliputi semua aspek kehidupan termasuklah sosial, ekonomi dan politik. Masyarakat terpaksa mengharungi norma kehidupan baharu bagi mengekang penularan pandemik ini. Bidang pendidikan sama ada di peringkat rendah, menengah mahu pun institusi pengajian tinggi turut terkesan dengan perubahan tersebut. Di Malaysia, para pendidik dan pelajar mula beralih daripada pengajaran dan pembelajaran (PdP) di dalam bilik darjah dan bilik kuliah kepada norma baharu PdP dalam talian (online). Pelbagai platform digunakan untuk merealisasikan sistem PdP seperti penggunaan Google Classroom, Telegram, Zoom, Microsoft dan sebagainya agar pelajar tidak ketinggalan dalam proses pembelajaran. Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) turut mewajibkan pembelajaran atas talian selaras dengan arahan Kementerian Pendidikan Tinggi agar kaedah pembelajaran tersebut dilaksanakan secara berterusan sehingga Disember 2020. Bukanlah mudah untuk berubah kepada normal baharu kerana perubahan ini berlaku secara drastik.

Objektif – Kajian ini cuba melihat perubahan ini dari kaca mata pelajar Universiti Sains Islam Malaysia untuk mengetahui pandangan mereka tentang pembelajaran atas talian.

Methodologi – Kajian ini berbentuk kuantitatif yang menggunakan kaedah soal selidik dan hanya memilih sebahagian pelajar Tahun 3 yang mengikuti kursus Metodologi Penyelidikan (MP) sebagai sampel kajian.

Dapatan – Kajian awal mendapati kursus ini bukanlah mudah untuk dipelajari melalui dalam talian kerana memerlukan penerangan secara terus daripada pensyarah. Selain itu, pelajar juga kurang selesa mengikuti pembelajaran dalam talian kerana tidak dapat bersemuka dengan pensyarah untuk bertanyakan apa jua permasalahan yang dihadapi semasa melakukan tugas.

Kepentingan – Kajian ini diharapkan dapat diambil perhatian oleh pihak berwajib untuk memastikan kaedah PdP sentiasa dalam keadaan yang selesa kepada pelajar dan memberi manfaat yang optimal dalam pembelajaran mereka.

Kata Kunci: COVID-19, kursus Metodologi Penyelidikan, pembelajaran atas talian

Pengenalan

Dengan kehadiran wabak Covid-19 di seluruh dunia pada tahun ini, seluruh sistem hidup manusia di bumi ini berubah dari satu kehidupan normal kepada bentuk norma baharu. Semua aspek kehidupan terkesan dengan pandemic ini seperti ekonomi, politik, sosial dan Pendidikan. Masyarakat terpaksa menjalani normal baharu dalam kehidupan untuk mencegah penularan wabak ini, Penjarakan fizikal, pemakaian pelitup muka dan kerap basuh tangan menjadi amalan masyarakat sehingga ke hari. Hakikatnya, pandemik ini membawa impak besar dalam masyarakat. Sebahagian besar negara terpaksa mengenakan perintah berkurang, perintah kawalan pergerakan dan seumpamanya untuk mengekang wabak ini daripada terus merebak dan mengganas.

Antara aspek kehidupan yang terkesan dengan pandemic ini ialah pendidikan. Pembelajaran dalam talian telah menjadi norma baharu semenjak wabak ini melanda. Pelbagai reaksi masyarakat dapat dilihat berhubung perkara ini. Di sesetengah negara, pembelajaran dalam talian tidak dapat memberikan hasil yang memberangsangkan, menyebabkan kurang penglibatan aktif dan pelbagai gangguan semasa aktiviti pembelajaran (Adnan & Anwar, 2020; Hill & Fitzgerald, 2020). Di Malaysia, semua institusi pendidikan sama ada di peringkat rendah, menengah mahu pun di peringkat pengajian tinggi terpaksa ditutup. Tetapi, pembelajaran tetap diteruskan secara dalam talian supaya pelajar tidak ketinggalan dalam pelajaran. Pelbagai platform dalam talian diperkenal dan digunakan oleh para guru dan pelajar seperti Zoom, Microsoft Teams, Google Meet, Telegram dan sebagainya.

Selaras dengan arahan penutupan institusi pengajian tinggi dan meneruskan pembelajaran secara dalam talian. Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) turut patuh kepada arahan tersebut dan menjalankan aktiviti pengajaran dan pembelajaran (P&P) melalui aplikasi dalam talian sama secara segerak atau pun tidak segerak seperti Microsoft Teams, Zoom, Google Meet, Telegram dan Whatsapp. Namun, persoalannya: adakah semua pelajar merasa selesa dengan dalam kelaziman baharu yang mewajibkan penggunaan aplikasi seumpama itu dalam aktiviti P&P? Justeru, penulisan ini cuba mengingkap pengalaman pelajar di Fakulti Pengajian Bahasa Utama, USIM yang telah menjalani suasana norma baharu era COVID-19 dalam pembelajaran satu salah kursus yang ditawarkan, iaitu kursus Metodologi Penyelidikan, memandangkan kursus ini dilihat perlu kepada kaedah bersemuka secara fizikal antara pensyarah dan pelajar.

Sorotan Kajian literatur

Pandemic COVID-19 yang melanda dunia sejak Disember 2019 hingga saat ini telah mencetuskan fenomena baharu dalam kehidupan masyarakat dunia, Sektor ekonomi terjejas teruk dan kestabilan politik dan sosial juga tergugat. Sektor pendidikan juga turut terkena tempias pandemic ini. Sekolah dan institusi pengajian tinggi di negara-negara yang terlibat terpaksa ditutup untuk mengekang penularan wabak COVID-19. Tiada lagi P&P bersemuka secara fizikal di bangunan sekolah atau university. Jam pertemuan fizikal

digantikan dengan aktiviti P&P dalam talian supaya penjarakan fizikal dapat dilakukan. Walaupun konsep pembelajaran dalam talian juga digunakan sebelum wabak ini melanda, tetapi tidak melibatkan keseluruhan sistem pengajaran dan pembelajaran (blended-learning).

Pembelajaran dalam talian ini mencetuskan pelbagai reaksi dalam masyarakat dunia dari segi kebolehcapaian, kemampuan dan fleksibiliti. Perubahan drastic ini membawa pelbagai cabaran dan halangan terutamanya kepada negara yang bergantung sepenuhnya kepada pembelajaran konvensional atau pembelajaran di dalam kelas dan kurang menggunakan teknologi moden dalam menyampaikan ilmu, seperti di Pakistan dan India. Masalah capaian internet yang terhad dan mahal antara cabaran yang perlu dihadapi oleh pelajar di sana. Selain itu, cara pembelajaran digital ini juga menyebabkan interaksi antara guru dan pelajar menjadi kurang efektif dan memberi pengalaman belajar yang berbeza kepada pelajar, terutamanya mereka yang mempunyai masalah talian internet berkelajuan tinggi (Adnan & Anwar, 2020; Shivangi, 2020).

Cabaran ini juga dirasai oleh tenaga pengajar. Mereka terpaksa mengubah suasana dan strategi pengajaran serta cara penyampaian dalam kelas supaya dapat memberi impak pembelajaran yang baik (Hill & Fitzgerald, 2020). Tugas guru dan pensyarah semakin mencabar kerana terpaksa menyesuaikan kaedah pengajaran dengan norma dan kelaziman baharu (Bernama, 16 Mei 2020) yang menuntut penggunaan dunia maya sepenuhnya dan berinteraksi dengan pelajar dari jarak jauh (*remote learning*). Bagi tenaga pengajar yang kurang mahir dalam teknologi, mereka terpaksa belajar dan menguasai dalam masa yang singkat bagaimana mengendalikan kelas menggunakan aplikasi atau platform yang sesuai.

Di Malaysia, Perintah Kawalan Pergerakan yang mula dikuatkuasakan sejak 18 Mac 2020. Sejak itu bermula lah sejarah pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran secara maya atau dalam talian sepenuhnya di sekolah mahu pun di institut pengajian tinggi sebagai langkah membendung dan memutuskan rantai wabak COVID-19 (Muzaffar Syah Mallow, 2020). Ini bermakna menjadikan sistem P&P dalam talian adalah kemestian, bukan lagi satu pilihan dan menjadi kewajipan para pendidik untuk menguasai teknologi maklumat demi kelangsungan ilmu.

Hakikatnya, terdapat pelbagai cabaran yang terpaksa diharungi oleh para pendidik dan pelajar. Salah satu cabaran yang utama ialah kebolehcapaian internet, terutamanya di pihak pelajar. Ada pelajar yang tidak mempunyai cukup data internet dan ada juga yang tidak mempunyai capaian internet kuat hingga menyebabkan talian terputus-putus sewaktu mengikuti kelas. Tenaga pengajar pula mungkin terpaksa menguji aplikasi dan platform yang bersesuaian untuk memastikan penyampaian ilmu dalam dilakukan dengan baik (Ehwan, 2020). Mereka juga perlu menyesuaikan penilaian dan pentaksiran pelajar dengan konsep P&P dalam talian. Semuanya ini bukanlah satu yang mudah kerana memerlukan kecekapan dan kemahiran untuk menggunakan aplikasi teknologi yang mungkin masih baharu kepada sesetengah tenaga pengajar.


Metodologi

Kajian ini berbentuk kuantitatif yang bertujuan meninjau pengalaman pelajar di Fakulti Pengajian Bahasa Utama mempelajari kursus-kursus di USIM secara dalam talian bermula Jun 2020 sejak Perintah Kawalan Pergerakan diumumkan susulan penularan COVID-19. Kursus Metodologi Penyelidikan (RM) dipilih antara kursus yang dipelajari kerana kursus yang bersifat praktikal ini hakikatnya memerlukan bimbingan dan tunjuk ajar pensyarah untuk menghasilkan kertas konsep (*proposal*). Soal selidik telah diedarkan kepada pelajar Tahun 4 yang telah mengambil kursus ini pada semester lepas melalui *Google Form*. Seramai 85 orang pelajar telah menjawab soal selidik tersebut. Soal selidik ini terdiri daripada tiga bahagian utama, iaitu pandangan dan masalah pelajar belajar RM secara dalam talian serta harapan pelajar terhadap pembelajaran RM dalam talian.

Dapatan


Soal selidik diedarkan kepada pelajar SMBAK yang telah mengambil kursus Metodologi Penyelidikan untuk mengetahui pandangan mereka tentang pembelajaran atas talian atas arahan pihak USIM bagi memastikan aktiviti P&P terus berjalan.

1- Data untuk bahagian pertama: pandangan pelajar belajar RM secara dalam talian



2- Data untuk bahagian pertama: masalah pelajar belajar RM secara dalam talian

MASALAH YANG DIHADAPI OLEH PELAJAR SEMASA BELAJAR RM SECARA ONLINE



3- Data untuk bahagian pertama: harapan pelajar terhadap pembelajaran RM secara dalam talian.

Berikut ialah antara harapan yang dinukilkan oleh pelajar:

1. Harap subjek ini dapat diperkembangkan lagi untuk bersesuaian dengan suasana online learning
2. Selalu fokus dan peka semasa pembelajaran online. Pastikan pelajar mempunyai capaian internet yang baik.
3. Saya berharap agar tugas yang diberikan bersesuaian dengan suasana pembelajaran secara online.
4. Berharap bahawa para pengajar memahami pelajar-pelajar yang mempunyai pencapaian Internet lemah dalam belajar online. Pelajar-pelajar juga mesti kuatkan diri dalam belajar. Lebih-lebih lagi dalam keadaan sekarang.
5. Pengajaran SPSS dan Atlas.ti diberikan langkah yang jelas.
6. Cabaran kelas online terlalu byk .. harap dikurangkan sedikit assignment sbb trlalu byk subjek lain yg byk digantikn dgn *assignment*..sbb tiada final exam ..
7. Harapan semoga dapat kembali ke kampus agar boleh bersemuka dengan pensyarah untuk perbincangan yang lebih mendalam dan membuka minda.
8. Semoga subjek pembelajaran RM dapat dijalankan dengan lebih menarik
9. Moga dapat dilaksanakan bersesuaian dengan kaedah atas talian
10. Memerlukan kefahaman dan pendedahan yang lebih mendalam mengenai subjek tersebut terutamanya dalam bidang penulisan untuk memudahkan ketika menulis thesis.

Perbincangan

Daripada data yang dipaparkan di atas, majoriti pelajar (52.9%) berpendapat bahawa kursus yang praktikal perlukan latihan praktikal. Ini bermakna mereka bersetuju kursus RM ini perlu kepada pembelajaran bersemuka berbanding atas talian. Kebanyakan pelajar

juga berpandangan bahawa latihan dan tugas perlu bersesuaian dengan kaedah P&P dalam talian. Pembelajaran dalam talian yang dirakam oleh pensyarah mudah disimpan dan boleh dilihat atau didengar berulang kali. Data juga menunjukkan bahawa ramai pelajar tidak gemar atau tidak selesa belajar secara dalam talian berbanding pelajar yang merasa seronok dengan kaedah ini. Didapati ada juga pelajar yang merasa bosan belajar dalam talian.

Dalam pada itu, pelajar turut menyatakan masalah yang dihadapi oleh mereka semasa belajar kursus ini secara dalam talian. Majoriti mengatakan bahawa mereka tidak dapat memahami pelajaran dengan baik, tidak dapat bertemu pensyarah sekiranya bermasalah dan adakalanya salah faham terhadap arahan yang diberikan. Ini mungkin kerana kursus ini bersifat praktikal, maka adalah lebih efektif sekiranya mereka dapat bersemuka untuk bertanyakan pelajaran yang tidak difahami. Masalah lain yang dihadapi pelajar juga berkaitan dengan capaian yang lemah dan data internet yang terhad. Ada juga yang berpendapat adalah tidak praktikal belajar RM melalui dalam talian. Kesemua masalah ini menunjukkan bahawa pembelajaran RM secara dalam talian mempunyai masalah yang mungkin menyebabkan penyampaian ilmu kurang berkesan. Tambahan pula konsep pengajaran dalam talian sepenuhnya ini masih baharu dan perlu kepada pengubahsuaian dalam pelbagai aspek yang melibatkan kaedah pengajaran dan pentaksiran.

Mereka juga turut menzahirkan harapan terhadap pembelajaran RM secara dalam talian sekiranya kaedah ini masih digunakan lagi dalam semester akan datang. Antara harapan yang diutarakan ialah mengurangkan bilangan tugas untuk kursus RM kerana kursus-kursus lain juga turut memberikan tugas yang banyak sebagai menggantikan peperiksaan akhir tahun. Selain itu, diharapkan agar tenaga pengajar memahami masalah capaian internet yang dihadapi oleh sesetengah pelajar. Harapan terbesar mereka ialah kursus RM, termasuk tugas, dapat disampaikan dengan kaedah yang bersesuaian dengan suasana dan konsep dalam talian. Ada juga yang berharap agar dapat kembali ke kampus dan belajar RM secara bersemuka dengan pensyarah supaya perbincangan yang lebih mendalam dan membuka minda dapat dilakukan.

Penutup

Penularan pandemic COVID-19 memaksa sektor pendidikan beralih daripada proses pengajaran dan pembelajaran konvensional yang banyak dilakukan di institusi Pendidikan kepada satu bentuk norma baharu pendidikan iaitu pengajaran dan pembelajaran dalam talian atau secara maya. Perubahan drastik ini mencetus pelbagai cabaran kepada golongan pendidik dan pelajar yang terpaksa menyesuaikan diri dalam suasana pengajaran dan pembelajaran dalam talian atau secara maya. Justeru, tidak hairanlah kalau kita dapati terdapat pelajar yang kurang selesa dan tidak gemar mengikuti pembelajaran dalam talian.

Secara umumnya, dapat disimpulkan daripada kajian ini bahawa kebanyakan pelajar lebih gemar konsep P&P konvensional dalam pembelajaran kursus Metodologi Penyelidikan yang bersifat praktikal. Ini bermakna mereka lebih suka bersemuka secara fizikal dengan pensyarah bagi kursus ini. Kursus ini yang menekankan cara penulisan tesis dan menganalisis data dilihat lebih sesuai dijalankan secara fizikal berbanding dalam talian.

Selain itu, didapati kebolehcapaian internet juga menjadi satu masalah yang dihadapi oleh pelajar yang tidak mendapat liputan internet yang kuat. Namun, terdapat kelebihan menggunakan platform teknologi tertentu dalam P&P, antaranya pembelajaran dalam talian yang dirakam oleh pensyarah mudah disimpan dan boleh dilihat atau didengar berulang kali.

Walau bagaimana pun, di era Revolusi Industri 4.0 ini, penggunaan teknologi moden dalam proses P&P tidak dapat dielakkan. Para pendidik dan pelajar harus mempersiapkan diri untuk menguasai kemahiran teknologi maklumat ini. Dalam pada itu, masalah capaian internet yang berlaku sehingga ke hari ini harus ditangani atau ditambah baik oleh pihak berwajib. Pandemik COVID-19 secara tidak langsung mengembangkan potensi teknologi maklumat dalam kalangan masyarakat agar menjadi masyarakat celik teknologi selaras dengan perkembangan global masa kini,

Rujukan

Adnan, M & Anwar, K. (2020). Online learning amid the COVID-19 pandemic: Students' perspectives. *Journal of Pedagogical Sociology and Psychology*, 2 (1), 45-51.

Bernama. (2020 Mei 16). COVID-19: Pendidikan menerusi dunia maya cabaran baharu buat guru. *Berita Harian*. Dicapai pada 1 Disember 2020 dari <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/05/689322/covid-19-pendidikan-menerusi-dunia-maya-cabaran-baharu-buat-guru>

Ehwan Ngadi. (2020). COVID19: Implikasi Pengajaran dan Pembelajaran Atas Talian. *E-RISALAH USIM*. Dicapai pada 2 Disember 2020 dari <https://www.usim.edu.my/news/in-our-words/covid19-implikasi-pengajaran-dan-pembelajaran-atas-talian/>

Hill, K & Fitzgerald, R. (2020). Student Perspectives on the Impact of COVID-19 on Learning. *AISHE-J*, 12 (2), 1-9.

Muzaffar Syah Mallow. (2020 Jun 29). Pengajaran dan pembelajaran dalam talian. *Tinta Minda*. Dicapai pada 2 Disember 2020 dari <https://www.bernama.com/bm/tintaminda/news.php?id=1853908>

Shivangi,D. (2020). Online Learning: A Panacea in the Time of COVID-19 Crisis. *Journal of Educational Technology Systems* 2020, 49(1), 5–22.

Keberkesanan Penggunaan Lagu Berasaskan Teknologi Untuk Meningkatkan Kecekapan Perbendaharaan Kata Di Kalangan Pelajar Tahun Dua Di Universiti Malaysia Sabah (UMS)

Tracy Joann Stanlee, Soon Singh A/L Bikar Singh
Faculty of Psychology and Education, Universiti Malaysia Sabah
tracy_joann@yahoo.com, soonbs@ums.edu.my

ABSTRAK

Jadual 3 dan Jadual 4 menunjukkan faktor-faktor dominan mengikut urutan yang mempengaruhi tahap penguasaan Sains dalam kalangan murid sekolah rendah. Dari penilaian murid terhadap diri sendiri, faktor yang mempengaruhi tahap penguasaan Sains mengikut urutan. Sebanyak empat kategori telah dianalisis iaitu pandangan terhadap Sains, sikap murid, keyakinan diri, dan teknik belajar. Setiap kategori terdapat empat item. Bagi setiap kategori, nilai skor min dan sisihan piawai diperolehi setelah dianalisis menggunakan statistik deskriptif seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3. Nilai skor min bagi setiap kategori disusun mengikut turutan menurun iaitu sikap murid ($m=3.37$, $SD=0.98$), keyakinan diri ($m=3.07$, $SD=0.98$), pandangan terhadap Sains ($m=2.99$, $SD=1.08$), dan teknik belajar ($m=2.89$, $SD=0.81$). Antara empat kategori ini, faktor sikap murid menunjukkan nilai skor min yang paling tinggi iaitu 3.37, manakala faktor teknik belajar menunjukkan nilai skor min yang paling rendah iaitu 2.89. Oleh itu, faktor utama yang

mempengaruhi tahap penguasaan Sains berdasarkan penilaian sendiri murid ialah sikap murid kerana nilai skor min berada pada tahap yang tertinggi.

Jadual 3: Faktor mempengaruhi tahap penguasaan Sains dari penilaian murid terhadap diri sendiri

Faktor	Skor min (M)	Sisihan Piawai (SD)	Tahap
Pandangan terhadap Sains	2.99	1.08	Sederhana
Sikap murid	3.37	0.98	Sederhana
Keyakinan diri	3.07	0.98	Sederhana
Teknik belajar	2.89	0.81	Sederhana
Keseluruhan	3.08	0.79	Sederhana

Dari penilaian murid terhadap guru Sains, faktor yang paling dominan mempengaruhi tahap penguasaan Sains mengikut urutan. Sebanyak empat kategori telah dianalisis iaitu gaya pengajaran, sikap guru, pengetahuan komputer, dan personaliti. Setiap kategori terdapat empat item. Bagi setiap kategori, nilai skor min dan sisihan piawai diperoleh setelah dianalisis menggunakan statistik deskriptif seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4. Nilai skor min bagi setiap kategori disusun mengikut turutan menurun iaitu sikap guru ($m=3.90$, $SD=0.61$), personaliti ($m=3.57$, $SD=0.76$), gaya pengajaran ($m=3.20$, $SD=0.83$), dan pengetahuan komputer ($m=3.04$, $SD=0.93$). Antara empat kategori ini, faktor sikap guru menunjukkan nilai skor min yang paling tinggi iaitu 3.90, manakala faktor pengetahuan komputer menunjukkan nilai skor min yang paling rendah iaitu 3.04. Oleh itu, faktor utama yang mempengaruhi tahap penguasaan Sains berdasarkan penilaian sendiri murid ialah sikap guru kerana nilai skor min berada pada tahap yang tertinggi.

Jadual 4: Faktor mempengaruhi tahap penguasaan Sains dari pandangan murid terhadap guru Sains

Faktor	Skor min (M)	Sisihan Piawai (SD)	Tahap
Gaya pengajaran	3.20	0.83	Sederhana
Sikap guru	3.90	0.61	Tinggi
Pengetahuan komputer	3.04	0.93	Sederhana
Personaliti	3.57	0.76	Sederhana
Keseluruhan	3.42	0.59	Sederhana

Perbezaan yang wujud dalam setiap aspek faktor diri murid dan faktor guru mempengaruhi tahap penguasaan Sains antara murid lelaki dan perempuan melalui ujian-t adalah seperti dalam Jadual 5 dan Jadual 6. Berdasarkan analisis ujian-t ke atas setiap aspek faktor diri murid dan faktor guru, nilai p bagi setiap kategori menunjukkan kurang daripada nilai alfa 0.05. Maka dapat disimpulkan bahawa tiada perbezaan nilai signifikan setiap kategori dalam faktor yang mengaruhi tahap penguasaan Sains dari persepsi murid dari segi jantina.

Jadual 5: Ujian-T terhadap aspek faktor diri murid yang menguasai Sains dari segi jantina

Faktor	t	df	Sig.	Keputusan
Pandangan terhadap Sains	-0.196	148	0.605	Tiada perbezaan yang signifikan
Sikap murid	0.942	148	0.707	Tiada perbezaan yang signifikan
Keyakinan diri	0.935	148	0.835	Tiada perbezaan yang signifikan
Teknik belajar	0.545	148	0.437	Tiada perbezaan yang signifikan
Keseluruhan	0.651	148	0.599	Tiada perbezaan yang signifikan

Jadual 5: Analisis Ujian-T terhadap aspek faktor guru yang menguasai Sains dari segi jantina

Faktor	t	df	Sig.	Keputusan
Gaya pengajaran	1.058	148	0.227	Tiada perbezaan yang signifikan
Sikap guru	0.836	148	0.724	Tiada perbezaan yang signifikan
Pengetahuan komputer	1.156	148	0.562	Tiada perbezaan yang signifikan
Personaliti	1.071	148	0.781	Tiada perbezaan yang signifikan
Keseluruhan	1.386	148	0.104	Tiada perbezaan yang signifikan

Perbezaan yang wujud dalam setiap aspek faktor diri murid dan faktor guru mempengaruhi tahap penguasaan Sains dari segi tahap pencapaian melalui kaedah ANOVA satu hala adalah seperti dalam Jadual 6 dan Jadual 7. Seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 6, hasil analisis mendapati nilai signifikan bagi kesemua faktor diri murid yang mempengaruhi penguasaan Sains dari segi tahap pencapaian adalah $p=0.000$ iaitu lebih kecil daripada nilai alfa 0.05 ($p<0.05$). Di samping itu, Jadual 7 pula menunjukkan analisis ANOVA satu hala terhadap aspek faktor guru yang mempengaruhi penguasaan Sains dari segi tahap pencapaian. Hasil analisis kajian mendapati keputusan yang sama seperti faktor diri murid, iaitu nilai signifikan bagi kesemua faktor diri faktor yang mempengaruhi penguasaan Sains dari segi tahap pencapaian adalah $p=0.000$ iaitu lebih kecil daripada nilai alfa 0.05 ($p<0.05$), kecuali faktor pengetahuan komputer guru, dengan nilai $p = 0.097$.

Jadual 6: Analisis ANOVA satu hala terhadap aspek faktor diri murid yang mempengaruhi penguasaan Sains dari segi tahap pencapaian

Faktor	F	Sig.	Keputusan
Pandangan terhadap Sains	16.484	0.000	Terdapat perbezaan yang signifikan
Sikap murid	10.046	0.000	Terdapat perbezaan yang signifikan
Keyakinan diri	9.103	0.000	Terdapat perbezaan yang signifikan
Teknik belajar	10.911	0.000	Terdapat perbezaan yang signifikan

Jadual 7: Analisis ANOVA satu hala terhadap aspek faktor guru yang mempengaruhi penguasaan Sains dari segi tahap pencapaian

Faktor	F	Sig.	Keputusan
Gaya pengajaran	10.815	0.000	Terdapat perbezaan yang signifikan
Sikap guru	7.425	0.000	Terdapat perbezaan yang signifikan
Pengetahuan komputer	2.004	0.097	Tiada perbezaan yang signifikan
Personaliti	8.617	0.000	Terdapat perbezaan yang signifikan

Perbincangan

Hasil dapatan menunjukkan sikap murid merupakan faktor dalaman yang paling dominan mempengaruhi murid untuk belajar Sains dalam sekolah rendah. Dapatan kajian ini adalah sejajar dengan dapatan kajian Bakri et. al. (2005) yang mendapati faktor sikap murid seperti sikap ambil mudah iaitu tidak mengambil berat terhadap kepentingan Sains merupakan punca kelemahan prestasi pembelajaran mereka. Didik hibur adalah pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang menyeronokkan dan memupuk minat murid-murid untuk belajar. Omar (2008) menyatakan minat seseorang murid mempunyai kaitan dengan sikap. Apabila murid berminat untuk belajar, sikap mereka juga akan berubah. Walaupun murid seronok tetapi objektif pengajaran dan pembelajaran masih dapat dicapai seperti yang ditetapkan. Oleh itu, guru perlu merancang pengajaran dan pembelajaran agar isi kandungan mata pelajaran Sains dapat menarik minat murid. Hasil kajian menunjukkan sikap guru merupakan faktor luaran yang paling mempengaruhi tahap penguasaan Sains dalam kalangan murid sekolah rendah kerana nilai skor min berada pada tahap tertinggi. Ini menunjukkan bahawa guru-guru di sekolah memainkan peranan yang utama dalam mendidik dan mengajar murid.

Di samping itu, dapatan kajian melalui Ujian-t menunjukkan tidak terdapat satu perkaitan yang signifikan antara jantina terhadap setiap kategori faktor diri murid dan faktor guru Sains yang dikaji. Ini bermakna dapatan kajian menunjukkan murid perempuan dan murid lelaki tiada hubungan terhadap faktor yang mempengaruhi penguasaan Sains dalam kalangan murid sekolah rendah. Hasil dapatan bertentangan dengan dapatan Bridgeman dan Wendler (2005) yang menyatakan murid lelaki dan perempuan terdapat perbezaan yang ketara dalam pelbagai faktor yang mempengaruhi pembelajaran. Oleh yang demikian, faktor-faktor yang mempengaruhi penguasaan Sains tidak dipengaruhi oleh murid lelaki dan perempuan. Guru Sains boleh merancang pengajaran tanpa mengira jantina murid.

Dapatan kajian melalui ANOVA satu hala pula menunjukkan hanya pengetahuan guru tidak terdapat satu perkaitan yang signifikan antara prestasi murid terhadap setiap kategori faktor diri murid dan faktor guru Sains yang dikaji. Oleh itu, faktor yang mempengaruhi tahap penguasaan dalam kalangan murid sekolah rendah ialah pandangan terhadap Sains, sikap murid, keyakinan diri, teknik belajar, gaya pengajaran, sikap guru, dan personaliti. Oleh yang demikian, ketujuh-tujuh kategori faktor ini mempengaruhi tahap pencapaian

murid sekolah rendah. Dalam usaha meningkatkan prestasi Sains murid sekolah rendah, pihak yang berkenaan perlu mengambil kira faktor-faktor ini.

Penutup

Secara keseluruhan, kesimpulan boleh dibuat daripada kajian ini ialah sikap guru dan sikap murid mampu meningkatkan prestasi murid dalam mata pelajaran Sains sekolah rendah. Oleh itu, guru bukan sahaja bersifat sebagai seorang guru yang bertanggungjawab tetapi juga perlu memupuk sikap murid yang minat belajar. Pencapaian murid mempunyai hubungan yang paling rapat dengan sikap murid dan guru. Pengkaji berpendapat Kementerian Pelajaran Malaysia khususnya Bahagian Pendidikan Guru perlu peka bahawa sekolah memerlukan guru yang berkualiti bukan kuantiti. Kajian ini membentuk tinjauan yang lebih kepada faktor-faktor yang mempengaruhi penguasaan Sains dalam kalangan murid sekolah rendah. Beberapa cadangan kajian lanjutan dikemukakan supaya memberi manfaat kepada lebih banyak orang terutama guru dan murid. Responden dalam kajian ini hanya melibatkan murid Sekolah Jenis Kebangsaan di daerah Pontian sahaja. Oleh itu, kajian selanjutnya boleh melibatkan semua murid di seluruh negara Malaysia dari semua aliran sekolah. Kajian boleh dilakukan untuk mengkaji hubungan antara perbezaan kaum dengan faktor-faktor yang mempengaruhi penguasaan Sains murid di sekolah rendah. Kajian boleh dilakukan untuk mengkaji hubungan latar belakang keluarga dengan faktor-faktor yang mempengaruhi penguasaan Sains murid di sekolah rendah. Kajian berbentuk kualitatif seperti temubual juga boleh dijalankan supaya menambahkan kebolehpercayaan kajian.

Rujukan

Abdullah, M.S., Kamaruddin, M.K. & Lazim, A. (2009). *Kenegaraan dan Ketamadunan*. Shah Alam: Oxford Fajar.

Bakri, N., Abd.Razak, N.Z., Ab.Rahman, H. dan Ahmad Khalid, A. (2005). Punca Prestasi Pembelajaran yang Lemah di Kalangan Pelajar Fakulti Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor. *Jurnal Teknologi*. 43(E), 29-44.

Bridgeman, B & Wendler, C. (2005). Gender differences in predictors of college mathematics course grades. *Journal of Educational Psychology*, 83, 275-284.

Dayton, P. K. (1971). Competition, disturbance, and community organization: the provision and subsequent utilization of space in a rocky intertidal community. *Ecological Monographs*, 351-389.

Haron, N. & Hassan, R.A. (2010). *Malaysia Melangkah Ke hadapan*. Pengajian Malaysia Sejak 1945: Kuala Lumpur: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.

Pusat Maklumat Sains dan Teknologi Malaysia (MASTIC). (2004). *Kajian Kesedaran Awam terhadap Sains dan Teknologi*. Retrieved from

<https://mastic.mosti.gov.my/ms/kajian-sti/kajian-kesedaran-awam-mengenai-sains-teknologi-inovasi-sti-malaysia>

Mohamad, M.H. (2005). Islam Hadhari Bentuk Modal Insan Berkualiti. Malaysia: Institut Kefahaman Islam Malaysia.

Mok, S. S. (2008). Psikologi Pendidikan. Ipoh: CIPTA Printing & Publishing (M) Sdn Bhd.

Omar, N. H. (2008). Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pencapaian Pelajar Dalam Mata Pelajaran Pendidikan Islam Tingkatan Lima: Jabatan Pendidikan Islam Dan Moral. Jurnal Penyelidikan Pendidikan IPTAR, 54-74.

Passer, M.W. (2007). Psychology: The Science of Mind and Behavior. New York: McGraw-Hill.

Sulaiman, E. (2003). Amalan Profesionalisme Perguruan. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.

Persepsi Bakal Guru Pendidikan Khas Terhadap Pendidikan Khas Di Malaysia

Nurul Hidayah Liew Abdullah¹, Siti Fatimah Mohd Jamil¹, Marina Ibrahim Mukthar¹, Aini Nazura Paimin¹ & Maziana Mohamed¹

¹Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

86400 Parit Raja, Johor, Malaysia

hidayah1@uthm.edu.my, sitijamil192.mpputhm@gmail.com, marina@uthm.edu.my,

nazura@uthm.edu.my, maziana@uthm.edu.my

ABSTRAK

Pengenaan- Persediaan dan tahap pengetahuan bakal guru pendidikan khas terhadap murid berkeperluan pendidikan khas (MBPK) adalah penting untuk memastikan penyaluran ilmu kepada golongan MPBK dapat dilaksanakan secara maksimum kerana cara mendidik dan mengajar MPBK berbeza dengan murid tipikal.

Objektif- Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti persepsi bakal guru pendidikan khas di IPG Kampus Tun Hussein Onn, Batu Pahat, Johor terhadap pengetahuan mengenai pendidikan khas di Malaysia.

Metodologi- Kajian ini dilakukan secara kuantitatif deskriptif secara tinjauan di Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Tun Hussein Onn, Batu Pahat, Johor. Sampel kajian ini terdiri daripada 42 orang pelajar tahun tiga yang mengambil bidang Pendidikan Khas di IPGM Kampus Tun Hussein Onn, Batu Pahat, Johor. Data kuantitatif dianalisis secara deskriptif dengan menggunakan skor min dan sisihan piawai untuk mengenal pasti persepsi bakal guru pendidikan khas terhadap pengetahuan mengenai sistem pendidikan khas dan kategori MBPK di Malaysia.

Dapatan- Kajian mendapati bahawa tahap persepsi bakal guru pendidikan khas terhadap pengetahuan mengenai sistem pendidikan khas dan kategori MBPK di Malaysia masing-masing berada pada tahap yang sederhana iaitu masing-masing dengan nilai min 3.32 dan 3.61. Secara keseluruhannya, bakal guru pendidikan khas perlu mempunyai pengetahuan mengenai sistem pendidikan dan kategori MBPK di Malaysia untuk memastikan pengajaran dan pembelajaran yang lebih berkesan dilaksanakan kepada murid MPBK.

Kepentingan- Oleh itu, institusi pendidikan yang berkenaan perlu mencari inisiatif supaya bakal guru pendidikan khas dapat dibekalkan dengan pengetahuan yang mencukupi sebelum berkhidmat.

Kata kunci: Murid berkeperluan pendidikan khas, pendidikan khas, persepsi

Pengenalan

Seseorang murid akan tertarik dan fokus untuk menimba ilmu pengetahuan dengan gaya dan cara penyampaian yang menarik daripada seseorang pendidik atau guru semasa proses pembelajaran dan pengajaran (PdP) dilaksanakan. Oleh itu, guru harus melengkapkan diri dengan kemahiran, pengetahuan dan pengalaman dalam bidang yang diajarnya supaya dapat menarik minat murid dan objektif pengajaran dapat dicapai sepenuhnya. Begitu juga dengan insan yang berkeperluan khas, walaupun golongan ini mempunyai kekurangan tetapi mereka juga mempunyai cita-cita untuk berjaya setanding dengan individu normal yang lain. Golongan ini perlu diberi perhatian yang khusus dari segi proses PdP supaya tidak berasa tersisih daripada arus pembelajaran nasional. Pandangan serong masyarakat sekeliling dan sikap negatif yang ditunjukkan terhadap murid berkeperluan pendidikan khas (MBPK) ini merupakan salah satu penyumbang kepada impak yang besar terhadap keyakinan diri insan kelainan upaya ini. Ekoran daripada kecacatan yang dialami menyebabkan perasaan tersisih dan terabai bukan sahaja dalam kalangan ahli keluarga tetapi juga masyarakat. Hasil kajian Rosli, Wan Mahmud dan Mahbob (2016), mengukuhkan lagi bahawa sikap negatif segelintir pihak yang memandang rendah kekurangan diri MBPK menyebabkan secara tidak langsung memberikan penderaan sama ada dari segi fizikal mahupun mental. Perkara ini juga menyebabkan mereka terus disisihkan daripada komuniti masyarakat, lebih-lebih lagi golongan kanak-kanak. Hal Ini jelas memberi kesan kepada perkembangan minda dan jati diri. Oleh itu, masyarakat perlu membuang stigma negatif dan harus sedar bahawa MBPK juga sama seperti insan normal yang lain iaitu mempunyai perasaan, keinginan dan kemahiran yang sedia ada.

Persediaan dan tahap pengetahuan sama ada terhadap sistem dan kemahiran pendidikan khas di Malaysia seseorang bakal guru MBPK juga perlu dipandang serius kerana pendidikan perguruan memainkan peranan yang sangat penting untuk pencapaian matlamat pendidikan sesebuah negara. Guru merupakan individu yang memainkan peranan utama untuk memberi fokus kepada pemerolehan kemahiran dan ketrampilan di samping keperluan menerapkan nilai-nilai murni dalam kalangan murid sekolah (Mohd Sajat, 2014). Tanpa pengetahuan dan kemahiran guru yang mencukupi untuk mengajar MBPK, maka tidak mustahil golongan ini akan berasa kurang minat belajar kerana proses PdP serta gaya penyampaian guru berkemungkinan tidak berkesan dan tidak sesuai dengan keadaan golongan ini. Menurut Mohd Tahir, Mustafa dan Mohd Yassin (2009), tenaga pengajar MBPK memerlukan latihan khas yang sememangnya berbeza dengan mendidik atau mengajar murid tipikal. Semua pihak yang terlibat termasuk ibu bapa, para guru, pihak kerajaan Malaysia serta masyarakat perlu mengembleng tenaga untuk memastikan pendidikan MBPK pada hari ini mendapat tempat yang sama dengan murid tipikal.

Seorang guru perlu berkemahiran, berpengalaman dan berpengetahuan dalam sesuatu bidang yang diajarnya mampu menarik minat murid untuk belajar tentang apa yang disampaikan. Menurut Ahmad dan Abu Hanifah (2015), guru sebagai agen perubahan perlu sentiasa melengkapkan diri dengan pengetahuan dan kemahiran, mempunyai sikap yang positif serta mempunyai motivasi yang tinggi bagi membantu MBPK bermasalah pembelajaran melalui proses pengubahsuaian tingkah laku secara berkesan. Beliau juga

menyatakan bahawa seorang guru MBPK perlu menyesuaikan kaedah PdP dengan pelbagai jenis ketidakupayaan MBPK di bawah bimbingannya.

Namun begitu, masalah utama yang dihadapi oleh guru dalam mengendalikan MBPK ini ialah strategi dalam menerapkan PdP yang efektif untuk mencapai objektif PdP. Tambahan pula, terdapat MBPK banyak memberikan maklum balas negatif berkenaan pengajaran guru terutamanya berkaitan aspek komunikasi, pengetahuan dan disiplin di dalam bilik kuliah. Hal ini termasuklah isu seperti penyampaian yang tidak jelas, tidak menggunakan contoh yang sesuai, penjelasan yang tidak jelas, syarahan yang tidak tersusun, kehadiran lewat, kurangnya menguasai subjek, nota yang tidak menarik dan gagal menguruskan kelas dengan baik (Lee & Shafli, 2017). Oleh itu, seseorang guru pendidikan khas perlu mempunyai persepsi yang tinggi terhadap pengetahuan mengenai bidang yang diceburinya supaya mampu menjalankan proses PdP dengan baik dan berkesan. Hal ini, secara tidak langsung dapat meyakinkan MBPK terhadap pengetahuan yang disampaikan dan menarik minat MBPK untuk belajar. Selari dengan pernyataan Rahardian (2017), menyatakan bahawa guru berpersepsi diri yang tinggi akan memiliki kemampuan diri untuk mengambil keputusan dengan baik. Jika guru mempunyai persepsi diri yang rendah, maka semakin kurang baik keputusan yang akan diambilnya. Hal ini akan menyebabkan proses PdP tidak dapat dijalankan dengan lancar kerana guru tidak dapat membuat sesuatu keputusan dengan baik ketika menyampaikan ilmu. Masalah juga timbul apabila guru pendidikan khas tidak mempunyai kemahiran penyampaian PdP ketika di dalam kelas. Menurut Toran, Mohd. Yasin, Tahar dan Salleh (2010), guru pendidikan khas autism menyatakan bahawa latihan yang mereka perolehi sepanjang pengajian di universiti/institusi perguruan adalah sederhana mengenai pendidikan khas. Menurut Vellmalay (2016), tingkah laku seorang guru akan mempengaruhi tingkah laku murid. Oleh itu guru perlu mempunyai persepsi yang tinggi terhadap pengetahuan dimiliki supaya dapat memberikan contoh-contoh PdP yang kreatif kepada MBPK. Hal ini, secara tidak langsung dapat menarik minat MBPK untuk terus belajar.

Pihak pengajian tinggi juga harus memandang serius mengenai pengetahuan bakal guru pendidikan khas tentang pendidikan khas di Malaysia. Pihak pengajian tinggi juga harus melihat kembali sistem kurikulum yang telah dibangunkan dan keberkesannya kepada bakal guru bidang pendidikan khas ini. Menurut Lee dan Shafli (2017), guru-guru perlu menguasai kemahiran terutamanya berkaitan cara-cara mendidik, mengasuh serta membimbing MBPK kerana pendekatan mengajar MBPK ialah berbeza dan memerlukan pemerhatian yang lebih selari. Jika guru tidak berpengetahuan luas untuk mengendalikan MBPK, objektif PdP tidak akan tercapai kerana MBPK merupakan golongan istimewa yang memerlukan pendidik khas berbanding dengan golongan tipikal. Oleh itu, kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti persepsi bakal guru pendidikan khas terhadap pengetahuan mengenai pendidikan khas dan kategori MBPK di Malaysia. Hal ini kerana guru perlu memberikan tumpuan bukan sahaja kepada isi pengajaran tetapi individu itu perlu dididik dan diberi bimbingan semasa proses PdP berlangsung. Kemahiran dan teknik pengajaran yang baik serta serasi dengan kemampuan MBPK dijangka dapat meningkatkan minat MBPK terhadap PdP.

Pendidikan Khas di Malaysia

Sekolah dan guru pendidikan khas memainkan peranan yang sangat penting dalam proses PdP MBPK. Dua elemen ini merupakan tonggak utama untuk membina anak bangsa MBPK yang berjaya pada masa hadapan dan melahirkan murid seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek. Penerapan proses pengajaran yang kreatif dalam pendidikan juga dapat melahirkan murid seimbang dari segi pengetahuan dan kemahiran. Kesediaan seorang guru dalam membuat perancangan dan pertimbangan secara teliti sangat diperlukan bagi memastikan pengajaran berkesan dan sekaligus memberi impak kepada MBPK. Guru yang kurang pendedahan dalam kursus akan mengakibatkan guru tersebut kurang kemahiran dan pengetahuan dalam mata pelajaran tersebut dan sedikit sebanyak mengganggu pencapaian murid mengikut objektif yang telah ditetapkan. Dapatan kajian Seman, Che Omar, Yusoff dan Abdullah (2016), menunjukkan bahawa guru menghadapi masalah untuk menerangkan atau menyampaikan sesuatu konsep PdP kepada MBPK masalah pendengaran dan memahami sesuatu pertuturan yang disampaikan oleh MBPK. Guru pendidikan khas perlu memahami cara mengurus tingkah laku MBPK semasa proses PdP demi membentuk insan yang mampu berfikir secara logik dan aras tinggi, menyelesaikan masalah secara berdikari dan menghargai keunikan individu. Selain itu, guru pendidikan khas perlu mempunyai tahap pengetahuan yang tinggi dan bijaksana menguruskan tingkah laku murid secara profesional berlandaskan falsafah dan teori tingkah laku yang bersesuaian (Ahmad & Abu Hanifah, 2015). Hal ini kerana keunikan tingkah laku MBPK adalah berbeza dengan murid tipikal.

Dengan peningkatan jumlah MBPK kategori autisme, keperluan terhadap guru-guru pendidikan khas yang terlatih turut meningkat untuk mendidik murid yang mengalami autisme. Namun, menurut Toran, Yassin, Tahar dan Salleh (2010), mendapati bahawa kekurangan pengetahuan tentang autisme dalam kalangan responden dipercayai disebabkan oleh kekurangan input latihan komprehensif semasa pengajian di institusi pendidikan. Dapatan kajian turut menunjukkan majoriti responden menyatakan bahawa latihan yang diterima untuk mengenali autisme juga kurang. Tanpa latihan yang mencukupi menyebabkan bakal guru pendidikan khas kurang berkeyakinan dan tidak mampu melaksanakan tugas dengan efektif. Selain itu, suasana pembelajaran kondusif, hubungan positif antara guru pendidikan khas dan MBPK adalah penting kerana kebanyakan MBPK bermasalah pembelajaran mempunyai konsep sendiri yang rendah (Ahmad & Abu Hanifah, 2015). Oleh itu, guru pendidikan khas perlu menyediakan perancangan yang sistematik dan bersesuaian dengan keperluan MBPK untuk memastikan tingkah laku MBPK diurus secara positif. Menurut Toran, Mohd. Yasin, Tahar dan Salleh (2010), guru-guru pendidikan khas perlu dilengkapi dengan pelbagai kemahiran strategi pengajaran yang terkini bagi menarik minat MBPK untuk belajar.

Dapatan kajian Samat @ Yusof dan Mohd Yassin (2016), guru pendidikan khas menghadapi masalah untuk menerapkan elemen kreatif dan inovasi terhadap MBPK masalah pembelajaran. Walaupun terdapat Buku Panduan Elemen Kreativiti dan Inovasi dibekalkan oleh pihak KPM, namun buku panduan tersebut secara umumnya masih tidak dapat memberikan pengetahuan sepenuhnya kepada guru. Guru pendidikan khas juga tidak

mendapat panduan khusus untuk melaksanakan elemen kreatif dan inovasi dalam proses PdP. Penerapan Kreativiti dan Inovasi dalam PdP adalah perlu dan penting terutama kepada MBPK Masalah Pembelajaran yang mempunyai pelbagai ketidakupayaan. Proses PdP berkait rapat dengan tujuan guru sebagai penyampai ilmu dan keberkesannya dalam pengajaran. Bakal guru pendidikan khas perlu menguasai asas pendekatan pengajaran supaya dapat menjayakan proses PdP golongan MBPK. Selain itu, guru perlu mempunyai persepsi yang tinggi terhadap pengetahuan diri supaya dapat mengawal kelas ketika melaksanakan proses PdP dan merealisasikan matlamat pendidikan khas. Hasil kajian Ihda Husnayaini (2016), menunjukkan bahawa guru yang mempunyai persepsi tinggi terhadap pengetahuan diri mampu mempengaruhi proses PdP di dalam kelas dengan baik. Hal ini kerana antara kekangan dan halangan yang sering dihadapi MBPK ialah berkaitan dengan keperluan tahap pembelajaran untuk mencapai objektif PdP (Mukhtar Singh, 2004).

Kesimpulannya, dapatan kajian terdahulu menunjukkan bahawa persepsi pengetahuan dan kemahiran guru masih perlu ditambah baik supaya dapat merealisasikan hasrat semua pihak seperti MPBK, ibu bapa, masyarakat dan negara. Oleh itu, pelbagai usaha dan program masih perlu dilaksanakan untuk meningkatkan lagi perkhidmatan pendidikan bakal dan guru pendidikan khas agar kelemahan pelaksanaan pada masa kini dapat dimurnikan dan mencapai tujuan pendidikan khas. Selain itu, dapat melahirkan MBPK yang mampu mengurus diri dan seterusnya menyumbang ke arah peningkatan ekonomi negara.

Metodologi

Reka bentuk kajian yang digunakan dalam kajian ini ialah reka bentuk kajian kuantitatif deskriptif secara tinjauan bagi mengenal pasti persepsi bakal guru pendidikan khas terhadap pengetahuan mengenai sistem pendidikan khas dan kategori MBPK di Malaysia. Kajian ini dijalankan di Institusi Pendidikan Guru Malaysia Kampus Tun Hussein Onn, Batu Pahat, Johor. Populasi kajian ialah seramai 42 pelajar tahun tiga yang mengambil bidang Pendidikan Khas di IPGM Kampus Tun Hussein Onn. Dalam kajian ini, populasi kajian dijadikan sebagai sampel kajian kerana bilangan pelajar program pendidikan khas yang terhad. Pelajar tahun tiga dipilih sebagai sampel kajian kerana pelajar tahun tiga merupakan pelajar telah mengikuti hampir semua kursus yang ditawarkan. Oleh kerana kajian ini ingin mengenal pasti persepsi terhadap pengetahuan bidang yang dipelajari maka kumpulan sasaran ini paling sesuai dijadikan sebagai sampel kajian.

Instrumen kajian dalam kajian ini ialah borang soal selidik yang dibangunkan dengan menggunakan Skala Likert 5 pemeringkatan iaitu sangat tinggi, tinggi, sederhana, rendah dan sangat rendah seperti yang ditunjukkan pada Jadual 1. Menurut Ghaffar (2003), instrumen yang menggunakan skala likert sangat popular dalam soal selidik kerana mudah ditadbir dan data yang diperoleh mudah dianalisis.

Jadual 1: Skala Likert

Pernyataan Skala	Nilai
Sangat Tinggi	5
Tinggi	4
Sederhana	3
Rendah	2
Sangat Rendah	1

Sumber: Abdul Ghaffar (2003).

Dalam kajian ini, skala likert adalah amat sesuai digunakan untuk mengukur persepsi bakal guru pendidikan khas terhadap pengetahuan mengenai pendidikan khas di Malaysia. Borang soal selidik dibangunkan mengandungi tiga bahagian iaitu bahagian A, B dan C. Soal selidik pada bahagian A hanya terdiri daripada soalan-soalan mengenai demografi responden seperti jantina, umur dan bangsa. Bahagian B dan Bahagian C menggunakan skala likert untuk mengukur persepsi bakal guru pendidikan khas terhadap pengetahuan mengenai sistem pendidikan khas dan kategori MBPK di Malaysia.

Kesahan instrumen telah dilaksanakan dengan kesahan pakar yang terdiri 3 orang pensyarah universiti yang mempunyai pengetahuan yang luas dalam bidang pendidikan khas. Pemurnian instrumen telah dilakukan dengan mengambil kira komen-komen panel pakar. Seterusnya, kajian rintis dijalankan untuk menentukan kebolehpercayaan instrumen. Dalam kajian ini, kajian rintis telah dijalankan ke atas 30 orang pelajar tahun tiga yang mengikuti program pendidikan khas di IPGM Kampus Perempuan Melayu, Melaka. Hasil kajian rintis mendapati bahawa instrumen soal selidik ini mempunyai kebolehpercayaan yang baik dengan nilai Alpha Cronbach sebanyak 0.827 (sistem pendidikan khas) dan 0.828 (kategori pendidikan khas). Menurut Bond dan Fox (2015), nilai Alpha Cronbach melebihi 0.8 adalah baik dan boleh diterima. Oleh itu, instrumen ini boleh digunakan dalam kajian yang sebenar untuk mengukur pemboleh ubah yang telah dinyatakan iaitu persepsi terhadap pengetahuan mengenai sistem dan kategori pendidikan khas di Malaysia.

Data yang telah dikumpul telah dianalisis menggunakan persisian komputer *Statistik package for the Social Science* (SPSS) versi 23. Analisis deskriptif dalam kajian ini digunakan untuk menguji nilai min, sisihan piawai, frekuensi dan juga peratusan. Melalui analisis diskriptif, tahap intepretasi boleh diperoleh berdasarkan skor min seperti pada Jadual 3.

Jadual 3: Skala Interpretasi Skor Min

Skor Min	Tahap Interpretasi
1.00-2.33	Rendah
2.34-3.66	Sederhana
3.67-5.00	Tinggi

Sumber: Pallant 2007

Dapatan Kajian

Kajian yang dilakukan ini melibatkan 42 orang responden yang terdiri daripada 21.4 % (9 orang) responden lelaki dan 78.6% (33 orang) responden perempuan. Hasil kajian mendapati bahawa bilangan responden perempuan lebih ramai daripada lelaki. Jadual 4 menunjukkan bahawa responden kajian ini terdiri dari bangsa Melayu 78.6% (33 orang), bangsa Cina sebanyak 4.8% (2 orang) dan bangsa lain-lain sebanyak 16.7% (7 orang).

Jadual 4 Analisis demografi responden

Bil	Kategori	Kekerapan	Peratusan
1.	Jantina		
	Lelaki	9	21.4%
	Perempuan	33	78.6%
2.	Bangsa		
	Melayu	33	78.6%
	Cina	2	4.8%
	India	-	-
	Lain-lain	7	16.7%
3.	Umur		
	18-21	2	4.8%
	22-25	40	95.2%
	26-29	-	-
	>30	-	-

Umur responden dibahagikan mengikut empat peringkat umur. Berdasarkan Jadual 4, lingkungan pertama berumur antara 18-21 tahun terdiri daripada 4.8% (2 orang). Peringkat kedua pula adalah daripada responden yang berumur 22-25 tahun terdiri daripada 95.2% (40 orang). Tiada responden yang berumur pada peringkat umur 26-29 dan >30.

Analisis Persepsi Bakal Guru Pendidikan Khas Terhadap Pengetahuan Mengenai Sistem Pendidikan Khas di Malaysia

Sebanyak 15 item telah dibina untuk mengukur pemboleh ubah ini iaitu menjurus kepada persoalan mengenai sistem pendidikan khas di Malaysia.

Jadual 5: Analisis persepsi terhadap Sistem Pendidikan Khas di Malaysia

Bil	Item	Skala					Min	Sisihan piawai	Tahap
		1	2	3	4	5			
1.	S1	23.8% (10)	31.0% (13)	33.3% (14)	9.5% (4)	2.4% (1)	2.357	31.78	Sederhana
2.	S2	7.1% (3)	7.1% (3)	38.1% (6)	33.3% (14)	14.3% (6)	3.41	1.061	Sederhana
3.	S3	-	7.1% (3)	21.4% (9)	47.6% (20)	23.8% (10)	3.88	0.8611	Tinggi
4.	S4	-	4.8% (2)	21.4% (9)	50.0% (21)	23.08 (10)	3.92	0.8083	Tinggi

5.	S5	-	7.1% (3)	21.4% (9)	42.9% (18)	28.6% (12)	3.92	0.8942	Tinggi
6.	S6	-	21.4% (9)	45.2% (19)	21.4% (9)	11.9% (5)	2.24	31.760	Rendah
7.	S7	-	11.9% (5)	11.9% (5)	32.0% (13)	45.2% (19)	4.10	1.031	Tinggi
8.	S8	-	2.4% (1)	2.4% (1)	23.8% (10)	71.4% (30)	4.64	0.6559	Tinggi
9.	S9	2.4% (1)	-	4.8% (2)	21.4% (9)	71.4% (30)	4.59	0.7981	Tinggi
10.	S10	31.0% (13)	35.7% (15)	26.2% (11)	4.8% (2)	2.4% (1)	2.12	29.860	Rendah
11.	S11	16.7% (7)	33.3% (14)	35.7% (15)	11.9% (5)	2.4% (1)	2.50	33.400	Sederhana
12.	S12	2.4% (1)	-	14.3% (6)	31.0% (13)	52.4% (22)	4.31	0.8968	Tinggi
13.	S13	-	-	26.2% (11)	45.2% (19)	28.6% (12)	4.02	0.7486	Tinggi
14.	S14	4.8 (2)	14.3 (6)	16.7 (7)	42.9 (18)	21.9 (9)	3.61	1.125	Sederhana
15.	S15	-	-	4.8% (2)	40.5 (17)	54.8% (23)	4.50	0.5946	Tinggi
Purata min							3.61	Sederhana	

Berdasarkan analisis yang telah dilakukan, tiada item yang mendapat skor min rendah seperti pada Jadual 5. Skor min semua item berada antara sederhana dan tinggi. 11 item memperoleh skor min pada tahap tinggi seperti item S8, “Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) merupakan program di sekolah harian biasa yang mempunyai kelas pendidikan” dengan skor min sebanyak 4.64 (SP=0.6559). Seramai 30 orang (31.4%) responden menjawab berpengetahuan ‘Sangat Tinggi’, 10 orang (23.8%) responden menjawab berpengetahuan ‘Tinggi’, masing-masing seorang (2.4%) responden telah menandakan berpengetahuan ‘Sederhana’ dan ‘Rendah’.

Terdapat 4 item yang berkedudukan pada tahap sederhana iaitu item S1, S2, S11 dan S14. Antara item pada tahap sederhana ini, item S2 iaitu ‘Program Pendidikan Khas telah berkembang di bawah kelolaan KPM (Kementerian Pendidikan Malaysia) semenjak sistem pendidikan kebangsaan diwujudkan pada tahun 1957’ merupakan item yang mendapat skor min yang paling rendah iaitu 3.41 (SP=1.061). Seramai 33.3% (14 orang) responden yang menjawab berpengetahuan ‘Tinggi’ mengenai soalan yang diberikan dan 14.3% (6 orang) menjawab berpengetahuan ‘Sangat Tinggi’. Jadual 5 menunjukkan bahawa peratusan paling tinggi seramai 38.1% (16 orang) responden menjawab berpengetahuan ‘Sederhana’ mengenai soalan yang ditanyakan. Selebihnya responden menjawab mempunyai pengetahuan yang ‘Rendah’ dan ‘Sangat Rendah’ masing-masing 7.1% (3 orang).

Analisis kajian secara keseluruhan telah mendapati bahawa responden berpengetahuan sederhana mengenai sejarah perkembangan pendidikan Khas di Malaysia, program pendidikan khas yang telah dilaksanakan di Malaysia dan kurikulum pendidikan khas yang dilaksanakan di Malaysia. Namun begitu, 2 item yang memperolehi interpretasi jumlah skor pada tahap rendah <2.33 iaitu S6 dan S10. Secara keseluruhannya, didapati bahawa item persepsi bakal guru pendidikan khas terhadap pengetahuan mengenai sistem pendidikan khas di Malaysia adalah berada pada purata skor min 3.61. Dengan itu, nilai interpretasi secara keseluruhan min bagi aspek sistem berada pada tahap sederhana.

Persepsi Bakal Guru Pendidikan Khas Terhadap Pengetahuan Mengenai Kategori MBPK di Malaysia

Hasil analisis menunjukkan bahawa persepsi bakal guru pendidikan khas terhadap pengetahuan mengenai kategori MPBK di Malaysia berada pada tahap tinggi seperti pada Jadual 6.

Jadual 6: Analisis persepsi terhadap kategori MBPK di Malaysia

Bil	Item	Skala					Min	Sisihan piawai	Tahap
		1	2	3	4	5			
1.	K1	52.4% (22)	33.3% (14)	2.4% (1)	7.1% (3)	4.8% (2)	1.78	26.64	Rendah
2.	K2	4.8% (2)	16.7% (7)	38.1% (16)	31.0% (13)	9.5% (4)	3.28	1.0075	Sederhana
3.	K3	26.2% (11)	28.6% (12)	33.3% (14)	9.5% (4)	2.4% (1)	2.33	1.052	Rendah
4.	K4	38.1% (16)	23.8% (10)	26.2% (11)	11.9% (5)	-	2.11	1.064	Rendah
5.	K5	4.8% (2)	4.8% (2)	33.3% (14)	38.1% (16)	19.0% (8)	3.61	1.011	Sederhana
6.	K6	-	4.8% (2)	14.3% (6)	38.1% (16)	42.9% (18)	4.19	.8622	Tinggi
7.	K7	2.4% (1)	7.1 (3)	9.5% (4)	38.1% (16)	42.9% (18)	4.11	1.017	Tinggi
8.	K8	2.4% (1)	2.4% (1)	16.7% (7)	28.6% (12)	50.0% (21)	4.21	0.976	Tinggi
9.	K9	2.4% (1)	-	26.2% (11)	23.8% (10)	47.6% (20)	4.14	.9777	Tinggi
10.	K10	16.7% (7)	23.8% (10)	33.3% (14)	7.1% (3)	19.0% (8)	2.88	1.329	Sederhana
11.	K11	-	50.0% (21)	33.3% (14)	9.5% (4)	7.1% (3)	1.74	27.700	Rendah
12.	K12	-	4.8% (2)	16.7% (7)	40.5% (17)	38.1% (16)	4.11	.8611	Tinggi

13.	K13	19.0% (8)	23.8% (10)	38.1% (16)	11.9% (5)	7.1% (3)	2.64	32.790	Sederhana
14.	K14	-	4.8% (2)	14.3% (6)	31.0% (13)	50.0% (21)	4.26	.8851	Tinggi
15.	K15	2.4% (1)	7.1 (3)	9.5% (4)	14.3% (6)	66.7% (28)	4.35	1.078	Tinggi
Purata min							3.32		Sederhana

Hasil analisis data menunjukkan bahawa 4 item berada pada tahap rendah dengan nilai skor min 1.00 hingga 2.33. K4, 'Saya tahu menggunakan bahasa isyarat untuk berkomunikasi dengan MBPK bermasalah pendengaran', mempunyai nilai skor min paling rendah iaitu 2.11 (SP=1.064). Tiada responden yang menjawab pada skala 5 iaitu berpengetahuan 'Sangat Tinggi' pada soalan tersebut. Sebanyak 38.1% (16 orang) menjawab berpengetahuan 'Sangat Rendah', 23.8 % (10 orang) menjawab pada skala 2 iaitu berpengetahuan 'Rendah' dan sebanyak 26.2% (11 orang) menjawab pada skala 3 iaitu berpengetahuan 'Sederhana' terhadap pernyataan yang diberikan dan sebanyak 11.9% (5 orang) menjawab pada skala 4.

4 item iaitu item K2, K5 dan K10 memperolehi skor min antara 2.34 hingga 3.66 iaitu berada pada tahap sederhana. Item K10, 'Saya tahu menggunakan alat khas yang digunakan oleh MBPK seperti alat bantu pendengaran' mendapat skor min paling rendah iaitu 2.88 (SP=1.329). Berdasarkan Jadual 6, responden menjawab pada skala 3 iaitu berpengetahuan 'Sederhana' merupakan peratusan paling tinggi sebanyak 33.3% (14 orang). Sebanyak 23.8 % (10 orang) menjawab pada skala 2 iaitu berpengetahuan 'Rendah' dan sebanyak 16.7% (7 orang) menjawab pada skala 1 iaitu berpengetahuan 'Sangat Rendah' terhadap pernyataan yang diberikan. Sebanyak 7.1 % (3) telah menjawab pada skala 4 iaitu mempunyai pengetahuan 'Tinggi' dengan mengetahui penggunaan alat khas yang digunakan oleh MBPK dan sebanyak 19.0% (8 orang) menjawab berpengetahuan 'Sangat Tinggi'.

Item K1, 'Terdapat lapan kategori murid berkeperluan pendidikan khas (MBPK) di Malaysia iaitu salah satunya MBPK bermasalah pembelajaran' menunjukkan nilai min 1.78 (SP=26.64). Item K11, 'MBPK bermasalah pertuturan terdiri daripada empat masalah seperti masalah gagap' menghasilkan nilai min 1.74 (SP=27.700). Bagi item K13, 'Kerdil (Achondroplasia) iaitu $\leq 142\text{cm}$ bagi lelaki dan $\leq 148\text{cm}$ bagi wanita merupakan salah satu MBPK bermasalah fizikal' dengan nilai min 2.64 (SP=32.790).

Analisis kajian secara keseluruhan telah mendapati bahawa responden berpersepsi berpengetahuan sederhana untuk memahami pertuturan yang disampaikan oleh MBPK bermasalah pertuturan, berpengetahuan sederhana untuk menerangkan dengan jelas sesuatu konsep PdP mengikut kategori keupayaan MBPK, berpengetahuan sederhana tentang penggunaan alat khas yang digunakan oleh MBPK seperti alat bantu pendengaran dan mempunyai pengetahuan sederhana mengenai MBPK bermasalah fizikal. Hasil kajian juga mendapati bahawa responden berpersepsi berpengetahuan rendah untuk memahami dan menggunakan bahasa isyarat untuk berkomunikasi dengan MBPK. Secara

keseluruhannya, didapati bahawa item bagi persepsi bakal guru pendidikan khas terhadap pengetahuan mengenai kategori MBPK di Malaysia adalah berada pada purata skor min 3.316. Dengan itu, nilai interpretasi secara keseluruhan min bagi aspek kategori adalah pada tahap sederhana.

Perbincangan

Hasil kajian menunjukkan bahawa persepsi bakal guru pendidikan khas terhadap pengetahuan mengenai sistem dan kategori pendidikan khas di Malaysia adalah sederhana. Hal ini kerana responden berada pada tahun 3 dan akan berkhidmat di institusi pendidikan selepas tamat pengajian telah mengikuti kursus-kursus yang ditetapkan oleh institusi pendidikan. Daripada kursus tersebut, bakal guru pendidikan khas mendapatkan pengetahuan berkaitan dengan sistem pendidikan khas sama ada secara langsung mahupun tidak. Namun begitu, dapatan kajian A. Hamid dan Alias (2017), yang menunjukkan bahawa tahap pengetahuan guru tentang pengajaran tulisan tangan MBPK bermasalah pembelajaran berada pada purata skor min yang tinggi berkemungkinan kerana responden telah mendapat maklumat dan pengetahuan yang lengkap mengenai MBPK yang mengikuti PPKI yang dilaksanakan di Malaysia ketika di pusat pengajian tinggi. Menurut Mohd Tahir, Mustafa dan Mohd Yassin (2009), guru perlu diberikan lebih keutamaan dari aspek penyediaan PdP, latihan guru, silibus mahupun kelengkapan disediakan di institusi latihan pendidikan supaya mereka lebih bersedia untuk menjadi guru yang cemerlang. Selain itu, bakal pendidik juga seharusnya mempunyai inisiatif sendiri untuk meningkatkan ilmu dan pengetahuan terutamanya dalam bidang sendiri supaya dapat menyampaikan ilmu kepada kumpulan sasaran dengan jitu. Perkara ini kerana seseorang guru perlu mempunyai ilmu pengetahuan dan kemahiran yang luas supaya dapat menggunakan situasi-situasi PdP secara cekap dan berkesan (Bulat, 2006). Daripada pengetahuan yang diperoleh semasa menuntut dan menjalani Latihan kemahiran diinstitusi pendidikan, seseorang bakal guru dipercayai boleh menyampaikan pengajaran dengan yakin dan Berjaya mencapai objektif PdP. Good dan Beckerman (2008), menyatakan bahawa kejayaan semua murid yang memiliki tahap kemampuan yang berbeza-beza dipengaruhi oleh keberkesanan pengajaran guru itu sendiri.

MPBK, ibu bapa dan masyarakat menaruh harapan yang tinggi terhadap para pendidik supaya dapat menyampaikan pengetahuan dan pengajaran kepada murid-murid yang perlu dibimbing. Oleh itu, bakal guru pendidikan khas perlu sentiasa dahagakan ilmu terutamanya bidang yang perlu dikuasai supaya dapat merealisasikan matlamat semua pihak dan akhirnya matlamat pendidikan khas dapat dicapai. Dapatan kajian Ghani dan Ahmad (2008), menunjukkan bahawa MBPK mengharapkan guru mengajar secara cekap dan berkesan seperti mengajar murid tipikal. Hal ini kerana MBPK juga seperti murid tipikal yang ingin berjaya dalam hidup seperti insan-insan lain.

Daripada dapatan kajian ini, bakal guru pendidikan khas seharusnya mempunyai pengetahuan yang pelbagai dan berusaha sentiasa menjadi yang terbaik kepada MBPK. Ilias, et al (2016), menyatakan bahawa inisiatif dan usaha guru dalam meningkatkan pengetahuan dan kemahiran berkaitan penggunaan BBM dalam PdP merupakan satu pendekatan yang proaktif dalam memastikan peranan guru dalam pendidikan kekal relevan

dengan arus perkembangan teknologi kini. Dapatan kajian oleh Seman, Che Omar, Yusoff dan Abdullah (2016), menunjukkan bahawa guru pendidikan khas menghadapi masalah untuk memahami sesuatu pertuturan yang disampaikan oleh MBPK. Sebagai guru pendidikan khas seharusnya mempunyai pengetahuan terhadap semua kategori MBPK supaya bakal guru tidak menghadapi masalah ketika mengajar MBPK dalam pelbagai keupayaan, supaya dapat melahirkan guru berkualiti yang dapat menyesuaikan diri dalam pelbagai keadaan. Selari dengan kajian Lee dan Shafli (2017), menyatakan guru harus berusaha untuk mempertingkatkan keupayaan yang lebih efektif ketika proses PdP, perlu menggalakkan dan memotivasikan pelajar untuk belajar. Hal ini secara tidak langsung dapat menaikkan semangat serta membentuk jati pelajar yang positif melalui penerapan unsur motivasi yang telah disampaikan oleh pensyarah semasa proses pengajaran dan pembelajaran dalam kelas. Oleh itu, seseorang bakal guru pendidikan khas perlu menguasai kategori MBPK supaya dapat melaksanakan PdP dengan berkesan dengan BBM dan pendekatan yang tepat.

Dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa bakal guru pendidikan khas kurang menguasai konsep PdP mengikut kategori MBPK. Hasil kajian ini selari dengan dapatan kajian Toran, Yassin, Tahar dan Salleh (2010), mendapati bahawa responden kekurangan pengetahuan mengenai MBPK bermasalah pembelajaran dipercayai disebabkan oleh kekurangan input latihan komprehensif yang diterima sepanjang pengajian di universiti ataupun di institut perguruan. Menurut kajian Lee dan Shafli (2017), MBPK banyak memberi maklum balas yang negatif terhadap pengajaran guru seperti penyampaian yang tidak jelas, penjelasan tidak jelas, tidak menggunakan contoh dengan baik, nota yang tidak menarik dan gagal menguruskan kelas dengan baik. Keadaan ini jika tidak diatasi dengan segera akan menyebabkan kegagalan pendidikan khas secara amnya.

Kesimpulannya, persepsi bakal guru pendidikan khas terhadap pengetahuan mengenai pendidikan khas di Malaysia masih perlu ditambah baik supaya pelaksanaan PdP golongan istimewa ini dapat dilaksanakan dengan lebih holistik dan seterusnya memberi impak yang positif bukan sahaja kepada MBPK tetapi juga dapat menyumbang ke arah kemakmuran negara. Oleh itu, semua pihak perlu bekerjasama sebagai satu pasukan untuk memastikan kejayaan pendidikan khas di Malaysia tercapai dengan lebih berkesan.

Penutup

Kesimpulannya, bakal guru dan guru pendidikan khas perlu sentiasa meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan sikap yang positif terhadap profesion keguruan terutamanya pendidikan khas. Hal ini kerana perkembangan MBPK dan keunikan MBPK sentiasa berubah mengikut perubahan zaman apatah lagi dengan kemajuan teknologi yang telah terlalu jauh ke hadapan sedangkan pendidik dan kurikulum yang disandarkan masih berada pada takuk yang lama. Perubahan persekitaran dan kecanggihan teknologi telah memaksa para pendidik supaya lebih berdaya saing untuk memajukan diri dengan meningkatkan pengetahuan sama ada dari aspek kognitif, psikomotor mahupun afektif agar MBPK dapat dibimbing dengan baik. Bimbingan dan didikan yang baik akhirnya dapat melahirkan model insan istimewa yang cemerlang kepada diri sendiri, keluarga, masyarakat, agama dan negara.

Rujukan

Abdul Ghafar, M. N. (2003). *Reka Bentuk Tinjauan Soal Selidik Pendidikan*. Johor: University Teknologi Malaysia, Skudai, Johor.

Ahmad, N. A., & Abu Hanifah, N. H. (2015). Tahap Pengetahuan Bakal Guru Pendidikan Khas Apabila Mengurus Tingkah Laku Murid Bermasalah Pelajaran. *Asia Pacific Journal Of Educator and Education*, 30, 73-88. Dicapai dari [http://apjee.usm.my/APJEE_30_2015/APJEE%2030%20Art%205%20\(73-88\).pdf](http://apjee.usm.my/APJEE_30_2015/APJEE%2030%20Art%205%20(73-88).pdf)

A. Hamid, A. H. & Alias, A. (2017). Pengetahuan Guru Tentang Pengajaran Tulisan Tangan Murid Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran di Daerah Rembau. *Simposium Pendidikan diPeribadikan: Perspektif Risale-I Nur*. (SPRiN2017), 689-694. Dicapai dari <http://conference.ukm.my/sprin/index.php/sprin/sprin/paper/viewFile/75/38>

Bond, T.G, & Fox, C. M. (2007). *Applying the Rasch Model: Fundamental Measurement in the Human Sciences*. Edisi ke-2. Lawrence Erlbaum Associates Publishers, London.

Bulat, N. L. (2006). *Tahap Kesediaan Kemahiran Dan Pengetahuan Pedagogi Guru-Guru PKPG KH Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Mata Pelajaran Kemahiran Hidup* (Tesis Ijazah Sarjana Muda). Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor.

Ghani, M. Z. & Ahmad A. C. (2011). Strategi untuk Mengembangkan Kemahiran Berkomunikasi Kanak-kanak Berkeperluan Khas. Penerbit USM. Pulau Pinang.

Ilias, M.F., Murihah, A., Kalthom, H., Jasmi, K.A., Abdul Hafiz, A., & Arieff Salleh, R. (2016). Jenis-Jenis Sumber Pengetahuan Guru Pendidikan Islam dalam Penggunaan Bantu Mengajar di Sekolah Bestari. *e-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi*. Edisi Khas. Vol.3, No. 2-1 (Jun 2016). 41-55. e-ISSN 2289-7909.

Ihda Husnayaini (2016). Persepsi Diri Terhadap Kemampuan Berbahasa Mahasiswa Berbahasa Inggris. *Scientia*, 1(1), 133-155. Dicapai dari <https://jurnal.lp2msasbabel.ac.id/index.php/sci/article/view/560>

Lee, M. F. & Shafli, R. (2017). Karektor Guru Pendidikan Khas Aliran Kemahiran Berlandaskan Nilai Retorik Dari Perspektif Pelajar Pendidikan Khas Masalah Pendengaran di Malaysia. *Advanced Journal of Technical and Vocational Education*, 1 (1), 2550-2174. Dicapai dari [https://www.ajtve.com/uploads/5/0/4/5/50452301/\[434-438\].pdf](https://www.ajtve.com/uploads/5/0/4/5/50452301/[434-438].pdf)

Mohd Sajat, N. (2014). Tahap Kecerdasan Emosi Guru-Guru Pendidikan Khas Integrasi Di Sekolah Rendah Daerah Batu Pahat (Tesis Ijazah Sarjana). Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor.

Mohd Tahir, L., Mustafa, N. Q. & Mohd Yassin, M.H. (2009). Pendidikan Teknik Dan Vokasional Untuk Pelajaran Berkeperluan Khas. *Jurnal Pendidik dan Pendidikan*, 24, 73-87. Dicapai dari http://eprints.usm.my/34528/1/JPP24_05_LokmanTahir_73-87.pdf

Mukhtar Sigh, S. K. (2004). Keupayaan Guru di Sekolah Pendidikan Khas Dalam Menerapkan Proses Pengajaran dan Pembelajaran Di Kalangan Orang Golongan Upaya di Negeri Johor (Tesis Ijazah Sarjana Muda). Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor.

Pallant, J. (2007). *SPSS Survival Manual. A Step by Step Guide to Data Analysis Using SPSS*. 3rd Edition. Allen & Unwin, Australia.

Rahardian, D. A. (2017). *Hubungan Antara Persepsi Diri Terhadap Pengambilan Keputusan Dalam Menentukan Tujuan Studi* (Tesis Program Studi Stara 1). Universiti Muhammadiyah Sukarta. Indonesia.

Rosli, H. F., Wan Mahmud, W. A. & Mahbob, M. H. (2016). Peranan Media Sebagai Alat Kesedaran Sosial Dalam Kalangan Orang Kurang Upaya di Malaysia. *Jurnal Komunikasi Malaysian*, 32 (2), 471-488. Dicapai dari <http://103.219.237.47/mjc/article/view/16491/7629>

Samat @ Yusoff, S. & Mohd Yassin, M.H. (2016). Pengetahuan dan Sikap Guru Pendidikan Khas Menerapkan Kreativiti dan Inovasi Dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah Pendidikan Khas (KSSSRPK). *Seminar Antarabangsa Pendidikan Khas Rantau Asia Tenggara*, 6, 138-146.

Seman, N. H., Che Omar, M. Yusoff, A. & Abdullah, M. Y. (2016). Analisis Permasalahan Pelajar Cacat Pendengaran Dalam Pembelajaran Mata Pelajaran Pendidikan Islam di Malaysia. *Jurnal Ilmi*, 6, 105-124. Dicapai dari <http://journal.kuim.edu.my/index.php/JILMI/article/view/41/36>

Toran, H., Mohd Yassin, M. H., Tahar, M. M & Salleh, N. R. (2010). Tahap Latihan, Pengetahuan dan Keyakinan Guru-Guru Pendidikan Khas Tentang Autisme. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 35(1), 19-26. Dicapai dari <http://www.ukm.my/jurfpnd/volume35%20pdf/Tahap%20Latihan,Pengetahuan%20dan%20Keyakinan%20Guru-guru%20Pendidikan%20khas%20Tentang%20Autisme.pdf>

Vellymalay S. K. N. (2016). Keberkesanan Hubungan Guru Kelas-Murid dalam Merangsang Kesedaran Terhadap Integrasi Etnik dalam Kalangan Murid di Bilik Darjah. *Jurnal Ilmi*, 6, 69-88. Dicapai dari <http://journal.kuim.edu.my/index.php/JILMI/article/view/39>

Perbandingan Kesedaran Pelajar Terhadap Amalan Keselamatan Di UTHM Dan KKTM

Muhammad Nurfirdaus bin Mokhairi¹, Lai Chee Sern¹, Lee Ming Foong¹, Fazlinda binti Ab Halim¹

¹*Faculti Pendidikan Teknikal dan Vokasional, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
firdaus.mokhairi@gmail.com, lcsern@uthm.edu.my, mflee@uthm.edu.my,
fazlin@uthm.edu.my*

ABSTRAK

Pengenalan – Kebanyakan kes kemalangan yang terjadi di Insitusi Pengajian Tinggi berlaku di makmal atau bengkel. Sehubungan itu, keselamatan merupakan satu aspek yang amat penting dalam bengkel yang melibatkan kerja kemahiran dan fizikal. Sebagai contoh, bengkel Teknologi Kimpalan merupakan bengkel yang berisiko tinggi sekiranya pelajar tidak memberi perhatian sepenuhnya terhadap aspek keselamatan semasa proses pembelajaran. Salah satu faktor yang menyebabkan kemalangan berlaku adalah kesedaran pelajar terhadap amalan keselamatan yang rendah.

Objektif – Objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti tahap kesedaran pelajar terhadap amalan keselamatan dari aspek diri, peralatan dan persekitaran dalam kalangan pelajar yang mengikuti program Teknologi Kimpalan di UTHM dan KKTM. Selain itu, kajian ini juga membandingkan tahap kesedaran antara pelajar UTHM dan KKTM terhadap amalan keselamatan.

Methodologi – Reka bentuk bagi kajian ini adalah berbentuk kajian kes dengan menggunakan pendekatan kuantitatif. Sampel kajian terdiri daripada 40 pelajar UTHM dan KKTM. Kaedah persampelan bertujuan digunakan untuk pemilihan responden. Instrumen kajian yang digunakan adalah borang soal selidik yang mengandungi 20 item soalan. Kesahan instrumen ditentukan melalui teknik pengesahan pakar. Item instrumen dimurnikan berdasarkan cadangan daripada pakar. Kebolehpercayaan instrumen dikenalpasti dengan menentukan Cronbach's alpha. Dari aspek analisis data pula, kedua-dua statistik deskriptif dan inferensi telah digunakan iaitu min, sisihan piawai dan t-test.

Dapatan – Dapatan kajian telah menunjukkan bahawa kesedaran pelajar terhadap amalan keselamatan di bengkel kimpalan adalah pada tahap yang tinggi dari semua aspek yang dikaji. Dapatan kajian juga mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari aspek keselamatan diri, keselamatan peralatan dan keselamatan persekitaran antara pelajar UTHM dan KKTM. Ini menunjukkan bahawa kedua-dua institusi (UTHM dan KKTM) telah menekankan aspek keselamatan sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran di bengkel Teknologi Kimpalan.

Kepentingan – Secara spesifiknya, hasil kajian ini amat penting bagi pensyarah UTHM dan KKTM kerana ia memberi gambaran kasar tentang kesedaran pelajar tentang amalan keselamatan di bengkel. Amalan keselamatan yang baik di bengkel Teknologi Kimpalaan boleh dijadikan sebagai panduan kepada bengkel yang lain. Tambahan pula, perancangan dan strategi boleh diaturkan oleh institusi untuk mempertingkatkan kesedaran pelajar dan seterusnya mengurangkan kes kemalangan di bengkel.

Kata Kunci: keselamatan bengkel, kesedaran, keselamatan diri, keselamatan peralatan, keselamatan persekitaran

Pengenalan

Keselamatan perlu diamalkan ketika berada di dalam bengkel dan sewaktu kerja-kerja amali dilakukan. Menurut Saher (2015), keselamatan merupakan satu aspek yang paling penting dalam pengurusan sesuatu makmal dan bengkel. Selain itu, keselamatan merupakan elemen penting yang perlu dinilai oleh pihak pengurusan makmal untuk kerja-kerja amali ujikaji makmal dan amali. Peraturan keselamatan di dalam makmal perlu diberitahu kepada pengguna terlebih dahulu bagi mengelakkan berlaku perkara yang tidak diingini (kemalangan). Menurut Roslena (2012), kecederaan di bengkel yang disebabkan oleh perbuatan yang tidak selamat adalah di antara 85% hingga 98%. Kebanyakan kecederaan yang berlaku adalah berpunca daripada individu yang cuai dan ini menunjukkan bahawa kesedaran terhadap keselamatan di bengkel masih tidak memuaskan dalam kalangan pengguna bengkel atau makmal.

Aspek keselamatan di bengkel amat perlu diberi perhatian terutamanya di Institusi Pengajian Tinggi TVET seperti UTHM dan KKTM. Majoriti Institusi TVET menawarkan program yang bersifat teknikal dimana proses pengajaran dan pembelajarannya banyak dilaksanakan di bengkel atau makmal seperti di UTHM dan KKTM, antara alatan tangan dan mesin yang digunakan oleh pelajar adalah pelbagai jenis untuk keperluan kurikulum pengajian. Sekiranya aspek keselamatan tidak diberi penekanan, maka kemalangan akan berlaku. Antara bengkel yang selalunya berlaku kemalangan adalah bengkel kimpalan kerana kerja mengimpal melibatkan penggunaan kuasa elektrik tinggi, proses mengimpal melibatkan suhu tinggi serta mengeluarkan percikan api, dan bahan kerja juga berada dalam keadaan yang panas.

Kebiasaanya jenis risiko yang berlaku dalam kalangan pelajar ialah mereka tidak mematuhi peraturan yang ditetapkan semasa di dalam bengkel kimpalan. Contohnya, mereka suka bergurau senda antara satu sama lain dan ini boleh menyebabkan kemalangan yang tidak diingini berlaku kepada pelajar. Menurut Mustapha (2020), peraturan keselamatan di bengkel atau tempat kerja perlu diamalkan oleh setiap pekerja dari semasa ke semasa. Di samping itu, peraturan-peraturan keselamatan bengkel di setiap institusi berbeza tetapi bagi pelajar yang masih mentah dan pertama kali masuk ke bengkel, mereka berkecenderungan mengabaikan peraturan-peraturan yang ditetapkan semasa berada di dalam bengkel. Inilah salah satu punca yang menyebabkan berlakunya kemalangan di bengkel.

Selain itu, bilangan pelajar dan ruang persekitaran yang berbeza pada setiap institusi di bengkel akan mendorong kepada kemalangan. Justeru, keselamatan di dalam bengkel akan lebih rumit jika bilangan pelajar terlalu ramai menggunakan ruang atau kemudahan peralatan yang sedia ada dalam satu masa dan penyusunan peralatan mesin

juga memainkan peranan yang penting bagi mengelakkan sebarang kemalangan. Selain itu, kemalangan yang melibatkan penggunaan alatan serta mesin akan dapat dicegah jika mesin tidak dijaga dan diselenggarakan dengan sempurna dari semasa ke semasa. Selain itu, ruang yang sempit serta pelajar yang ramai juga akan memburukkan lagi keadaan ketika melakukan kerja-kerja di bengkel. Disebabkan ruang yang terhad dan sempit perkara seperti gangguan emosi, keadaan yang panas dan suasana yang tidak teratur boleh berlakunya kemalangan.

Seterusnya faktor yang biasa berlaku adalah pelajar sentiasa mengabaikan peraturan keselamatan diri dengan tidak memakai *Personal Protective Equipment* (PPE) ketika kerja-kerja bengkel dijalankan. Contohnya pelajar tidak memakai peralatan keselamatan diri seperti sarung tangan, pelindung muka keselamatan, kasut keselamatan dan sebagainya (Yusof, 2014). Ini juga akan menyebabkan berlakunya kemalangan di dalam bengkel. Faktor lain adalah peralatan di setiap bengkel juga tidak mencukupi dan tidak dalam keadaan yang baik. Ini juga boleh menyebabkan berlakunya kemalangan kepada pelajar ketika kerja-kerja di bengkel.

Setakat ini, maklumat yang berkaitan dengan perbandingan kesedaran terhadap amalan keselamatan di bengkel kimpalan antara institusi amat kurang kerana kajian sebegini tidak banyak dijalankan. Kekurangan maklumat yang berbentuk empirikal akan menyusahkan pihak insitusi untuk melakukan perbandingan dengan insitusi lain bagi tujuan penambahbaikan dalam aspek keselamatan di bengkel.

Kesedaran pelajar terhadap amalan keselamatan dan kesihatan adalah amat penting semasa melakukan kerja-kerja amali di bengkel dan juga makmal. Aspek keselamatan merupakan faktor yang paling penting perlu ditekankan semasa melakukan kerja-kerja amali khususnya di bengkel kimpalan. Kesedaran terhadap keselamatan bengkel kimpalan perlu ditanamkan kepada setiap pelajar supaya sikap mementingkan keselamatan ini dapat diamalkan semasa menempuh di alam pekerjaan kelak. Di samping itu, pentingnya menjaga keselamatan kepada para pelajar UTHM mahupun KKTM semasa menjalani aktiviti di bengkel kimpalan.

Bengkel kimpalan yang terdapat di institusi berpotensi untuk menyebabkan kecederaan atau kemalangan kepada penggunanya jika ia tidak dikendalikan dengan baik dan mengikut peraturan sebagaimana yang telah ditetapkan (Samuri, 2013). Oleh sebab itu, tahap kesedaran pelajar untuk mematuhi peraturan keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang disediakan oleh pihak institusi tidak boleh dipandang ringan. Lantaran itu, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti sejauh mana mereka sedar tentang perkara tersebut. Kajian ini akan mengenal pasti tahap kesedaran mereka ke atas aspek keselamatan di bengkel kimpalan dalam kalangan pelajar UTHM dan KKTM yang terlibat secara langsung dalam kimpalan.

Bagi mencapai tujuan kajian, beberapa objektif telah dibina seperti di bawah:

- i. Mengetahui tahap kesedaran dari aspek keselamatan diri, peralatan dan persekitaran terhadap amalan keselamatan dalam kalangan pelajar di UTHM dan KKTM
- ii. Membandingkan tahap kesedaran antara pelajar UTHM dan KKTM terhadap amalan keselamatan dari aspek diri, peralatan dan persekitaran.

Sorotan Kajian literatur

Amalan keselamatan merupakan perkara yang berkaitan dengan pengetahuan mengenai keselamatan dan pengetahuan yang digunakan untuk menyelesaikan masalah keselamatan. Selain itu, amalan keselamatan juga boleh didefinisikan sebagai kepatuhan yang ditunjukkan, ini merupakan suatu perkara yang sentiasa diamalkan dari masa ke semasa. Kepatuhan yang ditunjukkan ini melibatkan amalan keselamatan bengkel. Di samping itu, amalan keselamatan yang dilaksanakan ini adalah untuk mengelakkan kemalangan, kecederaan atau kerosakan berlaku semasa proses amali dijalankan (Boon & Kamarudin 2010).

Bagi memastikan terbentuknya amalan keselamatan, peraturan-peraturan keselamatan haruslah dipatuhi oleh setiap pengguna bengkel terutamanya semasa melakukan kerja-kerja amali. Bagi memastikan keselamatan pengguna bengkel sentiasa selamat, terdapat tiga aspek keselamatan dititikberatkan apabila sedang melakukan kerja amali iaitu keselamatan diri, keselamatan peralatan dan keselamatan persekitaran.

(a) Keselamatan Diri

Keselamatan diri merupakan perkara utama yang perlu dititikberatkan dan ditekankan. Ini kerana keselamatan diri semasa berada di bengkel dan sedang melakukan kerja amali perlu ditekan terutamanya dari segi pakaian. Pakaian yang sesuai merupakan menjadi faktor penting yang dapat mengelakkan daripada bahaya semasa melakukan kerja. Menurut Abdul Rahman dan A. Hamid (2011), pakaian yang sesuai juga memberi keselesaan kepada pengguna semasa melakukan kerja dan secara tidak langsung akan menjadikan sesuatu kerja yang dilakukan lebih mudah.

Selain daripada pakaian, bahagian anggota lain juga perlu dititikberatkan contohnya kaki, tangan, dan mata juga perlu diberi keutamaan supaya perkara yang tidak diinginkan berlaku. Dalam konteks kerja kimpalan, kasut keselamatan perlu sentiasa dipakai semasa berada dalam bengkel. Semasa melakukan kerja mengimpal pula, sarung tangan perlu dipakai untuk mengelakkan daripada terkena percikan api atau terpegang bahan kerja yang panas. Selain itu, pengadang muka atau goggles yang bertujuan untuk melindungi bahagian muka dan mata juga perlu dipakai.

(b) Keselamatan Peralatan

Keselamatan peralatan merupakan aspek yang sangat perlu dititikberatkan dan diberi perhatian khusus oleh pelajar ketika di dalam bengkel. Pelajar perlu mematuhi peraturan penggunaan peralatan atau mesin dengan betul dengan berpandukan *Standard Operating Procedur* (SOP) (Wan Ismail, 2012). Cara penggunaan peralatan atau mesin yang tidak betul bukan sahaja merosakkan peralatan, tetapi juga membahayakan pengguna. Kebanyakan kes kemalangan adalah melibatkan penggunaan peralatan yang tidak betul.

Dalam bengkel kimpalan, mesin kimpalan, berus dawai, tukul penyerpih, pemotong besi, dan mesin pengisar merupakan peralatan dan mesin selalu diguna oleh pelajar. Sekiranya peralatan dan mesin tersebut tidak diguna dengan cara yang betul, maka kemalangan akan berlaku dengan mudah.

(c) Keselamatan Persekitaran

Keselamatan persekitaran melibatkan aspek kebersihan dan susun atur stesyen kerja dan mesin di bengkel. Selain itu, ia juga meliputi aspek keselamatan yang memberi kesan terhadap kesihatan pengguna seperti pencemaran udara, bunyi, dan radiasi (Apreko, Danku, Akple, & Aboagye, 2015).

Susun atur mesin dan peralatan yang tidak mesra pengguna amat membahayakan pelajar kerana pelajar mudah terlanggar pada mesin atau peralatan tersebut. Selain itu, pengudaraan dan pencahayaan yang tidak mencukup juga mendatangkan kesan negatif kepada aspek keselamatan di bengkel. Menurut Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja (DOSH, 2020), bahan yang bertoksik seperti gas dan bahan radiasi juga memudaratkan kesihatan pengguna sekiranya tidak disimpan dengan betul atau tidak diguna dengan berpandukan SOP yang betul.

Metodologi

Reka bentuk bagi kajian ini adalah menggunakan kaedah tinjauan melalui pendekatan kuantitatif. Menurut Nardi (2018), reka bentuk tinjauan sesuai digunakan untuk menjawab persoalan-persoalan kajian yang berkaitan dengan status semasa terhadap perkara yang dikaji.

Dalam kajian ini, responden adalah terdiri daripada pelajar yang mengikuti jurusan teknologi kimpalan di UTHM dan KKTM. Secara spesifiknya, seramai 19 pelajar KKTM dan 23 pelajar UTHM terlibat dalam kajian ini. Daripada jumlah tersebut, bilangan responden perempuan dan lelaki adalah sama iaitu 21 orang. Bilangan responden tidak ramai kerana pelajar yang mengikut program dalam bidang kimpalan di kedua-dua institusi memang tidak ramai. Tambahan pula, kajian ini dijalankan semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), jadi adalah sukar untuk mendapatkan respon daripada pelajar. Kaedah pemilihan responden yang digunakan adalah teknik persampelan mudah (convenient sampling technique).

Dalam kajian ini, borang soal selidik digunakan untuk pengumpulan data. Borang soal selidik tersebut menggunakan skala perbezaan semantik yang mana skalanya bermula dengan nilai 1 (sangat tidak setuju) hingga 5 (sangat setuju). Borang soal selidik dibahagikan kepada dua bahagian iaitu bahagian A dan bahagian B. Bahagian A mengumpul data demografi responden, manakala bahagian B pula terdiri daripada 20 item yang berkaitan dengan kesedaran terhadap amalan keselamatan di bengkel kimpalan UTHM dan KKTM dari aspek keselamatan diri, peralatan dan persekitaran. Sebelum kajian sebenar dilaksanakan, kesahan borang soal selidik tersebut telah disemak dengan menggunakan kaedah pengesahan pakar. Permurnian item telah dilakukan berdasarkan komen dan cadangan pakar. Dari segi kebolehpercayaan pula, pekali kebolehpercayaan yang diperoleh amat baik iaitu Cronbach Alpha = 0.81. Dari aspek analisis data pula, kedua-dua statistik deskriptif dan inferensi telah digunakan iaitu min, sisihan piawai dan t-test.

Dapatan dan Perbincangan

Analisis deskriptif telah dijalankan untuk menentukan tahap kesedaran pelajar di UTHM dan KKTM dari segi keselamatan diri, peralatan dan persekitaran.

a) Kesedaran dari segi keselamatan diri

Jadual 1 menunjukkan hasil analisis bagi tahap kesedaran dari aspek keselamatan diri bagi pelajar di UTHM dan KKTM

Jadual 1: Min (M) dan Sisihan Piawai (S.P) bagi Kesedaran dari segi Keselamatan Diri

Bil	Item	UTHM			KKTM		
		M	S.P	Tahap	M	S.P	Tahap
1.	Saya sedar bahawa pemakaian yang sesuai penting semasa berada dalam bengkel kimpalan.	4.75	0.44	Tinggi	4.78	0.44	Tinggi
2.	Saya sedar bahawa kelalaian semasa dalam bengkel akan menyebabkan berlakunya kemalangan.	4.73	0.45	Tinggi	4.56	0.53	Tinggi
3.	Saya sedar bahawa pelajar mestilah mengetahui prosedur yang seharusnya diamalkan semasa melakukan kerja amali	4.75	0.54	Tinggi	4.56	0.88	Tinggi
4.	Saya sedar bahawa pelajar perlu melapor segera kepada pihak bertanggungjawab sekiranya berlaku sebarang kecederaan.	4.73	0.45	Tinggi	4.67	0.50	Tinggi
5.	Saya sedar bahawa pelajar perlu memakai alatan keselamatan (PPE) semasa berada di bengkel.	4.78	0.48	Tinggi	4.56	0.73	Tinggi
6.	Saya sedar bahawa memakai perhiasan diri yang diperbuat daripada logam akan menyebabkan berlakunya kemalangan.	4.50	0.60	Tinggi	4.22	0.67	Tinggi
	Nilai purata	4.70	0.49	Tinggi	4.56	0.46	Tinggi

Berdasarkan Jadual 1, secara keseluruhannya didapati pelajar daripada UTHM (M=4.70, SP=0.49) dan KKTM (M=4.56, SP=0.46) mempunyai tahap kesedaran yang tinggi. Ini menunjukkan bahawa pelajar yang mengikuti program pengajian kimpalan di UTHM dan KKTM sedar tentang keselamatan diri semasa melakukan kerja di bengkel kimpalan.

Hasil kajian ini adalah selari dengan dapat daripada kajian Sallehuddin (2013) yang mendapati bahawa kesedaran pelajar UTHM terhadap amalan keselamatan di bengkel adalah positif. Menurut Basharat (2017), keselamatan diri merupakan aspek yang amat penting semasa melakukan kerja mengimpal di bengkel. Pemakaian yang sesuai serta

penggunaan peralatan perlindungan personal (PPE) perlu sentiasa diberi keutamaan dan kesedaran dalam kalangan pengguna bengkel terhadap aspek ini amat diperlukan.

a) Kesedaran dari aspek Keselamatan Peralatan

Hasil analisis tentang kesedaran dari aspek keselamatan peralatan telah ditunjuk pada Jadual 2 di mana skor min (M) dan Sisihan Piawai (S.P) bagi kesedaran pelajar UTHM dan KKTM telah dipaparkan.

Jadual 2: Min (M) dan Sisihan Piawai (S.P) bagi Kesedaran dari segi Keselamatan Peralatan

Bil	Item	UTHM			KKTM		
		M	S.P	Tahap	M	S.P	Tahap
1.	Saya sedar bahawa pelajar perlu mengikut prosidur piawaian (SOP) semasa melakukan penyelenggaraan mesin di bengkel.	4.64	0.68	Tinggi	4.67	0.71	Tinggi
2.	Saya sedar bahawa peralatan dalam bengkel perlu digunakan dengan cara yang betul.	4.73	0.45	Tinggi	4.67	0.50	Tinggi
3.	Saya sedar bahawa pelajar perlu mengikuti langkah yang betul semasa mengendalikan mesin di bengkel.	4.74	0.44	Tinggi	4.67	0.50	Tinggi
4.	Saya sedar bahawa peralatan yang diguna mestilah bersesuaian dengan tugas yang ingin dilaksanakan.	4.63	0.54	Tinggi	4.33	0.71	Tinggi
5.	Saya sedar bahawa saya perlu memastikan alatan atau mesin yang hendak digunakan dalam keadaan yang baik.	4.70	0.56	Tinggi	4.44	0.88	Tinggi
6.	Saya sedar bahawa alatan perlu disusun semula di tempat asal selepas digunakan.	4.75	0.44	Tinggi	4.67	0.50	Tinggi
	Nilai purata	4.69	0.52	Tinggi	4.57	0.50	Tinggi

Berdasarkan Jadual 2, kesedaran pelajar terhadap keselamatan peralatan berada pada tahap tinggi bagi pelajar UTHM (M=4.69; SP=0.52) dan KKTM (M=4.57; SP=0.50). Secara spesifiknya, semua item yang mengukur kesedaran dari aspek keselamatan peralatan memperoleh skor min yang tinggi iaitu melebihi 4.30 bagi kedua-dua kumpulan pelajar di UTHM dan KKTM. Hasil ini menunjukkan bahawa majoriti pelajar sedar tentang pentingnya cara penggunaan peralatan yang betul dan sentiasa memastikan peralatan atau mesin dalam keadaan yang baik untuk menjamin keselamatan di bengkel.

Kajian yang dijalankan oleh Yusof (2014) menunjukkan hasil kajian yang serupa iaitu kesedaran pelajar terhadap keselamatan peralatan adalah tinggi. Walau bagaimanapun, kajian Yusof memfokus kepada pelajar Kolej Vokasional, manakala kajian ini pula memberi tumpuan terhadap pelajar UTHM dan KKTM. Menurut Rowse (2018), keselamatan peralatan merupakan aspek yang amat penting semasa bekerja di bengkel kerana kebanyakan kes kemalangan yang terjadi di bengkel melibatkan kelalaian dalam penggunaan peralatan atau mesin. Oleh sebab itu, semua individu yang membuat kerja di bengkel perlu ada kesedaran yang tinggi terhadap keselamatan peralatan.

b) Keselamatan Persekitaran

Jadual 3 menunjukkan hasil analisis bagi tahap kesedaran terhadap keselamatan persekitaran dalam kalangan pelajar UTHM dan KKTM.

Jadual 3: Min (M) dan Sisihan Piawai (S.P) bagi Kesedaran dari segi Keselamatan Persekitaran

Bil	Item	UTHM			KKTM		
		M	S.P	Tahap	M	S.P	Tahap
1.	Saya sedar bahawa saya perlu pastikan ruang kerja mencukupi sebelum melakukan kerja amali.	4.60	0.67	Tinggi	4.44	0.73	Tinggi
2.	Saya sedar bahawa persekitaran tempat kerja perlu dibersihkan sebelum meninggalkan bengkel.	4.73	0.51	Tinggi	4.33	0.71	Tinggi
3.	Saya sedar bahawa ruang atau stesyen kerja perlu sentiasa dalam keadaan yang teratur.	4.68	0.62	Tinggi	4.33	0.87	Tinggi
4.	Saya sedar bahawa saya perlu mempraktikkan amalan 4M (Membersih, Menyusun, Menilai, Mendisiplin) semasa berada di dalam bengkel.	4.68	0.53	Tinggi	4.56	0.73	Tinggi

5.	Saya sedar bahawa saya perlu menguasai cara penggunaan pemadam api.	4.70	0.46	Tinggi	4.44	0.53	Tinggi
6.	Saya sedar bahawa saya perlu memastikan tingkap dan pintu sentiasa dibuka untuk memastikan pengudaraan yang baik.	4.74	0.51	Tinggi	4.33	0.71	Tinggi
7.	Saya sedar bahawa pelajar mestilah bertanggungjawab dalam memastikan kawasan bengkel dalam keadaan yang bersih.	4.73	0.51	Tinggi	4.33	0.87	Tinggi
8	Saya sedar bahawa saya perlu memberi sepenuh tumpuan semasa aktiviti tunjuk cara oleh pengajar.	4.64	0.65	Tinggi	4.44	0.73	Tinggi
	Nilai purata	4.69	0.49	Tinggi	4.40	0.58	Tinggi

Dengan merujuk kepada data yang dipapar dalam Jadual 4, ia dapat disimpulkan bahawa tahap kesedaran terhadap keselamatan persekitaran dalam kalangan pelajar UTHM dan KKTM adalah tinggi dengan skor min 4.69 (SP=0.49) dan 4.40 (SP=0.58) masing-masing. Hasil kajian ini menggambarkan bahawa kebanyakan pelajar sedar tentang pentingnya kebersihan di bengkel serta sun atur yang mesra pengguna bagi mengelak kejadian kemalangan. Hasil kajian ini sama dengan dapatan kajian Yusof (2014) yang mendapati tahap kesedaran pelajar terhadap keselamatan persekitaran adalah tinggi. Menurut Rahim (2019), petugas perlu sentiasa peka dengan keadaan sekitar dalam bengkel kerana banyak situasi yang tidak dapat dijangkakan boleh mengakibatkan kemalangan berlaku seperti minyak yang tertumpah di atas lantai. Oleh sebab itu, kesedaran tentang keselamatan persekitaran perlu dipertingkatkan supaya pengguna bengkel sentiasa peka terhadap persekitaran.

c) Perbezaan Tahap Kesedaran antara Pelajar UTHM dan KKTM

Analisis ujian-t telah dijalankan untuk menentukan sama ada wujudnya perbezaan signifikan terhadap tahap kesedaran antara pelajar UTHM dan KKTM dari segi keselamatan diri, peralatan dan persekitaran. Jadual 4 menunjukkan hasil analisis ujian-t bagi tiga aspek keselamatan yang diukur.

Jadual 4: Analisis Perbezaan Pelajar UTHM dan KKTM Menggunakan ujian-t

		Levene's Test for Equality of Variances		t	df	Sig.
		F	Sig.			
Diri	Equal variances assumed	1.585	.216	1.346	38	.186
	Equal variances not assumed			1.249	10.771	.275
Peralatan	Equal variances assumed	0.859	.360	1.036	38	.307
	Equal variances not assumed			.875	10.656	.401
Persekitaran	Equal variances assumed	3.105	.086	2.376	38	.053
	Equal variances not assumed			1.827	9.818	.098

Berdasarkan Jadual 4, hasil analisis ujian-t menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan bagi tahap kesedaran dalam kalangan pelajar UTHM dan KKTM dari segi keselamatan diri ($t(38)=1.346$, $p>0.05$), peralatan ($t(38)=1.036$, $p>0.05$) dan persekitaran ($t(38)=2.367$, $p>0.05$). Secara keseluruhannya, ini menunjukkan bahawa pelajar yang melakukan kerja di bengkel kimpalan sedar tentang pemakaian yang sesuai serta mengguna PPE semasa melakukan kerja mengimpal di bengkel kimpalan. Selain itu, pelajar juga sedar tentang pentingnya cara penggunaan peralatan dan mesin dan SOP yang betul, serta kebersihan dan susun atur yang sesuai di bengkel. Secara tidak langsung, hasil kajian ini juga menunjukkan bahawa kedua-dua institusi (UTHM dan KKTM) telah menekankan aspek keselamatan sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran di bengkel kimpalan.

Penutup

Secara ringkasnya, kajian yang berskala kecil ini telah menunjukkan bahawa pelajar yang mengikuti program pengajian teknologi kimpalan di UTHM dan KKTM mempunyai tahap kesedaran yang tinggi dari segi keselamatan diri, peralatan dan persekitaran. Hasil kajian juga mendapati bahawa tiada perbezaan yang signifikan dari ketiga-tiga aspek keselamatan tersebut dalam kalangan pelajar UTHM dan KKTM. Secara khususnya, hasil kajian ini telah memberi gambaran kasar tentang penguasaan pelajar terhadap pengetahuan keselamatan di bengkel kimpalan dan ia juga menunjukkan bahawa pelajar di UTHM dan KKTM telah diajar dengan baik tentang keselamatan di bengkel oleh pengajar.

Walau bagaimanapun, tahap kesedaran yang tinggi terhadap keselamatan tidak menjamin sama ada keselamatan diamalkan semasa kerja mengimpal di bengkel. Sehubungan itu, kajian lanjut perlu dijalankan untuk meninjau sejauh mana prosidur keselamatan diamalkan oleh pelajar di bengkel kimpalan. Ini adalah penting kerana hasil kajian dapat dijadikan sebagai panduan atau rujukan untuk memastikan tindakan yang

pragmatik dapat diambil dan prosidur yang holistik dapat dibangunkan oleh pengurus bengkel sebelum terjadinya kemalangan pada pengguna bengkel.

Rujukan

- Abdul Rahman, M.A. & A.Hamid, I. (2011) Pengetahuan Dan Pengamalan Keselamatan Bengkel Di Kalangan Para Pelajar Kursus Penyelenggaraan Bangunan Di Sebuah Kolej Komuniti, *Journal of Technical, Vocational & Engineering Education*, 2, 18-35
- Apreko, A.A., Danku, L.S., Akple, M.S., & Aboagye, J. (2015). Occupational Health and Safety Management: Safe work environment in the local Automotive Garage in Ghana, *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 5(2), 222-230
- Basharat, K. (2017) *Welding Hazards and the Importance of PPE*, Dicapai dari <https://ezinearticles.com/?Welding-Hazards-And-The-Importance-of-PPE&id=9809049>
- Boon, Y. & Kamarudin, S. (2010) *Tahap Penguasaan Amalan Keselamatan Bengkel Kemahiran Hidup Dalam Kalangan Pelajar Tingkatan Empat Di Sekolah Menengah Kebangsaan Dato Yunus Sulaiman, Pekan Nanas, Pontian, Johor Darul Takzim*, Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia
- DOSH (2020) Kemalangan Akibat Terhidu Gas Toksid, dicapai dari https://www.dosh.gov.my/index.php?option=com_content&view=article&id=290:kemalangan-akibat-terhidu-gas-toksid&catid=439&Itemid=697&lang=ms
- Mustapha, M.M. (2020) Tinjauan Terhadap Amalan Peraturan Keselamatan Di Bengkel Projek Dalam Kalangan Pelajar Jabatan Kejuruteraan Elektrik Di Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (POLIMAS), *Journal of Social Science and Humanities*, 3(3), 5-8
- Nardi, P. (2018). *Doing Survey Research: A Guide to Quantitative Research Methods* (4th Ed), Routledge
- Rahim, M.F. (2019) *6 Tip Keselamatan Di Tempat Kerja*, Dicapai dari <https://hellodoktor.com/gaya-hidup-sihat/tips-kesihatan/6-tip-keselamatan-di-tempat-kerja/#gref>
- Roslina, C.J.N. (2012) *Tahap Kesiediaan Pelajar Kejuruteraan Politeknik terhadap Keselamatan Di Dalam Bengkel*, Tesis Sarjana: UTHM
- Rowse, T. (2018) Why Is Machine Important? Dicapai <https://www.rowse.co.uk/blog/post/machine-safety-importance>
- Saher, M. N. (2015). *Amalan pengurusan keselamatan Bengkel Kemahiran Hidup (KHB) sekolah menengah harian Daerah Batu Pahat*, Doctoral dissertation, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
- Sallehuddin, N.F. (2013) *Kesedaran Terhadap Amalan Keselamatan Dalam Kalangan Pelajar Di Makmal Kejuruteraan UTHM*, Tesis Sarjana: UTHM
- Samuri, N. (2013) *Kajian pematuhan amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di Bengkel Amali - Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di Johor*, Kertas dibentang pada CiE-TVET 2013, 310-321
- Wan Ismail, W.S. (2012) *Kesedaran Keselamatan Dalam Kalangan Pelajar Kolej Kemahiran Tinggi Mara Di Lembah Kelang*, Tesis Sarjana: UTHM
- Yusof, M.K.A. (2014). *Amalan Keselamatan Bengkel Dalam Kalangan Pelajar Kolej Vokasional Temerloh*, Tesis Sarjana: UTHM

Evaluation of Posterior Composite Resin Restorations Teaching Among Undergraduate in Malaysia Dental School

Muhammad Syafiq Alauddin¹, Azlan Jaafar², Norazlina Mohammad¹, Faizah Abdul Fatah¹, Aimi Amalina Ahmad¹

Universiti Sains Islam Malaysia

syafiq.alauddin@gmail.com drazlan_jaafar@usim.edu.my norazlina79@usim.edu.my
drfaizah@usim.edu.my aimiamalina@usim.edu.my

ABSTRAK

Pengenalan- Terdapat permintaan untuk memulihkan gigi posterior dengan resin komposit kerana peningkatan permintaan terhadap pemulihan gigi mengikut warna semula jadi dan peningkatan kebimbangan mengenai keselamatan penggunaan amalgam. Kajian terdahulu menunjukkan bahawa pengajaran komposit posterior di sekolah pergigian masih berkembang walaupun pada kadar yang lebih perlahan berbanding dengan perkembangan bahan dan teknik pergigian kontemporari.

Objektif – Untuk menilai pengajaran semasa pemulihan gigi belakang menggunakan resin komposit di kalangan pensyarah pergigian restoratif di Malaysia.

Methodologi – Soal selidik dalam talian yang mencari maklumat mengenai pengajaran pemulihan pada gigi belakang menggunakan resin komposit telah dibuat dan telah diedarkan ke 13 sekolah pergigian di Malaysia.

Dapatan – Kaedah pengajaran pemulihan gigi belakang yang paling popular di kalangan responden adalah kuliah (95.7%), demonstrasi (87.0%) dan PBL (73.9%) sementara penilaian berterusan dan ujian kecekapan praktikal (82.6%) adalah kaedah penilaian yang paling popular. Untuk latihan praklinikal, resin komposit (95.7%), amalgam (87%), gelas ionomer simen (GIC) (34.8%) and resin berubah GIC (13%) adalah material tampalan gigi belakang diajar ketika praklinikal. Protokol biasa yang digunakan untuk tampalan komposit gigi belakang adalah menggunakan tampalan berperingkat di kaviti dalam (87.5%) dan menggunakan penghadang besi sekeliling dan kayu baji (91.7%), dan sistem etsa keseluruhan (95.8%).

Kepentingan – Lulusan sekolah pergigian Malaysia mendapat pengajaran preklinikal, teori dan klinikal mengenai komposit posterior walaupun terdapat variasi kaedah, teknik dan penilaian penyampaian.

Kata Kunci: Pendidikan pergigian, resin komposit, pergigian konservatif, pergigian operasi

ABSTRACT

Introduction: There is an uprising calls on restoring posterior teeth with composite resin due to increasing demands on natural tooth colour restoration and increased concerns about the safety of amalgam restorations. Previous studies had indicated that the teaching of the posterior composites in dental schools were still developing although at the slower pace compared to the recent development of the contemporary dental materials and techniques.

Purpose: To evaluate the current teaching of posterior composite restorations among restorative dental lecturers in Malaysia.

Methodology: An online questionnaire which sought information on teaching of the composite resin restoration on posterior teeth was developed and had been distributed to 13 dental schools in Malaysia.

Findings: The most popular posterior restoration teaching methods among the respondents were lecture (95.7%), demonstration (87.0 %) and PBL (73.9%) while continuous assessment and practical competency test (82.6%) were the most popular assessment methods. For preclinical training, composite resin (95.7%), amalgam (87%), glass ionomer cement (GIC) (34.8%) and resin modified GIC (13%) were the posterior materials taught in the preclinical year. The standard protocol for posterior composite restoration were incremental filling (87.5%) in deep cavity and using circumferential metal bands with wooden wedge (91.7%), with total etch system (95.8%)

Significance: Graduates from Malaysia dental school received preclinical, theoretical and clinical teaching on posterior composites although there were variations on the delivery methods, techniques and assessments.

Keywords: Dental education, composite resin, conservative dentistry, operative dentistry

Introduction

Nowadays, undergraduate dental school curricula are often being criticized on the basis that the structures do not represent daily clinical dental practice. These criticisms were based on following reasons including a lack of evidence to support operative techniques used in dental practice; dental educators are slower as compared to dental practitioners to adopt new dental materials and techniques as well as dental care skills evaluated on regional and national qualifying examinations have failed to progress with rapid changes in clinical dental practices techniques. For these criticisms that undergraduate dental curricula have been left behind the current modern dental practice, dental educators need to be more proactive to ensure dental students successfully completing their programs of study have the appropriate competencies for current clinical dental practice in which they will provide their service. Therefore, dental school curricula and guidance on dental education should be constantly evolve and be refined to be sufficient for intended purpose.

Current issue related to general dental practice is the trend to place composite resin restorative materials on posterior teeth. Generally, there has been an increased demand for aesthetic tooth – colored restorations particularly composite resins although the

documented data for its longevity is still deficient. Previously, dental amalgams have been the most preferable dental material used in posterior teeth for more than a century. However, main disadvantage of dental amalgam that it is crucial to remove sound tooth structure to gain retention, thereby increasing the risk of subsequent tooth fracture (Lynch 2006). Despite many dental practitioners may favor dental amalgam as being easier to place compared to composite resin on posterior teeth, some patients have concerns regarding its mercury content and its safety to be used intraorally despite the lack of evidence to support this perception (Lynch 2006).

Composite resin was introduced to this field in the past 60 years ago and the usage was limited to anterior restoration only. Previously, composite resins are generally recommended to be placed for cavity class III to cavity class V and it was limited for cavity class I which is confined to a surface with less occlusal stress but non-demand in aesthetics. However, the uses of composite resin have increased significantly at posterior area due to advancement in technology which the properties have been improved and it provides natural-looking result and preserve more tooth structure (Lynch 2006). As the physical properties of available composite resins have been improved and upgraded nowadays, it makes certain types of these restorative materials more suitable for placement in posterior “stress – bearing” areas. Main advantages of these composite resins available in the market today are the reduced need to remove sound tooth structure for its retention, their high aesthetic appearance, ability to reinforce remaining tooth structure and increased fracture resistance of the restored tooth (Lynch 2006).

Undergraduate dental curricula must evolve in order to take responsibility to train and educate dental students to place composite resin restorations on posterior teeth to a high clinical standard. The high demands for teaching in this particular area presents few challenges to undergraduate dental schools in terms of curriculum management and development. The main challenge confronted by dental educators was to develop new dental practitioners who are legally and clinically competent to provide dental treatment in a daily clinical practice. According to Wilson et al. 1997, if dental graduates are not clinically competent in the use of certain dental materials and techniques by the time of graduation, there is a possibility that these graduates may remain incompetent in their clinical practices. In addition to the introduction of sophisticated and durable composite materials and advanced bonding systems as well as increased demand for placement of direct composite resin restorations in posterior teeth, dental educators have to adapt to these developments by incorporating the teaching including clinical instructions of the placement of composite resins in posterior teeth (Lynch 2006).

A further challenge to undergraduate dental education to the teaching of posterior composite is financial constraints. It is an accepted fact that the materials, instruments, devices and equipment required to support an adequate educational experience to a range of new dental products particularly composite resins are expensive. Besides that, it is suggested that the funding of dental education has not kept pace with the escalating cost of dentistry of increasing complexity, thus increasing the cost (Lynch 2006). Therefore, this financial restriction would limit student exposure to new products and techniques and thus limit students’ competencies to be fit for the purpose on entering clinical practice later.

The rationale of our study is to assess the consistency on the current teaching on placement of composite resin restorations on posterior teeth for undergraduate in Malaysia dental schools. Currently, there is one study that have been conducted by same research team on restorative material selection for posterior teeth among final year undergraduate dental students in public universities in Malaysia. The study showed there is lack of consistencies in selecting suitable restorative material for posterior teeth. Furthermore, the study also stated there is deficient teaching time on posterior composite restorations. Therefore, we decided to carry out this study as a continuation from previous study, so that the data from this study can be used as a reference in the development and improvement of undergraduate teaching curriculum. These lack of consistencies among undergraduate dental schools in teaching posterior composite resin restorations have led to a widespread confusion among dental students and dental practitioners when interacting with new dental materials and devices in which lead to inappropriate application of certain clinical techniques. This teaching should be based on best evidence and should avoid leaving dental students confused. This is because confusion among dental students and subsequently fresh dental graduates may lead to a lack of confidence and difficulties for the dental team in adapting and appraising new dental materials and technologies. It is now clear that there has been increased teaching of posterior composite resins restorations in most dental schools in the United States, Canada, Ireland and United Kingdom (Lynch 2007). Unfortunately, there is no similar data available in the Southeast Asia region and particularly Malaysia. Thus, it is the aim of this study to evaluate the current teaching of posterior composite restorations to undergraduate dental students in Malaysia.

Methodology

Ethical approval for this study was granted by the local institutional ethical committee [USIM/FPg-MEC/2016/No. (45)]. This study utilised a cross-sectional and quantitative methodological approach and was conducted from January 2019 until May 2020.

Questionnaire was distributed and it was an internet – based questionnaire whereby it was distributed to the Head of Department of Restorative Dentistry or Unit of Operative Dentistry in each of undergraduate dental schools in Malaysia with responsibility for the operative dentistry curriculum the questionnaire seeks information on the teaching of placement of composite resins of posterior teeth in each dental school. The respondents were informed about the study and brief explanation on information sheet where be given to ensure their understandings regarding the objectives of the study and give consent without any doubt. Senior lecturers or lecturers who are not involve in teaching of posterior restorations will be excluded from the study. Participation in this study was voluntary and the result of data obtained were remain confidential.

Data were analyzed using Statistical Package for Social Science (SPSS) data processing software and Microsoft (R) Excel to obtain descriptive results. Descriptive data were analyzed to show percentage and frequency of teaching posterior restorations in undergraduate dental schools.

Results

The theoretical pedagogical component including the teaching strategies, teaching material used to supplement the delivery of teaching methodologies and type of assessment involved for the teaching of posterior restoration in Malaysia is detailed in Table 1.

Table 1: Teaching strategies for posterior restoration (n=23)

Teaching strategies	N (%)
Mode of Delivery (Core)	
Formal lecture	22 (95.7)
Demonstration	20 (87.0)
Problem-based learning (PBL)	17 (73.9)
Tutorial	16 (69.6)
Seminar	11 (47.8)
Material (Supplementary)	
Instruction manual	19 (82.6)
Models	15 (65.2)
Projection slides	8 (34.8)
Video tape	5 (21.7)
Overhead projector	1 (4.3)
Assessment methods	
Continuous assessment	19 (82.6)
Practical competency test	19 (82.6)
Written paper	16 (69.6)
Self-assessment	10 (43.5)
Peer assessment	8 (34.8)
Objective structural practical exam	7 (30.4)
Objective Structured Clinical Examination (OSCEs)	1 (4.3)

Preclinical simulation laboratory/phantom head teaching programme

According to the study, preclinical simulation laboratory practice is a compulsory prerequisite for the students before the students entering the clinical training years [23 = (100%)]. Composite resin [n = 22 (95.7%)], amalgam [n = 20 (87%)], glass ionomer cement (GIC) [n = 8 (34.8%)] and resin modified GIC [n = 3 (13%)] were the posterior materials taught in the preclinical year. The average amount of preclinical time devoted to teaching placement of composite resin during preclinical years was more than 24 hours [n = 7 (30.4%)], followed by between 4 to 8 hours [n = 7 (30.4%)], 12 to 16 hours [n = 6 (26.1%)] and 20 to 24 hours [n = 3 (13%)].

Clinical teaching programme

The respondents answered that the amalgam teaching was still relevant [n = 20 (83.4%)] except for 16.7% [n = 4] respondents who answered conversely. The undergraduate students were required to complete amalgam restoration [n = 21 (87.5%)] and composite restoration [n = 22 (97.1%)] respectively as part of their prerequisite

requirement during the 5th year of undergraduate study. The most common conducted assessment to evaluate the clinical competency of the undergraduate students were clinical competency examination [n = 21 (87.5%)], followed by objective structural clinical examination (OSCE) [n = 14 (58.3%)] and self-assessment [n = 10 (41.7%)]. The least assessment utilized by the dental schools was peer review/assessment [n = 5 (20.8%)] and viva voce examination [n = 7 (29.2%)].

Restorative Techniques for posterior resin composite

Rubber dam is mandatory use for composite restoration in posterior teeth [n = 24 (100%)] according to all the respondent in this study. The most reported adhesive bonding technique taught in Malaysia dental schools was the total etch system [n = 23 (95.8%)] whereas 45.8% [n = 11] respondent taught self-etch technique for posterior composite resin restoration. Circumferential metal band with wooden wedge [n = 22 (91.7%)] was the most common teaching technique for isolation matrix and wedge technique followed by sectional matrix system [n = 12 (50%)], sectional metal band with wooden wedge [n = 11 (45.8%)] and transparent matrix band with a light-transmitting wedge [n = 9 (37.5%)]. The most associated techniques taught for both deep and moderate cavity for composite restoration was incremental fill with scores of 87.5% [n = 21] and 83.3% [n = 20] respectively. 16.7% [n = 4] and 20.8% [n = 5] of respondents reported to teach bulk fill technique in deep and moderate cavity respectively.

Discussion

In 1980, microfilled composites were developed and demonstrated better aesthetic which is ideal for anterior restorations and high polishability (Frank, 2011). Nevertheless, some of its disadvantages such as easily to fracture, higher thermal expansion and polymerization shrinkage made them less ideal especially for posterior areas where high stress bearing area and moisture control is a challenge (Anusavice, 2012).

Therefore, hybrid composites were developed, and it was upgraded to micro and nanohybrid with a smaller particles size to allow it to be used as universal composite. These types of composites were more suitable to be used for both anterior and posterior teeth (Frank, 2011). In addition, nanofilled composites exhibit better physical and mechanical properties as its distribution of particles provides high load potential. This new generation of composites introduced, till they can use it for class II posterior filling in about 50% of restorations (Power, 2008). Some dental practitioners prefer to use it on posterior teeth because recent formulation of composite restoration has shown that their wear rates is not much different if compare to amalgam (Davidson, 1999). Furthermore, quality and properties of associated bonding systems that have been much improved influenced dental practitioners to place composite resin on posterior teeth.

Despite their general acceptance, composite resins still present drawbacks such as marginal discolouration, polymerization shrinkage, microleakage that will lead to secondary caries and moisture control difficulty especially for posterior area. Within 2 years of evaluation, 77% of 100 restorations including cavity class I and class II were rated optimal for marginal discolouration (Burke, 2011). Result of one-year clinical evaluation of composite showed that 5.1% caries will re-occur (Maleknezhad, 2011). Clinical evaluation of packable composite resin after 7 years showed approximately 16% of

restorations were observed with secondary caries (Joao Batista Novaes Junior, 2008). This proved that microleakage of composite resins still a major problem which can lead to early failure of these restorative materials.

This survey found that almost all respondent thought that formal lectures and preclinical and clinical demonstration form a fundamental part throughout the delivery of the teaching programmes of posterior restoration in Malaysia. This was same as showed in other studies and surveys on dental students that formal lectures including demonstration form an essential part of the learning experience (Shqaidef, 2020; Ramlogan, 2014). A high percentage [n=19 (82.6%)] of the teachers supplied a comprehensive instruction manual which adopted from various guideline originated from manufacturer's guidelines, recommendation from international professional bodies and society and fundamental core textbook and literatures in respective field. Continuous assessment throughout undergraduate years of study and practical competency test were the two most popular assessment modalities in this study. The assessment done in Malaysia dental schools such as quiz, mini examination, clinical assessment and competency performance assessment fulfilled the major affective, psychomotor and affective domain in Bloom's Taxonomy theoretical education framework (Patel. 2018, Bloom, 1984, Anderson 2001).

There were limited data on the preclinical training of posterior restoration teaching especially from Malaysia. In this survey, there were complete agreement (100%) that the undergraduate dental students need to complete preclinical training and proximal amalgam and composite prior to clinical training placement. Amalgam and composite resin restoration training were having almost the same distribution in terms of the number of teeth (preclinical exercise) required to be completed during preclinical training, despite the prediction of amalgam restoration training will undergo marked reduction in the near future based on previous studies (Loch, 2019). In addition, a clear majority of the restorative teacher concluded that the amalgam are still relevant to be thought (83.4%). This study was also consistent with the previous surveys, apart from findings in Japan, that the preclinical and clinical training of the amalgam restoration are still relevant and considered as the common practice in the UK, Germany, Austria and Switzerland (Loch, 2019; Kanzow, 2020; Hayashi, 2009, Hayashi, 2018; Lynch, 2006). An excellent outcome from this finding was the survey in relation of matrix and wedge technique that almost a consensual agreement (91.7%) of all respondents agreed that the circumferential metal band with wooden wedge are commonly teach and practised in the undergraduate dentistry programme. It was well proved that the utilisation of this technique provides a more reliable posterior restoration outcome especially on Class II composite resin restoration (Loch, 2019; Kanzow, 2020; Müllejans, 2003; Kampouropoulos, 2010; Wirsching, 2011). This survey also found that 37.5 % of the respondent thought the bulk-fill composite resin material and technique in undergraduate dentistry programme which were not reported in the previous survey. Although other studies showed that the bulk fill composite resin is controversial in physical and biomechanical properties compared to various type and technique of composite resin restoration, its major advantages of reducing the chairside time are irresistible in dental practice (Leprince, 2014; Ilie, 2013; Rosatto, 2015; Van Ende, 2017).

Conclusion

Graduates from Malaysia dental school received preclinical, theoretical and clinical teaching on posterior composites although there were wide variations and difference on the delivery methods, techniques and assessments. There should be a national task to homogenize and standardized this teaching according to the contemporary global call and trend.

Acknowledgement

This study was funded by Universiti Sains Islam Malaysia institution fund PPPI/FPG/0217/051000/11918.

References

- Anderson, L. W., & Bloom, B. S. (2001). *A taxonomy for learning, teaching, and assessing: A revision of Bloom's taxonomy of educational objectives*. Longman,.
- Anusavice, K. J., Shen, C., & Rawls, H. R. (Eds.). (2012). *Phillips' science of dental materials*. Elsevier Health Sciences.
- Bloom, B. S., Krathwohl, D. R., & Masia, B. B. (1984). Bloom taxonomy of educational objectives. In *Allyn and Bacon*. Pearson Education.
- Burke, F. T., Crisp, R. J., James, A., Mackenzie, L., Pal, A., Sands, P., ... & Palin, W. M. (2011). Two year clinical evaluation of a low-shrink resin composite material in UK general dental practices. *Dental materials*, 27(7), 622-630.
- Davidson, D. F., & Suzuki, M. (1999). A prescription for the successful use of heavy filled composites in the posterior dentition. *Journal (Canadian Dental Association)*, 65(5), 256-260.
- Hayashi, M., Seow, L. L., Lynch, C. D., & Wilson, N. H. F. (2009). Teaching of posterior composites in dental schools in Japan. *Journal of Oral Rehabilitation*, 36(4), 292-298.
- Hayashi, M., Yamada, T., Lynch, C. D., & Wilson, N. H. (2018). Teaching of posterior composites in dental schools in Japan—30 years and beyond. *Journal of dentistry*, 76, 19-23.
- Ilie, N., Bucuta, S., & Draenert, M. (2013). Bulk-fill resin-based composites: an in vitro assessment of their mechanical performance. *Operative dentistry*, 38(6), 618-625.
- Kampouropoulos, D., Paximada, C., Loukidis, M., & Kakaboura, A. (2010). The influence of matrix type on the proximal contact in Class II resin composite restorations. *Operative Dentistry*, 35(4), 454-462.
- Kanzow, P., Büttcher, A. F., Wilson, N. H., Lynch, C. D., & Blum, I. R. (2020). Contemporary teaching of posterior composites at dental schools in Austria, Germany, and Switzerland. *Journal of Dentistry*, 103321.

- Leprince, J. G., Palin, W. M., Vanacker, J., Sabbagh, J., Devaux, J., & Leloup, G. (2014). Physico-mechanical characteristics of commercially available bulk-fill composites. *Journal of dentistry*, 42(8), 993-1000.
- Loch, C., Liaw, Y., Metussin, A. P., Lynch, C. D., Wilson, N., Blum, I. R., & Brunton, P. A. (2019). The teaching of posterior composites: A survey of dental schools in Oceania. *Journal of dentistry*, 84, 36-43.
- Lynch, C. D., McConnell, R. J., & Wilson, N. H. (2006). Teaching the placement of posterior resin-based composite restorations in US dental schools. *The Journal of the American Dental Association*, 137(5), 619-625.
- Lynch, C. D., McConnell, R. J., & Wilson, N. H. (2007). Trends in the placement of posterior composites in dental schools. *Journal of Dental Education*, 71(3), 430-434.
- Lynch, C. D., McConnell, R. J., & Wilson, N. H. F. (2006). Challenges to teaching posterior composites in the United Kingdom and Ireland. *British dental journal*, 201(12), 747-750.
- Lynch, C. D., McConnell, R. J., & Wilson, N. H. F. (2006). Teaching of posterior composite resin restorations in undergraduate dental schools in Ireland and the United Kingdom. *European Journal of Dental Education*, 10(1), 38-43.
- Lynch, C. D., McConnell, R. J., & Wilson, N. H. F. (2006). Teaching of posterior composite resin restorations in undergraduate dental schools in Ireland and the United Kingdom. *European Journal of Dental Education*, 10(1), 38-43.
- Maleknezhad, F., GHAVAM, N. M., & Gouharian, R. (2007). One-Year Clinical Comparison of Two Posterior Composite Resins. Joao Batista Novaes Junior, Patricia Valente Ararja, Fernanda Damas. Clinical evaluation of packable resin class I restorations after 7 years. *Braz J Oral Sci* 2008; 7:1585-90.
- Milnar, F. J. (2011). The evolution of direct composites. *Compendium*, 32(1), 2-3.
- Müllejjans, R., Badawi, M. O., Raab, W. H., & Lang, H. (2003). An in vitro comparison of metal and transparent matrices used for bonded Class II resin composite restorations. *Operative dentistry*, 28(2), 122-126.
- Patel, U. S., Tonni, I., Gadbury-Amyot, C., Van der Vleuten, C. P. M., & Escudier, M. (2018). Assessment in a global context: An international perspective on dental education. *European Journal of Dental Education*, 22, 21-27.
- Power, J. M., & Wataha, J. C. (2008). Dental materials properties and manipulation. *Missouri: Mosby Elsevier*.
- Ramlogan, S., Raman, V., & Sweet, J. (2014). A comparison of two forms of teaching instruction: video vs. live lecture for education in clinical periodontology. *European Journal of Dental Education*, 18(1), 31-38.
- Rosatto, C. M. P., Bicalho, A. A., Veríssimo, C., Bragança, G. F., Rodrigues, M. P., Tantbirojn, D., ... & Soares, C. J. (2015). Mechanical properties, shrinkage stress, cuspal strain and fracture resistance of molars restored with bulk-fill composites and

incremental filling technique. *Journal of dentistry*, 43(12), 1519-1528. Van Ende A, De Munck J, Lise DP, Van Meerbeek B. Bulk-fill composites: a review of the current literature. *J Adhes Dent*. 2017 Jan 1;19(2):95-109.

Sensi, L. G., Strassler, H. E., & Webley, W. (2007). Direct composite resins. *Inside Dentistry*, 3(7), 76.

Shqaidef, A. J., Abu-Baker, D., Al-Bitar, Z. B., Badran, S., & Hamdan, A. M. (2020). Academic performance of dental students: A randomized trial comparing live, audio recorded, and video recorded lectures. *European Journal of Dental Education*, October 5.

Van Ende, A., De Munck, J., Lise, D. P., & Van Meerbeek, B. (2017). Bulk-fill composites: a review of the current literature. *J Adhes Dent*, 19(2), 95-109.

Wirsching, E., Loomans, B. A., Klaiber, B., & Dörfer, C. E. (2011). Influence of matrix systems on proximal contact tightness of 2-and 3-surface posterior composite restorations in vivo. *Journal of dentistry*, 39(5), 386-390.

Tinjauan Ke Atas Hubungan Di Antara Motivasi Dengan Transformasi Budaya Kehidupan Dalam Kalangan Pelajar Baharu Di Institut Pengajian Tinggi (IPT)

**Khairul Anuar Abdul Rahman¹, Muhammad Syarif Arshad², Mohd Bekri Rahim³,
Faizal Amin Nur Yunus⁴, Suhaizal Hashim⁵, Nizamuddin Razali⁶**

Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

anuarr@uthm.edu.my, arshadsyarif@gmail.com, bekri@uthm.edu.my,

faizaly@uthm.edu.my, suhaizal@uthm.edu.my, nizamuddin@uthm.edu.my

ABSTRAK

Pengenalan- Pelajar-pelajar peringkat universiti khususnya pelajar tahun pertama yang baru menyambung pengajian di universiti cenderung untuk mempunyai masalah dalam menjalani kehidupan baharu mereka. Hal ini mempunyai perkaitan dengan tahap motivasi pelajar yang berkait dengan perubahan dalam gaya kehidupan seharian mereka.

Objektif – Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti hubungan di antara motivasi dengan transformasi budaya kehidupan pelajar di peringkat universiti.

Methodologi – Reka bentuk kajian yang digunakan adalah berbentuk tinjauan yang melibatkan analisis statistik deskriptif dan statistik inferensi. Seramai 194 orang pelajar tahun pertama yang mengikuti Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Vokasional, FPTV, UTHM dipilih sebagai responden dalam kajian ini. Satu set soal selidik telah diedar bagi mendapatkan data dalam kajian yang dijalankan ini. Data yang dikumpul daripada soal selidik telah dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for Science School* (SPSS) versi 24 secara deskriptif yang melibatkan pengiraan kekerapan, peratusan, dan min bagi mengenal pasti tahap faktor diri dan ibu bapa dan masyarakat yang mendorong motivasi serta faktor sosial dan masyarakat yang mendorong transformasi budaya kehidupan pelajar.

Dapatan – Data deskriptif yang diperoleh menunjukkan nilai min bagi pembolehubah motivasi sebanyak 4.05 iaitu pada tahap tinggi dan pembolehubah transformasi budaya kehidupan sebanyak 3.74 yang juga pada tahap tinggi. Seterusnya, dapatan ini digunakan bagi menjalankan analisis statistik inferensi bagi tujuan mengenal pasti hubungan di antara motivasi dengan transformasi budaya kehidupan pelajar. Pengkaji telah menggunakan ujian Spearman's Rank Correlation bagi tujuan ini. Berdasarkan ujian, nilai korelasi adalah sebanyak 0.55 bermakna kedua-dua pembolehubah mempunyai korelasi positif yang kuat.

Kepentingan – Dapatan ini penting kepada ibu bapa dan keluarga, masyarakat dan komuniti serta pihak universiti dalam menyedari cabaran yang pelajar baharu hadapi sebagai pelajar di universiti

Kata Kunci: Motivasi, Transformasi Budaya Kehidupan, Korelasi

Pengenalan

Institusi pengajian tinggi merupakan pusat keilmuan yang menyediakan peluang kepada mahasiswa atau pelajar untuk meneroka dan mengembangkan ilmu pengetahuan. Melanjutkan pelajaran ke peringkat pengajian tinggi sewajarnya merupakan satu pengalaman yang mengujakan dan memberikan kepuasan kepada pelajar. Namun begitu, kebanyakan pelajar baharu yang melanjutkan pelajaran khususnya pada tahun pertama didapati menghadapi kesukaran dalam mengikuti pengajian mengikut kursus masing-masing di peringkat universiti (Milstein, 2005). Situasi ini berlaku apabila seseorang pelajar baru mempunyai masalah untuk menyesuaikan diri mereka dengan corak dan cabaran kehidupan yang baru mereka alami di kampus pengajian sehingga terdapat pelajar yang tidak dapat menghabiskan pengajian mereka dan bergraduasi (Martin, Swartz, & Madson, 1999). Hal ini dalam masa yang sama memberi kesan terhadap tahap motivasi pelajar dalam mengikuti dan meneruskan pengajian mereka di peringkat universiti serta menjurus kepada transformasi budaya kehidupan pelajar itu sendiri.

Transformasi budaya kehidupan bagi pelajar merujuk kepada suatu perubahan gaya hidup dan pembawakan diri yang dipengaruhi oleh penerimaan dan pengawalan situasi atau persekitaran baru yang dialami oleh diri pelajar itu sendiri (Jerold, 2002). Hal ini juga didorong oleh tahap motivasi diri yang dialami oleh pelajar terbabit semasa mereka mengikuti pengajian tahun pertama dalam meneruskan pengajian mereka ke tahun yang berikutnya iaitu faktor diri dan faktor ibu bapa dan keluarga. Faktor diri merangkumi aspek stres, adaptasi, kawalan emosi, pengurusan masa, dan masalah peribadi manakala faktor ibu bapa dan keluarga merangkumi aspek sokongan moral, bantuan kewangan, masalah keluarga, *homesickness*, dan perapatan hubungan kekeluargaan. Selain itu, kajian ini dijalankan bagi menumpukan kepada faktor-faktor yang mendorong transformasi budaya kehidupan pelajar baru di peringkat universiti iaitu faktor sosial dan masyarakat. Faktor sosial dan masyarakat merangkumi rakan sebaya, pensyarah, dan komuniti sekeliling.

Dalam menentukan keberkesanan kajian ini, kaedah soal selidik dijalankan ke atas para pelajar tahun pertama di Fakulti Pendidikan Teknikal & Vokasional (FPTV), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM). Dapatan daripada soal selidik yang diedarkan, pengkaji memfokuskan dalam mengenal pasti tahap faktor diri dan ibu bapa dan keluarga dalam mendorong motivasi pelajar serta mengenal pasti tahap faktor sosial dan masyarakat dalam mendorong transformasi budaya kehidupan pelajar. Seterusnya, pengkaji juga memfokuskan dalam mengenal pasti hubungan di antara motivasi pelajar dengan transformasi budaya kehidupan yang dialami pelajar terbabit sepanjang mereka mengikuti pengajian di peringkat universiti melalui proses menganalisa data.

Metodologi

Penyelidikan ini menggunakan tinjauan berbentuk statistik melalui pengedaran soal selidik skala *Likert* dalam kalangan pelajar tahun pertama daripada pecahan sebanyak tujuh jenis kursus dibawah Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Vokasional, FPTV, UTHM yang mengandungi item-item yang berkaitan oleh kerana data dikumpul dalam reka bentuk kuantitatif dan dianalisis menggunakan statistik deskriptif dan inferensi menggunakan perisian *Statistical Package for the School Sciences (SPSS) version 24*. Pengkaji telah mendapatkan kesahan soal selidik yang telah dibangunkan daripada dua orang pakar yang mempunyai pengetahuan dalam bidang yang berkaitan dengan kajian ini di Jabatan Ikhtisas, FPTV, UTHM bagi memastikan soal selidik dapat digunakan untuk tujuan mendapatkan data kajian. Sebelum menjalankan kajian sebenar, kajian rintis telah dijalankan oleh pengkaji bagi menentukan nilai kebolehpercayaan dan ketekalan item-item yang digunakan dalam soal selidik berdasarkan *Cronbach's Alpha* yang menunjukkan nilai sebanyak 0.927 iaitu pada tahap tinggi dan memuaskan. Seterusnya, kajian sebenar telah dijalankan bagi mendapatkan maklumat dan data daripada responden kajian yang sebenar seramai 194 orang pelajar yang terdiri daripada 78 lelaki dan 116 perempuan. Dapatan daripada pengedaran soal selidik dianalisis secara statistik deskriptif yang melibatkan penentuan nilai min, kekerapan, dan peratus serta statistik inferensi yang melibatkan penentuan nilai dan tahap hubungan menggunakan teknik *Spearman's Rank Correlation* untuk dianalisis bagi menjawab persoalan kajian yang telah ditimbulkan.

Dapatan

Hasil daripada kajian yang telah dilakukan, pengkaji mendapati bahawa tahap faktor diri yang mendorong motivasi pelajar secara keseluruhannya menunjukkan nilai min yang tinggi iaitu 3.7165 pada tahap tinggi berdasarkan data yang diperoleh daripada aspek-aspek yang difokuskan disokong oleh kajian-kajian yang dijalankan oleh pengkaji terdahulu iaitu stres oleh (Matterson & Ivancevich, 1989), penyesuaian diri (Beck *et al.*, 2003), masalah peribadi (Siti Rohayu, 2008), kawalan emosi (Jerold, 2002), dan pengurusan masa (Milstein, 2005).

Faktor ibu bapa dan keluarga yang mendorong motivasi pelajar secara keseluruhannya menunjukkan nilai min yang tinggi iaitu 4.3928 pada tahap tinggi berdasarkan data yang diperoleh daripada aspek-aspek yang difokuskan disokong oleh kajian-kajian yang dijalankan oleh pengkaji terdahulu iaitu sokongan moral (Ismail Zain, 2004), sokongan kewangan (Ismail Zain, 2004), perapatan hubungan (Min, 1999), *homesickness* (Fisher, Frazer, dan Murray, 1986), dan masalah keluarga (Jerold, 2002).

Faktor sosial dan masyarakat yang mendorong transformasi budaya kehidupan pelajar secara keseluruhannya menunjukkan nilai min yang tinggi iaitu 3.7402 pada tahap tinggi berdasarkan data yang diperoleh daripada aspek-aspek yang difokuskan disokong oleh kajian-kajian yang dijalankan oleh pengkaji terdahulu iaitu pengaruh rakan sebaya (Ludin, 1980 ; Rahman, 2001), gaya pengajaran pensyarah (Abdull, 2012), komunikasi antara pelajar (Min, 1999), dan budaya serta layanan masyarakat sekeliling (Milstein, 2005). Nilai min yang diperoleh berdasarkan ketiga-tiga faktor yang telah dinyatakan ditunjukkan pada Jadual 1.

Jadual 1: Min keseluruhan jawapan bagi item-item Faktor Diri dan Ibu Bapa dan Keluarga Yang Mendorong Motivasi Pelajar Serta Faktor Sosial dan Masyarakat Yang Mendorong Transformasi Budaya Kehidupan Pelajar

Faktor-faktor	Nilai Min	Tahap
Faktor diri	3.7165	Tinggi
Faktor Ibu bapa dan keluarga	4.3928	Tinggi
Faktor Sosial dan masyarakat	3.7402	Tinggi

Berdasarkan nilai min yang diperoleh daripada ketiga-tiga faktor yang telah dinyatakan, pengkaji telah menjalankan analisis statistik yang menunjukkan nilai min yang tinggi bagi pembolehubah motivasi iaitu 4.0546 pada tahap tinggi yang disokong oleh kajian yang dijalankan oleh Milstein (2005) dan pembolehubah transformasi budaya kehidupan iaitu 3.7402 pada tahap tinggi yang juga disokong oleh kajian yang telah dijalankan oleh Lebar (1998) dan Oberg (1960). Nilai min bagi kedua-dua pembolehubah yang dinyatakan ditunjukkan pada Jadual 2.

Jadual 2: Min Keseluruhan Bagi Pembolehubah Motivasi dan Pembolehubah Transformasi Budaya Kehidupan.

Faktor-faktor	Nilai Min	Tahap
Motivasi	4.0546	Tinggi
Transformasi budaya kehidupan	3.7402	Tinggi


Analisis terakhir yang telah dilakukan pengkaji adalah analisis inferensi dengan menggunakan ujian *Spearman's Rank Correlation* bagi menentukan hubungan di antara motivasi pelajar dengan transformasi budaya kehidupan pelajar menunjukkan nilai sebanyak 0.55 iaitu pada tahap mempunyai korelasi positif yang kuat. Dapatan ini juga disokong oleh kajian yang telah dijalankan oleh Chaplin (1985). Nilai korelasi yang dinyatakan ditunjukkan dengan terperinci pada Jadual 3.

Jadual 3: Korelasi *Spearman's Rank* Untuk Menentukan Hubungan Antara Pembolehubah Motivasi dengan Pembolehubah Transformasi Budaya Kehidupan Pelajar

Spearman's Rho	PURATA_MOTIVASI	Correlation Coefficient	1.000
		Sig. (2-tailed)	
		N	194
	PURATA_TRANSFORMASI	Correlation Coefficient	.550
		Sig. (2-tailed)	.000
		N	194

Perbincangan

Berdasarkan analisis korelasi yang telah dijalankan, pengkaji mendapati bahawa tahap motivasi pelajar dapat mendorong transformasi budaya kehidupan pelajar khususnya pelajar tahun pertama yang baru melanjutkan pengajian di peringkat IPT. Justeru, pihak ibu bapa dan keluarga, pihak universiti, pihak rakan sebaya, dan pihak masyarakat perlu bekerjasama dan lebih cakna dalam membantu pelajar ini sentiasa bermotivasi tinggi untuk mengikuti dan meneruskan pengajian serta kurang cenderung untuk mentransformasikan budaya kehidupan mereka ke arah yang negatif seterusnya memberi impak yang tidak baik kepada proses pembelajaran mereka di peringkat IPT. Dapatan keseluruhan analisis statistik deskriptif dan inferensi yang telah dilakukan oleh pengkaji ditunjukkan pada Rajah 4.1.



Rajah 4.1: Analisis Keseluruhan Nilai Ujian Statistik Deskriptif dan Inferensi Hubungan di antara Motivasi Dengan Transformasi Budaya Kehidupan Dalam Kalangan Pelajar Baharu.

Dengan menggunakan perisian SPSS versi 24, pengkaji telah mendapatkan nilai min bagi pembolehubah motivasi sebanyak 4.0546 dengan mengambil purata di antara min yang diperoleh daripada faktor diri sebanyak 4.3928 dan faktor ibu bapa dan keluarga sebanyak 3.7165. Pengkaji seterusnya menentukan nilai min bagi pembolehubah transformasi budaya kehidupan sebanyak 3.7402 susulan perolehan nilai min yang didapati daripada faktor sosial dan masyarakat. Analisis statistik inferensi bagi menentukan hubungan di antara motivasi dengan transformasi budaya kehidupan dilakukan dengan mengambil kira nilai min motivasi dan transformasi kehidupan pelajar yang telah diperoleh. Hasil dapatan ujian korelasi menunjukkan nilai sebanyak 0.55 iaitu pada tahap korelasi yang tinggi.

Penutup

Berdasarkan penelitian kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji dan kajian-kajian terdahulu, terdapat banyak faktor yang menyumbang kepada tahap motivasi pelajar tahun pertama untuk mengikuti dan meneruskan pengajian serta transformasi budaya kehidupan pelajar di peringkat universiti. Motivasi dan transformasi budaya kehidupan pelajar di peringkat awal kehidupan universiti sememangnya akan menyumbang kepada kemahuan dan keinginan mereka untuk terus menuntut ilmu seterusnya berusaha untuk memperoleh pencapaian akademik yang cemerlang. Kenyataan ini disokong oleh kajian-kajian dan teori yang telah diuji oleh pengkaji terdahulu. Di samping itu, ibu bapa dan keluarga, rakan sebaya, pihak universiti, dan masyarakat sekeliling perlulah memainkan peranan masing-masing dalam membantu pelajar untuk sentiasa bermotivasi tinggi untuk mengikuti dan meneruskan pengajian serta kurang cenderung untuk mentransformasikan budaya kehidupan mereka ke arah yang negatif dan merugikan pelajar.

Rujukan

Abdull S.S., Nurahimah M.Y., Mohd Izam G. & Rafisah H.O. (2012). Hubungan Antara Gaya Pengajaran Pensyarah Dengan Penglibatan Akademik Pelajar Universiti. Universiti Utara Malaysia.

Baharin, M., Jamaludin, M. Y., Azmahani, A. A., Mohd, H. J., & Muzaffar, Z. A. (2003). Gaya hidup pelajar cemerlang dalam persekitaran kampus. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.

Beck, R., Taylor, C., & Robbins, M. (2003). Missing home: Sociotropy and autonomy and their relationship to psychological distress and homesickness in college freshmen. *Anxiety, Stress, and Coping*, 16, 155–166.

Chaplin, J. (1985). *Dictionary of psychology*. New York: McGraw-Hill.

Fisher, S., & Hood, B. M. (1987). The stress of the transition to university: A longitudinal study of psychological disturbance, absent-mindedness and vulnerability to homesickness. *British Journal of Psychology*, 78, 425– 411.

Idris, N. (2013). *Penyelidikan dalam pendidikan (edisi ke-2)*. Malaysia: McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.

Ismail Zain (2004). Membentuk peribadi pelajar. Retrieved from http://www.tutor.com.my/tutor/dunia.asp?y=2006&dt=0429&pub=DuniaPendidikan&sec=Kaunseling&pg=ka_01.htm, dicapai pada 2 Ogos 2006.

Jerold, S. G. (2002). *Comprehensive stress management (7th edition)*. University of Maryland: McGraw-Hill Higher Education. 301-320.

Konting, M. (2000). *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ludin, M. M. (1980). *Psikologikal, sosiologi dan falsafah dalam pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka.

- Martin Jr., W. E., Swartz, J. L., & Madson, M. (1999). Psychosocial factors that predict the college adjustment of first-year undergraduate students: implications for college counsellors. *Journal of College Counseling*, 2(2), 121-133.
- Matterson, M. T. & Ivancevich, J. M. (1989). *Controlling work stress: Effective human resource management strategies*. San Francisco: Jossey-Bass Publisher.
- Milstein, T. (2005). Transformation abroad: Sojourning and the perceived enhancement of self-efficacy. *International Journal of Intercultural Relations*, 29 (2), 217-238.
- Min, R. M. (1999). Hubungan penyesuaian dengan pencapaian akademik pelajar di institusi pengajian tinggi. Universiti Putra Malaysia.
- Oberg, K. (1960). Culture shock: Adjustments to new cultural environments. *Practical anthropology*, 4, 177-182.
- Parker, J. D. A., Summerfeldt, L. J., Hogan, M. J., & Majeski, S. A. (2004). Emotional Intelligence and academic success: examining the transition from high school to university. *Personality and Individual Differences*, 36(1), 163- 173.
- Rahman, Z. A. (2001). *Pembimbing rakan sebaya, langkah seterusnya*. IBS Buku Sdn. Bhd.
- Siti Rohayu A. & Khaidzir H.I. (2008). Remaja dan Masalahnya Mengikut MPCL (Mooney Problem Check List). *Jurnal Personalia Pelajar Bil. 11 (155-177)*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Wilson, K. & Lizzio, A. (2008). A 'just in time intervention' to support the academic efficacy of at-risk first year students, *An Apple for the Learner; First Year in Higher Education Conference*, Hobart.
- Yahaya et al. (2007). *Menguasai penyelidikan dalam pendidikan: Teori analisis & interpretasi data*. Shah Alam: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.

Pembangunan Modul Pengajaran Berasaskan Permainan Digital Bagi Kursus Teknologi Elektrik 1

Tee Tze Kiong¹, Khaireen Edlin Roslen¹, Andika Bagus Nur Rahma Putra², Risfendra³, Yee Mei Heong¹, Mimi Mohaffyza Mohamad¹ & Nurulwahida Azid⁴

¹*Faculty of Technical and Vocational Education, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia*

²*Fakultas Teknik, Universitas Negeri Malang, Indonesia*

³*Fakultas Teknik, Universitas Negeri Padang, Indonesia*

⁴*School of Education and Modern Languages, Universiti Utara Malaysia*
tktee@uthm.edu.my, khairenedlinnn@gmail.com, andika.bagus.ft@um.ac.id
risfendra@ft.unp.ac.id, mhyee@uthm.edu.my, mimi@uthm.edu.my,
nurulwahida@uum.edu.my

ABSTRAK

Pengenalan – Pembelajaran berasaskan permainan digital secara meluas merujuk kepada penggunaan permainan digital untuk menyokong sesi PdPc. Idea asas di sebalik pembelajaran berasaskan permainan digital di dalam bilik darjah adalah, berbanding dengan tugas-tugas seperti hafalan, kuiz dan soal jawab, malah permainan digital membantu pelajar mempelajari subjek dalam konteks, sebagai sebahagian daripada sistem interaktif.

Objektif – Tujuan kajian ini adalah membangunkan sebuah modul pengajaran berasaskan permainan digital bagi kursus Teknologi Elektrik 1 yang mendasari Model Meyer.

Metodologi- Dua set borang penilaian untuk pakar iaitu 29 item dan pengguna sebanyak 20 item telah digunakan untuk mendapatkan maklum balas kesesuaian format, kandungan dan kebolegunaan modul yang dibangunkan.

Dapatan – Analisis ke atas lima orang responden pakar menunjukkan maklum balas positif dan mereka bersetuju dengan aspek format, kandungan dan kebolegunaan keseluruhan modul. Analisis ke atas 10 orang responden pengguna pula menunjukkan majoriti memberikan maklum balas positif ke atas aspek format dan kandungan modul.

Kepentingan – Secara kesimpulannya, format, kandungan dan kebolegunaan modul yang dibangunkan adalah bersesuaian. Cadangan kajian lanjutan adalah untuk menguji keberkesanan modul pengajaran berasaskan permainan digital bagi kursus Teknologi Elektrik 1 terhadap beberapa aspek seperti sikap, minat dan pencapaian pelajar.

Kata Kunci: modul pengajaran, pembelajaran berasaskan permainan, Teknologi Elektrik

Development of Module for Digital Game-Based Learning for Electrical Technology 1 Course

ABSTRACT

Introduction – Digital game-based learning is widely referred to the use of digital games to support the teaching and learning process. The basic idea behind the digital game-based learning in the classroom is that, instead of memorization, quizzes and questions, digital games help students in learning subjects based on context, which is part of an interactive system.

Purpose – This study aims to develop a digital game-based learning instructional module for Electrical Technology 1 based on Meyer’s model.

Methodology – Two sets of questionnaires were developed; the expert questionnaire with 29 items and the user survey which contain 20 items. These questionnaires were designed to probe the suitability of the format, content and usability of the developed module.

Findings – The analysis on five experts reported their positive responses and they agree with the suitability of the format, content and usability of the developed module. Meanwhile, the analysis of the 10 users showed that the majority provided positive responses in terms of the format and content of the module. Hence, the format, content, and usability of the developed modules are appropriate.

Significance – It is suggested that future studies should test the effectiveness of the digital game-based instructional module for Electrical Technology 1 on several aspects such as attitude, interest and student achievement.

Keywords: Electrical Technology, Game-based learning, teaching module

Introduction

A module is a unit that comes from a bigger whole (entity). In education, a module is the learning unit that has been used in the teaching programs. The education module is specifically constructed for teachers (Baviskar, Hartle & Whitney, 2009) to use it effectively in the program. A teaching module is a material that has been arranged interesting and systemically that consist of content, method, and evaluation that can be used independently to achieve expected outcomes.

Various methods and teaching techniques can be used by teachers to achieve teaching objectives effectively and meaningfully. One of them is a common practice which is a conventional method. One of the popular methods to implement student-centered learning is digital game-based learning. Digital game-based is designed with more visual, interactive, and focus on problem-solving (Bayliss, 2007; Ebner & Holzinger, 2005; Mitchel & Savill-Smith, 2004). Gaming normally has a clear objective and have various tasks with different difficulties to adapt with knowledge and preceding skills for users. Hence, gaming is considered as an effective education tool (Farber, 2015; Gentile & Gentile, 2008).

Electrical Technology is a general course for Electric and Electronic program students. This course emphasized on theory and practical exercise and cost estimation for electrical tasks, testing equipment, and protective installation, industry equipment, machine operation, and supply distribution system, installation and inspection of electric supply, pneumatic system maintenance, hydraulic and automation, emergency supply, alternators, generator control box and supervising skills related to electrical tasks.

Teachers are having problems determining how to use a module effectively in the classroom. Therefore, the teachers need a user-friendly module. By the conventional method, students are having trouble to remember things they have learned due to the teaching method that is focusing more on the examination and less concern about the application in daily life (Alfi, Assor & Katz, 2004). Students that fail to remember will affect their achievements in the classroom. This is because the students do not comprehend the concept in the right way (Tekkaya, 2002).

Some technical subjects are difficult to learn such as Electrical and Electronic. Students need a strong basis that could be strengthening their knowledge in the Electrical Technology course to facilitate deep learning. Low achievements among students are also related by teachers that are unable to achieve course objectives and lack of usage on ICT. Hence, this will demotivate the students to learn more. On the other hand, students also have a low interest to attend lectures, and learning becomes less interesting because they do not involve actively themselves in the learning process (Lombardo, 2018; Lope Pihie, 2005). The development of this module is expected to facilitate teachers to form the teaching and learning activities more effectively to achieve learning objectives.

Purpose of the Study

The followings are the objectives for this study:

- i. Design and develop a teaching module based on digital games for Electrical Technology 1.
- ii. Evaluate the suitability of the teaching module based on digital games for the Electrical Technology 1 course based on format, content, and compatibility.

Methodology

The development of the Digital Game-Based Learning Module for Electrical Technology 1 Course is based on Meyer Model (1988). The module designs including features, structures, and components based on Meyer Model.

Instrument

2 sets of evaluation forms to collect responses from experts and users based on format, contents and module usability were used in this research. The instruments were adapted from Tee (2013) based on Meyer's "Standard Scale for Quality Evaluation Module".

Study Operation

Figure 1 shows the operation of the study in a flowchart. The purpose is to facilitate the development of a learning module based on the digital game for Electrical Technology 1.




Figure 1: Operation of development module for digital game-based learning for Electrical Technology 1 course

Development of Digital Game-Based Learning for Electrical Technology 1 Course

Meyer Model (Meyer, 1988) was referred for the development of the Digital Game-Based Learning Module for the Electrical Technology 1 course. According to Meyer (1988), the module has to be planned and developed by a small group of experts (Figure 1).




Figure 2: Meyer model

Needs Analysis for The Development of Digital Game-Based Learning Module for Electrical Technology 1 course

The development of the module started with the needs analysis (Tomllinson, Moon & Imbeau, 2013; Richard, 2004). The researcher distributed a set of questionnaires to samples. Besides issues, needs, the importance of the module were analyzed through the

survey. Criteria such as learning outcomes, content, learning activities and assessment were also identified.

Module Format based on Digital Game-Based Learning for Electrical Technology 1 course

The module format is determined based on experts' input and Meyer Model.

Determine the Characteristics of Educators and Students

The characteristics of the educators and students were also take into consideration (Mohd Noah & Ahmad, 2005) in developing this module. A diagnostic test was conducted to the samples to align the content and difficulty of the content and activities in this module .

Develop Module Objective

In this module, the objectives of each unit (Sulaiman, 2002) were developed to achieve the main goals of this research. Each units' learning outcomes support the main learning objectives of this module.

Develop Measurement Criteria on Learning Outcome

A formative assessment was applied in this module. A set of questions is attached at the end of the input for each unit. The purpose of this formative assessment is to measure the understating and mastery level of the user on the unit (Alonso-Tapia & Pardo, 2006). The user must be able to score a minimum of 80% correctly the questions before moving to the following units. It shows that the mastery learning theory is applied within the modular approach in the learning process. The answer scheme is attached at the end of the questions (Syaiful Bahri, 1996).

Analyzing Related Prior Knowledge and Skills to be included in The Module

Based on the diagnostic test analysis, the level of prior knowledge and skills of the users were identified (Tretinjak, Bednjanec & Tretinjak, 2014). Then, the relevant techniques, methods for digital gaming and the Electrical Technology 1 course were selected.

Module Content

Module content as the main input to the users is designed based on experts' opinions and literature review. Choosing the right content for the module will affirm that the module objectives can achieve. Next, the contents are arranged based on the sub-topics of the Electrical Technology course. The contents consist of title, foreword, learning unit, task, response, and references.

Learning Activities

Learning activities were designed based on the learning objectives (Virvou, Katsionis & Manos, 2005). Each learning activity is designed based on the structure of the Digital Gaming and Electrical Technology course. The activities can be carried out by students individually or in groups (Yien, Hung, Kwang & Lin, 2011).

Developing Module Draft

After deciding on all the criteria of the module. The module is developed as a draft that contains 3 units. Unit 1 is the introduction to digital game-based teaching. While Unit 2 focuses on teaching activities and facilitation based on digital games. Lastly, Unit 3 was written on the teaching activities based on the digital game for the Electrical Technology 1 course.

Evaluation of the Module

The evaluation forms were distributed to 5 experts and 10 users for the assessment of the quality of the module on format and content aspects. The views and suggestions from the samples were included for improvement purposes for the module.

Analyzing Data for Module Improvement

Responses from the experts and users were analyzed based on the format, content, and usability. According to Roland (2017), the trial of learning material must be evaluated carefully.

Result

Data taken from the experts and users were analyzed and presented in frequencies and percentages. Data were presented based on the format, contents, and usability of the modules.

Demography of Samples

This study consists of 15 samples comprising of 5 experts and 10 users. The group of experts consists of 2 males (40%) and 3 females (60%). Table 1 shows the background of each expert. Meanwhile, a group of users consists of 3 males (30%) and 7 females (70%).

Table 1: Distribution of Background of Experts

Expert	Position	Expertise	Years of Experience	Highest Education
1	Senior Lecturer	Technical education and vocational, lifelong learning	11 - 15	PhD
2	Lecturer	Technical education and vocational, product development	6 - 10	PhD
3	Lecturer	Technical education and vocational, animation and technology education	11 - 15	PhD
4	Lecturer	Technical education and vocational, teaching and learning	6 - 10	PhD

5	Lecturer	Technical education and vocational, computer based teaching and learning in Electrical	6 - 10	PhD
---	----------	--	--------	-----

Module Format

Table 2 shows the frequencies and percentages of responses from experts on the module format. The majority of the experts (84%) gave a positive response for all items. It shows that the format of the Digital Game-Based Learning for Electrical Technology 1 module is acceptable.

Table 2: Response from the experts on the module format

No.	Item	Disagree		Agree	
		VDA	DA	A	VA
1.	All units form logical steps in every learning	0 0%	1 20%	3 60%	1 20%
2.	Every learning activity is divided into every little step	0 0%	1 20%	3 60%	1 20%
3.	Every visual element is integrated into each learning	0 0%	1 20%	3 60%	1 20%
4.	Every unit forms steps accordingly to each learning unit	0 0%	1 20%	3 60%	1 20%
5.	The continuity of learning is determined with the presence of relation to each unit	0 0%	0 0%	4 80%	1 20%
AVERAGE		16%		84%	

Table 3 shows the responses from the users on the module format. Almost all users (95%) agree with all items on the module format.

Table 3: Response from the users on the module format

No.	Item	Disagree		Agree	
		VDA	DA	A	VA
1.	The module size is handy	0 0%	0 0%	5 50%	5 50%
2.	The page of module design is interesting	0 0%	1 10%	4 40%	5 50%
3.	The module font is readable	0 0%	0 0%	4 40%	6 60%
4.	The total figures in the module are sufficient	0 0%	1 10%	5 50%	5 50%
5.	Figures in modules are placed in suitable pages	0 0%	0 0%	5 50%	5 50%
6.	The table in modules are easy to refer	0	1	3	6

		0%	10%	30%	60%
7.	The text arrangement in the module is easy to follow	0	1	5	4
		0%	10%	50%	40%
8.	Instruction in the module is clear	0	0	5	5
		0%	0%	50%	50%
AVERAGE		5%		95%	

Module Content

Table 4 shows the frequencies and percentages of experts about the module content. The result of the study shows that the majority of experts (78.83%) agree on most of the items. However, (21.17%) experts disagree with a few items on the module content.

Table 4: Response from the experts on the module content

No.	Item	Disagree		Agree	
		VDA	DA	A	VA
1.	This module has clear instruction	0	2	2	1
		0%	40%	40%	20%
2.	The purpose of the module is clearly explained to every user	0	1	2	2
		0%	20%	40%	40%
3.	The introduction to the module gives clear scope	0	1	3	1
		0%	20%	60%	20%
4.	General goal related to the modul purpose	0	1	3	1
		0%	20%	60%	20%
5.	All objectives tend to achieve module purpose clearly	0	2	2	1
		0%	40%	40%	20%
6.	All module content directly related to objective	0	1	3	1
		0%	20%	60%	20%
7.	Module content is arranged logically according to the learning arrangement	0	1	3	1
		0%	20%	60%	20%
8.	The whole unit is divided according to category	0	1	3	1
		0%	20%	60%	10%
9.	All learning activities are suitable in content & learning sequence	1	1	2	1
		20%	20%	40%	20%
10.	All instructions clear and understandable	1	1	2	1
		20%	20%	40%	20%
11.	All instructions are easy to follow	1	1	2	1
		20%	20%	40%	20%
12.	Page layout is arranged accordingly	0	0	5	0
		0%	0%	100%	0%
13.	The page layout is interesting	0	0	3	2
		0%	0%	60%	40%
14.	Page layout easy to learn	0	0	4	1
		0%	0%	80%	20%

15.	Questions & answers are responded accordingly	0 0%	1 20%	2 40%	2 40%
16.	Answers are suitable with the response question	0 0%	1 20%	3 60%	1 20%
17.	The conclusion for the paragraph is suitable	0 0%	0 0%	4 80%	1 20%
AVERAGE		21.17%		78.83%	

Table 5 shows the responses from the users on the module format. The majority of the users (93.33%) agree with the items on the module content. Meanwhile, only (6.67%) users disagree with the module contents.

Table 5: Response from the users on the module content

No.	Item	Disagree		Agree	
		VDA	DA	A	VA
1.	I understand the module clearly	0 0%	1 10%	3 30%	6 60%
2.	Easy for me to understand what I have to do according to the module.	0 0%	1 10%	4 40%	5 50%
3.	I can study module without a problem	0 0%	1 10%	4 40%	5 50%
4.	I understand the idea in the module	0 0%	0 0%	6 60%	4 40%
5.	Quizzes (task) easy to answer	0 0%	1 10%	5 50%	4 40%
6.	I can do all instructions in the module	0 0%	1 10%	6 60%	3 30%
7.	The idea in the module is interesting.	0 0%	1 10%	4 40%	5 50%
8.	Sentences used in the module easy to understand.	0 0%	0 0%	4 40%	6 60%
9.	The writing style in the module is suitable	0 0%	0 0%	6 60%	4 40%
10.	All text in the module easy to understand	0 0%	0 0%	7 70%	3 30%
11.	This module facilitates me to learn about the topic	0 0%	1 10%	4 40%	5 50%
12.	I enjoy using this module	0 0%	1 10%	3 30%	6 60%
AVERAGE		6.67%		93.33%	

Usability of the Module

Based on Table 6, the majority of the experts gave positive responses (86.7%) on the usability of the module and (13.33%) expert did not agree with this aspect.

Table 6: Response from the experts on module usability

No.	Item	Disagree		Agree	
		VDA	DA	A	VA
1.	All learning activities encouraged participation and responses actively	0	2	1	2
		0%	40%	20%	40%
2.	Figures, tables, graphics are shown as an explanation	0	0	4	1
		0%	0%	80%	20%
3.	Strengthening exercise in each learning unit is suitable	0	0	4	1
		0%	0%	80%	20%
4.	Overall, this module motivated users.	0	1	3	1
		0%	20%	60%	20%
5.	Time taken to complete the module is suitable for the targeted users.	0	1	3	1
		0%	20%	60%	20%
6.	All aspects of the module able to use as a source for learning	0	0	4	1
		0%	0%	80%	20%
AVERAGE		13.33%		86.67%	

Based on Table 7, (83.17%) experts agreed and gave positive responses on the format, contents, and usability for the module. However, (16.83%) experts disagreed with the format, contents, and usability of the module.

For users, (94.17%) agreed with the format, contents, and usability of the whole module. Only (5.83%) users disagreed with the format and contents of the module. The analysis showed that the users can understand the module contents and ease with the module format.

Table 7: Overall response on the module format, contents and usability

Respondent	Expert		User	
	Disagree	Agree	Disagree	Agree
Format	16.00 %	84.00 %	5.00 %	95.00 %
Contents	21.17 %	78.83 %	6.67 %	93.33 %
Usability	13.33 %	86.67 %		
Average	16.83 %	83.17 %	5.83 %	94.17 %

Discussion

Based on the results, experts and users gave suggestions to improve the quality of the module. The main goal of the study is to develop the teaching module on digital game-based learning for the Electrical Technology 1 course. To develop an effective independent learning module, skills and knowledge are needed in the process of development (Mohd Noah & Ahmad, 2005). At the early stage of the module development, the researcher needs to review important aspects by ensuring the chosen subtopic fulfills the requirement of the

Electrical Technology 1 course. A list of reference materials and learning tools were identified. This is important to ensure that the development of the module is standardized with the requirements of the teaching and Meyer Model.

After identifying the requirements and criteria of the module, a draft module was developed. This draft module includes the characteristics of the user, targeted learning outcomes, module format and contents and learning activities. All the listed criteria were later written accordingly in order. The components of a module were referred to base on the Meyer Model (Meyer, 1988).

The evaluation process took place after the module was developed (Yien, Hung, Hwang & Lin, 2011). The evaluation focuses on the format, contents, and the usability of the module. The research findings reveal that majority of the experts and users agree on the module format and content that has been developed. Furthermore, the users agreed on the suitability of the module format. Users are pleased with item 1 “module size is handy to be carried” because the module is in B5 size which is easy to carry along wherever the users are.

Besides that, Mohd Noah & Ahmad (2005) explain that one of the main aspects that must be considered in formatting the module is the size and type of font used. All respondents agreed on item 3 “the size and type of font are acceptable”. Tahoma font with size 12 is applied in this module. The respondents also agreed on item 4 “the figures are placed appropriately”. All figures were placed in the module are in order and follow by detailed explanations. The respondents also agree on item 8 which is “the instruction is easy to follow”. This is because the researcher arranged the module systematically and starts each unit with general and specific objectives. This is will allow the user to have a holistic idea of what they will go through along the module (Mohd Noah & Ahmad, 2005).

Based on the research findings, it can be concluded that the content is an important criterion in the development of a module (Baviskar, Hartle & Whitney, 2009). The content consists of the topic in the module, an example of instructions also the questions stated in each unit. The result shows that module content is aligned with the module objective. Respondents agreed with all module content is directly related to the objective. Dickey (2011) stated that to be able to achieve the learning objective, the learning module has complete and arranged systemically. However, some experts and users did not agree with a few of the items. Such as item on the matter of active participation based on the proposed learning activities and all objectives are aligned with the goal of module.

Conclusion

A good quality module is the basis of effective teaching and learning. Two basic components of a module are the format and content. Based on Meyer Model, good quality of module can be developed. Experts and users must involve the process of quality evaluation on the module. A comparison between input from the experts and users can be addressed. Suggestions for improvement from both parties must be taken into consideration to assure the quality of the developed module is high. As a conclusion, the

module of digital game-based for Electrical Technology 1 is ready to be implemented among students.

References

Alonso-Tapia, J. & Pardo, A. (2006). Assessment of learning environment motivational quality from the point of view of secondary and high school learners. New York. Learning and Instruction.

Alfi, O., Assor, A., & Katz, I. (2004). Learning to allow temporary failure: Potential benefits, supportive practices and teacher concerns. *Journal of Education for Teaching*, 30(1): 27-31.

Baviskar, S. N., Hartle, R. T. and Whitney, T. (2009). Essential Criteria to Characterize Constructivist Teaching: Derived from a review of the literature and applied to five constructivist-teaching method articles. *International Journal of Science Education*, 31:4, 541-550, DOI: 10.1080/09500690701731121

Bayliss, J. D. (2007). The effects of games in CS1-3. Proceedings of Microsoft Academic Days Conference on Game Development in Computer Science Education. *International Journal of Science Education*, 31(4): 59-63.

Dickey, M. D. (2011). Murder on grimm Isle; the impact of game narrative design an educational game based learning environment. *British Journal of Educational Technology*.

Ebner, M., & Holzinger, A. (2005). Successful implementation of user-centered game-based learning in higher education: an example from civil engineering. *Computer & Education*, 49(3).

Farber, M. (2015). Gamify your classroom: A field guide to game-based learning. New York: Peter Lang.

Gentile, D. A. & Gentile, J. R. (2008). Violent video games as exemplary teachers: A conceptual analysis. *Journal of Youth and Adolescence*.

Lombardo, T. (2018). Wired: A Video Game to Spark Interest in Engineering. [online] Engineering.com. Available at: <https://www.engineering.com/Education/EducationArticles/ArticleID/17859/Wired-A-Video-Game-to-Spark-Interest-in-Engineering.aspx> [Accessed 4 Jan. 2020].

Lope Pihie, Z. A. (2005). *Memperkasa Pendidikan Pelajar Berisiko*. Serdang:UPM.

Meyer, G. R. (1988). *Modules: From Design to Implementation*. 2nd ed. Filipina: Colombo Plan Staff College for Technician Education.

Mitchel, A. & Savill-Smith, C. (2004). *The use of computer and video games for learning: A review of the literature*. London: Learning and Skills Development Agency.

Mohd Noah, S. & Ahmad, J. (2005). Pembinaan Modul Bagaimana Membina Modul Latihan dan Modul Akademik. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.

Noah, S. M., & Ahmad, J. (2005). Pembinaan Modul: Bagaimana Membina Modul Latihan dan Modul Akademik. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.

Richard, O. (2004). An overview of Jerome Brunner His Theory of Constructivism. In Partial Fulfillment of The Requirement for ECI 761.

Roland, L. M. (2017). Learning Technologies in Education: Issues and Trends. Gamification and Learning: Increasing Student Online Session Engagement through Gamification. Youngstown State University.

Sulaiman, E. (2002). Pengenalan Pedagogi. Skudai, Johor Bahru: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.

Syaiful Bahri, D. (1996). Strategi Belajar Mengajar, Jakarta: PT Rineka Cipta

Tekkaya, C. (2002). Misconceptions as barrier to understanding biology. *Journal of Education*, 23.

Tomlinson, C. A., Moon, T. & Imbeau, M. B. (2013). Assessment and Student Success in a Differentiated Classroom. Alexandria, USA: SCD Professional Learning Services.

Tretinjak. M. F., Bedapest, A., Tretinjak, M., (2014). Application of modern teaching techniques in the educational process, in: Information and Communication Technology, Electronics and Microelectronics (MIPRO), 2014 37th International Convention.

Virvou, M., Katsionis, G., & Manos, K. (2005). Combining software games with education: Evaluation of its education effectiveness. *Educational Technology & Society*, 8(2).

Yien, J. M., Hung, C. M., Hwang, G.J., & Lin, Y. C. (2011). A game-based learning approach to improving student's learning achievements in a nutrition course. The Turkish online journal of educational technology.

Kecerdasan Emosi Dalam Proses Kreativiti: Meningkatkan Nilai Dalam Drama KOMSAS

Nurul Fasheha Razali¹, Harrinni Md Noor² & Farhana Wan Yunus³

Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Mara (UiTM)

¹*fasha_az88@yahoo.com*

ABSTRAK

Pengenalan- Kecerdasan emosi (EI) adalah keupayaan individu untuk menggunakan emosi dengan berkesan dalam kehidupan seharian dalam membentuk tingkah laku dan pemikiran. Kajian Tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Nasional Malaysia (NHMS,2015) menunjukkan bahawa 600,000 kanak-kanak berumur 5 hingga 16 tahun di Malaysia didiagnosis dengan masalah kesihatan mental. Gejala penyakit jiwa yang tidak dirawat lebih awal boleh menyebabkan penyakit mental yang kronik, termasuk kemungkinan berlakunya jenayah dan gangguan kepada orang lain. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) kini mendorong para pendidik untuk memasukkan nilai-nilai ini ke dalam proses pengajaran untuk membina generasi masa depan yang lebih baik. Ini sejajar dengan Kemahiran Belajar Abad ke-21 di mana Kemahiran Komunikasi, Kolaborasi, Berfikir Kritis dan Kreativiti, bersama dengan nilai dan etika akan menjadi tumpuan dalam pendidikan.

Objektif – Kajian ini mengkaji tahap kesesuaian dalam memasukan kecerdasan emosi ke dalam sistem pendidikan melalui aktiviti drama dalam Komponen Sastera yang dikenali sebagai KOMSAS (Komponen Sastera) untuk pelajar sekolah menengah.

Methodologi – Satu kajian tinjauan dilakukan dalam kalangan lapan pakar reka bentuk dan pengembangan modul berdasarkan model kreativiti Wallis dan model kecerdasan emosi Goleman. Modul ini menerapkan kesedaran diri, pengurusan diri, kesedaran sosial dan pengurusan hubungan yang akan diterapkan melalui proses persiapan, inkubasi, penerangan dan pengesahan.

Berdasarkan jadual 4 diatas, 2 item telah ditolak daripada sebelas item awal yang disenaraikan dalam elemen kesediaan pelajar. Ianya ditolak apabila tidak memenuhi tiga syarat analisis yang telah diuraikan dalam pelaksanaan analisis Fuzzy Delphi. Dua item tersebut adalah ‘pelajar memahami ciri-ciri seorang usahawan’ dan ‘pelajar dapat membentangkan cadangan program keusahawanan sebelum diterima masuk’. Selain itu, item-item yang telah diterima juga telah disenaraikan mengikut ranking 1 hingga 4 dimana ranking pertama adalah item ‘pelajar memahami kelebihan kerjaya sebagai usahawan’. Seterusnya, terdapat 2 item yang berada dalam ranking kedua, 5 item dalam ranking ketiga, dan 1 item dalam ranking keempat.

c) Kesediaan guru

Elemen kesediaan guru merujuk kepada keupayaan dan kelebihan yang ada pada guru dalam menjalankan program *School Enterprise* ini dan merupakan antara elemen yang penting dalam memastikan kejayaan dan keberkesanan program. Terdapat sembilan item yang tersenarai bagi elemen kesediaan guru dan merangkumi pelbagai aspek yang memberi indikator kepada kebolehan guru menjalankan program dengan baik.

Jadual 5*Elemen kesediaan guru*

Bil	Elemen Kesediaan Guru	Nilai Threshold	Peratus Kesepakatan Kumpulan Pakar, %	Skor Fuzzy (A)	Kesepakatan Pakar	Ranking
1	Guru mempunyai kelayakan dalam mengendalikan matapelajaran/program keusahawanan	0.163	86.7%	0.640	Terima	3
2	Guru mempunyai pengalaman dalam mengajar kursus/program keusahawanan	0.114	86.7%	0.613	Terima	6
3	Guru mempunyai pengalaman sebagai usahawan	0.141	86.7%	0.573	Terima	7
4	Guru mempamerkan ciri-ciri sebagai usahawan	0.130	93.3%	0.640	Terima	3
5	Guru bersedia bagi membimbing para pelajar dalam program	0.152	100.0%	0.707	Terima	1
6	Guru mempunyai kemahiran dalam mengendalikan perniagaan atas talian	0.163	86.7%	0.640	Terima	4
7	Guru memahami keperluan dalam mengendalikan program keusahawanan	0.179	86.7%	0.653	Terima	2
8	Guru mempunyai jaringan latihan keusahawanan yang baik	0.190	73.3%	0.613	Terima	8
9	Guru cakna terhadap isu keusahawanan di dunia luar	0.177	86.7%	0.627	Terima	5

Jadual 5 diatas menunjukkan terdapat sembilan item yang telah tersenarai bagi elemen kesediaan guru dimana kesemua item telah diterima dan mendapat persetujuan yang tinggi oleh pakar. Dengan kata lain, kesemua item-item yang telah disenaraikan adalah memenuhi 3 syarat yang ditetapkan bagi analisis Fuzzy Delphi. Daripada analisis yang telah dijalankan, semua item disenaraikan daripada ranking 1 hingga 8 dengan ranking ketiga dikongsi oleh 2 item iaitu ‘Guru mempunyai kelayakan dalam mengendalikan matapelajaran/ program keusahawanan’ dan item ‘Guru mempamerkan ciri-ciri sebagai usahawan’. Daripada analisis juga, ranking 1 yang merupakan item paling penting adalah ‘guru bersedia bagi membimbing para pelajar dalam program’ yang memberikan dapatan bahawa peranan guru adalah amat penting dalam kesediaan mereka untuk membimbing pelajar dalam menjayakan program *School Enterprise* ini.

d) Kesediaan organisasi sekolah

Kesediaan organisasi adalah didefinisikan sebagai persiapan sekolah bagi memastiikan pelaksanaan program *School Enterprise* di Kolej Vokasional ini berjalan dengan baik. Kesediaan sekolah ini adalah merangkumi pelbagai aspek misalnya infrastruktur, sumber mahupun dasar yang dapat menyokong pelaksanaannya. Jadual 6 menunjukkan terdapat 8 item yang telah disenaraikan dibawah elemen kesediaan organisasi sekolah.

Jadual 6

Elemen kesediaan organisasi sekolah

Bil	Elemen Kesediaan Organisasi Sekolah	Nilai Threshold, d	Peratus Kesepakatan Kumpulan Pakar, %	Skor Fuzzy (A)	Kesepakatan Pakar	Ranking
1	Sekolah mempunyai autonomi terhadap pengurusan program	0.152	100.0%	0.693	Terima	2
2	Sekolah menggunakan koperasi bagi membantu melancarkan pengurusan program	0.239	80.0%	0.653	Terima	5
3	Sekolah membina rangkaian dengan pelbagai bentuk perniagaan	0.227	80.0%	0.618	Terima	7
4	Sekolah bersedia dengan kepelbagaian sumber berkaitan bagi mengendalikan program	0.212	86.7%	0.627	Terima	6
5	Sekolah menyediakan Alat	0.152	100.0%	0.693	Terima	2

	Bantu Mengajar (ABM) khusus bagi program					
6	Sekolah membina jaringan perhubungan dengan pelbagai pusat latihan keusahawanan	0.217	80.0%	0.667	Terima	4
7	Sekolah memahami peraturan yang mengikat implementasi perniagaan oleh para pelajar sekolah	0.136	100.0%	0.733	Terima	1
8	Terdapat dasar khusus bagi pelaksanaan program keusahawanan sekolah oleh pihak atasan	0.241	86.7%	0.671	Terima	3

Berdasarkan jadual 6 diatas, kesemua lapan item dalam elemen kesediaan organisasi sekolah ini telah diterima oleh kesemua pakar dan mendapat kesepakatan yang tinggi daripada mereka. Item yang menduduki ranking pertama adalah ‘sekolah memahami peraturan yang mengikat implementasi perniagaan oleh para pelajar sekolah’ yang memperlihatkan kepentingan sekolah bagi memenuhi undang-undang atau peraturan yang berkaitan dengan pelaksanaan *School Enterprise* ini. Seterusnya adalah ranking kedua yang terdiri daripada 2 item iaitu ‘sekolah mempunyai autonomi terhadap pengurusan program’ dan ‘sekolah menyediakan Alat Bantu Mengajar (ABM) khusus bagi program’. Kedua-dua item ini menyediakan maklumat tentang elemen sokongan bagi organisasi yang turut berperanan menjayakan pelaksanaan kurikulum *School Enterprise* di Kolej Vokasional ini. Seterusnya lain-lain item dalam elemen telah disenaraikan satu persatu daripada ranking 3 hingga 7 dengan item terakhir adalah ‘sekolah membina rangkaian dengan pelbagai bentuk perniagaan’.

e) Penyediaan modul

Penyediaan modul adalah merupakan usaha yang diambil oleh pihak KV bagi mempersiapkan modul pengajaran dan pelaksanaan yang khusus bagi kurikulum *School Enterprise* ini. Ianya merupakan kandungan kurikulum keusahawanan yang diterjemahkan dalam bentuk program *School Enterprise* bagi membuka ruang terhadap pembelajaran aktif yang melibatkan praktikal. Secara keseluruhannya, terdapat 14 item yang telah disenaraikan pada peringkat awal bagi dinilai oleh kesemua panel pakar untuk kesepakatan terhadap penerimaan item.

Jadual 7*Elemen penyediaan modul*

Bil	Elemen Penyediaan Modul	Nilai Threshold	Peratus Kesepakatan Kumpulan Pakar, %	Skor Fuzzy (A)	Kesepakatan Pakar	Ranking
1	Modul disediakan mengikut tujuan program	0.174	93.3%	0.693	Terima	2
2	Modul disediakan menepati objektif program	0.174	93.3%	0.693	Terima	2
3	Modul mengandungi kepelbagaian bentuk aktiviti keusahawanan	0.171	93.3%	0.680	Terima	3
4	Modul merangkumi perniagaan jualan terus dan atas talian	0.261	73.3%	0.640	Terima	5
5	Modul mengandungi bentuk pentaksiran program yang bersesuaian	0.196	86.7%	0.680	Terima	3
6	Modul dibina dengan rujukan terhadap pelbagai modul lain yang relevan	0.190	86.7%	0.667	Terima	4
7	Modul dibina dengan rujukan terhadap pelbagai sumber ilmiah/akademik yang relevan	0.228	73.3%	0.640	Terima	5
8	Modul dibina dengan rujukan terhadap kehendak pasaran	0.163	86.7%	0.640	Terima	5
9	Modul dibina oleh pakar dalam bidang keusahawanan	0.163	86.7%	0.640	Terima	5
10	Modul dibina selepas melalui penanda arasan	0.204	40.0%	0.600	Tolak	-
11	Modul dibina menepati kehendak Falsafah Pendidikan Kebangsaan	0.163	93.3%	0.667	Terima	4
12	Modul dibina dengan memenuhi Standard Kualiti Pendidikan Malaysia	0.152	100.0%	0.707	Terima	1

13	Modul dibina dengan mengambilkira kualiti program keusahawanan sekolah di peringkat antarabangsa	0.277	53.3%	0.560	Tolak	-
14	Samakan modul dibuat setiap tahun bagi memastikan ia relevan dan terkini	0.196	80.0%	0.640	Terima	5

Berdasarkan jadual 7 yang menyenaraikan item bagi elemen penyediaan modul, 2 item telah ditolak daripada keseluruhan 14 item yang disenaraikan. Kedua-dua item yang ditolak secara jelas tidak memenuhi tiga syarat analisis Fuzzy Delphi dan tidak dikira sebagai antara perkara penting yang perlu dilaksanakan oleh sekolah dalam persiapan penyediaan modul. Dua (2) item yang telah ditolak adalah ‘modul dibina selepas melalui penanda arasan’ dan ‘modul dibina dengan mengambilkira kualiti program keusahawanan sekolah di peringkat antarabangsa’. Daripada analisis juga, kesemua item yang diterima telah mencatatkan senarai ranking daripada tempat pertama hingga tempat kelima. Item dalam ranking pertama adalah ‘modul dibina dengan memenuhi Standard Kualiti Pendidikan Malaysia’ yang merupakan ciri penting yang perlu ada bagi menghasilkan kurikulum yang baik dan berkesan. Seterusnya, terdapat 2 item bagi ranking kedua, 2 item bagi ranking ketiga, 2 item bagi ranking keempat dan 5 item bagi ranking terakhir iaitu ranking kelima.

Perbincangan

Berdasarkan dapatan yang diperolehi daripada analisis yang telah dijalankan, terdapat 5 elemen yang penting dalam menyokong persediaan program *School Enterprise* di Kolej Vokasional iaitu elemen kefahaman program, kesediaan pelajar, kesediaan guru, kesediaan organisasi sekolah dan seterusnya adalah elemen penyediaan modul. Bagi elemen kefahaman program, 11 item telah diterima oleh pakar, 9 item bagi elemen kesediaan pelajar, 9 item diterima bagi elemen kesediaan guru, 8 item diterima bagi elemen kesediaan organisasi sekolah dan seterusnya 12 item diterima bagi elemen penyediaan modul.

Profil persediaan yang telah direkabentuk berdasarkan pandangan pakar membuktikan bahawa pengajaran yang berkesan memerlukan kepada struktur kurikulum yang tersusun sebagaimana yang disarankan oleh John, Foley, Frank dan Olson (2008). Ianya dimulakan dengan elemen persediaan program bagi memastikan semua pihak mampu bersedia dengan sebaiknya serta dapat melaksanakan kurikulum dengan lebih berkesan. Dapat dilihat bahawa pelajar secara peribadi perlu mempersiapkan diri dengan persediaan yang sewajarnya disamping persediaan oleh pihak guru bagi melaksanakan pengajaran termasuklah dalam melengkapkan diri dengan pengetahuan dan kemahiran keusahawanan yang sewajarnya. Selain itu, kesediaan organisasi sekolah juga turut diambil kira khusus dalam menyediakan kemudahan serta sumber pengajaran yang optimum terutama sekali bagi memastikan kelancaran latihan program yang dijalankan secara praktikal. Turut diambil kira adalah persediaan terhadap penyediaan modul yang baik atau silibus kurikulum keusahawanan yang komprehensif dan seimbang.

Kajian ini turut menyokong kenyataan oleh Bahagian Pendidikan Teknikal dan Vokasional (2014) yang menekankan kepada kandungan program/kurikulum yang mampu meningkatkan minat dan pengetahuan serta kemahiran tenaga pengajar dan pengajar. Ianya dapat dijana melalui pembelajaran aktif misalnya secara *'hands-on'*. Elemen kesediaan guru misalnya menekankan kepada keperluan terhadap guru bagi mempunyai kelayakan serta pengalaman dalam mengendalikan program keusahawanan disamping bersedia bagi membimbing para pelajar untuk sama-sama meningkatkan ilmu dan kemahiran mereka. Selain itu, adalah amat penting bagi seseorang guru dalam program ini untuk mempunyai jaringan latihan keusahawanan yang baik serta cakna terhadap isu keusahawanan di dunia luar. Semua usaha ini akan dapat memberi aspirasi kepada para pelajar bagi mereka mempelajari kurikulum keusahawanan ini dengan berkesan.

Dapatan kajian ini juga turut selari dengan pendapat Tom (2003) yang menyatkan bahawa latihan dan kemahiran pengajar dan pelajar adalah sama penting bagi membolehkan pencapaian objektif pembelajaran yang ditetapkan. Ianya hanya akan terlaksana sekiranya organisasi sekolah turut terlibat dalam menyediakan persekitaran yang kondusif serta sumber yang relevan bagi mengekalkan kemahiran guru dan para pelajar. Antara hasil dari kajian ini juga turut menyatakan keperluan sekolah terhadap mewujudkan koperasi bagi membantu melancarkan pengurusan program, membina rangkaian dengan pelbagai bentuk perniagaan di luar serta mampu membina jaringan perhubungan dengan pelbagai pusat latihan keusahawanan. Semua usaha ini dilihat mampu membina dan mengekalkan minat, pengetahuan dan kemahiran guru dan pelajar ke arah menghasilkan program *School Enterprise* yang berkesan dan memberi impak.

Penutup

Dapatan kajian berjaya menyenaraikan lima elemen utama dalam persediaan program *School Enterprise* yang berkesan bagi Kolej Vokasional iaitu kefahaman program, kesediaan pelajar, kesediaan guru, kesediaan organisasi sekolah serta penyediaan modul. Kajian ini juga telah menyenaraikan kandungan dan proses yang penting bagi setiap elemen tersebut untuk dilaksanakan oleh Kolej Vokasional dalam mengimplementasikan *School Enterprise*. Sebagai implikasi, kajian ini diharap mampu meningkatkan keberkesanan pengurusan program *School Enterprise* sedia ada agar lebih kompetitif dan berdaya saing dan seterusnya membentuk solusi terhadap segala cabaran dan isu pengurusan yang dihadapi di masa akan datang. Pelbagai pihak berkepentingan samada penggubal kurikulum mahupun pihak sekolah dan guru sebagai pelaksana perlu mengambil pendekatan proaktif sebagaimana yang dicadangkan bagi menjamin peningkatan kualiti program *School Enterprise* dan seterusnya keberkesanan kursus ini dalam membentuk keperibadian keusahawanan dalam pelajar Kolej Vokasional di Malaysia.

Secara keseluruhan, kajian ini adalah diharap mampu menjadi panduan berkesan bagi sekolah beraliran vokasional/ teknikal/ keusahawanan dalam melaksanakan kurikulum keusahawanan khususnya program seperti *School Enterprise* ini. Selain itu ianya juga dilihat mampu menjadi panduan bagi penggubal kurikulum dalam bidang keusahawanan bagi mengambilkira pelbagai elemen penting dalam kurikulum yang berkesan termasuklah dalam aspek persediaan kurikulum/program yang dijalankan. Dari aspek teoretikal pula, ianya berjaya menghasilkan sebuah model cadangan yang mampu menyokong pembentukan

kurikulum Pendidikan Keusahawanan yang lebih praktikal. Daripada perubahan aspek praktikal ini juga ianya turut dapat memberi panduan kepada pengurusan institusi terhadap penyediaan Alat Bantu Mengajar (ABM) kursus keusahawanan yang lebih relevan dan diperlukan bagi pencapaian hasil pembelajaran yang berkesan.

Perakuan

Penyelidikan ini adalah dibiayai oleh Geran Fakulti Pendidikan (GPF) Universiti Malaya.

Rujukan

- Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional. (2014). Garis panduan pelaksanaan School Enterprise (SE), Kolej Vokasional (KV). Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Bodjanova, S. (2006). Median alpha-levels of a fuzzy number. *Fuzzy Sets and Systems*, 157, 879-891. Doi: 10.1016/j.fss.2005.10.015
- Chen. (2000). Extensions of the topsis for group decision-making under Fuzzy environment. *Fuzzy Sets and Systems*, 114(1), 1-9. Doi: [https://doi.org/10.1016/S0165-0114\(97\)00377-1](https://doi.org/10.1016/S0165-0114(97)00377-1)
- Cheng, C.H., & Lin, Y. (2002). O.R. Applications: Evaluating the best main battle tank using fuzzy decision theory with linguistic criteria evaluation. *European Journal of Operational Research*, 142, 174-186. Doi: 10.1016/S0377-2217(01)00280-6.
- Chu, H.-C., & Hwang, G.-J. (2008). A Delphi-Based approach to developing expert systems with the cooperation of multiple experts. *Expert Systems With Applications*, 34, 2826-2840. Doi: 10.1016/j.eswa.2007.05.034
- Hanim Zainal. (2016). Kesediaan pensyarah teknikal terhadap pelaksanaan School Enterprise di Kolej Vokasional Wilayah Utara. (Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan). Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Johor.
- Hytti, Ulla & O’Gormon, Colm. (2004). What is “Enterprise Education”? An analysis of the objectives and methods of enterprise education programmes in four European countries. *Education + Training*, 46(1), 11-23.
- John, G., Foley, C., Frank, A., & Olson, C. (2008). Developing and operating school based enterprise that empower special education students to learn and connect classroom, community and career related skills. *The Journal For Vocational Special Needs Education*, 31, 1-3.
- Kementerian Pengajian Tinggi. (2007). Asas pembudayaan keusahawanan. Sintok, Kedah: UUM Press.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2010). Garis panduan pelaksanaan School Enterprise Kolej Vokasional, Kementerian Pendidikan Malaysia. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kuratko, D. F. & Hodgetts, R, M. (2007). *Entrepreneurship: Theory, process, practice*. Mason, OH: Thomson/South-Western Publishing.
- Meier, D. (2000). *The accelerated learning handbook*. New York: McGraw-Hill
- Mohd Ridhuan Mohd Jamil, Saedah Siraj, Zaharah Husain, Nurulrabihah Mat Noh & Ahmad Arifin Sapar. (2019). *Pengenalan asas kaedah Fuzzy Delphi dalam penyelidikan rekabentuk Ppmbangunan*. Kuala Lumpur: Minda Intelek.

- Murry, J. W. , & Hammons, J. O. (2017). Delphi: A versatile methodology for conducting qualitative research. (4), 423. Doi: 10.1353/rhe.1995.0008
- Norhana Mustapha, Sumaiyah Mamat Zambri, Rafidah Manap & Mokhtar Pet. (2019). Siri Kolej Vokasional: Keusahawanan. Shah Alam, Malaysia: Oxford Fajar Sdn Bhd.
- Hannon, P.D., Collins, L.A. & Smith, A. J. (2005). Exploring graduate entrepreneurship: A collaborative, co-learning based approach for students, entrepreneurs and educators. *Industry and Higher Education*, 19(1), 11-23
- Saedah Siraj, Muhammad Ridhuan Tony Lim Abdullah & Rozaini Muhamad Rozkee. (2020). Pendekatan penyelidikan rekabentuk dan pembangunan. Perak, Malaysia: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Tang, C.W., & Wu, C.T. (2010). Obtaining a picture of undergraduate education quality: A voice from inside the university. *Higher Education* (3), 269.
- Tom, B. (2003). Teaching entrepreneurship to engineers & scientists. Stanford Technology University: Price Babson.

Pedagogi Responsif Budaya Menerusi Cerita Rakyat Untuk Kemahiran Literasi Awal Kanak-Kanak: Restrospektif Guru

**Mohd Nazri Abdul Rahman¹ (Ph.D), Aishah Abdul Malek¹,
& Muhammad Asyraf Mansor²**

*Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya¹
Pusat Kelestarian dan Komuniti Universiti Malaya (UMCares)²*

mohdnazri_ar@um.edu.my

ABSTRAK

Pengenalan: Pedagogi responsif budaya merupakan pendekatan pengajaran dan pembelajaran menggunakan sumber rujukan budaya setempat dalam menyampaikan pengetahuan, kemahiran dan pembentukan tingkah laku pelajar. Cerita rakyat pula merupakan salah satu bentuk menyampaikan mesej pengajaran tentang sesuatu idea, konsep atau sejarah bagi membantu kefahaman kanak-kanak terhadap sesuatu fakta. Malaysia mempunyai kepelbagaian bahasa dan budaya yang menjadikan cabaran besar kepada guru untuk menyampaikan maklumat serta fakta kepada kanak-kanak pelbagai bangsa khususnya yang baru memasuki alam persekolahan dan tidak menguasai bahasa pengantara yang digunakan di dalam kelas.

Objektif : Kajian ini bertujuan untuk meneroka aspek pelaksanaan pedagogi responsif budaya menerusi cerita rakyat untuk awal literasi kanak-kanak.

Metodologi : Kajian ini dilaksanakan ke atas sekumpulan kanak-kanak yang berumur 4 hingga 6 tahun di tabika yang terletak di Tangkak, Johor. Pengumpulan data menggunakan kaedah temubual dan *'fokus group discussion'* sebelum dan selepas aktiviti dilaksanakan.

Dapatan : Kajian menunjukkan pedagogi responsif budaya dapat dijalankan dengan adanya kreativiti guru dalam penyampaian cerita rakyat merupakan faktor utama yang mempengaruhi penguasaan kemahiran literasi awal kanak-kanak berkepelbagaian budaya. Dapatan kajian ini mencadangkan pedagogi responsif budaya menerusi cerita rakyat perlu dilaksanakan secara kreatif oleh guru melalui penggunaan boneka, bahan maujud atau drama dalam kalangan kanak-kanak berkepelbagaian budaya bagi meningkatkan penguasaan kemahiran literasi awal kanak-kanak.

Kepentingan : Implikasi kajian menunjukkan bahawa pedagogi responsif budaya memberi nilai tambah kepada pembentukan nilai, jati diri dan perwatakan diri kanak-kanak.

Kata Kunci : Cerita Rakyat, pedagogi responsif budaya, kemahiran literasi, kepelbagaian budaya,

Pengenalan

Kaedah bercerita merupakan salah satu kaedah yang sering digunakan dalam setiap lapisan masyarakat untuk menerangkan atau menceritakan tentang sesuatu idea, konsep atau sejarah menggunakan teknik yang menarik dan mudah difahami oleh pendengar. Aktiviti bercerita yang menarik mampu menarik minat pendengar untuk mendengar dengan lebih lanjut tanpa meninggalkan setiap plot penceritaan sehingga tamat cerita tersebut. Kanak-kanak sangat gemar mendengar cerita, melalui bercerita, mereka cenderung untuk mendengar setiap perkataan yang diluahkan oleh pencerita. Kaedah bercerita bukan sahaja meluahkan perkataan, malah ianya memerlukan pencerita untuk menggunakan pelbagai teknik bercerita diantaranya ekspresi muka, ekspresi bahasa badan, intonasi suara, alat bercerita dan sebagainya bagi menarik minat kanak-kanak untuk mendengar cerita tersebut dan memastikan ianya mampu membentuk kegembiraan, suasana yang menyeronokkan, meningkatkan imaginasi kanak-kanak serta membentuk kefahaman dan kemahiran literasi awal untuk kanak-kanak. Kaedah bercerita diuji bagi membuat satu kesahan dimana kaedah ini merupakan satu kaedah yang efektif dan efisien yang membantu meningkatkan kefahaman kanak-kanak berkepelbagaian budaya untuk menerima sesuatu pembelajaran secara optimum.

Pendekatan pengajaran menerusi responsif budaya dilihat selari dalam melestarikan penggunaan cerita rakyat dalam meningkatkan kemahiran literasi awal kanak-kanak tadika. Dalam konteks kajian ini, responsif budaya dapat ditakrifkan sebagai suatu pendekatan pengajaran dan pembelajaran berasaskan pengetahuan budaya, pengalaman sedia ada yang dimiliki oleh murid yang berbilang bangsa (NUCEL, 2014). Namun begitu, pendidikan berteraskan responsive budaya mula ditengahkan bermula pada tahun 1960-an hingga 1970-an melalui keperluan pendidikan yang berkisar tentang kesamarataan antara murid dan pendidikan berkualiti.

Kepelbagaian penduduk di Malaysia menjadi satu keunikan dan cabaran kepada pendidik dalam memastikan kemahiran literasi awal dalam kalangan kanak-kanak berbilang bangsa dapat dicapai mengikut tahap perkembangan mereka. Justeru, guru perlu memainkan peranan akan perbezaan gaya hidup, budaya dan kepercayaan dalam setiap keluarga. Penekanan akan pedagogi responsif budaya dalam menyuburkan kemahiran literasi awal memberikan impak yang positif dalam memahami kepercayaan dan memenangi kepercayaan dan hubungan diantara keluarga murid dalam membantu proses pembelajarannya mereka secara tidak langsung (Gay, 2002; Ford & Klea, 2009)

Cerita dan bercerita telah digunakan sejak sekian lama dalam mengajar sama ada secara formal atau tidak formal. Dalam budaya Melayu sendiri khususnya, terdapat pelbagai cerita yang menyampaikan mesej nasihat dan budaya.

“Storytelling is an age-old and powerful means of communication that can be used as an effective teaching strategy in the science classroom. Listening to a story involves imagination, activation of prior experiences, knowledge, and imagery. A community of

learners, characterized by inquiry and discovery, can be initiated through the process of storytelling.”

(A.D Isabelle, 2007)

Kenyataan daripada Isabelle di atas menunjukkan bahawa cerita adalah satu strategi yang berkesan untuk menyampaikan pelajaran atau ilmu sains dalam bilik darjah. Menurut Isabelle lagi, mendengar cerita melibatkan imaginasi, pengaktifan pengetahuan lepas, pengetahuan dan bayangan. Beliau percaya bahawa satu komuniti pelajar boleh dicipta melalui kaedah bercerita.

Menurut M.C. Green (2004), cerita mempunyai beberapa peranan di dalam bilik darjah, termasuk menaikkan minat murid, membantu perjalanan kuliah (pengajaran), menjadikan bahan bermakna, mengatasi halangan dan rasa cemas pelajar, dan juga membina hubungan yang baik antara guru dengan pelajar dan pelajar sesama pelajar.

Sorotan Kajian literatur

Teknik penyampaian adalah sangat penting bagi memastikan kanak-kanak mampu membentuk kefahaman dan penguasaan bahasa dan pencapaian yang diinginkan di tahap yang terbaik. Kajian mendapati penyampaian yang menarik oleh guru dapat memberikan daya tarikan kepada kanak-kanak untuk lebih belajar. Komunikasi merupakan nilai yang sangat penting untuk menyampaikan aktiviti pengajaran di dalam kelas. Perbezaan bahasa, budaya dan latar belakang mewujudkan jurang dia antara guru dan kanak-kanak. Permasalahan sering berlaku apabila guru kurang memahami bahasa pertuturan kanak-kanak yang datang dari pelbagai latar belakang budaya. Menurut Najeemah (2015) dalam kajiannya mendapati empat perkara kurang mempraktikkan pedagogi responsif budaya di dalam kelas iaitu i) guru tidak mengetahui mahupun memahami definisi pendekatan responsif budaya, ii) guru tidak mempunyai kemahiran dan tidak mengetahui akan penggunaan pendekatan responsif budaya secara berkesan, iii) tiada motivasi atau galakan daripada pihak pentadbir sekolah dalam mempelajari pendekatan pedagogi responsif budaya dan iv) guru mempunyai kurang kesedaran akan kepentingan elemen responsif budaya dalam proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Lantas, timbul kemaslahatan dalam memastikan kanak-kanak dari pelbagai budaya untuk menguasai kemahiran literasi awal dengan lebih efektif. Proses penyampaian pengajaran dan pembelajaran tidak dapat dilaksanakan secara keseluruhan. Masalah dihadapi apabila kanak-kanak tidak didedahkan dengan bahasa selain daripada bahasa ibundanya di rumah. Tiada pendedahan bahasa kedua sejak dari awal menyukarkan kanak-kanak untuk memahami dan lambat untuk meneroka bahasa yang baru. Teknik penyampaian guru mempengaruhi penerimaan belajar kanak-kanak terutamanya kanak-kanak yang berbeza latar belakang. Penggunaan teknik yang terhad dan tidak bertepatan mengikut tahap perkembangan kanak-kanak memberi pengaruh dalam membentuk kefahaman seterusnya tidak dapat memberikan respons kepada guru dalam secara optimum.

Perkembangan literasi awal kanak-kanak merupakan medium yang sangat penting bermula daripada rumah lagi. Raviv, Kessenich & Morrison (2004) menyatakan bahawa perkara yang paling penting di dalam meningkatkan perkembangan berbahasa kanak-kanak adalah melalui penglibatan interaksi di antara ibu dan anak melalui tindak balas secara verbal daripada ibu, merupakan kayu pengukur terhadap kemahiran literasi awal kanak-kanak sebelum menjalani alam persekolahan. Manakala Dickenson dan Tabors (2002) pula menyatakan sokongan dan kekuatan yang ada di rumah dan di tadika merupakan asas kepada kekuatan bahasa dan literasi kanak-kanak. Teori pemprosesan literasi yang diperkenalkan oleh Clay (2001) merupakan elemen yang sangat penting dalam memastikan setiap kanak-kanak mencapai kemahiran literasi dengan lebih baik.

Kepadatan penduduk Malaysia khususnya yang berbilang kaum, budaya dan etnik seharusnya mempunyai kepelbagaian bahasa, budaya dan adat resam. Kepelbagaian masyarakat dan budaya membawa kepada jurang perbezaan bahasa, warna kulit, budaya dan sedikit sebanyak mempengaruhi tingkah laku kanak-kanak semasa menginjak ke alam persekolahan. Maka, kurikulum kepelbagaian budaya adalah satu platform yang terbaik di dalam merapatkan jurang yang ada terhadap perbezaan kanak-kanak ini. Karabenick, S. & Clemens Noda .P (2004) Karabenick, S. & Clemens Noda, P. (2004) pula menyatakan kepelbagaian budaya adalah proses untuk menerima dan menghargai perbezaan yang terdapat dalam setiap diri manusia dan budayanya. Zeicher dan Payne (2013) menyatakan peranan komuniti setempat juga memainkan peranan yang penting di dalam mempengaruhi pengukuhan nilai-nilai di alam persekolahan. Guru perlu mempelajari nilai-nilai diversiti dalam kehidupan setempat supaya proses dan pengalaman aktiviti pembelajaran terhadap kanak-kanak dapat disampaikan secara efektif. Ini bertepatan dengan seruan Kementerian Pendidikan Malaysia melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM 2013-2025) menekankan aspek kepelbagaian budaya melalui aktiviti pengajaran dan pembelajaran dalam memastikan setiap murid adalah sebagai seorang rakyat Malaysia yang beridentiti Malaysia iaitu terdiri daripada pelbagai kaum, agama dan tahap sosioekonomi yang berjiwa nasional.

Metodologi

Kajian ini bertujuan untuk meneroka pelaksanaan pedagogi responsif budaya menerusi cerita rakyat untuk kemahiran literasi awal kanak-kanak di Tabika. Justeru, kajian ini berfokus kepada refleksi guru tabika terhadap pengalaman mereka setelah melaksanakan pedagogi responsif budaya menerusi cerita rakyat di Tabika. Bagi mencapai tujuan kajian ini, soalan kajian adalah :

“Apakah restrospeksi guru terhadap pelaksanaan pedagogi responsif budaya menerusi cerita rakyat untuk kemahiran literasi awal kanak-kanak?”

Bagi mencapai tujuan kajian ini, maka kajian ini dijalankan secara tinjauan yang berbentuk kualitatif. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif. Kaedah kualitatif merupakan kaedah pengumpulan data yang telah dipilih di dalam kajian ini bagi meneroka aspek pelaksanaan

pedagogi responsif budaya yang meliputi kemahiran guru dalam teknik penyampaian PdP dan penerimaan murid berkepelbagaian budaya melalui proses PdP di dalam kelas. Kaedah ini bersesuaian dengan tujuan kajian untuk meneroka aspek pelaksanaan pedagogi responsif budaya menerusi cerita rakyat untuk awal literasi kanak-kanak. Kajian retrospektif merupakan bentuk kajian yang meninjau kembali pengalaman responden bagi mendapatkan maklumat tentang apa yang telah berlaku satu ketika dahulu bagi menjelaskan situasi kini (Shahrul Arba'iah Othman, Norzaini Azman, & Manisah Mohd Ali, 2008).

Kajian ini akan menggunakan pensampelan bertujuan atau kriteria, iaitu lokasi dan individu dipilih dengan sengaja untuk memahami fenomena utama kajian. Maka, Sampel kajian terdiri daripada 6 orang guru Tabika. Memandangkan peserta kajian terdiri daripada kumpulan yang sama, maka data telah dikutip dengan menggunakan pendekatan kualitatif pelbagai tempat. Pelaksanaan pedagogi responsive budaya dilaksanakan ke atas sekumpulan kanak-kanak yang berumur 4 hingga 6 tahun di Tabika yang terletak di Tangkak, Johor oleh 6 orang guru.

Data dikumpul dengan membuat triangulasi kepada kaedah dan sumber. Kaedah pengumpulan data yang digunakan adalah temu bual mendalam dan pemerhatian. Temu bual secara separa terbuka telah dijalankan dengan guru tabika terlibat. Soalan-soalan temu bual secara separa terbuka ini dipilih untuk mengetahui restrospeksi guru terhadap pelaksanaan pedagogi responsif budaya menerusi cerita rakyat untuk kemahiran literasi awal kanak-kanak di Tabika. Kaedah temu bual digunakan kerana pengkaji dapat meneroka pengalaman sebenar bersifat individu dan peribadi yang telah dilalui oleh para guru dan cuba memahami makna yang diberikan terhadap pengalaman tersebut (Shahrul Arba'iah Othman et al., 2008). Temu bual juga dapat memberikan data tentang buah pemikiran, apa yang diingati, sikap, perasaan dan sebagainya yang telah dilalui oleh para responden dalam pelaksanaan pedagogi responsif budaya menerusi cerita rakyat untuk kemahiran literasi awal kanak-kanak

Hasil temu bual telah dibuat transkripsi secara verbal. Dalam proses membaca dan menanda transkrip, petikan-petikan temubual yang menarik telah dilabel dengan tajuk-tajuk tertentu. Tajuk-tajuk yang sama atau hampir sama dikelompokkan dan diberi kod-kod tertentu dan dikategorikan. Setelah semua proses mengekod kategori selesai, kategori-kategori yang mempunyai hubungan telah diletakkan dalam kategori yang lebih luas untuk membentuk tema. Tema ditentukan kepada data tersebut berdasarkan tujuan kajian dengan mengambil kira tentang kesahan dan kebolehpercayaan data yang telah dikumpul untuk membentuk kesimpulan berdasarkan analisis tema.

Data lain yang menyokong atau mengukuhkan pandangan guru prasekolah ini telah diperoleh secara pemerhatian pelaksanaan pedagogi responsif budaya sewaktu kajian tinjauan dijalankan sendiri oleh penyelidik. Langkah pengkodan tema turut dilakukan terhadap catatan pemerhatian pengkaji yang dibuat.

Dapatan

Dapatan kajian dibincangkan berdasarkan soalan kajian: “Apakah restrospeksi guru terhadap pelaksanaan pedagogi responsif budaya menerusi cerita rakyat untuk kemahiran literasi awal kanak-kanak di Tabika?”

Dapatan kajian menunjukkan cerita rakyat dapat memberi sumbangan ke arah penguasaan kemahiran literasi awal kanak-kanak. Hasil temubual menunjukkan terdapat beberapa bentuk pendekatan bercerita berasaskan pedagogi responsif budaya sesuai untuk pembelajaran literasi awal kanak-kanak yang dilaksanakan oleh guru dalam proes PdP antaranya bercerita menggunakan bahan maujud, bercerita menggunakan buku (buku besar atau buku kecil); *Grab Bag Story Telling*; *Round Robin Story Telling*; *Pictorial Story Telling* dan bercerita tanpa alat atau bahan. Responden dalam temubual menerangkan bahawa, menerusi pedagogi responsif budaya menerusi cerita rakyat yang digunakan sesuai untuk pembelajaran literasi awal kanak-kanak khususnya cerita rakyat yang berunsurkan masyarakat Malaysia.

“Saya biasanya menggunakan cerita rakyat untuk mengajar awal literasi kanak-kanak. Dengan bercerita, ia bukan saja dapat memperkenalkan cerita-cerita rakyat tetapi juga memperkenalkan kepelbagaian budaya kepada kanak-kanak. Cerita-cerita ini lebih dekat dengan kehidupan kanak-kanak itu sendiri.” (Responden 5 :TI 16-19)

Cerita-cerita rakyat sesuai dijadikan bahan bercerita oleh guru dalam mengaplikasikan pedagogi responsif budaya kepada kanak-kanak. Sebagai alat untuk pembelajaran, cerita rakyat dapat dijadikan alat untuk menggalakkan kanak-kanak meneroka keunikan diri dan masyarakat mereka. Selain itu ia juga dapat meningkatkan tahap kebolehan mereka berkomunikasi melalui pemikiran dan perasaan serta meluapkannya dalam bentuk oral yang teratur. Dalam dunia sekarang yang serba maju dan canggih, aktiviti bercerita dapat dijadikan alat untuk memupuk dan menyuburkan sifat-sifat peka pelajar terhadap kelebihan menguasai bahasa dengan baik. Pedagogi responsive budaya juga membantu guru untuk mengesan kemahiran dan kelebihan kanak-kanak, khususnya dalam meneliti faktor kecerdasan pelbagai oleh Howard Gardner (1983).

Selain itu, dapatan kajian temubual juga mendapati bahawa pedagogi responsif budaya menerusi cerita rakyat dapat meningkatkan kemahiran awal literasi khususnya kemahiran membaca, menulis dan mendengar bagi kanak-kanak. Dapatan temubual menunjukkan pedagogi responsif budaya dapat meningkatkan kemahiran mendengar kanak-kanak dan seterusnya berjaya melatih kanak-kanak berkomunikasi dengan berkesan. Dalam sesi temubual, responden menjelaskan bahawa, pedagogi responsif budaya sesuai dalam meningkatkan kemahiran mendengar dan kemahiran komunikasi kanak-kanak.

“pedagogi responsif budaya dengan bercerita dapat meningkatkan kemahiran mendengar kanak-kanak, kemahiran berkomunikasi dan keyakinan diri kanak-kanak untuk menyampaikan semula cerita yang didengari. Pedagogi ini juga meningkatkan pengetahuan kanak-kanak tentang budaya masyarakatnya sendiri dan kepelbagaian budaya yang wujud di Malaysia” (Responden 2 :T2 1-3)

Selain itu, dapatan kajian melalui temubual turut mendapati responden menyatakan bahawa pedagogi responsif budaya menerusi cerita rakyat dapat memperkenalkan perwatakan dan budaya kepada kanak-kanak.

“Cerita rakyat yang digunakan dalam kurikulum kepelbagaian budaya dapat dijadikan sebagai contoh teladan kepada anak-anak. Cerita yang disampaikan juga dapat mendedahkan kepada kanak-kanak tentang adat, sopan santun dan nilai kepada kanak-kanak.” (Responden 1 :T2 6-7)

Manakala, dapatan pemerhatian pula mendapati pedagogi responsif budaya menerusi cerita rakyat dapat memperkenalkan kosa kata baru kepada kanak-kanak. Menerusi cerita rakyat guru dapat memperkenalkan perkataan baru setiap kali sesi bercerita dijalankan kepada kanak-kanak. Dapatan pemerhatian juga mendapati kanak-kanak lebih mudah belajar makna perkataan baru dengan cara bercerita semula cerita yang disampaikan oleh guru. Dengan menggunakan pedagogi responsive budaya menerusi cerita rakyat, kanak-kanak dapat menyesuaikan kegunaan kosa kata dengan konteks yang sesuai. Walau bagaimanapun, guru perlu mengelakkan untuk memperkenalkan terlalu banyak perkataan dalam satu-satu cerita yang disampaikan. Ini kerana ianya mungkin mengelirukan kanak-kanak.

Perbincangan

Hasil pemerhatian juga mendapati, setiap perkataan baru yang diperkenalkan, guru membuat menuliskannya pada kertas imbasan dan dilekatkan di papan *‘flannel’* atau dinding kelas supaya mudah diingat oleh kanak-kanak. Impaknya, daya imaginasi sewaktu bercerita dapat merangsang penggunaan bahasa yang baik dalam kalangan kanak-kanak. Ini kerana bercerita merupakan pedagogi responsif budaya yang sesuai untuk mengenali keunikan individu, masyarakat dan seterusnya memperkenalkan kepelbagaian budaya kepada kanak-kanak. Walau bagaimanapun, hasil dapatan pemerhatian, mendapati pelaksanaan pedagogi responsif budaya menerusi cerita rakyat memerlukan kecekapan guru menguruskan aktiviti pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah untuk mencapai hasil pembelajaran yang optimum. Dapatan ini bertepatan dengan dapatan Stapa

et.al. (2012) yang menyatakan bahawa guru yang cekap menguruskan aktiviti pengajaran dan pembelajaran dapat melahirkan murid yang berketerampilan, berilmu, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan setiap perlakuan guru memberi kesan kepada pencapaian pelajar.

Dapatan pemerhatian menunjukkan, semasa aktiviti bercerita, guru mengenal pasti ciri-ciri tertentu dalam setiap pelajarnya. Ada kanak-kanak yang dapat duduk dan mendengar dengan baik, ada kanak-kanak yang hanya boleh duduk diam selama beberapa minit sahaja, ada kanak-kanak yang suka mengganggu rakan sewaktu sesi berlangsung, ada kanak-kanak yang suka mengambil bahagian dalam bercerita, dan sebagainya. Secara tidak langsung, guru dapat mengenali sikap dan tingkah laku setiap pelajar di bawah penyeliaannya. Perkara ini penting bagi mereka untuk mengawal kelas sewaktu pengajaran berlangsung. Jantan (2016) menyatakan bahawa pengurusan pengajaran dalam pembelajaran yang dinamik serta sistematik mampu mengembangkan pembudayaan saintifik, pengetahuan baru, pencetusan idea kreatif dan inovatif, pembangunan potensi manusia yang lebih mampan serta penyebaran matlamat dengan baik. Bercerita juga membolehkan kanak-kanak menyuarakan pendapat dan perasaan secara lisan. Mallan(1992) menyatakan kanak-kanak yang berpengalaman di dalam menyertai aktiviti bercerita mempengaruhi perkembangan mereka dalam nilai emosi, intelektual, dan sosial. Ini demikian kerana, melalui aktiviti bercerita secara tidak langsung dapat meningkatkan tumpuan dalam mendengar cerita, memberi tindak balas terhadap soalan yang diajukan, lebih kreatif di dalam berbahasa, penulisan dan aktiviti membaca dalam kehidupan seharian. Secara tidak langsung, dapat memupuk kemahiran literasi awal terhadap kanak-kanak berkepelbagaian budaya. Miller dan Mehker(1990), menyatakan pedagogi responsif budaya melalui aktiviti bercerita merupakan kaedah yang berkesan terhadap perkembangan literasi awal kanak-kanak. Peranan guru sebagai medium di dalam menyuntik kemahiran literasi awal kanak-kanak perlu mengetengahkan aktiviti yang berunsurkan kreativiti dan seni yang mampu menarik minat kanak-kanak untuk mempelajari kemahiran yang ingin disampaikan melalui aktiviti yang menarik dan bersesuaian mengikut tahap perkembangan serta konteks pembelajaran mereka.

Dapatan data pemerhatian juga menunjukkan bahawa suara guru perlu jelas, bahasa yang digunakan sesuai dengan tahap kanak-kanak dan istilah yang diperkenalkan daripada yang konkrit kepada abstrak. Gerak badan dan mimik muka yang sesuai boleh digunakan untuk menarik perhatian kanak-kanak. Bahan-bahan yang sesuai perlu digunakan bagi membantu penyampaian guru dan membantu kefahaman kanak-kanak terhadap jalan cerita. Dapatan ini bersesuaian dengan kajian yang dilaksanakan oleh Wearmouth (2017), menerusi perspektif sosiokultural, pedagogi responsif budaya adalah penting untuk murid berdasarkan empat perkara ini iaitu kanak-kanak bercakap, mendengar dan menulis melalui konteks budaya mereka sendiri (Bishop, Berryman & Wearmouth,2016; Wearmouth, Berryman & Whittle, 2011).

Penyesuaian guru terhadap cerita-cerita rakyat yang bersesuaian dengan konteks kanak-kanak juga secara langsung dapat meningkatkan kemahiran literasi awal kanak-

kanak. Kemahiran awal literasi adalah tidak bersandar diantara satu sama lain, tetapi kemahiran literasi adalah bergantung kepada kesediaan guru menyediakan konteks pembelajaran yang selamat, selesa yang mendorong murid untuk dalam memperkayakan literasi mereka secara tidak langsung (Sleeter,2001; Wearmouth, 2017). Guru secara langsung bertindak sebagai pemudahcara atau fasilitator memainkan peranan peting dalam meningkatkan kemahiran literasi kanak-kanak khususnya melalui interaksi di antara satu sama lain melalui pelbagai aktiviti memupuk kemahiran interpersonal murid. Pedagogi responsive budaya menerusi cerita rakyat juga memberi peluang kepada kanak-kanak untuk bercerita semula dengan ibu bapa dan ahli keluarganya setelah punga dari tabika. Maka, ianya dapat mempercepatkan lagi penguasaan kemahiran literasi kanak-kanak. Kajian Rogoff (2003) menunjukkan bahawa keluarga dan adik beradik turut memainkan peranan dalam memupuk kemahiran literasi ke arah lebih optimum.

Dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa pembelajaran dalam konteks setempat dapat meningkatkan penguasaan kosa kata kanak-kanak. Dapatan ini bertepatan dengan kajian Smagorinsky (2011) yang menunjukkan kemahiran literasi melalui *'learning to think through social practice'* terhasil apabila murid terlibat secara langsung melalui komuniti setempat yang terdiri daripada pelbagai budaya yang memberi peluang kepada murid untuk terlibat dan merasai perbezaan amalan budaya yang dapat diamalkan secara langsung. Justeru, guru perlu peka terhadap reaksi yang ditunjukkan oleh kanak-kanak. Ini kerana menerusi pedagogi responsive budaya, guru boleh memakai pakaian-pakaian khusus mengikut tema cerita untuk menambahkan keseronokan kepada kanak-kanak dan berada dalam konteks komuniti setempat. Kreativiti guru dapat memberikan kesan langsung terhadap aktiviti pembelajaran yang terbaik dalam kalangan kanak-kanak.

Penutup

Pedagogi responsif budaya menerusi cerita rakyat ini memberikan kebaikan terhadap proses pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan oleh guru. Pedagogi responsif budaya menerusi cerita rakyat digunakan untuk menyampaikan pelajaran dengan lebih dekat dengan kehidupan seharian kanak-kanak. Salah satu adalah guru dapat menyampaikan cerita dan menarik minat kanak-kanak terhadap pelajaran yang disampaikan. Hal ini kerana guru menceritakan kepada kanak-kanak berkenaan dengan sesuatu situasi sebelum menyampaikan isi pelajaran dalam kelas. Pedagogi responsif budaya menerusi cerita rakyat ini dapat menarik minat murid-murid kerana cerita yang diketengahkan adalah berkait rapat dengan konteks kehidupan seharian mereka. Mereka lebih mudah untuk memahami sesuatu situasi atau cerita yang berkait rapat dengan kehidupan seharian yang mereka jalani. Seterusnya, pedagogi responsif budaya menerusi cerita rakyat juga memberikan ruang kepada guru untuk memastikan keadaan kanak-kanak selesa, dapat memberi tumpuan sepenuhnya terhadap cerita, tidak ada gangguan yang boleh mengalihkan perhatian mereka dan melibatkan kanak-kanak dengan memberi peluang menjawab soalan atau melakonkan semula cerita yang disampaikan.

Perakuan

Ucapan terima kasih atas sokongan kewangan oleh Geran *Community Engagement*, Universiti Malaya - UMCares UMCARES001-2019O dan *Impact Oriented Interdisciplinary Research Grant* – IIRG010C-19SAH

Rujukan

- Allison Skerrett(2010). “There’s going to be community. There’s going to be knowledge’’: *Designs for learning in a standardised age*. *Teaching and Teacher Education* 26 (2010) 648–655.
- Berryman, M. Nevin, A. SooHoo, S, & Ford, T. (Eds.). (2015). *Relational and responsive inclusion*. New York, NY: Peter Lang. <http://dx.doi.org/10.3726/978-1-4539-1547-9>
- Edward M. Anthony. Approach, Method And Technique. *ELT Journal*, Volume XVII, Issue 2, 1 January 1963, Muka Surat 63–67
- Edward M. Anthony. Approach, Method And Technique. *ELT Journal*, Volume XVII, Issue 2, 1 January 1963, Muka Surat 63–67.
- Fatimah Baharin (2014). *Kajian Tindakan Bahasa Melayu Teknik Bercerita*. Diambil daripada <https://www.slideshare.net/mummytim/kajian-tindakan-bahasa-melayu-teknik-bercerita> pada 03hb Mei 2018.
- Ford, T. (2015). Connecting with Māori whānau and community. In M. Berryman, A. Nevin, S. Soohoo, & T. Ford (Eds.), *Relational and responsive inclusion: Contexts for becoming and belonging* (pp. 183–201). New York, NY: Peter Lang.
- Hanzalah Tajudin(2014). *Teknik Bercerita*. Diambil daripada <https://www.slideshare.net/HanzalahTajudin/topik-8-teknik-bercerita> pada 03hb April 2018.
- Huanshu Yuan (2018). Preparing Teachers For Diversity: A Literature Review And Implications From Community-Based TChen, D. W., Nimmo, J., & Fraser, H. (2009). Becoming a Culturally Responsive Early Childhood Educator: A Tool to Support Reflection by Teachers Embarking on the Anti-Bias Journey. *Multicultural Perspectives*, 11(2), 101–106. <https://doi.org/10.1080/15210960903028784>
- Hye Suk Haa et.al (2014). Teachers’ Efforts to Facilitate the Social Development of Multicultural Children. *Procedia - Social and Behavioral Sciences* 159 (2014) 110 – 114.
- Katherine Massa (2018). *Storytelling As A Strategy To Increase Oral Language Proficiency Of Second Language Learners*. Diambil daripada

<http://teachersinstitute.yale.edu/curriculum/units/2008/2/08.02.01.x.html> pada 04hb Mei 2018

Kementerian Pelajaran Malaysia. 2014. *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia.

Ladson-Billings, G. 1994. *The dreamkeepers*. San Francisco: Jossey-Bass Publishing Co.

Robert D. Friedberg (1994). Storytelling and Cognitive Therapy with Children. *Journal of Cognitive Psychotherapy: An International Quarterly, Volume 8, Number 3, 1994*.

Najeemah Mohd Yusof. 2006. Patterns of social interaction between different ethnic groups in Malaysian Secondary schools. *Jurnal Pendidik dan Pendidikan*. 21, 149-164.

Nur Farhana Shahira Rosly et.al(2016). Interaksi Ujaran Kanak-kanak Menerusi Elemen Pendigitalan dalam Penceritaan. *GEMA Online® Journal of Language Studies 89 Volume 16(1), February 2016*.

Pedagogy, C. R. (2020). Pedagogi Responsif Budaya: Kesedaran, Pengetahuan dan Kesediaan Guru (Culturally Responsif Pedagogy: Teachers' Level of Awareness, Knowledge and Readiness). *Jurnal Pendidikan Malaysia, 45(01SI), 25–34*. <https://doi.org/10.17576/jpen-2020-45.01si-04>

Wearmouth, J. (2004). Learning from 'James': lessons about policy and practice for literacy difficulties in schools' special educational provision. *British Journal of Special Education, 31*, 60–67. <http://dx.doi.org/10.1111/j.0952-3383.2004.00330.x>

Wearmouth, J. (2017). Employing culturally responsive pedagogy to foster literacy learning in schools. *Cogent Education, 4(1)*. <https://doi.org/10.1080/2331186X.2017.1295824>

Wearmouth, J., Berryman, M., & Whittle, L. (2011). 'Shoot for the moon!' Students' identities as writers in the context of the classroom. *British Journal of Special Education, 38*,

92–99. <http://dx.doi.org/10.1111/bjsp.2011.38.issue-2> Wenger, E. (1998). *Communities of practice*. Cambridge: Cambridge University Press. <http://dx.doi.org/10.1017/CBO9780511803932>

Wan Anita & Azizah Hamzah(2013). Media Dalam Kehidupan Dan Perkembangan Kanak-Kanak. *Jld. 15, Bil. 2, 2013: 27–39 | Vol. 15, No. 2, 2013: 27–*

Wan Muna Ruzana & Vijayaletchumy Subramaniam(2014). Daya kreativiti kanak-kanak: Satu kajian kes. *Procedia - Social and Behavioral Sciences 134 (2014) 436 – 445*.

Wearmouth, J., & Berryman, M. (2009). *Inclusion through participation in communities of practice in schools*. Wellington: Dunmore Publishing.

Zulhairi Osman(2011). *Kaedah Bercerita*. Diambil daripada <https://www.scribd.com/doc/61097579/Kaedah-Bercerita> pada 03hb April 2018.

Pembangunan Kerangka Persekolahan Berasaskan Penjarakan Fizikal Pandemik COVID-19

Mohd Nazri Abdul Rahman (Ph.D)¹, Aminuddin Awang², Harry Tan Huat Hock², Muhammad Ridzuan Idris (Ph.D)³, Norazan Md. Nor³, Mohamed Shahren Abdullah⁴, Azizan Puteh⁵, Ng Weng Tutt⁶

Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya¹

Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Semenanjung Malaysia²

Institut Pendidikan Guru Kampus Kota Bahru, Kelantan³

Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Hussein Onn⁴

Institut Pendidikan Guru Kampus Perlis⁵

Institut Pendidikan Guru Kampus Pulau Pinang⁶

mohdnazri_ar@um.edu.my¹

ABSTRAK

Pengenalan : Penularan wabak COVID-19 telah memberi kesan langsung kepada sektor pendidikan yang mengalami perubahan yang besar sama ada dari aspek operasi, kemudahan prasarana mahupun proses pengajaran dan pembelajaran. Pandemik COVID-19 yang merupakan penyakit yang mudah merebak terutamanya kepada manusia.

Objektif : Kajian ini adalah bertujuan untuk mereka bentuk Kerangka Persekolahan Berasaskan Penjarakan Fizikal Pandemik COVID-19.

Methodologi: Kutipan data dijalankan melalui kaedah NGT dan Fuzzy Delphi Method. Seramai 40 orang pakar dalam bidang pendidikan, perubatan dan keselamatan terlibat dalam pembangunan dan penilaian Kerangka Persekolahan Berasaskan Penjarakan Fizikal Pandemik COVID-19.

Dapatan: Kajian menunjukkan bahawa bentuk persekolahan berasaskan penjarakan fizikal meliputi model persekolahan, Kemudahan Fizikal Kelas dan Keselamatan, Kebersihan dan Kesihatan warga sekolah. Selain itu, dapatan kajian ini juga memberi input baru tatacara pembukaan sekolah pada masa pandemik Covid-19.

Kepentingan : Implikasinya menerusi kerangka ini, pengurusan dan pelaksanaan pembukaan sekolah dalam dilaksanakan dengan selamat dan berkesan sepanjang tempoh Pandemik COVID-19

Kata Kunci: Pandemik COVID-19, Persekolahan Penjarakan Fizikal, Kerangka

Pengenalan

Kaedah / Aktiviti	<ul style="list-style-type: none"> ✓ Guru memberi 3 soalan penyelesaian masalah berkaitan tajuk bulatan setelah selesai sesi pengajaran. (soalan yang sama seperti di fasa ujian pra) ✓ Masa yang diberikan untuk menyelesaikan 3 soalan adalah selama 20 minit. ✓ Menganalisis keputusan para pelajar melalui latihan yang diberikan dan markah setiap pelajar direkodkan di bawah item 'UJIAN POST'.
Bahan	Set soalan penyelesaian masalah yang mengandungi 3 soalan (soalan yang sama seperti di fasa ujian pra) dan disediakan oleh guru Matematik bersama-sama dengan saya di Pusat Tuisyen Generasi, Semenyih.

Contoh soalan KBAT yang dibincangkan semasa sesi pengajaran

In Diagram 31, $PQRS$ is a rectangle. ST and QU are arcs of circles with centres P and R respectively.
 Dalam Rajah 31, $PQRS$ ialah sebuah segi empat. ST dan QU ialah lengkok bagi dua bulatan dengan pusat P dan R masing-masing.




Diagram 31
Rajah 31

Find the area, in cm^2 , of the shaded region. (Use $\pi = \frac{22}{7}$)
 Cari luas kawasan berlorek dalam cm^2 . (Guna $\pi = \frac{22}{7}$)

A 511 **C** 525
B 518 **D** 1 488

Rajah di atas sama seperti Rajah 2 yang ditunjukkan sebelum ini.

Contoh soalan ujian pasca

Contoh soalan- soalan ujian post adalah sama dengan soalan- soalan yang di tanya pada ujian pra, namun bezanya ialah soalan- soalan ini diuji setelah sesi perbincangan soalan berbentuk KBAT dijalankan semasa sesi pengajaran.

Jadual 2: Keputusan Markah Ujian Pasca

Markah	Bilangan Pelajar	Peratus %	Kategori
0-5	2	6.67	Lemah
6-10	10	33.33	Sederhana
11-15	18	60.00	Baik

Daripada Jadual 2 di atas, dapat diperhatikan bahawa bilangan murid yang berada pada kategori baik sudah bertukar menjadi kelompok majoriti. Peningkatan yang ketara dapat dilihat dalam kategori baik ini di mana pada ujian pra yang lalu, kategori ini berada dalam kumpulan minoriti. Susulan daripada ini, dapat dibuktikan melalui kajian tindakan yang dijalankan ini bahawa aplikasi perbincangan soalan berbentuk KBAT semasa sesi pengajaran tajuk Bulatan dapat meningkatkan pemahaman dan penguasaan murid.

Jadual di bawah untuk menerangkan proses kerja serta output yang diperolehi pada fasa 2.

Persoalan Kajian	Tindakan	Pemerhatian	Refleksi
1) Adakah murid benar-benar faham secara keseluruhan terhadap pengajaran tajuk Bulatan dalam 2 jam tempoh pengajaran dengan hanya menggunakan kaedah pengajaran tradisional semata-mata?	Pelajar diberikan 3 soalan berbentuk penyelesaian masalah untuk di jawab selepas sesi pembelajaran.	Kebanyakan murid Berjaya menjawab ketiga- tiga bentuk soalan yang diberikan dalam tempoh masa yang diberikan.	Murid mendengar teori dan terdedah kepada perbincangan contoh soalan berbentuk KBAT yang dibincangkan bersama dengan guru semasa sesi pengajaran dijalankan.
2) Adakah murid tahu cara menyelesaikan soalan- soalan bulatan berbentuk KBAT?	Pelajar diberikan 3 soalan berbentuk penyelesaian masalah untuk di jawab selepas sesi pembelajaran.	Kebanyakan murid dapat dapat menyelesaikan ketiga- tiga soalan dengan betul.	Murid mendengar teori dan terdedah kepada perbincangan contoh soalan berbentuk KBAT yang dibincangkan bersama dengan guru semasa sesi pengajaran dijalankan.
3) Adakah murid mampu memberikan jalan kira dan jawapan yang tepat dan betul bagi soalan berbentuk KBAT yang diberikan?	Pelajar diberikan 3 soalan berbentuk penyelesaian masalah untuk di jawab selepas sesi pembelajaran.	Kebanyakan murid berjaya menunjukkan jalan kira yang tepat dan betul bagi setiap soalan yang diberikan.	Murid mendengar teori dan terdedah kepada perbincangan contoh soalan berbentuk KBAT yang dibincangkan bersama dengan guru semasa sesi pengajaran dijalankan.

Berdasarkan kepada hasil dapatan kajian ini, didapati adalah amat berkesan penggunaan kaedah perbincangan soalan berbentuk KBAT semasa sesi pengajaran tajuk Bulatan dijalankan. Melalui sesi perbincangan semasa sesi pengajaran, murid diberi peluang untuk bertanya terus kepada guru terhadap apa sahaja persoalan yang mereka kurang faham atau tidak jelas mengenai tajuk Bulatan. Melalui kaedah ini, murid tidak lagi bergantung semata- mata kepada konsep hafalan teori semata- mata bahkan murid bebas mengeluarkan idea dan berfikir secara kreatif dalam membuat analisa untuk mendapatkan jawapan yang tepat. KBAT membantu murid meneroka dunia Matematik melalui laluan yang dipenuhi

pemikiran inovatif terutama dari segi pemikiran dalam mendapatkan jawapan yang tepat. Menurut Ishak Harun et. al. (2008) suatu kaedah pengajaran dan pembelajaran alternative perlulah diwujudkan di dalam pengajaran dan pembelajaran terutama kepada murid- murid yang belum mencapai tahap penguasaan yang baik. Justeru, melalui teknik dan pendekatan yang pelbagai dan kreatif, ianya mampu menyumbang kepada peningkatan tahap penguasaan dan pemahaman murid sekaligus pencapaian murid bagi tajuk Bulatan akan menjadi lebih baik.

Perbincangan

Dalam kajian tindakan kali ini, saya menjalankan dua gelung kajian di mana fasa pertama yang tidak mempunyai sebarang inovasi dalam kaedah pengajaran tajuk Bulatan. Pada fasa ini, pengajaran teori tajuk Bulatan dijalankan semata- mata dan ujian pra telah diberikan setelah selesai sesi pengajaran. Keputusan ujia pra ke atas semua 30 orang murid telah direkod.

Pada gelung kedua pula, setelah memasukkan input inovasi semasa sesi pengajaran, fasa ini sekali lagi menguji murid melalui ujian pasca di mana rekod keputusan juga telah direkod.

Jadual dibawah merumuskan dapatan daripada ujian pra dan ujian pasca yang telah dijalankan.

Kategori	Ujian Pra (%)	Ujian Pasca (%)
Lemah	40.00	6.67
Sederhana	40.00	33.33
Baik	20.00	60.00

Melalui jadual di atas, dapat dilihat kesan yang amat positif bagi kategori “Baik”. Pada ujian pra, peratusan bagi kategori ini adalah yang paling kecil iaitu hanya 20.00%. Namun, setelah tindakan intervensi dimasukkan sebagai input pada gelung kedua, fasa ujian pasca mencatatkan kenaikan peratusan yang sangat memberangsangkan iaitu kepada 60.00%. Terdapat perbezaan peratus yang sangat ketara pada ujian pra dan ujian pasca iaitu sebanyak 40.00%. Maka, dapat dilihat bahawa, kesemua objektif kajian ini tercapai di mana murid mampu menguasai tajuk Bulatan sebaiknya serta terbukti bahawa aplikasi perbincangan soalan berbentuk KBAT meningkatkan kefahaman murid sekaligus menjurus kepada keboleh upayaan murid- murid dalam memberikan jawapan yang tepat terhadap soalan- soalan berkaitan tajuk Bulatan.

Kaedah sesi perbincangan bersama soalan berbentuk KBAT semasa sesi pengajaran tajuk Bulatan terbukti mempunyai implikasi yang positif kepada murid dari semua aspek. Kenyataan ini disokong oleh kajian (Effandi, 2005) yang menyatakan pembelajaran secara koperatif membolehkan murid- murid mencapai tahap penguasaan yang maksimum berbanding dengan pembelajaran secara individu. Di samping itu juga, perbincangan

soalan berbentuk KBAT juga secara tidak langsung mewujudkan satu kaedah pengajaran yang kreatif dan inovatif.

Penutup

Secara keseluruhan, kajian tindakan ini menerangkan keberkesanan sesi perincangan soalan KBAT semasa sesi pengajaran bagi tajuk Bulatan. Ini kerana, ianya dapat membantu murid dalam menguasai tajuk tersebut sekaligus meningkatkan pemahaman dan pencapaian mereka. Inisiatif penyampaian pengajaran melalui kaedah ini harus diberi penekanan yang serius kerana pendidikan pada masa kini telah memasuki era revolusi industri 4.0 yang memfokuskan kepada pemikiran yang kreatif, kritis, inovatif dan berdaya saing di mana kesemua elemen ini dapat diperoleh daripada pengaplikasian KBAT terutama dari sudut pendidikan. Justeru, secara keseluruhan dapat disimpulkan bahawa KBAT memperkukuh kefahaman pelajar dalam subjek Matematik sekaligus meningkatkan persediaan pelajar menuju era revolusi industri 4.0.

Rujukan

Ashlock, R.B (1972). *Error Patterns in Computation: A Semi-programmed Approach* Columbus, Ohio: Charles E. Merill Publishing Co.

Azmi, S., Mat Noor, F. & Mohamed, H. (2017). A Proposed Model of M-Learning for Technical and Vocational Education Training (TVET) Students. *Journal of Theoretical & Applied Information Technology*, 95(12).

Bailey, K. D. (1994) *Methods of social research*. Fourth Edition. New York: The Free Press

Buzan, T. & Barry, B. (2003). *Tony & Barry Buzan the Mind Map Book*. BBC World Wide Limited: London.

Chew Bee Gek (2017). *Pengetahuan dan Pengaplikasian Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam Kalangan Guru Teknik dan Vokasional*. Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional: Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Creswell, J.W. (2009) *Research design: qualitative, quantitative and mixed methods approaches*. Third Edition. California: Sage Publications, Inc.

Effendi Zakaria (2005). *Asas Pembelajaran Koperatif Dalam Matematik*. Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd.

Hamimi, Fadziati A. Wahab, Mohd Taufiq Mohd Yusof, Hafizah Husain, Mohd Hari Mohd Zaman & Aini Hussain (2008). *Penggunaan penilaian formatif sebagai proses melengkapkan gelung: satu usaha penambahbaikan*. (Kertas Seminar yang diterbitkan) Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Isahak Haron, Abdul Latif Hj. Gapor, Md Imasir Masran, Abdul Halim Ibrahim, Mariam Mohamed Nor. 2008. Kesan Dasar Pengajaran Matematik dan Sains dalam Bahasa Inggeris di Sekolah Rendah. <http://pustaka2.upsi.edu.my/eprints/495/1>

Kementerian Pendidikan Malaysia (2015). Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015- 2025 (Pendidikan Tinggi). Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.

Kementerian Pelajaran Malaysia. (1998). Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah.

Ismail, N. & Zamri Mahamod, Z. (2016). Sikap Dan Kesiapan Pelajar Sekolah Menengah Terhadap Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Dalam Pembelajaran Komsas Bahasa Melayu. ISSN: 2180-4842. 6(2) (Nov. 2016): 59-67.

Kemmis, S. & McTaggart, R. (1988). The Act Research Planner. Australia: Deakin University.

Konting, M. M. (2005). Kaedah Penyelidikan Pendidikan. Edisi Ke-5. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.

Merican, S. (2005). Kaedah penyelidikan sains social. Selangor Darul Ehsan: Pearson Prentice Hall

Nik Azis Nik Pa (1992). Agenda Tindakan: Penghayatan Matematik KBSR dan KBSM. Kuala Lumpur: DBP

Nik Azis Nik Pa (2014). Penghasilan Disertasi Berkualiti dalam Pendidikan Matematik. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya

Piaget J, Ralston,A (1952). Questions About Precollege Mathematics Education. Mathematics Intelligence. (pp: 65-67)

Ramli,S. H. A, & Daud, M. Y . (2017). Penggunaan Kaedah Petak Bijak dalam Mengatasi Masalah Mencari Hasil Darab dan Bahagi: Satu Kajian Tindakan. Simposium Pendidikan diPeribadikan: Perspektif Risalah An- Nur (SPRiN2017)

Volman, M. & Van Eck, E. (2001). Gender Equity and Information in Technology: The Second Decade. Review of Educational.

Analisis Keperluan Gaya Berfikir Dan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Bagi Menyelesaikan Masalah Dalam Penghasilan Produk

Nuraffefa Hamdan¹, Yee Mei Heong², Azrol Jailani³, Saiful Hadi Masran⁴, Kok Boon Ching⁵, Tee Tze Kiong⁶, Mimi Mohaffyza Mohamad⁷

^{1,2,4,6,7}*Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia*

³*Politeknik Sultan Abdul Halim Muad'zam Shah*

⁵*Faculty of Electric and Electronic Engineering, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia*

mhyee@uthm.edu.my

ABSTRAK

Pengenalan - Penyelesaian masalah merupakan suatu kaedah yang praktis yang bertujuan untuk menjana pelbagai idea yang bernas untuk membentuk beberapa penyelesaian yang lebih praktikal dan efektif. Penghasilan sesuatu idea dalam penghasilan produk memerlukan pemikiran yang kompleks iaitu kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) seperti kemahiran menyelesaikan masalah, mereka, menganalisis, menilai dan sebagainya untuk memproses maklumat yang diperoleh.

Objektif - Tujuan kajian ini adalah untuk menganalisis keperluan gaya berfikir dan KBAT bagi menyelesaikan masalah dalam penghasilan produk dalam kalangan pelajar.

Methodologi - Reka bentuk kajian ini berbentuk deskriptif dengan pendekatan kuantitatif. Seramai 320 orang pelajar dalam bidang Diploma Kejuruteraan Awam di Politeknik Sultan Abdul Halim Muad'zam Shah telah dipilih secara rawak sebagai sample kajian. Satu set soal selidik yang dibangunkan telah digunakan sebagai instrumen kajian untuk pengumpulan data. Data dianalisis menggunakan perisian SPSS dan dibentangkan dalam bentuk min, frekuensi dan peratusan.

Dapatan - Kajian menunjukkan bahawa sebanyak 90.9% pelajar menghadapi masalah semasa menyelesaikan tugas berbentuk menyelesaikan masalah dalam penghasilan produk. Masalah yang paling banyak dihadapi oleh pelajar semasa menyelesaikan masalah adalah menggunakan minda untuk mencari makna dan penyelesaian terhadap keraguan atau masalah yang timbul. Manakala, masalah yang paling banyak dihadapi oleh pelajar semasa menyelesaikan tugas dalam penghasilan produk adalah mencari idea untuk membangunkan sesuatu produk. Faktor-faktor kesukaran menyelesaikan masalah dalam penghasilan produk dalam kalangan pelajar adalah tidak mempunyai kemahiran khusus, tidak mempunyai pengetahuan mengenai kemahiran khusus dan tidak mempunyai latihan khusus. Akibatnya, pelajar mengalami kesukaran menyelesaikan masalah dalam penghasilan produk. Namun begitu, 95.6% pelajar berpendapat bahawa mereka

memerlukan ilmu gaya berfikir dan KBAT yang memberikan penerangan mengenai langkah kerja secara lengkap bagi menyelesaikan masalah dalam penghasilan produk.

Kepentingan - Dapatan ini memberi implikasi kepada pelajar dengan membantu pelajar untuk memperoleh dan meningkatkan Gaya Berfikir dan KBAT bagi menyelesaikan masalah dalam penghasilan produk.

Kata Kunci: Gaya berfikir, kemahiran berfikir aras tinggi, menyelesaikan masalah, penghasilan produk

Pengenalan

Pada masa ini, dunia telah memasuki era industri generasi keempat, yang dicirikan oleh peningkatan hubungan, interaksi, dan pengembangan sistem digital, kecerdasan buatan, dan maya. Dengan sempadan yang semakin meningkat antara manusia, mesin, dan sumber lain, teknologi maklumat dan komunikasi tentunya memberi impak kepada pelbagai sektor. Salah satunya adalah memberi kesan kepada sistem pendidikan. Pendidikan 4.0 adalah sistem pendidikan berasaskan pengalaman baharu yang menggunakan teknologi digital dan bukannya sistem berasaskan hafalan dan memenuhi keperluan dunia baharu melalui pendidikan yang diperibadikan. Pendidikan 4.0 juga adalah tindak balas terhadap keperluan Revolusi Industri 4.0, iaitu manusia dan teknologi berkumpul untuk mewujudkan peluang baharu secara kreatif dan inovatif. Fisk (2017) menjelaskan bahawa visi baharu pembelajaran mendorong pelajar untuk belajar bukan sahaja kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan tetapi juga untuk mengenal pasti sumber untuk mempelajari kemahiran dan pengetahuan ini.

Kementerian Pendidikan memperkemas sistem pendidikan di peringkat pengajian tinggi menerusi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) (2015-2025) yang bertujuan meningkatkan kemahiran pelajar untuk memenuhi keperluan industri (Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), 2015). KPM telah melancarkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) atau PPPM-PT pada 7 April 2015 sebagai satu garis panduan untuk mendepani cabaran-cabaran terhadap sistem pendidikan tinggi negara. PPPM-PT menggariskan 10 lonjakan bagi mencapai aspirasi sistem dan aspirasi pelajar. Matlamat tonggak ke-4 dalam PPPM iaitu graduan Pendidikan Teknikal Dan Latihan Vokasional (TVET) berkualiti iaitu akan menyediakan pendidikan TVET yang utama bagi meningkatkan kemahiran untuk memenuhi permintaan dan menambah peluang untuk kemajuan kerjaya.

Janet, Kimberly & Ken (2010) menegaskan bahawa pelajar perlu dipersiapkan untuk kerjaya dengan menggabungkan kemahiran dan kerjaya abad ke-21 serta pendidikan teknikal ke dalam keseluruhan sistem. Pelajar yang menguasai kemahiran abad ke-21 dengan kebolehan dan kemahiran berfikir secara kritis, kreatif dan inovatif mampu untuk bersaing di peringkat global (Ismail, Sidek & Mahbib, 2015). Matlamat Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) juga ingin melahirkan pekerja dengan mentaliti kelas

pertama yang dicirikan sebagai modal insan yang dapat memenuhi keperluan individu, keluarga, masyarakat, negara dan dunia (Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, 2012).

Kemahiran yang perlu ada oleh setiap graduan ialah kemahiran dalam menghasilkan sesuatu produk atau perantis (Rusmin, 2015). Penghasilan produk yang inovatif dan kreatif memerlukan inovasi yang berperanan untuk mengukuhkan ekonomi sesebuah negara (Elizondo et al, 2010). Reka bentuk produk inovatif adalah bermula dari peringkat penjana idea sehingga mengaplikasikan semua idea tersebut termasuk bahan, alatan dan proses untuk menghasilkan sesuatu produk prototaip (Hatib, Fairus & Mohd., 2009). Penyelesaian masalah merupakan suatu kaedah yang praktis yang bertujuan untuk menjana pelbagai idea yang bernas untuk membentuk beberapa penyelesaian yang lebih praktikal dan efektif (Ismail & Atan, 2011).

Kemahiran berfikir (KB) secara kreatif di dalam menyelesaikan masalah akan menunjuk arah kepada setiap individu menggunakan langkah penyelesaian masalah bijak dan menghasilkan idea-idea yang bernas di dalam pemikiran reka cipta, pendapat, hujah yang jitu dan mempunyai daya kreativiti yang tinggi dalam mengharungi kehidupan seharian khususnya bagi seorang pelajar. Menurut Sulaiman et al. (2011), KB merujuk kepada kecekapan menggunakan akal untuk menjalankan proses pemikiran. KB sama ada dari segi mengkonsepsikan idea, menyelesaikan masalah, atau membuat keputusan adalah penting dalam kehidupan harian dan kerjaya pelajar pada masa depan (Chew & Nadaraja, 2014). KB khususnya aras tinggi amat diperlukan untuk diintegrasikan dan diterapkan ketika kita berusaha memahami sesuatu maklumat yang akan digunakan bagi pencetusan idea (Yee et al., 2010).

Dalam era yang globalisasi ini, KBAT seperti kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran berfikir kritikal, mereka, menganalisis, menilai dan sebagainya adalah unsur yang amat penting dalam memproses maklumat yang diperolehi untuk menjana satu idea yang baharu dalam kehidupan harian (Marshall & Horton, 2011). Definisi KBAT mengikut KPM (2015), adalah keupayaan untuk menggunakan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam memahami dan mencerminkan untuk menyelesaikan masalah, membuat keputusan, berinovasi dan mencipta sesuatu. Menurut Kings, Goodson, dan Rohani (2013), KBAT adalah keupayaan untuk berfikir yang bukan sahaja memerlukan keupayaan untuk mengingat, tetapi juga keupayaan yang lebih tinggi. Untuk mengaplikasikan KBAT bagi menyelesaikan masalah secara berkesan, gaya berfikir seseorang individu perlu dikenal pasti terlebih dahulu.

Gaya berfikir tidak dengan sendirinya baik atau buruk, tetapi ia adalah cara berfikir yang selesa bagi manusia (Nazarifar et al, 2011). Gaya berfikir merangkumi gaya intelektual yang juga meliputi gaya kognitif, gaya pembelajaran dan gaya menyelesaikan masalah (Zhang & Sternberg, 2006). Fouladi & Sahidi (2016) berpendapat bahawa gaya berfikir adalah kerangka mental yang menggambarkan bagaimana proses maklumat dan kemampuan menyelesaikan masalah dalam situasi khas. Navan & Mehdi (2015) juga berpendapat memahami pelbagai gaya berfikir membantu pelajar menyesuaikan pemikiran mereka dengan gaya berfikir yang berbeza dan sekaligus berjaya dalam komunikasi. Dalam

beberapa dekad kebelakangan ini, gaya intelektual, terutama gaya berfikir, telah dianggap sebagai pemboleh ubah penentu dalam pencapaian akademik (Lei, 2018; Saif, 2017; Sadeghi et.al, 2017).

Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Dan Gaya Berfikir

Dalam alam pekerjaan, kualiti dan kuantiti kerja sangat dikehendaki oleh mana-mana majikan. Namun, pihak majikan melaporkan bahawa sebahagian graduan kurang menguasai KB secara kritis (KPM, 2015). Ini disokong oleh kajian Ramlan (2012) yang menyatakan bahawa tenaga kerja mahir dan k-pekerja lemah dalam menyelesaikan masalah dan masalah ini menyebabkan graduan sukar untuk memperoleh pekerjaan. Kajian Shuib (2007) juga mendapati bahawa 50%, iaitu 17 orang majikan bersetuju graduan kekurangan KB dan 47.1% majikan pula mengatakan graduan kekurangan kemahiran menjana idea secara spontan.

Hasil dapatan kajian Yee (2015) mendapati ramai pelajar menghadapi masalah menjana idea sama ada idea digunakan untuk menghasilkan produk konkrit atau abstrak. Ini disokong oleh kajian Yee et al. (2010) yang telah dijalankan ke atas 246 orang pelajar di Fakulti Pendidikan Teknikal, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, (UTHM) menunjukkan bahawa pelajar berpersepsi tahap kesukaran penjanaan idea konkrit dalam penghasilan sesuatu projek adalah tinggi. Pelajar bergelut menghasilkan produk akhir walaupun mereka mempunyai idea yang baik dan masa yang mencukupi untuk menghasilkannya, namun mereka sering mengubah konsep apabila berhadapan masalah dalam menyelesaikan tugas (Jansen van Rensburg, 2011). Dalam pada itu, kajian Md Yunus et al. (2010) juga menunjukkan bahawa majoriti pelajar teknikal menghadapi masalah kesukaran menjana idea semasa menyelesaikan tugas kerja kursus individu

Pelajar sukar untuk memulakan pencetusan idea. Kebanyakan pelajar hanya berfikir untuk menghasilkan produk yang baik tanpa mengukur kemampuan sebenar mereka (Mohd Amin & Saud, 2008). Hal ini disokong oleh Chen (2011) yang menyatakan bahawa pelajar menganggap tugas yang paling sukar dalam proses reka cipta adalah penjanaan idea. Pelajar juga mengalami masalah kekurangan kemahiran dalam menjana idea dalam proses pembelajaran dan kehidupan harian. Pernyataan ini selari dengan kajian Yee et al. (2011) yang dijalankan ke atas 131 orang pelajar teknikal, iaitu sebanyak 34.9% pelajar menyatakan faktor kesukaran menjana idea bagi menyelesaikan tugas kerja kursus individu dalam kalangan pelajar teknikal adalah kekurangan kemahiran khusus. Pelajar kerap hanya melakukan penambahbaikan kepada produk sedia ada tanpa menghasilkan satu ciptaan baharu (Mohd Amin & Saud, 2008). Ini menunjukkan bahawa pelajar kurang mempunyai kemahiran dalam menghasilkan produk walaupun mempunyai idea.

Proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah lebih memberi penekanan kepada pembelajaran secara hafalan dan memberi lebih tumpuan kepada kandungan pembelajaran dan menyebabkan pelajar menghafal pengetahuan yang dipelajari dan bukannya menganalisis dan mensintesis makna sebenar pengetahuan yang dipelajari untuk menyelesaikan masalah (Rodzalan & Saat, 2015). Kebanyakan pelajar lebih menguasai kemahiran menghafal berbanding kemahiran berfikir (Syed Mohd Yamin, 2007).

Kekurangan pengetahuan tentang menyelesaikan masalah dan prinsip-prinsip yang berkaitan akan menyebabkan pelajar menghadapi masalah untuk memahami konsep dan amalan reka cipta (Ozturk, 2010; Smith, Hedley dan Molloy, 2009). Chen (2011) menegaskan pendidikan reka cipta tidak boleh disampaikan hanya melalui kaedah pengajaran yang konvensional.

Pelajar jarang menggunakan KBAT untuk menjana idea mengakibatkan mereka menghadapi masalah dalam menyelesaikan tugas kerja kursus (Yee et al., 2010). Dapatan kajian ini selari dengan tinjauan yang dijalankan oleh (Md Yunos et al., 2010), ke atas 375 orang pelajar MTUN menjelaskan bahawa sebanyak 85.1% pelajar menghadapi masalah kesukaran menjana idea ketika menyelesaikan tugas kerja kursus secara individu. Pelajar tidak dapat mengenal pasti masalah, menjana, mengklasifikasi, mengaplikasi, mengkategorikan idea dan tidak dapat memberi justifikasi tentang karya yang dihasilkan (Wardi, 2016). Kajian Shuib (2007) juga menyatakan bahawa kebanyakan pelajar kurang berkeupayaan berfikir di luar kotak dan menjana idea secara intuitif dan spontan.

Laporan daripada Perunding Kestrel Education dari England dan 21st Century School dari Amerika Syarikat pada tahun 2011 menyatakan bahawa pemikiran aras tinggi dalam kalangan guru dan murid di Malaysia masih rendah (KPM, 2012). Satu penyelidikan yang dijalankan oleh Akademi Kepimpinan Pengajian Tinggi (AKEPT) pada tahun 2011 seperti yang dicatatkan dalam PPPM 2013-2025 (2012) mendedahkan bahawa hanya 50 peratus daripada 125 pelajaran yang diperhatikan di 41 sekolah seluruh Malaysia yang melibatkan pelajar dengan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). Sebab utama masalah ini ialah pendedahan yang tidak mencukupi dan kekurangan sumber untuk mengajar KBAT secukupnya di sekolah-sekolah dan institusi pengajian tinggi Malaysia (Ravinder, 2013).

Secara umumnya, guru mengetahui bahawa KBAT perlu dipraktikkan melalui pelajaran untuk meningkatkan pencapaian pelajar (Sulaiman et al., 2017). Beberapa kajian yang dilaksanakan oleh Puteh et al., (2012) telah menunjukkan bahawa pensyarah mempunyai kesedaran tentang kepentingan KBAT dalam pengajaran dan pembelajaran, namun mereka kurang pengetahuan dan kurang kemahiran mengaplikasikan KBAT dalam pengajaran dan pembelajaran. Penekanan kepada peperiksaan telah menyebabkan guru kurang memberi perhatian kepada KBAT pelajar sebaliknya menumpukan kepada usaha untuk menghabiskan sukatan pelajaran dan juga penguasaan teknik menjawab soalan peperiksaan (Ismail & Mahamod, 2016).

Untuk mengaplikasikan KBAT bagi menyelesaikan masalah secara berkesan, gaya berfikir seseorang individu perlu dikenal pasti terlebih dahulu namun kajian yang dijalankan oleh Kanesan Abdullah et al., (2012)) menyatakan pelajar teknikal tidak menguasai gaya berfikir dengan baik. Menurut Ali & Noordin (2010), salah satu punca berlakunya masalah tersebut adalah kurangnya penekanan terhadap pengajaran gaya berfikir semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Hal ini dapat dibuktikan oleh satu kajian tinjauan yang telah dilakukan ke atas 300 pelajar teknikal di politeknik yang menunjukkan bahawa 162 orang (54%) pelajar teknikal berpersepsi mereka mempunyai tahap pengetahuan yang

rendah terhadap gaya berfikir kritis dan kreatif. Sebanyak 166 orang (55.3%) pelajar teknikal juga berpersepsi mereka mempunyai tahap pengaplikasian yang rendah terhadap gaya berfikir kritis dan kreatif.. Justeru itu, salah satu punca berlakunya masalah tersebut adalah kurangnya penekanan terhadap pengajaran gaya berfikir semasa proses pengajaran dan pembelajaran (Ali & Nordin, 2010). Sehubungan dengan ini, gaya berfikir dan KBAT merupakan unsur penting bagi seseorang individu supaya dapat mengenal pasti kekuatan dan kelemahan diri sendiri terutamanya dalam isu penyelesaian masalah.

Objektif khusus kajian ini adalah untuk:

- (i) Mengetahui pasti kewujudan isu bagi menyelesaikan tugas dalam penghasilan produk.
- (ii) Mengetahui pasti faktor-faktor kesukaran menyelesaikan masalah dalam penghasilan produk.
- (iii) Mengetahui pasti keperluan Gaya Berfikir dan Kemahiran Aras Tinggi (KBAT) bagi menyelesaikan masalah dalam penghasilan produk

Metodologi

Penyelidikan yang dijalankan adalah penyelidikan yang menggunakan kaedah tinjauan berbentuk kuantitatif bagi pengumpulan data mengenai keperluan gaya berfikir dan KBAT bagi menyelesaikan masalah dalam penghasilan produk dalam kalangan pelajar teknikal. Reka bentuk jenis tinjauan dipilih kerana tinjauan digunakan untuk mengukur sikap, gaya atau pencapaian (Wiersma & Jurs, 2005). Tinjauan ini mempunyai skop yang luas dan berguna untuk mempersembahkan contoh-contoh yang menggambarkan ciri-ciri kajian. Populasi kajian ini adalah pelajar Diploma dalam bidang Kejuruteraan Awam di Politeknik Sultan Abdul Halim Muad'zam Shah. Sample kajian ini terdiri daripada 320 orang pelajar yang dipilih secara rawak.

Instrumen Kajian

Satu set soal selidik digunakan sebagai instrumen kajian untuk mengumpul semua data kajian. Soal selidik dapat memberikan keputusan atau data yang lebih tepat kerana mereka tidak perlu terburu-buru semasa memberikan jawapan (Chua, 2006). Penggunaan soal selidik dalam kajian adalah wajar disebabkan faktor kekangan masa dan responden tidak dipengaruhi oleh tingkah laku pengkaji. Selain itu, penggunaan soal selidik dapat meningkatkan ketepatan dan kebenaran gerak balas terhadap rangsangan soalan yang diberi (Mohd Majid, 1990).

Soal selidik terbahagi kepada empat bahagian iaitu Bahagian A, B, C dan D. Bahagian A dibentuk bertujuan untuk mendapatkan latar belakang responden kajian. Antara perkara yang terdapat dalam Bahagian A ialah jantina, umur, bidang, dan tahun pengajian. Bahagian B, C dan D pula adalah soalan penentuan persetujuan responden terhadap setiap persoalan kajian. Empat bahagian borang kaji selidik untuk kajian ini adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1: Empat Bahagian dalam Borang Soal Selidik

Bahagian	Perkara	Bilangan Soalan
A	Maklumat Demografi Responden	4
B	Kewujudan Isu bagi Menyelesaikan Masalah dalam Penghasilan Produk	32
C	Faktor-Faktor Kesukaran Menyelesaikan Masalah dalam penghasilan produk	13
D	Keperluan Gaya Berfikir dan Kemahiran Aras Tinggi (KBAT) Bagi Menyelesaikan Masalah dalam Penghasilan Produk	13

Item-item yang dibentuk dalam Bahagian B, C dan D menggunakan skala Likert. Kaedah skala likert sesuai digunakan dalam kajian ini kerana skala Likert merupakan satu inventori yang menunjukkan persetujuan responden dengan menggunakan skala yang ditetapkan melalui satu tahap ekstrem ke tahap ekstrem yang lain (Wiersma & Jurs, 2005). Skala likert adalah ditunjukkan dalam Jadual 2.

Jadual 2: Skala Likert

PERSEPSI	SKALA
Sangat Tidak Setuju (STS)	1
Tidak Setuju (TS)	2
Kurang Setuju (KS)	3
Setuju (S)	4
Sangat Setuju (SS)	5

Namun dalam penganalisan data, skala Likert akan dipecahkan menjadi dua persepsi iaitu “tidak setuju” dan “setuju”. Hasil data dari persepsi “sangat tidak setuju”, “tidak setuju” dan “kurang setuju” akan dikategorikan di dalam persepsi “tidak setuju”. Manakala data dari persepsi “setuju” dan “sangat setuju” akan dikategorikan di dalam persepsi “setuju”.

Dapatan Kajian

Statistik deskriptif seperti frekuensi dan peratus telah digunakan untuk menerangkan tentang taburan data dan juga bagi menjawab persoalan kajian. Semua analisis data telah dilakukan berbantuan perisian SPSS version 2.1.

Kewujudan Isu bagi Menyelesaikan Masalah dalam Penghasilan Produk

Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa seramai 294 orang, iaitu 91.9% berpendapat bahawa pelajar menghadapi masalah semasa menyelesaikan tugas berbentuk menyelesaikan masalah. Selain itu, seramai 291 orang, iaitu 90.9% juga berpendapat bahawa pelajar menghadapi masalah bagi menyelesaikan tugas dalam penghasilan produk.

Jadual 3: Taburan kewujudan isu bagi menyelesaikan tugas

Bil	ITEM	Sangat Tidak Setuju		Tidak Setuju		Kurang Setuju		Setuju		Sangat Setuju	
		<i>f</i>	%	<i>f</i>	%	<i>f</i>	%	<i>f</i>	%	<i>f</i>	%
1.	menyelesaikan tugas berbentuk menyelesaikan masalah	7	2.2	5	1.6	14	4.4	25	7.8	26	84.1
		26 (8.1%)						294 (91.9%)			
2.	menyelesaikan tugas berbentuk menyelesaikan masalah dalam penghasilan produk	3	0.9	8	2.5	18	5.6	21	6.6	27	84.4
		29 (9.1%)						291 (90.9%)			

Hasil dapatan kajian dalam Jadual 4 menunjukkan bahawa 87.5% (280 orang), pelajar berpendapat bahawa masalah yang paling banyak dihadapi pelajar semasa menyelesaikan tugas berbentuk menyelesaikan masalah adalah menggunakan minda untuk mencari makna dan penyelesaian terhadap keraguan atau masalah yang timbul. Masalah ini diikuti dengan mengkaji dan menilai masalah yang diberikan dengan peratusan 86.6% (277 orang), mendapatkan jalan penyelesaian alternatif bagi sesuatu masalah dengan peratusan 86.3% (276 orang), menganalisis sesuatu masalah secara teliti sebelum melaksanakan sesuatu tugas dengan peratusan 86.3% (276 orang) dan mengaitkan idea bagi menghuraikan sesuatu masalah dengan peratusan 85.3% (273 orang).

Jadual 4: Urutan menurun masalah yang dihadapi oleh pelajar teknikal semasa menyelesaikan tugas berbentuk menyelesaikan masalah

Bil	ITEM	Sangat Tidak Setuju		Tidak Setuju		Kurang Setuju		Setuju		Sangat Setuju	
		<i>f</i>	%	<i>f</i>	%	<i>f</i>	%	<i>f</i>	%	<i>f</i>	%
1.	menggunakan minda untuk mencari makna dan penyelesaian terhadap keraguan atau masalah yang timbul	7	2.2	12	3.8	21	6.6	35	10.9	24	76.6
		40 (12.5%)						280 (87.5%)			
2.	mengkaji dan menilai masalah yang diberikan.	2	0.6	14	4.4	27	8.4	42	13.1	23	73.4
		43 (13.4%)						277 (86.6%)			
3.		3	0.9	11	3.4	30	9.4	32	10.0	24	76.3

	mendapatkan jalan penyelesaian alternatif bagi sesuatu masalah.	44 (13.7%)	276 (86.3%)
--	---	------------	-------------

Bil	ITEM	Sangat Tidak Setuju		Tidak Setuju		Kurang Setuju		Setuju		Sangat Setuju	
		<i>f</i>	%	<i>f</i>	%	<i>f</i>	%	<i>f</i>	%	<i>f</i>	%
4.	menganalisis sesuatu masalah secara teliti sebelum melaksanakan sesuatu tugas	4	1.3	13	4.1	27	8.4	59	18.4	217	67.8
		44 (13.7%)						276 (86.3%)			
5.	mengaitkan idea bagi menghuraikan sesuatu masalah.	4	1.3	15	4.7	28	8.8	55	17.2	218	68.1
		47 (14.7%)						273 (85.3%)			
6.	Menganalisis keseluruhan permasalahan yang ada	4	1.3	10	3.1	39	12.2	63	19.7	204	63.7
		53 (16.6%)						267 (83.4%)			
7.	membuat pertimbangan dengan sewajarnya tentang sesuatu perkara.	7	2.2	13	4.1	42	13.1	85	26.6	173	54.1
		62 (19.4%)						258 (80.6%)			
8.	memberikan perhatian terlebih dahulu terhadap sesuatu perkara atau isu yang dibincangkan sebelum memberikan idea	4	1.3	13	4.1	45	14.1	95	29.7	163	50.9
		62 (19.4%)						258 (80.6%)			
9.	mencari pelbagai input bagi mewujudkan idea atau hasil baru yang lebih baik daripada sebelumnya dalam membuat keputusan	4	1.3	16	5.0	43	13.4	100	31.3	157	49.1
		63 (19.7%)						257 (80.3%)			
10.	menggunakan pengetahuan sedia ada untuk menghasilkan idea atau jawapan yang lazim	5	1.6	15	4.7	47	14.7	78	24.4	175	54.7
		67 (20.9%)						253 (79.1%)			

11.	menganalisis masalah yang wujud.	2	0.6	18	5.6	47	14.7	84	26.3	169	52.8
		67 (20.9%)						253 (79.1%)			
12.	memilih penyelesaian yang paling efektif dalam membuat sesuatu keputusan.	6	1.9	12	3.8	49	15.3	82	25.6	171	53.4
		67 (20.9%)						253 (79.1%)			

Bil	ITEM	Sangat Tidak Setuju		Tidak Setuju		Kurang Setuju		Setuju		Sangat Setuju	
		<i>f</i>	%	<i>f</i>	%	<i>f</i>	%	<i>f</i>	%	<i>f</i>	%
13.	menggunakan pengetahuan dan idea baru untuk menyelesaikan masalah dengan memberikan jawapan yang mungkin	5	1.6	11	3.4	51	15.9	87	27.2	166	51.9
		67 (20.9%)						253 (79.1%)			
14.	mengaitkan fakta bagi menghuraikan sesuatu masalah.	3	0.9	18	5.6	48	15.0	80	25.0	171	53.4
		69 (21.6%)						251 (78.4%)			
15.	menilai sesuatu isu dari pelbagai sudut.	4	1.3	16	5.0	51	15.9	87	27.2	162	50.3
		71 (22.2%)						249 (77.8%)			
16.	memikir dengan lebih mendalam tentang sesuatu perkara.	5	1.6	16	5.0	54	16.9	94	29.4	151	47.2
		75 (23.4%)						245 (76.6%)			
17.	merumuskan dan menganalisis keseluruhan permasalahan yang ada	3	0.9	15	4.7	59	18.4	75	23.4	168	52.5
		77 (24.1%)						243 (75.9%)			
18.	mengenal pasti masalah yang wujud dalam situasi kompleks.	4	1.3	15	4.7	60	18.8	80	25.0	161	50.3
		79 (24.7%)						241 (75.3%)			
19.	mengenal pasti masalah yang wujud dalam situasi yang kabur.	4	1.3	13	4.1	65	20.3	76	23.8	162	50.6
		82 (25.6%)						238 (74.4%)			

20.	mencari pelbagai input bagi mewujudkan idea atau hasil baru yang lebih baik daripada sebelumnya dalam menyelesaikan masalah	5	1.6	14	4.4	64	20.0	87	27.2	150	46.9
		83 (25.9%)						237 (74.1%)			

Hasil dapatan kajian dalam Jadual 5 menunjukkan bahawa seramai 90.0% (288 orang), pelajar bahawa berpendapat masalah yang paling banyak dihadapi semasa menyelesaikan tugas berbentuk menyelesaikan masalah dalam penghasilan produk adalah mencari idea untuk membangunkan sesuatu produk. Masalah ini diikuti dengan membandingkan idea-idea yang dihasilkan dalam menghasilkan produk dengan peratusan 86.9% (278 orang), memvisualkan sesuatu idea dalam menghasilkan produk dengan peratusan 86.9% (278), menggunakan pengetahuan sedia ada bagi menyelesaikan masalah dalam penghasilan produk dengan peratusan 85.6% (274 orang) dan menggunakan pelbagai teknik (contohnya: penjanaan idea) bagi menyelesaikan masalah dalam penghasilan produk dengan peratusan 83.4% (267 orang).

Jadual 5: Urutan menurun masalah yang dihadapi oleh pelajar teknikal semasa menyelesaikan tugas berbentuk menyelesaikan masalah dalam penghasilan produk

Bil	ITEM	Sangat Tidak Setuju		Tidak Setuju		Kurang Setuju		Setuju		Sangat Setuju	
		<i>f</i>	%	<i>f</i>	%	<i>f</i>	%	<i>f</i>	%	<i>f</i>	%
1.	mencari idea untuk membangunkan sesuatu produk.	4	1.3	15	4.7	13	4.1	22	6.9	26	83.1
		32 (10.0%)						288 (90%)			
2.	membandingkan idea-idea yang dihasilkan dalam menghasilkan produk.	6	1.9	9	2.8	27	8.4	32	10.0	24	76.9
		42 (13.1%)						278 (86.9%)			
3.	memvisualkan sesuatu idea dalam menghasilkan produk.	6	1.9	15	4.7	21	6.6	42	13.1	23	73.8
		42 (13.1%)						278 (86.9%)			
4.	menggunakan pengetahuan sedia ada bagi menyelesaikan masalah dalam penghasilan produk.	8	2.5	12	3.8	26	8.1	43	13.4	23	72.2
		46 (14.4%)						274 (85.6%)			

5.	menggunakan pelbagai teknik (contohnya: penjanaan idea) bagi menyelesaikan masalah dalam penghasilan produk.	6	1.9	13	4.1	34	10.6	58	18.1	209	65.3
		53 (16.6%)						267 (83.4%)			
6.	mengemukakan pendapat bagi menghasilkan idea yang baik dalam penghasilan produk.	2	0.6	16	5.0	45	14.1	90	28.1	167	52.2
		63 (19.7%)						257 (80.3%)			
7.	menyelesaikan masalah menggunakan kemahiran yang diperlukan dalam penghasilan produk.	7	2.2	13	4.1	47	14.7	86	26.9	167	52.2
		67 (20.9%)						253 (79.1%)			

Bil	ITEM	Sangat Tidak Setuju		Tidak Setuju		Kurang Setuju		Setuju		Sangat Setuju	
		f	%	f	%	f	%	f	%	f	%
8.	menyiapkan tugas kerja kursus disebabkan kesukaran menyelesaikan masalah.	7	2.2	17	5.3	44	13.8	98	30.6	154	48.1
		68 (21.3%)						252 (78.7%)			
9.	menghasilkan sesuatu produk kerana ketidakjelasan soalan tugas dalam penghasilan produk.	5	1.6	14	4.4	56	17.5	78	24.4	167	52.2
		75 (23.4%)						245 (76.6%)			
10.	membentuk konsep yang dipelajari dalam menghasilkan produk.	8	2.5	20	6.3	47	14.7	97	30.3	148	46.3
		75 (23.4%)						245 (76.6%)			
11.	menyelesaikan masalah dalam tempoh masa yang diberikan.	9	2.8	14	4.4	57	17.8	96	30	144	45.0
		80 (25%)						240 (75%)			

Faktor-Faktor Kesukaran Menyelesaikan Masalah dalam penghasilan produk

Jadual 6 menunjukkan bahawa urutan menurun faktor kesukaran menyelesaikan masalah dalam penghasilan produk, adalah tidak mempunyai kemahiran menjana idea, kemahiran berfikir, kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran penghasilan produk dan kemahiran mencari bahan rujukan. Hasil dapatan kajian juga menunjukkan bahawa paling ramai pelajar (90%) berpersepsi mereka tidak mempunyai pengetahuan dan latihan mengenai KB, diikuti dengan kemahiran menjana idea, kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran penghasilan produk dan kemahiran mencari bahan rujukan

Jadual 6: Urutan menurun faktor kesukaran menyelesaikan masalah dalam penghasilan produk

Bil	ITEM	Sangat Tidak Setuju		Tidak Setuju		Kurang Setuju		Setuju		Sangat Setuju	
		<i>f</i>	%	<i>f</i>	%	<i>f</i>	%	<i>f</i>	%	<i>f</i>	%
1.	Tidak mempunyai kemahiran khusus seperti:										
	a) Kemahiran menjana idea.	4	1.3	7	2.2	9	2.8	36	11.3	264	82.5
		20 (6.3%)						300 (93.8%)			
	b) Kemahiran berfikir.	6	1.9	14	4.4	16	5.0	47	14.7	237	74.1
		36 (11.3%)						284 (88.8%)			

Bil	ITEM	Sangat Tidak Setuju		Tidak Setuju		Kurang Setuju		Setuju		Sangat Setuju	
		<i>f</i>	%	<i>f</i>	%	<i>f</i>	%	<i>f</i>	%	<i>f</i>	%
	c) Kemahiran menyelesaikan masalah.	8	2.5	9	2.8	19	5.9	52	16.3	232	72.5
		36 (11.3%)						284 (88.8%)			
	d) Kemahiran penghasilan produk	15	4.7	27	8.4	55	17.2	80	25.0	143	44.7
		97 (30.3%)						223 (69.7%)			
	e) Kemahiran mencari bahan rujukan.	13	4.1	35	10.9	66	20.6	69	21.6	137	42.8
		114 (35.6%)						206 (64.4%)			
2.	Tidak mempunyai pengetahuan mengenai kemahiran khusus seperti:										
		3	0.9	12	3.8	17	5.3	27	8.4	261	81.6
		32 (10%)						288 (90%)			

3.	a) Kemahiran berfikir.										
	b) Kemahiran menyelesaikan masalah.	7	2.2	6	1.9	20	6.3	48	15.0	239	74.7
		33 (10.3%)					287 (89.7%)				
	c) Kemahiran menjana idea.	8	2.5	20	6.3	29	9.1	49	15.3	214	66.9
		57 (17.8%)					263 (82.2%)				
	d) Kemahiran penghasilan produk	11	3.4	13	4.1	24	7.5	61	19.1	211	65.9
		48 (15%)					272 (85%)				
	e) Kemahiran mencari bahan rujukan.	11	3.4	18	5.6	40	12.5	58	18.1	193	60.3
		69 (21.6%)					251 (78.4%)				
	Tidak mempunyai latihan menggunakan:	8	2.5	20	6.3	25	7.8	48	15.0	219	68.4
	a) Kemahiran berfikir.	53 (16.6%)					267 (83.4%)				
b) Kemahiran menjana idea.	13	4.1	21	6.6	41	12.8	53	16.6	192	60.0	
	75 (23.4%)					245 (76.6%)					
c) Kemahiran menyelesaikan masalah.	11	3.4	29	9.1	50	15.6	54	16.9	176	55.0	
	90 (28.1%)					230 (71.9%)					
d) Kemahiran penghasilan produk.	19	5.9	26	8.1	47	14.7	73	22.8	155	48.4	
	92 (28.8%)					228 (71.2%)					
e) Kemahiran mencari bahan rujukan.	16	5.0	30	9.4	65	20.3	67	20.9	142	44.4	
	111 (34.7%)					209 (65.3%)					

Keperluan Gaya Berfikir dan Kemahiran Aras Tinggi (KBAT) Bagi Menyelesaikan Masalah dalam Penghasilan Produk

Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa seramai 94.4% (302 orang), pelajar bersetuju untuk menyelesaikan masalah dalam penghasilan produk perlu menggunakan pengintegrasian Gaya Berfikir dan KBAT. Dapatan ini selari dengan dapatan salah satu item khusus yang menunjukkan bahawa seramai 94.7% (303 orang) menyatakan bahawa mereka memerlukan Pengintegrasian Gaya Berfikir dan KBAT dalam menyelesaikan masalah semasa menyiapkan tugas kerja kursus berbentuk penghasilan produk. Hal ini kerana kebanyakan pelajar, iaitu sebanyak 94.1% (301 orang) berpendapat bahawa

Pengintegrasian Gaya Berfikir dan KBAT perlu dipelajari untuk meningkatkan kemahiran menyelesaikan masalah dalam penghasilan produk. Oleh yang demikian, seramai 95.6% (306 orang) bersetuju bahawa pelajar memerlukan buku manual Pengintegrasian Gaya Berfikir dan KBAT yang memberikan penerangan mengenai langkah kerja secara lengkap bagi menyelesaikan masalah dalam penghasilan produk.

Jadual 7: Taburan keperluan Gaya Berfikir dan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) bagi menyelesaikan masalah dalam penghasilan produk

Bil	ITEM	Sangat Tidak Setuju		Tidak Setuju		Kurang Setuju		Setuju		Sangat Setuju			
		<i>f</i>	%	<i>f</i>	%	<i>f</i>	%	<i>f</i>	%	<i>f</i>	%		
1.	Untuk menyelesaikan masalah dalam penghasilan produk, saya perlu menggunakan :	1	0.3	7	2.2	49	15.3	85	26.6	17	55.6		
		57 (17.8%)						263 (82.2%)					
	a) Gaya Berfikir	3	0.9	8	2.5	51	15.9	91	28.4	16	52.2		
		62 (19.4%)						258 (80.6%)					
b) KBAT	c) Pengintegrasian Gaya Berfikir dan KBAT	2	0.6	6	1.9	10	3.1	34	10.6	26	83.8		
		18 (5.6%)						302 (94.4%)					
2.	Saya memerlukan Gaya Berfikir dalam menyelesaikan masalah semasa :	3	0.9	7	2.2	46	14.4	85	26.6	17	55.9		
		56 (17.5%)						264 (82.5%)					
b) pembelajaran.	c) Persekitaran pembelajaran	3	0.9	7	2.2	37	11.6	96	30.0	17	55.3		
		47 (14.7%)						273 (85.3%)					
			3	0.9	2	0.6	38	11.9	96	30.0	18	56.6	
		43 (13.4%)						277 (86.6%)					

Bil	ITEM	Sangat Tidak Setuju		Tidak Setuju		Kurang Setuju		Setuju		Sangat Setuju		
		<i>f</i>	%	<i>f</i>	%	<i>f</i>	%	<i>f</i>	%	<i>f</i>	%	
3.	Saya memerlukan KBAT dalam menyelesaikan masalah semasa : a) menyiapkan tugas kerja kursus berbentuk penghasilan produk	3	0.9	3	0.9	57	17.8	76	23.8	181	56.6	
		63 (19.7%)						257 (80.3%)				
	b) Pembelajaran.	1	0.3	14	4.4	54	16.9	88	27.5	163	50.9	
		69 (21.6%)						251 (78.4%)				
	c) Persekitaran pembelajaran	0	0	6	1.9	48	15.0	107	33.4	159	49.7	
		54 (16.9%)						266 (83.1%)				
4.	Saya memerlukan Pengintegrasian Gaya Berfikir dan KBAT dalam menyelesaikan masalah semasa a) menyiapkan tugas kerja kursus berbentuk penghasilan produk	2	0.6	10	3.1	5	1.6	24	7.5	279	87.2	
		17 (5.3%)						303 (94.7%)				
	b) pembelajaran.	1	0.3	7	2.2	47	14.7	98	30.6	167	52.2	
		55 (17.2%)						265 (82.8%)				
	c) Persekitaran pembelajaran	1	0.3	9	2.8	56	17.5	87	27.2	167	52.2	
		66 (20.6%)						254 (79.4%)				
5.	Saya perlu mempelajari a) Gaya Berfikir dalam pengajaran & pembelajaran.	4	1.3	4	1.3	66	20.6	95	29.7	151	47.2	
		74 (23.1%)						246 (76.9%)				

	b) KBAT dalam pengajaran & pembelajaran	2	0.6	10	3.1	42	13.1	84	26.3	18 2	56. 9
		54 (16.9%)						266 (83.1%)			
	c) Pengintegrasian Gaya Berfikir dan KBAT dalam pengajaran & pembelajaran	3	0.9	9	2.8	35	10.9	75	23.4	19 8	61. 9
		47 (14.7%)						273 (85.3%)			

Bil	ITEM	Sangat Tidak Setuju		Tidak Setuju		Kurang Setuju		Setuju		Sangat Setuju	
		<i>f</i>	%	<i>f</i>	%	<i>f</i>	%	<i>f</i>	%	<i>f</i>	%
6.	Untuk meningkatkan kemahiran menyelesaikan masalah dalam penghasilan produk, saya perlu mempelajari : a) Gaya Berfikir.	4	1.3	13	4.1	49	15.3	80	25.0	17 4	54. 4
		66 (20.6%)						254 (79.4%)			
	b) KBAT	2	0.6	12	3.8	49	15.3	78	24.4	17 9	55. 9
		63 (19.7%)						257 (80.3%)			
	c) Pengintegrasian Gaya Berfikir dan KBAT.	2	0.6	8	2.5	9	2.8	18	5.6	28 3	88. 4
		19 (5.9%)						301 (94.1%)			
7.	Saya memerlukan buku manual Gaya Berfikir yang memberikan penerangan mengenai langkah kerja secara lengkap bagi menyelesaikan masalah dalam penghasilan produk.	1	0.3	4	1.3	49	15.3	75	23.4	19 1	59. 7
		54 (16.9%)						266 (83.1%)			

8.	Saya memerlukan buku manual KBAT yang memberikan penerangan mengenai langkah kerja secara lengkap bagi menyelesaikan masalah dalam penghasilan produk.	3	0.9	6	1.9	53	16.6	85	26.6	17 3	54. 1
		62 (19.4%)						258 (80.6%)			

Bil	ITEM	Sangat Tidak Setuju		Tidak Setuju		Kurang Setuju		Setuju		Sangat Setuju	
		<i>f</i>	%	<i>f</i>	%	<i>f</i>	%	<i>f</i>	%	<i>f</i>	%
9.	Saya memerlukan buku manual Pengintegrasian Gaya Berfikir dan KBAT yang memberikan penerangan mengenai langkah kerja secara lengkap bagi menyelesaikan masalah dalam penghasilan produk.	2	0.6	3	0.9	9	2.8	27	8.4	27 9	87. 2
		14 (4.4%)						306 (95.6%)			
10.	Terdapat buku manual mengenai : a) Gaya Berfikir untuk dipelajari.	15 9	49.7	97	30.3	57	17.8	5	1.6	2	0.6
		313 (97.8%)						7 (2.2%)			
	b) KBAT untuk dipelajari.	17 2	53.8	88	27.5	52	16.3	6	1.9	2	0.6
		312 (97.5%)						8 (2.5%)			
	c) Pengintegrasian Gaya Berfikir dan KBAT untuk dipelajari.	21 4	66.9	61	19.1	33	10.3	8	2.5	4	1.3
		308 (96.2%)						12 (3.8%)			
11.	Gaya Berfikir penting dalam kursus yang diambil	3	0.9	6	1.9	45	14.1	88	27.5	17 8	55. 6
		54 (16.9%)						266 (83.1%)			

	di Institut Pengajian Tinggi IPT.										
12.	KBAT penting dalam kursus yang diambil di IPT.	2	0.6	7	2.2	47	14.7	115	35.9	149	46.6
		56 (17.5%)						264 (82.5%)			
13.	Pengintegrasian Gaya Berfikir dan KBAT penting dalam kursus yang diambil di IPT.	6	1.9	2	0.6	32	10.0	85	26.6	195	60.9
		40 (12.5%)						280 (87.5%)			

Kesimpulan

Kesimpulannya, dapatan kajian yang berdasarkan pendapat pelajar telah menunjukkan bahawa majoriti pelajar menghadapi masalah semasa menyelesaikan tugas berbentuk menyelesaikan masalah tanpa penghasilan produk dan pelajar menghadapi masalah bagi menyelesaikan tugas berbentuk menyelesaikan masalah dalam menghasilkan produk. Masalah yang paling banyak dihadapi oleh pelajar semasa menyelesaikan tugas berbentuk menyelesaikan masalah tanpa penghasilan produk adalah menggunakan minda untuk mencari makna dan penyelesaian terhadap keraguan atau masalah yang timbul. Ini diikuti dengan mendapatkan jalan penyelesaian alternatif bagi sesuatu masalah, pelajar mengalami masalah dalam mengkaji dan menilai masalah yang diberikan, pelajar mengalami masalah dalam mengaitkan idea bagi menghuraikan sesuatu masalah dan pelajar mengalami masalah dalam menganalisis sesuatu masalah secara teliti sebelum melaksanakan sesuatu tugas. Selain itu, masalah yang paling banyak dihadapi pelajar semasa menyelesaikan tugas berbentuk menyelesaikan masalah dalam penghasilan produk adalah mencari idea untuk membangunkan sesuatu produk. Ini diikuti pelajar mengalami masalah dalam membandingkan idea-idea yang dihasilkan dalam menghasilkan produk, pelajar mengalami masalah memvisualkan sesuatu idea dalam menghasilkan produk, pelajar mengalami masalah menggunakan pengetahuan sedia ada bagi menyelesaikan masalah dalam penghasilan produk dan pelajar mengalami masalah menggunakan pelbagai teknik (contohnya: penjanaan idea) bagi menyelesaikan masalah dalam penghasilan produk.

Paling ramai pelajar juga berpendapat bahawa faktor utama masalah kesukaran menyelesaikan masalah dalam penghasilan produk adalah mereka tidak mempunyai kemahiran menjana idea, diikuti dengan kemahiran berfikir, kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran penghasilan produk dan kemahiran mencari bahan rujukan. Selain itu, pelajar juga berpersepsi bahawa mereka tidak mempunyai pengetahuan dan latihan mengenai kemahiran berfikir, kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran menjana idea, kemahiran penghasilan produk dan kemahiran mencari bahan rujukan.

Oleh yang demikian, masalah kesukaran menyelesaikan masalah dalam penghasilan produk harus ditangani dengan mempelajari cara menyelesaikan masalah secara berkesan

menerusi Gaya Berfikir dan KBAT. Hal ini kerana menyelesaikan masalah amat penting dalam membantu pelajar menghadapi masalah untuk menyelesaikan masalah dalam penghasilan produk. Secara langsungnya, kesukaran menyelesaikan masalah akan mempengaruhi pencapaian akademik pelajar. Sehubungan dengan ini, pelajar perlu dibantu untuk memperoleh dan meningkatkan Gaya Berfikir dan KBAT bagi menyelesaikan masalah dalam penghasilan produk, sama ada melalui persekitaran pengajaran dan pembelajaran secara konvensional atau manual pembelajaran sendiri secara individu.

Cadangan

KB telah menjadi satu keperluan kepada setiap pelajar untuk menyelesaikan masalah dalam penghasilan produk. Namun begitu, kesukaran menyelesaikan masalah adalah disebabkan masalah menggunakan minda untuk mencari makna dan penyelesaian terhadap keraguan atau masalah yang timbul. Manakala kesukaran menyelesaikan masalah dalam penghasilan produk adalah disebabkan oleh kesukaran mencari idea untuk membangunkan sesuatu produk. Kesukaran menggunakan minda dan kesukaran mencari idea merupakan satu gambaran kelemahan KB. KB secara kreatif di dalam menyelesaikan masalah akan menunjuk arah kepada setiap individu menggunakan langkah penyelesaian masalah bijak dan menghasilkan idea-idea yang bernas di dalam pemikiran reka cipta, pendapat, hujah yang jitu dan mempunyai daya kreativiti yang tinggi dalam mengharungi kehidupan seharian khususnya bagi seorang pelajar.

- “..graduate employability advance kami 89 orang student most probably 98% semua dah bekerja. Yang tak bekerja 2-3 orang student perempuan. Bersalin dan jaga anak. Yang lain semua dah bekerja. Ada yang sambung belajar program degree” PK2(1)-25/5(221)

Kebolehpasaran ini juga berlanjutan bagi pelajar lepasan Ijazah Sarjana Muda. Lepasn Diploma Lanjutan yang melanjutkan pengajian ke peringkat Ijazah Sarjana Muda kohort pertama, didapati bahawa seramai 6 orang daripada 8 orang telah bekerja dalam tempoh tidak lebih daripada 6 bulan selepas bergraduasi. Bagi kohort kedua pula, 6 orang daripada 12 orang lepasan Ijazah Sarjana Muda daripada Diploma Lanjutan telah berjaya bekerja kurang dari tempoh 6 bulan selepas tamat pengajian. Perkara ini telah menunjukkan

bahawa kebolehpasaran bagi program Ijazah Sarjana Muda yang menggunakan kaedah PBK adalah melebihi 70%. Berdasarkan kepada data kebolehpasaran, didapati bahawa PBK adalah kaedah pembelajaran yang paling sesuai kerana hampir kesemua graduan PBK bagi Diploma Lanjutan dan Ijazah Sarjana Muda yang menggunakan kaedah ini telah berjaya mendapat kerja setelah tamat pengajian. Dan ini telah membuktikan bahawa PBK adalah cara yang paling sesuai menyumbang kepada kebolehpasaran graduan.

- Untuk program BFM kita yang lepasan advance ke program degree ada 8 orang daripada 8 orang 2 orang sahaja tak bekerja. 6 orang dah bekerja” PK2(1)-25/5(247)
- “Yang 2nd batch daripada advance tu 12 orang tu, ada lebih kurang 6 orang dah bekerja. Mereka baru je graduasi. Secara kesimpulannya employability melebihi 70% mendapat kerja” PK2(1)-25/5(263)
- “Kami dapati program degree WBL 2 batch yang dah keluar mostly semua dah dapat kerja. Kita nak keluarkan graduan yang mempunyai teknikal dan kami rasa ini lah cara yang sesuai iaitu kaedah WBL” PK2(1)-25/5(282)

Yang terakhir, sebelum program Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektronik Perubatan dengan Kepujian telah dinaiktaraf, kebolehpasaran graduan PBK dalam program Diploma Lanjutan Kejuruteraan Elektronik Perubatan turut berada pada aras yang tinggi. Didapati bahawa kesemua graduan mereka bekerja dalam pelbagai sektor tetapi masih lagi selari dengan bidang kejuruteraan elektronik perubatan. Perkara ini merujuk kepada rekod pengesanan graduan, data bagi kelompok Diploma Lanjutan lepasan sesi Disember 2014 telah menunjukkan data dimana daripada 40 orang graduan, 36 orang graduan PBK telah bekerja.

- “Setakat ni memang 100% pelajar bekerja kecuali yang tak nak bekerja dengan industri hospital. Kerja dekat tempat lain. Sebab skop pembelajaran kita pun bukan untuk pergi berkhidmat dengan hospital sahaja. Boleh menjadi vendor, supplier dan banyak benda boleh dibuat. Ada pelajar yang mengambil peluang untuk menjadi supplier kepada hospital sendiri. Itu satu peluang yang bagus kepada mereka”“Data yang terbaru saya dapat untuk diploma lanjutan kumpulan 40 orang ni sesi disember 2014, 36 sudah bekerja 4 orang belum bekerja” PK3(1)-10/5(144)

Kebolehpasaran ini juga berlanjutan bagi pelajar lepasan Ijazah Sarjana Muda. Data kebolehpasaran siswazah lepasan Diploma Lanjutan yang melanjutkan pengajian ke peringkat Ijazah Sarjana Muda dalam dua sesi telah menunjukkan kebolehpasaran yang memberangsangkan dimana 16 orang graduan daripada 18 orang graduan telah bekerja bagi sesi November 2015. Manakala bagi sesi Jun pula seramai 11 orang daripada 16 orang telah bekerja dalam tempoh tidak lebih daripada 6 bulan selepas bergraduasi.

- *Bagi program Ijazah Sarjana Muda pula yang tamat sesi November 2015, 16/18 sudah bekerja dan yang terakhir pada Jun 2016, 11/13 orang bekerja. Boleh dikatakan setiap sesi tu dalam 10% atau kurang tak bekerja, mungkin tak bersedia atau sambung belajar atau bekerja biasa-biasa je bukan dalam bidang” PK3(1)-10/5(167)*

- “...inspirasi kita nampak bahawa employability pelajar kita ni terjual secara langsung” ” PK3(1)-10/5(196)

“Kita menyediakan bakal pekerja kepada industri. Dengan adanya PBK, pelajar yang cemerlang di politeknik akan terus diserap oleh industri” PK3(1)-10/5(211)

Perbincangan

Berdasarkan kepada dapatan yang telah diperolehi hasil daripada penerokaan pengalaman penyelidik bersama dengan peserta kajian, penyelidik telah mendapati secara keseluruhannya PBK telah dapat membantu kebolehpasaran siswazah PBK. Perkara ini dapat dilihat daripada data kebolehpasaran bagi ketiga-tiga program yang menunjukkan kesemua pelajar PBK telah mendapat kerja dalam tempoh tidak lebih daripada enam bulan selepas tamat pengajian. Data kebolehpasaran pelajar PBK ini juga sekaligus menunjukkan bahawa pelajar PBK tidak mengalami masalah untuk mendapatkan kerja setelah tamat pengajian dan pelajar yang telah dihasilkan daripada PBK adalah berkualiti dan sesuai untuk terus masuk kealam pekerjaan. Dapatan kajian ini juga telah menyangkal dapatan Yusuf, Jamaluddin & Mat Lazim (2013) yang menyatakan bahawa kebanyakan lepasan pelajar yang keluar dari institusi pengajian tinggi tidak berupaya memenuhi kehendak majikan dari segi kemahiran insaniah dan kebolehkerjaan.

Program yang menggunakan kaedah PBK juga mendedahkan pelajar kepada suasana pekerjaan yang sebenar dan alatan yang sebenar. perkara ini dapat memberi peluang kepada pelajar untuk mempamerkan kemahiran bekerja dan secara tidak langsung membuka peluang kepada mereka untuk diserap menjadi pekerja setelah tamat pengajian kelak (Taylor, 2001). Vermont Agency of Education (2013) pula menyatakan bahawa PBK menghubungkan pelajar dengan aktiviti di tempat sebenar dengan majikan dan direka khas untuk menambahkan pengetahuan dan kemahiran pelajar. Pengalaman di tempat kerja yang disokong dengan arahan dan aktiviti, memperkukuhkan, memperbaiki atau melanjutkan pembelajaran yang berlaku semasa kerja supaya pelajar membangunkan sikap, pengetahuan, kemahiran, dan tabiat yang tidak boleh diperkembangkan daripada pengalaman kerja semata-mata. Cuthbert et al. (2008) turut menyatakan bahawa pengalaman semasa mengikuti pengajian di institusi melibatkan pengalaman graduan dari aspek kandungan kurikulum secara keseluruhan, pendedahan mengenai kerjaya, kualiti tenaga pengajar dan kemahiran serta pengetahuan yang diperolehi daripada pengajian. Semakin banyak pengalaman yang dimiliki, semakin tinggi peluang untuk mendapatkan kerja. Dalam PBK, pelajar telah didedahkan dengan dua persekitaran pembelajaran iaitu pembelajaran teori di politeknik dan pengaplikasian amali di industri. Oleh yang demikian, ia dapat membantu memberi pengalaman yang lebih kepada pelajar PBK dan turut disokong oleh data kebolehpasaran dimana telah menunjukkan bahawa pelajar PBK telah mendapat kerja dalam tempoh tidak lebih daripada enam bulan selepas tamat pengajian. Hasil kajian yang telah dibuat oleh Ahmad et al. (2012) turut menyatakan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara program yang telah diambil oleh pelajar dengan kebolehpasaran. Ibrahim (2009) juga menambah bahawa struktur program pengajian yang

lengkap adalah sangat penting dalam membentuk siswazah yang telah bersedia dan laku didalam pasaran pekerjaan.

Dapatan kajian yang dikemukakan oleh Husain *et al* (2010) telah menyatakan bahawa aspek kualiti individu merupakan aspek yang paling diperlukan oleh individu untuk kebolehpasaran, diikuti aspek kemahiran interpersonal, kemahiran sumber, kemahiran asas, kemahiran maklumat, kemahiran berfikir, dan kemahiran sistem maklumat. Hasil penerokaan dalam kajian ini, penyelidik telah mendapati bahawa kesemua kemahiran yang diperlukan untuk kebolehpasaran telah dikuasai oleh pelajar. Hal ini berlaku sepanjang pelajar membuat PBK, mereka ditempatkan di institusi untuk memperoleh pengetahuan teori dan seterusnya ke industri untuk memperoleh kemahiran teknikal dan kemahiran generik yang menepati kehendak industri. . Shoenfelt (2013) juga menyokong bahawa pelajar PBK sememangnya mempunyai kemahiran yang diperlukan oleh industri pada masa kini. Program yang menggunakan kaedah PBK juga mendedahkan pelajar kepada suasana pekerjaan yang sebenar dan alatan yang sebenar. perkara ini dapat memberi peluang kepada pelajar untuk mempamerkan kemahiran bekerja dan secara tidak langsung membuka peluang kepada mereka untuk diserap menjadi pekerja setelah tamat pengajian kelak (Taylor, 2001).

Kesimpulan

Berdasarkan kepada hasil dapatan kajian, didapati bahawa kaedah PBK telah dapat membantu kebolehpasaran siswazah PBK. Perkara ini berlaku disebabkan oleh struktur PBK itu sendiri iaitu menempatkan pelajar di politeknik untuk pembelajaran teori dan seterusnya ke industri untuk mengaplikasikan teori. Ini telah membantu pelajar dengan memberi pendedahan kepada suasana dengan membolehkan mereka mengaplikasikan teori yang telah dipelajari di politeknik kepada suasana dan peralatan yang sebenar. Oleh disebabkan itu, ia dapat memberi nilai tambah yang membantu dalam kebolehpasaran siswazah dalam program PBK.

Rujukan

Ahmad *et al.* (2012). *Relationship between employability and graduates' skill*. UKM Teaching and Learning Congress. *Procedia - Social and Behavioral Sciences* 59 (2012) 591 – 597

Chernus, K., & Fowler, D. (2009). *Integrating curriculum: Lessons for adult education from career and technical education*. National Institute for Literacy, Technical Assistance for Program Planning.

Cuthbert *et al.* (2008). *What do we really know about the outcome or Australian international education? A critical review and prospectus for future research*. *Journal of International studies*, 72(3), 255-275

Edmunds, J. (2007). *A personal view of Work Based Learning: policy and practice from both ends of the telescope* in Young, D. & Garnett, J. (Eds.) *Work-based Learning Futures* Bolton: University Vocational Awards Council.

- Hasan, A. (2012). *Instrumen Penilaian Pembimbing Dalam Pelaksanaan Pembelajaran Berasaskan Kerja Pelajar Di Industri*. UTHM: Tesis PhD
- Holzer, H. J., & Lerman, R. (2014). *Work-based learning to expand jobs and occupational qualifications for youth*. *Challenge*, 57(4), 18-31. doi: 0.2753/0577-5132570402
- Husain *et al* (2010). *Kebolehpasaran Graduan Pendidikan Teknikal Dan Vokasional: Satu Analisis*. *Sains Humanika* 10:3-3, 9–15
- Ibrahim, A.S. (2009). *Status kebolehpasaran graduan kejuruteraan Elektrik, Elektronik dan Sistem UKM*. Kongres pengajian dan pembelajaran UKM
- Jackson, D. (2015). Employability skill development in work-integrated learning: Barriers and best practice. *Studies in Higher Education*, 40(2), 350–367.
- Jackson, D., & Wilton, N. (2016). *Developing career management competencies among undergraduates and the role of work-integrated learning*. *Teaching in Higher Education*, 21(3), 266–286.
- Kagimula (2007). *Elemen Ketidaksepadanan (Mismatch) Antara Program Diploma Kejuruteraan Mekanikal Dengan Keperluan Industri*. UTHM: Tesis Sarjana.
- Kuh, G.D (2008). *High-Impact Educational Practices: What They Are, Who Has Access to Them, and Why They Matter*. Association of American Colleges and Universities (AACU)
- Lerman, R. I. (2010). *Expanding apprenticeship: A way to enhance skills and careers*. Washington DC: Urban Institute.
- Majlis Penasihat Ekonomi Negara (MPEN), (2010). *Model baru ekonomi untuk Malaysia*. Putrajaya: Majlis Penasihat Ekonomi Negara.
- Mokhtar, S. B., & Husain, M. Y. (2015). *Service Quality of Polytechnic Using Servqual Model for Sustainable Tvet System*. *Advanced Journal of Technical and Vocational Education* (Volume 1, No. 1)
- Politeknik Malaysia (2019). *Buku Panduan Pelaksanaan Program Pengajian Pendekatan Work Based Learning (WBL)* Politeknik Malaysia Kementerian Pendidikan Malaysia
- Statistik siswazah (2018). *Jabatan perangkaan Malaysia 2019*. Putrajaya: Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia
- Rayborn, I. J. (2015). *Exploring factors that influence GED students to complete and matriculate to career and technical education certificate programs in community colleges*. Chicago, IL: Digital Commons, National Louis University.
- Smith, C., & Worsfold, K. (2014). *WIL curriculum design and student learning : a structural model of their effects on student satisfaction*. *Studies in Higher Education*, 39(6), 1070–1084

Taylor, S. (2001). *Getting employers involved Improving work-based learning through employer links*. Learning and Skills Development Agency.

Vermont Agency of Education Work-Based Learning Manual, (2013). *Work-Based Learning Guide: A Resource for Developing and Implementing Quality Experiences for Students*. ISL High School & Adult Division

Watts, A. G. (2006). *Career development learning and employability*. The Higher Education Academy. United Kingdom.

Yusof et al., (2013). *Persepsi pelajar prasiswazah terhadap program pembangunan kebolehpasaran siswazah: kes Universiti Sains Malaysia [USM]*. International Journal of Environment, Society and Space

Persepsi Pelajar Bidang Mekanikal Terhadap Penguasaan 4C Dalam Pembelajaran Teori Dan Amali

**Nor Arifah Aisyah binti Arif Afandi¹, Wan Hanim Nadrah binti wan Muda^{2*},
Fazlinda binti Ab Halim³**

Emel: wanhanim@uthm.edu.my

ABSTRAK

Pengenalan- Kemahiran 4C ini merupakan kemahiran Komunikasi, Kolaborasi, Pemikiran Kritis dan Kreativiti yang terkandung di dalam Pendidikan Abad Ke-21 (PAK21). Ini merupakan pendidikan yang telah digariskan oleh kerajaan dalam memastikan pelajar yang dihasilkan mempunyai kualiti yang baik dari setiap aspek bukan sahaja dari segi pembelajaran. Pelajar memainkan peranan penting untuk mengaplikasi kemahiran 4C ini dalam proses pembelajaran teori mahupun pembelajaran amali.

Objektif – Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengetahui persepsi pelajar Universiti Tun Hussein Onn yang mengambil bidang mekanikal terhadap penguasaan 4C dalam proses pembelajaran amali dan proses pembelajaran teori dari aspek komunikasi, kolaborasi, pemikiran kritis dan kreativiti.

Methodologi – Kajian ini merupakan kajian tinjauan deskriptif kuantitatif yang menggunakan soal selidik sebagai instrumen. Seramai 181 orang pelajar yang mengambil bidang mekanikal dipilih secara rawak. Antara aliran yang terdapat dalam bidang mekanikal ialah kimpalan, permesinan am dan penyejukbekuan.

Dapatan – Kesemua data yang diperolehi dianalisis menggunakan SPSS Versi 22 bagi mendapatkan nilai skor min. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa persepsi pelajar dari aspek komunikasi, kolaborasi, pemikiran kritis dan kreativiti didalam proses pembelajaran amali dan pembelajaran teori adalah tinggi.

Kepentingan – Pengkaji berharap agar hasil kajian yang diperolehi ini dapat membantu pelajar dalam mempertingkatkan lagi kefahaman dalam pembelajaran tidak kira pembelajaran amali mahupun pembelajaran teori. Selain itu, di harapkan agar pelajar menjadi pelajar yang berkualiti, berkemahiran tinggi supaya pelajar mempunyai nilai keboleh pasaran pada masa hadapan.

Kata Kunci: 4C, komunikasi, kolaborasi, kritis dan kreativiti

Pengenalan

Pendidikan memainkan peranan sebagai pemankin pembangunan teknologi dalam usaha menghasilkan generasi yang berkebolehan tinggi bagi penjana perluasan ekonomi Negara (*Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*, 2019). Pendidikan sentiasa menjadi barisan hadapan mendidik pelajar ke arah yang lebih baik (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013). Oleh itu, Malaysia haruslah menitik beratkan bidang pendidikan untuk mencapai status Negara maju dari setiap bidang seperti sektor teknologi maklumat dan komunikasi. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) berhasrat untuk menambah baik kualiti pelajar yang dilahirkan seiring dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dengan meletakkan sistem pendidikan Malaysia dalam kedudukan yang tertinggi.

Pada abad 21 guru mengalami perubahan dalam strategi pengajaran yang dilakukan oleh guru dari cara tradisional ke arah digital yang lebih maju untuk memenuhi tuntutan dasar yang telah ditetapkan (Winda, M. dan Dhitsaha J., 2019). Menurut Yuni, Dwi, Sudjimat, & Nyoto (2016) bagi menjadi sebuah Negara maju, Setiap orang haruslah mengubah bentuk pendidikan tanpa hanya menghafal fakta semata-mata. Berdasarkan Pendidikan Abad ke-21, untuk menjadi sebuah Negara maju Malaysia pertama sekali haruslah memupuk penguasaan 4C kepada pelajar supaya pelajar meliputi kemahiran inovasi dalam pembelajaran terutamanya didalam pembelajaran teori, teknologi dan yang berkaitan dengannya. Elemen yang terkandung di dalam konsep 4C ialah C1 ialah kreativiti (creativity), C2 ialah pemikiran kritis (critical thinking), C3 ialah kolaborasi (collaboration) dan C4 ialah komunikasi (communication) amat penting untuk melahirkan pelajar yang berdaya saing. Hal ini bagi menghadapi gelombang perubahan pendidikan seiring dengan Negara yang sedang pesat membangun.

Di Malaysia, universiti teknikal telah ditubuhkan untuk mengajar pelajar yang berkecenderungan kepada bidang kemahiran. Pelajar aliran ini perlu dilatih untuk menjadi tenaga mahir dan separa mahir dalam sektor kemahiran yang ditetapkan. Satu kerangka pembangunan telah disediakan oleh KPM untuk membuktikan perubahan proses pendidikan yang berkembang secara pesat dan jitu sehingga tahun 2025 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013). Pelajar seharusnya disediakan dengan kemahiran dan kompetensi kurikulum yang bersesuaian dalam melahirkan modal insan yang seimbang, berdaya tahan, bersemangat ingin tahu, berprinsip, mempunyai kemahiran berfikir dan berkomunikasi dengan berkesan (Raja Ismail dan Ismail, 2018). Banyak perubahan telah dilakukan bagi memastikan sijil yang dimiliki pelajar memperolehi pengiktirafan yang sewajarnya. Pada dasarnya ianya juga berpandukan kepada kurikulum yang selari dengan universiti yang lain tetapi ditambahkan dengan komponen teknikal dan vokasional. Oleh hal yang demikian, pelajar perlu bersedia dengan sebarang perubahan yang dilakukan bagi proses pembelajaran dan pemudahcara (PdPc). Pelajar juga perlu memahami kepentingan pembelajaran pada alaf ini.

Beberapa kajian lepas menunjukkan penerimaan ciri-ciri PAK21 dalam kalangan pelajar didapati masih pada tahap sederhana yang menunjukkan bahawa kemahiran yang dimiliki oleh guru untuk menerapkan pedagogi abad ke - 21 masih perlu ditingkatkan. Kajian yang dilakukan oleh Ibrahım, Mahamod & Wan Mohamad (2013) mendapati bahawa enam komponen kemahiran abad ke-21 yang dikaji (komunikasi, literasi era digital, pemikiran inventif, komunikasi berkesan, penghasilan produktiviti tinggi serta nilai dan norma kerohanian) masih berada pada tahap sederhana. Dalam aspek pengajaran dan pembelajaran bahasa, pengaruh pembelajaran abad ke-21 banyak memberi kesan positif kepada sikap, motivasi, pencapaian pelajar ketika mempelajari Bahasa Melayu. Oleh sebab itu kajian ini di jalankan ke atas pelajar teknikal yang mana sebahagian daripada mereka ialah pelajar yang berkebolehan mengimbangi kedua-dua bidang akademik iaitu teori dan amali. Oleh itu penguasaan konsep 4C ini haruslah di titik beratkan dalam kalangan pelajar ini kerana ianya dapat membantu memudahkan proses pembelajaran teori (Jabayang & Osong, 2015). Kajian ini di jalankan untuk mengetahui persepsi pelajar UTHM yang mengambil bidang mekanikal terhadap konsep 4C bagi pembelajaran teori dan pembelajaran amali. Objektif kajian adalah seperti berikut:

- i. mengenalpasti persepsi pelajar teknikal dalam proses pembelajaran amali dan pembelajaran teori dari aspek komunikasi.
- ii. mengenalpasti persepsi pelajar teknikal dalam proses pembelajaran amali dan pembelajaran teori dari aspek kolaborasi.
- iii. mengenalpasti persepsi pelajar teknikal dalam proses pembelajaran amali dan pembelajaran teori dari aspek pemikiran kritis.
- iv. mengenalpasti persepsi pelajar teknikal dalam proses pembelajaran amali dan pembelajaran teori dari aspek kreativiti.

Pendidikan Abad ke-21 (PAK21)

PAK21 ialah pembelajaran yang menekankan di mana pelajar merupakan pusat kepada proses pembelajaran dan berteraskan elemen komunikasi, kolaborasi, pemikiran kritis, kreativiti serta amalan murni dan etika. PAK21 ini harus di titik beratkan bagi melahirkan pelajar yang berkemahiran, berilmu, berkualiti dan sebagainya bagi meealisasikan Malaysia sebagai Negara maju yang sedang pesat membangun (*Pembelajaran Abad ke-21 Pendidikan Pelajaran Malaysia*, 2016). Berdasarkan kerangka (PAK21), guru juga merupakan individu bertanggungjawab untuk mamastikan aspirasi Falsafah pendidikan Negara dicapai. Iaitu menghasilkan pelajar yang mempunyai aspek (JERIS) dimana jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial(“Kemahiran PAK-21,” 2016).

Menurut Arbaa, Jamil & Ahmad (2017), pekerja yang berilmu (k-worker) mempunyai kelebihan di mana mereka boleh bekerja dalam apa jua situasi. Ianya termasuk juga semua jenis kebolehan iaitu, kemahiran komunikasi lisan dan tulisan, kemahiran berfikir secara kritikal, kepimpinan individu dan kumpulan, menyelesaikan masalah dan membuat keputusan, pengurusan masa, bekerja dalam kumpulan dan i-ciri peribadi termasuk etika kerja, fleksibiliti, berinisiatif dan motivasi. Oleh itu, kemahiran pembelajaran abad ke-21 amat diperlukan oleh pelajar untuk berdaya saing pada zaman ini. Kemahiran PAK21 ialah kemahiran-kemahiran yang meliputi kemahiran berkomunikasi, kemahiran 3M (Membaca, Mengira dan Menulis), kemahiran sains dan teknologi, kemahiran interpersonal dan intrapersonal dan sebagainya.

Dengan kewujudan sistem PAK21, tugas guru dan pelajar dalam aktiviti PdPc yang dijalankan boleh dipermudahkan. Guru tidak lagi perlu menggunakan papan tulis sepenuhnya untuk mencatat dan melukis gambarajah yang boleh membuang masa semasa mengajar (Mohd Mohsin, S. F. A. & Hassan, 2011). Selain itu, pelajar juga dapat memperoleh bahan rujukan tanpa halangan dengan akses atas talian yang lebih memudahkan urusan aktiviti pembelajaran para pelajar dalam menyelesaikan tugas atau mengulang-kaji pelajaran. Golongan *digital native* ini menghabiskan lebih banyak masa di dunia maya daripada belajar dengan guru di sekolah (Juliana & Norafidah, 2015). Di samping itu, *digital natives* juga dikenali sebagai masyarakat berilmu kerana terlalu banyak berhubung dengan dunia luar tanpa batasan. Namun begitu, golongan ini mampu terjerumus ke lembah bahaya sekiranya langkah pencegahan tidak diambil kira dari awal lagi.

Bagi merealisasikan hasrat ini, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah menubuhkan satu gagasan pendidikan atau lebih dikenali sebagai Pelan Pembangunan Malaysia (“Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025,” 2019) yang menekankan tentang anjakan kesamarataan dalam akses kepada pendidikan antarabangsa. KPM telah memberi perhatian kepada PAK21 ini bagi mencapai tujuan PPPM dalam melahirkan pelajar yang dapat menjadi pemangkin kepada pembangunan Negara. PAK21 mengandungi beberapa elemen yang telah dinyatakan, iaitu komunikasi kolaborasi, pemikiran kritis, kreativiti serta beberapa elemen lain yang sebenarnya hadir secara semuajadi di dalam diri seseorang pelajar itu. Pengukuhan yang teguh haruslah ditekankan kepada pelajar tentang aspek ini kerana untuk memastikan elemen ini lebih teguh dan konsisten didalam diri pelajar tersebut. PAK21 ini juga sinonim dengan menerapkan “soft skill” dimana menerapkan pelajar tuntuk memperkembangkan lagi kemahiran dan kebolehan didalam diri setiap pelajar.

Metodologi

Pendekatan tinjauan dan kuantitatif berbentuk deskriptif telah dilaksanakan dalam kajian ini. Borang soal selidik digunakan sebagai instrumen bagi mengumpul maklumat daripada

responden. *Borang tersebut* di adaptasi daripada Anuar Ahmad & Nelson Jingga (2015). Borang soal selidik ini mengandungi lima bahagian iaitu Bahagian A (Latar belakang responden), manakala Bahagian B, C, D dan E adalah bahagian yang berkaitan dengan penguasaan pelajar UTHM terhadap konsep 4C iaitu komunikasi, kolaborasi, pemikiran kritis dan kreativiti. Instrument soal selidik berskala likert di bahagian B (Komunikasi), C (Kolaborasi), D (Pemikiran Kritis), E (Kreativiti).

Responden dipilih dari tiga program Pendidikan Mekanikal di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia iaitu Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Kimpalan, Permesinan Am dan Penyejukbekuan. Keseluruhan nilai capaian untuk pelajar ini adalah 372 orang dan hanya seramai 181 orang dipilih secara rawak untuk dijadikan sebagai responden. Kaedah kuantitatif digunakan sebagai analisis dalam kajian ini dan data yang diperolehi telah di analisis melalui perisian *Statistical Package for Social Science (SPSS)* versi 22.0). Skor min, peratusan dan kekerapan digunakan untuk menganalisis data yang diperolehi.

Dapatan

Dalam kajian ini demografi responden yang diambil adalah jantina, tahun pengajian dan bidang merupakan elemen yang ingin diketahui. Jadual 1 menunjukkan jantina responden.

Jadual 1: Jantina Responden

Jantina	Kekerapan	Peratusan
Lelaki	101	55.8
Perempuan	80	44.2
Total	181	100.0

Jadual 1 menunjukkan taburan jantina responden untuk kajian ini. Responden perempuan sebanyak 80 orang yang membawa peratusan 44.2 % manakala lelaki seramai 101 orang yang membawa peratusan seramai 55.8 %.

Jadual 2: Program Responden

Program	Kekerapan	Peratusan
Kimpalan (BBD)	65	35.9
Penyejuk bekuan (BBG)	71	39.2
Permesinan (BBA)	45	24.9
Total	181	100.0

Jadual 2 menunjukkan kekerapan dan peratusan responden yang telah dipilih daripada ketiga - tiga kursus yang terdapat di UTHM iaitu, seramai 65 orang membawa peratusan sebanyak 35.9 % adalah daripada program kimpalan. Seramai 71 orang daripada program penyejukbekuan yang membawa peratusan sebanyak 39.2%. Akhir sekali ialah daripada

permesinan am seramai 45 orang yang membawa peratus 24.9% telah memberi respon kepada soal selidik ini.

Jadual 3: Tahun Pengajian Responden

Tahun	Kekerapan	Peratusan
Tahun 1	66	36.5
Tahun 2	51	28.2
Tahun 3	34	18.8
Tahun 4	30	16.6
Total	181	100.0

Jadual 3 menunjukkan nilai kekerapan dan peratusan bagi responden berdasarkan tahun pengajian. Seramai 66 orang responden yang membawa peratusan sebanyak 36.5 % adalah daripada tahun 1. Sebanyak 51 orang yang membawa peratusan 28.2% adalah daripada tahun 2. Seterusnya, seramai 34 orang yang membawa peratusan sebanyak 18.8% adalah daripada tahun 3. Manakala seramai 30 orang membawa peratusan sebanyak 16.6% adalah daripada tahun 4.

Sebanyak 40 item telah dianalisis mengikut konstruk-konstruk dalam kajian. Kesemua item ini diukur menggunakan Skala Likert satu hingga lima dan kemudiannya dianalisis menggunakan analisis deskriptif.

Persoalan kajian yang pertama iaitu apakah persepsi pelajar UTHM terhadap penguasaan 4C dalam proses pembelajaran amali dan pembelajaran teori dari aspek komunikasi.

Jadual 4: Min and Tahap Kecenderungan dari Aspek Komunikasi

Bil	Item	Min	Tahap Kecenderungan
B1	Saya boleh menyuarakan idea dan pendapat saya kepada orang lain	4.22	Tinggi
B2	Saya boleh menghormati pendapat orang lain	4.30	Tinggi
B3	Saya suka memberi peluang kepada orang lain untuk menyuarakan pendapat	4.28	Tinggi
B4	Saya suka berkomunikasi dengan kawan saya	4.35	Tinggi
B5	Kawan saya faham apa yang hendak disampaikan oleh saya pada setiap masa	4.30	Tinggi
B6	Kebolehan untuk memahami soalan yang diberikan oleh rakan semasa berkomunikasi	4.02	Tinggi
B7	Saya suka berinteraksi dan berkomunikasi bersama kawan saya.	4.21	Tinggi
B8	Orang lain faham apa yang hendak disampaikan oleh saya	4.32	Tinggi

B9	Saya jelas apa yang disampaikan oleh pensyarah semasa proses pembelajaran	4.22	Tinggi
B10	Komunikasi amat penting dalam proses pembelajaran	4.28	Tinggi

Berdasarkan jadual 4.1, terdapat 10 item soalan untuk mengetahui persepsi pelajar terhadap penguasaan 4C dari aspek komunikasi. Nilai skor min tertinggi adalah 4.35 item ke empat iaitu 'saya suka berkomunikasi dengan kawan saya' manakala skor min yang terendah adalah item ke enam iaitu 'keolehan untuk memahami soalan yang diberikan oleh rakan semasa berkomunikasi' adalah sebanyak 4.02 peratus. Purata nilai skor min adalah 4.25 dan menunjukkan kecenderungan yang tinggi dan membuktikan bahawa komunikasi sangat penting dalam proses pembelajaran.

Jadual 5: Skor Min dan Tahap Kecenderungan dari Aspek Kolaborasi

Bil	Item	Min	Tahap Kecenderungan
C1	Saya boleh bekerja secara berkumpulan	4.33	Tinggi
C2	Saya suka membuat keputusan dengan adanya kata sepakat dari rakan-rakan saya	4.09	Tinggi
C3	Saya dan rakan saya saling bantu-membantu antara satu sama lain	4.13	Tinggi
C4	Saya dan rakan tidak bergaduh apabila membincangkan satu perkara	4.26	Tinggi
C5	Saya suka menyumbang idea dan pendapat kepada rakan saya	4.24	Tinggi
C6	Saya suka bekerja di dalam satu kumpulan	4.25	Tinggi
C7	Saya lebih yakin apabila membuat sesuatu keputusan dengan adanya bantuan rakan saya	4.30	Tinggi
C8	Saya suka bekerja dengan rakan lain	4.22	Tinggi
C9	Saya boleh menerima pendapat daripada rakan saya sebagai penambah baikan	4.17	Tinggi
C10	Saya percaya apabila saya membuat keputusan secara berkumpulan, hasilnya akan jauh lebih baik.	4.28	Tinggi

Berdasarkan Jadual 5, terdapat 10 item soalan digunakan untuk melihat persepsi pelajar terhadap penguasaan 4C dari aspek kolaborasi. Nilai skor min tertinggi adalah 4.33 item pertama iaitu 'saya boleh bekerja secara berkumpulan' manakala skor min yang terendah adalah item ke dua iaitu 'saya suka membuat keputusan dengan adanya kata sepakat dari rakan' adalah sebanyak 4.09 peratus. Purata nilai skor min adalah 4.23 dan menunjukkan kecenderungan yang tinggi dan membuktikan bahawa kolaborasi sangat penting dalam proses pembelajaran.

Jadual 6: Min dan Tahap Kecenderungan Aspek Kritis

Bil	Item	Min	Tahap Kecenderungan
D1	Saya boleh membayangkan sesuatu keadaan yang saya kehendaki	4.04	Tinggi
D2	Saya suka membuat keputusan berpandukan perkara yang terlintas di minda saya	4.20	Tinggi
D3	Saya suka membuat aktiviti yang memerlukan saya untuk berfikir	3.80	Tinggi
D4	Jika terdapat masalah saya akan berusaha untuk menyelesaikannya	4.22	Tinggi
D5	Saya membuat keputusan berdasarkan bukti yang munasabah	4.45	Tinggi
D6	Saya boleh menjawab soalan kemahiran berfikir aras tinggi dalam masa yang singkat	4.35	Tinggi
D7	Saya boleh berfikir dalam keadaan yang mendesak	4.08	Tinggi
D8	Saya suka aktiviti yang memangkin daya pemikiran saya	4.43	Tinggi
D9	Saya boleh menyelesaikan masalah saya sendiri tanpa bantuan orang lain	4.04	Tinggi
D10	Saya suka aktiviti yang membolehkan saya berfikir di luar kotak	3.94	Tinggi

Berdasarkan Jadual 6, terdapat 10 item soalan digunakan untuk melihat persepsi pelajar terhadap penguasaan 4C dari aspek pemikiran kritis. Nilai skor min tertinggi adalah 4.45 item ke Lima iaitu ‘saya membuat keputusan berdasarkan bukti yang munasabah’ manakala skor min yang terendah adalah item ke tiga iaitu ‘saya suka membuat aktiviti yang memerlukan saya untuk berfikir’ adalah sebanyak 3.80 peratus. Purata nilai skor min adalah 4.16 dan menunjukkan kecenderungan yang tinggi dan membuktikan bahawa pemikiran kritis sangat penting dalam proses pembelajaran.

Jadual 7: Min dan tahap Kecenderungan Aspek Kreativiti

Bil	Item	Min	Tahap Kecenderungan
E1	Saya boleh berfikir secara kreatif	4.22	Tinggi
E2	Saya boleh menghasilkan sesuatu yang baru daripada barang yang sedia ada.	4.34	Tinggi
E3	Saya mempunyai daya imaginasi yang tinggi	4.32	Tinggi
E4	Saya akan berfikir dan membayangkan sesuatu perkara tersebut sebelum melakukannya	4.02	Tinggi

E5	Saya suka menggunakan idea yang baru	4.12	Tinggi
E6	Saya suka membuat sesuatu yang baru daripada kebiasaan saya.	4.30	Tinggi
E7	Saya suka mencipta sesuatu yang baru	4.02	Tinggi
E8	Saya suka mencuba sesuatu yang berlainan	3.99	Tinggi
E9	Saya boleh membayangkan sesuatu itu walaupun ianya tidak ada di depan mata saya.	4.02	Tinggi
E10	Saya suka melakukan aktiviti yang melibatkan daya kreativiti saya	4.20	Tinggi
	Min keseluruhan	4.16	Tinggi

Berdasarkan Jadual 7, terdapat 10 item soalan digunakan untuk melihat persepsi pelajar terhadap penguasaan 4C dari aspek kreativiti. Nilai skor min tertinggi adalah 4.34 item kedua iaitu 'saya boleh menghasilkan sesuatu yang baru daripada barang sedia ada' manakala skor min yang terendah adalah item ke lapan iaitu 'saya sukasesuatu yang berlainan' adalah sebanyak 3.99 peratus. Purata nilai skor min adalah 4.16 dan menunjukkan kecenderungan yang tinggi dan membuktikan bahawa kreativiti sangat penting dalam proses pembelajaran.

Perbincangan

Persepsi pelajar UTHM terhadap penguasaan 4C dalam proses pembelajaran amali dan teori dari aspek komunikasi menunjukkan keputusan analisis yang tinggi. Ini menunjukkan bahawa pelajar UTHM sudah terbiasa dan menggunakan proses komunikasi antara mereka. Proses pembelajaran amat menekankan aspek komunikasi kerana memainkan peranan penting didalam menyampaikan maklumat daripada satu individu kepada individu yang lain. Kenyataan ini dilihat ada sedikit persamaan dengan kajian oleh (Mulyana & Rakhmat, 2018) yang menyatakan bahawa komunikasi ini penting bagi meningkatkan dan memajukan sesatu kelompok manusia. Berdasarkan persepsi aspek komunikasi ini kita dapat mengetahui sejauh mana penerimaan atau penolakan oleh pelajar terhadap sesuatu proses pembelajaran yang dilakukan. Justeru, ia menunjukkan reaksi pelajar terhadap penerimaan yang dilakukan sekali gus menunjukkan tahap penguasaan yang boleh dilihat daripada analisis yang dijalankan. Dalam (Riswandi, 2017) menyatakan bahawa komunikasi ialah cara untuk menyatakan ketidak puas hati, kefahaman, maklumat seseorang individu tersebut. Ini selari dengan kajian pendidikan mengenai persepsi pelajar dari aspek komunikasi dimana ianya untuk mengetahui kemampuan mereka dalam penyampaian dan penerimaan dan maklumat dalam proses pembelajaran amali dan teori.

Persepsi pelajar UTHM terhadap penguasaan 4C didalam proses pembelajaran amali dan teori dari aspek kolaborasi menunjukkan kecenderungan yang tinggi. Ini menunjukkan bahawa kolaborasi amat penting dalam proses pembelajaran amali mahu pun pembelajaran

teori. Pelajar perlu mahir didalam kolaborasi kerana pelajar pada kebiasaannya perlu berkerja secara berkumpulan lebih-lebih lagi dalam proses pembelajaran amali. Hal ini kerana semasa menjalankan proses pembelajaran amali pelajar diarahkan untuk menggunakan alatan serta mesin yang agak sukar dikendalikan. Oleh itu pelajar perlulah mempunyai tahap kolaborasi yang tinggi dan mempunyai sikap teleransi dan bertanggungjawab. Melalui aspek kolaborasi ini, menunjukkan bahawa tahap penguasaan pelajar terhadap aspek kolaborasi sedikit sebanyak dapat memupuk daya berkerjasama, toleransi dan juga melatih pelajar untuk menerima sesuatu idea ataupun pendapat orang lain yang berlainan pendapat sendiri. Dalam (Asmorowati, 2016) menyatakan bahawa kolaborasi amat penting untuk mencapai sesuatu kejayaan dan pergi lebih jauh. Hal ini merujuk kepada daya kerjasama diantara satu individu dengan individu yang lain.

Persepsi pelajar UTHM terhadap penguasaan 4C dalam proses pembelajaran amali dan teori dari aspek pemikiran kritis menunjukkan kecenderungan yang tinggi. Ini membuktikan bahawa kemahiran kritis memainkan peranan penting dalam proses pembelajaran pelajar. Aspek pemikiran kritis ini penting bagi setiap individu kerana ia penting dalam penyelesaian masalah dalam proses pembelajaran amali dan proses pembelajaran teori. Kenyataan ini dapat dibuktikan kajian oleh (Pembelajaran, Pemikiran, & Dan, 2017) yang menyatakan bahawa pemikiran kritis dapat menyelesaikan masalah individu tersebut apabila mereka dalam situasi yang sukar dan perlu membuat keputusan yang pendek atau jangka masa yang ditetapkan. Selain itu, kajian ini menemukan hasil bahawa setiap pelajar iaitu setiap individu mempunyai kemahiran pemikiran kritis mereka sendiri yang sangat baik. Hasil pemikiran kritis seseorang individu tersebut mempunyai perbezaan diantara individu.

Persoalan ke empat ini bertujuan mengetahui tahap penguasaan pelajar UTHM terhadap penguasaan 4C dalam proses pembelajaran amali dan teori dari aspek kreativiti. Kemahiran kreativiti UTHM membuktikan kecenderungan yang tinggi. Hal ini membuktikan dimana pelajar UTHM memiliki daya kreativiti dan imaginasi yang tinggi terhadap sesuatu perkara. Aspek kreativiti ini harus ada dalam diri seorang pelajar teknikal kerana ianya penting dalam proses pembelajaran amali. Dalam aspek kreativiti ini juga dapat mengetahui sejauh mana kemahiran kreativiti pelajar terhadap sesuatu penyelesaian masalah dalam proses pembelajaran. Dalam (Buntat, Sharliana, Nasir, & Pendidikan, 2018) juga menyatakan bahawa kreativiti ialah kemahiran yang boleh dipupuk dan diasah dalam diri setiap individu.

Penutup

Penguasaan 4C dalam pendidikan dan pembelajaran penting bagi memangkin prestasi pelajar dalam proses pembelajaran. Hal ini bagi memastikan pelajar yang dihasilkan merupakan berkemahiran tinggi dan berkualiti. Pelajar harus menguasai keempat aspek yang terkandung didalam 4C iaitu komunikasi, kolaborasi, pemikiran kritis dan kreativiti untuk menjadi pelajar yang berkualiti di era globalisasi ini.

Pelajar perlu menitik beratkan kesetiap aspek ini, kerana merangkumi setiap segi untuk memudahkan pembelajaran untuk diterima dan juga teknik bagi memastikan mudah dan cepat difahami. Perkara-perkara ini penting bagi memastikan pengajaran dan pembelajaran

lebih berkesan dan berkualiti. Penekanan kepada setiap aspek ini haruslah dititik beratkan bagi memenuhi transformasi pendidikan teknikal dan vokasional.

Rujukan

Arbaa, R., Jamil H. & Ahmad, M. Z. (2017). Model Bersepadu Penerapan Kemahiran Abad Ke- 21 dalam Pengajaran dan Pembelajaran (Integrated Model of Infusing 21st Century Skills in Teaching and Learning). *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 42(1), 1–11. <https://doi.org/10.17576/JPEN-2017-42.1-1-11>.

Buntat, Y., Sharliana, N., Nasir, M., & Pendidikan, F. (2018). Faktor-Faktor Yang Mendorong Kreativiti Di Kalangan. *Journal Educational Psychology and Counseling*, 2, 175–208.

Iberahim, A.R., Mahamod, Z. & Wan Mohamad, W.M.R. (2017): Pembelajaran Abad Ke-21 Dan Pengaruhnya Terhadap Sikap, Motivasi Dan Pencapaian Bahasa Melayu Pelajar Sekolah Menengah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu – JPBM*. Vol. 7 (2).

Jabayan, N.N. & Osong, J. (2015). Meningkatkan Tahap Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Malaysia Melalui Komuniti Pembelajaran Profesional (KPP). *Proceeding, 6th Pedagogy International Seminar*. 6(1): 1-412.

Mohamad Mohsin, S.F.A. & Hassan, R. (2011). Pengajaran dan pembelajaran berasaskan “Streaming Video” bagi meningkatkan tahap kefahaman pelajar abad ke-21. In: *Persidangan Kebangsaan Penyelidikan dan Inovasi Dalam Pendidikan dan Latihan Teknik dan Vokasional CIE-TVT 2011, 16-17 November 2011* (pp. 1-14). Pulau Pinang.

Mulyana, D., & Rakhmat, J. (2018). Komunikasi antarbudaya. *Penantar Komunikasi Antarbudaya*, 1–6.

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. (2019). In *Preliminary Blue Print-BM*

Raja Ismail, R.A. & Ismail, D. (2018): Aplikasi ‘Konsep 4C’ Pembelajaran Abad Ke-21 Dalam Kalangan Guru Pelatih Pengajian Agama Institut Pendidikan Guru Kampus Dato’ Razali Ismail. *Asian People Journal: Multidisciplinary Social Science Journal*. Vol. 1(1)

Riswandi. (2017). Ilmu komunikasi. *EJournal Ilmu Komunikasi*.

Yuni, E., Dwi, W. ;, Sudjimat, A., & Nyoto, A. (2016). *Transformasi Pendidikan Abad 21 Sebagai Tuntutan Pengembangan Sumber Daya Manusia di Era Global* (Vol. 1).

Keberkesanan Penggunaan Peta Pemikiran Dalam Program I-THINK Bagi Meningkatkan Tahap Penguasaan Pelajar Dalam Mata Pelajaran Pendidikan Islam

Zarina Ashikin Zakaria¹, Norhana Abdullah¹, Normazla Ahmad Mahir¹, Dr Suzannah Selamat¹ & Kharyati Md Bahir²

¹Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia

²Sekolah Kebangsaan Indahpura 1

¹zarina@usim.edu.my, ¹hana66@usim.edu.my, ¹normazla@usim.edu.my,

¹suzannah@usim.edu.my,² kharyati@gmail.com

ABSTRAK

Pengenalan- Program i-THINK adalah satu program hasil kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dengan Agensi Inovasi Malaysia (AIM) yang bertujuan untuk mempertingkatkan dan membudayakan kemahiran berfikir di kalangan para pelajar ke arah menghasilkan para pelajar berinovatif. Peta pemikiran i-THINK berbentuk peta buih berganda telah dipilih untuk digunakan untuk kajian ini.

Objektif – Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti keberkesanan penggunaan peta pemikiran di dalam program i-THINK bagi meningkatkan tahap penguasaan pelajar tahun 5 dalam subjek Pendidikan Islam di bawah topik Tayammum.

Methodologi – Pelbagai teknik kajian digunakan untuk memperolehi data iaitu temubual, soal selidik dan ujian pra dan ujian pasca.

Dapatan – Hasil kajian mendapati dengan penggunaan peta pemikiran i-THINK ini, minat para pelajar terhadap pembelajaran meningkat dan secara tidak langsung ia membantu mencetuskan inovasi dan kreativiti di kalangan para pelajar. Sekali gus, ini meningkatkan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) mereka.

Kepentingan – Guru-guru boleh memanfaatkan penggunaan peta buih ini di dalam pembelajaran untuk menarik minat para pelajar terhadap sesuatu mata pelajaran dan secara tidak langsung meningkatkan kemahiran berfikir aras tinggi mereka.

Kata Kunci: Program i-THINK, Peta buih, KBAT

Pengenalan

i-THINK merupakan satu program yang bertujuan untuk meningkatkan dan membudayakan kemahiran berfikir di kalangan para pelajar ke arah menghasilkan pelajar berinovatif. Guru dan murid akan menggunakan alat berfikir di dalam pengajaran dan pembelajaran disamping melaksanakan aktiviti kemahiran aras tinggi.

i-THINK bermaksud *innovative thinking* (Pemikiran Inovatif) yang bertujuan untuk mempertingkatkan dan membudayakan kemahiran berfikir dalam kalangan pelajar ke arah menghasilkan pelajar yang kreatif, kritis dan inovatif. Program ini merupakan hasil Kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dengan Agensi Inovasi Malaysia (AIM) serta telah dirintis di 10 buah sekolah iaitu 4 buah Sekolah Rendah, 4 Sekolah Menengah, 1 Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil dan 1 Sekolah Jenis Kebangsaan Cina sebelum diperluaskan ke seluruh Malaysia.

Program ini bertujuan untuk melahirkan modal insan masa depan yang mempunyai pemikiran inovatif serta dapat mempertingkatkan dan membudayakan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) di kalangan pelajar seta menghasilkan pelajar berinovatif. Program ini berfokuskan kepada penggunaan peta pemikiran secara visual yang mudah digunakan dan difahami merentasi kurikulum. Salah satu permasalahan kajian ini ialah para pelajar menghadapi masalah untuk memahami serta ,mengingati tajuk Tayammun di dalam mata pelajaran Pendidikan Islam Tahun 5.

Manusia dijadikan oleh Allah swt mempunyai kemampuan atau kelebihan serta kelemahan yang berbeza-beza. Keupayaan dalam menguasai sesuatu bidang juga tidak sama antara satu sama lain biarpun secara biologinya manusia diciptakan dengan system pemikiran (otak) yang sama. Namun begitu, dari segi penguasaan, terdapat manusia lebih cenderung menggunakan otak kanannya berbanding otak kirinya dan begitu juga sebaliknya.

Begitu juga halnya dengan kemampuan mengingat, setiap manusia mempunyai kemampuan yang berbeza bergantung kepada bagaimana cara minda mereka dijana atau dimanipulasi. Kebanyakan ahli psikologi menyatakan bahawa daya ingatan perlu dirangsang pada setiap masa. Jika tidak, ada kemungkinan ia akan dirosakkan oleh sikap kita sendiri yang tidak memahami prinsip ingatan itu sendiri, iaitu 'jika tidak digunakan, ia akan hilang.' Ini bermakna lebih kerap kita menggunakan ingatan, kita akan membiasakan diri dengan maklumat dan pengetahuan yang ingin dikekalkan.

Kajian ini dijalankan untuk melihat sejauh mana alat pemikiran ini berupaya meingkatkan kefahaman para pelajar dalam mempelajari tajuk Tayammun dan seterusnya mampu mengingat fakta yang dipelajari dan dapat diamalkan di dalam kehidupan seharian.

Sorotan Kajian literatur

Teori pembelajaran bermakna telah dipilih dalam menyelesaikan kajian ini. Teori pembelajaran bermakna ialah satu idea pembelajaran bermakna yang dinina daripada teori yang diasaskan oleh Ausubel (1963) dalam Woolfolk (1994). Ausubel (1963) dalam Ee Ah

Meng (2005) menyatakan segala maklumat yang dipelajari melalui cara yang lebih bermakna dapat diasimilisasikan ke dalam struktur kognitif sedia ada. Struktur kognitif ini merupakan pengetahuan sedia ada yang terdiri daripada fakta, konsep dan generalisasi pernah dipelajari oleh para pelajar.

Ausubel menekankan bahawa maklumat yang dipelajari secara bermakna dapat diingat dengan lebih lama berbanding dengan apa yang dipelajari secara hafalan. Ini selaras dengan pandangan Novak (1993) yang menyatakan bahawa apabila seseorang menghafal maklumat, maklumat itu hanya boleh disimpan untuk jangka masa pendek iaitu ingatan hanya boleh memegang 7 item sahaja. Seseorang yang pintar hanya boleh mengingat 7 item sahaja daripada maklumat yang dipelajari.

Terdapat beberapa kajian-kajian terdahulu yang telah dijalankan. Kajian yang pertama dijalankan oleh Ezwany binti Azmi & Siti Rahimah binti Hamat@Mamat. Dengan tajuk kajian 'Keberkesanan Peta Minda untuk Meningkatkan Daya Ingatan Murid Tahin 4 dalam Mengenal nama Negeri dan Ibu Negeri di Malaysia.' Kajian ini melibatkan murid-murid dari Sekolah Kebangsaan Sultan Sulaiman 2, Kuala Terengganu. Seramai 5 orang peserta kajian telah dipilih iaitu 3 orang murid lelaki dan 2 orang murid perempuan kelas 4 Ibnu Tufail iaitu kelas yang terakhir dalam aliran tahun 4. Murid-murid ini dipilih memandangkan pengkaji telah menilai lembaran kerja yang telah diberi kepada mereka atau dikenali sebagai ujian pra yang dijalankan oleh pengkaji.

Metodologi yang digunakan ialah kuantitatif. Instrumen penilaian pengkaji adalah menggunakan soal selidik dan juga ujian (ujian pra dan ujian pasca). Pengumpulan data pula berbentuk analisis dan peratusan. Data yang dikumpulkan menunjukkan pencapaian murid dalam tajuk Nama negeri dan Ibu Negeri di Malaysia bagi subjek Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan telah meningkat melalui penggunaan Teknik peta minda iaitu daripada dua orang mendapat gred E dan tiga orang mendapat gred D dalam ujian pra kepada dua orang mendapat gred B dan tiga orang mendapat gred A dalam ujian pasca. Peningkatan skor daripada 24.6% kepada 81.6%. Namun sampel kajian sangat sedikit dan diharapkan kajian akan datang menumpukan kepada sampel kajian yang lebih ramai agar keputusan lebih tepat.

Kajian kedua pula telah dijalankan oleh Zahara Aziz dan Nurliah Jair (2009) dengan tajuk kajiannya Penggunaan Peta Konsep untuk meningkatkan Pencapaian Mata Pelajaran Sejarah bagi pelajar tingkatan 2. Metodologi yang digunakan ialah kualitatif dan kuantitatif. Sampel kajiannya adalah seramai 37 orang pelajar kelas 2H daripada 500 orang pelajar tingkatan 2 di sebuah sekolah di Cheras. 37 orang pelajar rawatan iaitu 20 orang pelajar perempuan dan 17 orang pelajar lelaki.

Instrumen penilaian pengkaji adalah menggunakan soal selidik, ujian pencapaian sejarah tingkatan 2 (ujian pra dan pasca), persediaan mengajar, protocol temu bual dan boring pemerhatian. Tatacara pengumpulan data pula menggunakan Ujian-t, statistic deskriptif, peratusan. Hasil daripada kajian dan penemuan baru pengkaji adalah berlakunya perubahan sikap pelajar terhadap mata pelajaran sejarah selepas didedahkan kepada pengajaran menggunakan peta konsep. Pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Sejarah telah meningkat dengan ketara selepas diajar menggunakan peta konsep. Pelajar juga menunjukkan minat yang tinggi terhadap mata pelajaran Sejarah yang secara tidak langsung telah meningkatkan pencapaian mata pelajaran Sejarah tersebut.

Metodologi

Pengkaji memilih menggunakan kajian kuantitatif dalam mengumpul maklumat berkaitan kajian yang dijalankan. Kajian kuantitatif merupakan satu kajian yang menggunakan analisis statistic, iaitu lebih bersifat objektif dan berorientasikan kepada hasil. Merujuk kepada istilah 'kuantiti' ia membawa erti berapa banyak atau bilangannya. Kuantiti merujuk kepada bilangan yang diskrit, yang dinyatakan dengan tepat. Berdasarkan kepada istilah kuantiti, penyelidikan kuantitatif dikaitkan dengan data numerika dan ketepatan. Ia berdasarkan kaedah penyelidikan inkuiri positivis di mana penyelidikan dilakukan melalui kajian eksperimental dan data numerika yang dipungut dianalisis dengan ujian statistic. Melalui penyelidikan kuantitatif, maslaah kajian dinyatakan dengan bentuk hipotesis.

Sampel kajian meliputi 95 pelajar tahun lima dari Sekolah Kebangsaan Taman Indahpura 1. Daripada jumah keseluruhan murid, pengkaji telah mengambil 50 orang sebagai responden dan semua murid ini telah menerima Pendidikan awal selama 5 tahun di Sekolah Kebangsaan Taman Indahpura 1, di mana mata pelajaran Pendidikan Islam digunakan sebagai subjek teras. 4 responden lagi terpilih bagi menjalani temu ramah untuk sampel kajian ini. Topik yang akan digunakan untuk menguji murid di dalam ujian pra dan ujian pasca ialah Tayammum dan termasuk di dalam mata pelajaran Pendidikan Islam

Kajian kuantitatif telah dipilih untuk mengumpul maklumat berkaitan kajian yang dijalankan. 50 responden di kalangan para pelajar telah dipilih untuk kajian ini. Seramai 21 orang pelajar lelaki dan 29 pelajar perempuan terlibat di dalam kajian ini. Seramai 50 orang pelajar ini akan menjalani ujian pra dan ujian pasca seta soal selidik manakala 4 orang daripada 50 orang pelajar ini akan ditemuramah.

Untuk ujian pra dan ujian pasca, para pelajar akan menjalaninya selama 2 sesi. Yang pertama ujian tanpa menggunakan peta i-THINK dan yang kedua selepas menggunakan peta i-THINK. Soal selidik diedarkan selepas semua para pelajar menjalani kedua-dua sesi ujian pra dan ujian pasca. Sementara temubual yang melibatkan 4 orang pelajar sahaja dijalankan selepas selesai kedua-duanya.

Dapatan

Ujian pra dan ujian pasca

i) Lampu dipancarkan dari sebelah kanan objek dan kelihatan bayang jatuh di sebelah kiri.



ii) Lampu dipancarkan dari sebelah kiri objek dan kelihatan bayang jatuh di sebelah kanan.



Dapatan


Pada peringkat awal pelaksanaan, hanya tiga bentuk sahaja dilukis agar murid dapat fokus kepada teknik melukis yang tepat. Murid pada mulanya takut untuk melukis kerana mereka takut salah. Guru memberikan kata-kata semangat agar murid berkeyakinan untuk melukis secara '*still life*'. Setelah itu, barulah muncul lakaran bentuk asas yang berbagai rupa. Hasil aktiviti pertama, seramai 5 daripada 10 murid dapat membuat ton, cahaya dan bayang pada lukisan bentuk mereka namun penguasaan tekniknya masih lemah.

Latih tubi peringkat ke dua diberikan kepada murid. Murid didapati lebih yakin untuk melukis dan sudah tahu perkara-perkara penting yang perlu dilakukan untuk melukis. Dalam aktiviti kali ini, telah muncul lakaran-lakaran bentuk asas yang lebih baik dari sebelumnya. Murid lebih faham kaedah membuat ton dan bayang menggunakan teknik *crosshatching line* pada lukisan mereka.. Hasil aktiviti ke dua mendapati seramai 8 daripada 10 orang murid dapat membuat ton, cahaya dan bayang yang tepat pada lukisan bentuk mereka dan penguasaan teknik melukisnya telah meningkat daripada lemah kepada tahap sederhana. Murid lebih faham dan dapat melihat gambaran sebenar bentuk geometri bersama kesan cahaya dan bayang yang tepat. Di samping mempraktikkan teknik melukis, aspek keseimbangan, kadar banding, ton, bayang dan kesan pencahayaan yang betul juga diaplikasikan bersama semasa menghasilkan karya.

Seterusnya latih tubi ke tiga diperkenalkan. Kajian mendapati bentuk lukisan lebih baik daripada sebelum ini. Murid berjaya menghasilkan ton dengan teknik *pointilize*. Hasil latih tubi yang dijalankan, seramai 9 daripada 10 orang murid dapat membuat ton, cahaya dan bayang yang tepat pada lukisan bentuk mereka dan penguasaan teknik melukisnya telah meningkat dengan baik. Murid lebih yakin kerana dapat melihat bentuk objek, bayang dan cahaya sebenar. 90 % daripada mereka dapat melukis objek dengan baik dengan mengenalpasti kedudukan bayang yang tepat pada objek. Secara keseluruhannya, hasil inovasi ini menunjukkan 100% murid memahami arah cahaya serta bentuk bayang yang terhasil daripada cahaya lampu yang dipasang.

DAPATAN PENCAPAIAN MURID DAN HASIL KARYA AKHIR





Perbincangan

Model DLB yang dibina menggunakan bahan-bahan terpakai dan beberapa bahan yang baru untuk murid-murid. Kaedah ini sesuai dan dapat menarik minat murid bagi menguasai teknik melukis. Hasil Kajian ini telah menunjukkan perkembangan motor halus dan teknik melukis seperti garisan selari, *crosshatching line* dan *pointilize* dapat dikuasai dengan baik. Mereka telah dapat melukis berdasarkan bentuk-bentuk asas yang disusun pada model.

Penghasilan inovasi model DLB merupakan salah satu penyelidikan yang mampu memberi sumbangan dalam pengajaran dan pembelajaran guru Pendidikan Seni Visual. Dapatan ini sejajar dengan Miles (1965) dalam Yahya dan Lailinanita (2012) , terdapat banyak peluang bagi seseorang guru untuk melaksanakan inovasi. Justeru, beliau mencadangkan, untuk mencapai satu dasar sistem perubahan, sesuatu organisasi itu perlulah memiliki tujuh elemen utama bagi memperolehi satu organisasi yang sihat. Elemen-elemen itu ialah matlamat yang jelas, kelengkapan komunikasi, kelengkapan untuk menyelesaikan masalah, kesamarataan kuasa maksima iaitu antara pentadbir (pengetua) dan guru, kerjasama guru, semangat guru yang tinggi serta guru-guru yang mempunyai ciri-ciri kreatif dan inovatif dalam menjalankan tugas. Bagi mencapai hasrat negara untuk membangunkan generasi yang mempunyai kemahiran abad ke-21, seseorang guru juga perlu menguasai pelbagai bidang mengikuti perkembangan tentang dasar dan isu pendidikan, mahir dalam pedagogi (pengajaran dan pembelajaran), menggunakan media teknologi terkini dan menerapkan nilai-nilai murni bagi tujuan pembentukan akhlak dan

sahsiah yang baik (Siti Hayati & Abdul Halim, 2019). Ciri-ciri kreativiti dan inovasi ini adalah kriteria yang penting diperlukan dalam mewujudkan budaya penyelidikan dan pembangunan untuk meningkatkan kualiti Pdpc.

Kajian ini dapat membantu kepada menyemai budaya inovasi dalam kalangan guru. Menurut Feher & Rice (1988) dalam usaha meningkatkan pengetahuan mengenai model yang universal dalam pemikiran anak-anak, kita menjadi lebih berkemampuan untuk menangani persoalan pembelajaran iaitu bagaimana kita dapat mendorong serta mempercepat perubahan dalam pemahaman mereka. Nyatanya disini beliau amat menggalakkan para guru berfikir mencari penyelesaian bagi memudahkan murid cepat faham apa yang disampaikan. Oleh sebab itu perlunya inovasi dihasilkan untuk merealisasikan perubahan tersebut. Dengan terhasilnya model DLB ini maka bertambahlah satu lagi ciptaan inovasi di kalangan guru disamping dapat menerapkan pembudayaan inovasi dalam Pdpc di sekolah.

Kajian ini memberi kesan kepada pencapaian murid kerana melibatkan aktiviti autentik kepada mereka. Mereka dapat melihat, memahami, dan meneliti kesan cahaya dan bayang dengan jelas dan dapat melukis bentuk maujud secara 'still life'. Keadaan ini dapat mengubah persepsi murid tentang kesukaran memmuridi seni kerana tiadanya kefahaman dan kemahiran sejajar dengan persoalan yang dikemukakan oleh Soffie Balqis Bernard Abdullah (2013) iaitu tanggapan bahawa mata muridan Pendidikan Seni Visual kurang menarik, kurang berfaedah dan tidak penting. Oleh itu untuk menjadikan Pdpc Pendidikan Seni Visual sesuatu yang menarik untuk dimuridi sewajarnya inovasi dibuat untuk membentuk suatu alat yang mampu membuat murid tertarik, lebih fokus, cepat faham isi kandungan dan objektif yang perlu dicapai. Siti Hayati & Abdul Halim (2019) berpendapat guru perlu menghubungkan murid dengan dunia sebenar dan bukan lagi terikat dengan silibus yang perlu dihabiskan mengikut masa yang telah ditetapkan. Pengubahsuaian perlu dalam menerapkan nilai kerohanian yang murni dengan membina kemahiran, pengetahuan, keyakinan diri dan efikasi sendiri melalui inkuiri. Dalam kajian ini, inovasi dilaksanakan bagi memudahkan murid lebih memahami objek maujud di hadapan mata mereka. Pembelajaran bercorak autentik menjadi lebih menyeronokkan di samping dapat mencabar diri mereka melukis secara *still life*.

Salah satu dapatan inovasi ini ialah menarik minat murid lelaki melibatkan diri dalam Pendidikan Seni Visual supaya dapat meningkatkan pencapaian mereka dalam Seni. Ini kerana dalam kajian Woon Yoke Lan (2015) mendapati peratusan responden perempuan mencapai tahap lulus yang lebih tinggi 1.98% daripada lelaki dan semakin menurun ke arah tahap cemerlang dalam penilaian Kertas 1. Penghasilan alat inovasi ini banyak membantu meningkatkan minat dan fokus murid lelaki dalam subjek Pendidikan Seni Visual kerana pembelajaran lebih bersifat realistik dan autentik.

Penutup

Projek inovasi *Display Light Board* direka bentuk untuk membantu memudahkan murid menentukan arah cahaya dan bayang yang tepat ketika melorek ton pada lukisan bentuk. Aktiviti yang dijalankan secara berulang pula dapat memperbaiki kemahiran teknik melukis yang sebelum ini lemah. Pembelajaran secara "*authentic learning*" dan *still life*

akan memberi pengalaman baru khususnya kepada murid lelaki yang memang jarang meminati bidang seni halus. Kemahiran teknik yang betul dapat menyumbang kepada peningkatan keputusan peperiksaan kelak. Diharapkan juga dengan penghasilan inovasi ini dapat membantu meningkatkan pencapaian SPM khususnya bagi subjek Pendidikan Seni Visual ke peringkat lebih cemerlang.

Kesimpulannya, pelaksanaan inovasi ini berperanan meningkatkan kualiti dan kreativiti guru dalam pdpc secara efektif dalam meningkatkan kefahaman dan pencapaian murid. Justeru, kajian seterusnya perlu dilakukan untuk menggalakkan penghasilan bahan inovasi lain yang lebih efektif samada alat, modul atau apps yang lebih kepada penggunaan gadget untuk meningkatkan penguasaan melukis murid.

Rujukan

- Angela Gair. (1996). *The Drawing and Painting Course: A Step-by-Step Introduction to Drawing, Watercolour and Oil Painting*. Abbeydale Press.
- Azman bin Jusoh. (2016). *Sikap Murid Terhadap Fizik Di Sekolah Kawasan Felda*. Maktab Perguruan Sultan Abdul Halim, Sungai Petani, Kedah.
- Badrul, A., Muhamad, F. R., Mohd Effendi, M. S., Shuaib, & Norshah, A. (2014). Sejarah dan apresiasi senilukis dan senireka. *Universiti Malaysia Perlis, November 2015*, 0–38.
- Feher, E., & Rice, K. (1988). Shadows and Anti-Images : Children ' s Conceptions of Light. *Science Education*, 72(5), 637–649.
- Patton, M. Q. (1990). *Qualitative Evaluation and Research Methods*. Newbury Park, CA: Sage Publications, Inc, (2nd ed.).
- Siti Hayati, & Abdul Halim. (2019). Teknologi Maklumat Dan Komunikasi Dalam Pendidikan Seni Visual Ke Arah Pembelajaran Bermakna. *Jurnal IPDA, Bil.26*, 92–104.
- Soffie Balqis Bernard Abdullah. (2013). *Keperluan Penguasaan Kemahiran Pendidikan Seni Visual Sekolah Menengah Untuk Guru-guru Seni di Sarawak*. 1–3. <http://ir.unimas.my/7546/>
- Syaza Amalin et. al. (2005). *Keberkesanan Penggunaan Komposisi OBjek 3 Dimensi Untuk Menggambar Bentuk Melalui Objek Yang Dilihat Dalam Meningkatkan Kemahiran Melukis Murid Tahun 6*. Institut Pendidikan Guru.
- Woon Yoke Lan. (2015). *Perbandingan Tahap Minat, Persepsi dan Tahap Pencapaian Akademik di antara Murid Melayu dan Cina Tingkatan Empat Terhadap Pendidikan Seni Visual di Zon Bangsar Kuala Lumpur*. Retrieved Jun 13, 2017. 31.
- Yahya Buntat & Lailanita Ahamad. (2012). Inovasi Pengajaran Dan Pembelajaran Dalam Kalangan Guru-Guru Teknikal Di Sekolah Menengah Teknik Dari Perspektif Guru. *Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai Johor*, 6, 44–58.

Adakah Kita Sudah Sedia?: Analisis Guru Pendidikan Sivik Di Malaysia

Azni Yati Kamaruddin¹, Che Aleha Ladin², Abd Razak Zakaria³, Vishalache Balakrishnan

¹²³⁴*Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya*

*azniyati@um.edu.my, chealeha@um.edu.my, abdzakaria@um.edu.my,
visha@um.edu.my*

ABSTRAK

Pengenalan: Pendidikan Sivik adalah mata pelajaran yang kurang popular walaupun penting untuk memanusiakan warganegara dalam kurikulum pendidikan di peringkat global dan juga di Malaysia. Pendidikan Sivik diperkenalkan semula dalam Kurikulum Pendidikan Malaysia pada bulan Jun 2019 dengan memberi tumpuan kepada empat nilai, iaitu cinta, rasa hormat, tanggungjawab dan kebahagiaan. Sepanjang penglibatan Pendidikan Sivik dalam Kurikulum Pendidikan Malaysia lebih dari 50 tahun, pelbagai nama diberikan dengan tujuan utama subjek ini adalah untuk melahirkan rakyat Malaysia yang mengetahui hak mereka, bertanggungjawab dan mempunyai watak yang baik dan dapat menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat, negara dan global yang melibatkan pengetahuan sivik, sikap sivik dan tingkah laku sivik. Dalam mencapai objektif pendidikan sivik ini, sikap serta penglibatan guru Pendidikan Sivik adalah kunci kepada kejayaan subjek ini.

Objektif: Kajian ini dilakukan untuk mengkaji sikap guru mana Pendidikan Sivik di Malaysia.

Metodologi: Pencapaian itu akan dijelaskan melalui soal selidik yang diberikan kepada guru Pendidikan Sivik sekolah dan juga pegawai pendidikan.

Dapatan: Hasil dapatan mendapati lebih daripada 80% guru menunjukkan sikap serta penglibatan yang positif dalam Pendidikan Sivik di Malaysia.

Kepentingan: Hasilnya mungkin menunjukkan beberapa cara yang berpotensi untuk menjadikan Pendidikan Sivik diterima sama pentingnya dengan yang lain terutama pada era sekarang dan pasca wabak ini. Dengan mengenalpasti pengetahuan, sikap serta tingkahlaku guru dapat mempertingkatkan lagi kesungguhan guru dalam mencapai objektif subjek ini yang dapat menjamin kelestarian subjek ini dalam kurikulum sekolah di Malaysia.

Kata kunci: Pendidikan Sivik, sikap, penglibatan, guru

Pengenalan

Walaupun menyedari pentingnya Pendidikan Sivik (PS) di dalam kurikulum sekolah, ia masih dianggap oleh guru sebagai subjek kurang, dan dengan itu dianggap tidak popular untuk diajar (Anderson, 2008; Grossman,2008). Ini mungkin berpunca dari fakta bahawa PS tidak dinilai di peringkat peperiksaan umum, oleh itu PS tidak mempunyai nilai dari segi subjek utama di sekolah. Perkara ini sangat relevan dalam kurikulum dan budaya pendidikan Malaysia yang sudah diuji (Lee & Leung, 2016). Di beberapa sekolah, terutamanya untuk kelas "tahun peperiksaan" (contohnya Tingkatan Tiga dan Tingkatan Lima), PS dianggap sebagai subjek 'pengisi' dan menderita kenyataan bahawa guru yang bertanggungjawab menyampaikannya sering menjadi guru ganti (Azni Yati Kamaruddin, 2016).

Subjek yang sering keluar masuk kurikulum di Malaysia dengan pelbagai nama, sekali lagi diperkenalkan. Kemasukkan PS kali ini agak berbeza, dimana subjek ini diajar melalui lima subjek utama iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Sejarah, Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2019). Dengan memfokuskan hanya empat nilai utama iaitu, kasih sayang, hormat menghormati, kegembiraan dan tanggung jawab, PS 2019 hanya diajar sebulan sekali melalui subjek di atas. Selain daripada itu, PS 2019 juga mempunyai dua komponen utama yang perlu dilaksanakan di peringkat sekolah iaitu literasi sivik dan amali sivik.

Dengan pengenalan PS semula dalam kurikulum sekolah pada Jun 2019, guru serta pentadbir sekolah perlu menyiapkan diri untuk melaksanakan PS melalui dua komponen (literasi dan amali). Oleh kerana guru merupakan tunjang utama dalam pelaksanaan ini, kajian ini ingil mengenalpasti sikap serta perlaksanaan PS di sekolah.

Sorotan Kajian

Salah satu faktor terpenting yang menyumbang kepada kejayaan pengajaran subjek adalah sikap guru (Tripp & Sherrill, 2011), kerana sikap dipercayai memainkan peranan penting dalam menerangkan tindakan guru (Folsom-Meek & Rizzo,2002). Telah dibahaskan bahawa fokus pada peranan yang dimainkan oleh kepercayaan dalam membentuk sikap guru membantu mewujudkan sikap yang lebih positif yang menghasilkan penyediaan pengajaran yang berjaya dan persekitaran pembelajaran di bilik darjah (Morley, Bailey, Tan & Cooke, 2005; Smith, 2004;Vickerman, 2004).

Meegan dan MacPhail (2006), Kennedy (2008), dan Smith dan Croom (2000) semuanya melihat sikap dalam mengajar adalah seperti yang dihasilkan dari gabungan kepercayaan, perasaan dan tingkah laku; ini sering disebut secara teknikal sebagai unsur afektif dan kognitif. Mengulas mengenai sikap (Ajzen, 2012) menganggap ianya merangkumi tindak balas afektif dan penilaian individu terhadap sesuatu. Sementara itu, seperti yang dijelaskan

sebelumnya, kepercayaan adalah unsur kognitif dan selalu mencerminkan pengetahuan atau maklumat yang individu mempunyai sesuatu mengenai mereka (Ajzen, 2012).

Terdapat sejumlah kajian penting dan laporan yang memberi tumpuan kepada guru Pendidikan Sivik dan tingkah laku ajaran mereka. Walaupun terdapat sejumlah besar literatur mengenai pendidikan sivik serta pelaksanaan pendidikan sivik kurikulum di sekolah, kajian berkaitan pengajaran pendidikan sivik di Malaysia adalah terhad terhad (Azni Yati Kamaruddin, 2016).

Dalam kajian kuantitatif terhadap 314 murid sekolah rendah dan menengah dan 111 PS guru dari Kota Rijeka, Kroasia, (Piršl, Marušić-Štimac, Pokrajac-Bulian, & Ivić, 2005) melaporkan bahawa guru yang lebih berpengalaman lebih suka Pendidikan Sivik diajar sebagai sebahagian daripada aktiviti kokurikulum dan bukan sebagai subjek formal. Keprihatinan mereka adalah hasil kepercayaan bahawa mengajar subjek tambahan akan terlalu membebankan pelajar, memandangkan ada mata pelajaran yang lebih penting seperti matematik, bahasa, sains dan geografi untuk dipelajari oleh murid. Walau bagaimanapun, kajian ini tidak mempunyai bukti mengenai sikap mengajar guru yang lebih muda, sebagai kajian gagal membandingkan kedua persepsi terhadap pengajaran daripada melihat peranan PS dari perspektif guru yang lebih muda dan guru pelatih.

Menurut Breslin et al. (2006), dalam laporan mereka berdasarkan Penyelidikan Asas Pendidikan Kebangsaan atau *National Foundation for Education Research* (NFER), menunjukkan bahawa sikap guru terhadap PS di Amerika adalah berbeza mengikut profesion. Sebilangan guru mengalu-alukan subjek itu, memandangnya mereka berpendapat bahawa PS adalah penting dalam kurikulum dan sangat berharga bagi para murid. Walau bagaimanapun, walaupun para guru bersetuju mengenai kepentingan PS, mereka merasa tidak berkecukupan dan tidak cukup yakin untuk mengajar subjek ini. Di beberapa sekolah, pengetua juga enggan melaksanakannya mata pelajaran tersebut kerana dilihat dapat menimbulkan lebih banyak subjek dalam kurikulum. Laporan itu mendedahkan bahawa pelaksanaan subjek menjadi tidak begitu penting ketika keadaan di sekolah menjadi agak sibuk, bukan pakar PS diminta untuk mengajar subjek ini, kerana para guru tidak yakin untuk mengajar dan mempunyai tidak mencukupi. Laporan itu mungkin lebih berguna sekiranya pengarangnya telah memasukkan sebab-sebab mengapa guru kurang yakin.

Kajian Leighton (2004) terhadap guru PS di England melaporkan bahawa guru sikap terhadap PS dan pengajaran berbeza di antara guru. Guru Sains Sosial yang berpengalaman menyatakan lebih banyak sokongan untuk pelaksanaan subjek dan merasa sangat yakin mengajar subjek tersebut. Namun, guru yang kurang berpengalaman melihat PS sebagai ancaman kerana tidak berasa yakin untuk mengajar mata pelajaran baru tanpa latihan atau tanpa pengalaman dalam subjek ini. Sekali lagi, kajian ini tidak membuat usaha untuk mengemukakan sebab perbezaan antara pandangan guru yang berpengalaman dan tidak berpengalaman mengenai CE.

Bagi Harber dan Serf (2006) dalam kajian mereka terhadap guru pelatih di Afrika Selatan mendapati bahawa pelatih-pelatih ini tidak mempunyai keyakinan untuk mengajar PS walaupun mereka dilatih di bidang tersebut. Sebab utama diberikan untuk kekurangan ini adalah kerana mereka kurang berkeyakinan serta pensyarah tidak memberikan teladan yang baik kepada pelatih. Namun kajian ini mungkin lebih menarik sekiranya penyelidik memasukkan lebih banyak kajian ke dalam apa yang diperlukan oleh guru-guru ini untuk merasa yakin pada pengajaran PS. Dengan menerokai guru keperluan, maklumat berharga mengenai intervensi serta teknik pengajaran yang lebih efektif mungkin dapat dicapai.

Satu kajian kualitatif oleh Lo (2009) di sekolah rendah Pendidikan Sivik dan Moral di Singapura, guru melaporkan bahawa guru yang ditemuramah mengakui bahawa mereka kurang pengetahuan dari segi mengajar subjek di sekolah. Namun, mereka menunjukkan keprihatinan yang tinggi berkaitan dengan pelaksanaan subjek di sekolah. Kebimbangan itu tertumpu pada kenyataan yang mereka rasakan mereka harus bersaing dengan mata pelajaran sains sosial yang lain seperti Pengajian Am dan Pendidikan Perkembangan Diri. Tidak seperti Pendidikan Sivik dan Moral, kedua-dua mata pelajaran ini adalah mata pelajaran yang mempunyai peperiksaan umum dalam kurikulum dan oleh itu pentadbiran lebih menumpukan pada Pengajian Am dan Pendidikan Perkembangan Diri berbanding dengan Pendidikan Sivik dan Moral. Selain itu, guru Pendidikan Sivik dan Moral menggunakan inisiatif mereka untuk mencari masa tambahan untuk laksanakan subjek ini.

Manakala di Malaysia, melalui kajian Azni Yati Kamaruddin (2016), mendapati guru-guru Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan mempunyai keinginan yang tinggi untuk mengajar subjek tersebut sekiranya sokongan serta pemudahcara bagi pengajaran diberikan kepada mereka. Melalui dapatan kajian tersebut juga, sikap guru yang mengajar subjek tersebut adalah bergantung kepada pengalaman mereka dalam mengajar subjek sains sosial yang lain.

Metodologi

Kajian bahagian pertama dari tiga bahagian untuk menyelidiki ini, adalah berbentuk pendekatan kuantitatif dengan menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian. Reka bentuk kajian kuantitatif melalui soal selidik memberi peluang kepada penyelidik untuk mentadbir soal selidik untuk sampel untuk menghuraikan sikap, dan penglibatan sampel (Creswell, 2014).

Kajian ini dilakukan di sebuah negeri di Malaysia dengan guru-guru yang mengajar Pendidikan Sivik menjadi sasaran responden untuk kajian secara dalam talian. Soal selidik ini dirancang untuk menghasilkan item mengenai sikap, penglibatan guru serta aktiviti Pendidikan Sivik yang dilaksanakan di sekolah. Item berkenaan pengalaman menjadi guru juga dimasukkan bagi aspek perbandingan sikap dan pengalaman mengajar responden yang terlibat.

Item-item itu dirancang secara berulang dalam jangka masa 2 bulan dan melibatkan 2 kitaran penyemakan dan penambahbaikan semasa perbincangan antara penyelidik.

Penggunaan soal selidik dalam talian adalah lebih bertepatan pada situasi Pandemik Covid 19 pada masa kini.

Kajian ini diaktifkan dalam talian dari September 2020 hingga Oktober 2020. Jemputan untuk mengambil bahagian dalam kajian ini bersama dengan pautan laman web yang disertakan telah diemail guru PS. Data yang diperolehi sebanyak 232 responden dianalisis menggunakan teknik deskriptif pada bahagian pertama ini.

Dapatan

a. Dapatan profil berkaitan dengan pengalaman mengajar dari 252 responden adalah seperti berikut:

- i. 1-5 tahun : 21%
- ii. 5-10 tahun : 67%
- iii. 11-15 tahun : 3.5%
- iv. 15 tahun ke atas : 8.5%

b. Sikap guru terhadap dalam penglibatan dalam kejayaan sekolah

- i. 85% guru memberi cadangan dalam pembangunan sekolah
- ii. 98% guru menyokong pentadbiran yang adil di sekolah
- iii. 93% guru mengambil bahagian secara aktif aktiviti pembangunan di sekolah
- iv. 98% guru menggalakkan murid mengambil aktif dalam aktiviti sekolah
- v. 65% guru bersedia menjadi ahli Persatuan Ibubapa dan Guru (PIBG)

c. Sikap guru sebagai warga sekolah

- i. 91% guru berbangga dengan sekolah mereka
- ii. 93% guru merasakan mereka adalah komuniti sekolah
- iii. 92% guru bekerja dengan penuh semangat di sekolah
- iv. 91% guru mempunyai sikap positif terhadap sekolah

d. Menggalakkan aktiviti dalam kalangan murid:

- i. 80% guru menggalakkan aktiviti berkaitan alam sekitar
- ii. 75% guru menggalakkan aktiviti berkaitan hak asasi manusia
- iii. 82% guru menggalakkan aktiviti bersama golongan kurang berkemampuan
- iv. 85% guru menggalakkan aktiviti kebudayaan
- v. 72% guru menggalakkan kempen kebersihan di tempat awam

- e. Amalan aktiviti sivik di sekolah:
 - i. 90% guru menggalakkan amalan pengumpulan sampah di sekolah
 - ii. 65% guru menggalakkan pengumpulan sisa bahan buangan
 - iii. 57% guru menggalakkan pembelian mesra alam
 - iv. 85% guru menggalakkan amalan penjimatan tenaga
 - v. 84% guru menggalakkan tingkah laku mesra dalam kalangan murid

- f. Dapatan kajian mendapati keutamaan Pendidikan Sivik di sekolah adalah:
 - i. Pendidikan Sivik adalah untuk menggalakan rasa hormat dan penjagaan alam sekitar
 - ii. Pendidikan Sivik adalah untuk mempromosi pengetahuan serta hak warganegara
 - iii. Mempromosi pengetahuan mengenai institusi sosial.

Perbincangan

Dapatan kajian, mendapati sebanyak 67% guru mempunyai pengalaman antara 5 hingga 10 tahun sebagai seorang guru. Ini menunjukkan bahawa guru-guru yang mengajar subjek Pendidikan Sivik mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang masing-masing. Oleh demikian, adalah tidak menjadi masalah yang besar sekiranya mereka mengajar Pendidikan Sivik sekali sebulan melalui subjek utama mereka. Selain itu, adalah tidak sepatutnya mereka mengabaikan subjek Pendidikan Sivik kerana Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengedarkan exemplar Pendidikan Sivik bagi pra sekolah, sekolah rendah dan sekolah menengah (<http://bpk.moe.gov.my/index.php/inisiatif-kpm/pendidikan-sivik>) seperti di pautan ini. Ini bertepatan dengan hasil kajian Azni Yati Kamaruddin (2016) dan Lo (2009) bahawa guru Pendidikan Sivik yang tiada kursus atau kelulusan Pendidikan Sivik mampu mengajar Pendidikan Sivik dengan baik sekiranya terdapat bantuan untuk mempermudah pengajaran dan pembelajaran mereka.

Bagi soalan pertama, yang berkaitan dengan sikap guru dalam penglibatan mereka dalam pembangunan sekolah, menunjukkan sikap yang positif dalam hamper semua aspek pembangunan sekolah. Dapatan ini agak berbeza dengan dapat kajian Haniza Mahmmod (2014) yang mengatakan guru kurang yakin dengan pengajaran Pendidikan Sivik di Malaysia. Namun begitu dalam penglibatan sebagai ahli jawatan kuasa Persatuan Ibubapa dan Guru (PIBG) adalah agak rendah berbanding aspek pembangunan sekolah yang lihat. Perkara ini mungkin adalah kerana beberapa faktor yang akan dikenalpasti pada bahagian kedua penyelidikkkan ini.

Seterusnya, bagi soalan kedua pula, sikap guru sebagai warga sekolah adalah amat positif. Hampir keseluruhan guru merasakan bahawa mereka mempunyai perasaan bangga, ahli komuniti sekolah, bekerja dengan penuh semangat dan sangat positif terhadap sekolah.

Dapatan ini, menunjukkan bahawa guru Pendidikan Sivik sudah bersedia untuk meneruskan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Sivik di sekolah.

Manakala bagi soalan ketiga pula, penggalakkan aktiviti sivik dalam kalangan murid seperti aktiviti alam sekitar, hak asasi manusia, bersama golongan kurang berkemampuan, kebudayaan dan kempen kebersihan adalah amat tinggi. Ini menunjukkan bahawa guru Pendidikan Sivik di Malaysia adalah tidak seperti guru Pendidikan Sivik di Amerika seperti yang dilaporkan oleh Breslin et.al (2006).

Bagi soalan keempat pula, pembelian barangan alam sekitar kurang mendapat sambutan dalam kalangan guru berbanding dengan aktiviti lain seperti pengumpulan sampah serta sisa, penjimatan tenaga dan kempen kebersihan. Kemungkinan perkara ini berlaku disebabkan kurang aktiviti yang berkaitan penggunaan semula bahan alam sekitar di sekolah tersebut.

Akhir sekali, pemilihan utama maksud Pendidikan Sivik menunjukkan guru-guru pendidikan Sivik memahami serta sedia maklum mengenai objektif dan matlamat Pendidikan Sivik yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (2019). Tahap pemahaman ini juga memberi maksud bahawa guru-guru ini sedar lonjakan ketiga Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025.

Penutup

Kesimpulan daripada bahagian pertama kajian ini adalah mendapati bahawa guru Pendidikan Sivik yang terdiri daripada guru subjek Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Sejarah, Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral mempunyai kesediaan dalam mengajar Pendidikan Sivik. Namun begitu bagi memantapkan lagi pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Sivik ini, kursus serta pendedahan terhadap kaedah serta strategi yang kontemporari perlu diberikan terutamanya selepas kesan daripada pandemic Covid 19 yang melanda dunia sekarang. Kepentingan Pendidikan Sivik dari segi pengetahuan, sikap dan amalan adalah sangat penting dalam kalangan murid sekolah.

Perakuan

Kajian ini mendapat peruntukkan dari geran dari Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.

Rujukan

Ajzen, I. (2012). The theory of planned behavior. In P. A. M. Lange, A. W. Kruglanski & E. T. Higgins (Eds.), *Handbook of theories of social psychology* (Vol. 1, pp. 438-459). London, UK: Sage

Anderson, R. (2008). *Civics and Citizenship Education: Why Is Civics and Citizenship Education Unpopular among Teachers?*. *Ethos*, (Term 2 2008).

Azni Yati Kamaruddin. (2016). *The intention to continue teaching Civics and Citizenship Education (CCE) among CCE teachers in Malaysia* (Thesis Dissertation). La Trobe University, Melbourne.

Bajunid, I. A. (2008). The development of educational leaders in Malaysia: The creation of a professional community. In *Teaching: Professionalization, Development and Leadership* (pp. 215-232). Springer Netherlands.

Breslin, T., Rowe, D., & Thornton, A. (2006). *Citizenship Education: Current State Of Play And Recommendations*, Memorandum Of Submission To The Education Select Committee. Individual Engaging in Society, Citizenship foundation.

Creswell, J. W., Klassen, A. C., Plano Clark, V. L., & Smith, K. C. (2014). Best practices for mixed methods research in the health sciences. *National Institutes of Health*, 2094-2103.

Folsom-Meek, S. L., & Rizzo, T. L. (2002). Validating the physical educators' attitude toward teaching Individuals with disabilities III (PEATID III) survey for future professionals. *Adapted Physical Activity Quarterly*, 19(2), 141-154.

<http://bpk.moe.gov.my/index.php/inisiatif-kpm/pendidikan-sivik>

Grossman, D (2008). *Preparing Teachers for Effective Citizenship Education: What Recent Research Studie Suggest*. In C.L.Hoon, N. Mohd. Salleh, W.H. Wan Mamat, & V. Balakrishnan, (Eds). *Asia Pacific Moral, Civic and Citizenship Education: New Vision and New Realities*. University of Malaya. Kuala Lumpur.

Haniza Mahmood. (2014). *Civics and citizenship education in Malaysia: The voice of micro policy enactors* (Doctoral dissertation). Cardiff University.

Kennedy, K. J., Hahn, C. L., & Lee, W. O. (2008). Constructing citizenship: Comparing the views of students in Australia, Hong Kong, and the United States. *Comparative Education Review*, 52(1), 53-91.

Lee, W. O., & Leung, S. W. (2016). Global citizenship education in Hong Kong and Shanghai secondary schools: Ideals, realities and expectations. *Citizenship Teaching and Learning*, 2(2), 68-84.

Lo, W. Y. (2009). Understanding and attitudes towards moral and civic education among primary school teachers in Hong Kong. *Asian Social Science*, 5(7), p3.

Meegan, S., & MacPhail, A. (2006). Irish physical educators' attitude toward teaching students with special educational needs. *European Physical Education Review*, 12(1), 75-97. doi: 10.1177/1356336x06060213

Morley, D., Bailey, R., Tan, J., & Cooke, B. (2005). Inclusive physical education: Teachers' views of including pupils with special educational needs and/or disabilities in physical education. *European Physical Education Review*, 11(1), 84-107.

Piršl, E., Marušić-Štimac, O., Pokrajac-Bulian, A., & Ivić, S. (2005). The attitudes of students and teachers towards civic education and human rights. In *The 8th UKFIET International Conference of Education and Development*.

Smith, K. E., & Croom, L. (2000). Multidimensional self-concepts of children and teacher beliefs about developmentally appropriate practices. *The Journal of Educational Research*, 93(5), 312-321.

Smith, T. M., Desimone, L. M., & Ueno, K. (2005). "Highly Qualified" to do what? The relationship between NCLB teacher quality mandates and the use of reform-oriented instruction in middle school mathematics. *Educational Evaluation and Policy Analysis*, 27(1), 75-109. doi: 10.3102/01623737027001075

Tripp, A., & Sherrill, C. (2011). Attitude theories of relevance to adapted physical education. *Adapted Physical Activity Quarterly*

Vickerman, P. B. (2004). The training of physical education teachers for the inclusion of children with special educational needs (Doctoral dissertation, University of Leeds)

Pengaplikasian Teori Pembelajaran Konstruktivisme Dalam Pembelajaran Matematik

Voon, S. H. & Amran, M. S.

Falkulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia

voonsh76@gmail.com, syawal@ukm.edu.my

ABSTRAK

Pengenalan - Matematik dianggap sebagai salah satu subjek yang penting dari sekolah rendah hingga pengajian tinggi di Malaysia. Pembelajaran dalam Matematik memerlukan murid memahami sesuatu konsep dengan kukuh dan menyeluruh. Kertas konsep ini membincangkan kepentingan teori Konstruktivisme sebagai satu falsafah pembelajaran yang popular selama beberapa dekad ini.

Objektif - Kertas ini bertujuan untuk membincangkan kepentingan pengaplikasian teori Konstruktivisme dalam pembelajaran Matematik.

Dapatan - Artikel ini mengetengahkan terdapat senario pendidikan Malaysia yang masih mengamalkan kaedah pengajaran konvensional dalam pembelajaran Matematik. Pembelajaran yang efektif memerlukan guru mengintegrasikan strategi, teknik dan aktiviti yang dapat merangsang kognitif pelajar mengikut perbezaan individu untuk membina konsep atau pengetahuan baharu dalam pembelajaran. Penerapan teori Konstruktivisme dalam pengajaran Matematik dilihat sangat penting dalam membantu pelajar bagi membina dan menyesuaikan maklumat baharu untuk diaplikasikan dalam pembelajaran pelajar agar lebih dinamik dan responsif. Sejajar dengan keperluan ini, pengkaji mengulas dengan lebih lanjut tentang implikasi pengaplikasian teori Konstruktivisme dalam pengajaran dan pembelajaran. Selain daripada itu, artikel ini juga mengutarakan sorotan kajian tentang kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan teori Konstruktivisme dalam konteks pengajaran guru. Artikel ini pada akhirnya juga menghuraikan dengan lebih lanjut cabaran dan keperluan guru bagi menerapkan teori konstruktivisme dalam pengajaran agar dapat membantu guru-guru dalam menyampaikan pengajaran yang berkesan.

Kepentingan - Melalui perbincangan dalam artikel ini, pengkaji berharap dapat memberi keyakinan dan motivasi kepada guru-guru yang berminat untuk melaksanakan pendekatan Konstruktivisme dalam pengajaran dan pembelajaran bilik darjah.

Kata Kunci : teori Konstruktivisme, pembelajaran Matematik

Pengenalan

Matematik dianggap sebagai salah satu subjek yang penting dari sekolah rendah hingga pengajian tinggi di Malaysia. Namun, Pelaporan Pentaksiran Sekolah Rendah, Lembaga Peperiksaan KPM 2019 menunjukkan masih terdapat 16.87% daripada 431 610 orang calon belum lagi mencapai tahap penguasaan minimum manakala hanya 30.23% mencapai tahap penguasaan minimum. Sementara yang mendapat tahap penguasaan baik, memuaskan dan tahap cemerlang pula adalah pada 16.84%, 16.63% dan 19.43%.

Pembelajaran dalam Matematik memerlukan murid memahami sesuatu konsep dengan kukuh dan menyeluruh. Yahaya et al.(2010) mengutarakan bahawa pembentukan konsep yang dikaitkan dengan pengalaman murid amat penting dalam pengajaran Matematik. Guru-guru perlu sedar bahawa pengetahuan seseorang tidak dapat dipindah daripada seorang individu kepada individu yang lain, sebaliknya hanya dibina melalui interaksi murid berkenaan dengan persekitaran pembelajarannya. Proses Konstruktivisme berlaku apabila maklumat baru diserap dan disesuaikan oleh murid dan menjadi sebahagian daripada pegangan kukuh mereka. Ini sejajar dengan pandangan Mahmud,H. (2011) bahawa Konstruktivisme merupakan komitmen manusia membentuk pengetahuan melalui penerokaan terhadap pelbagai aktiviti yang dilakukan tanpa menerima maklumat atau pengajaran secara pasif.

Guru perlu mempunyai kebijaksanaan untuk menggunakan pendekatan yang serasi dengan kebolehan dan minat murid-murid bagi membantu mereka membina konsep dan pengetahuan baharu dalam pembelajaran. Ini juga bermakna guru perlu membuat pertimbangan terhadap struktur kognitif murid-murid. Ini sejajar dengan pandangan beberapa perspektif Konstruktivisme yang mengatakan bahawa pembelajaran yang bermakna datang daripada pengalaman murid.

Jean Piaget (1976), iaitu pelopor teori Konstruktivisme dalam bukunya 'To Understand is to Invent: The Future of Education' menerangkan bahawa pengetahuan dikembangkan daripada pembinaan pengetahuan oleh seseorang individu apabila individu berkenaan memahami pengetahuan tersebut (Seven et.al., 2017). Piaget memberi penekanan terhadap pengetahuan semasa yang bersifat tidak kekal dan berubah mengikut masa dan ini adalah satu proses yang berterusan dan sering disusun semula. Pendekatan Konstruktivisme telah lama digunakan dalam pengajaran bilik darjah di semua peringkat. Unsur-unsur Konstruktivisme dalam pendekatan ini menjelaskan bagaimana murid belajar dengan menyusun pengetahuan dalam minda mereka. Menurut teori Konstruktivisme, guru memainkan peranan sebagai moderator atau fasilitator dalam pembelajaran.

Pada akhir tahun 1970-an dan 1980-an, sumbangan Vygotsky adalah penting selepas Piaget. Idea-idea Vygotsky telah mempengaruhi pemikiran semasa. Zone of Proximal Development (ZPD) dan Scaffolding merupakan dua konsep utama dalam teori Vygotsky (Belland, 2017). Zone of Proximal Development (ZPD) Vygotsky mengaitkan perbezaan antara apa yang boleh dipelajari oleh murid tanpa bantuan dengan apa yang boleh dipelajari dengan bantuan rakan sebaya yang mahir atau guru manakala Scaffolding pula adalah bantuan kepada murid di awal pembelajaran, kemudian bantuan akan dikurangkan setelah

murid dapat melakukan kerja sendiri. Scaffolding adalah bimbingan yang dihulurkan kepada murid yang memerlukan bagi menyelesaikan sesuatu masalah. Vygotsky mengatakan bahawa apabila elemen-elemen di persekitaran dapat menerangkan sebab berlakunya sesuatu yang ingin diketahui, pembelajaran berlaku. Oleh itu, beliau menyarankan ibu bapa, guru dan rakan agar berinteraksi bagi membantu kanak-kanak menerima ilmu pengetahuan dan pembelajaran. (Khadijah et.al., 2011).

Buku Borich dan Tombari (1997) bertajuk *Educational Psychology : A Contemporary A Contemporary Approach* pula mengatakan pendekatan pembelajaran Konstruktivisme mengaitkan hubungan dalam minda tentang sesuatu fakta yang sedang dipelajari dan murid-murid membina kefahaman terhadap perkara yang dipelajari (Umam et.al., (2019).

Pendekatan Konstruktivisme adalah satu inovasi pengajaran dan pembelajaran dalam pendidikan (Khadijah, 2011). Pendekatan Konstruktivisme menerangkan bagaimana murid menyesuaikan semua maklumat baru yang diperolehi dengan pengalaman sedia ada mereka untuk membentuk pengetahuan baharu dan disusun dalam minda. Dalam Konstruktivisme, guru bertindak sebagai fasilitator di mana individu murid yang berfikir akan berusaha untuk membina pengetahuan tanpa menerimanya secara pasif. Murid-murid juga menyelesaikan sesuatu tugas dengan usahanya sendiri serta melalui hubungan sosial bersama rakan dan gurunya.

Umam (2019) medefinisikan teori Konstruktivisme dalam pembelajaran sebagai pendekatan yang bersifat generatif, iaitu berkebolehan mencipta sesuatu makna daripada apa yang dipelajari. Dengan itu, latar belakang kehidupan seseorang murid akan menyediakan peluang kepada mereka untuk menyelami ilmu pengetahuan di alam persekolahan bersama rakan sebaya dan gurunya (Padmanabhan et. al, 2011).

Pendekatan Konstruktivisme penting dalam aktiviti-aktiviti yang memberi penekanan kepada penerokaan informasi yang baru seperti pembelajaran Koperatif, sumbangsaran, kolaboratif dan sebagainya (Zakaria, 2016). Dengan informasi baru yang diperolehi, murid akan dapat mengkonstruk ilmu pengetahuan lama dengan ilmu pengetahuan baru untuk membentuk fahaman baharu. Apabila murid belajar dalam kumpulan, kemahiran sosial, komunikasi, interpersonal, kinestetik dan sebagainya diperlukan dan dengan itu pembelajaran aktif dapat diperhatikan. Interaksi sosial ini seterusnya memangkin proses menyelesaikan masalah pembelajaran murid-murid dengan menggunakan pengetahuan baru di dalam situasi bilik darjah.

Pendekatan Konstruktivisme juga menekankan hubungan saling mempengaruhi antara pembelajaran lepas dengan pembelajaran baharu di mana murid diberi peluang untuk membina pengetahuan secara aktif (Rangkuti, 2014). Pembelajaran lampau akan dikaitkan dengan pembelajaran baharu dan perhubungan ini perlu dibina oleh murid sendiri. Ini disokong oleh kajian Khadijah (2011) bahawa apabila konsep-konsep dibentuk pada minda seseorang berkembang dan berubah, individu akan mendapat pengetahuan baharu.

Pendekatan Konstruktivisme sosial tertumpu kepada pembelajaran bilik darjah pada asasnya. Ilmu pengetahuan dibina menerusi interaksi sosial antara guru dengan murid atau

sesama murid (Abdullah et. al., 2013). Ini sejajar dengan pandangan Padmanabhan et. al., 2011 bahawa penglibatan bersama dengan orang lain akan membolehkan ilmu pengetahuan dibina dan dikonstruksi pada seseorang murid. Dalam interaksi sosial ini, murid didedahkan cara untuk belajar, iaitu menilai dan mengakomodasi maklumat serta ilmu pengetahuan ke arah pemahaman yang kukuh. Dalam pada itu, murid juga berpeluang untuk menjalinkan hubungan sosial dan belajar kemahiran pemrosesan informasi bagi memperoleh sesuatu ilmu pengetahuan yang dipelajari.

Guru merupakan orang yang memainkan peranan penting untuk memberi motivasi kepada murid-murid bagi mencapai pembelajaran yang berkesan dan bermakna (Bakar et.al., 2012). Pembelajaran yang efektif memerlukan guru mengintegrasikan strategi, teknik dan aktiviti yang dapat merangsang kognitif pelajar mengikut perbezaan individu untuk membina konsep atau pengetahuan baharu dalam pembelajaran. Penerapan teori Konstruktivisme sebagai satu falsafah pembelajaran yang popular selama beberapa dekad ini dilihat sangat penting dalam membantu pelajar bagi membina dan menyesuaikan maklumat baharu untuk diaplikasikan dalam pembelajaran murid agar lebih dinamik dan responsif.

Senario pendidikan Malaysia dalam pembelajaran Matematik

Guru merupakan orang yang melaksanakan segala usaha dan pendekatan pengajaran. Selain itu, guru juga dikatakan terlibat secara langsung dalam usaha memastikan pembelajaran yang maksimum dicapai oleh murid-murid bagi meningkatkan kualiti pendidikan di bilik darjah. Kajian Jumiran (2014) menunjukkan bahawa prestasi akademik dan pembentukan peribadi murid mempunyai signifikan terhadap faktor guru.

Matematik sebagai salah satu subjek utama dalam STEM (Science, Technology, Engineering, and Mathematics) dan guru perlu memastikan pelajar mempunyai minat yang dalam terhadap subjek ini. Namun, menurut Halimatun (2017), kaedah pengajaran guru yang tidak berkesan merupakan salah satu sebab minat pelajar terhadap STEM semakin kurang. Kajian Mohamad (2019) turut menunjukkan pencapaian Matematik dan Sains semasa UPSR dan PT3 juga makin merosot dari tahun 2014 hingga 2016. Dapatan Trends in International Mathematics and Science Study (TIMSS) 2015, TIMSS 2011 dan TIMSS 2007 juga menggambarkan tentang prestasi pelajar dalam subjek Matematik untuk memperoleh tahap pengetahuan asas Matematik masih rendah berbanding dengan tanda aras yang ditetapkan antarabangsa (Mullis, Martin & Foy, 2016). Kerosotan terus menerus dari tahun 1999 hingga 2015 adalah sangat merisaukan. Hakikat ini menunjukkan pencapaian subjek Matematik pelajar masih kurang memuaskan di peringkat negara dan antarabangsa (Halimatun, 2017).

Menurut Hurford (2010), keberkesanan pendekatan dalam pengajaran mempunyai kaitan dengan masalah dan prestasi dalam Matematik. Namun, masih terdapat guru yang hanya melibatkan aspek atau komponen tertentu sahaja dalam proses pengajaran dan pembelajaran dan tidak sedar bahawa terdapat saling kaitan antara pelbagai komponen dalam satu sistem pengajaran dan pembelajaran sehinggalah masalah pembelajaran tidak

dapat diketahui dengan jelas (Rueda, 2011). Kajian Talib et. al (2014) juga mengutarakan bahawa kebanyakan penyampaian pengetahuan di sekolah adalah terpisah daripada cara kanak-kanak berfikir. Amalan pengajaran yang biasa dilakukan oleh kebanyakan guru Matematik zaman sekarang masih lagi berlandaskan amalan surface learning, latih tubi dan penghafalan di mana pengetahuan dipindahkan daripada guru kepada murid. Pada hakikatnya, pengetahuan tersebut tidak menunjukkan pengetahuan individu secara keseluruhan tetapi sekadar cukup untuk murid-murid menjawab soalan beraras rendah ataupun beraras sederhana kesukarannya. Dengan itu, pengajaran sedemikian tidak memberi tunjuk arah bagi tujuan meningkatkan pencapaian atau penambahbaikan.

Menurut Abdullah et.al.(2013), senario dalam pendidikan masa kini sedikit sebanyak menjelaskan bahawa implementasi standard kualiti penyampaian pengajaran guru yang belum lagi menampakkan pencapaian cemerlang murid dalam akademik. Hasil kajian Akademi Kepemimpinan Pengajian Tinggi (AKEPT, 2015) menunjukkan cuma terdapat 50% pengajaran berkesan yang dapat diskor oleh guru. Ini turut memberi gambaran bahawa terdapat kelemahan dalam pendekatan yang diamalkan oleh guru. Guru yang kurang usaha dan berinisiatif dalam membuat perubahan terhadap rutin amalan pengajaran dan pembelajaran juga dikatakan sebagai punca murid bersikap pasif, tidak bermaya, kurang perhatian serta akur terhadap penyampaian guru. Natijahnya, pelajar mudah berasa malas, kurang berminat, bosan, pasif untuk melibatkan diri dengan pengajaran guru dan hilang minat terhadap subjek yang diajar (Ernest, 2011). Hasil kajian Annierah et al., (2013) turut menyokong bahawa pengajaran guru yang kurang berkesan merupakan punca sikap pasif pelajar terhadap penglibatan proses pembelajaran yang membawa kepada kelemahan kemenjadian akademik. Pendapat ini disetujui oleh dapatan kajian Alnusra et.al. (2019) bahawa hakikatnya kaedah pengajaran adalah lebih berpusatkan guru dari mula hingga ke akhir di mana cara penyampaian guru kurang menekankan elemen yang boleh merangsang minda pemikiran murid.

Penglibatan murid dalam satu-satu pengajaran dan pembelajaran merupakan petunjuk penyampaian pengajaran yang berkualiti. Namun, Sufean (2014) mengatakan masih terdapat senario bilik darjah yang lebih berpusatkan guru dan pelajar kurang melibatkan diri dalam aktiviti pembelajaran. Menurut Halim, (2017), kajian luar negara turut bersetuju keberkesanan penyampaian guru mempunyai signifikan terhadap penglibatan pelajar dalam pembelajaran. Dapatan kajian ini disokong oleh pendapat Zenawi (2012) bahawa bagaimana guru melibatkan pelajar dan pengetahuan yang dapat diperolehi secara bermakna dalam pembelajaran merupakan asas kemenjadian akademik pelajar.

Selain itu, kajian Mupa et al., (2015) mengutarakan bahawa masih terdapat guru Matematik sekolah rendah yang tidak mempunyai pengetahuan yang kukuh terhadap mata pelajaran ini. Kajian Basturk (2016) juga mendapati guru mempunyai tahap kefahaman yang terhad terutamanya pengetahuan konseptual terhadap konsep pecahan. Kajian Olanoff et al. (2014) juga membincangkan tentang 43 artikel jurnal yang berfokus kepada pengetahuan guru sekolah rendah dalam topik pecahan yang mana mereka mendapati bahawa guru mempunyai pengetahuan prosedural yang sangat baik tetapi kurang dalam pengetahuan

konseptual. Guru hanya menguasai algoritma, iaitu bagaimana untuk mendapatkan jawapan, tetapi lemah dalam memahami mengapa rumus tersebut digunakan dalam menyelesaikan soalan pecahan. Guru juga gagal mengenalpasti miskonsepsi dalam pemikiran murid.

Kajian Kasim et al. (2017) pula menunjukkan walaupun guru memahami dasar-dasar pendidikan dalam melaksanakan pembelajaran yang berproduktif, namun mereka tidak dapat mengimplementasikan sepenuhnya dasar-dasar tersebut. Ini juga dapat dilihat daripada hasil kajian Abdullah et al. (2013) yang mendapati guru-guru setuju bahawa pendekatan Konstruktivisme sangat membantu proses pengajaran dan pembelajaran, namun mereka masih kurang memahami dan tidak mempunyai keyakinan untuk menggunakan pendekatan pengajaran dan pembelajaran Konstruktivisme dalam amalan harian mereka dan terus mengekalkan pendekatan tradisional.

Menyedari tentang masalah pembelajaran seperti yang di atas, pelbagai inisiatif seperti menggantikan Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah dengan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) telah diperkenalkan oleh sistem pendidikan negara Malaysia bagi mengubah amalan-amalan tradisional dalam pendidikan. Salah satu usaha yang dibuat adalah menyokong pendekatan konstruktivisme dalam pengajaran dan pembelajaran. Kajian-kajian berkaitan keberkesanan Konstruktivisme seterusnya dapat membantu guru dalam mengatasi isu-isu dan menghadapi cabaran pelaksanaan pengajaran yang berkesan.

Implikasi pengaplikasian teori Konstruktivisme dalam pengajaran dan pembelajaran

Guru memegang watak yang kuat dalam mempengaruhi kualiti pembelajaran murid. Penggunaan bahan bantu mengajar, motivasi dan interaksi dalam aktiviti berkumpulan yang dapat memberi rangsangan kepada murid untuk belajar membolehkan pembelajaran yang bermakna berlaku. Strategi pengajaran merupakan elemen yang amat penting dalam setiap pengajaran dan pembelajaran. Kaedah pengajaran yang efektif memerlukan strategi dan langkah-langkah yang tersusun serta objektif pembelajaran yang boleh dicapai. Selain itu, kaedah pengajaran juga perlu disesuaikan mengikut perbezaan individu murid yang mempunyai kecerdasan yang berbeza dalam pembelajaran.

Dapatan kajian Padmanabhan & Rao (2011) mengutarakan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara murid yang menggunakan kaedah tradisional dengan murid yang menggunakan kaedah Konstruktivisme. Borang soal selidik yang diedarkan untuk mengenalpasti keberkesanan kaedah Konstruktivisme menunjukkan pelajar menunjukkan kaedah ini dapat meningkatkan minat pembelajaran pelajar. Ini sejajar dengan dapatan kajian Rangkuti (2014) yang menyatakan bahawa Konstruktivisme menggalakkan murid berfikir, lebih yakin, lebih berkemahiran sosial serta lebih seronok dalam aktiviti yang dilakukan. Proses pengajaran dan pembelajaran pasti berlaku dengan berkesan dan bermakna sekiranya aktiviti yang dijalankan dapat menarik perhatian murid. Murid juga akan merasa berasa dirinya dihargai apabila diberi peluang untuk membina soalan-soalan yang kreatif.

Melalui pendekatan berasaskan Konstruktivisme, peranan guru dan pelajar akan mendapat keseimbangan dan guru tidak bercakap dari awal ke akhir. Dalam pendekatan Konstruktivisme, peranan guru juga bertukar menjadi sebagai pembimbing atau fasilitator dalam merancang strategi pengajaran-pembelajaran. Dengan itu, bebanan guru akan berkurang dan lebih berperanan sebagai pembimbing. Walau bagaimanapun, kajian Rangkuti (2014) menyarankan guru agar sentiasa membuat persediaan bagi membuka peluang kepada murid-murid untuk melakukan penerokaan dalam aktiviti pembelajaran. Kajian Yahaya (2010) pula mencadangkan guru perlu memastikan masa, sumber, ruang dan aktiviti yang dilaksanakan menyokong suasana pembelajaran yang kondusif. Dengan itu, mereka akan mampu melaksanakan pelbagai aktiviti pembelajaran dengan membekalkan kemahiran dan sumber yang optimum bagi membantu murid-murid mencapai pembelajaran yang bermakna.

Pengaplikasian pendekatan Konstruktivisme turut membuka peluang dan menyediakan alternatif kepada guru-guru untuk memilih dan menggunakan kaedah yang bersesuaian dalam pengajaran dan pembelajaran. Utami (2016) mengatakan bahawa guru mampu melibatkan pelajar secara aktif bagi mewujudkan pembelajaran yang berkesan melalui pendekatan Konstruktivisme. Selain itu, pendekatan Konstruktivisme turut memberi peluang kepada guru untuk menyesuaikan proses pengajaran yang efektif berdasarkan perbezaan individu murid. Pada dasarnya, murid akan mencapai objektif kurikulum dengan baik melalui pendekatan Konstruktivisme apabila pembelajaran yang seronok dan bermakna dapat dikecapi (Khadijah, 2011).

Guru seharusnya menganggap setiap murid memiliki kecerdasan kognitif yang tersendiri dan perlu diberi perhatian yang sewajarnya dalam proses pembelajaran. Menurut Ishar (2019) pendekatan Konstruktivisme menekankan agar guru menitikberatkan keperluan dan perbezaan pelajar yang berlainan. Di samping itu, pendekatan Konstruktivisme menyediakan peluang kepada murid-murid belajar melalui persekitaran dan pengalaman yang sedia ada untuk membina makna terhadap sesuatu yang dipelajari dalam kerangka minda masing-masing. Pendekatan Konstruktivisme yang sangat dinamik ini memberi peluang kepada murid-murid membuat interpretasi makna yang sesuai dalam konteks pengalaman dan pengetahuan pembelajaran dengan menggunakan imaginasi dan pemikiran mereka. Selain itu, pendekatan Konstruktivisme yang menekankan pembelajaran aktif membolehkan murid-murid menyatakan idea, menulis secara kritis di samping boleh meningkatkan pencapaian murid dalam hampir semua mata pelajaran.

Sorotan Kajian

Dalam artikel ini, penulis telah membuat sorotan terhadap pandangan pengkaji-pengkaji berkenaan dengan pengaplikasian kaedah Konstruktivisme dalam pengajaran dan pembelajaran. Dengan pandangan pengkaji-pengkaji ini, penulis yakin ianya dapat memberi maklumat yang berguna kepada para guru untuk melaksanakan kaedah Konstruktivisme dalam pengajaran dan seterusnya memanfaatkan murid-murid dalam pembelajaran Matematik.

Guru adalah satu-satunya individu yang rapat dengan pelajar dalam konteks pendidikan kerana guru bukan sahaja mengajar murid untuk belajar tetapi juga mendidik otak murid untuk memahami dan memproses pembelajaran (Amran et al.2019). Walau bagaimanapun, terdapat sebilangan besar guru tidak memahami sepenuhnya kognitif murid dan memberi perhatian lebih kepada sukatan pelajaran. Emosi negatif murid seperti ketakutan dan kebimbangan boleh memberi pengalaman negatif dan mengganggu tumpuan murid terhadap pembelajaran Matematik. Justeru itu, kaedah pengajaran guru merupakan perkara penting untuk menarik minat murid dalam pembelajaran yang bermakna dan menyeronokkan. Amran et. al.,(2019) juga setuju bahawa persekitaran pembelajaran yang menyeronokkan akan meningkatkan emosi murid untuk belajar dan mengubah persepsi negatif mereka terhadap gaya pengajaran guru sehingga merangsang ingatan prestasi mereka. Jumiran (2014) juga bersetuju bahawa pengetahuan dibina secara langsung, dimanipulasi, diuji dan diterokai oleh murid dalam sesuatu situasi pembelajaran yang aktif dan bermakna. Ini sejajar dengan prinsip pendekatan Konstruktivisme untuk mewujudkan pembelajaran yang seronok dan bermakna di kalangan murid-murid.

Dalam kajian Abdullah et al. (2013) ke atas lima orang guru Sains dan Matematik tentang pemahaman guru terhadap pelaksanaan pendekatan Konstruktivisme di sekolah. Dapatan kajian melalui temu bual menunjukkan pemahaman responden tentang pendekatan Konstruktivisme sekadar faham dan tahu, namun ianya merupakan sebahagian daripada takrifan bahawa Konstruktivisme merupakan satu pendekatan di mana murid tidak sekadar menerima secara pasif pengetahuan daripada guru dan rakannya tetapi akan membina pengetahuan ketika berinteraksi dengan persekitarannya. Menurut Padmanabhan & Rao (2011) pula, pendekatan konstruktivisme adalah didasarkan pada kepercayaan bahawa pembelajaran berlaku apabila murid terlibat dengan aktif dalam proses membina pengetahuan bermakna berbanding dengan penerimaan maklumat secara pasif.

Menurut Santoso (2013), pendekatan Konstruktivisme mementingkan interaksi dan penglibatan aktif murid-murid dan amat sesuai digunakan dalam pembelajaran Matematik di sekolah rendah. Adalah wajar guru mengambil kira faktor struktur kognitif murid-murid dalam membantu mereka membina konsep atau pengetahuan baharu. Sesuatu ilmu pengetahuan baharu hanya dapat dibina murid-murid apabila idea baharu berkenaan disesuaikan dan diterima untuk dijadikan sebahagian daripada pegangan mereka. Kajian Zakaria (2016) juga menyokong dapatan kajian bahawa apabila pengetahuan baharu dengan pengetahuan yang sedia ada dihubungkan, seseorang murid akan dapat membina konsep dalam struktur kognitifnya .

Kajian Utami (2016) menjelaskan kaedah Konstruktivisme adalah lebih berkesan dan efektif digunapakai berbanding pendekatan konvensional. Menurut Sitompul (2020), pembelajaran konvensional adalah pembelajaran berpusatkan guru di mana guru menggunakan kaedah kuliah dan mengutamakan hasil daripada proses. Murid-murid sebagai penerima pasif terhadap maklumat hanya mendengar dan mengambil nota dengan mengutamakan penghafalan lebih daripada memahami apa yang dipelajari. Hasil kajian ini juga dapat dijadikan sebahagian daripada sumber maklumat, khasnya dalam subjek

Matematik yang menggunakan Bahasa Inggeris bagi membantu pencapaian hasil pengajaran dan pembelajaran ke tahap yang optimum.

Sikap murid menentukan keberkesanan pendekatan yang digunakan guru dalam pengajaran Matematik. Mengikut kajian Bakar et al. (2012), pemerolehan ilmu tidak mempunyai nilai tanpa penglibatan murid dalam pembelajaran Matematik bagi menghasilkan kesan positif dari segi sikap. Untuk itu, kajian Kasim et al., (2017) juga menyarankan guru agar memberi fokus kepada aspek psikologi bagi membentuk sikap murid yang positif di samping meningkatkan motivasi mereka terhadap subjek Matematik. Kajian ini juga menunjukkan bahawa murid-murid mempunyai perubahan sikap yang lebih positif apabila pengajaran disesuaikan dengan pendekatan pembelajaran. Bakar et al. (2012) telah menjalankan kajian ke atas 75 orang pelajar Fakulti Pendidikan untuk mengetahui kesan pendekatan Konstruktivisme serta persepsi dan sikap pelajar terhadap pencapaian subjek Matematik. Hasil kajian menjelaskan bahawa persepsi pelajar terhadap pendekatan Konstruktivisme adalah tinggi dan sikap yang ditonjolkan oleh mereka terhadap pendekatan dalam pembelajaran Matematik adalah positif.

Matematik merupakan mata pelajaran yang banyak melibatkan pemahaman konsep. Untuk itu, memang perlu penggunaan pendekatan Matematik mempunyai kelainan dengan mata pelajaran lain. Menurut Bakar et al. (2012), Konstruktivisme melibatkan cara perubahan konseptual berlaku dan mengkaji bagaimana murid membina ilmu pengetahuan dalam pembelajaran. Pengaplikasian kaedah dan pendekatan yang sesuai juga akan memudahkan kemahiran tertentu dikembangkan dan Matematik akan lebih mudah dikuasai. Kebanyakan murid berasa suka dan seronok apabila dapat membuat aktiviti dalam sesi pembelajaran. Mengikut Abdullah et.al. (2013), murid perlu dilibatkan secara aktif dan diberi peluang untuk melakukan penerokaan terhadap sesuatu teori, konsep, prinsip, atau maklumat bagi menyelesaikan sesuatu masalah.

Pendekatan pembelajaran yang berpusatkan murid membolehkan murid menyatakan idea di samping merangsang minda dan membantu mereka menguasai pengetahuan. Menurut kajian Alnusra et.al., (2019), faktor kegagalan guru menggunakan pendekatan yang sesuai dalam mengakibatkan murid hilang minat dalam pembelajaran berkenaan. Kajian ini menyatakan bahawa pendekatan pengajaran yang dapat menarik perhatian dan mencabar pemikiran murid akan mengembangkan minda kritis dan kreatif murid dan menjadikan pengajaran dan pembelajaran lebih bersifat kreatif dan inovatif.

Konstruktivisme merupakan satu teori pembelajaran yang agak popular selama beberapa dekad ini. Konstruktivisme juga mempunyai kedudukan yang tinggi dalam strategi pembelajaran kerana kepelbagaian kaedahnya seperti pembelajaran Koperatif dalam bidang pendidikan. Pembelajaran Koperatif merupakan model pembelajaran di mana 4 hingga 6 orang murid yang mempunyai latar belakang kemampuan yang berbeza diletakkan dalam satu kumpulan untuk sama-sama menyelesaikan satu tugas yang diberi (Rosita et al., 2015). Kajian Ngasiman (2014) terhadap 58 orang pelajar Diploma Kejuruteraan Elektik di UTHM menunjukkan kaedah pembelajaran Koperatif membolehkan pelajar bersosial antara ahli kumpulan dalam menyempurnakan tugas

yang diberikan kepada mereka dan dengan itu lebih mampu meningkatkan pencapaian skor pelajar dalam Matematik berbanding dengan kaedah tradisional.

Pendekatan Konstruktivisme mempunyai implikasi yang kuat terhadap pembelajaran Koperatif di mana setiap individu dalam kumpulan berpeluang untuk memainkan peranan masing-masing dalam kumpulan kecil. Menurut Zulhartati (2011), setiap murid dalam Koperatif diberi tanggungjawab untuk menjalankan tugas yang diamanahkan bagi mencapai tujuan yang sama. Sebagaimana pendekatan Konstruktivisme, peranan guru adalah sebagai fasilitator yang memberi bimbingan, menjelaskan keraguan dan memberi motivasi kepada murid dalam pembelajaran Koperatif. Zulhartati (2011) mengutarakan bahawa pendekatan Konstruktivisme juga menuntut agar guru perlu berfikiran luas, sabar dan peka terhadap idea murid yang berbeza dalam pembelajaran Koperatif di mana setiap murid perlu berusaha mencari penyelesaian terhadap sesuatu masalah dan guru sebagai pembimbing pula sentiasa bersedia untuk menjawab soalan yang diajukan oleh murid. Selain itu, pembelajaran Koperatif dalam Matematik juga dapat membantu meningkatkan sikap positif murid-murid terhadap Matematik kerana kaedah ini menyediakan peluang kepada murid-murid untuk menyelesaikan suatu masalah secara bersama-sama dan lebih menekankan interaksi antara satu dengan yang lain. Dengan mengaplikasikan Konstruktivisme dalam pembelajaran Koperatif, guru mempunyai kebebasan untuk mengembangkan kelas mereka berdasarkan situasi perkembangan pemikiran murid (Ngasiman, 2014).

Pada keseluruhannya, didapati guru yang sering mengaplikasikan kaedah pengajaran Konstruktivisme dalam pengajaran berpendapat pendekatan ini membantu pencapaian objektif pengajaran. Ini sejajar dengan dapatan kajian Bhowmik (2015) yang mengatakan bahawa Konstruktivisme dalam pengajaran menjadikan konsep lebih mudah difahami oleh murid. Konstruktivisme adalah teori pembelajaran yang menerangkan proses pembinaan pengetahuan dan pembinaan pengetahuan adalah proses aktif, bukan pasif. Walau bagaimanapun, kajian Abdullah et al. (2013) mengatakan terdapat perbezaan yang agak ketara di kalangan guru Sains dan Matematik yang berasa kurang selesa menjalankan pendekatan Konstruktivisme. Kajian turut mendapati guru Sains bersikap lebih positif jika dibandingkan dengan guru Matematik dalam penggunaan pendekatan Konstruktivisme. Kajian Kasim et al. (2017) menunjukkan bahawa murid mempunyai sikap positif terhadap penggunaan pendekatan Konstruktivisme dalam Matematik. Dengan pendekatan Konstruktivisme, ilmu pengetahuan bermakna dibina di dalam struktur kognitif murid-murid melalui interaksi pengalaman mereka dengan persekitarannya. Seseorang itu lebih bersedia untuk belajar bagi mencapai kejayaan apabila dia berminat terhadap sesuatu pembelajaran. Ini disokong oleh pandangan Bakar et al., (2012) yang menjelaskan bahawa murid-murid membina ilmu pengetahuan melalui proses psikologi yang aktif. Dapatan kajian-kajian ini akan menjadi maklumat rujukan untuk guru bagi tujuan merancang aktiviti pengajaran yang lebih berkesan dan bermakna.

Cabaran guru menerapkan teori Konstruktivisme dalam pengajaran

Guru merupakan orang penting dalam menentukan kemenjadian murid dalam akademik. Pengetahuan, perkembangan profesionalisme, resos dan kemudahan turut menyumbang impak yang besar ke atas kualiti pengajaran guru (Anuar dan Nelson, 2015). Sehubungan itu, KPM menyarankan guru-guru mengambil inisiatif dalam peningkatan sendiri dari segi pengetahuan, kemahiran serta amalan pengajaran agar dapat memenuhi keperluan abad ke-21 seperti yang dinyatakan dalam PPPM 2013 - 2025 (KPM, 2013). Memandangkan guru memainkan peranan utama dan memikul tanggungjawab dalam merealisasikan visi dan misi PPPM 2013 - 2025, maka adalah perlu pengetahuan disampaikan kepada murid-murid melalui aktiviti-aktiviti secara bersepadu. Selain daripada itu, guru juga perlu cekap dan menguasai pelbagai pendekatan pengajaran agar mampu mencungkil potensi murid yang terdiri daripada individu yang mempunyai perbezaan keperluan.

Menurut Ma'rufi, Ilyas & Salwah (2018), kesediaan guru untuk memiliki empat kompetensi, iaitu pedagogi, profesional, keperibadian dan sosial merupakan faktor kejayaan dalam pendidikan abad ke-21. Kajian Aini et al. (2011) meyokong bahawa pengajaran Matematik yang bermakna memerlukan guru memiliki pengetahuan yang cukup dalam dalam bidang yang diajar. Naquiah et al. (2018) pula mengutarakan bahawa pengetahuan kandungan guru dalam pengajarannya perlu mendahului kehendak pendidikan yang semakin mencabar. Pendapat-pendapat ini sejajar dengan kajian Nurul et al. (2015) yang mengatakan guru perlu bersikap proaktif dan sentiasa menyediakan diri dengan menguasai isi kandungan mata pelajaran yang diajar serta memanfaatkan berbagai-bagai teknik dan pendekatan dalam pengajaran dan pembelajaran. Tay et al. (2015) juga bersetuju bahawa pengetahuan isi kandungan dan pedagogi seseorang guru adalah penting untuk memastikan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran dan perlu diperkukuhkan dalam menghadapi dunia pendidikan yang sentiasa berubah.

Dapatan Kasim (2017) tentang pengalaman guru Pendidikan Islam terhadap penggunaan pendekatan Konstruktivisme dalam pengajaran menunjukkan bahawa guru-guru sekolah menengah mempunyai kefahaman yang jelas tentang kurikulum sekolah-sekolah menengah, tetapi kurang memahami bagaimana untuk mengadaptasikan pendekatan pengajaran sepertimana yang dikehendaki oleh kurikulum. Kajian Abdullah et al. (2013) pula menyatakan bahawa tidak semua guru menerima dan mengaplikasikan pendekatan Konstruktivisme kerana menurut mereka guru menghadapi masalah-masalah dan kekangan semasa melaksanakannya. Pandangan ini disokong oleh kajian Yahaya et al., (2020) yang mengatakan bahawa isi kandungan padat, kekangan masa, bebanan kerja guru yang banyak, peralihan tampuk kepimpinan dan amalan pengajaran guru cara tradisional adalah antara cabaran guru dalam melaksanakan pengajaran Konstruktivisme. Dapatan kajian Crispina dan Chin (2014) menjelaskan kebanyakan guru terpaksa menggunakan masa yang lebih untuk merancang aktiviti dan menyediakan bahan bantu mengajar setelah mengajar 6 hingga 8 waktu sehari. Hasil dapatan ini mendapat sokongan daripada kajian Abdullah et. al. (2013) yang menjelaskan bahawa faktor kekangan masa merupakan cabaran yang paling besar dihadapi oleh guru-guru berbanding faktor lain. Oleh yang demikian,

penambahbaikan dan pemantauan pelaksanaan perlu diberi penekanan bagi memastikan pendekatan Konstruktivisme dilaksanakan dengan berjaya.

Dapatan kajian Hamid (2014) menjelaskan bahawa gaya pimpinan Guru Besar mempengaruhi kakitangan bawahannya untuk bertingkah laku positif. Ini bermakna adalah amat perlu Guru Besar memberi sokongan kepada budaya peningkatan ilmu seperti pengaplikasian pendekatan Konstruktivisme dalam pengajaran sebagai satu elemen kepimpinan sekolah. Dapatan kajian oleh Yahaya (2020) pula menunjukkan peranan pentadbir sekolah menitikberatkan aspek peningkatan profesionalisme di kalangan guru memberi kesan yang amat kuat terhadap pencapaian akademik sekolah. Oleh yang demikian, pentadbir sekolah memainkan watak yang amat penting dalam usaha meningkatkan kualiti penyampaian pengajaran guru agar sejajar dengan transformasi pendidikan negara.

Guru menghadapi cabaran yang amat besar untuk mengaktifkan suasana pembelajaran (Ambotang et. Al., 2011). Kajian menegaskan bahawa murid hilang minat terhadap subjek tertentu menjadi penghalang kepada usaha menjalankan pengajaran berpusatkan murid. Oleh itu, faktor psikologi murid perlu diambil kira bagi memastikan berlakunya pembelajaran yang berkesan.

Keperluan guru menerapkan teori Konstruktivisme dalam pengajaran

Kualiti pembelajaran dan kemenjadian murid dalam akademik mempunyai hubung kait dengan kaedah pengajaran guru dalam bilik darjah. Sejalan dengan ini, profesion keguruan menuntut agar setiap guru perlu berkompeteren dan berkualiti dalam membina modal insan negara (Madhavan et. A., 2020). Melalui Program SISC+ (School Improvement Specialist Coaches), pegawai SISC+ yang mana sebahagian besarnya terdiri daripada Guru Cemerlang yang telah menjalani latihan intensif akan melaksanakan tugas membimbing guru yang dipilih oleh Guru Besar sekolah berkenaan dalam aspek pedagogi seperti pendekatan Konstruktivisme bagi membentuk kualiti pengajaran guru yang lebih berkesan. Selain itu, pegawai SISC+ juga akan membimbing dan membantu guru dalam mewujudkan persekitaran pembelajaran yang kondusif di samping memperkembangkan potensi guru dalam aspek amalan pengajaran.

Menurut Mahmud (2011), pelaksanaan pendekatan Konstruktivisme dalam pengajaran berkesan dipengaruhi oleh faktor-faktor seperti kesediaan guru, kesediaan murid, sokongan dan inisiatif daripada pihak pentadbir. Masalah yang merencatkan pelaksanaan pendekatan Konstruktivisme di sekolah perlu diatasi bagi meningkatkan keberkesanan dalam pendekatan Konstruktivisme. Ini selari dengan pendapat Fakri (2013) bahawa penggunaan pendekatan Konstruktivisme perlu diperkukuh dan dipertingkatkan melalui sesi perkongsian berkaitan dengan pengaplikasian pendekatan Konstruktivisme di kalangan guru-guru. Kajian Abdullah et. al., (2013) juga mencadangkan agar guru pakar dan Guru Cemerlang menjadi pakar rujuk kepada aktiviti-aktiviti yang dapat merangsang penguasaan dan penggunaan pendekatan Konstruktivisme di kalangan guru-guru. Ini amatlah penting

agar guru-guru tidak berasa keseorangan dalam menghadapi cabaran pelaksanaan pendekatan Konstruktivisme terutamanya di peringkat awal.

Pedagogi guru yang meliputi prinsip, teknik dan proses pengajaran merupakan asas bagi kualiti pembelajaran berkesan. Proses pengajaran dan pembelajaran yang sistematik dan menarik mampu mewujudkan suasana pembelajaran aktif serta memberi motivasi kepada murid-murid untuk terus meminati sesuatu mata pelajaran. Pembelajaran Koperatif yang berlandaskan prinsip pendekatan Konstruktivisme sebagai satu kaedah pembelajaran berkumpulan turut diberi penekanan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia untuk memantapkan lagi kemahiran abad ke-21 di kalangan murid-murid. Kajian Seven et.al., (2017) menjelaskan pembelajaran secara koperatif sebagai aktiviti yang perlu ditekankan dalam pendekatan Konstruktivisme. Aktiviti pembelajaran Koperatif menggunakan pendekatan Konstruktivisme dapat mewujudkan interaksi sosial antara guru dengan murid. Pandangan ini disokong oleh Belland (2017) yang menyatakan bahawa dengan menjalankan kerja kumpulan, setiap murid bertanggungjawab ke atas pembelajaran sendiri. Bimbingan diberi oleh rakan sebaya dan guru dalam Scaffolding dan guru perlu menggalakkan murid bertanya dan berdialog bagi membantu mereka menguasai sesuatu pembelajaran.

Menurut Bhowmik (2015), aktiviti pembelajaran yang berpusatkan murid lebih banyak menyediakan peluang kepada murid untuk membina pengetahuan baru apabila murid-murid mengalami dengan sendiri dan memahaminya. Pandangan ini selari dengan hasil dapatan Fakri (2013) bahawa Konstruktivisme adalah satu pendekatan yang mampu melibatkan pelajar dengan lebih aktif dan berfikiran reflektif dalam proses pembelajaran.

Kesimpulannya, bagi membentuk identiti murid yang berdaya saing, adalah wajar guru mengaplikasikan corak pembelajaran Konstruktivisme dalam pengajarannya. Pendekatan ini mampu mencapai anjakan paradigma bagi murid-murid untuk berfikir di luar kotak di samping membantu merangsang kecerdasan pelbagai murid-murid dengan cara yang efektif.

Penutup

Dua faktor utama, iaitu kualiti kepimpinan sekolah dan kualiti guru ditegaskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 bagi menentukan keberhasilan dan kemenjadian murid-murid. Dengan itu, guru perlu memastikan kecemerlangan prestasi murid dan lebih peka terhadap cabaran menyediakan murid ke arah pembelajaran abad ke 21 (Halim, 2017).

Pengaplikasian kaedah pembelajaran dan penyesuaian kepada persekitaran yang berbeza dapat merangsang murid untuk melibatkan diri dan mengasah potensi murid yang inovatif serta kreatif. Menurut Yahaya et.al.(2010), pembelajaran Matematik yang menekankan hafalan dan ingatan merupakan satu kaedah yang kurang berstruktur. Kaedah itu kurang mampu menghubungkan murid antara dunia abstrak Matematik dan dunia nyata mereka. Untuk itu, guru-guru perlu akur tentang kepentingan mempelbagaikan kaedah

dalam proses pengajaran dan pembelajaran bagi mencapai kemenjadian murid serta memenuhi hasrat pendidikan negara (Eow, 2019).

Pelaksanaan pendekatan Konstruktivisme adalah berpusatkan murid dan murid-murid perlu membuat penerokaan terhadap apa yang hendak dipelajari. Untuk itu, pihak sekolah mempunyai peranan dan tanggungjawab untuk menyediakan kemudahan yang secukupnya kepada murid bagi membolehkan mereka mendapatkan ilmu pengetahuan (Zakaria, 2016). Pusat sumber sekolah sebagai tempat untuk mengakses pelbagai maklumat juga perlulah memudahkan murid-murid memperoleh ilmu tanpa sempadan di zaman moden sekarang ini. Selain itu, guru-guru juga seharusnya menyediakan diri mereka dengan ilmu pengetahuan dari masa ke semasa agar dapat menjadi pembimbing yang mampu membantu murid meneroka ilmu sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran.

Usaha mentransformasikan kurikulum dalam pendidikan mempunyai hubungkait dengan semua elemen berkaitan pengetahuan pedagogi, amalan pengajaran, kemahiran dan kepimpinan guru dalam instruksional pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Bhowmik (2015) turut bersetuju bahawa kesediaan, pengetahuan dan kemahiran guru menentukan kualiti penyampaian guru.

Sebagai kesimpulannya, artikel ini akan dapat menunjukkan bahawa amat pentingnya pengaplikasian pendekatan Konstruktivisme dalam pengajaran dan pembelajaran, khasnya subjek Matematik bagi meningkatkan minat dan sikap murid-murid terhadap pembelajaran. Selain itu, penulis yakin artikel ini juga akan memberikan input yang bermakna bagi guru dan penyelidik untuk meningkatkan pengajaran pembelajaran dan meningkatkan prestasi murid pada masa akan datang.

Rujukan

Abdullah, N., Hashim, A. T., Mansor, R., Noh, N. M., & Reduzan, N. H. (2013, June). Konstruktivisme: Dari Kaca Mata Guru Sains Dan Matematik. In *International Conference On Social Science Research, ICSSR 2013* (pp. 4-5).

Amran, M. S., Rahman, S., Surat, S., & Bakar, A. Y. A. Connecting Neuroscience and Education: Insight from Neuroscience Findings for Better Instructional Learning. *Journal for the Education of Gifted Young Scientists*, 7(2), 341-352.

Ambotang, A. S., Abdullah, M. Y., Mohamad, B., & Zain, S. (2011). Pengaruh Pengetahuan Pedagogi dan Kandungan Terhadap. *Journal MEDC Volume 10*, 1-12.

Aini Hayati, P., Noor Shah, S., Mohd Uzi, D. & Zulkifley, M. 2011. Pengetahuan dalam kalangan guru matematik sekolah rendah berdasarkan standard pengajaran matematik. *Jurnal Pendidikan Sains & Matematik Malaysia* 2(3): 43-62.

Annierah Maulana Usop, Kamarulzaman Askandar, Maeda Langguyuan dan Datu Amir Sajid Onotan Usop. 2013. Work Performance and Job Satisfaction Among Teachers. *International Journal of Humanities and Social Science*. Vol. 3(5). UKM.

Anuar Ahmad dan Nelson Jingga. 2015. Pengaruh Kompetensi Kemahiran Guru dalam Pengajaran Terhadap Pencapaian Akademik Pelajar dalam Mata Pelajaran Sejarah. *Jurnal Kurikulum dan Pendidikan Asia Pasifik*. Jilid 3(2).

Alnusra, D. S., & Suaema, A. (2019). Penerapan Metode Pembelajaran Konstruktivisme Untuk Meningkatkan Hasil Belajar Geografi Pada Materi Bentuk-bentuk Permukaan Bumi Untuk Siswa Kelas VII SMP Gotong Royong Tobela. *Edukasi*, 17(2).

Bakar, Z. A., Kamaruddin, D. T. H. M. I. (2012), Pengaruh Sikap, Minat, Pengajaran Guru, Dan Rakan Sebaya Terhadap Pencapaian Matematik Pelajar. *Sejarah*, 96, 94-9

Basturk, S. (2016). Primary student teachers' perspectives of the teaching of fractions. *Acta Didactica Napocensia*, 9(1), 35-44.

Belland, B. R. (2017). *Instructional scaffolding in STEM education*. Cham: Springer International.

Bhowmik, M. (2015). Constructivism approach in mathematics teaching and assessment of mathematical understanding. *Basic Research Journal of Education Research and Review*, 4(1), 08-12.

Crispina Gregory K. Han dan Chin Kin Eng. 2014. Perbandingan Prestasi Pengajaran dan Pembelajaran dalam kalangan Guru-Guru Sains Sekolah Menengah Bandar dan Luar Bandar di Sabah, Malaysia. *Jurnal Kajian Pendidikan*. Jilid 4(2). UPI Bandung Indonesia.

Eow (2019). Pengajaran dan Pembelajaran Matematik di Malaysia: "Less is More" atau "More is More"? [Online] : <https://www.researchgate.net/Publication/336274489>

Ernest Ampadu. 2011. Does Peer Influence Affect Students Participation in Mathematics? *International Online Journal of Education Science*. Vol. 3(2):424-434.

Fakri, K. M. (2013). Pembelajaran Berkonsepkan Teori Konstruktivisme Lima Fasa Needham Dalam Persekitaran Web 2.0 Dan Kesannya Dalam Mata Pelajaran Sejarah (Doctoral dissertation, Universiti Teknologi Malaysia).

Halim, R. A. (2017). Kepemimpinan Distributif, Faktor Kontekstual dan Efikasi Kendiri Guru di Malaysia. *JuPiDi: Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 2(4), 47-61.

Halimatun Hamdan, "Ke arah Memartabatkan Sains dan Teknologi Negara" (Kongres Kebangsaan STEM, November 2017), Retrieved from http://www.stem-malaysia.com/uploads/1/0/5/7/105798971/stem_statistics_datuk_halimahton.pdf.

Hamid, S. B. A. (2014), Amalan Syura Dalam Kepimpinan Guru Besar Dan Hubungannya Terhadap Komitmen Kerja Guru.

- Hurford, A. (2010). Complexity theories and theories of learning: Literature reviews and syntheses. In B. Sriraman & L.D. English (Eds.), *Theories of Mathematics Education: Seeking new frontiers* (pp. 567-589). Springer Berlin Heidelberg.
- Ishar, M. I. M., & Jabor, M. K. (2019). Penerapan Sifat Kepimpinan Guru Ke Arah Mencapai Wawasan Pendidikan Negara. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 4(5), 1-6.
- Jumiran, M. N. (2014). Kesan teknik “HunTTO SQUARE” terhadap pencapaian pelajar bagi mata pelajaran matematik di sekolah rendah (Doctoral dissertation, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia).
- Kasim, T. S. A. T., Abdurajak, F. S., Yusoff, Y. M., & Baharuddin, M. (2017). Pendekatan Konstruktivisme di Malaysia dan Brunei Darussalam: Satu Tinjauan Awal Terhadap Pengalaman Guru Pendidikan Islam. *Journal of Islamic Educational Research*, 2(1), 23-35.
- Khadijah Rohani Mohd Yunus, Mahani Razali & Ramlah Jantan. 2011. HBEF2103 Psikologi Pendidikan : Perkembangan Kanak-kanak Hingga Remaja. Selangor Darul Ehsan : Open University Malaysia.
- Kementerian Pelajaran Malaysia (2013) “Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025” , Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan , Putrajaya.
- AKEPT, (2015) Transformasi universiti perlu kepemimpinan berwawasan Available at <https://www.bharian.com.my/taxonomy/term/61/2015/08/76233/transformasi-universiti-perlu-kepemimpinan-berwawasan>
- Ma’rufi, Ilyas & Salwah (2018). Junior high school mathematics teachers’ pedagogical content knowledge in teaching of polyhedra. *Journal of Physics Conference Series*, 1-6.
- Madhavan, S., Basri, R., Ayub, A. F. M., & Asimiran, S. (2020). Kualiti bimbingan pengajaran oleh “Pegawai Pembimbing Pakar Pembangunan Sekolah”(School Improvement Specialist Coaches-SICS+) sebagai faktor peramal terhadap kualiti guru di sekolah kebangsaan. *Muallim Journal of Social Sciences and Humanities*, 68-78.
- Mahmud, H. (2011). Pengaplikasian pendekatan Konstruktivisme dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu (Doctoral dissertation, Universiti Pendidikan Sultan Idris)
- Mohamad, N. S. (2019). Penambahbaikan Prestasi Melalui Pemahaman Sistem Pengajaran Dan Pembelajaran Ke Arah Inovasi Dan Amalan Terbaik. *Asean Journal of Teaching and Learning in Higher Education (AJTLHE)*, 11(1), 73-109.
- Mupa, P. & Chinooneka, T.I. (2015). Factors contributing to ineffective teaching and learning in primary schools: Why are schools in decadence. *Journal of Education and Practice*, 19(6), 125-132.

Mullis, I.V.S., Martin, M.O., & Foy, P. (2016). TIMSS 2015 International Results in Mathematics. Chestnut Hill, MA: TIMSS & PIRLS International Study Center, Boston College.

Naquiah Nahar, & Jimaain Safar. (2018). Penguasaan pengetahuan kandungan (content knowledge): pemangkin keterampilan pedagogi Jawi berkesan abad ke-21. *Jurnal Teknikal & Sains Sosial*, 8(1), 45-59.

Ngasiman, N. (2014). Kesan kaedah pembelajaran koperatif terhadap pencapaian pelajar dalam mata pelajaran matematik (Doctoral dissertation, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia).

Nurul Nashrah Salehudin, Noor Hasimah Hassan dan Nur Aida Abdul Hamid. (2015). Matematik dan kemahiran abad ke-21: Perspektif pelajar. *Mathematic Education Journal*, 3(1), 24-36.

Olanoff, D., Lo, J. J., & Tobias, J. M. (2014). Mathematical content knowledge for teaching elementary mathematics: A focus on fractions. *The Mathematics Enthusiast*, 11(2), 267-310.

Padmanabhan, J., & Rao, M. P. (2011). Constructivist approach and problem solving ability in science. *Journal of Community Guidance and Research*, 28(1), 56-70.

Pelaporan Pentaksiran Sekolah Rendah, Lembaga Peperiksaan KPM 2019 [Online] <https://www.moe.gov.my/muat-turun/laporan-dan-statistik/lp/3056-pelaporan-pentaksiran-sekolah-rendah-2019/file>

Rangkuti, A. N. (2014). *Konstruktivisme dan Pembelajaran Matematika*. Darul Ilmi, 2(2).

Rueda, R. (2011). *The 3 dimensions of improving student performance: Finding the right solutions to the right problems*. NY: Teachers College Press.

Rosita, I., & Leonard, L. (2015). Meningkatkan kerja sama siswa melalui pembelajaran kooperatif tipe Think Pair Share. *Formatif: Jurnal Ilmiah Pendidikan MIPA*, 3(1).

Rosnarizah Abdul Halim dan Hussein Hj Ahmad. 2015. Kepemimpinan Distributif, Faktor Kontekstual dan Efikasi Kendiri Guru di Malaysia. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*. Jilid 2(4). UM.

Santoso Yohanes, R. (2013). Teori Vygotsky dan implikasinya terhadap pembelajaran Matematika. *Widya Warta*, 34(02).

Seven, S., Tiriyaki, S., & Ceylan, H. (2017). The Effect of the 5E Learning Cycle Model and Cooperative Learning Method in the Constructivist Approach on Academic Success

and Students' Attitude towards Subject of "Sound". *Journal of Education, Society and Behavioural Science*, 1-11.

Sitompul, N. F. (2020). Perbedaan kemampuan pemecahan masalah matematis dan komunikasimatematis siswa pada Pembelajaran Berbasis Masalah (PBM) dan pembelajaran biasa (Konvensional) dalam pembelajaran matematika kelas XI MA Pondok Pesantren Modren Darul Hikmah TPI Medan TA 2018-2019 (Doctoral dissertation, Universitas Islam Negeri Sumatera Utara).

Sufean Hussin. 2014. Cabaran Menyeluruh dalam Pelaksanaan Transformasi Pendidikan untuk Masa Depan Malaysia. Seminar Transformasi Pendidikan Nasional. Fakulti Pendidikan, Kertas Ucap Utama.

Talib, R., Kamsah, M. Z., Naim, H. A., & Daud, K. (2014). Pedagogi dan pentaksiran: kongruen?.

Tay Meng Guat, Kirar ak Sare & Litat Bilung. (2015). Kesiediaan pelajar institut pendidikan guru dalam pelaksanaan kurikulum standard sekolah rendah. *Jurnal Penyelidikan IPG KBL*, 12, 1-18.

Umam, K., Cahyono, R., & Ridha, A. A. (2019). Effectiveness of Training on Constructivism Learning Methods to Improve Teaching Skills Self Help Material for Early Childhood Education Teachers.

Utami, I. G. L. P. (2016). Teori Konstruktivisme Dan Teori Sosiokultural : Aplikasi Dalam Pengajaran Bahasa Inggris. *Prasi*, 11(01).

Yahaya, A., Elanggovan, A., & Savarimuthu, L. M. (2010). Kepentingan Kepahaman Konsep dalam Matematik. Malaysia: Universiti Teknologi Malaysia.

Yahaya, M., Hanafiah, R., Zakaria, N. S., Osman, R., & Bahrin, K. A. (2020). Amalan Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK21) Dalam Pengajaran Dan Pemudahcaraan (PdPc) Guru-guru Sekolah Rendah. *Jurnal IPDA*, 26(1), 13-24.

Zakaria, S. N. (2016). Kesan pendekatan konstruktivisme dan pendekatan tradisional dalam pengajaran dan pembelajaran komponen sastera bahasa Melayu (The Effectiveness of Constructivist Approach and Traditional Approach in Teaching and Learning on Malay Language Literature Component). *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 5(2), 12-21.

Zenawi Zerihun. 2012. Evaluating Teaching Quality in Higher Education: A Focus on Students' Learning Experiences. Center for Educational Training, Assessment dan Research (CETAR).

Zulhartati, S. (2011). Pembelajaran kooperatif model STAD pada mata pelajaran IPS. *Guru Membangun*, 26(2), 218170.

Pembelajaran Menggunakan Kaedah Koperatif “*Stay and Stray*” Dalam Penulisan Bahasa

Ng, C. W. & Amran, M. S.

*Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia
ngcianwen@gmail.com, syawal@ukm.edu.my*

ABSTRAK

Pengenalan – Penulisan adalah satu cara yang penting untuk manusia berkomunikasi, manakala mengarang adalah kemahiran untuk seseorang individu mengutarakan idea dan perasaan ke dalam bentuk tulisan secara rasional. Dengan itu, kemahiran mengarang merupakan salah satu bahagian yang perlu dikuasai oleh pelajar dalam pembelajaran bahasa. Namun, kemahiran mengarang adalah kemahiran yang paling sukar dikuasai sekiranya berbanding dengan kemahiran lain seperti mendengar, bertutur dan membaca.

Objektif – kertas konsep ini bertujuan untuk menerangkan penggunaan kaedah koperatif *Stay and Stray* dalam pembelajaran penulisan bahasa.

Dapatan – Kaedah *Stay and Stray* merupakan kaedah pembelajaran dalam kumpulan-kumpulan kecil dan melibatkan bekerjasama antara anggota dalam usaha menyelesaikan tugas yang diberikan untuk menguasai bahan pembelajaran. Kertas konsep ini menerangkan konsep dan cara pelaksanaan kaedah koperatif *Stay and Stray* dalam pembelajaran penulisan secara terperinci. Kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan kaedah ini turut dibincangkan dan perkaitan kaedah ini dengan prinsip-prinsip Teori Konstruktivisme Sosial Vygotsky juga dijelaskan. Selain itu, kertas konsep ini juga meneliti kelebihan dan kelemahan kaedah *Stay and Stray* dalam pembelajaran penulisan dari pelbagai aspek.

Kepentingan – Kertas konsep ini dijangka dapat menggalakkan lebih banyak guru terutamanya guru yang menghadapi masalah pengajaran penulisan untuk menambahbaikan amalan pengajaran supaya berjaya memberikan pengajaran dan pembelajaran penulisan yang berkesan positif dan berkualiti. Di samping itu memberi input kepada Pejabat Pendidikan Daerah, Jabatan Pendidikan Negeri serta Bahagian Pembangunan Kurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia dalam usaha merancang rancangan-rancangan, dasar-dasar dan kurikulum pendidikan dalam bidang pembelajaran penulisan bahasa.

Kata Kunci: *pembelajaran koperatif, penulisan, Stay and Stray, Teori Konstruktivisme Sosial Vygotsky*

Pengenalan

Dimana adanya manusia, disitulah wujudnya bahasa, kerana bahasa adalah hasil ciptaan manusia (Ng Poi Cik, 2003), hujahan ini secara tidak langsung telah menjelaskan bahawa pembelajaran bahasa adalah penting bagi semua manusia ini kerana bahasa adalah instrumen utama untuk manusia berkomunikasi pemikiran dan idea, menjalinkan hubungan persahabatan, mewujudkan ikatan kebudayaan serta dalam hubungan ekonomi, di samping itu, bahasa juga merupakan alat membentuk identiti sesebuah bangsa serta sebagai budaya sesuatu bangsa. (Hoh Sook Kuan, 2011). Oleh itu, pendidikan bahasa amat diambil berat oleh mana-mana sistem pendidikan dan perlu dipelajari dengan baik. Dalam pembelajaran bahasa, terdapat empat kemahiran yang perlu dikuasai iaitu kemahiran bertutur, mendengar, membaca dan mengarang.

Rentetan daripada itu, jelaslah bahawa kemahiran mengarang merupakan salah satu kemahiran yang perlu dikuasai oleh pelajar dalam pembelajaran bahasa. Namun, kemahiran ini adalah kemahiran yang paling sukar dikuasai sekiranya berbanding dengan kemahiran lain (Liza Ta'atiah Insani Rahayu, 2016). Hal ini demikian kerana kemahiran mengarang merangkumi proses kognitif yang berbeza termasuk mengekstrak semula memori, menetapkan matlamat, perancangan, penyelesaian masalah dan penilaian (Flower & Hayes, 1981). Dalam pernyataan Nawis Ismail (2006) juga membuktikan bahawa kebanyakan calon hanya mencapai tahap sederhana dan lemah dalam peperiksaan penulisan.

Terdapat beberapa faktor yang menyebabkan pelajar sukar menguasai kemahiran ini antaranya termasuk kesukaran menjana idea, iaitu pelajar tidak mampu memikirkan isi atau idea yang perlu atau yang boleh ditulis, terdapat juga pelajar yang boleh mengenal pasti isi-isi utama, namun, sukar untuk mengembangkan isi utama tersebut, faktor ini dibukti dalam kajian Salina Binti Misri (2014) yang jelas membuktikan kelemahan idea adalah salah satu faktor dimana pelajar berulang-ulang isi yang hampir sama atau sama. Hal ini secara langsung menjadi penghalang utama untuk membolehkan pelajar menghasilkan penulisan yang lengkap dan baik.

Di samping itu, pengajaran guru yang bosan juga menjadi faktor kesukaran pelajar menguasai kemahiran mengarang. Kajian Nurul Aisyah Abdullah et al. (2016) jelas membuktikan bahawa responden bersetuju bahawa pengajaran dan pembelajaran guru tidak menarik. Kebanyakan guru mengekalkan keadah tradisional dalam pengajaran karangan iaitu pelajar diminta membaca beberapa bacaan yang berkaitan dengan tajuk, dan guru memberikan isi-isi yang sesuai dan memberi peluang untuk pelajar bertanya tentang apa-apa yang tidak jelas, seterusnya guru membuat ulasan terhadap perbincangan dan akhirnya guru meminta pelajar menulis karangan yang telah dibincang tadi (Sri Nurhayati, M. Ridlwan, & Dwijani Ratna Dewi, 2018). Gaya pengajaran guru sebegini secara langsung menjatuhkan motivasi belajar pelajar.

Lantaran itu, faktor motivasi juga merupakan faktor mempengaruhi pembelajaran mengarang, merujuk kepada pernyataan Handara Tri Elitasari (2016) apabila pelajar mempunyai motivasi untuk belajar, maka proses pembelajaran akan berjalan dengan berkesan serta mencapai pencapaian yang tinggi kerana motivasi sama ada motivasi

intrinsik ataupun ekstrinsik akan mendorong seseorang individu untuk bertindak demi usaha mencapai tujuan. Namun, dalam pembelajaran mengarang, kebanyakan pelajar menghadapi masalah kekurangan motivasi, ini disokong oleh pernyataan Mahzan Arshad (2003), sikap negatif terhadap mengarang juga merupakan faktor yang menyebabkan kemerosotan pencapaian pelajar. Hal ini kerana pelajar selalu menghadapi kesukaran dalam mengungkapkan pemikiran ke dalam tulisan dan juga masih terdapat ramai guru yang menggunakan model pembelajaran yang kurang memotivasikan pelajar untuk mengarang (Raisya Andhira, 2017). Ini disokong oleh Sri Wulan Anggraeni (2016), penglibatan pelajar adalah pasif dalam pembelajaran mengarang dimana mereka hanya menyalin tulisan di papan hitam kerana ramai guru hanya menekankan kemahiran tahap rendah dalam pengajaran. Natijahnya, kesukaran mengarang dan juga kaedah pembelajaran yang bersifat pasif ini telah menyebabkan pelajar tidak bermotivasi dalam pembelajaran mengarang dan seterusnya mempengaruhi pembelajaran mengarang serta pencapaian penulisan mereka.

Berdasarkan cambahan minda di atas, jelaslah bahawa guru-guru harus mengaplikasikan kaedah pembelajaran mengarang yang lebih kreatif, menarik dan berpusatkan pelajar. *Stay and stray* adalah satu mekanisme yang berpengaruh positif terhadap proses pembelajaran sama ada pihak guru mahupun pelajar (Chusnul Rochmadhoni, 2019). Ini kerana ia melibatkan aktiviti koperatif antara pelajar yang memerlukan pelajar bergerak antara kumpulan dan membuat perbincangan (Ahmad Marzuki, 2014). Ini seterusnya mewujudkan kesan positif terhadap kemampuan menjana idea dan juga tahap motivasi pelajar dalam penulisan (Ita Fatmawati, 2019). Tambahan lagi, juga menawarkan persekitaran untuk pelajar mengamalkan dan mempelajari kebolehan afektif, sosial dan kognitif, selain itu, menjana persekitaran pembelajaran yang lebih selesa, merangsang dan menyeronok (Hamid Marashi & Homayra Khatami, 2017). Maka dengan ini, jelasnya bahawa kaedah pembelajaran *Stay and Stray* adalah sesuai untuk diaplikasikan dalam pengajaran mengarang.

Pembelajaran Koperatif –*Stay And Stray*

Pengajaran yang berkualiti meliputi aspek psikologi dan profesional (Sulaiman, 2004). Berdasarkan prinsip ini, pembelajaran koperatif telah memenuhi kriteria ini kerana pelajar belajar dalam kumpulan-kumpulan kecil dan bekerjasama antara anggota dalam usaha menyelesaikan tugas yang diberikan untuk menguasai bahan pembelajaran (Yuninda Andri Avni, 2011). Pembelajaran koperatif mempunyai ciri-ciri ketergantungan positif, akauntabiliti individu, interaksi antara satu sama lain, kemahiran bersosial dan proses kumpulan dengan kumpulan (Dwi Sulisworo & Fadiyah Suryani, 2014). Dengan itu, pembelajaran koperatif menawarkan persekitaran untuk pelajar mengamalkan dan mempelajari kebolehan afektif, sosial dan kognitif, selain itu, menjana persekitaran pembelajaran yang lebih selesa, merangsang dan menyeronok (Hamid Marashi & Homayra Khatami, 2017).

Kaedah pembelajaran koperatif *Stay and Stray* direka oleh Spencer Kagan pada tahun 1992 (Mahfudh Dimiyati, 2011). Kaedah pembelajaran *Stay and Stray* boleh dijalankan dalam pelbagai bentuk seperti *One Stay Three Stray*, *Two Stay Two Stray*, *One Stay Two Stray* dan sebagainya. Secara ringkasnya, kaedah *Stay and Stray* dijalankan dimana sebilangan

pelajar tinggal di dalam kumpulan sendiri sebagai tuan tetamu dan bertanggungjawab untuk menyampaikan hasil perbincangan kumpulan sendiri kepada tetamu yang datang dari kumpulan lain dan pada masa yang sama sebilangan pelajar akan bergerak ke kumpulan lain sebagai tetamu dan bertanggungjawab mencatat hasil perbincangan dari kumpulan lain (Aris Shoimin, 2017). Ciri-ciri *Stay and Stray* adalah (i) pelajar bekerja secara berkumpulan untuk menyelesaikan tugas, (ii) membentuk ahli kumpulan yang mempunyai kemampuan tinggi, sederhana dan rendah, (iii) ahli kumpulan boleh berasal dari pelbagai bangsa, budaya, etnik dan jantina, (iv) berorientasikan penghargaan kumpulan daripada individu.

Berdasarkan konsep dan ciri-ciri di atas, kaedah *Stay and Stray* adalah sesuai diaplikasikan dalam pembelajaran penulisan (Ita Fatmawati, 2019). Di samping itu, melalui interaksi dan perbincangan yang aktif telah menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran lebih bermakna (Azieyana Aziz & Christina Andin, 2018) kerana kaedah ini boleh merangsang dan memberi inspirasi kepada pelajar secara optimum dalam suasana pembelajaran kumpulan kecil di samping itu menggalakkan suasana pembelajaran terbuka (Annas et al., 2018). Selain itu, memberikan peluang untuk kumpulan berkongsi hasil dan maklumat kepada kumpulan lain (Mahfudh Dirnyati, 2011) serta meningkatkan apresiasi dan kreativiti pelajar (Tita Sumarni et al., 2017).

Tambahan itu, Yuninda (2011) telah menjalankan kajian dengan menggunakan model pembelajaran koperatif teknik *Three Stay One Stray* untuk mengkaji keberkesanan kaedah dalam meningkatkan motivasi belajar. Melalui pemerhatian dan hasil pengamatan pembelajaran respon guru melalui pengisian soal selidik, pengkaji mendapat motivasi pelajar meningkat dimana pelajar lebih tenang dan aktif bertanya semasa membuat perbincangan. Yuni Rachmawati dan Tias Ernawati (2018) telah membandingkan keberkesanan kaedah *Two Stay Two Stray* dengan kaedah Model Pembelajaran Langsung diukur dari aspek pencapaian dan motivasi bagi 135 sampel. Hasil dapatan menunjuk kaedah *Two Stay and Two Stray* berjaya meningkatkan prestasi pelajar dan juga keaktifan pelajar berbanding dengan Model Pembelajaran Langsung. Dari segi motivasi, juga menunjukkan kesan positif yang signifikan.

Dian Yuliana dan rakan (2014) juga menjalankan kajian untuk mengenal pasti kelebihan dan kelemahan kaedah *Two Stay Two Stray*. Antara kelebihan yang dikenal pasti termasuk pelajar lebih aktif dalam proses pembelajaran, keyakinan meningkat, pelajar mempunyai kesedaran terhadap kepentingan belajar, pencapaian pelajar meningkat, peningkatan aspirasi serta keseronokan belajar meningkat, manakala kelemahan yang dikenal pasti adalah memerlukan masa persediaan pengajaran yang banyak. Tri Arditanto (2017) juga mengimplimentasikan pembelajaran koperatif *Two Stay Two Stray* dalam mengajar penulisan sederhana Bahasa Jerman untuk mengkaji keberkesanan kaedah *Two Stay Two Stray* dalam meningkatkan keterampilan menulis. Hasil dapatan menunjuk pelajar semakin aktif dalam kegiatan belajar menulis karangan dan seterusnya meningkatkan keterampilan menulis mereka.

Di samping itu, Mahfudh Dimiyati (2011) juga menjalankan kajian untuk mengenal pasti keberkesanan kaedah *One Stay Two Stray* dalam pembelajaran bahasa Inggeris. Pengkaji menggunakan kajian tindakan melalui pelaksanaan rawatan ke atas sampel. Dapatan dari

lembaran pemerhatian pengkaji dan soal selidik respon pelajar terhadap pelaksanaan kaedah *One Stay Two Stray* dalam pembelajaran telah menunjuk bahawa minat dan kesanggupan belajar pelajar meningkat.

Cara Pelaksanaan Pendekatan Koperatif *Stay and Stray*

Dalam pelaksanaan pendekatan koperatif ini, guru berperanan sebagai fasilitator dan pelajar akan dibahagikan kepada beberapa kumpulan mengikut jumlah pelajar. Setiap kumpulan terdiri daripada 3 hingga 4 orang yang terdiri daripada pelbagai aras iaitu aras tinggi, sederhana dan rendah. Sebilangan pelajar (seorang atau dua orang pelajar, berdasarkan jenis kaedah *Stay and Stray* yang diterapkan) akan dipilih dan bertindak sebagai tuan tetamu (*stayer*) dan ahli kumpulan lain bertindak sebagai tetamu (*strayer*). Pelajar membincangkan topik atau masalah yang dibagi oleh guru dengan ahli kumpulan sendiri dalam masa yang diperuntukkan. Setelah mendapat hasil perbincangan, pihak tetamu akan bertukar stesen ke kumpulan lain untuk mengumpulkan maklumat atau hasil perbincangan kumpulan lain. Perlu diingatkan bahawa setiap tetamu adalah bertindak secara individu untuk memilih tuan tetamu yang ingin pergi, bukan berpasangan. Manakala pihak tuan tetamu tetap berada dalam kumpulannya untuk memberi maklumat kepada tetamu dari kumpulan lain. Semasa sesi perbincangan dijalankan, semua tetamu boleh bertanya soalan dengan tuan tetamu, memberi pandangan dan juga komen, tetamu juga perlu mencatat semua maklumat yang dikongsi oleh tuan tetamu. Setelah masa perbincangan dalam stesen tersebut tamat, tetamu akan bergerak ke stesen lain dan memulakan perbincangan dengan tuan tetamu stesen berikut. Peruntukan masa perbincangan dan jumlah pusingan perbincangan ditentukan oleh guru mengikut kesesuaian pengajaran dan masa. Setelah mendapat maklumat, para tetamu akan kembali ke kumpulan sendiri dan membincangkan semula topik berkenaan dengan ahli kumpulan sendiri untuk menyelaraskan hasil perbincangan terakhir. Selepas itu, wakil setiap kumpulan perlu melaporkan hasil perbincangan kepada semua pelajar dalam kelas. Secara ringkasnya, melalui kaedah itu, pelajar berperanan menyampaikan dan mendapatkan maklumat daripada pelajar lain, iaitu pelajar yang berperanan sebagai tuan tetamu menyampaikan maklumat dengan tinggal di tempat kumpulan mereka sendiri kemudian memberikan maklumat kepada kumpulan lain yang mencarinya manakala pelajar yang berperanan sebagai tetamu perlu mendapatkan maklumat dengan menyimpang ke kumpulan lain (Ahmad Marzuki & Esti Kurniasih, 2014).

Kajian Lepas Penggunaan Kaedah Koperatif *Stay and Stray* dalam Penulisan Bahasa

Ita Fatmawati dan Dharma Wanita (2019) menjalankan kajian tindakan ke atas pelajar kelas sembilan SMP Al-Muhajirin Sumengko dalam pengajaran penulisan Bahasa Inggeris. 3 tujuan kajian ialah untuk menerangkan pelaksanaan strategi *Two Stay Two Stray (TSTS)* dalam pengajaran penulisan; untuk menerangkan peningkatan kemampuan menulis setelah melaksanakan strategi *TSTS* dan untuk menerangkan tindak balas pelajar terhadap pelaksanaan strategi *TSTS*. Kajian ini dijalankan dengan 1 pusingan yang meliputi 2 perjumpaan yang melibatkan aktiviti perancangan, pelaksanaan, pemerhatian dan refleksi. Pada awal kajian, sampel menjalankan ujian pra untuk mengenal pasti tahap kebolehan menulis karangan sedia ada, seterusnya, pengkaji mengimplimentasikan kaedah *TSTS* dalam pengajaran penulisan bahasa Inggeris, selepas itu, sampel menjalankan satu ujian post untuk mengenal pasti pencapaian penulisan mereka. Di samping itu, sampel juga diminta mengisi satu borang soal selidik tentang pandangan terhadap kaedah *TSTS*.

Berdasarkan analisis ujian pra dan pos serta data borang soal selitik, pengkaji mendapati bahawa kaedah *TSTS* berjaya mengatasi masalah kekurangan idea, perbendaharaan kata yang terhad dan tidak berminat menulis, terusnya meningkatkan motivasi dan kemahiran menulis karangan laporan Bahasa Inggeris.

Kajian Dian Ayu Kartika I.S (2016) dijalankan ke atas 37 sampel dari sekolah menengah yang berketerampilan menulis rendah untuk mengenal pasti keterampilan menulis karangan naratif pelajar selepas menerapkan strategi *TSTS*. Kajian dijalankan melalui kajian tindakan dan meliputi 3 pertemuan: pusingan pra, pusingan ujian 1 dan pusingan ujian 2. Hasil penilaian menunjukkan peningkatan yang signifikan, iaitu dari markah min 67.8 meningkat ke 78.3 dan akhirnya dalam pusingan ujian 2 meningkat sehingga 87.6. Pengkaji juga membuat pemerhatian terhadap aktiviti pelajar dalam pengajaran dan merekod dalam senarai pemerhatian, ia menunjuk respon pelajar dalam aktiviti pengajaran semakin bertambah baik dari 45% ke 70% dan akhirnya mencapai 87.6%. Kesimpulannya, kaedah *TSTS* berjaya meningkatkan keterampilan menulis penulisan naratif Bahasa Inggeris pelajar.

Raisya Andbira (2017) menjalankan kajian tentang pengaruh model kooperatif *TSTS* terhadap keterampilan menulis karangan eksposisi Bahasa Indonesia. Kaedah persampelan bertujuan digunakan untuk memilih 31 sampel dari 224 populasi. Kajian ini menggunakan kaedah eksperimen dan ujian pra dan pos dijalankan sebelum dan selepas mengaplikasikan *TSTS*. Data yang dikutip dianalisis dengan ujian T dan hasil dapatan menunjuk bahawa model ini berkesan untuk membantu meningkatkan kemahiran berfikir sampel kerana mereka boleh mengemukakan pemikiran melalui perbincangan dan juga membolehkan sampel melibatkan diri dengan lebih aktif dalam proses pembelajaran. Di samping itu kerjasama dan pembahagian tugas yang jelas juga meningkatkan semangat belajar menulis karangan eksposisi dan seterusnya meningkatkan keterampilan menulis karangan.

Kajian Tri Arditanto (2017) dijalankan untuk mengkaji keberkesanan kaedah *TSTS* dalam meningkatkan keterampilan menulis penulisan sederhana Bahasa Jerman. Pengkaji menjalankan pendekatan deskriptif kualitatif melalui pemerhatian. Penelitian dilaksanakan sebanyak lima kali dan hasil pemerhatian setiap kali akan dicatat dalam lembaran pemerhatian. Hasil dapatan menunjuk pada pertemuan pertama dan kedua, disebabkan pelajar masih belum menguasai peraturan *TSTS*, maka respon terhadap kriteria dalam lembaran pemerhatian pelajar masih pada tahap rendah iaitu 36.7% dan 40.6%. Namun, kadar ini semakin meningkat pada pertemuan yang seterusnya iaitu 50% pada pertemuan ketiga, 70% pada pertemuan keempat dan 85.7% pada pertemuan terakhir. Peningkatan ini menunjukkan pelajar semakin aktif dalam kegiatan belajar menulis karangan dan seterusnya meningkatkan keterampilan menulis mereka.

Rini Aprianti (2017) mengkaji keberkesanan kaedah *TSTS* terhadap keterampilan bertutur dan menulis pelajar SMP N 1 Bagan Sinembah. Jumlah sampel yang terlibat sebanyak 63 orang dan kajian menggunakan kajian kuasi eksperimen. Hasil kajian menunjukkan bahawa kumpulan rawatan mempunyai peningkatan sebanyak 87 % dalam kemahiran bertutur berbanding dengan kumpulan kawalan yang meningkat hanya 36%. Di samping

itu, dalam kemahiran menulis juga, sampel kumpulan rawatan menunjukkan peningkatan yang signifikan, iaitu sebanyak 91% berbanding dengan kumpulan kawalan.

Nova Riskayanti et al (2016) mengkaji adakah terdapat perbezaan yang signifikan bagi pelajar yang diajar dengan kaedah *TSTS* dalam pengajaran penulisan bahasa Inggeris? Kaedah eksperimen digunakan dan 56 sampel tingkatan satu dipilih serta dibahagi ke dalam dua kumpulan, kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan. Kaedah eksperimen dijalankan dan sampel membuat ujian pra sebelum rawatan dan ujian pos selepas rawatan. Data dianalisis dengan menggunakan ujian T dan menunjuk bahawa skor min kumpulan rawatan meningkat 13.35 berbanding dengan ujian pra namun kumpulan kawalan hanya meningkat sebanyak 6.67. Peningkatan dalam keterampilan menulis penulisan meliputi aspek isi, penyampaian, organisasi, perbendaharaan kata, dan tatabahasa. Namun kajian ini juga menunjukkan tidak perbezaan yang signifikan antara kumpulan rawatan dengan kumpulan kawalan, iaitu nilai P 0.02, kurang daripada 0.05.

Hasil kajian Kurniawati (2018) menunjukkan pencapaian menulis karangan diskriptif bagi kumpulan rawatan adalah lebih tinggi berbanding dengan kumpulan kawalan. Tambahan lagi, dalam pertemuan kali pertama dan kedua, pelajar menghadapi masalah segan, kurang keyakinan, dan takut untuk menulis, namun pada pertemuan ketiga, sampel sudah boleh buat dengan baik dimana mereka telah mengubah kesilapan sebelum ini, penglibatan lebih aktif dalam perbincangan dan lebih berkeyakinan, Skor min kumpulan rawatan adalah 17.62, manakala kumpulan kawalan ialah 16.83, maka, dapatan kajian ini jelas menunjukkan bahawa kaedah *TSTS* boleh meningkatkan kemahiran menulis karangan diskriptif pelajar.

Putri Rizki et al. (2017) menjalankan kajian eksperimen ke atas 21 sampel untuk mengenal pasti keberkesanan kaedah *Stay and Stray* dalam pengajaran menulis karangan naratif. Hasil kajian mereka telah menunjuk bahawa skor min menulis karangan naratif telah meningkat dari 67% dalam ujian pra ke 81.3% dalam ujian pos. Sampel menunjuk kemajuan yang agak tinggi dalam aspek penulisan termasuk isi, penyusunan idea, perbendaharaan kata, tatabahasa, dan penggunaan bahasa. Dengan itu, pengkaji-pengkaji mencadangkan kaedah *stay and stray* adalah sesuai digunakan untuk mengajar bahasa terutamanya dalam bidang penulisan kerana kaedah ini membolehkan pelajar berinteraksi dan saling bantu membantu dengan pelajar lain, di samping itu, juga sesuai digunakan untuk pelajar yang terdiri daripada pelbagai aras.

Lili Hasmi (2019) telah membuat kajian untuk membandingkan keberkesanan model pembelajaran koperatif *Stay and Stray* dengan model pengajaran konvensional terhadap keterampilan menulis karangan diskriptif. Hasil kajian menunjuk kedua-kedua model berjaya meningkatkan pencapaian sampel kumpulan rawatan, namun, peningkatan pencapaian bagi pembelajaran melalui kaedah *TSTS* adalah lebih tinggi dan berkesan daripada model pembelajaran konvensional. Di samping itu, hasil pemerhatian pengkaji juga membuktikan bahawa kaedah *TSTS* berkesan dalam meningkatkan keterampilan menulis, kemahiran berfikir, dan juga keaktifan pelajar dalam proses pembelajaran.

Dian Yuliana, Dewi Rochsantiningsih dan Handoko Pudiobroto (2014) mengkaji sejauhmana penerapan *TSTS* dalam peningkatan motivasi dalam pembelajaran Bahasa Inggris dan mengenal pasti kelebihan dan kelemahan strategik *TSTS*. Kajian tindakan mereka melibat 3 orang sampel sekolah menengah. Data yang dikumpul melalui temubual dan pemerhatian peperiksaan telah menunjuk motivasi untuk belajar meningkat. Di samping itu, kelebihan *TSTS* yang dikenal pasti termasuk meningkatkan motivasi belajar, kelakuan pelajar bertambah baik, pelajar lebih aktif dan lebih memberi perhatian dalam kelas. Malah, kelemahan yang dikenal pasti ialah masih terdapat pelajar tidak boleh bertutur secara spontan dalam kelas dan sebutan kurang tepat, di samping itu, penerapan kaedah *TSTS* dalam pembelajaran adalah agak mengambil masa.

Secara ringkasnya, kajian-kajian diatas telah membuktikan bahawa kaedah *Stay and Stray* berjaya memberi kesan positif terhadap pencapaian penulisan pelajar. Peningkatan dalam penulisan meliputi aspek isi, penyampaian, organisasi, perbendaharaan kata, dan tatabahasa (Nova Riskayanti et al., 2016), keadaan ini terjadi kerana kaedah ini membolehkan pelajar berinteraksi dan saling bantu membantu dengan pelajar lain (Putri Rizki et al., 2017).

Di samping itu, kajian-kajian lepas juga menunjuk bahawa motivasi belajar dan motivasi menulis pelajar bertambah, ini kerana kaedah ini membolehkan sampel melibatkan diri dengan lebih aktif dalam proses pembelajaran dan kerjasama serta pembahagian tugas yang jelas juga meningkatkan semangat pelajar dalam menulis karangan (Raisya Andbira, 2017). Ini seterusnya membantu manambah baik kelakuan pelajar dan lebih memberi perhatian dalam kelas (Dian Yuliana et al., 2014) dan juga meningkatkan keyakinan pelajar. Dari aspek kemahiran berfikir dalam penulisan didapati bahawa kaedah ini berkesan untuk membantu meningkatkan kemahiran berfikir pelajar kerana mereka boleh mengemukakan pemikiran melalui perbincangan (Lili Hasmi, 2019). Sehubungan itu, kaedah *Stay and Stray* adalah sesuai untuk mengajar bahasa terutamanya dalam bidang penulisan.

Teori Konstruktivisme Sosial Vygotsky

Vygotsky (1978) berpendapat bahawa kanak-kanak bergantung sepenuhnya kepada orang lain pada peringkat awal kerana persekitaran sosiobudaya memberikan kanak-kanak dengan pelbagai tugas dan permintaan, ini seterusnya melibatkan kanak-kanak dalam dunianya secara langsung. Maka dengan itu, beliau selanjutnya menjelaskan bahawa pengetahuan seseorang adalah dibina melalui interaksi dengan orang-orang lain sebagai langkah pertama yang dikenali sebagai interpsikologi, kemudian mengasimilasi dan menginternalisasikan pengetahuan ini dengan menambahkan nilai peribadi, ini adalah langkah kedua yang dikenali sebagai intrapsikologi (Turuk, 2008). Ibrahim Adam (2017) telah memberi penjelasan lanjutan dimana dari perspektif Vygotsky, pelajar membina pengetahuan dari alam realiti tetapi tidak menerima apa yang diajar dalam persekitaran pembelajaran secara pasif, oleh itu, konstruktivisme bermaksud pembelajaran melibatkan proses membina, menghasil, mencipta, dan mengembangkan pengetahuan dan pemikiran seseorang.

Sehubungan itu, Teori Konstruktivisme Sosial Vygotsky menyatakan bahawa pembelajaran sebenarnya adalah hasil penciptaan pengetahuan, malah pengetahuan dibina apabila kolaborasi berlaku dan pengetahuan itu sendiri menjadi dan dikembangkan bersama di dalam persekitaran sosial tersebut (Umair Uddin Shaikh et al. 2017). Sehubungan itu, kaedah *Stay and Stray* adalah selaras dengan Teori Vygotsky kerana ia merupakan satu pendekatan koperatif yang melibatkan kerjasama antara pelajar, ini disokong oleh Dwi Sulisworo dan Fadiyah Suryani (2014) dimana pembelajaran koperatif ini mempunyai ciri-ciri ketergantungan positif, akauntabiliti individu, interaksi antara satu sama lain, kemahiran bersosial dan proses kumpulan dengan kumpulan. Melalui perbincangan kumpulan, pelajar berpeluang mengemukakan idea dan pendapat sendiri, pada masa yang sama, mereka juga belajar idea dan pendapat rakan lain, maka, proses pembelajaran berlaku. Pelajar bukan hanya belajar ilmu pengetahuan, tetapi juga belajar kemahiran berinteraksi dan berkomunikasi. Selain itu, suasana yang kondusif dan seronok juga menggalakkan pelajar terlibat dengan aktif dalam proses pembelajaran. Secara ringkasnya, teori ini menekankan peranan interaksi sosial dalam pembangunan dan pembelajaran.

Di samping itu, Vygotsky juga mengatakan bahawa pembelajaran yang baik berlaku di Zon Perkembangan Proksimal (*Zone of Proximal Development*(ZPD) (Irina M. Verenikina, 2010). Zon Perkembangan Proksimal (ZPD) ialah jarak antara tahap perkembangan sebenar seseorang dalam menyelesaikan masalah dengan tahap perkembangan potensi seseorang dalam menyelesaikan masalah dengan ada bantuan pihak lain. Beliau memperkenalkan konsep ZPD kerana beliau berpendapat bahawa tahap perkembangan sebenar (*actual level of development*) dianggap sebagai tahap prestasi tanpa bantuan, ia tidak menggambarkan perkembangan sebenar kerana hanya menunjukkan “apa yang sudah dikembangkan atau dicapai, namun tahap prestasi dengan bantuan menunjukkan tahap perkembangan potensi yang menunjukkan apa yang dapat dicapai oleh seseorang. Vygotsky percaya bahawa dengan memberikan bantuan dan bimbingan yang tepat oleh orang yang lebih mahir, maka seseorang pelajar yang berada di ZPD akan berjaya menjalankan tugas yang diberikan, dan pada masa depan, dapat menyelesaikan tugas itu sendiri (As Janah Verrawati, 2018).

Secara ringkasnya, konsep ZPD menerangkan bagaimana tugas yang sukar dilakukan oleh pelajar boleh berjaya dilakukan dengan bimbingan dan bantuan orang dewasa atau rakan sebaya yang mahir. Sekiranya pelajar boleh mengatasi kesukaran atau menyiapkan tugas dengan bantuan guru dan rakan, pada masa yang sama, tahap kognitifnya akan meningkat, dan akan mencapai tahap kognitif yang lebih tinggi sekiranya pelajar mula mengurangkan kebergantungan kepada orang lain (Yayu Tresna Suci, 2018). Konsep ini juga selaras dengan konsep pendekatan *Stay and Stray* dimana pelajar belajar secara bekerjasama dengan pelajar lain yang terdiri dari pelbagai aras dan guru sebagai fasilitator, dengan itu, boleh membantu meningkatkan pencapaian pelajar. Terdapat beberapa kajian telah menunjuk bahawa pelaksanaan kaedah *Stay and Stray* berjaya meningkatkan perkembangan pelajar hasil daripada sokongan dan bantuan rakan dan guru. Ini disokong oleh Annas et al. (2018), strategik ini boleh merangsang dan memberi inspirasi kepada pelajar secara optimum dalam suasana pembelajaran kumpulan kecil di samping itu menggalakkan suasana pembelajaran terbuka. Hamid, Zakaria dan Islam (2012) juga menyatakan sokongan rakan dalam proses pembelajaran koperatif bukan hanya membantu

meningkatkan pencapaian akademik, malah juga meningkatkan motivasi pelajar untuk bertindak, belajar dan seterusnya meningkatkan kemahiran berfikir.

Secara kesimpulannya, Teori Konstruktivisme Vygotsky menekankan pembelajaran berlaku melalui interaksi pelajar dengan persekitaran sosial dan pengetahuan yang akan dibentuk dipengaruhi oleh situasi dan bersifat kolaboratif. Dengan itu, pendekatan kooperatif *Stay and Stray* adalah selaras dan sesuai dengan idea-idea Vygotsky yang menekankan interaksi sosial semasa menjalankan tugas dalam pembelajaran (Ibrahim Adam, 2017).

Kelebihan dan Kelemahan Kaedah Koperatif Stay and Stray

Nurul Aisyah et al. (2016) menjelaskan bahawa penulisan adalah satu cara yang agak penting untuk manusia berkomunikasi, manakala mengarang adalah kemahiran untuk seseorang individu mengutarakan idea dan perasaan ke dalam bentuk tulisan secara rasional. Dengan itu, kemahiran mengarang merupakan salah satu bahagian yang perlu dikuasai oleh pelajar dalam pembelajaran bahasa. Namun, ramai pelajar menganggap bahawa mengarang adalah kemahiran yang sukar dikuasai (Yahya Othman et al., 2014). Lantaran itu, sorotan ini dijalankan untuk mengenal pasti keberkesanan pendekatan kaedah pembelajaran kooperatif *Stay and Stray* dalam pembelajaran penulisan. Hasil dapatan akan dijelaskan dari segi kelebihan dan kelemahan kaedah *Stay and Stray*.

Dari segi kelebihan, kaedah ini berjaya meningkatkan keterampilan menulis karangan. Kellogg (2001) menyatakan bahawa mengarang adalah satu proses kognitif yang menguji memori, kemahiran berfikir dan keterampilan berbahasa supaya boleh mengemukakan idea dengan berjaya. Namun, pelajar selalu menghadapi sindrom kertas kosong apabila diminta menulis kerana mereka tidak tahu apa yang perlu dituliskan terutamanya pada perenggan pendahuluan (Liza Ta'ztiah Insani Rahayu, 2016). Ini kerana pelajar menghadapi masalah kekurangan idea, penguasaan tatabahasa dan perbendaharaan kata (Ita Fatmawati et al., 2019). Namun, melalui perbincangan dalam *Stay and Stray*, pelajar berpeluang mengemukakan idea dan pandangan sendiri, di samping itu boleh memperoleh idea dari kumpulan lain, ini boleh membantu pelajar memperolehi isi-isi atau idea-idea yang lebih banyak dan pelbagai dan seterusnya membantu pelajar menulis karangan dengan lebih tepat dan berkualiti (Raisya Andhira, 2017). Tambahan lagi, Yuninda Andri Avni (2011) menjelaskan bahawa semasa perjalanan pendekatan kooperatif *Stay and Stray*, pelajar lebih memberi perhatian dan bersungguh-sungguh dalam menyiapkan tugas, ini seterusnya meningkatkan keterampilan menulis dan akhirnya meningkatkan pencapaian pelajar.

Kelebihan yang seterusnya ialah meningkatkan motivasi belajar. Hayes & John.R (2012) menyatakan motivasi mempengaruhi kesediaan seseorang untuk bermula dan melibatkan diri dalam proses menulis. Handara Tri Elitasari (2016) memberi penerangan lanjutan dimana apabila pelajar mempunyai motivasi untuk belajar, maka proses pembelajaran akan berjalan dengan berkesan serta mencapai pencapaian yang tinggi kerana motivasi sama ada motivasi intrinsik ataupun ekstrinsik akan mendorong seseorang individu untuk bertindak demi mencapai matlamat. Motivasi intrinsik merujuk kepada motivasi yang timbul dari dalam diri seseorang ataupun dikatakan timbul atas dasar kemahuan sendiri tanpa dipaksa atau didorong oleh orang lain, manakala motivasi ekstrinsik adalah motivasi yang timbul

disebabkan pengaruh dari luar seperti paksaan, ajakan dan sebagainya (Pakhrur Razil, 2013). Semasa pelaksanaan pembelajaran koperatif *Stay and Stray*, ahli kumpulan adalah terdiri daripada pelbagai aras, pelajar yang beraras tinggi boleh membantu dan menyokong pelajar aras rendah, di samping itu, guru sebagai fasilitator juga memberi bantuan yang diperlukan, suasana yang saling bantu membantu ini telah membantu menghasilkan motivasi ekstrinsik. Sehubungan dengan itu, dalam kajian Mahfudh Dirnyati (2011) telah membuktikan bahawa kaedah *Stay and Stray* berjaya mencipta persekitaran pembelajaran yang seronok dan pelajar merasa tenang dan seterusnya meningkatkan minat terhadap pembelajaran penulisan. Pada masa yang sama, disebabkan dibantu dan disokong oleh pihak luar serta suasana yang kondusif dan tenang ini secara langsung dan tidak langsung, akan meningkatkan kegembiraan, keyakinan dan minat belajar seseorang pelajar dan ini terjadinya motivasi intrinsik. Dengan peningkatan minat dalam belajar, pelajar lebih memberi perhatian dan bersungguh-sungguh dalam menyiapkan tugas (Yuninda Andri Avni, 2011).

Di samping itu, kelebihan yang seterusnya ialah meningkatkan kreativiti menulis pelajar. Dian Nuzulia Armariena et al. (2017) menjelaskan bahawa kreativiti dalam penulisan adalah suatu proses kreatif mengembangkan daya cipta dan ekspresi peribadi dalam bentuk idea dengan cara baru sehingga boleh menghasilkan penulisan dengan cara yang berbeza dan menarik berbanding dengan penulisan sedia ada. Ketrin Viollita et al. (2018) memberi penjelasan lanjutan bahawa kreativiti menulis pelajar muncul dalam kemampuan mereka menghasilkan produk bertulis melalui proses penulisan. Berdasarkan cambahan minda diatas, jelas membuktikan bahawa penulisan yang berkualiti adalah mempunyai hubungan yang rapat dengan kreativiti penulis. Namun, Toh Ling Ling & Chu Hong Heng (2016) menyatakan bahawa isi karangan pelajar adalah kurang kreatif dan selalu mengulang, pelajar sukar menjana idea baru. Keadaan ini terjadi kerana kaedah pengajaran mengarang yang biasa digunakan adalah berpusat guru, aktiviti pelajar hanya terhad kepada menerima maklumat dari guru dan tidak berpeluang terlibat atau melakukan aktiviti menjana maklumat sendiri (Ita Afrie Lusiana1 et al., 2017). Dengan itu, kaedah *Stay and Stray* boleh mengatasi masalah ini. Kajian Hamid Marashi dan Homayra Khatami (2017) membuktikan bahawa proses pembelajaran secara koperatif melibatkan aktiviti mengembang kreativiti seperti berfikir, berbincang, merancang dan juga mencari penyelesaian masalah berbanding dengan pembelajaran secara individu. Di samping itu, pengalaman, pengetahuan dan kreativiti semua pelajar adalah berlainan, sekiranya seseorang pelajar mempunyai masalah pemahaman terhadap sesuatu konsep, idea atau isu, pengalaman, kreativiti dan pengetahuan pelajar lain dapat membawa isu dan idea tersebut ke fasa seterusnya, maka, boleh mengembangkan idea yang berbeza dan seterusnya memperbaiki kreativiti pelajar. Ini disokong oleh pernyataan Luqman Mahmoud Rababah et al., (2017) dimana interaksi pelajar dengan persekitaran pembelajaran mempengaruhi kreativiti pelajar.

Seterusnya, pendekatan koperatif *Stay and Stray* juga berjaya dalam membantu membina keyakinan pelajar. Kesukaran menulis bukan hanya menyebabkan pencapaian akademik pelajar menurun malah juga secara langsung menurunkan minat belajar serta keyakinan pelajar. Keadaan ini dibukti dengan pernyataan Kurniawatui (2018) dimana pelajar tidak berkeyakinan, dan rasa gelisah serta malu untuk menulis. Maka dengan itu, penerapan

kaedah *Stay and Stray* boleh mengatasi masalah ini, kerana perbincangan antara pelajar membolehkan pelajar menjawab soalan, mengemukakan soalan, meringkas dan merumuskan maklumat perbincangan dalam proses pembelajaran, dengan itu, keyakinan pelajar meningkat dan kegelisahan pelajar menurun, pelajar boleh belajar dengan lebih mudah (M. Ali Ghufron & Siti Ernawati, 2018). Ini bermaksud, melalui perbincangan, pelajar boleh mengenal pasti dulu isi-isi yang sesuai untuk ditulis dalam penulisan, maka akan meningkatkan ketepatan penulisan, dan seterusnya meningkat keyakinan untuk menulis pada diri pelajar.

Kelebihan yang seterusnya ialah berjaya meningkatkan penglibatan pelajar dalam proses pembelajaran. Putri Rizki et al. (2017) menyatakan bahawa kaedah ini sesuai untuk semua pelajar terutamanya belajar yang mudah berasa bosan dalam proses pembelajaran. Hal ini demikian kerana penglibatan guru dan pelajar semakin meningkat dan pelajar menjadi aktif kerana suasana pembelajaran lebih aman, menyenangkan, serius dan kondusif. (Yuninda Andri Avni, 2011). Rini Aprianti (2017) telah memberi penjelasan lanjutan bahawa kaedah *Stay and Stray* membolehkan pelajar menjalankan interaksi sosial dan pelajar lebih gembira kerana mereka boleh belajar lebih banyak melalui proses membina, membuat kerja kumpulan dan berkongsi pengetahuan, ini secara langsung meningkatkan harga diri seseorang serta perasaan saling memiliki kerana kaedah *Stay and Stray* boleh menggalakkan pelajar menghargai sumbang rakan lain dan menyedari akan segala kekurangan atau kelemahan diri serta menerima semua perbezaan. Tambahan lagi, penglibatan yang aktif juga membantu mengeratkan hubungan antara pelajar, mengurangkan kebergantungan pada guru, meningkatkan tanggungjawab pelajar terhadap pembelajaran sendiri serta meningkatkan kebolehan kepimpinan pelajar. Mahfudh Dimiyati (2011) juga menyatakan bahawa melalui penglibatan pelajar dalam perbincangan, ini seterusnya membantu mengembangkan kemahiran sosial serta memupuk sikap hormat-menghormati terhadap pandangan dan perspektif orang lain pada pelajar sendiri.

Walaupun kaedah *Stay and Stray* memberi banyak kesan positif dalam pengajaran dan pembelajaran, namun, juga terdapat beberapa kelemahan. Pertama, tidak boleh dinafikan bahawa kaedah ini memerlukan masa pelaksanaan yang agak panjang (M. Ali Ghufron et al., 2018), ini kerana pelaksanaan ini melibatkan beberapa aktiviti, iaitu terlebih dahulu pelajar perlu menjalankan beberapa pusingan perbincangan sama dengan ahli kumpulan sendiri dan juga ahli kumpulan lain, dan selepas perbincangan, pelajar perlu menjalankan penyelarasan hasil perbincangan serta membuat pembentangan atau laporan akhir kepada semua pelajar dan guru dalam kelas. Tambahan lagi, guru yang berperanan sebagai fasilitator juga boleh menambahkan informasi atau maklumat yang berkaitan semasa pembentangan dijalankan. Rentetan itu, proses pelaksanaan yang rumit ini telah mengakibatkan guru rasa kekangan masa sehingga kesukaran mencapai objektif pengajaran dan akhirnya menyebabkan guru tidak mahu menggunakan strategi ini.

Kedua, untuk memastikan pelaksanaan kaedah *Stay and Stray* berjalan dengan lancar dan objektif pembelajaran boleh dicapai, maka guru-guru perlu membuat persediaan yang mencukupi. Ini disokong oleh penyataan Risa Rusdiana (2017), ia memerlukan masa persediaan yang panjang, dimana pelaksana perlu membuat rancangan, menentukan pembahagian kumpulan, mengambil kira kesesuaian susun atur kelas, menentukan

peruntukan masa untuk perbincangan, menyediakan alat atau bahan bantu mengajar dan sebagainya untuk memastikan pelaksanaan dijalankan dengan lancar. Persediaan yang banyak dan berat sebegini telah menjadi beban ke atas guru.

Ketiga, sesi perbincangan kadang kala terjejas, ini boleh dilihat dari dua segi, pertama, perbincangan didominasi oleh pelajar-pelajar tertentu, terutamanya pelajar aras tinggi, ini seterusnya menyebabkan pelajar lain menjadi pasif terutamanya pelajar yang berkeyakinan rendah akan menghadapi masalah kesulitan menyampaikan idea atau pandangan kepada rakan lain. Kedua, ialah pelajar beraras tinggi menjadi pasif, ini kerana mereka rasa bosan sebab perlu sentiasa memberi penerangan kepada pelajar aras rendah (Mulryan, 1994). Untuk menyelesaikan masalah ini, guru perlu sentiasa membeli sokongan, bantuan dan galakkan kepada pelajar sama ada pelajar aras tinggi atau pelajar aras rendah supaya mereka sentiasa bermotivasi untuk melibatkan diri dalam proses perbincangan.

Keempat, pelajar berkemungkinan bergosip, bersembang semasa perbincangan sehingga topik perbincangan tertinggal. Keadaan ini selalu berlaku terutamanya pada awal pelaksanaan kerana pelajar belum biasa diri dalam alam aktiviti koperatif, ini disokong oleh kajian Naimah (2009) bahawa pelaksanaan pembelajaran koperatif telah menjadikan kebisingan pelajar, sekiranya keadaan sembang atau bergosip topik bukan pembelajaran tidak dikawal atau dihentikan, pelajar yang fokus pada awal juga akan dipengaruhi dan akhirnya akan menjejaskan proses pembelajaran dan menyebabkan objektif pembelajaran tidak tercapai. Maka, untuk mengatasi masalah ini, guru perlu menawarkan tenaga dan usaha yang lebih untuk mengawal disiplin pelajar.

Kesimpulan

Secara kesimpulannya, pembelajaran bahasa adalah penting untuk manusia berkomunikasi dan kemahiran menulis amat perlu dikuasai oleh manusia supaya boleh menyampaikan perasaan dan pendapat melalui tulisan. Dengan itu, guru memikul tanggungjawab yang berat untuk membekalkan pengajaran penulisan yang sesuai dan berkualiti supaya pelajar boleh menguasai kemahiran menulis. Berdasarkan kajian di atas, walaupun pendekatan *Stay and Stray* mempunyai beberapa kelemahan, tetapi kelemahan tersebut wujud pada cara pelaksanaan, bukan pada kaedah sendiri dan kelemahan-kelemahan yang timbul sebenarnya boleh diperbaiki. Maka dengan itu, sekiranya guru boleh melaksanakan pendekatan ini dengan baik, kesan positif yang diterima adalah jauh lebih banyak, kerana ia melibatkan aktiviti koperatif antara pelajar yang memerlukan pelajar bergerak antara kumpulan dan membuat perbincangan (Ahmad Marzuki, 2014). Melalui sokongan rakan dalam proses pembelajaran *Stay and Stray* bukan hanya membantu meningkatkan pencapaian akademik, malah juga meningkatkan motivasi pelajar untuk bertindak, belajar dan seterusnya meningkatkan kemahiran berfikir. Di samping itu, juga membantu membina keyakinan pelajar, mengembangkan kemahiran sosial dan juga penglibatan pelajar dalam aktiviti pembelajaran. Lantaran itu, guru yang sebagai tonggak utama untuk memastikan proses pendidikan berkualiti bertanggungjawab meningkatkan prestasi pelajar dicadangkan mengaplikasikan kaedah dan strategi *Stay and Stray* dalam pengajaran supaya lebih menarik, efektif, demi meningkatkan prestasi penulisan pelajar (Bhavani Somasundram & Zamri Mahamod, 2017).

Rujukan

Ahmad, M., & Esti, K. (2014). The implementation of Stay and Stray technique writing hortatory exposition text to eleventh graders of SMA Unggulan Amanatul Ummah Surabaya. Universitas Negeri Surabaya.

Annas, Bustami, U., & Asnawi, M. (2018). The effect of using the Two Stay Two Stray technique to develop young learners' speaking skills and motivation. *English Education Journal (EEJ)*, 9(3), 422-442.

Aris Shoimin. (2017). 68 Model Pembelajaran Inovatif dalam Kurikulum 2013. Yogyakarta: *Ar-RuzzMedia*.

As Janah, V., & Ali, M. (2018). Implikasi Teori Konstruktivisme Vygotsky dalam pelaksanaan model pembelajaran Tematik integratif di SD. Universitas Negeri Yogyakarta.

Azieyana Aziz & Christina Andin. (2018). Penggunaan strategi pembelajaran koperatif untuk meningkatkan tahap kemahiran berfikir aras tinggi pelajar. *Jurnal Pendidikan Malaysia*. 13(1),1-9.

Bhavani Somasundram & Zamri Mahamod. (2017). Keberkesanan pembelajaran koperatif terhadap pencapaian dan motivasi murid sekolah menengah dalam pembelajaran bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu; Malay Language Education (MyLEJ)*, 7 (1):11-23.

Chusnul Rochmadhoni. (2019). Penerapan metode pembelajaran Two Stay Two Stray dalam pembelajaran menyimak pemahaman dialog berbahasa Mandarin siswa kelas X IPA 1 SMA HANG TUAH 2 Sidoarjo. *Mandarin UNESA*, 01(01).

Dian, N. A., & Liza, M. (2017). Penulisan cerpen berbasis kearifan local Sumatera Selatan dengan metode Image Streaming dalam proses kreatif mahasiswa. *Jurnal Pembelajaran Bahasa dan Sastra Indonesia*, 7(1), 97-103.

Dian, Y., Dewi, R., & Handoko, P. (2014). Optimizing the use of Two Stay Two Stray method to improve students' motivation in learning english. University of Surakarta.

Dina Ayu Kartika I.S. (2016). The use of Two Stay Two Stray method to improve student writing ability of recount text. Walisongo University State For Islamic Studies.

Dwi, S., & Fadiyah, S. (2014). The effect of cooperative learning, motivation and information technology literacy to achievement. *International Journal of Learning & Development*, 4(2),58-64.

Flower, L.S., & Hayes, J.R. (1981). A cognitive process theory of writing. *College Composition and Communication*, 32, 365-387.

Hamid, D.T., Zakaria, N., & Islam, M.R. (2012). Implementation of an online collaborative learning through Grid Portal Technology. *3Rd International Conference on e-Education, 3-Business, e-Management and e-Learning. Singapore: IPEDR*, 27, 35-42.

Hamid, M., & Homayra, K. (2017). Using cooperative learning to boost creativity and motivation in language learning. *Journal of Language and Translation*, 7(1(13)), 43-58.

Handara, T. E. (2016). Pengaruh motivasi belajar terhadap keterampilan menulis karangan Narasi. *Jurnal Pendidikan Guru Sekolah Dasar*, 15(5), 476-482.

Hayes & John, R. (2012). Modeling and remodeling writing. *Written Communication*, 29(3), 369-388.

Hoh Sook Kuan. (2011). Sikap dan pemilihan bahasa kaum Cina Malaysia. Tesis Ijazah Sarjana. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Ibrahim Adam. (2017). Vygotsky's Social Constructivists Theory of learning.

Irina M. Verenikina. (2010). Vygotsky in Twenty-First-Century research. In J. Herrington & B. Hunter (Eds.), *Proceedings of World Conference on Educational Multimedia, Hypermedia and Telecommunications*. pp. 16-25. Chesapeake, VA: AACE.

Ita, A. L., Punaji, S., & Budi, E. S. (2017). The application of Two Stay Two Stray (TSTS) and Fan-N-Pick learning models to improve students' motivation and learning outcomes on social studies subject (A study on the fourth grade students of SDN Tawun I Ngawi). *International Journal of Academic Research*. 6(3), 97-108.

Ita, F., & TK. Dharma Wanita, (2019). The use of Two Stay Two Stray strategy to improve students writing ability in report text. *Tell: Teaching of English Language and Literature*, 7(1), 25-32.

Kellogg, R.T. (2001). Long-term working memory in text production. *Memory & Cognition*, 29(1), 43-52.

Ketrin, V., Patuan, R., & Ari, N. (2018). Implementing schoology in blended learning environment and its relation to creativity in writing. Lampung University.

Kurniawati. (2018). The influence of using Two-Stay Two-Stray technique towards students' writing ability in descriptive text at the first semester of eighth grade of SMPN 7 Pesawaran in the academic year of 2018/2019. Raden Intan State Islamic University Lampung.

Lili Hasmi. (2019). Pengaruh penggunaan metode Two Stay Two Stray terhadap keterampilan menulis karangan teks deskripsi siswa kelas X SMKN 1 Kota Bukit Tinggi. *Ensiklopedia of Journal*, 2(1), 36-42.

Liza Ta'atiah Insani Rahayu. (2016). Hubungan minat membaca dan motivasi belajar dengan hasil belajar materi menulis karangan pada warga belajar kerja paket C di PKBM Al-Firdaus Kabupaten Serang. *Jurnal Eksistensi Pendidikan Luar Sekolah (E-Plus)*, 1(2),188-201.

Luqman, M.R., Mohammad, H.A., & Nour Zakaria. B.M. (2017). Exploring the factors that hinder Jordanian students in devoloping creativity in EFL writing. *International Conference on Studies in Arts, Humanities and Social Sciences*. Bali Indonesia.

M. Ali Ghuforn, & Siti Ermawati. (2018). The strengths and weakness of cooperative learning and problem-based learning in EFL writing class: teachers and students, perspectives. *International Journal of Instruction*, 11(4), 657-672.

Mahfudh Dimiyati. (2011). The implementation of 'Kagan Structure: One Stay Two Stray' in managing class- discussion in speaking class of grade VII of Junior High School. Semarang State University.

Mahzan Arshad. (2003). Pendidikan literasi Bahasa Melayu: 1 pendekatan bersepadu. Kuala Lumpur: *Utusan Publication*.

Mamour Choul Turuk. (2008). The relevance and implications of Vygotsky's Sociocultural Theory in the second language classroom. *ARECLS*, 5,244-262.

Mulryan, C. M. (1994). Perceptions of intermediate students' cooperative small-group work in mathematics. *The Journal of Educational Research*, 87(5), 280–291.

Naimah Binti Ibrahim. (2009). Masalah dalam pelaksanaan pembelajaran koperatif- satu persepsi guru. Tesis Ijazah Sarjana. Universiti Utara Malaysia, Kedah.

Nawi Ismail. (2006). Masalah ketidakberkesanan pengajaran dan pembelajaran bahasa melayu. Kuala Lumpur: *Pelita Bahasa*.

Ng Poi Cik. (2003). Perkembangan perkataan Bahasa Cina: satu kajian dalam majalah Bahasa Cina. Universiti Malaya.

Nova, R., Asnawi, M., & Sofyan, A.G. (2016). The effects of Two Stay Two Stray (TSTS) technique on teaching writing. *Proceedings of the 1st EEIC in conjunction with the 2nd RGRS-CAPEU between Sultan Idris Education University and Syiah Kuala University*, November 12-13, 2016, Banda Aceh, Indonesia

Nurul Aisyah, A., Zamri, M., & Nor Azwa, H.N.S. (2016). Faktor-faktor yang mempengaruhi penulisan karangan bahasa Melayu pelajar sekolah menengah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 6(2),1-9.

Pakhrur Razi. (2013). Hubungan motivasi dengan kerja ilmiah siswa dalam pembelajaran fidika menggunakan virtual laborator di kelas X SMAN Kota Padang. *Jurnal Teknologi Informasi & Pendidikan*, 6(2),119-124.

Putri, R., Asnawi, M., & Dian, F. (2017). Teaching students' writing skill through Stay and Stray technique. *Research in English and Education (READ)*, 2(1)64-82.

Raisya Andbhira. (2017). Pengaruh model kooperatif tipe Two Stay Two Stray terhadap keterampilan menulis karangan eksposisi siswa SMP. *GERAM (Gerak Aktif Menulis)*, 5(1), 24-32.

Rini Aprianti. (2017). The effect of using Two Stay Two Stray strategy on the students' speaking and writing ability at SMPN 1 Bagan Sinembah. UIN SUKSA Riau.

Risa Rusdiana. (2017). Penerapan metode pembelajaran TSTS untuk meningkatkan motivasi dan hasil belajar mata pelajaran ekonomi siswa kelas XI IPS SMA Negeri 1 Depok tahun 2016/2017. Tesis Sarjana. Universiti Negeri Yogyakarta, Yogyakarta.

Salina Binti Misri. (2014). Keberkesanan kaedah koperatif dalam pengajaran dan pembelajaran karangan bahasa Melayu tingkatan empat. Tesis S. Sn. Falkulti Pengajian Pendidikan. Universiti Putra Malaysia, Kuala Lumpur.

Sri Nurhayati, M. Ridlwan, & Dwijani R.D. (2018). Efektivitas pembelajaran berbasis masalah dalam menulis karangan eksplanasi kelas V. *Lingua Franca: Jurnal Bahasa, Sastra, dan Pengajarannya*, 6(2),94-104.

Sri Wulan, A. (2016). Hubungan motivasi berprestasi dan kemampuan berfikir kritis dengan kemampuan menulis narasi. *Jurnal Pendidikan Dasar*, 6, 165-176.

Tita, S., Johannes, S., & Alexon. (2017). Penerapan model pembelajaran kooperatif Two Stay Two Stray (TSTS) untuk meningkatkan apresiasa dan kreasi peserta didik. *DIADIK: Jurnal Ilmiah Teknologi Pendidikan*, 7(2),27-37.

Toh, L.L., & Chu, H.H. (2016). 以国中生华语作文为例，分析华裔生掌握“高阶思维”的能力与隐忧(Ambil penulisan bahasa Cina pelajar sekolah menengah sebagai contoh untuk menganalisis kemampuan dan kebimbangan pelajar Cina untuk menguasai pemikiran aras tinggi). Retrieved from <https://www.researchgate.net/publication/310124126>

Tri Ardiyanto. (2017). Implementasi metode pembelajaran kooperatif Two Stay Two Stray pada keterampilan menulis karangan sederhana bahasa Jerman kelas XI SMAN 11 Surabaya. *Laterne*, VI (01).

Umair, U. S., Shakir, K.M., & Zaheeruddin, A. (2017). Re-Thinking Vygotsky: Applying Social Constructivism to asynchronous online courses utilizing the power of crowdsourcing. *Pacific Asia Conference on Information Systems (PACIS)*, Langkawi.

Vygotsky, L.S. (1978), *Mind in society*. Cambridge, MA: *Harvard University Press*.

Yahya, O., DK. & Suzanawaty PG. O. (2014). Keupayaan menguasai kemahiran menulis melalui pembelajaran berasaskan projek dalam penulisan berbentuk risalah di sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu-JPBM*, 4(1), 19-29.

Yayu Tresna Suci. (2018). Menelaah Teori Vygotsky dan interdependensi sosial sebagai landasan teori dalam pelaksanaan pembelajaran kooperatif di sekolah dasar. *naturalistic: Jurnal Kajian Penelitian Pendidikan dan Pembelajaran*, 3(1), 231-239.

Yuni, R., & Tias, E. (2018). Efektivitas model pembelajaran kooperatif tipe Two Stay Two Stray terhadap hasil belajar IPA ditinjau dari motivasi belajar siswa. *Natural: Jurnal Ilmiah Pendidikan IPA*, 5(1), 45-50.

Yuninda, A. A. (2011). Peningkatan motivasi belajar siswa melalui model pembelajaran kooperatif teknik Three Stay One Stray (TSOS) di kelas X IPA, Madrasah Aliyah Negeri 1 Pekanbaru. Tesis S. Pend. Universiti Islam Negeri Sultam Syarif Kasim Riau.

Pembelajaran Menggunakan Kaedah *Brainwriting* Dalam Membantu Pelajar Menguasai Kemahiran Menulis

Tiong, Y.N. & Amran, M.S.

Falkuti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia
yokenee92@gmail.com, syawal@ukm.edu.my

ABSTRAK

Pengenalan- Kemahiran menulis memerlukan koordinasi dari segi kognitif dan linguistik untuk menghasilkan penulisan yang baik dan mudah difahami oleh pembaca. Maka boleh dikatakan kemahiran menulis merupakan antara kemahiran bahasa yang rumit dan susah dikuasai oleh pelajar. Secara umum, pelajar masih lemah dalam penulisan tidak kira dari segi aspek penjanaaan idea, pengembangan idea dan juga pemikiran kreativiti. Kegagalan pelajar menguasai kemahiran menulis masih menjadi isu yang hangat dan sering dipertikaikan dalam masyarakat.

Objektif- Kertas konsep ini bertujuan menerangkan penggunaan kaedah *Brainwriting* dalam membantu pelajar menguasai kemahiran menulis.

Dapatan- Kaedah *Brainwriting* merupakan pembelajaran koperatif yang memerlukan kerjasama antara ahli dengan memberikan ruang kepada pelajar berkongsi idea dalam kumpulan secara bertulis. Dalam pada itu, kertas konsep ini mendedahkan prinsip-prinsip dan cara pelaksanaan kaedah *Brainwriting* dalam penulisan. Isu-isu penulisan turut dibincang secara menyeluruh untuk memberikan gambaran jelas tentang masalah-masalah yang dihadapi oleh pelajar dalam menguasai kemahiran menulis. Kertas konsep ini juga meneliti perkaitan antara kaedah *Brainwriting* dengan Teori Konstruktivisme Sosial Vygotsky. Implikasi penggunaan kaedah *Brainwriting* dalam kemahiran menulis juga ditinjau dan dijelaskan berdasarkan kajian-kajian lepas yang berkaitan.

Kepentingan- Kertas konsep ini diharapkan boleh menyedarkan para pendidik dan pihak sekolah tentang peranan mereka dalam mewujudkan persekitaran pembelajaran yang menyeronokkan bagi membantu pelajar menguasai kemahiran menulis. Bukan itu sahaja, kertas konsep ini juga memberi informasi dan panduan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk membuat perancangan reformasi dan inovasi dalam bidang penulisan.

Kata kunci: kaedah *Brainwriting*, kemahiran menulis, Teori Konstruktivisme Sosial Vygotsky

Pengenalan

Penguasaan pelajar dalam bahasa diuji menerusi kemampuan berbahasa, kemahiran menggunakan maklumat serta pemikiran kreatif dan penghayatan terhadap bahasa melalui pemahaman dan penulisan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2019). Kemahiran menulis merupakan salah satu kemahiran penting dan utama dalam pembelajaran bahasa Melayu.

Kemahiran penulisan dikatakan kemahiran bahasa yang dititikberatkan dalam kurikulum pendidikan di Malaysia (Norfaizah, Anida & Idris, 2015). Penulisan merupakan satu siri aktiviti yang kompleks bagi seseorang untuk menyatakan idea dan mengekspresikannya secara bertulis kepada pembaca. Ini selari dengan pandangan Siti Zabidah (2006) bahawa penulisan melibatkan kemahiran berfikir dan ekspresi perasaan dalam bentuk tulisan. Justifikasinya, menulis merupakan cara berhubung dengan orang lain dan juga kemahiran yang penting untuk meluahkan pendapat diri.

Dewasa ini, kemahiran menulis perlu dikuasai oleh setiap pelajar. Penulisan ialah aktiviti yang memerlukan pemikiran, perasaan dan kreativiti pelajar untuk mencetuskan idea dalam penulisan (Wahyuni, Martono & Agus, 2016). Nur Shakirah dan Muhammad Saiful (2017) menjelaskan bahawa pelajar yang lemah dalam bahasa akan memberikan impak terhadap pencapaian mereka dalam akademik kerana bahasa merupakan medium untuk menguasai ilmu. Oleh sebab itu, kemahiran menulis amat penting bagi pelajar kerana mempunyai perkaitan rapat dengan penguasaan bahasa seseorang.

Pada masa ini, kaedah pengajaran penulisan di sekolah lebih bersifat konvensional dan tidak menggalakkan pemikiran kreativiti pelajar. Azieyana & Christina (2018) menjelaskan bahawa interaksi dua hala dan pembelajaran aktif yang menyumbang kepada pemikiran kreativiti tidak dapat berlaku dalam bilik darjah. Oleh itu, penguasaan kemahiran menulis dikatakan cabaran bagi guru dan juga pelajar kerana menuntut kemahiran kognitif yang rumit (Che Zanariah & Fadzilah, 2011). Kaedah pengajaran yang diaplikasikan oleh seseorang pendidik, sudah pastinya akan memberi kesan terhadap cara pembelajaran pelajar (Bhavani & Zamri, 2017). Jelaslah bahawa, guru sepatutnya mengaplikasikan pedagogi pengajaran yang berunsur pembelajaran abad ke-21 (PAK-21) untuk merangsang pemikiran dan motivasi pembelajaran pelajar dalam kelas penulisan.

Lantaran itu, pembelajaran koperatif merupakan antara kaedah pembelajaran yang memenuhi kriteria PAK-21 dan selaras dengan trend pendidikan kini. Nur Syaza, Shamsudin dan Azhar (2017) menjelaskan bahawa pembelajaran koperatif merupakan kaedah pembelajaran secara berkumpulan yang memerlukan interaksi sosial dan juga kolaborasi sesama ahli kumpulan bagi menjana ilmu pengetahuan. Abdul Rashid, Shamsuddin dan Sufiza (2013) menjelaskan bahawa pembelajaran aktif hendaklah diutamakan dalam proses penulisan demi memupuk pemikiran kreativiti yang ditekankan dalam kurikulum. Ini selaras dengan pandangan Azieyana dan Christina (2018), pembelajaran koperatif merupakan kaedah pembelajaran aktif yang dapat menarik minat dan merangsang pemikiran pelajar melalui interaksi dalam kumpulan. Jelaslah bahawa pembelajaran koperatif merupakan pembelajaran bermakna yang mampu mengembangkan pemikiran dan meningkatkan motivasi pelajar terutamanya dalam kemahiran menulis.

Kaedah *Brainwriting* merupakan salah satu kaedah pembelajaran koperatif yang memberikan ruang kepada pelajar berkongsi idea secara bertulis dalam kumpulan. Rainal (2016) menjelaskan bahawa kaedah *Brainwriting* memerlukan penglibatan aktif daripada ahli kumpulan untuk menjana idea sebagai satu pasukan. Hal ini demikian kerana kaedah *Brainwriting* memerlukan semua ahli kumpulan menulis idea dan juga mengembangkan idea ahli yang lain. Kaedah *Brainwriting* berteraskan pemikiran kreatif mendorong pelajar ke arah pembelajaran sendiri dan sesuai diterapkan dalam penulisan. Hujah ini disokong

oleh A Hamzah, Restu dan Asdar (2018), *Brainwriting* ialah strategi yang baik untuk meningkatkan kemahiran pelajar dalam menulis. Oleh itu, kaedah *Brainwriting* sesuai diterapkan untuk meningkatkan keupayaan pelajar dalam penghasilan dan pengembangan idea yang dapat membawa kemajuan dalam kemahiran menulis.

Isu-isu dalam penguasaan kemahiran menulis

Penulisan dikatakan antara kemahiran bahasa yang rumit dan susah dikuasai oleh pelajar. Ini sama dengan pandangan Sri Indrawati (2017), penulisan merupakan aspek yang paling susah dikuasai oleh pelajar jika dibandingkan dengan kemahiran bahasa yang lain. Hal ini berlaku demikian kerana proses menulis sebuah karangan yang lengkap menuntut keupayaan intelek dan kemahiran bahasa yang tinggi (Yusfaiza & Mohd Ishah, 2012). Jelaslah bahawa kesukaran dan kerumitan dalam penguasaan penulisan adalah jauh lebih tinggi jika berbanding dengan kemahiran bahasa yang lain.

Kini, pelajar sering menghadapi masalah untuk mencetus dan menjana idea dalam penulisan. Kekurangan idea merupakan masalah yang biasa ditemui oleh pelajar apabila mula menulis sehingga mempengaruhi kualiti penulisan yang dihasilkan (Nurul Aisyah, Zamri & Nor Azwa Hanum, 2016; Dian & Haryanto, 2018). Shahlan, Shalinawati dan Saemah (2013) menjelaskan kebanyakan pelajar tidak mampu menulis isi karangan dalam perenggan lebih daripada 100 patah perkataan dan hanya menggunakan 30 hingga 40 patah perkataan sahaja. Maka, boleh dikatakan bahawa kebanyakan pelajar menghadapi masalah mengembangkan idea dan menghuraikan isi dengan jelas dan tepat.

Pada waktu yang sama, pelajar juga lemah dalam memberikan contoh yang jelas dan relevan dalam penulisan. Ini sama dengan pandangan Farah (2019), pelajar masih lemah dalam membuat huraian yang tepat malah isi yang dikemukakan adalah kabur dan tidak jelas. Terdapat sebahagian pelajar hanya menulis beberapa ayat ringkas dan ada juga yang menulis sesuatu idea tidak mempunyai kaitan dengan tajuk. Hujah ini sama dengan pendapat Yusfaiza dan Mohd Ishah (2012) bahawa pelajar tidak mampu menghasilkan idea, menyusun dan menghuraikan idea sehingga menghasilkan penulisan yang bermakna. Oleh sebab itu, kelemahan pelajar dalam perkembangan isi akan membawa impak terhadap mutu penulisan.

Tambahan pula, pelajar yang lemah dalam pemikiran menghadapi masalah dalam penjaan dan penghuraian idea. Sri Indrawati (2017) menyatakan bahawa kemahiran penulisan berhubung dengan kemahiran berfikir. Hujah ini juga disokong oleh pandangan Ahmad Fikri dan Zamri (2019) yang berpendapat bahawa kekurangan pelajar dalam penguasaan kemahiran berfikir akan menyebabkan mereka lemah dalam penulisan. Jika kemahiran menulis tidak bertambah baik, keupayaan pelajar untuk menyatakan pemikiran atau idea mereka melalui bentuk bertulis akan berkurangan atau tidak berkembang (A Hamzah, Restu & Asdar, 2018). Oleh itu, pelajar yang lemah berfikir tidak mampu menjana idea dengan berkesan terhadap sesuatu isu bagi menghasilkan penulisan yang lengkap dan bermutu.

Sementara itu, pelajar juga kurang motivasi dalam kelas penulisan. Mengikut pandangan Adi (2019), pembelajaran seseorang akan membuahkan hasil jika ada motivasi. Jadi bagi pelajar yang kurang motivasi nescaya akan mempengaruhi pencapaian mereka dalam penulisan. Ini selari dengan pandangan Siti Zabidah (2006), pelajar yang kurang motivasi

terhadap pembelajaran membawa kesan kepada mutu pencapaian. Lama-kelamaan, pelajar akan berasa bosan sehingga hilang motivasi dalam kelas penulisan. Motivasi berperanan penting dalam menentukan keberkesanan pembelajaran pelajar (Suppiah, Ramlah & Abdul Aziz, 2008). Justifikasinya, motivasi merupakan unsur penting yang mempengaruhi pencapaian akademik pelajar khususnya dalam penulisan.

Di samping itu, sikap guru menjadi salah satu faktor kegagalan pelajar menguasai kemahiran menulis (Che Zanariah & Fadzilah, 2011; Hasnan, 2017; Farah, 2019). Ramai guru yang masih menggunakan kaedah pengajaran tradisonal yang tidak melibatkan pelajar secara aktif dalam proses pembelajaran (Sri Indrawati, 2017). Proses pembelajaran sedemikian akan menyebabkan objektif pembelajaran tidak dapat tercapai dan membawa penurunan pencapaian pelajar dalam penulisan. Pelajar-pelajar mempunyai gaya pembelajaran yang berlainan dan memerlukan pendekatan pembelajaran yang pelbagai. Bhavani dan Zamri (2017) menjelaskan bahawa terdapat guru hanya menggunakan kaedah *chalk and talk* dalam pengajaran tanpa mengambil kira perbezaan gaya pembelajaran dan tahap seseorang. Jelas dilihat guru bertanggungjawab untuk memberikan ruang dan menerajui pembelajaran pelajar di samping meningkatkan motivasi penulisan mereka.

Lebih-lebih lagi, guru masih tidak menguasai strategi yang sesuai untuk menggalakkan pelajar berfikir secara kreatif (Hasnah & Jamaludin, 2017; Muhamamd Faez, Wan Muna & Melor, 2018). Kaedah pengajaran yang tidak memenuhi keperluan pelajar akan menjejaskan pencapaian mereka dalam penulisan (Sri Indrawati, 2017). Pelajar akan menghadapi masalah dalam penulisan jika guru cuma menggunakan kaedah pengajaran yang sama dalam pengajaran teknik menulis. Hal ini disokong oleh Zamri dan Nor Razah (2011), isu guru yang gagal mencetuskan idea dan pemikiran pelajar telah mewujudkan masalah para pelajar tidak melibatkan diri sepenuhnya dalam pembelajaran. Oleh itu, kreativiti guru dalam melaksanakan strategi pengajaran secara fleksibel dan kreatif amat diperlukan.

Konklusinya, pelajar masih lemah dalam penulisan tidak kira dari segi aspek pencetusan idea, penghuraian idea dan juga pemikiran kreativiti. Malah, pelajar juga kekurangan motivasi untuk belajar dalam kelas penulisan. Sementara itu, kelemahan guru untuk melaksanakan kaedah pembelajaran yang sesuai bagi merangsangkan pemikiran kreativiti pelajar dalam penulisan juga menyebabkan masalah ini terus berlarutan. Pelajar sepatutnya harus menguasai kemahiran menulis dengan baik sejak dari zaman sekolah rendah. Tetapi hakikatnya, tahap penguasaan pelajar dalam kemahiran penulisan masih dalam tahap yang membimbangkan (Ahmad Fikri & Zamri, 2019). Justifikasinya, satu mekanisme baharu harus dilaksanakan untuk membantu para pelajar menguasai kemahiran menulis.

Kaedah *Brainwriting*

Kaedah *Brainwriting* diasaskan oleh *Brend Rohrbach* pada tahun 1968 (Rainal, 2016). *Brainwriting* merupakan kaedah pembelajaran yang penyampaiannya melalui penulisan dengan menulis semua yang ada dalam fikiran. (A Hamzah, Restu & Asdar, 2018; Rainal, 2016). *Brainwriting* merupakan sejenis kaedah pemupukan pemikiran kreativiti yang dilaksanakan secara berkumpulan. Oleh itu, idea yang ditulis oleh peserta akan menjadi rangsangan idea baharu bagi ahli yang lain.

Pada masa yang sama, proses hubung kait dan penggabungan idea akan berlaku dalam

proses ini. Siti Rofi'ah (2019) mendefinisikan *Brainwriting* sebagai kaedah untuk mencurahkan idea mengenai sesuatu perkara dan masalah secara bertulis. Dalam pelaksanaan *Brainwriting*, pelajar harus menulis idea mereka secara bertulis pada sekeping kertas. Pelajar juga boleh menambahkan idea atau bertukar idea dengan peserta lain dalam kumpulan. Oleh itu, proses pemikiran dijalankan secara berterusan sehingga rangkaian proses ini dapat menghasilkan idea yang lebih menarik daripada idea asal.

Di samping itu, semua peserta dapat melibatkan diri secara aktif dalam penjanaaan idea. Kaedah *Brainwriting* sebagai teknik kreatif yang melibatkan semua ahli dalam kumpulan untuk bertukar pendapat secara bertulis (Syifana, 2019; Ririn, 2019). Oleh itu, dapat dirumuskan bahawa *Brainwriting* merupakan salah satu kaedah pembelajaran koperatif yang menekankan penjanaaan idea yang banyak dalam masa yang singkat melalui interaksi antara ahli. Namun begitu, interaksi secara lisan tidak berlaku dalam *Brainwriting* tetapi ahli kumpulan berkomunikasi secara bertulis.

Bukan itu sahaja, kaedah *Brainwriting* boleh digunakan sebagai salah satu strategi untuk membuat perenggan. Filda (2015) menjelaskan *Brainwriting* merupakan pengubahsuaian dari idea *Brainstorming* yang dapat merangsang pemikiran dalam penjanaaan idea sebelum menulis perenggan. Kaedah kreatif ini dapat melancarkan proses pembelajaran dan mengurangkan kebosanan pelajar dalam penulisan. A Hamzah, Restu dan Asdar (2018) mendefinisikan kaedah *Brainwriting* merupakan kaedah pembelajaran berpusat pelajar yang digunakan untuk meningkatkan kemahiran menulis. Jelas dilihat bahawa *Brainwriting* boleh merangsang motivasi pelajar dalam kelas penulisan di samping merangsang keupayaan pelajar untuk menjana idea.

Sementara itu, ahli-ahli pasif dan kurang keyakinan diri dapat meluahkan pendapat mereka secara bertulis menerusi *Brainwriting*. Ratih (2016) menjelaskan *Brainwriting* dapat menghasilkan idea-idea yang banyak menerusi perkongsian pendapat dengan rakan-rakan. Kaedah ini juga mengurangkan kemungkinan berlakunya konflik antara ahli-ahli dalam perbincangan kumpulan. Justifikasinya, *Brainwriting* boleh mengurangkan ketakutan dan kegelisahan untuk meluahkan idea dan boleh menghasilkan lebih banyak idea berbanding dengan kaedah sumbang saran konvensional.

Secara keseluruhannya, kaedah *Brainwriting* dapat dikatakan sejenis pembelajaran aktif yang dapat menuntut penglibatan sepenuhnya dari para peserta. Proses penjanaaan idea yang bebas telah mendorong proses penggabungan dan pengembangan idea menerusi pemikiran kreativiti. Oleh itu, proses pemikiran yang berterusan dalam pelaksanaan *Brainwriting* dapat menghasilkan idea yang lebih menarik dan kreatif daripada idea asal. Bukan itu sahaja, keyakinan pelajar terhadap pembelajaran dapat ditingkatkan dan juga mendatangkan impak positif terhadap motivasi pembelajaran mereka.

Cara pelaksanaan dan prinsip-prinsip kaedah *Brainwriting*

Dalam pelaksanaan kaedah *Brainwriting*, Siti Rofi'ah (2019) menjelaskan bahawa pelajar akan dibahagikan ke dalam kumpulan kecil antara empat hingga enam orang. Pelajar duduk dalam bentuk bulatan dan sehelai borang *Brainwriting* diletakkan di meja setiap peserta. Seorang moderator boleh dilantik sebelum pelaksanaan *Brainwriting*. Moderator boleh memberi pencerahan dan pendedahan berdasarkan topik yang dipilih. Setiap pelajar akan menjana tiga idea berdasarkan tajuk perbincangan, kemudian borang *Brainwriting*

diserahkan kepada ahli kumpulan yang lain mengikut pusingan jam. Masa yang diperuntukkan setiap pusingan antara tiga hingga lima minit. Penulisan idea peserta boleh dalam bentuk tulisan, lukisan atau simbol yang boleh difahami. Pelajar boleh menggunakan idea dari peserta lain sebagai rangsangan untuk jana idea baharu atau gunakan idea orang lain untuk memikirkan pengubahsuaian dalam proses penjanaan idea. Proses penulisan idea akan berterusan sehingga peserta menerima semula borang asalnya. Selepas sesi penjanaan idea, moderator akan menapis dan memilih beberapa idea yang dapat difokuskan dalam penulisan.

Kajian Arin, Haniffa & Agung (2018) menerangkan dua prinsip utama dalam pelaksanaan *Brainwriting*. Prinsip yang pertama ialah tiada penilaian terhadap idea yang dijana oleh peserta kerana proses ini bertujuan mengumpul idea yang berkaitan dengan sebanyak mungkin. Elvi dan Fitrawati (2018) menjelaskan bahawa pelajar berasa bebas tulis idea mereka dalam proses *Brainwriting* kerana kritikan dan komen adalah tidak dibenarkan. Oleh itu, Siti Rofi'ah (2019) menyatakan *Brainwriting* dapat menghasilkan idea yang banyak jika dibanding dengan kaedah pembelajaran konvensional.

Prinsip yang kedua ialah pengulangan idea dalam proses *Brainwriting* adalah diterima kerana sumbangan idea setiap ahli adalah tidak dinilai. Jadi, boleh dikatakan kaedah *Brainwriting* memegang prinsip penerimaan sebarang idea yang dicetus dan tiada sebarang kritikan terhadap idea yang dituliskan. Kedua-dua prinsip ini penting dalam mendorong pelajar menjana idea dan pada masa yang sama juga dapat mengurangkan rasa ketakutan pelajar untuk meluahkan idea. Bukan itu sahaja, pelajar yang malu berpeluang meluahkan fikiran secara bertulis. Pada waktu yang sama, pelaksanaan *Brainwriting* dapat memastikan perbincangan dalam kumpulan tidak akan didominasi oleh ahli aktif dan peluang pelajar untuk meluahkan fikiran adalah sama. Dengan ini, proses pemikiran berlaku secara berterusan dan juga membangkitkan pemikiran kreativiti seseorang.

Oleh itu, dapat dirumuskan bahawa kaedah *Brainwriting* merupakan kaedah pembelajaran koperatif yang melibatkan interaksi aktif antara ahli. Kaedah *Brainwriting* juga memberikan kebebasan sepenuhnya kepada peserta bagi mendorong mereka menjana idea tanpa sebarang halangan dan sekatan secara mental.

Kajian lepas penggunaan kaedah *Brainwriting* dalam kemahiran menulis

Dapatan kajian Filda (2015) mendapati *Brainwriting* boleh meningkatkan pencapaian pelajar dalam penulisan. Kemajuan mereka dapat dilihat dari segi skor purata yang meningkat dalam setiap kitaran dalam kajian tindakan. Pelajar juga menikmati pembelajaran mereka dalam penulisan dan melibatkan diri secara aktif. Hasil kajian menunjukkan idea dari pelajar dalam kumpulan boleh menjadi rangsangan kepada pelajar lain. Oleh itu, pelajar lebih mudah menjana idea kerana dapat rangsangan daripada pelajar lain. Bukan itu sahaja, keaktifan pelajar dalam peringkat awal dalam kajian ini hanya 40%. Kemudian ketika pelaksanaan kajian tindakan dalam kitaran pertama tahap keaktifan pelajar ialah 60% dan pada kitaran kedua telah meningkat kepada 85%. Ini membuktikan bahawa keaktifan pelajar dalam penulisan bertambah baik setelah penggunaan kaedah *Brainwriting*. Maka, boleh dikatakan kaedah *Brainwriting* berkesan membantu pelajar untuk meningkatkan motivasi dan minat mereka.

Kajian yang dijalankan oleh Wahyuni, Martono & Agus (2016) adalah untuk mengkaji pengaplikasian kaedah *Brainwriting* untuk meningkatkan penulisan karangan naratif dalam kalangan pelajar sekolah menengah. Sampel kajian ini terdiri daripada 28 orang pelajar yang terdiri daripada 13 pelajar lelaki dan 15 pelajar perempuan. Kajian ini merupakan kajian tindakan dan bersifat kualitatif. Hasil kajian ini menunjukkan kaedah *Brainwriting* dapat memberikan peningkatan dari segi kualiti proses pembelajaran dalam perancangan, pelaksanaan dan keupayaan penulisan pelajar. Hasil kajian juga mendatangkan impak positif terhadap keupayaan guru dalam menguruskan pembelajaran dan pelaksanaan aktiviti pembelajaran yang melibatkan penyertaan pelajar. Melalui kajian ini, dapat dirumuskan bahawa *Brainwriting* dapat memotivasikan pelajar untuk belajar, membolehkan mereka teruja dan mempunyai minat yang tinggi untuk mengambil bahagian dalam penulisan.

Kajian Ratih (2016) terhadap 27 sampel menunjukkan pelaksanaan kaedah *Brainwriting* dapat meningkatkan keupayaan pelajar menulis karangan deskriptif. Peningkatan ini boleh dilihat dari hasil penulisan pelajar dalam ujian pra dan ujian pos. Sebelum kaedah dilaksanakan, pelajar menghadapi kesukaran dalam memahami karangan deskriptif dan menyatakan idea mereka. Mereka tidak dapat menguasai struktur penulisan karangan dan kekurangan kosa kata. Selepas penerapan *Brainwriting* dalam penulisan, dapatan kajian telah menunjukkan bahawa kaedah ini meningkatkan kefahaman pelajar dalam penulisan karangan deskriptif. Hasil kajian menunjukkan *Brainwriting* membolehkan pelajar berkongsi idea antara rakan dalam satu kumpulan dan pelbagai idea dapat diperolehi. Dengan interaksi antara rakan-rakan, pelajar menjadi lebih selesa dan bersemangat untuk mengemukakan idea baharu.

Berliyan (2016) telah menjalankan kajian untuk mengkaji keberkesanan antara kaedah *Brainwriting* dengan teknik *Double Entry Journal*. Hasil kajian memaparkan pembelajaran menulis cerpen yang menggunakan kaedah *Brainwriting* lebih efektif dibandingkan dengan pembelajaran menulis cerpen yang menggunakan strategi *Double Entry Journal*. Hasil kajian menunjukkan *Brainwriting* membolehkan pelajar berkongsi idea antara rakan dalam satu kumpulan dan pelbagai idea dapat diperolehi. Dengan interaksi antara rakan-rakan, pelajar menjadi lebih selesa dan bersemangat untuk mengemukakan idea baharu.

Intan (2017) juga menjalankan kajian berkenaan dengan penggunaan kaedah *Brainwriting* dalam penulisan puisi. Hasil kajian menunjukkan bahawa kaedah *Brainwriting* telah membawa peningkatan pelaksanaan pembelajaran dalam beberapa aspek. Misalnya peningkatan dalam aspek keseronokan dan minat pelajar dalam melibatkan diri dalam pembelajaran. Peningkatan proses pembelajaran diukur dari segi semangat pelajar, keberanian pelajar dalam mengajukan soalan dan penumpuan pelajar semasa pembelajaran. Perubahan-perubahan positif ini telah membawa peningkatan penulisan pelajar. Sebagai rumusan dapatan kajian menunjukkan pelajar lebih bersemangat dan lebih aktif dalam pembelajaran.

Kajian A Hamzah, Restu dan Asdar (2018) menggunakan kaedah *Brainwriting* dalam penulisan teks naratif. Kajian ini menggunakan kaedah kuasi eksperimen dengan melibatkan 60 sampel yang dipilih secara rawak. Pengkaji membahagikan sampel ke kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan. Soal selidik diberikan selepas ujian pos

kepada kumpulan eksperimen untuk mengetahui minat pelajar ketika pelaksanaan kaedah *Brainwriting*. Berdasarkan analisis soal selidik, pengkaji membuat kesimpulan bahawa penggunaan *Brainwriting* dapat mengurangkan kebosanan pelajar dalam pembelajaran dan lebih minat dalam proses penulisan.

Arin, Haniffa dan Agung (2018) menjalankan kajian untuk mengenal pasti keberkesanan kaedah *Brainwriting* dalam meningkatkan keupayaan menulis puisi. Kajian ini berbentuk kajian tindakan dan melibatkan 24 pelajar universiti. Hasil kajian menunjukkan *Brainwriting* memberi impak yang baik kepada pelajar untuk meningkatkan keupayaan menulis puisi dan dapat mencurahkan idea yang lebih kreatif dalam penulisan. Sebagai rumusan kajian, kaedah *Brainwriting* dikatakan berkesan meningkatkan kemampuan sampel dalam penulisan puisi di samping merangsang penjanaaan idea yang asli dan baharu.

Kajian Siti Rofi'ah (2019) berkenaan dengan keberkesanan kaedah *Brainwriting* dalam meningkatkan kemahiran penulisan puisi. Kajian tindakan ini melibatkan 16 sampel. Dapatan kajian menunjukkan keupayaan pelajar menulis puisi meningkat sebanyak 31.2%. Bukan itu sahaja, kemampuan pelajar menjana idea yang asli juga dapat diperhatikan melalui rangsangan idea ahli kumpulan yang lain. Hasil kajian juga mendapati pelajar sentiasa aktif dan bersemangat semasa proses pembelajaran. Pada waktu yang sama, pelajar juga memberi perhatian dan fokus semasa proses pembelajaran. Sebagai rumusan, kaedah *Brainwriting* dikatakan berkesan meningkatkan kemampuan pelajar dalam penulisan puisi di samping merangsang penjanaaan idea yang asli dan baharu.

Dalam kajian Syifana (2019), kaedah *Brainwriting* diaplikasikan dalam kemahiran menulis. Berdasarkan hasil kajian, didapati bahawa prestasi pelajar dalam kemahiran menulis telah meningkat. Hasil kajian ini juga menunjukkan penglibatan pelajar dalam kelas telah meningkat sebanyak 28.57%. Pelajar lebih bersemangat, berminat dan beri perhatian sepenuhnya kerana mereka memahami cara dan peraturan untuk ikut arahan guru dalam pelaksanaan *Brainwriting*. Tambahan pula, mereka berasa lebih senang untuk menjana idea bersama rakan mereka. Ini menunjukkan pelajar berasa selesa dan aktif dalam proses pembelajaran. Selain itu, keupayaan pelajar dalam penulisan juga telah bertambah baik kerana kaedah ini telah membantu pelajar menumpukan perhatian dalam pembelajaran.

Kajian yang dijalankan oleh Ririn (2019) telah menunjukkan kaedah *Brainwriting* dapat meningkatkan kemahiran menulis dalam kalangan pelajar. Dapatan kajian menunjukkan peningkatan yang signifikan dalam kemahiran menulis pelajar. Kajian menunjukkan perbendaharaan kata dan tatabahasa pelajar meningkat melalui latihan penulisan setelah mengaplikasikan kaedah *Brainwriting*. Berdasarkan hasil kajian, pengkaji telah mencadangkan penerapan kaedah *Brainwriting* dalam pengajaran kemahiran menulis. *Brainwriting* dikatakan kaedah yang menarik dan menyeronokkan sehingga pelajar dapat meningkatkan kemahiran menulis mereka. Pengkaji mencadangkan bahawa kaedah ini harus diaplikasikan kepada pelajar secara menyeluruh dalam penulisan agar membantu mereka dalam aspek menjana idea dan belajar dengan penuh semangat.

Secara umum, kajian-kajian lepas menunjukkan keberkesanan penggunaan kaedah *Brainwriting* dalam kemahiran menulis. Dapatan kajian-kajian lepas menunjukkan

peningkatan yang signifikan dari segi keupayaan menjana idea dan juga motivasi pembelajaran setelah menggunakan kaedah *Brainwriting*. Bukan sahaja pencapaian kemahiran penulisan dapat ditingkatkan, kajian-kajian lepas juga telah menunjukkan terdapat perubahan yang positif dari sikap pelajar tidak kira dari segi penglibatan dan juga motivasi pembelajaran.

Teori Konstruktivisme Sosial Vygotsky dalam kaedah *Brainwriting*

Zon perkembangan proksimal (ZPD) ialah ruang aktiviti utama di mana pembelajaran berlaku. Rishabh (2013) menjelaskan bahawa dalam teori *Vygotsky*, setiap orang mempunyai potensi untuk belajar disebut ZPD. ZPD mendedahkan potensi pelajar dan direalisasikan dalam interaksi dengan orang lain yang berpengetahuan atau dalam konteks sokongan lain. Prinsip dalam teori ini selari dengan ciri *Brainwriting* yang membolehkan individu berkongsi idea dengan ahli kumpulan melalui pertukaran idea yang ditulis pada kertas (Ririn, 2019). Maka, pelajar berpeluang mendapat rangsangan idea dari ahli kumpulan yang berkeupayaan untuk menjana idea yang baharu atau mengembangkan idea asal dalam proses pelaksanaan *Brainwriting*.

Dalam teori *Vygotsky*, pelajar yang lemah dapat menguasai pembelajaran dengan bantuan tenaga pengajar atau rakan sebaya yang lebih berkemampuan. Teori *Vygotsky* percaya bahawa pelajar dapat memperoleh pencapaian dan kemajuan menerusi pembelajaran koperatif (Irina, 2010). Filda (2015) menjelaskan bahawa *Brainwriting* membantu pelajar dalam menjana dan mengembangkan idea bersama rakan mereka dalam satu kumpulan. Hal ini berlaku demikian kerana pembelajaran melalui usaha kolaboratif dengan orang yang lebih mahir membolehkan pelajar dapat menguasai konsep dan kemahiran baharu.

Karim (2010) menekankan pembelajaran pasif yang bergantung kepada guru akan menghalang pembelajaran pelajar dalam ZPD mereka. Maka, guru perlu membuat perubahan dalam kerjaya mereka dan meneruskan profesional keguruan dengan penerapan pembelajaran aktif. Pada waktu yang sama, guru perlu mempelajari cara-cara untuk melibatkan pelajar dalam pengalaman pembelajaran koperatif melalui penyertaan dalam ZPD pelajar (Rishabh, 2013). Ini dapat melibatkan pembangunan fungsi mental pelajar yang lebih tinggi, seperti keupayaan untuk merancang, menilai, menghafal dan membuat ulasan. Ini menepati ciri *Brainwriting* yang merupakan rangkaian proses pemikiran yang akan membangkitkan kemampuan intelektual seseorang (A Hamzah, Restu & Asdar, 2018). Jelas dilihat bahawa teori *Vygotsky* yang menuntut bimbingan orang yang berpengalaman dalam zon ZPD selari dengan prinsip *Brainwriting* yang membantu pelajar dalam menjana dan mengembangkan idea bersama rakan mereka dalam satu kumpulan.

Lebih-lebih lagi, manusia mencari interaksi yang bermakna dengan persekitaran dan membina pengetahuan tentang diri sendiri dan dunia melalui interaksi sosial. *Vygotsky* (1978) percaya bahawa semua fungsi mental yang lebih tinggi mesti disaring terlebih dahulu melalui faktor luaran dalam bentuk interaksi sosial (Stacey & William, 2004). Ini mempunyai persamaan dengan prinsip pelaksanaan *Brainwriting* iaitu setiap ahli menulis idea dan diserahkan kepada ahli yang lain untuk membacanya dan menambahkan maklum balas atau menjana idea sendiri (Ririn, 2019). Teori *Vygotsky* juga menegaskan bahawa pembangunan kognitif dibangunkan bagi memastikan seseorang dapat berinteraksi dengan masyarakat melalui cara yang bermakna. Nina (2016) pula menjelaskan bahawa

Brainwriting merupakan kaedah yang cuba menggalakkan penyertaan yang lebih seragam dalam kumpulan dan ia direka untuk menghasilkan banyak idea dalam masa yang singkat. Interaksi dan pengaruh sosial dapat membawa kepada pemikiran aras tinggi (Noriati, Boon & Sharifah, 2012). Oleh itu, boleh dikatakan *Brainwriting* memenuhi ciri teori *Vygotsky* iaitu individu membangunkan kognitif dan intelektual melalui konteks sosial.

Penyepaduan tingkah laku atau penyatuan minda dan interaksi sosial adalah ciri utama teori perkembangan *Vygotsky* kerana ia bertepatan dengan ciri membentuk perkembangan manusia (Karim, 2016). Interaksi sosial mesti dirangka dalam aktiviti yang mempunyai tujuan yang jelas. Hal ini berlaku demikian agar interaksi sosial dapat membawa pembangunan kepada manusia. Karim juga menyatakan interaksi sosial mesti dilaksanakan dalam aktiviti pembelajaran koperatif yang mempunyai matlamat yang jelas seperti aktiviti penyelesaian masalah bersama. Ini selari dengan prinsip *Brainwriting* yang menekankan pembelajaran koperatif dalam menjana idea yang banyak berdasarkan masalah yang dihadapi dalam masa yang paling singkat (Syifana, 2019). Dari perspektif *Vygotsky*, ahli kumpulan boleh menyediakan idea kolektif untuk membetulkan masalah pembelajaran mereka. *Brainwriting* pula membolehkan pelajar boleh saling menambah atau mengubah idea dengan ahli lain dalam kumpulannya berdasarkan topik perbincangan (Berliyan, 2016). Justifikasinya, *Brainwriting* selari dengan prinsip teori *Vygotsky* yang menekankan peranan interaksi sosial dalam pembelajaran dan pembangunan idea.

Dalam pelaksanaan kaedah *Brainwriting*, setiap peserta berusaha memperbaiki atau mengembangkan semua idea dalam kumpulan. Irina (2010) menjelaskan pembelajaran dalam konteks teori *Vygotsky* dapat membangkitkan pelbagai proses pembangunan dalaman apabila individu berinteraksi dengan orang yang lebih berpengalaman. Karim (2010) menjelaskan dalam pandangan teori *Vygotsky*, individu belajar dengan lebih baik semasa bekerjasama dengan orang lain. Ini selari dengan prinsip *Brainwriting* yang menggalakkan pelajar saling menambah atau bertukar idea dengan ahli lain dalam kumpulan (Ratih, 2016). Kaedah *Brainwriting* juga berguna untuk mendorong pelajar yang pendiam atau kurang yakin supaya dapat menyatakan idea mereka dalam bentuk penulisan. Kaedah ini juga dapat membantu pelajar yang malu, takut dan cemas meluahkan idea secara lisan dapat menjana idea secara bertulis dengan bebas. Secara umum, boleh dikatakan *Brainwriting* selari dengan prinsip teori *Vygotsky* yang memberi kebebasan kepada pelajar untuk menilai dan menjana pengetahuan diri melalui interaksi sosial.

Oleh itu, jelaslah bahawa interaksi sosial merupakan kerangka dalam teori *Vygotsky* untuk pembelajaran dan pembangunan pengetahuan. Teori ini menekankan kemahiran kognitif dan perkembangan intelektual pelajar boleh dicapai menerusi interaksi sosial. Pembelajaran menerusi kaedah *Brainwriting* menyediakan strategi di mana pelajar dapat belajar antara satu sama lain menerusi lingkungan sosial yang menepati ciri-ciri dalam teori *Vygotsky*. Penggunaan kaedah *Brainwriting* memberikan insentif kepada pelajar yang lebih berkemampuan untuk membantu mereka yang kurang mampu dalam proses penajanaan idea yang selari dengan prinsip ZPD dalam teori *Vygotsky*. Konklusinya, kaedah *Brainwriting* memenuhi ciri-ciri teori *Vygotsky* yang berdasarkan pembelajaran berasaskan konteks sosial, mengalami pembelajaran yang bermakna dan bertanggungjawab terhadap pembinaan pengetahuan sendiri.

Implikasi penggunaan kaedah *Brainwriting* dalam kemahiran menulis

Kaedah *Brainwriting* membawa proses penjanaan idea yang berterusan dan membawa impak positif meningkatkan kemahiran pelajar dalam menulis. *Brainwriting* merupakan kaedah yang menghasilkan idea-idea dengan cepat dengan mengarahkan peserta untuk menulis idea mereka pada kertas dan bertukar kertas dengan ahli lain dalam kumpulan mereka (Dian & Haryanto, 2018). Proses penulisan idea akan berterusan sehingga lembaran kerja diisi sepenuhnya dan diikuti dengan sesi ulasan idea. Dalam sesi akhir *Brainwriting*, idea-idea yang berulang akan disingkir dan idea yang berkualiti dan bernilai akan dipilih dan difokuskan. Setiap peserta dalam *Brainwriting* perlu menjana idea tidak kira mengembangkan idea asal daripada ahli lain atau menulis idea yang baharu (Ririn, 2019). Hasil kajian lepas selaras dengan pandangan Berliyan (2016) iaitu kewujudan kaedah *Brainwriting* dipercayai dapat membantu guru meningkatkan kemahiran menulis dalam kalangan pelajar. Justeru itu, pelajar dapat meningkatkan penguasaan dalam kemahiran menulis dan juga mencapai peningkatan dalam pencapaian akademik.

Selain itu, keyakinan dan kesediaan pelajar dalam mempelajari kemahiran menulis juga dapat ditingkatkan. *Brainwriting* berguna untuk mendorong pelajar pasif atau pelajar yang tidak percaya keupayaan diri untuk menjana idea mereka dalam bentuk bertulis (Dian & Haryanto, 2018; Syifana, 2019). Hujah ini disokong oleh Ratih (2016) bahawa ahli-ahli pasif dan kurang keyakinan diri dapat menikmati keseronokan pembelajaran menerusi kaedah *Brainwriting*. Dalam pelaksanaan kaedah *Brainwriting*, pelajar dapat memberikan pendapat atau idea secara bertulis dan juga boleh membantu pelajar yang kurang yakin meluahkan fikiran mereka (Afrida & Julianto, 2018). Oleh itu, keyakinan pelajar dapat dilahirkan dalam proses pembelajaran di samping mewujudkan pembelajaran yang menyeronokkan. Melalui pembinaan keyakinan dalam proses pembelajaran penulisan, pelajar akan lebih yakin dan lebih menumpukan perhatian dalam penulisan.

Kaedah ini juga dapat mengatasi masalah perbincangan dalam kumpulan didominasi oleh ahli yang aktif. Jadi, setiap pelajar mempunyai penglibatan yang adil dalam pembelajaran dan masalah pembelajaran dalam kumpulan didominasi oleh pelajar aktif dapat dielakkan. Malah pelajar berpeluang menyumbangkan idea masing-masing. Kajian lepas juga menunjukkan penggunaan kaedah *Brainwriting* dapat melibatkan pelajar secara aktif (Wahyuni, Martono & Agus, 2016). Pesekitaran pembelajaran yang selesa akan memupuk pelajar yang berfikiran positif, imaginatif dan inventif (Siti Zabidah, 2006). Boleh dirumuskan bahawa pelajar mempunyai peluang yang sama untuk berinteraksi sesama rakan dan guru untuk berkongsi buah fikiran bagi menjana idea baharu.

Bukan itu sahaja, kemahiran sosial pelajar dapat dipupuk melalui pengaplikasian kaedah ini. Pelajar juga dapat belajar menerima idea orang lain dengan hati yang terbuka dan sentiasa hormat kepada ahli kumpulannya. Kaedah *Brainwriting* dapat membantu pelajar memainkan peranan penting dan bertanggungjawab terhadap pembelajaran sendiri. Dalam pelaksanaan kaedah *Brainwriting*, setiap pelajar harus menulis idea dan secara tidak langsung akan melatih mereka bertanggungjawab terhadap pembelajaran sendiri dan guru cuma bertindak sebagai fasilitator (Ratih, 2016). Selain itu, pelajar berupaya membangunkan pengetahuan dan menghubungkan kait pengetahuan ketika interaksi sosial

berlaku. Ini selari dengan pandangan Filda (2015), pelajar-pelajar dapat menikmati proses pembelajaran dalam penulisan dan juga lebih aktif.

Kajian lepas juga menunjukkan penggunaan kaedah *Brainwriting* dapat meningkatkan motivasi pembelajaran pelajar. Maka boleh dikatakan pelajar dapat meningkatkan tumpuan dan motivasi sendiri menerusi kaedah *Brainwriting*. Hujah ini juga disokong oleh Zaliza dan Zaitul Azma (2013) yang menyatakan bahawa motivasi merupakan penggerak dalaman yang mendorong pelajar aktif dalam proses pembelajaran. Motivasi wujud secara intrinsik dalam penerapan kaedah *Brainwriting*. Dengan ini, pelajar akan bermotivasi secara intrinsik untuk meneruskan pembelajaran dalam penulisan walaupun menghadapi masalah yang mencabar. Hal ini berlaku demikian kerana pelajar menunjukkan minat dalam menulis dengan mengembangkan idea secara bebas dan juga mengurangkan kebosanan pelajar dalam proses penulisan (Filda, 2015). Ini selari dengan pandangan Krystle (2012) bahawa motivasi intrinsik penting dalam pembelajaran dan pembangunan pelajar. Unsur minat, kepercayaan yang optimis mengenai keupayaan seseorang dalam pembelajaran juga dapat membantu pelajar meningkatkan motivasi mereka (Yuan, 2009). Pelajar akan bermotivasi untuk menulis apabila mendapat pengiktirafan dari segi keupayaan dalam penulisan. Oleh itu, pelajar dapat bermotivasi secara intrinsik dan berminat belajar dengan inisiatif sendiri bagi menjana idea penulisan dalam pelaksanaan kaedah *Brainwriting*.

Lain daripada itu, kaedah *Brainwriting* berkisar kepada unsur pemikiran kreatif dalam aspek penjanaan idea. Kaedah *Brainwriting* dapat memberikan ruang kepada seseorang untuk berfikir di samping merangsang pemikiran kreativiti dan imaginatif (Ririn, 2019). Kaedah *Brainwriting* merupakan strategi pengajaran yang berkesan untuk membangunkan dan merangsang kreativiti pelajar (Rainal, 2016). Ini selaras dengan hasrat kerajaan yang menuntut pelajar-pelajar berkemampuan menguasai pemikiran kreatif dan kritis, kebolehan belajar dan penaakulan untuk menempuh cabaran dalam peredaran zaman teknologi yang pesat (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013). Pemupukan pemikiran kreativiti penting untuk melatih minda pelajar berfikir di luar kotak supaya mereka mampu mencari penyelesaian dan meneroka ilmu.

Pada waktu yang sama, kaedah *Brainwriting* dapat melatih pemikiran aras tinggi pelajar untuk mengkoordinasi dan menjana idea yang bermakna. Ini selari dengan pandangan Rahmat, Kasmansyah dan Zahra (2018) bahawa *Brainwriting* dapat menghasilkan corak pembelajaran yang aktif, kreatif dan inovatif dengan memfokuskan sumbang saran sebagai maklum balas pelajar untuk menjana idea secara bergilir. Afrida dan Julianto (2018) menyatakan bahawa *Brainwriting* dianggap kaedah pembelajaran yang dapat meningkatkan kreativiti untuk mencari idea. *Brainwriting* dapat menggalakkan pelajar berfikir secara kreatif dalam penghasilan idea di samping meningkatkan penglibatan pelajar dalam pembelajaran. Ini sama dengan pandangan Peter (2009), pelajar berpotensi menjana idea yang lebih baik dan banyak apabila menggunakan *Brainwriting*. Jelas dilihat kaedah *Brainwriting* sesuai digunakan untuk memupuk pemikiran kreatif pelajar bagi menggalakkan mereka meluahkan idea secara bertulis.

Secara tuntas, pengaplikasian kaedah *Brainwriting* diharapkan dapat memberikan sumbangan dalam pembelajaran bahasa terutamanya dalam aspek kemahiran menulis.

Pada masa yang masa, kaedah ini turut membawa banyak impak positif kepada pelajar secara tidak langsung dari segi pemikiran, keyakinan diri, motivasi dan juga kemahiran interaksi sosial.

Kesimpulan

Kemahiran menulis merupakan kemahiran bahasa yang didedahkan dari peringkat prasekolah hingga peringkat universiti dan perlu dikuasai oleh setiap pelajar. Mengikut pandangan Farah (2019), pelajar sepatutnya mendapat pengetahuan dan mampu menguasai kemahiran menulis yang kukuh sejak bangku sekolah. Jika masalah-masalah ini tidak diatasi, maka pelajar akan terus lemah dalam penguasaan kemahiran menulis. Maka, kesedaran positif harus dibentuk dalam kalangan pelajar terlebih dahulu bagi mengubah sikap pembelajaran yang pasif dalam penulisan sebelum ini.

Dengan kata lain, pelaksanaan kaedah *Brainwriting* diharapkan dapat mengubah persepsi pelajar terhadap penulisan dengan menerapkan pembelajaran koperatif yang menekankan interaksi sosial untuk memupuk kemahiran menulis. Ringkasnya, interaksi sosial dapat meningkatkan minat, meningkat motivasi dan penglibatan individu (Paul, Horberg & Isabelle, 2017). Oleh itu, kaedah *Brainwriting* sesuai diterapkan untuk meningkatkan keupayaan pelajar dalam penghasilan dan pengembangan idea yang dapat membawa kemajuan dalam kemahiran menulis.

Kertas konsep ini membawa kepentingan kepada banyak pihak iaitu pelajar, para pendidik, pihak sekolah dan juga kerajaan. Kertas konsep ini memberikan gambaran yang menyeluruh tentang penggunaan kaedah *Brainwriting* dalam membantu pelajar dalam menguasai kemahiran menulis. Penerapan kaedah *Brainwriting* diharapkan membentuk motivasi pembelajaran dan pemikiran kreativiti pelajar melalui penglibatan yang aktif dalam aktiviti kumpulan. Kebolehan penjanaan idea dapat dikuasai oleh pelajar menerusi pengaplikasian kaedah *Brainwriting*. Seterusnya, kaedah ini mampu memupuk keupayaan pelajar mencetuskan dan mengembangkan idea ke arah pemikiran bersifat kreativiti.

Di samping itu, para pendidik juga mendapat kesedaran bahawa keperluan pelaksanaan pembelajaran berpusat pelajar menerusi kertas konsep ini. Para pendidik harus melatih pelajar menjana dan meneroka ilmu dan bukannya menerima pengetahuan secara pasif dari persekitaran. Para pendidik akan sedar kepentingannya memainkan peranan sebagai fasilitator dan perancang kaedah pengajaran yang sesuai dengan tahap penguasaan pelajar. Para pendidik juga dapat memperbaiki amalan pengajaran untuk mewujudkan pembelajaran yang seronok berdasarkan kertas konsep ini.

Bukan itu sahaja, para pendidik turut dapat melaksanakan strategi pengajaran mengikut kehendak zaman untuk melahirkan modal insan yang berfikiran kreatif. Muhamamd Faez, Wan Muna & Melor (2018) menjelaskan guru memikul tanggungjawab untuk memupuk pemikiran kreativiti dalam kalangan pelajar dan memerlukan kompeten guru bagi menyalurkan aspek pemikiran kreatif dalam pengajarannya. Walaupun kemahiran berfikir secara kreatif bukan diajar sebagai mata pelajaran tetapi elemen-elemennya telah disebutkan dalam semua mata pelajaran. Oleh itu, secara tidak langsung kertas ini mampu meningkatkan mutu pengajaran para pendidik.

Sementara itu, kertas konsep ini juga penting kepada pengurusan sekolah dalam peningkatan pencapaian akademik dan menjadi sumber bagi pihak sekolah untuk merancang program yang dapat memupuk minat dalam aktiviti penulisan. Pihak sekolah harus mendorong para pendidik di sekolahnya mengaplikasi kaedah *Brainwriting* dalam bilik darjah. Melalui perkongsian, adalah diharapkan para pendidik dapat memperkasakan profesionalisme sendiri bagi meningkatkan mutu pengajaran. Inovasi strategi dan kaedah pengajaran dalam kalangan guru juga boleh meningkatkan pencapaian akademik sekolah. Peningkatan prestasi pelajar dapat mewujudkan iklim sekolah yang sihat dari segi emosi dan mental. Hal ini berlaku demikian kerana pihak guru dan para pelajar tidak perlu memikul tekanan dalam pencapaian akademik.

Dalam pada itu, kertas konsep ini juga memberi informasi dan panduan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam merangka kurikulum yang bersesuaian untuk meningkatkan penglibatan pelajar dalam pembelajaran khususnya dalam kemahiran menulis. Penggubal kurikulum boleh menerapkan lebih banyak unsur kreativiti dalam merangka kurikulum yang sesuai dengan gaya pembelajaran dan tahap pelajar. Pihak KPM boleh menggalakkan para pendidik melaksanakan kaedah pengajaran yang kreatif untuk membantu pelajar menguasai kemahiran menulis. Kertas konsep ini diharapkan boleh dijadikan rujukan kepada KPM dalam perancangan reformasi dan inovasi dalam aspek kemahiran menulis.

Namun begitu, kertas konsep ini hanya menumpukan kepada penggunaan kaedah *Brainwriting* dalam membantu pelajar menguasai kemahiran menulis. Penulis mencadangkan kajian lanjutan meninjau tentang kesesuaian dan keberkesanan kaedah *Brainwriting* dalam kemahiran bahasa yang lain seperti kemahiran bertutur dan kemahiran membaca. Selain itu, pengaplikasian kaedah *Brainwriting* tidak hanya terhad dalam mata pelajaran bahasa tetapi boleh diterapkan dalam mata pelajaran lain bagi menjana dan memupuk pemikiran aras tinggi dalam kalangan pelajar. Bukan itu sahaja, penulis juga mencadangkan pengkaji yang lain boleh menjalankan kajian lanjutan tentang penggunaan *Brainwriting* untuk meningkatkan kreativiti dan motivasi pelajar dalam pembelajaran.

Sebagai rumusan, kaedah *Brainwriting* merupakan teknik penghasilan idea secara bertulis yang berunsur kolektif bagi menghuraikan dan mengembangkan idea (Rainal, 2016). Afrida & Julianto (2018) menjelaskan bahawa kaedah *Brainwriting* ialah kaedah yang sesuai untuk menyelesaikan masalah dengan membangunkan pelbagai idea bermula dari memahami permasalahan, melaksanakan pelan penyelesaian dan memeriksa tahap penyelesaian. *Brainwriting* merupakan pembelajaran koperatif yang memerlukan kerjasama antara ahli untuk menjana idea yang kreatif di samping memerlukan penyertaan aktif peserta bagi mencapai objektif. Kaedah *Brainwriting* dapat melatih pelajar memberikan pendapat atau idea secara bertulis dan juga boleh membantu pelajar yang kurang yakin meluahkan fikiran mereka. Kertas konsep ini boleh memberikan sumbangan dalam pembelajaran bahasa terutamanya dalam membantu pelajar menguasai kemahiran menulis. Oleh itu adalah diharapkan melalui penerapan kaedah *Brainwriting* dapat sekaligus menyelesaikan isu-isu yang telah lama wujud dalam penulisan.

Rujukan

A Hamzah, F., Restu, J., & Asdar. (2018). Brainwriting learning model using episodic memory in teaching narrative text. *Exposure Journal*, 7(2), 90-105.

Abdul Rashid Jamian, Shamsuddin Othman, & Sufiza Ishak. (2013). Interaksi lisan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 3(1), 42-51.

Adi, S. (2019). *Pedoman penyusunan dan penulisan jurnal ilmiah bagi guru*. Yogyakarta: Penerbit Deepublish.

Afrida, N. T., & Julianto. (2018). Pengaruh penggunaan metode Brainwriting terhadap kemampuan pemecahan masalah. *JPGSD*, 925-934.

Ahmad Fikri Abdul Rahman, & Zamri Mahamod. (2019). Teknik lakaran bersama peta alir i-think meningkatkan kemahiran menjana idea murid etnik Lun Bawang dalam karangan autobiografi. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 9(1), 12-22.

Arin, N., Haniffa, P., & Agung, S. (2018). Using of Brainwriting to write a poem for first semester students of English study Program Muhammadiyah University of Bengkulu. Tesis Sarjana Muda. Universitas Muhammadiyah Bengkulu.

Azieyana, A., & Christina, A. (2018). Penggunaan strategi pembelajaran koperatif untuk meningkatkan tahap kemahiran berfikir aras tinggi pelajar. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 43(1), 1-9.

Berliyan, A. F. (2016). Komparasi penggunaan strategi Brainwriting dan strategi double entry journal dalam pembelajaran menulis cerpen. Tesis Sarjana Muda. Universitas Negeri Yogyakarta.

Bhavani, S., & Zamri Mahamod. (2017). Keberkesanan pembelajaran koperatif terhadap pencapaian dan motivasi murid sekolah menengah dalam pembelajaran bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 7(1), 11-23.

Che Zanariah Che Hassan, & Fadzilah Abdul Rahman. (2011). Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis di sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 67-87.

Dian, P. K. D., & Haryanto. (2018). Bigbook writing based Brainwriting learning at the primary school. *Journal of Physics*, 1-7.

Elvi, K. S., & Fitrawati. (2018). Using 6-3-5 Brainwriting in helping senior high school students doing Brainstorming in writing process. *Journal of English Language Teaching*, 7(3), 531-538.

- Farah, A. M. (2019). Keberkesanan pembelajaran berasaskan masalah terhadap pencapaian dan kemahiran berfikir aras tinggi pelajar dalam penulisan karangan bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 9(1), 33-46.
- Filda, H. D. (2015). The use of Brainwriting 6-3-5 technique to improve students' writing ability of recount text. Tesis Sarjana Muda. Walisongo State Islamic University Semarang.
- Hasnah Isnon, & Jamaludin Badusah. (2017). Kompetensi guru bahasa Melayu dalam menerapkan kemahiran berfikir aras tinggi dalam pengajaran dan pembelajaran. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 7(1), 56-65.
- Hasnan, M. S. (2017). Kaedah pembelajaran membina karangan secara efektif dalam kalangan murid tahun empat dengan menggunakan 'Gerabak Bahasa'. *International Conference on Global Education V*, 2855-2864.
- Intan, R. B. (2017). Peningkatan keterampilan menulis puisi dengan penerapan strategi Brainwriting. Tesis Sarjana Muda. Universitas Negeri Yogyakarta.
- Irina, M. V. (2010). Vygotsky in twenty-first-century research. *Proceedings of World Conference on Educational Multimedia, Hypermedia and Telecommunications*, 16-25.
- Karim, S. (2010). Vygotsky's zone of proximal development: instructional implications and teachers' professional development. *English Language Teaching*, 3(4), 237-248.
- Karim, S. (2016). Applications of Vygotsky's sociocultural approach for teachers' professional development. *Cogent Education*, 1-10.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan pembangunan pendidikan Malaysia 2013-2025*.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2019). *Pelaporan pentaksiran sekolah rendah*.
- Krystle, V. (2012). Intrinsic motivation in the classroom. *Journal of Student Engagement: Education Matters*, 2(1), 30-35.
- Muhamamd Faez Nurazman Amrullah, Wan Muna Ruzanna Wan Mohamad, & Melor Md Yunus. (2018). Penerapan kemahiran berfikir aras tinggi dalam pengajaran karangan upsr oleh guru bahasa Melayu: Satu Kajian Kes. *Sains Humanika*, 27-37.
- Nina, K. V. (2016). Teaching writing skill by using Brainwriting. *Journal of Languages and Literature*, 68-77.
- Norfaizah Abdul Jobar, Anida Sarudin, & Idris Mohd Radzi. (2015). Pola tematik dan implikasinya dalam pengajaran penulisan karangan. *Jurnal Pendeta*, 73-89.
- Noriati Abdul Rashid, Boon, P. Y., & Sharifah Fakhriah. (2012). *Murid dan alam belajar*. Shah Alam: Oxford Fajar Sdn. Bhd.

Nur Shakirah Azizan, & Muhammad Saiful Haq Hussin. (2017). Penguasaan asas membaca bahasa Melayu melalui program Linus di utara semenanjung Malaysia. *Jurnal Pengajian Melayu*, 135-163.

Nur Syaza Farha Diyazid, Shamsudin Othman, & Azhar Md Sabil. (2017). Penggunaan kaedah pembelajaran koperatif Jigsaw II terhadap pencapaian pembelajaran teks puisi tradisional dalam kalangan pelajar kolej vokasional. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 7(2), 41-50.

Nurul Aisyah Abdullah, Zamri Mahamod, & Nor Azwa Hanum Nor Shaid. (2016). Faktor-faktor yang mempengaruhi penulisan karangan bahasa Melayu pelajar sekolah menengah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 6(2) , 1-9.

Paul, A. O., Horberg, E. J., & Isabelle, P. (2017). *The Science of interest*. Switzerland: Springer International Publishing.

Peter, A. H. (2009). Better than brainstorming? potential contextual boundary conditions to Brainwriting for idea generation in organizations. *Journal of Occupational and Organizational Psychology*, 129–145.

Rahmat, R., Kasmansyah, & Zahra, A. (2018). Pengaruh model pembelajaran Brainwriting terhadap kemampuan menulis puisi siswa kelas VIII SMP Negeri 13 Palembang. *Jurnal Logat*, 5(2),181-192.

Rainal Hidayah. (2016). Prosedur penjanaan idea menggunakan teknik sumbang saran untuk kursus eksplorasi reka bentuk tekstil di Universiti Teknologi Mara Malaysia. Tesis Dr.Fal. Universiti Malaya.

Ratih, P. (2016). The use of Brainwriting strategy to improve the students' writing skill in descriptive text. Tesis Sarjana Muda. State Institute For Islamic Studies(Iain) Salatiga.

Ririn, N. H. (2019). The implementation of Brainwriting 6-3-5 method to improve students' writing skills for the eleventh grades students of SMK Muhammadiyah Salatiga in the academic year 2019/2020. Tesis Sarjana Muda. State Institute For Islamic Studies (Iain) Salatiga.

Rishabh, K. M. (2013). Vygotskian perspective of teaching-learning. innovation: *International Journal of Applied Research*, 1(1),21-28.

Shahlan Surat, Shalinawati Ramli, & Saemah Rahman. (2013). Sumbangan elemen metakognitif terhadap pencapaian penulisan karangan. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 3(2), 79-91.

Siti Rofi'ah. (2019). Peningkatan kemampuan belajar bahasa Indonesia siswa dengan metode Brainwriting melalui menulis puisi bebas. Tesis Sarjana Muda. Institut Agama Islam Negeri Salatiga.

Siti Zabidah Mohamed. (2006). Kesan pendekatan penyebatian kemahiran berfikir kreatif dalam pengajaran karangan deskriptif dan karangan imaginatif dalam kalangan pelajar tingkatan IV. Tesis Dr. Fal. Universiti Sains Malaysia.

Sri Indrawati. (2017). Pencapaian kualiti dalam penulisan karangan mod eksposisi berdasarkan pendekatan kontekstual. Tesis Dr. Fal. Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Suppiah, N., Ramlah Jantan, & Abdul Aziz Abdul Shukor. (2008). *Psikologi pendidikan*. Shah Alam: Oxford Fajar Bakti.

Syifana, A. T. (2019). Improving The students' writing skill by using Brainwriting 6-3-5 technique among the eighth grade at Mts Muhammadiyah Bumi Nabung. Tesis Sarjana Muda. State Institute For Islamic Studies Of Metro.

Stacey, T. L, & William, G. H. (2004). Connecting cognitive development and constructivism: implications from theory for instruction and assessment. *Constructivism in the Human Sciences*, 9(1), 67-90.

Wahyuni, O., Martono, & Agus, W. (2016). Penerapan teknik Brainwriting untuk meningkatkan menulis wacana narasi pada siswa kelas XI TPHP SMK. *Jurnal Pendidikan dan Pembelajaran Khatulistiwa*, 1-15.

Yuan, K. (2009). A brief discussion on motivation and ways to motivate students in English language learning. *International Education Studies*, 2(2),145-149.

Yusfaiza Yusuff, & Mohd Ishah Awang. (2012). Aplikasi pembelajaran Jigsaw II dalam pengajaran penulisan bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 2(2),62-70.

Zaliza Mohamad Nasira, & Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2013). Sikap dan motivasi pelajar terhadap pembelajaran bahasa Melayu. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 408-415.

Zamri Mahamod, & Nor Razah Lim. (2011). Kepelbagaian kaedah penyoalan lisan dalam pengajaran guru bahasa Melayu: kaedah pemerhatian. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 51-65.

Tinjauan Sistematis Pembelajaran Kooperatif Menggunakan Kaedah *Jigsaw* Dalam Penulisan Bahasa

Tee, Y. H. & Amran, M. S.

Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia

yhui6137@gmail.com, syawal@ukm.edu.my

ABSTRAK

Pengenalan- Pembelajaran kooperatif *Jigsaw* merupakan salah satu amalan pedagogi yang ditransformasikan dari pengajaran tipikal berpusatkan guru kepada pengajaran berpusatkan murid. Kaedah *Jigsaw* yang mementingkan komponen sosialisasi dan budaya perkongsian ilmu sesama pelajar menjadi semakin popular dalam bidang pendidikan. Melalui budaya kerjasama, pelajar dapat mencapai matlamat dan menyelesaikan masalah yang tidak dapat diatasi secara bersendirian.

Objektif- Tujuan kajian ini adalah untuk meninjau secara sistematik berkaitan pembelajaran kooperatif menggunakan kaedah *Jigsaw* dalam penulisan bahasa.

Metodologi- Tinjauan sistematik ini melibatkan analisis secara induktif dengan pencarian sebanyak 19 buah artikel dan jurnal yang berimpak tinggi melalui enjin pencarian Educational Resources Information Centre (ERIC), Researchgate, Google Scholar, Springerlink, ScienceDirect dan Scopus. Pencarian adalah dengan menggunakan kata kunci seperti teknik *Jigsaw*, *Jigsaw* classroom, kooperatif *Jigsaw*, dan *Jigsaw* pembelajaran penulisan. Kajian ini membuat tinjauan tentang jenis kaedah *Jigsaw*, instrumen yang digunakan dalam kajian penulisan *Jigsaw* dan implikasi pengajaran kooperatif *Jigsaw*.

Dapatan- Dapatan tinjauan menunjukkan bahawa jenis kaedah *Jigsaw* II lebih banyak digunakan dalam kajian lepas dibandingkan dengan kaedah *Jigsaw* I. Kebanyakan kajian menggunakan instrumen soal selidik dan ujian sebagai skala pengukuran motivasi penulisan, kreativiti dalam penulisan dan pencapaian pelajar dalam pembelajaran penulisan. Hasil tinjauan juga mengenalpasti bahawa kaedah kooperatif *jigsaw* membawa implikasi positif terhadap pembelajaran penulisan.

Kepentingan- Kesimpulannya, dapatan kajian ini memberi gambaran kepada pengkaji lain tentang jenis kaedah *Jigsaw* I dan *Jigsaw* II serta implikasi positifnya dari pelbagai perspektif. Selain itu, kajian ini menjadi panduan kepada pengkaji lain untuk membuat pengubahsuaian dan membina instrumen yang berkaitan dengan pembelajaran penulisan dalam kajian lanjutan.

Kata Kunci: kaedah *Jigsaw*, kreativiti, motivasi, pembelajaran kooperatif, penulisan, Bahasa

Pengenalan

Kemahiran menulis dianggap sebagai sumber pemerolehan ilmu pengetahuan dan pengukuran terhadap pelaksanaan tugas professional serta pencapaian (Anthony Aloysius dan Yahaya, 2017). Justeru itu, kemahiran menulis perlu disampaikan oleh guru kepada pelajar secara berperingkat iaitu dari mudah sehingga ke tahap yang kompleks (Noor Habsah & Yahya, 2018). Hal ini menunjukkan pembelajaran penulisan haruslah dirancang secara sistematik dan bersesuaian dengan tahap perkembangan pelajar bagi tujuan mencapai objektif pembelajaran secara optimum.

Dalam dunia pendidikan, kemahiran menulis bukan sekadar kemahiran menghasilkan sebuah karangan. Menurut Rohaida dan Zamri (2015), kemahiran menulis juga menggambarkan perkembangan bahasa seseorang pelajar. Perkembangan bahasa ini berkait rapat dengan proses mengembang idea, menterjemah idea, menyampaikan idea dan menilai idea secara verbal dalam penulisan. Selain itu, pelajar-pelajar juga perlu menguasai kemahiran berfikir sebagai asas untuk menulis karangan. Dalam konteks penulisan, kemahiran berfikir menuntut seseorang penulis untuk berfikir secara aras tinggi, menganalisis, mensistesis, menghubungkan dan menjana idea baharu yang menepati dengan topik karangan (Nurul Aisyah, Zamri Mahamod, Nor Azwa, 2016; Lai L. C., Chin H. L. & Chew F. P., 2017). Secara ringkas, pembelajaran penulisan yang rumit menyebabkan munculnya persepsi negatif pelajar terhadap penulisan karangan. Pandangan negatif mengakibatkan ramai pelajar seolah-olah berputus asa dan tidak berinisiatif untuk menyertai proses mengarang (Rohaida dan Zamri, 2015). Zamri Mahamod (2018) menambah bahawa penglibatan pelajar yang kurang aktif menyebabkan mereka berhadapan dengan masalah kekurangan idea dan lemah untuk menggabungkan idea serta menghuraikan idea dengan teratur dalam penulisan karangan.

Sebagai usaha membangunkan kemahiran menulis dalam kalangan pelajar, peranan guru untuk merancang strategi atau kaedah yang efektif adalah penting supaya pelajar dapat belajar dengan gembira dan belajar tidak cepat berasa jemu. Menurut Yusfaiza & Mohd Isha (2012), pembelajaran secara koperatif menjadi pilihan guru sebagai strategi pengajaran selepas terbentuknya pengajaran abad ke-21 yang dikemukakan pada tahun 2015. Hal ini adalah kerana pembelajaran secara koperatif mempunyai ciri-ciri khas yang sesuai untuk merangsang penglibatan pelajar secara aktif, membentuk interaksi sosial dan mengembangkan pemikiran seseorang pelajar untuk menyusun idea karangan.

Antara pembelajaran koperatif yang sesuai digunakan oleh para guru ialah kaedah *Jigsaw*. Kajian lepas daripada Mengduo & Xiaoling (2010) dan Aliya, Shilpashree, Namitha, Rajeshwari, Asharani & Rafiya (2019) memperkatakan kaedah *Jigsaw* merupakan sejenis strategi pembelajaran koperatif yang dapat meningkatkan minat pelajar, merangsang penglibatan pelajar dan memupuk kerjasama antara pelajar untuk menjadikan proses pembelajaran lebih bermakna. Menurut Yusfaiza & Mohd Isha (2012), *Jigsaw* hampir menyamai permainan *Jigsaw puzzle*. Setiap ahli kumpulan mempunyai tanggungjawab masing-masing dan wajib menyumbang dan menggabungkan sekeping puzzle yang berupa maklumat untuk dikongsikan bersama ahli kumpulan yang lain. Hal ini secara keseluruhan

menunjukkan *Jigsaw* membentuk sebuah medium pembelajaran yang mendorong pelajar bergantung sesama rakan secara positif sehingga tercapainya matlamat pembelajaran.

Pembelajaran penulisan yang dilihat agak kompleks boleh dilaksanakan melalui kaedah pembelajaran *Jigsaw*. Melalui pembelajaran koperatif *Jigsaw*, setiap pelajar mengambil inisiatif untuk berkongsi dan memberi input yang positif sesama rakan. Dengan itu, seseorang pelajar akan mendapat lebih banyak isi karangan melalui perbincangan bersama rakan sekumpulan. Ini menunjukkan bahawa perbincangan berkumpulan memastikan pelajar memahami topik karangan dan seterusnya mampu mengembangkan idea dengan matang dalam penulisan karangan. Justeru itu, kaedah *Jigsaw* ini harus dipertimbangkan oleh guru-guru untuk diperluaskan amalannya di dalam pembelajaran penulisan sebagai langkah untuk mengatasi masalah penulisan karangan di sekolah.

Kaedah Jigsaw

Salah satu jenis pembelajaran koperatif yang kerap digunakan terdiri daripada *Jigsaw* I dan *Jigsaw* II. Menurut Lusi (2016), *Jigsaw* I merupakan hasil rekaan daripada Elliot Aronson (1974). Manakala *Jigsaw* II merupakan sejenis kaedah pembelajaran koperatif yang telah mengalami revolusi dan dipelopori oleh Slavin (1986).

Menurut Silver, Strong & Perini (2007), setiap pelajar perlu memberi koperatif, saling bergantung dan bekerjasama untuk menyelesaikan tugas dalam pembelajaran *Jigsaw*. Ini juga memberi peluang kepada pelajar untuk membuat perbincangan idea dan saling membimbing dalam proses pembelajaran. Secara psikologinya, pembelajaran secara bebas ini membawa implikasi keseronokan, kepuasan dan motivasi kepada pelajar untuk menyertai proses pembelajaran. Kajian Kreijns, Kirschner, Jochems & Van Buuren (2007) menjelaskan bahawa pelajar yang terlibat dalam aktiviti *Jigsaw* didedahkan dengan proses menimba ilmu melalui penerokaan masalah dan penggunaan bahan pembelajaran, maka ini memberi kesan positif terhadap perkembangan kognitif pelajar dari segi kreatif dan kritis. Mahmood Thaer (2018) pula menjelaskan bahawa kewujudan kognitif pelajar adalah dipengaruhi melalui pengalaman, kewujudan interaksi sosial dan pembelajaran, seperti yang dinyatakan dalam kerangka teori kognitif inkuiri dalam konteks disiplin *Jigsaw*. Secara ringkas, jelas dilihat implimentasi teknik *Jigsaw* berpotensi untuk membina sifat berdikari pada pelajar. Sehubungan dengan itu, keyakinan dan minat untuk belajar juga dapat dipertingkatkan.

Slavin sebagai pelopor *Jigsaw* menerangkan bahawa kaedah ini merupakan satu proses pembelajaran yang merangkumi empat fasa utama iaitu membaca, perbincangan, perbentangan kumpulan dan melaksanakan tugas. Pada peringkat awal, pelajar akan dikelompok dalam kumpulan *Jigsaw* secara heterogen dan membaca bahan rangsangan. Kemudian, ahli *Jigsaw* menjalankan perbincangan dengan ahli pakar. Dari kumpulan pakar, pelajar kembali ke kumpulan *Jigsaw* untuk membentangkan idea dengan ahli-ahli

Jigsaw yang lain. Pada akhirnya, semua ahli *Jigsaw* boleh menyelesaikan tugas dengan mengumpulkan idea-idea yang telah dibincangkan secara keseluruhan.

Pembelajaran koperatif *Jigsaw* diperkatakan berkait rapat dengan Teori Lev Vygotsky. Teori ini mendorong pembelajaran konstruktivisme melalui interaksi sosial bagi membangunkan kognisi pelajar dalam Zon Perkembangan Proksimal (ZPP). Selaras dengan teori Vygotsky, kaedah *Jigsaw* juga menawarkan suasana pembelajaran yang melibatkan *scaffolding* dan kebergantungan positif sesama pelajar (Lusi, 2016). Bimbingan daripada ahli sekumpulan meningkatkan motivasi dan keyakinan kepada pelajar untuk mengeluarkan idea bagi menyelesaikan tugas (Nur Syaza, Shamsudin & Azhar, 2017; Pow-Sang & Escobar-Cáceres, 2017). Peranan pelajar bukan sekadar mempelajari ilmu, malah juga perlu membantu ahli kumpulan untuk belajar. Dalam sebuah kumpulan, pelajar dikehendaki mengenalpasti persamaan dan perbezaan antara topik, berbincang dan membandingbezakan maklumat. Perbincangan antara pelajar membentuk pandangan yang meluas dan dapat mengintepretasikan maklumat dengan lebih terperinci dan bercapah. Vygotsky (1978) juga menjelaskan bahawa konsep penggunaan bahasa merupakan ‘alat psikologi’ yang berfungsi untuk menghantar pendapat dan idea pelajar dalam pembelajaran. Oleh itu, penjelasan pelajar menggunakan bahasa yang mudah difahami merupakan kunci utama untuk meningkatkan kefahaman ahli kumpulan terhadap sesuatu topik pembelajaran (Eka Melati, 2015). Secara keseluruhan, boleh dirumuskan bahawa penggabungjalinan idea dalam perbincangan *Jigsaw* membolehkan murid-murid menghasilkan karangan yang bermutu seterusnya membina minat dan motivasi pelajar terhadap pembelajaran penulisan.

Tujuan Kajian

Tujuan tinjauan sistematik ini adalah untuk mengkaji penggunaan kaedah *Jigsaw* dalam pembelajaran penulisan kajian lepas. Hasil kajian ini diharap dapat mengembangkan aspek tinjauan bagi kaedah ini. Tambahan lagi, kepentingan dan implikasi kaedah *Jigsaw* akan dibincangkan dengan lebih terperinci. Secara ringkas, dapat dirumuskan soalan penyelidikan berikut:

Persoalan 1: Apakah jenis kaedah *Jigsaw* yang digunakan dalam kajian, *Jigsaw* I / *Jigsaw* II?

Persoalan 2: Apakah instrumen dan domain pengukuran yang digunakan dalam kajian berkaitan

kaedah *Jigsaw* dan pembelajaran penulisan?

Persoalan 3: Apakah implikasi penggunaan kaedah *Jigsaw* dalam pembelajaran penulisan?

Metodologi

Beberapa enjin carian internet digunakan untuk mencari artikel dan jurnal yang berkaitan dengan kemahiran penulisan dan kaedah pembelajaran koperatif Jigsaw. Antaranya, Educational Resources Information Centre (ERIC), Researchgate, Google Scholar, Springerlink, ScienceDirect dan Scopus. Pencarian bermula dengan menggunakan kata kunci “teknik Jigsaw”, “Jigsaw classroom”, “koperatif Jigsaw”, “Jigsaw pembelajaran penulisan” dan “metod Jigsaw”.


Proses ulasan kajian dan pemilihan dimulakan dengan meletakkan di ruang pencarian “pembelajaran koperatif” dan “kaedah Jigsaw” untuk mencari kajian yang berkaitan. Secara generalnya, terdapat 80 buah kajian. Namun, sebanyak 43 buah artikel dikeluarkan kerana tidak mempunyai teks penuh dan 18 buah artikel adalah pembelajaran koperatif dalam bidang kujuteraan, kedoktoran dan kejururawatan. Oleh itu, hanya sebanyak 19 buah artikel diekstrak dan dinilai semula yang diterbitkan pada tahun 2010-2019 dan memenuhi kriteria kajian.

Dapatan Kajian

Tinjauan artikel dari aspek penggunaan *Jigsaw I* dan *Jigsaw II*

Jenis penggunaan kaedah *Jigsaw* telah dikaji dan dipaparkan dalam rajah 1 di bawah. Semua artikel yang dikaji adalah berkaitan dengan pembelajaran penulisan. Artikel-artikel yang dikaji memberi fokus kepada penggunaan kaedah *Jigsaw I* dan *Jigsaw II* dalam pembelajaran penulisan Bahasa Inggeris, Bahasa Melayu, Bahasa Indonesia, Bahasa Arab dan Bahasa Farsi. Secara keseluruhan, sebanyak 41% kajian menggunakan kaedah *Jigsaw I* (sebelum revolusi) seperti kajian Rifari (2019), Kharisma & Jauhar (2018) dan Esnawy (2016). Manakala 59% kajian menggunakan kaedah *Jigsaw II* (selepas revolusi) misalnya Rahmat (2015) dan Mahmood Thaer (2018).

Rajah 1 Penggunaan Kaedah *Jigsaw I* dan *Jigsaw II*



Tinjauan artikel dari aspek penggunaan instrumen dan domain pengukuran kaedah *Jigsaw* dalam pembelajaran penulisan

Secara keseluruhan, instrumen soal selidik dan ujian lebih banyak digunakan dalam kajian dibandingkan dengan alat ukur seperti temu bual, pemerhatian dan dokumentasi. Kebanyakan kajian terdahulu melihat kaedah *Jigsaw* sebagai peramal kepada pembolehubah perkembangan psikologi dan kognitif pelajar. Maka, elemen yang dikaji adalah bertumpu kepada aspek psikologi (persepsi, motivasi, minat dan keseronokan) dan kognitif (pemikiran kreatif dan kreativiti penjaanaan idea). Jadual 1 menunjukkan instrumen dan domain bagi aspek-aspek yang dikaji.

Jadual 1 Penggunaan instrumen dan domain pengukuran


	Elemen	Instrumen (Soal selidik / Ujian)	Domain
1.	Persepsi terhadap pembelajaran penulisan melalui kaedah <i>Jigsaw</i>	Student View Form (SVF) <i>Jigsaw</i> Opinion Scale (JOS) Perception View Form Student's Perception Questionnaire Skala Sikap dan Persepsi Pelajar	Persepsi terhadap aktiviti kumpulan <i>Jigsaw</i> Persepsi terhadap implikasi kaedah <i>Jigsaw</i> Persepsi pelajar terhadap lima konstruk kaedah <i>Jigsaw</i>
2.	Motivasi dan persepsi terhadap penulisan	Attitudes to Written Expression Scale (ATWES) Attitude / Motivation Test Battery (AMTB) Motivation Learning Scale Motivation for Writing In English Questionnaire The Motivated Strategies for Learning Questionnaire Intrinsic Motivastion Inventory (Deci & Ryan, 1985) Learning Motivation Eka Scale	Minat Keseronokan Penglibatan pelajar Motivasi Kesepaduan emosi Sikap terhadap pembelajaran Anxiety bahasa Kebolehppercayaan
3.	Pencapaian penulisan	Preliminary English Test (PET) Written Expression Achievement Test (WEAT) Ujian Pra dan Pasca Penulisan Success Test for Written Expression (STWE) Academic Achievement Test (AAT)	Penilaian mengikut rubrik penulisan: Kandungan karangan Struktur skema Penggunaan bahasa Pembentukan idea
4.	Kreativiti dalam penjaanaan idea karangan	Abedi Schumacher Creativity Test (AMTB) Torrance Test	Kelancaran Fleksibiliti Keaslian Penghuraian

		Villa and Auzmendi Creativity Test (VAT) Ujian Pra & Pasca Kreativiti dalam Penulisan	
--	--	--	--

Tinjauan artikel dari aspek implikasi positif kaedah *Jigsaw* terhadap pembelajaran penulisan

Bagi menjawab persoalan ketiga, pengkaji telah membuat tinjauan dalam rajah 2. Berdasarkan hasil tinjauan, dapat dilihat artikel-artikel membincangkan implikasi positif yang daripada keberkesanan kaedah *Jigsaw*. Pengkaji telah mengkategorikan implikasi positif kepada empat aspek utama iaitu perkembangan kemahiran berfikir (26%), kemahiran lisan (17%), semangat berpasukan (28%) dan perkembangan psikologi dan afektif (29%). Kajian Yusfaiza dan Mohd Isha (2012) menjelaskan perkembangan pemikiran pelajar melalui kaedah *Jigsaw* II manakala kajian Mohamood Taer (2018) menyokong bahawa interaksi dalam kumpulan *Jigsaw* meningkatkan kemahiran lisan pelajar. Lusi (2016) pula menjelaskan bahawa pembelajaran koperatif berpotensi untuk mempengaruhi rangsangan dalaman seseorang pelajar menyebabkan mereka lebih bermotivasi dan berdiskusi untuk belajar.

Rajah 2 Implikasi Positif Kaedah *Jigsaw*



Keputusan yang diulas dalam kajian ini memberi gambaran mengenai penggunaan *Jigsaw* sebagai alternatif kepada guru bahasa selain daripada menggunakan pembelajaran secara konvensional dalam pembelajaran penulisan. Tinjauan artikel-artikel menjelaskan bahawa kaedah *Jigsaw* yang dibina berasaskan Teori Lev Vygotsky membentuk pembelajaran konstruktivisme berdasarkan pengaruh sosiobudaya. Pelajar dapat mengembangkan kognitif melalui interaksi sosial dan pembelajaran koperatif (Nur Syaza *et al.*, 2017). Konsep dan pelaksanaan kaedah *Jigsaw* yang dijelaskan oleh pengkaji-pengkaji adalah hampir sama. Maka, ini menunjukkan kaedah *Jigsaw* ini merupakan teknik pengajaran

yang banyak dikaji dalam bidang pendidikan. Pelaksanaan kaedah *Jigsaw* dirancang secara bersistematik dan mantap sejak lama lagi. Namun, kaedah pembelajaran koperatif ini dilihat masih terhad dalam bidang pendidikan di Malaysia terutamanya dalam konteks penulisan. Hal ini dibuktikan kerana hanya terdapat dua kajian tentang kaedah *Jigsaw* dilaksanakan antara tahun 2010 hingga 2019 di Malaysia iaitu kajian Yusfaiza & Mohd Isha, (2012) dan Rahmat (2015).

Berdasarkan dapatan tinjauan sistematik, didapati kaedah *Jigsaw I* dan *Jigsaw II* banyak digunakan dalam kajian. Kajian Trianto (2010) menyatakan wujudnya perbezaan ketelitian antara teknik *Jigsaw I* dan *Jigsaw II*. Secara keseluruhan, *Jigsaw I* hanya memastikan pelajar menguasai konsep yang tertentu sahaja (Sahin, 2010; Turkmen & Buyukaltay, 2015; Suroto, 2017). Manakala *Jigsaw II* bertunjangkan pembelajaran dengan yang berkonsepkan penguasaan keseluruhan sebelum menjadi pakar pada sesuatu topik. Model *Jigsaw I* dan *Jigsaw II* juga menunjukkan perbezaan yang ketara dari segi matlamat berkumpulan dan kesaksamaan (Silver *et al.*, 2007). Teknik *Jigsaw II* lebih menekankan pembelajaran yang bertujuan untuk mencapai satu matlamat yang sama dalam kalangan pelajar. Dalam pada itu, semua ahli *Jigsaw II* haruslah menetapkan matlamat yang sama dan berusaha untuk mencapainya. Maka, semua ahli kumpulan berhak dan berpeluang untuk memberi sumbangan terhadap perkembangan dan pencapaian kumpulan. Selain itu, teknik *Jigsaw II* juga digambarkan berbeza dengan *Jigsaw I* dari segi pelaksanaan ujian dalam kumpulan pakar. Murid kumpulan pakar perlu menjawab satu set soalan sebelum kembali ke kumpulan *Jigsaw*. Ini adalah memastikan maklumat yang disampaikan kepada ahli kumpulan *Jigsaw* adalah lebih tepat (Sahin, 2010; Turkmen & Buyukaltay, 2015).

Zonny, Arwizet & Rahmat (2015) pula menjelaskan bahawa kiraan pemarkahan *Jigsaw I* dijalankan dengan mengira markah setiap ahli kumpulan secara berasingan. Manakala *Jigsaw II*, markah setiap ahli kumpulan akan dikumpulkan untuk pengiraan purata keseluruhan kumpulan (Lusi, 2016). Kajian lepas daripada Suroto (2017) menjelaskan bahawa penambahan kemajuan akan dicapai sekiranya setiap pelajar dalam kumpulan mencapai penambahan markah dalam skor ujian. Ganjaran akan diberi kepada pelajar-pelajar berdasarkan kiraan purata kumpulan yang tertinggi. Bentuk pengiraan purata pemarkahan dalam *Jigsaw II* telah memberi kesan psikologi kepada pelajar. Ini dapat dijelaskan bahawa setiap pelajar lebih bermotivasi dan mempunyai inisiatif yang tinggi untuk membantu ahli kumpulan lain agar setiap orang memahami tugas dan mendapat markah yang tinggi. Pelaksanaan *Jigsaw II* juga dapat mengurangkan kesan negatif akibat daripada persaingan yang terlampau sehingga berlakunya diskriminasi (Sagsoz, Karatas, Turel, Yildiz & Kaya, 2015). Secara ringkas, Rahmat (2015) menyatakan bahawa kaedah *Jigsaw I* dan *Jigsaw II* dalam pembelajaran penulisan dapat dijayakan dengan wujudnya kolaborasi antara murid. Setiap ahli *Jigsaw* dipertanggungjawab pada satu perenggan karangan, seterusnya ahli kumpulan berkolaborasi untuk membuat perbincangan secara mendalam tentang sesuatu topik, menjana pelbagai idea dan menggabungkan idea-idea untuk menghasilkan karangan yang lengkap (pendahuluan, isi penting dan penutup). Ironinya, kombinasi idea melalui kaedah *Jigsaw I* atau *Jigsaw II* sememangnya sangat efektif dan membawa implikasi yang positif terhadap pembelajaran penulisan.

Daripada artikel-artikel yang diinklusi juga dapat dilihat bahawa kebanyakan pengkaji terdahulu menggunakan instrumen soal selidik dan ujian untuk mengukur keberkesanan kaedah *Jigsaw* dalam proses pembelajaran penulisan. Dalam konteks psikologi, tahap motivasi, minat dan persepsi pelajar terhadap pembelajaran penulisan kebanyakannya diukur dengan menggunakan soal selidik. Antara jenis soal selidik yang banyak digunakan untuk mengukur motivasi dan persepsi pelajar terhadap penulisan ialah Attitudes to Written Expression Scale (ATWES) manakala Abedi Schumacher Creativity Test (AMTB) banyak diguna untuk mengukur kreativiti pelajar dalam penulisan. Pengkaji-pengkaji juga menggunakan Jigsaw Opinion Scale (JOS) dan Student View Form (SVF) untuk mengukur persepsi pelajar terhadap penggunaan kaedah *Jigsaw* supaya dapat mengenalpasti implikasi positif dan negatif yang dibawa oleh kaedah *Jigsaw*.

Berdasarkan tinjauan yang dijalankan, ternyata wujudnya penggunaan kaedah *Jigsaw* dalam pembelajaran penulisan di banyak negara termasuk Indonesia, Turki, Iraq, China, Korea dan Nigeria. Secara keseluruhan, kebanyakan dapatan kajian dari luar negara menunjukkan majoriti penggunaan kaedah *Jigsaw* I dan *Jigsaw* II membawa implikasi positif. Tinjauan sistematik kajian-kajian menunjukkan kaedah ini membawa kesan positif dari segi kemahiran lisan, kemahiran berfikir secara kreatif dan perkembangan sendiri. Sejurus itu, penguasaan kemahiran-kemahiran ini meningkatkan penguasaan pelajar dalam penulisan karangan.

Kaedah *Jigsaw* dibuktikan dapat mempengaruhi psikologi pelajar dan perkembangan afektif pelajar. Konsep *Jigsaw* yang melibatkan pergerakan dinamik kumpulan telah membina motivasi dalaman dan memenuhi kehendak serta kepuasan pelajar. Rifari (2019) menyokong bahawa pelajar kelihatan lebih aktif kerana berpeluang berinteraksi dan berbincang bersama ahli *jigsaw*. Mereka tidak hanya menerima idea-idea secara pasif daripada guru. Serentakny, Nur Syaza *et al.* (2017) juga menyokong pergerakan kumpulan *jigsaw* membantu pelajar mengalami perubahan dalaman terutamanya dari segi keyakinan diri, motivasi, sikap, minat dan kepuasan. Jelas dilihat pelajar seronok dan berpuas hati apabila idea yang dikemukakan dipercayai dan dihargai oleh ahli *jigsaw* lain. Menurut Mahmood Taer (2018), dorongan dari segi psikologi juga dapat mengurangkan kebencian, kebimbangan dan kekurangan minat pelajar terhadap sesuatu matapelajaran. Tuntasnya, dinamik kumpulan *Jigsaw* menjadi tunjang kepada murid untuk belajar dan mengajar sesama lain.

Kaedah *Jigsaw* juga berpotensi untuk mengembangkan kemahiran berfikir dalam kalangan pelajar. Zonny *et al.* (2018) mengatakan proses ulangan dan penerokaan dalam perbincangan kumpulan *Jigsaw* membimbing pelajar untuk mengenalpasti kekurangan dan kelemahan pada idea. Maka, pelajar dilatih untuk berfikir dari pelbagai perspektif untuk memperbaiki dan menambahbaik idea. Menurut Silver *et al.* (2007), konsep disiplin *Jigsaw* yang mengelompokkan pelajar dalam kumpulan secara heterogen juga dapat merangsang pemikiran kreatif dan divergen. Hal ini disokong oleh Yusfaiza & Mohd Isha (2012) bahawa sebuah kumpulan *jigsaw* yang terdiri daripada pelajar yang berlainan tahap dapat merangsang proses berfikir menghubungkan, mensistesis, membuat inferens dan

menyingkirkan idea. Dengan ini, pemikiran setiap pelajar dapat diaktifkan untuk berfikir secara kreatif, mampu mendalami idea dan mencerna idea sampingan serta memurnikan idea sehingga relevan dengan topik penulisan. Justifikasinya, susunan pelajar yang bersesuaian mampu merangsang pemikiran setiap ahli kumpulan dan mengumpulkan lebih banyak idea untuk penulisan karangan (Yusfaiza & Mohd Isha, 2012; Rahmat, 2015; Mahmood Thaer, 2018).

Dapatan kajian menunjukkan kaedah *Jigsaw* mendedahkan pelajar dengan suasana pembelajaran yang bertunjangkan interaksi dan perbincangan. Maka, secara tidak langsung, kemahiran lisan mereka dapat dikembangkan. Esnawy (2016) dan Rifari (2019) dalam kajian mengatakan bahawa kemahiran lisan sememangnya dapat dikembangkan dalam kaedah *jigsaw*. Hal ini adalah kerana dalam perbincangan *jigsaw* penulisan, pelajar mempraktikkan kemahiran mendengar dan bertutur sebagai landasan untuk menyampaikan idea-idea karangan. Dalam proses perbincangan isi-isi karangan, pendengaran secara aktif dipraktikkan oleh pelajar supaya dapat menerima idea daripada rakan sekumpulan dan membentuk kefahaman terhadap topik pembelajaran secara mendalam (Pow-Sang & Escobar-Cáceres, 2017). Sejurus itu, penguasaan terhadap topik mendorong pelajar untuk melaksanakan perkongsian ilmu dengan rakan sekumpulan lain melalui cara bertutur dan penggunaan bahasa yang sesuai. Selain itu, kemahiran lisan seseorang pelajar yang introvert juga dapat dikembangkan disebabkan penggunaan bahasa dalam kalangan pelajar yang seiras umur lebih mudah difahami (Eka Melati, 2015). Perasaan malu dan tidak yakin dikurangkan semasa memberikan pendapat, menyampaikan hujah dengan rakan-rakan semasa sesi perbincangan kumpulan. Maka, ini menunjukkan *Jigsaw II* melatih keupayaan pelajar menyampaikan ilmu dengan berkesan melalui penguasaan kemahiran lisan.

Selain itu, dapatan menunjukkan kaedah *Jigsaw* dapat merangsang semangat berpasukan dan koperatif antara pelajar. Dalam proses penyelesaian masalah, lebih berkesan jika pelajar bekerjasama untuk menjana idea. Dapatan ini menjadi konsisten kerana ia selaras dengan prinsip kaedah *Jigsaw* dan tujuan Slavin mempelopori kaedah ini. Menurut Nurmalia dan Syahrin (2020), pelajar yang memahami konsep kaedah *Jigsaw* menyedari kepentingan kolaborasi dan tanggungjawab sendiri dalam kumpulan. Oleh itu, mereka akan memberi kerjasama yang optimum supaya dapat mencapai matlamat kumpulan. Dalam kajian Sahin (2010), pelajar diperlihatkan lebih berinisiatif dan tidak mementingkan diri sebaliknya berusaha memberi bantuan dan bimbingan kepada kawan yang lemah. Mereka memahami bahawa pembelajaran bukan sekadar untuk kepentingan diri tetapi mempengaruhi setiap ahli kumpulan (Joni, Nitiasih & Artini, 2017). Secara ringkas, ini menunjukkan semangat berpasukan mendorong pelajar memberi tunjuk ajar dan bimbingan kepada ahli kumpulan dalam proses pembelajaran *Jigsaw* sehingga wujudnya kefahaman dan terbinanya konsep baharu.

Rumusan

Tinjauan sistematik ini menggambarkan bahawa kaedah *Jigsaw* merupakan pembelajaran koperatif yang melibatkan pelajar, kolaboratif, merentas disiplin, dan berasaskan pengalaman sendiri. Kebergantungan positif antara pelajar dalam kaedah *Jigsaw*

mendorong persekitaran yang kondusif untuk mencungkil minda dan mengaktifkan pemikiran. Secara keseluruhan, kaedah *Jigsaw* yang dibina berdasarkan Teori Lev Vygotsky mampu memberi kesan terhadap perkembangan psikologi dan kognitif pelajar. Kaedah *jigsaw* ini boleh dijadikan panduan kepada guru-guru kerana diselitkan secara eksplisit bersama-sama unsur konstruktivisme dalam proses pembelajaran. Masih ramai guru yang menghadapi kesukaran untuk mengaplikasikan strategi pengajaran yang dapat meningkatkan tahap penguasaan penulisan pelajar. Kajian penggunaan kaedah *Jigsaw* dalam konteks pembelajaran penulisan masih boleh diluaskan memandangkan kaedah ini membawa implikasi yang positif terhadap pembelajaran pelajar. Oleh itu, pengkaji mencadangkan agar kajian lanjutan dilaksanakan untuk menyelidik keberkesanan kaedah *Jigsaw* dalam konteks pembelajaran peringkat sekolah rendah memandangkan masih kurangnya penyelidikan dalam bidang bahasa sekolah rendah. Pengkaji boleh melaksanakan penyelidikan tentang kaedah *Jigsaw* dengan mengadaptasi dan mengubahsuai konteks kajian dari segi penggunaan instrumen dan domain yang diukur.

Rujukan

- Aliya N., Shilpashree Y. D., Namitha D., Rajeshwari A., Asharani N. & Rafiya B. (2019). *Jigsaw Classroom: Is it an Effective Method of Teaching and Learning? Student's Opinions and Experience. Journal of Clinical and Diagnostic Research*, 13(2), 11-24.
- Anthony Aloysius Akup & Yahya Othman. (2017). Keberkesanan peta pemikiran dalam meningkatkan kemahiran menulis esei bahasa Melayu dalam kalangan pelajar tingkatan 6. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 7(1), 44-55.
- Eka Melati. (2015). The Effect of *Jigsaw II* Toward Learning Motivation and Reading Comprehension at The Second Grade of English Students in Stkip Dharma Bakti. *Journal of Science and Education*, 8(2), 40-58.
- Esnawy S. (2016). EFL/EAP Reading and Research Essay Writing Using *Jigsaw*. *Journal of Social and Behavioral Sciences*, 23(2), 98-101.
- Joni D. A. A. W., Nitiasih P. K., Artini L. P. (2017). A Comparative Study of The Effect of Different Techniques of Cooperative Learning and Self-Confidence Upon Students. *International Journal of Language and Literature*, 1(2), 133-141.
- Kharisma G. And Jauhar H. (2018). *The Utilization of Jigsaw Technique to Improve Writing Ability in Teaching Report Text*. Retrieved from http://ajie-bd.net/wp-content/uploads/2020/08/chris_forlin_final.pdf.
- Kreijns, K., Kirschner, P.A., Jochems, W. & Van Buuren, H. (2007). Measuring perceived sociability of computer-supported collaborative learning environments. *Journal of Computers & Education*, 49(2), 176-192.
- Lai L. C., Chin H. L. & Chew F. P. (2017). Amalan Pengajaran Guru Bahasa Melayu Tingkatan Empat Dalam Penulisan Karangan Dari Aspek Kemahiran Berfikir Secara Kritis Dan Kreatif Serta Pembelajaran Kolaboratif. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 4(1), 1-12.

- Lusi M. (2016). Improving Reading Comprehension by Using Jigsaw Strategy at Stkip Pahlawan Tuanku Tambusai, *Journal of English Language*, 1(2), 34-42.
- Mahmood Thaer (2018). The Effect of Jigsaw Technique on Enhancing EFL Intermediate Students' Writing Skill. *Journal of English Language*, 9(1), 45-52.
- Mengduo, Q. & Xiaoling, J. (2010). Jigsaw Strategy as a Cooperative Learning Technique: Focusing on the Language Learners. *Chinese Journal of Applied Linguistics*, 33(4), 113-125.
- Noor Habsah Ali & Yahya Othman. (2018). Writing Skill Learning Strategies in Malay Language as a Second Language Among Melanau Student at Daro Distric. *Malay Language Educational Journal*, 8(1), 33-41.
- Nur Syaza Farha Diyazid., Shamsudin Othman, Azhar Md Sabil. (2017). Penggunaan Kaedah Pembelajaran Koperatif Jigsaw II Terhadap Pencapaian Pembelajaran Teks Puisi Tradisional Dalam Kalangan Pelajar Kolej Vokasional. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 7 (2). 41-50.
- Nurmalia, A. H. & Syahrin N. (2020). Application of *Jigsaw* Type Cooperative Learning to Improve Student Creative Thinking Skills. *Journal of Physics*, 2(2), 134-145.
- Nurul Aisyah Abdullah, Zamri Mahamod & Nor Azwa Hanum. (2016). Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Penulisan Karangan Bahasa Melayu Pelajar Sekolah Menengah. *Malay Language Educational Journal*, 6(2), 1-9.
- Pow-Sang, J. A., & Escobar-Cáceres, P. (2017). A Systematic Literature Review of the Application of the Jigsaw Technique in Engineering and Computing. *Advances in Intelligent Systems and Computing Research*, 2(1). 322–329.
- Rahmat Noor Hanim. (2015). Exploring the Use of Jigsaw Writing Among Esl Writers: A Classroom Research. *Malaysia EFL Journal*, 1(2), 45-56.
- Rifari B. (2019). Employing Jigsaw in English Academic Writing: An Action Research in an EFL Class in Indonesia, *Journal of Language Learning*, 2(3), 228-236.
- Rohaida Yusop & Zamri Mahamod. (2015). The Effectiveness Of I-Think to Improve the Achievement Writing in Malay Language Among Year 6 Students. *Malay Language Educational Journal*, 5(2), 31-37.
- Sagsoz, O., Karatas, O., Turel, V., Yildiz, M., & Kaya, E. (2015). Effectiveness of Jigsaw learning compared to lecture-based learning in dental education. *European Journal of Dental Education*, 21(1), 28–32.
- Sahin, A. (2010). Effects of Jigsaw II Technique on Achievement in Written Expression. *Asia Pacific Educ. Education Research*, 5(12), 777-787.
- Silver, H. F., Strong, R. W., & Perini, M. J. (2007). *The Strategic Teacher: Selecting the Right Research-Based Strategy for Every Lesson*. Alexandria, Va: Ascd.

Slavin, R. E. (1986). Cooperative learning: Engineering Social Psychology in The Classroom. *Social Psychology of Education: Current research and theory*, 153–171.

Suroto. (2017). The Effectiveness of Jigsaw II Model in Improving Students Understanding of Citizenship Education. *Advances in Social Science, Education and Humanities Research*, 100(5), 1111-1121.

Trianto. (2010). *Model Pembelajaran Terpadu*. Surabaya: Bumi Aksara.

Turkmen, H. & Buyukaltay, D. (2015). Which one is better? Jigsaw II versus Jigsaw IV on the Subject in Building Blocks of Matter and Atom. *Journal of Education in Science*, 1(2), 88-94.

Vygotsky, L. S. (1978). *Mind in Society: The Development of Higher Psychological Processes*. Cambridge, Ma: Harvard University Press.

Yusfaiza Yusuff & Mohd Isha Awang. (2012). Aplikasi Pembelajaran Jigsaw II Dalam Pengajaran Penulisan Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 2(2), 62-70.

Zamri Mahamod. (2018). *Pemikiran Inventif dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Zonny A. P., Arwizet, B. R. & Rahmat A. N. (2018). The Practicality of Learning Module Based on Jigsaw-Cooperative Learning Model in Media Education Course. *Journal of Social Science, Education and Humanities*, 21, 48-52.

Apakah Kemahiran Melakar Aras Tinggi (KMAT)? Reka Bentuk Dan Aplikasinya Dalam Pengkaryaan Seni Visual

Che Aleha Ladin¹, Intan Marfarrina Omar², Vishalache Balakrishnan³ & Azniyati Kamaruddin⁴

¹²³⁴*Fakulti Pendidikan Universiti Malaya*

*chealeha@um.edu.my, imarfarrina@um.edu.my, visha@um.edu.my
azniyati@um.edu.my*

ABSTRAK

Pengenalan- Lakaran sebagai asas penjanaaan idea, boleh digunakan sebagai medium komunikasi untuk menyampaikan maklumat. Dalam konteks seni visual, lakaran digunakan sebagai idea awal untuk mencipta idea yang lebih kreatif, kritis supaya mempunyai kualiti estetik dan menepati aspek pengkaryaan yang bersesuaian. Namun demikian, kekurangan kemahiran dan kefahaman dalam pengkaryaan menyebabkan ia sukar mencapai aras tinggi.

Objektif – Kajian ini bertujuan untuk mereka bentuk dan mengaplikasi Kemahiran Melakar Aras Tinggi (KMAT) dalam pengkaryaan seni visual.

Methodologi – Satu kajian kes kualitatif dijalankan melibatkan temu bual separa berstruktur dengan tiga orang pakar Seni Visual, dua guru dan empat orang murid sekolah menengah. Kajian ini juga menggunakan kaedah pengumpulan dokumen hasil karya murid semasa mengaplikasi KMAT dalam kalangan murid. Data kajian dianalisis secara analisis templet.

Dapatan – Dapatan kajian menunjukkan terdapat tujuh langkah penting untuk mencapai KMAT iaitu kefahaman menyeluruh tentang aspek perekaan melibatkan peniruan imej 100%, melakar berdasarkan olahan bentuk asas, menggunakan pelbagai bahan dan media, kefahaman kadar banding dan komposisi, melakar dengan perspektif, menzahirkan idea dengan cara tersendiri dan seterusnya lancar mengaitkan isu, tema dan budaya dalam lakaran. Walau bagaimanapun, kejayaan pencapaian KMAT bergantung kepada kaedah pelaksanaannya, kefahaman asas seni reka, disertai dengan minat dan bakat murid yang mendalam.

Kepentingan – Reka bentuk KMAT sesuai digunakan oleh murid sekolah menengah dan guru yang terlibat secara langsung dalam pengajaran dan pembelajaran Seni Visual. KMAT juga boleh digunakan secara meluas oleh golongan yang berminat dalam pengkaryaan seperti pelukis atau pereka supaya dapat melatih pemikiran, melahirkan idea yang kritis dan kreatif dan meningkatkan kualiti penciptaan dalam pelbagai bidang sejajar dengan konteks revolusi Industri 4.0.

Kata Kunci: Kemahiran Melakar Aras Tinggi (KMAT), Seni Visual, Unsur seni dan Prinsip rekaan.

Pengenalan

Lakaran adalah satu proses awal yang ringkas untuk menghasilkan idea. Lakaran akan digunakan untuk menghasilkan karya dengan lebih cepat, menunjukkan konsep, pemikiran dan idea utama. Penggunaan lakaran akan dapat memberi penjelasan idea dan penceritaan dalam sesuatu hasil karya. Menurut Santos (2016) dan Uz (2018), lakaran menjadi kunci yang dapat melatih pemikiran dan motor halus murid-murid secara optimum.

Murid yang mengambil mata pelajaran Pendidikan Seni Visual perlu didedahkan dengan pengetahuan dan kemahiran membuat lakaran yang berkualiti dengan teknik yang betul walaupun proses melakar boleh dihasilkan secara spontan. Menurut Mayo (2012) teknik melakar boleh diperbaiki sekiranya terdapat kaedah mudah yang didedahkan. Pelukis yang memahami dan mengaplikasi asas seni reka iaitu elemen seni dan prinsip rekaan, akan dapat menghasilkan apa jua karya seni (Parks, 2015). Hal ini dinyatakan oleh Yenawine,(2014) dan Kei (2015) iaitu pengetahuan dan kefahaman perekaan diperlukan bagi menganalisis hasil karya seni, menterjemah, menjelaskan maklumat dan menyelesaikan masalah.

Pada masa kini terdapat pelbagai alat dan bahan yang dapat digunakan sebagai media untuk melakar. Penggunaan pensel, pen, marker, warna pensel dan warna pastel dan pelbagai bahan yang lain seringkali menjadi bahan dalam lakaran. Namun, kajian Liau (2018) mendapati murid hanya diberi pendedahan menggunakan pensel untuk melukis dan ilmu melukis tidak diberi secara mendalam kepada murid. Kekurangan pendedahan menggunakan pelbagai bahan dan teknik dalam penghasilan karya boleh memberi kesan kepada penghasilan karya seni yang lebih kreatif dan inovatif.

Bagi menghasilkan karya yang baik, penguasaan asas seni reka dan prinsip rekaan menjadi keperluan utama. Beberapa kajian menunjukkan pengajaran guru yang lemah khususnya dalam meningkatkan kefahaman murid mengenai unsur seni dan prinsip rekaan akan memberi kesan kepada murid semasa pengkaryaan (Ping & Che Aleha Ladin, 2019; Shah, Vargas-Hernandez, Summers & Kulkarni, 2001; Walker, 2013). Keadaan ini perlu diberi perhatian kerana pengajaran teknik yang betul menjadi kunci bagi membantu perkembangan idea dan pertumbuhan kreativiti murid (Bao, Faas, & Yang, 2018).

Berdasarkan keputusan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2019, penguasaan murid dalam aras Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) iaitu aras mencipta masih di tahap sederhana dan perlu ditingkatkan. Hanya 56 peratus calon menguasai Kemahiran

Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dan ianya didapati menurun berbanding 61.10 peratus calon pada tahun sebelumnya (Nor Azma Laila, 2020). Oleh yang demikian, penekanan kepada kemahiran mencipta perlu ditingkatkan demi membentuk generasi yang mampu berdaya saing di era global yang boleh menghasilkan rekaan yang baik untuk kemajuan negara.

Ojektif Kajian

1. Mereka bentuk model Kemahiran Melakar Aras Tinggi (KMAT) dalam menghasilkan karya seni visual untuk murid sekolah menengah.
2. Menilai kebolegunaan KMAT dalam menghasilkan karya Seni Visual sekolah menengah.

Soalan Kajian

1. Apakah reka bentuk Kemahiran Melakar Aras Tinggi (KMAT) dalam menghasilkan karya seni visual untuk murid sekolah menengah?
2. Bagaimanakah kebolegunaan KMAT dalam menghasilkan karya Seni Visual sekolah menengah.

Sorotan Kajian Literatur

Kemahiran melakar sangat penting dalam pelbagai konteks kerana dapat menghasilkan karya dengan lebih cepat, menunjukkan deskriptif konsep, pemikiran dan idea utama. Lakaran juga amat diperlukan kerana ia dapat memaparkan kejelasan idea, penceritaan dan fokus kepada sesuatu hasil karya. Lakaran digunakan sebagai draf kasar reka bentuk (Ullman, Stephen Wood & David Craig, 1990) atau pelan reka bentuk utama (Waanders et al., 2011), yang boleh memaparkan satu bentuk lukisan (Johnson & Reynolds, 2005).


Sesuatu karya lakaran akan menjadi lebih menarik dan kreatif apabila menggunakan bahan yang pelbagai dalam penghasilan karya. Beberapa pengkaji menjelaskan aktiviti melakar boleh dibuat dalam pelbagai jenis alat seperti pensel (Shah et al., 2001; Ullman et al., 1990) pen (Olofsson & Sjöln, 2006), pensel warna (Zhang, Li, Wong, Ji, & Liu, 2018; Li, Bi, Wang, Xu, & Yu, 2017), pastel, pen marker, arang, krayon dan media campuran (Tachie-Menson, Asare, & Essel, 2015).

Pada masa kini, penggunaan media digital untuk menghasilkan karya semakin mendapat tempat sejajar dengan konteks revolusi industri 4.0. Walaupun kemahiran melakar secara digital memudahkan kerja kepada pelukis dan pereka, tetapi asas kepada pengetahuan untuk menghasilkan karya adalah terletak kepada kemahiran, kefahaman penguasaan unsur seni, prinsip rekaan dan peralatan yang digunakan. Kajian oleh Picard, Martin dan Tsao (2014) mendapati iPad sebagai salah satu medium memang memudahkan guru dan murid

untuk melukis atau membaca di dalam kelas. Namun demikian, kualiti penghasilan karya lukisan untuk aktiviti menggambar di sekolah rendah dengan menggunakan pen pada kertas lebih baik dan amat berbeza berbanding penggunaan jari secara terus di iPad yang kurang memuaskan. Matmi, Johan dan Nishita' (2005) juga mendapati terdapat keciciran terutamanya butiran kecil terhadap imej yang realistik menggunakan grafik komputer. Hal yang demikian menunjukkan walaupun teknologi diperlukan tetapi asas pengetahuan, kemahiran dan peralatan dalam lakaran sangat penting. Kemahiran memegang dan menggunakan peralatan untuk menghasilkan garisan, ton dan lain-lain atas lukisan atau kanvas perlu dititikberatkan yang sewajarnya dilatih di peringkat sekolah lagi.

Asas kepada lakaran ialah aplikasi unsur seni dan prinsip rekaan. Unsur seni terdiri daripada garisan, rupa, bentuk, jalinan, warna dan ruang. Manakala prinsip rekaan ialah harmoni, kesatuan, pengulangan, penegasan, kontra, dan kepelbagaian. Dalam menghasilkan lakaran, garisan ialah asas untuk membentuk lakaran (Ocvirk et al., 2009) yang akan menghasilkan kesan yang berbeza. Penggunaan garisan dalam lakaran dapat membawa kepada penghayatan karya, membahagikan kawasan yang ditegaskan dan mencipta ruang. Aplikasi garisan boleh menghasilkan ton, menimbulkan jalinan, menunjukkan bentuk, menunjukkan pergerakan dan menjadi motif bercorak dan ini akan memberi kesan yang menarik pada karya.

Berdasarkan Teori Ochvirk (2009), penghasilan sesuatu karya akan melibatkan tiga komponen utama iaitu subjek, bentuk dan makna (rajah 1).



Rajah 1. Kesatuan dalam berkarya (Teori Ocvirk)

Rajah1 menunjukkan kesatuan dalam berkarya oleh Ocvirk. Teori Ocvirck bersesuaian dengan konteks KMAT kerana aplikasi lakaran melibatkan pengutaraan subjek sebagai pokok persoalan atau isu utama. Bentuk ialah bagaimana karya lakaran hendak dihasilkan dengan pengaplikasian unsur formalistik dan media yang tertentu. Makna menjelaskan tujuan lakaran atau karya itu dibentuk berdasarkan konteks tertentu. Para seniman dan penghayat seni mentafsirkan dan menggariskan makna sebagai isi, kenyataan, intelektual, ekspresi atau emosi. Kombinasi ketiga-tiga komponen ini dalam teori Ocvirk dapat

membantu kepada kesatuan dalam berkarya yang memerlukan kefahaman aspek formalistik yang baik yang boleh memberi makna kepada orang yang membuat dan melihatnya.

Metodologi

Satu kajian kes kualitatif telah dijalankan melibatkan temu bual separa berstruktur dengan tiga orang pakar Seni Visual, dua guru dan empat orang murid sekolah menengah di sebuah sekolah menengah di Negei Selangor. Empat orang murid (dikenali sebagai M1, M2, M3 dan M4) dan dua orang guru (G1 dan G2) dipilih untuk mendapatkan maklumat tentang kebolegunaan KMAT.

Manakala tiga orang pakar dalam bidang Pendidikan Seni Visual dipilih untuk mengenal pasti elemen penting dalam KMAT. Mereka terdiri daripada (i) seorang Professor dalam bidang Seni di sebuah Universiti Awam (P1), (ii) seorang pelukis juga pensyarah di Universiti Swasta yang aktif dalam pameran Seni di peringkat kebangsaan dan antarabangsa (P2) dan (iii) seorang guru pakar Seni Visual yang mengajar lebih 20 tahun (P3). Pemilihan peserta kajian dibuat secara bertujuan kerana mereka dapat memberikan data yang tepat dan boleh memberi gambaran yang jelas berkaitan perkara yang dikaji (Creswell & Creswell, 2017; Merriam & Tisdell, 2015; Noraini Idris, 2013). Peserta kajian dipilih dalam jumlah yang kecil kerana pengkaji ingin mendapatkan maklumat yang mendalam, telus dan terperinci tentang KMAT.

Proses pengumpulan data melibatkan kaedah temu bual separa berstruktur dan kajian dokumen karya murid. Data yang dikumpul ditranskripsi secara verbatim. Bagi meningkatkan kebolehpercayaan data, data daripada temu bual, dilakukan triangulasi dan semakan rakan (member checking). Data yang telah dikumpul dianalisis secara analisis templet. Penyelidik menyusun data yang telah dikategorikan mengikut kluster dan tema yang bersesuaian dalam templet untuk dibuat interpretasi.


Dapatan

Dapatan kajian dikategorikan kepada dua bahagian iaitu reka bentuk KMAT dan kebolegunaan KMAT dalam kalangan murid sekolah menengah.

1. Rekabentuk KMAT

Berdasarkan temu bual dengan tiga orang pakar yang dipilih untuk mengenalpasti reka bentuk KMAT, kajian menunjukkan terdapat tujuh kemahiran perlu dikuasai oleh murid yang dikategorikan di bawah tiga peringkat utama. Tiga peringkat tersebut ialah peringkat imitasi melibatkan; (i). peniruan imej 100%, dan (ii) melakar berdasarkan olahan bentuk asas; Peringkat manipulasi iaitu (iii) menggunakan pelbagai bahan dan media, (iv) kefahaman kadar banding dan komposisi, (v) melakar dengan perspektif; dan Peringkat Naturalisasi iaitu (vi) menzahirkan idea dengan cara tersendiri, dan (vii) lancar mengaitkan isu, tema dan budaya dalam lakaran. Kemahiran tersebut disusun seperti rajah 2 yang

menunjukkan peringkat yang perlu dikuasai oleh murid untuk mencapai Kemahiran Melakar Aras Tinggi.



Rajah 1. Reka bentuk KMAT

i. Peringkat imitasi

Kaedah imitasi sering digunakan sebagai asas untuk memahami karya sedia ada dan dengan memahami bentuk yang dilihat. Dalam menghasilkan lakaran, murid dilatih untuk meniru 100 peratus terlebih dahulu sebagai satu teknik meningkatkan kemahiran dan kefahaman tentang objek yang ingin dilakar. Murid dianggap tidak mempunyai apa-apa pengetahuan asas jika berada di tahap ini. Namun dengan latihan peniruan terhadap objek realistik yang berterusan, ia akan dapat membantu murid memahami keseluruhan unsur seni secara mendalam seperti rupa, jalina dan ton warna. Keadaan ini dijelaskan oleh P1;

Kebanyakan pelajar tidak ada keyakinan, suruh mereka tiru sehingga jadi dan berkeyakinan untuk melukis. Dengan latihan tiru 100% dapat meningkatkan aras tinggi lakaran. Tiru ialah sejenis proses. Peniruan dalam seni dengan tujuan *develop*

skills untuk mencapai aras tinggi. Peniruan itu sangat penting bagi budak lemah dalam lakaran (P1

ii. Peringkat manipulasi

a. Menggunakan pelbagai bahan dan teknik dalam lakaran

Penggunaan bahan dan teknik yang pelbagai akan meningkatkan kualiti dalam karya lakaran seni visual. Antara bahan yang dicadangkan ialah pelbagai jenis pensel (2B, 4B, 6B, 8B), pen, arang, warna pastel, warna pensel, marker dan warna air. Pakar juga menyarankan warna pastel, cat minyak, pen teknikal dan dakwat cina. Pada peringkat ini, murid sewajarnya diberi pendedahan membuat eksperimen bahan yang pelbagai bagi meningkatkan kualiti dalam karya, secara tidak langsung menghasilkan karya yang lebih menarik dan kreatif.

b. Kefahaman kadar banding dan komposisi

Kadar banding dalam aspek pengkaryaan seni merujuk kepada kaitan ukuran pada setiap bahagian dengan bahagian yang lain secara keseluruhan pada sesuatu benda secara bersesuaian dan harmoni. Komposisi pula adalah istilah yang digunakan untuk menggambarkan susunan elemen visual dalam lakaran lukisan atau karya seni lain. Unsur-unsur seni seperti garisan, rupa, bentuk, warna, jalinan, ruang dan nilai diatur atau disusun mengikut prinsip seni. Manakala prinsip rekaan dalam komposisi adalah harmoni, keseimbangan, kontra, penegasan, pergerakan, kesatuan dan kepelbagaian bertujuan memberikan struktur lukisan dan menyampaikan niat pengkarya. Bagi membentuk karya, prinsip kadar banding dan komposisi perlu dikuasai.

Elemen komposisi telah disebut oleh ketiga-tiga pakar (P1, P2, dan P3) sebagai satu keperluan. Untuk mencapai tahap yang lebih baik dan beraras tinggi, murid perlu mengolah komposisi dan kedudukan objek yang berbeza-beza. Sebagai contohnya, menurut P2, kemahiran membuat lakaran botol dari aspek komposisi dengan mengubahsuai rekaan dan kedudukan sama ada dari pandangan atas, sisi atau membuat lakaran separuh atau sebahagian sahaja, besar atau kecil. Pra syarat penting ialah kekreatifan pelukis untuk mengolah objek dari kedudukan yang berbeza sama ada ruang hadapan, tengah atau ruang belakang dengan mempertimbangkan prinsip rekaan yang hendak ditekankan dalam pengkaryaan.

c. Melakar dengan perspektif

Aplikasi teknik perspektif dari sudut pandangan berbeza boleh menentukan penghasilan karya yang lebih baik dan kreatif. Ini kerana gubahan lakaran yang dilukis tidak dilihat rata

sahaja, malah dapat dilihat dari sudut pandangan yang berbeza dan menggambarkan ruang yang sebenar.

iii. Peringkat Naturalisasi

a. Menzahirkan idea dengan cara tersendiri

Bagi mencapai tahap penzahiran idea dengan cara tersendiri, tiga komponen untuk menghasilkan lakaran iaitu kefahaman subjek, bentuk dan makna amat penting dikuasai. Pengkarya perlu memikirkan idea dan cuba menghasilkan karya mengikut persepsi mereka sendiri dengan mempertimbangkan prinsip rekaan yang telah diaplikasi sebelumnya.

b. Fasih mengaitkan isu, tema dan budaya dalam lakaran.


Peringkat tertinggi dalam pencapaian KMAT ialah murid fasih mengaitkan isu tema dan budaya dalam lakaran. Dalam hal ini ketiga-tiga pakar menjelaskan, pengkarya perlu menjalankan proses penyelidikan, pembangunan idea, penyelesaian masalah dan merefleks semula karya yang dilakukan supaya sesuai dengan konteks, dan bersifat kreatif. Oleh yang demikian, bagi meningkatkan kelancaran dalam menghasilkan karya beridentiti sendiri, bersesuaian dengan konteks dan tema tertentu, kefahaman yang menyeluruh tentang organisasi perekaan perlu dipertingkatkan, penyelidikan dan penilaian perlu dilakukan.

2. Kebolegunaan KMAT

Reka bentuk KMAT diuji kebolehgunaannya kepada empat orang murid. Berdasarkan dapatan kajian, keempat-empat orang murid menyatakan berminat untuk belajar seni kerana mereka telah memahami proses untuk melakar disebabkan adanya pendedahan cara yang mudah. Perkara tersebut dinyatakan oleh peserta kajian M1, M3 dan M4 iaitu:

- “Mudah sebab saya boleh melakar dengan pantas dan faham” (M1)
- “kemahiran sederhana sebab cikgu ajar langkah demi langkah, boleh faham la panduan ni... saya seronok untuk buat lakaran dah lepas ini. “Harap karya saya akan jadi lebih baik” (M4)
- “Panduan ini mudah dan saya yakin boleh buat dengan lebih baik” (M3)

Selain itu, murid boleh menghasilkan karya dengan baik berasaskan pengetahuan sedia ada mereka tentang asas seni reka dan adanya panduan lakaran yang dimulai dengan peringkat mudah iaitu peniruan hingga ke tahap manipulasi iaitu peringkat sederhana. Rajah 2 menunjukkan pencapaian tahap manipulasi iaitu manipulasi bahan, komposisi dan perspektif yang telah diaplikasikan.



Rajah 2. Peringkat manipulasi: Lakaran menggunakan media krayon, pensel warna dan pensel

Walaupun murid telah menguasai prinsip rekaan, namun terdapat juga yang menyatakan sukar membuat lakaran perspektif dan kadar banding jika mereka tidak mengetahui kaedah menghasilkannya. Pada tahap tertinggi iaitu peringkat naturalisasi, kebanyakan murid mengakui belum boleh mencapai tahap tersebut kerana ia memerlukan kemahiran dan latihan di rumah.

Hasil temu bual dengan guru mendapati KMAT akan dapat dicapai jika dilaksanakan strategi pengajaran yang lebih efektif dalam bilik darjah. Antara yang dicadangkan ialah menggunakan kaedah demonstrasi atau tunjuk cara, pembelajaran autentik, pertandingan, disiplin, dan latihan perlu diberi berulang kali kepada murid. Guru juga mengakui bahawa reka bentuk KMAT ini sesuai digunakan untuk murid sekolah menengah khususnya untuk murid tingkatan 4 dan 5. Ia boleh dijadikan sebagai satu panduan yang menyeluruh untuk diikuti bagi membantu kepada pencapaian KMAT yang rata-ratanya sukar dicapai oleh murid. Namun demikian, kejayaan penguasaannya amat bergantung kepada minat, bakat, kefahaman asas seni reka yang mendalam dalam kalangan murid seperti yang ditegaskan oleh salah seorang guru G1.

- “Pada saya minat dulu. Ada minat baru tahu kita mahu buat apa. Kemudian, ada minat, bakat, pengetahuan baru lahirlah disiplin”. (G1)

Kebanyakan peserta kajian memberi reaksi positif terhadap model KMAT kerana dapat menggalakkan pembelajaran yang berkesan, meningkatkan minat dan boleh membantu kepada peningkatan kemahiran mereka dalam seni.

Perbincangan

Model KMAT Seni Visual dibina berdasarkan kepada keperluan lakaran beraras tinggi dalam konteks pendidikan masa ini, bagi membantu melahirkan generasi yang mahir mencipta idea yang bersifat kritis dan kreatif. Ini kerana lakaran ialah langkah utama sebelum menghasilkan sesuatu produk yang melibatkan pengolahan dan perkembangan

idea. Lakaran juga menjadi laluan kepada pelbagai bidang seni dan cabang kepada bidang yang lain.

Bagi mencapai satu lakaran yang beraras tinggi, murid perlu dilatih dan diberi pendedahan melibatkan konteks imitasi terlebih dahulu, diikuti peringkat manipulasi dan seterusnya naturalisasi. Aspek yang disebutkan perlu dikuasai secara berperingkat sehingga akhirnya, murid tidak lagi bergantung kepada contoh atau teknik yang diberi. Melalui proses membuat latihan berulang kali, murid akan mahir di peringkat manipulasi. Murid perlu dilatih menzahirkan idea, bahan, teknik dengan identiti atau imaginasi sendiri dalam pengkaryaan. Namun pra-syarat mencapai aras naturalisasi ialah menzahirkan idea, bahan, teknik dengan identiti atau imaginasi sendiri akan membentuk kepada prestasi melakar tahap tinggi. Pada tahap yang disebutkan, tiga komponen untuk menghasilkan lakaran penghasilan produk amat diperlukan iaitu kefahaman tentang subjek, bentuk dan makna seperti mana yang terdapat dalam teori Ocvirk, Stinson, Wigg, Bone dan Cayton (2012).

Kefahaman terhadap asas seni reka merupakan kunci kejayaan pencapaian KMAT. Penguasaan prinsip rekaan seperti harmoni, keseimbangan, kontra, penegasan, pergerakan, kesatuan dan kepelbagaian bertujuan membentuk struktur lukisan dan menyampaikan niat pengkarya (McKella Sawyer, n.d; Evans & Thomas, 2007) dalam penghasilan. Justeru, untuk membantu kepada pencapaian KMAT, prinsip latihan tubi adalah asas dan sewajarnya diaplikasikan supaya dapat memperkembangkan idea dengan lebih baik. Murid perlu faham bahasa seni visual, membuat latihan berterusan, mengeksperimentasi pelbagai bahan dan teknik dan mengkaji lakaran-lakaran sedia ada daripada pelukis-pelukis yang telah stabil, seterusnya cuba menghasilkan karya dengan cara tersendiri.

Peringkat tertinggi KMAT iaitu fasih mengaitkan isu, tema dan budaya dalam lakaran (peringkat naturalisasi) memerlukan penyelidikan, pembangunan, penyelesaian masalah dan merefleks semula karya yang dilakukan supaya sesuai dengan konteks, dan bersifat kreatif. Kajian ini bertepatan dengan kajian lampau iaitu Botella, Zenasni, dan Lubart (2018) iaitu tumpuan kepada perihalan proses seni dan proses kreatif menjadi sangat penting. Oleh yang demikian, bagi meningkatkan kelancaran dalam menghasilkan karya beridentiti sendiri, bersesuaian dengan konteks dan tema tertentu, kefahaman yang menyeluruh tentang organisasi perekaan perlu dipertingkatkan, penyelidikan dan penilaian perlu dilakukan.

Pembinaan reka bentuk KMAT ini dapat membuktikan bahawa teknik lakaran murid akan dapat diperbaiki dan dipertingkatkan sekiranya terdapat kaedah mudah yang didedahkan seperti yang dikatakan oleh Mayo (2012). Rekabentuk KMAT sejajar dengan Teori Ocvirk (Ocvirk et.al, 2012) kerana penghasilan karya seni visual memerlukan hal benda (subjek), aspek formal (form) dan kandungan (content) yang diolah berdasarkan prinsip asas seni reka sehingga dapat membentuk komunikasi antara pengkarya dengan penonton (pengamat) karya.

Penutup

Kajian ini relevan dengan keperluan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) Taksonomi Blom Semakan Anderson yang meletakkan tahap mencipta sebagai aras tertinggi. Peringkat tertinggi iaitu mencipta bermaksud menyatukan elemen untuk membentuk idea atau struktur yang baharu yang melibatkan kemahiran merekacipta, menggabungkan, merangka dan membina. Dalam bidang Seni Visual, setiap karya yang dihasilkan amat sinonim di aras taksonomi mencipta. Kebiasaannya pelukis atau pereka akan menggunakan lakaran sebagai asas bagi mewujudkan idea utama mencipta dan seterusnya memperdalamkan idea supaya lebih kreatif. Idea-idea lakaran tersebut akan digunakan untuk mencipta produk yang berkualiti dari segi estetik dan kebolehgunannya.

Uk5vekdlblBkcTVNQTO9](https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/pdfPrev&id=WCtSeDBJa0tvUk5vekdlblBkcTVNQTO9)
- Jennifer, W. (2011) *Introduction to Psychology: 1st Canadian Edition*. Canada. Flat World
Knowledge,
L.L.C.
- Kapsou, M., Panayiotou, G., Kokkinos, C. M., & Demetriou, A. G. (2010). Dimensionality
of coping: an
empirical contribution to the construct validation of the brief-COPE with a Greek-
speaking sample. *Journal of health psychology*, 15(2), 215–229.
<https://doi.org/10.1177/1359105309346516>

Kementerian Pendidikan Tinggi. (2011). *Dasar e-Pembelajaran Negara*. Putrajaya: Jabatan Pendidikan Tinggi.

Kristin, K. (2013). *Teaching on the Education Frontier: Instructional Strategies for Online and Blended Classroom*. Wiley Publisher. San Fransisco.

Lazarus, R. S., & Folkman, S. (1987). Transactional theory and research on emotions and coping. *European Journal of Personality*, 1, 141–169.

Lazarus, R. & Folkman, S. (1984) *Stress, Appraisal and Coping*, New York: Springer Publishing Company.

Lazarus, R.S. (1966) *Psychological Stress and the Coping Process*. McGraw-Hill, New York.

Lopez, F. G., Mauricio, A. M., Gormley, B., Simko T., & Berger E. (2001) Adult attachment orientations and college student distress: The mediating role of coping styles. *Journal of Counseling and Development*, 79(4), 459-464.

Main A, Zhou Q, Ma Y, Luecken LJ, Liu X. (2011) Relations of SARS-related stressors and coping to Chinese college students' psychological adjustment during the 2003 Beijing SARS epidemic. *J Couns Psychol*, 58, 410-23.

Mak W.W., Law R.W., Woo J., Cheung F.M., & Lee D. (2009) Social support and psychological adjustment to SARS: the mediating role of self-care self-efficacy. *Psychol Health*, 24, 161-174.

Malaysian Ministry of Higher Education. (2020). Press Release by the Malaysian Ministry of Higher Education, dicapai pada 25 November 2020 dari <https://www.nst.com.my/education/2020/06/599586/overseas-dream-put-hold>.

Matua GA, Wal DM. (2015). Living under the constant threat of Ebola: a phenomenological study of survivors and family caregivers during an Ebola outbreak. *J Nurs Res*, 23, 217-24.

McCauley M, Minsky S, Viswanath K. (2013) The H1N1 pandemic: media frames, stigmatization and coping. *BMC Public Health*, 13, 11-16.

Melissa Edora Sanu & Balan Rathakrishnan. (2018). Influence of Action Strategies on the Educational

Well-being of Poor Students in Rural Sabah. *Malaysian Institute for Youth Development Research*, 1-17.

Misra, R., & McKean, M. (2000). College students' academic stress and its relation to their anxiety, time

management, and leisure satisfaction. *American Journal of Health Studies*, 16(1), 41-51.

Mohd Arif Johari & Sa'odah Ahmad. (2019). Persepsi Tekanan Akademik dan Kesejahteraan Diri di

dalam Kalangan Pelajar Universiti di Serdang, Selangor. *Journal of Social Sciences*, 5 (1), 24-36.

Mohd Nazul Ismail. 2020. Cabaran Kepimpinan dalam Pengurusan Pembelajaran Digital. *Jurnal Refleksi*

Kepimpinan. (3), 20-24.

Mujahidah, Nurma & Astuti, Budi & Nhung, Le. (2019). Decreasing the academic stress through

problem-focused coping strategy for junior elementary school students. *Psychology, Evaluation, and Technology in Educational Research*. 2 (10).

Norazila Mat, Muhammad Syaqif Noordin, Nur Atiqah Abdullah, Nazri Muslim & Jamsari Alias

(2017). Pembentukan Kemahiran Insaniah Pelajar melalui Badan Beruniform di Universiti Kebangsaan Malaysia. *Jurnal Personalia Pelajar*, 20,33 – 46.

Norfarahi Zulkifli, Mohd Isa Hamzah, & Khadijah Abdul Razak. (2020). Isu dan cabaran penggunaan MOOC dalam proses pengajaran dan pembelajaran. *Journal of Research, Policy & Practice of Teachers & Teacher Education*, 1(1), 77-94.

Pargament, K.I., Falb, K., Ano, G., & Wachholtz, A.B. (2013). The Religious Dimension of Coping:

Advances in Theory, Research, and Practice. In R. Paloutzian & C. Park (eds) *The Handbook of the Psychology of Religion*, (2nd ed.) (pp.560-580). New York: Guilford Press.

Penley, J. A., Tomaka, J., & Wiebe, J. S. (2002). The association of coping to physical and psychological

health outcomes: A meta-analytic review. *Journal of Behavioral Medicine*, 25, 551-603.

- Polizzi, C., Lynn, S.J., Perry, A. (2020). Stress and Coping in the Time of COVID-19: Pathways to Resilience and Recovery. *Clinical Neuropsychiatry*, 17(2), 59-62.
- Qian, H. C., Ker, C.W., Shawn, V., Hong, C. C., Kang, S. (2020). Narrative synthesis of psychological and coping responses towards emerging infectious disease outbreaks in the general population: practical considerations for the COVID-19 pandemic. *Singapore Med Journal*, 61(7), 350-356.
- Qiu, J., Shen, B., Zhao, M., Wang, Z., Xie, B., & Xu, Y. (2020). A nationwide survey of psychological distress among Chinese people in the COVID-19 epidemic: implications and policy recommendations. *General psychiatry*, 33(2), e100213. <https://doi.org/10.1136/gpsych-2020-100213>
- Rashidi, M. N. (2014). Pelaksanaan Analisis Kandungan Sebagai Metodologi Kajian bagi Mengenalpasti Kriteria Pembinaan Lestari (Implementation of Content Analysis as Research Methodology for Identifying Criteria for Sustainable Construction). *Journal of Advanced Research Design*, 18-27.
- Ratheeswari, K. 2018. Information Communication Technology in Education. *Journal of Applied and Advanced Research*. 3 (45).
- Reggie, K., Wong K., Wang F.L., Luk L. (2013) Students' Experience and Perception on E-Learning Using Social Networking. *South African Journal of Libraries and Information Science*, 79(2), 27-38.
- Sarafino, E. P. (2012). Health Psychology: Biopsychosocial Interactions. (7th Ed). Asia: Wiley. Yeung D.Y, Fung H.H. (2007). Age differences in coping and emotional responses toward SARS: a longitudinal study of Hong Kong Chinese. *Aging Ment Health*. 11, 579-587.
- Scallan, E., Hoekstra, R. M., Angulo, F. J., Tauxe, R. V., Widdowson, M. A., Roy, S. L., Jones, J. L., & Griffin, P. M. (2011). Foodborne illness acquired in the United States--major pathogens. *Emerging infectious diseases*, 17(1), 7-15. <https://doi.org/10.3201/eid1701.p11101>
- Sedigheh Salabifard, Zohreh Rafezi, & Akram Haghightabaya. (2015). The Relationship between Coping

- Strategies and Marital Conflict on Employed Women and Housewives and Compared These Two Groups. *Jurnal UMP Social Sciences and Technology Management*, 3(3), 542-548.
- Shigemura, J., Ursano, R. J., Morganstein, J. C., Kurosawa, M., & Benedek, D. M. (2020). Public responses to the novel 2019 coronavirus (2019-nCoV) in Japan: Mental health consequences and target populations. *Psychiatry and clinical neurosciences*, 74(4), 281–282. <https://doi.org/10.1111/pcn.12988>
- Sri Nurhayati Selian, Fonny Dameati Hutagalung, Noor Aishah Rosli. (2020). Pengaruh Stres Akademik, Daya Tindak Dan Adaptasi Sosial Budaya Terhadap Kesejahteraan Psikologi Pelajar Universiti. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 7 (2), 36-57.
- Tam, G. & El-Azar, D. (2020). 3 ways the coronavirus pandemic could reshape education. The World Economic Forum COVID Action Platform. Dicapai pada 20 November 2020 daripada <https://www.weforum.org/agenda/2020/03/3-ways-coronavirus-is-reshaping-education-and-what-changes-might-be-here-to-stay/>
- Wang, C., Pan, R., Wan, X., Tan, Y., Xu, L., Ho, C. S., & Ho, R. C. (2020). Immediate Psychological Responses and Associated Factors during the Initial Stage of the 2019 Coronavirus Disease (COVID-19) Epidemic among the General Population in China. *International journal of environmental research and public health*, 17(5), 1729. <https://doi.org/10.3390/ijerph17051729>
- Wortmann, J. (2013) Religious Coping. In: Gellman M.D., Turner J.R. (eds) *Encyclopedia of Behavioral Medicine*. New York: Springer.

Peningkatan Literasi Pertanian Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah: Keberkesanan Modul Reka Bentuk Dan Pembangunan Landskap

¹Mohd Hazwan Mohd Puad, ²Fakhrul Radhi Razali

^{1,2}Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia

¹hazwan@upm.edu.my, ²rafaupmkb@gmail.com

ABSTRAK

Pengenalan- Dalam menuju ke arah negara maju, negara memerlukan modal insan yang seimbang dan mahir bukan sahaja dalam bidang sains dan teknologi tetapi juga dalam bidang pertanian. Bidang pertanian merupakan tunjang kepada negara kerana bidang ini menjamin bekalan makan yang cukup dan selamat kepada rakyat. Landskap adalah sub-bidang pertanian dapat memberi nilai tambah kepada bidang pertanian dan mampu berintegrasi dengan bidang lain.

Objektif –Objektif kajian ini ialah menghasilkan dan menilai keberkesanan modul pengajaran reka bentuk dan pembangunan landskap Sains Pertanian untuk pelajar sekolah menengah. Penghasilan modul ini bertujuan untuk meningkatkan literasi pertanian dalam kalangan pelajar sekolah.

Metodologi – Modul reka bentuk dan pembangunan landskap pertanian ini dibangunkan menggunakan reka bentuk kajian pembangunan (DDR). Umang-U mang Chalet, Pengkalan Balak dan sebuah sekolah menengah telah terlibat sebagai lokasi dalam membangunkan landskap sebenar dan penghasilan serta pengujian keberkesanan modul reka bentuk dan pembangunan landskap ini.

Dapatan – Dapatan kajian menunjukkan modul yang dibangunkan mampu meningkatkan literasi pertanian pelajar sekolah menengah secara signifikan. Selain itu, pihak Umang-U mang Chalet juga berpuas hati dengan model reka bentuk dan pembangunan landskap yang telah dibina.

Kepentingan – Diharapkan hasil kajian ini dapat membantu pihak berkaitan untuk melahirkan pelajar yang seimbang dari pengetahuan sains, teknologi dan juga pertanian dan landskap.

Kata Kunci: landskap, literasi pertanian, reka bentuk, pembangunan

Pengenalan

Landskap merupakan satu bidang yang menggabungkan sains dan seni. Landskap berasal dari perkataan *land* iaitu tanah dan *skap* merupakan pemandangan. Dengan itu landskap bermaksud satu kawasan pemandangan. Bidang landskap menjadi bidang yang digemari di dalam negara ekoran faktor geografi, cuaca dan iklim negara yang subur, stabil dan panas dan lembap sepanjang tahun dapat menggalakkan pertumbuhan bidang ini. Ini dikuatkan lagi dengan tertubuhnya Dasar Landskap Negara pada tahun 2011. Oleh itu, bidang pembangunan landskap ini tidak boleh dipandang enteng atau dianggap sebagai aspek kurang nilai sahaja pada hari ini (Razali, 2018).

Landskap merupakan persekitaran yang dialami oleh setiap individu tidak kira di mana sahaja. Ia membawa maksud yang luas merangkumi struktur geologi tanah, flora dan fauna, corak aktiviti manusia seperti perladangan, perhutanan, penempatan dan perindustrian. Ia juga merupakan interaksi di antara sumber semula jadi dengan keperluan manusia yang merangkumi usaha mengagumi keindahan dan nilai estetik, seni bina serta keseluruhan ekologi dan sejarah sesuatu kawasan (Jabatan Landskap Negara, 2011). Dalam konteks Dasar Landskap Negara, landskap bermaksud satu ekosistem yang meliputi alam semula jadi dan alam binaan. Landskap alam semula jadi merangkumi bentuk rupa bumi, geologi, badan air serta flora dan fauna. Landskap binaan pula merangkumi penempatan, kawasan perladangan, kawasan lapang, taman awam, kawasan awam serta kawasan warisan dan pelancongan yang merangkumi keindahan dan nilai estetik, seni bina serta keseluruhan ekologi dan sejarah sesuatu kawasan.

Di Malaysia, Jabatan Pertanian di bawah seksyen florikultur merupakan sebuah badan kerajaan yang mengelola bidang landskap ini. Antara perkhidmatan mereka adalah memberi nasihat dan menjadi tempat rujukan dalam bidang landskap ini. Pelbagai inisiatif kerajaan dalam bidang landskap dilaksanakan di bawah Jabatan Pertanian, di antaranya ialah pertanian bandar dan “Jom Tani” yang menekankan landskap *edible plant* iaitu penanaman tumbuhan dan pokok yang boleh dijadikan sumber makanan dan kegunaan dapur dan isi rumah.

Sejak akhir-akhir ini, bidang landskap telah mula mendapat perhatian yang meluas dalam kalangan rakyat marhaen kerana ramai yang telah mula menitikberatkan hiasan dan pemandangan dalam rumah sebagai salah satu pilihan cara bekerja semasa wabak covid-19. Ramai juga yang mempunyai masa yang terluang untuk melakukan hobi di rumah seperti berucuk tanam dan membangunkan landskap di kawasan rumah. Perkembangan ini menjadi fenomena yang positif untuk semua rakyat dan ramai yang telah mula menyedari kepentingan pengetahuan dan kemahiran dalam pertanian atau literasi pertanian (Ismail, 2020; Saunders & Zuzel, 2010).

Literasi pertanian merujuk kepada celik atau tahu tentang sains pertanian. Menurut Razi (2018), literasi pertanian sangat penting kepada masyarakat moden pada hari ini untuk celik dalam bidang ini atas pelbagai faktor. Antara sebab penting masyarakat perlu mengetahui tentang bidang ini dalam skop pembangunan landskap adalah bagi mengelakkan pembangunan landskap yang tidak terabai dan merosakkan pemandangan. Selain itu,

penguasaan literasi pertanian penting untuk mengurangkan kos belanja isi rumah kerana sebahagian dari landskap adalah menggunakan tanaman yang boleh dimakan seperti pandan, salad, ulam dan sebagainya. Kemahiran-kemahiran tambahan dan bernilai tinggi seperti dalam bidang pertanian amat diperlukan bagi membolehkan pelajar mendapat pendedahan yang sesuai sebelum memasuki alam pekerjaan (Puad & Desa, 2020)

Pelbagai tanaman yang boleh dimakan dapat dijadikan sebahagian dari landskap yang indah dan menarik perhatian. Namun, seringkali tanaman seperti serai, pandan dan sebagainya tidak dipandang kerana kelihatan tidak cantik. Ramai pihak yang tidak mengetahui tanaman-tanaman seperti ini boleh menaikkan seri sesuatu landskap dengan kaedah penyusunan dan konfigurasi kedudukan yang betul. Oleh itu, adalah sangat jelas kepentingan penguasaan literasi pertanian dalam bidang landskap untuk semua pihak.

Kepentingan Landskap dalam Kehidupan Sehari-hari

Untuk membangunkan landskap, terdapat pelbagai aspek yang perlu difikirkan dan diambilkira. Pertama sekali ialah reka bentuk landskap yang ingin dibina. Dalam reka bentuk landskap, proses yang pertama adalah lakaran. Menurut Dines dan Brown (2001), terdapat 3 jenis bentuk skala lakaran dalam landskap. Pertama ialah perincian dan skala ruang. Untuk jenis lakaran ini, idea yang dipaparkan oleh pereka landskap adalah secara terperinci dan mempunyai skala bagi ruang di dalam lakaran ini. Sebagai contoh, ianya memperincikan kedudukan kerusi dan memperincikan kedudukan dan jenis tanaman bagi sesebuah landskap. Jenis lakaran ini adalah sesuai bagi lakaran kawasan yang kecil dan perlukan perincian seperti taman-taman. Luas yang sesuai adalah di antara 1 meter sehingga 10 meter. Jenis lakaran kedua ialah tempat dan skala kawasan kejiranan. Lakaran ini banyak digunakan dalam pelan-pelan pembangunan perumahan. Lakaran ini bersaiz sederhana besar. Biasanya lakaran jenis ini sesuai bagi penyusunan rumah atau pejabat atau kilang. Penyusunan sebegini merupakan satu kaedah merancang landskap pada skala sederhana besar. Luas yang sesuai adalah diantara 100 meter sehingga 1 kilometer. Jenis lakaran terakhir ialah komuniti dan skala kawasan serantau, mempunyai keluasan skala yang luas. Lakaran ini biasanya digunakan untuk melukis jalan atau peta bagi merancang pembangunan landskap bagi skala yang besar. Kebiasaannya keluasan skala ini ialah di antara 10 kilometer sehingga 100 kilometer.

Dalam menyediakan landskap berasaskan sains pertanian, pelbagai faktor perlu diambil antaranya pemilihan tumbuhan. Mengenal tumbuhan merupakan satu cara untuk memilih tumbuhan. Pengetahuan mengenai taksonomi adalah salah satu cara untuk mengenal sesuatu tumbuhan secara sains dengan menerangkan nama sesuatu hidupan bermula dari spesies ke genus keluarga dan seterusnya. Kaedah ini dapat mengelakkan pertukaran nama hidupan dari tempat yang berbeza. Sebagai contoh di Malaysia kita memanggil kelapa tapi di Amerika ianya menjadi *coconut*. Namun dengan taksonomi kelapa di mana-mana mempunyai hanya satu nama iaitu *Cocos nucifera*.

Taksonomi bukan sahaja merujuk kepada nama ianya satu cara mengelaskan atau menggolongkan sesuatu hidupan dalam kumpulannya. Bermula dari *kingdom* sehingga spesies. Dengan kaedah ini, ciri-ciri asas sesuatu hidupan itu dapat dikenal pasti. Sebagai


contoh, jika keluarga palma ciri-cirinya mempunyai akar jenis serabut daunnya pula merupakan daun lengkap dan memanjang. Ini bermakna pokok-pokok yang berada di bawah keluarga palma mempunyai ciri-ciri yang sama. Maka, dalam memilih tumbuhan dalam landskap memerlukan ilmu taksonomi ini. Ini kerana dengan mengenal nama saintifiknya pelbagai rujukan dapat dicari disebabkan kaedah ini sama di seluruh dunia. Selain itu ciri-ciri asas tumbuhan juga dapat diketahui dengan menggunakan kaedah taksonomi.

Literasi Pertanian Sebagai Asas dalam Pendidikan Pertanian

Literasi pertanian merupakan celik pertanian yang perlu diketahui oleh semua peringkat umur tidak kira dari kanak-kanak, dewasa mahupun golongan tua. Menurut Talib (2018), bagi menggalakkan pelbagai lapisan umur terutamanya kanak-kanak dalam celik pertanian terdapat lebih banyak program berkaitan asas pertanian yang akan dijalankan. Adanya literasi pertanian yang diterapkan di dalam diri setiap orang akan mendatangkan kebaikan kepada mereka secara tidak langsung. Antaranya, literasi pertanian dapat menambahkan lagi kefahaman tentang nutrisi dan pengeluaran makanan. Kefahaman ini penting bagi melihat sejauh mana nutrisi yang diambil memberi manfaat dalam pemakanan seseorang. Selain itu, pentingnya literasi pertanian ini juga adalah bagi mengetahui impak pertanian terhadap ekonomi. Nilai tambah yang digunakan daripada bahan mentah pertanian dapat memberikan pulangan kepada sektor pertanian dan sisa-sisa pertanian juga dapat digunakan semula menjadikan ia sesuatu yang berbaloi kepada pengusaha atau petani. Seterusnya, kebaikan literasi pertanian adalah ia memberikan peluang kerjaya yang sedia ada dan berbeza daripada yang lain yang mana seseorang itu tidak perlu bergantung kepada sektor kerajaan mahupun swasta dalam memohon pekerjaan tetapi mampu membuka perniagaan sendiri dalam mengusahakan aktiviti pertanian (Razi, 2018). Kebaikan lain dalam diri seseorang adalah mereka mampu membuat keputusan dengan memahami alam sekitar di mana aktiviti pertanian yang dijalankan tidak akan merosakkan alam sekitar bahkan ia akan memulihkan lagi alam sekitar yang sudah diteroka bagi kegunaan generasi akan datang (Adamson, 2016).

Menurut American Farm Bureau Foundation For Agriculture (2013), literasi pertanian ditakrifkan sebagai seorang yang berpengetahuan dalam pertanian yang memahami perkaitan antara pertanian dan alam sekitar, makanan, serat dan tenaga, haiwan, gaya hidup, ekonomi dan teknologi. Selain itu, Committee on Agricultural Education in Secondary Schools (1988) menyatakan definisi literasi pertanian sebagai “*An agriculturally literate person would understand the food and fiber system and this would include its history and its current economic, social and environmental significance to all Americans*”. Dalam literasi pertanian, terdapat lima tahap dalam membentuk tahap literasi individu. Lima tahap ini digunakan dalam menyusun, merangka pelbagai aktiviti dalam meningkatkan literasi pertanian. Tahap literasi pertanian ini telah diperkenalkan oleh American Farm Bureau Foundation for Agriculture (2012). Lima tahap ini ialah 1) kesedaran, 2) penemuan, 3) pengetahuan, 4) analisis, 5) pengguna dan pengundi. Rujuk Rajah 1 di bawah.

Satu kajian telah dibuat oleh Tai (2014) berkaitan dengan pencapaian markah mata pelajaran sains pertanian dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia. Kajian ini membandingkan keputusan pelajar sekolah bermula dari tahun 2010 sehingga tahun 2012 dan mendapati faktor penurunan markah pelajar adalah disebabkan pemilihan elektif Sains Pertanian. Walau bagaimanapun, pelajar telah diatur oleh pihak sekolah untuk mengambil mata pelajaran elektif Sains Pertanian mengikut keputusan peperiksaan Penilaian Menengah Rendah mereka. Selain itu, pelajar juga sering mengalami masalah pertukaran guru bagi mata pelajaran elektif Sains Pertanian dan sedikit sebanyak akan memberi kesan kepada pelajar.



Rajah 1. Tahap Literasi Pertanian

Literasi yang ingin diterapkan di dalam kalangan masyarakat memerlukan elemen yang tersendiri yang mendorong kepada penerapannya ke dalam diri setiap individu. Menurut American Farm Bureau Foundation For Agriculture (2013), terdapat elemen dalam literasi pertanian yang perlu diterapkan dalam diri individu dari awal zaman kanak-kanak sehingga dewasa. Pengetahuan tentang elemen ini akan berkembang seiring dengan umur dan kepadatan pengetahuan yang perlu diketahui. Elemen yang diterapkan adalah hubungan antara pertanian dan persekitaran, hubungan antara pertanian dan pengeluaran makanan, hubungan antara pertanian dan penternakan, hubungan antara pertanian dan cara hidup, hubungan antara pertanian dan teknologi dan akhir sekali hubungan antara pertanian dan ekonomi. Sebelum penerapan literasi pertanian di dalam setiap individu, pengetahuan asas tentang pertanian perlu di ketahui terlebih dahulu seperti definisi pertanian dan perkataan-perkataan yang digunakan dalam konteks pertanian, istilah industri, sejarah pertanian, pengenalpastian produk pertanian dan kesedaran terhadap pengeluaran pertanian.

Model literasi pertanian memberikan tumpuan kepada tiga pendekatan yang berbeza berdasarkan kepada kedudukan falsafah dan epistemologi daripada peserta. Pendekatan pertama yang digunakan dalam model literasi pertanian ini ialah pertanian yang

diprogramkan (model deduktif). Premis pendekatan adalah pertanian yang diprogramkan adalah sebagai penggerak dalam kurikulum K-12, dipantau dan dipupuk melalui rangka kerja literasi pertanian formal dengan pelbagai kurikulum disiplinnya sendiri, nilai, dan agenda. Matlamat utama pendekatan ini adalah untuk memenuhi piawai kerangka literasi pertanian melalui infusi dengan kandungan akademik, ia juga menerapkan pertanian melalui kursus akademik untuk mengukuhkan literasi pertanian sebagai kurikulum pengajaran tanpa perlu diwujudkan kelas pertanian (American Farm Bureau Foundation For Agriculture, 2012).

Selain itu, pendekatan kedua yang digunakan ialah literasi pertanian emergen (model induktif). Premis pendekatan ini literasi pertanian ini adalah daripada integrasi akademik interdisiplin dan kemahiran proses dalam konteks memberi tumpuan mengenai isu pertanian. Literasi pertanian ini adalah hasil pertumbuhan pembangunan serentak bagi kemahiran akademik dan kontekstual yang spesifik pembelajaran yang wujud dalam masalah pertanian untuk diselesaikan. Penyepaduan kemahiran akademik dan aplikasi kepada masalah pertanian bergantung kepada amalan sebenar pada keupayaan untuk membenarkan keputusan kurikulum pelan pengajaran melalui korelasi kepada akademik rangka kerja. Konteks pertanian berfungsi sebagai kenderaan untuk mempromosikan prestasi akademik dan literasi pertanian terhasil sebagai produk akhir.

Seterusnya, pendekatan ketiga adalah penilaian literasi pertanian (model penilaian). Premis bagi pendekatan ketiga ini adalah literasi pertanian adalah kemampuan untuk berfikir kritis dan membuat penilaian tentang kesan pertanian kepada ekonomi dan aktiviti alam sekitar, tekanan sosial dan politik yang berlaku dari penilaian itu. Literasi pertanian membolehkan seseorang untuk menganalisis dan menilai "trade-offs" kepada individu dan masyarakat hasil daripada perusahaan pertanian. Keputusan dan penilaian mendorong kepada kandungan pertanian. Memahami pertanian dapat ditunjukkan melalui keupayaan untuk membuat keputusan dalam tindak balas kepada pilihan yang dihadapi masyarakat. Rajah di bawah menunjukkan proses pendekatan yang digunakan.

Menurut Razzaq et al. (2009) banyak sekolah menengah tidak menawarkan mata pelajaran Sains Pertanian pada peringkat menengah rendah. Ini ditambah lagi dengan data dari keputusan peperiksaan Sijil Pendidikan Malaysia (SPM) bagi subjek Sains Pertanian yang menunjukkan penurunan peratusan untuk tiga tahun berturut-turut dari tahun 2015 sehingga tahun 2017. Ini jelas menunjukkan rendahnya tahap literasi pertanian dalam kalangan pelajar sekolah. Di samping itu juga, terdapat permintaan dari industri hospitaliti dan pengurusan untuk membangunkan landskap pertanian di kawasan premis mereka. Pihak Umang-U mang Chalet di Pengkalan Balak telah berminat mendapatkan khidmat pelajar untuk membangunkan landskap pertanian di kawasan mereka. Oleh itu, pengkaji mencadangkan kajian ilmiah untuk membangunkan satu modul pembangunan landskap untuk meningkatkan literasi pertanian dalam kalangan pelajar sekolah. Objektif kajian ini ialah a) mereka bentuk landskap Sains Pertanian untuk kemudahan Umang-U mang Chalet, b) membangunkan landskap Sains Pertanian bagi kegunaan Umang-U mang Chalet, c) membangunkan Modul Landskap Sains Pertanian, d) menilai keberkesanan Modul

Landskap Sains Pertanian untuk meningkatkan literasi pertanian dalam kalangan pelajar sekolah.

Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan satu bentuk kajian tinjauan yang menggunakan kajian reka bentuk dan pembangunan (DDR). Reka bentuk dan pembangunan landskap dirancang dan dibuat di seting sebenar iaitu di Umang-Umang Chalet, Pengkalan Balak, Melaka. Hasil reka bentuk dan pembangunan landskap ini dinilai sendiri oleh pihak pengusaha chalet berkenaan. Modul bagi membangunkan landskap juga dibangunkan bagi meningkatkan tahap literasi pertanian pelajar sekolah menengah. Kaedah kuantitatif digunakan dalam mengambil data penilaian bagi modul landskap sains pertanian yang dihasilkan (Newcomb et al., 2004). Penilaian ini dilakukan dengan membangunkan satu set soalan yang telah mendapat kesahan pakar menggunakan empat tahap yang ada dalam *Pillars of Agricultural Literacy* (American Farm Bureau Foundation For Agriculture, 2013). Penilaian ini dijalankan sebanyak dua kali, sebelum dan selepas penggunaan Modul Pembangunan Landskap Sains Pertanian bagi mengenal pasti keberkesanan modul. Modul ini mengambil masa selama dua jam untuk dilaksanakan. Modul yang dibina disertakan lampiran bersama dengan pembentangan yang telah digunakan.

Di antara justifikasi pemilihan lokasi pembangunan landskap sains pertanian sebenar di Umang-Umang Chalet ialah landskap di kawasan chalet mereka kurang menarik dan menyebabkan kurangnya daya tarikan terhadap chalet mereka. Menurut pemilik Umang-Umang Chalet, Encik Mahbob Kusiran, kajian tinjauan mendapati tahap kepuasan pelanggan terhadap landskap kurang memuaskan. Oleh itu, selari dengan visi Dasar Landskap Negara iaitu menjadikan Malaysia negara taman terindah, landskap kawasan chalet perlu diperindah dan diberi nafas baru agar dapat meningkatkan bilangan pengunjung dan sebagai daya tarikan ke chalet berkenaan.

Pembangunan landskap sebenar melibatkan kawasan seluas 20 meter persegi dengan menerapkan unsur-unsur sains pertanian dalam pembinaan landskap. Pelbagai faktor diambil kira termasuk cara penyiraman, penyelenggaraan, pemilihan tanaman dan unsur-unsur estetika. Dalam kajian ini juga, faktor keperluan pelanggan mesti diambil kira. Hasil reka bentuk landskap dan hasil pembangunan landskap dinilai oleh pemilik chalet dan pakar dalam bidang Pendidikan Teknikal dan Vokasional dari Universiti Putra Malaysia beserta pemilih chalet berkenaan.

Dengan menggunakan kaedah reka bentuk dan pembangunan (DDR), Modul Landskap Sains Pertanian dibangunkan oleh penyelidik. Modul ini dirangka dan disusun mengikut pemerinkatan koginitif yang disenaraikan dalam literasi pertanian (Creswell, 2012; Yahya et al., 2007). Tujuan pembangunan modul ini adalah untuk meningkatkan tahap penguasaan literasi pertanian dalam kalangan pelajar sekolah menengah.

Populasi kajian yang ditetapkan bagi reka bentuk dan pembangunan Modul Landskap Sains Pertanian ialah pelajar sekolah menengah tingkatan tiga di Bandar Baru Bangi, Selangor. Secara kaedah pilihan dan bertujuan, penyelidik telah memilih satu sekolah sebagai sampel

kajian iaitu Sekolah Menengah Jalan 3 Bandar Baru Bangi. Justifikasi pemilihan ini adalah kerana sekolah tersebut telah memberikan kerjasama terhadap kajian ini. Seramai 81 orang pelajar tingkatan tiga Sekolah Menengah Jalan 3 Bandar Baru Bangi dipilih sebagai responden dalam kajian ini.

Sebagai instrumen kajian, satu set soalan dibangunkan dengan menggunakan empat tahap dalam literasi pertanian iaitu kesedaran, penemuan, pemahaman dan analisis (American Farm Bureau Foundation For Agriculture, 2012; Razali, 2018). Penguasaan kognitif dalam empat tahap ini akan dinilai menggunakan Skala Likert lima mata. Instrumen ini digunakan sebagai alat pengukuran tahap literasi pertanian sebelum dan selepas pembentangan Modul Landskap Sains Pertanian kepada pelajar. Instrumen ini telah disahkan oleh dua orang pakar dalam bidang pertanian dari Universiti Putra Malaysia.

Sesi pembentangan dan penggunaan Modul Sains Pertanian dijalankan dengan kebenaran sekolah selepas peperiksaan PT3. Pelajar diberi pilihan untuk menghadiri program pembentangan minat dan kerjaya serta Modul Sains Pertanian. Pelajar akan mengikuti program ini selama dua jam dengan mengikuti bahan dan sukatan yang telah dibangunkan dalam modul. Tahap kognitif terhadap literasi pertanian diuji sebelum dan selepas pembentangan program Modul Sains Pertanian. Hasil dapatan diambil dan diekstrak untuk dianalisis dengan menggunakan perisian aplikasi IBM SPSS Statistics. Dengan menggunakan kaedah analisis t berpasangan, keberkesanan dan tahap penguasaan literasi pertanian pelajar terhadap pengetahuan landskap dan sains pertanian dapat dikenal pasti.


Hasil Dapatan Kajian dan Perbincangan

Untuk objektif kajian pertama, reka bentuk bentuk landskap sains pertanian yang sesuai untuk kemudahan Umang-U mang Chalet. Reka bentuk landskap yang dipertimbangkan adalah bersesuaian dengan kawasan dan faktor-faktor sains pertanian seperti faktor pemilihan tumbuhan, pengairan, jenis tanah, cuaca, dan ketahanan tumbuhan. Pemilihan tumbuhan juga adalah berdasarkan pencahayaan kawasan dan persetujuan pemilik chalet. Setelah lebih dari 8 lakaran reka bentuk landskap dibuat, satu daripadanya telah dipersetujui dan diterima oleh pihak chalet. Lakaran reka bentuk yang telah dipilih itu memenuhi keperluan pihak chalet dan menggunakan faktor-faktor sains pertanian. Lakaran reka bentuk yang berjaya memenuhi semua perkara yang diperlukan adalah seperti Rajah 2 di bawah.

Reka bentuk landskap ini telah mengambil konsep yang bersesuaian dengan persekitaran sebagai medium atau kawasan untuk menenangkan fikiran dan bersantai. Sesuai dengan konsep chalet sebagai tempat percutian dan berehat kepada pengunjung, landskap yang direka bentuk dapat memberikan rasa tenang kepada mereka yang melihat landskap.

Bagi objektif kajian kedua ialah pembangunan landskap sains pertanian bagi kegunaan Umang-U mang Chalet. Ini merupakan kesinambungan dari pelan reka bentuk landskap yang telah disiapkan sebelum ini. Perancangan yang rapi dibuat bagi memastikan perjalanan pembangunan projek berjalan lancar. Berikut merupakan perancangan bagi pembangunan landskap sains pertanian. Jadual 1 dan Jadual 2 menunjukkan jadual kerja

dan carta gantt kerja pembangunan landskap di Umang-U mang Chalet, Pengkalan Balak, Melaka.



Rajah 2. Lakaran Reka Bentuk Landskap Sains Pertanian di Umang-U mang Chalet

Jadual 1

Jadual Kerja Pembangunan Landskap

Kerja	Hari	Aktiviti
Mengukur tapak	Hari 1	Menanda keseluruhan kawasan berdasarkan pelan dan menyediakan keperluan.
Struktur	Hari 2 hingga hari 26	Pembangunan struktur pagar dan pemasangan tapak getah bagi alat permainan
Penanaman	Hari 9 hingga hari 26	Mencabut tanaman sedia ada seperti rumput yang telah rosak. Membaiki semula struktur tanah dan menanam tumbuhan baru.

Jadual 2

Carta Gantt Pembangunan Landskap

Aktiviti	Minggu 1	Minggu 2	Minggu 3	Minggu 4
Mengukur tapak	X			
Struktur	X	X	X	X
Penanaman		X	X	X

Pembinaan struktur perlu dijalankan seiring dengan kerja penanaman bagi menjimatkan masa kerja pembangunan landskap. Ini kerana ketika pembangunan landskap, cuaca sering hujan. Maka pembinaan struktur sering terhenti. Hasil akhir pembangunan landskap sains pertanian seperti Rajah 3 di bawah.



Rajah 3. Hasil Akhir Pembangunan Landskap Sains Pertanian di Umang-Umang Chalet

Objektif kajian ketiga ialah pembangunan Modul Landskap Sains Pertanian. Satu modul telah dibangunkan dengan kaedah reka bentuk dan pembangunan (DDR) bagi tujuan meningkatkan literasi pertanian dalam kalangan pelajar sekolah menengah. Dalam merangka dan membangunkan modul, cara penyusunan bahan dalam modul, strategi dan kaedah pedagogi dalam menyampaikan isi kandungan telah diambil kira. Kaedah dan strategi ini diambil dari Dokumen Standard Kurikulum Pentaksiran Pertanian (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013a; 2013b). Bukan sahaja strategi, beberapa elemen lain seperti falsafah pendidikan negara dan definisi kurikulum kebangsaan telah dijadikan asas pembangunan Modul Landskap Sains Pertanian. Ini bagi memastikan modul ini menyokong hasrat kerajaan dalam sistem pendidikan negara.

Bagi objektif kajian keempat, penyelidik mengkaji keberkesanan modul dalam meningkatkan literasi pertanian dalam kalangan pelajar sekolah menengah. Selepas Modul Landskap Sains Pertanian ini digunakan dalam satu program di sekolah menengah, tahap

kefahaman dan penguasaan kognitif pelajar dalam bidang landskap diukur dengan menggunakan instrumen yang dibina berasaskan literasi pertanian. Tahap literasi pertanian diukur sebelum dan selepas program. Hasil dapatan dari kedua-dua ujian ini dibandingkan secara saintifik. Berdasarkan Jadual 3, hasil dapatan menunjukkan terdapat peningkatan min tahap penguasaan literasi pertanian dalam bahagian kesedaran (3.92 dan 4.71), penemuan (3.88 dan 4.74), pemahaman (3.32 dan 4.49) dan analisis (3.52 dan 4.63). ini menunjukkan telah berlaku peningkatan dalam tahap penguasaan dan pemahaman literasi pertanian. Peningkatan ini melibatkan aspek kognitif pelajar dalam literasi pertanian.

Jadual 3

Tahap Literasi Pertanian Sebelum dan Selepas Penggunaan Modul Landskap Sains Pertanian

Bil.	Bahagian Literasi Pertanian	Sebelum		Selepas	
		Min	Sisihan Piawai	Min	Sisihan piawai
1.	Kesedaran	3.92	0.53	4.71	0.41
2.	Penemuan	3.88	0.50	4.74	0.40
3.	Pemahaman	3.32	0.66	4.49	0.58
4.	Analisis	3.52	0.53	4.63	0.43
	Keseluruhan	3.66	0.56	4.64	0.46

Perkaitan keempat-empat tahap ini ialah teradap keperluan kesedaran terlebih dahulu sebelum ilmu atau pengetahuan diperoleh. Apabila kesedaran muncul dalam diri individu, kemudian terbitnya penemuan. Individu mula mengeksplorasi dan mencari apa-apa penemuan yang berkaitan literasi pertanian bagi mengukuhkan kesedaran mereka. Tanpa kesedaran yang jelas, pengetahuan dan penemuan baharu sukar diperolehi. Setelah berlaku penemuan, individu dapat pergi ke peringkat lebih tinggi iaitu memahami maklumat dan input yang datang berkaitan literasi pertanian. Kefahaman ini akan terus dibina dan dikembangkan sehingga mencapai tahap yang lebih tinggi iaitu analisis. Setelah kefahaman dicapai barulah sesuatu analisis boleh dilakukan oleh individu dalam sains pertanian.

Seterusnya, dalam Jadual 4 menunjukkan analisis ujian-t untuk tahap literasi pertanian yang diukur sebelum dan selepas penggunaan modul. Dapatan menunjukkan semua bahagian literasi pertanian iaitu kesedaran $t(80) = 12.53$, $p < 0.05$, penemuan $t(80) = 15.62$, $p < 0.05$, pemahaman $t(80) = 16.82$, $p < 0.05$, dan analisis $t(80) = 18.20$, $p < 0.05$ mencatatkan perbezaan yang signifikan. Semua bahagian literasi pertanian menunjukkan perbezaan yang positif dan signifikan terhadap perubahan tahap penguasaan dan pemahaman.

Jadual 4

Analisis Ujian-t Literasi Pertanian Sebelum dan Selepas Penggunaan Modul Landskap Sains Pertanian

Bil	Bahagian Literasi Pertanian	t, df	Nilai p
1.	Kesedaran	12.53, 80	0.001
2.	Penemuan	15.62, 80	0.001
3.	Pemahaman	16.82, 80	0.001
4.	Analisis	18.20, 80	0.001

Dapat dilihat dalam Jadual 4 menunjukkan perubahan sebelum ke selepas yang positif. Terdapat perubahan positif dan peningkatan tahap literasi pertanian dalam kalangan pelajar. Perubahan ini adalah signifikan dan mempunyai merit untuk dipercayai serta diyakini. Walaupun menggunakan skop penyelidikan yang kecil dan terhad, iaitu responden pelajar tingkatan tiga dari Sekolah Menengah Jalan 3 Bandar Baru Bangi. Modul Landskap Sains Pertanian yang direka bentuk dan dibangunkan serta diuji kepada responden pelajar telah menunjukkan keberkesanan dalam meningkatkan literasi pertanian dalam kalangan pelajar tingkatan 3 sekolah menengah.

Kesimpulan

Secara kesimpulannya, kesemua objektif telah dipenuhi dan dicapai dalam kajian ini. Reka bentuk dan pembangunan landskap telah dapat disiapkan dan digunakan untuk kemudahan Umang-Umang Chalet, Pengkalan Balak, Melaka. Pemilik chalet berasa puas hati dan bersetuju dengan reka bentuk dan pembangunan landskap yang telah disiapkan. Seterusnya, dapat digunakan oleh pengunjung chalet.

Tahap literasi pertanian telah menunjukkan peningkatan dari ujian sebelum dan selepas program Modul Landskap Sains Pertanian. Perubahan positif dan signifikan yang berlaku menunjukkan pengetahuan pelajar semakin bertambah dari sebelum kepada selepas program modul dijalankan. Ini menunjukkan modul yang telah dibangunkan penyelidikan dapat meningkatkan pengetahuan literasi pertanian dengan berkesan dan signifikan (Razali, 2018).

Daripada kajian ini beberapa cadangan telah dapat dikenal pasti. Pertama dari segi isi modul yang dihasilkan memerlukan penambahan dari sudut domain afektif dan psikomotor. Ini kerana, modul ini agak terikat dan sempit ke arah domain kognitif. Ini bagi memastikan pelajar dapat mendalami dengan mutlak ke dalam literasi pertanian. Cadangan kedua pula ialah memasukkan elemen kemahiran abad ke-21 dan kemahiran insaniah ke dalam modul. Ini dilihat kerana bagi memastikan pelajar yang dihasilkan itu mempunyai nilai tambah. Selain itu dua elemen ini sangat penting, walaupun telah digariskan dalam dokumen standard kurikulum pentaksiran, selalunya pihak sekolah atau guru memandang enteng perkara ini maka dengan itu perlunya penerapan kedua elemen ini. Cadangan ketiga ialah perlunya kajian yang lebih mendalam terhadap hasil kajian ini. Perlunya penyelidikan terhadap keberkesanan modul ini dengan menggunakan populasi yang besar dan lebih

pelbagai serta kumpulan kawalan. Selain itu, perlu juga kajian terhadap reka bentuk dan hasil pembangunan landskap yang lebih tersusun dan sistematik.

Rujukan

Adamson, B. (2020, November 2). *Four benefits of agricultural literacy*. <https://nutrientsforlife.ca/news/article/four-benefits-of-agricultural-literacy>

American Farm Bureau Foundation For Agriculture. (2012). *Understanding the Intersection Between Agriculture and Society*. <https://www.agfoundation.org/files/PillarsPacket062016.pdf>

American Farm Bureau Foundation For Agriculture. (2013). *The Pillars of Agricultural Literacy: A Planning Tool for Ag Literacy Programs*. <http://www.agfoundation.org/resources/ag-pillars>

Committee on Agricultural Education in Secondary Schools. (1988). *Understanding Agriculture: New Directions for Education*. Washington, D.C.: National Academy Press.

Creswell, J. W. (2012). *Educational Research: Planning, Conducting and Evaluating Qualitative and Quantitative Research (4 edition)*. Boston: Pearson Education, Inc.

Dines, N. T., & Brown, K. D. (2001). *Landscape Architect's Portable Handbook*. New York: McGraw-Hill.

Ismail, N. (2020). Pertanian Bandaran: Inovasi Pertanian Pasca Covid-19. *E-Buletin MySASE*, 3(Jun 2020), 19-22. http://spel3.upm.edu.my/max/dokumen/MYSASE_MYSASE_E-BULETIN_BIL_3_JUN_2020_compressed.pdf

Jabatan Landskap Negara. (2011). *Dasar Landskap Negara: Malaysia Negara Taman Terindah*. Kuala Lumpur: Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013a). *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Pertanian Tingkatan 4*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013b). *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Pertanian Tingkatan 5*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.

Newcomb, L. H., McCracken, J. D., Warmbrod, J. R., Whittingtiong, M. S. (2004). *Methods of Agriculture (3rd edition)*. Ohio: Pearson Education.

Puad, M. H. M. & Desa, H. M. (2020). Dissecting Perceptions of New Graduates on Work Orientation and Self-Confidence in Employability Skills Training Program. *Universal Journal of Educational Research*. 8 (1A), 70-75.

Razali, F. R. (2018). Reka Bentuk dan pembangunan landskap untuk meningkatkan literasi sains pertanian dalam kalangan pelajar sekolah menengah (Projek Ilmiah Tahun Akhir). Universiti Putra Malaysia, Serdang.

Razi, A. S. (2018). Meneroka Proses Pembinaan Literasi Pertanian (Projek Ilmiah Tahun Akhir). Universiti Putra Malaysia, Serdang.

Razzaq, A. R., Rodzi, N. I., Esa, A., Hashim, J., & Mustafa, M. Z. (2009). *Pengaruh Subjek Pertanian dalam Membina Kerjaya Terhadap Bidang Pertanian: Kajian Kes di Sekolah Menengah Teknik*. Seminar Kebangsaan Pendidikan Teknik dan Vokasional Kali Ke-3. Skudai, Johor.

Saunders, V. & Zuzel, K. (2010). Evaluating Employability Skills: Employer and Student Perceptions. *Bioscience Education*, 15 (1), 1-15.

Tai, T. (2014). Penilaian Mata Pelajaran Sains Pertanian di SMK Taman Kluang Barat, Keluang (Evaluation Paper). Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.

Talib, M. A. (2018, Januari 3). *Pupuk minat kanak-kanak terhadap bidang pertanian*. Kosmo. <http://psasir.upm.edu.my/id/eprint/64229/>

Yahya, A., Hashim, S., Ramli, J., Boon, Y., & Hamdan, A. R. (2007). *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan (Edisi Kedua)*. Kuala Lumpur: PTS Profesional Publising Sdn Bhd.

Penggunaan Teknik Permainan Berkumpulan ‘Vocabulary Taskforce’ Untuk Meningkatkan Motivasi Pelajar Dalam Menguasai Perbendaharaan Kata Bahasa Inggeris

Nithiyaa Sakthi Saravanan¹ & Muhammad Syawal Amran²

¹Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia

²Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia

nithiyaasakthisaravanan@gmail.com, syawal@ukm.edu.my

ABSTRAK

Pengenalan- Penguasaan perbendaharaan kata dalam pembelajaran Bahasa Inggeris (BI) amat signifikan dalam menentukan kefasihan pertuturan dan penulisan dalam bahasa tersebut. Isu penguasaan kosa kata BI yang lemah dan kekurangan minat para pelajar untuk belajar bahasa tersebut memberikan impak kepada masalah komunikasi pelajar. Kendatipun, didapati bahawa fokus yang diberi kepada perbendaharaan kata dalam proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas BI pelajar sekolah menengah rendah masih berada pada tahap yang rendah.

Objektif- Tujuan kertas konsep ini adalah untuk membincangkan masalah yang dihadapi dalam proses pengajaran dan pembelajaran perbendaharaan kata BI dan juga menghuraikan jenis permainan bahasa secara berkumpulan yang menarik dan berkesan bagi mengajar perbendaharaan kata di dalam kelas. Selain itu, kertas konsep ini juga membincangkan tentang pengajaran perbendaharaan kata BI kepada pelajar menengah rendah dengan menggunakan permainan bahasa serta membuat penelitian tentang permainan bahasa dan kaitannya dengan motivasi pelajar yang menjadi faktor perangsang utama bagi pelajar meluaskan kosa kata mereka.

Metodologi- Untuk mengumpul maklumat mengenai tajuk kajian ini, analisis kandungan kualitatif induktif dilakukan pada kajian lepas melalui kaedah perpustakaan dan internet mengenai perbendaharaan kata yang dipilih berdasarkan kriteria yang telah ditentukan dari pangkalan data dan perpustakaan digital yang berbeza. Hasil kajian yang diperolehi daripada artikel, buku dan jurnal dirujuk dan digunakan bagi membina kertas konsep ini.

Dapatan- Menurut hasil yang didapati, boleh dikatakan bahawa kebanyakan sumber kajian lepas akur bahawa strategi yang digunakan dalam mengajar perbendaharaan kata iaitu penggunaan teknik permainan bahasa secara berkumpulan merupakan sinergi yang efektif dalam memperluas kosa kata BI pelajar. Selain itu, boleh juga dirumuskan bahawa pengimplementasian teknik ini dapat meningkatkan motivasi diri pelajar dan mendorong mereka untuk berusaha sendiri bagi memperkasa kosa kata BI mereka. Contoh permainan

bahasa juga turut disertakan sebagai rujukan bagi para pembaca. Oleh itu, pengajaran dan pembelajaran yang menyeronokkan menerusi teknik permainan bahasa secara berkumpulan, ‘Vocabulary Taskforce’, dalam pengajaran perbendaharaan BI boleh meningkatkan penguasaan kosa kata pelajar dan merangsang minat pelajar untuk melibatkan diri secara aktif dalam proses pembelajaran perbendaharaan kata.

Kepentingan- Perbincangan yang diperoleh dalam kertas ini berguna dalam penerokaan topik penyelidikan berkaitan dengan perbendaharaan kata dan pengenalannya dalam literatur dan mendukung mereka yang memerlukan bimbingan untuk mengembangkan langkah-langkah yang sesuai bagi mempromosi pengajaran dan pembelajaran perbendaharaan kata Bahasa Inggeris. Kertas konsep ini amat sesuai dijadikan rujukan bagi warga pendidik BI untuk mengetahui kepentingan teknik permainan bahasa dan sumbangannya dalam memperluas kosa kata BI pelajar.

Kata kunci: motivasi, perbendaharaan kata, permainan bahasa

Pengenalan

Dasawarsa ini, Bahasa Inggeris (BI) menjadi bukan sahaja sebagai bahasa ekonomi antarabangsa, malah kegunaan bahasa ini telah diperluas sehingga statusnya disohor sebagai bahasa teknologi yang diguna pakai oleh sesebuah negara untuk tampil berdaya saing pada peringkat global (Yahaya, Hashim, & Che Shariff, 2008; Yahaya, Mohd Noor, Mokhtar, Mohd Rawian, Othman, & Jusoff, 2009). Kepentingan bahasa ini disedari oleh hampir semua negara di mana penekanan untuk belajar dan menguasai bahasa tersebut merupakan salah satu objektif utama dalam sistem pendidikan mereka tersendiri (Mamat, 2016). Sistem pendidikan di Malaysia turut memberi perhatian yang serius terhadap perkara ini kerana pelbagai modus operandi telah diambil sebagai inisiatif bagi membolehkan para pelajar menguasai BI dengan mahir.

Sejajar dengan itu, bagi mencapai impian kerajaan untuk membolehkan pelajar Malaysia kompeten dalam subjek BI, fokus pengajaran bahasa kedua ini bukan hanya tertumpu pada topik yang diajar tetapi pendekatan yang digunakan untuk mengajar dan mempelajari bahasa tersebut turut dipertikaikan. Penerokaan strategi pembelajaran bahasa terus menjadi tumpuan penyelidikan sehingga suatu cabang ilmu iaitu pembelajaran perbendaharaan kata menjadi tumpuan ramai golongan intelektual (Ahmad, 2009). *“Without grammar, very little can be conveyed, without vocabulary, nothing can be conveyed”* merupakan pernyataan yang dipelopori oleh David A. Wilkins pada tahun 1972 yang menunjukkan pentingnya pembelajaran perbendaharaan kata ketika mempelajari sesuatu bahasa (Esra, 2018). Dalam erti kata lain, pernyataan itu membawa maksud bahawa sekiranya konsentrasi diberi secara lebih kepada pembelajaran aspek tatabahasa berbanding dengan pembelajaran kosa kata, tidak semestinya penguasaan bahasa adalah pada tahap yang maksima kerana bukan semua perkara boleh disampaikan dengan sepenuhnya menggunakan tatabahasa yang sempurna tetapi dengan bekalan kosa kata yang terhad. Oleh itu, adalah digalakkan untuk para pelajar mempelajari lebih banyak perkataan, frasa dan ungkapan BI sekiranya hendak cekap berkomunikasi menggunakan bahasa tersebut.

Hal ini secara langsungnya membuktikan kepentingan meluaskan perbendaharaan kata dalam kalangan pelajar.

Namun, menurut Milton (2009), pengajaran dan pembelajaran perbendaharaan kata kurang mendapat perhatian berbanding aspek bahasa yang lain seperti tatabahasa, membaca, menulis, mendengar dan berututur. Salah satu sebab utama pengajaran kosa kata tidak diberi keutamaan dalam pengajaran BI adalah kerana pilihan teknik yang harus digunakan untuk mengajar kemahiran ini menjadi cabaran yang berterusan kepada golongan pendidik (Esra, 2018). Menurut beliau, para guru menghadapi kesukaran untuk memilih satu kaedah pengajaran yang efektif untuk mengajar kosa kata kerana kaedah tersebut haruslah merangsang minat para pelajar, memotivasi mereka untuk cuba sendiri dan tidak semata-matanya menghafal perkataan yang diajar. Hal ini pula memberi kesan kepada tanggapan para pelajar tentang pembelajaran perbendaharaan kata yang diambil remeh kerana kepentingan aspek bahasa ini tidak diberi perhatian oleh para guru (Therese, 2014). Sehubungan dengan itu, kaedah pengajaran dan pembelajaran yang efektif harus dibentuk dengan menggunakan pendekatan penguasaan perbendaharaan kata sebagai asas pembelajaran BI.

Oleh itu dalam kertas konsep ini, penulis ingin berkongsi suatu teknik yang efisien dan menyeronokkan agar pembelajaran perbendaharaan kata baru menjadi lebih mudah dan lebih menggembirakan. Beberapa contoh permainan berkumpulan yang sesuai juga dikongsikan oleh penulis agar menjadi panduan kepada guru BI. Penulis juga akan meneroka pandangan penulis lain tentang topik ini dengan menyertakan contoh kajian di bawah subtopik yang dibincangkan. Maka, objektif utama kertas ini adalah untuk melahirkan dan mempromosikan satu penyelesaian, iaitu penggunaan teknik permainan berkumpulan 'Vocabulary Taskforce' untuk meningkatkan motivasi pelajar dalam menguasai perbendaharaan kata BI.

Perbendaharaan Kata

Secara linguistik, perbendaharaan kata merupakan perkataan iaitu unit bahasa terkecil namun bermakna yang digunakan untuk membuat frasa dan ayat yang biasanya mewakili objek, idea, tindakan, simpulan bahasa dan lain-lain (Esra, 2018). Perbendaharaan kata merupakan elemen yang sangat penting di mana ia menjadi komponen asas komunikasi. Hujah tersebut diperkuat oleh Jamalipour dan Farahani (2012) yang mengatakan bahawa perbendaharaan kata biasanya diakui sebagai alat komunikasi utama kerana segala kosa kata atau perkataan yang digunakan oleh pengguna bahasa dalam menyatakan perasaan, idea, dan pendapat mereka yang merupakan manifestasi dari akal manusia adalah ditakrifkan sebagai perbendaharaan kata.

Berbanding dengan aspek bahasa yang lain, menurut perspektif linguistik, perbendaharaan kata nampaknya lebih berguna daripada aspek tatabahasa bahasa itu sendiri (Saniago & Tira, 2019). Hal ini demikian kerana seseorang dapat bertutur tanpa struktur tatabahasa yang betul tetapi tidak dapat berkomunikasi tanpa perbendaharaan kata. Kata-kata ialah akar komunikasi dan perbendaharaan kata yang luas memperbaiki semua aspek bahasa yang lain seperti mendengar, bercakap, menulis dan membaca. Dalam erti kata lain, perbendaharaan kata memainkan peranan yang penting dalam membolehkan seseorang

penuntut bahasa memahami keempat-empat kemahiran asas bahasa ini. Berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran empat kemahiran ini, perbendaharaan kata ialah bahagian yang tidak dapat dipisahkan.

Berdasarkan pandangan sarjana mengenai perbendaharaan kata, contohnya, Rubin dan Thompson (1994, hlm 79) menyatakan bahawa "Seseorang tidak boleh bertutur, memahami, membaca atau menulis dalam bahasa yang dikehendaki tanpa menguasai kosa kata bahasa tersebut. Maka, pembelajaran kosa kata adalah medium utama untuk menguasai sesuatu bahasa." (Kumaresen & Melor, 2016). Oleh hal yang demikian, boleh dirumuskan bahawa perbendaharaan kata ialah wadah utuh dalam menentukan komunikasi yang lancar dan merupakan kemahiran penting yang perlu dimahiri oleh seorang penuntut bahasa bagi menguasai bahasa tertentu. Pembelajaran sesuatu bahasa tanpa perbendaharaan kata seolah-olah tidak akan berjaya kerana penguasaan kosa kata sangat membantu para pelajar dalam mahiri bahasa tersebut. Dalam kertas ini pula, perbendaharaan kata menjadi aspek bahasa yang diberi perhatian oleh penulis berbanding kemahiran bahasa yang lain kerana kepentingannya dalam mempertingkatkan penguasaan bahasa melalui pengorakan langkah yang efisien agar kosa kata BI para pelajar dapat dikukuhkan lagi.

Pengajaran Perbendaharaan Kata

Pengetahuan kosa kata merupakan komponen penting bagi seseorang pelajar agar menjadi cekap dalam menguasai sesuatu bahasa, namun, pengabaian pengajaran perbendaharaan kata menjadi tema perbincangan penyelidikan bahasa kedua sejak dahulu lagi. Perkara ini disokong oleh Maftoon, Hamidi & Sarem (2012) yang mengakui bahawa pengajaran dan pembelajaran perbendaharaan kata diberi keutamaan yang kurang serius atau bahkan sedikit dalam pengajaran BI sebagai bahasa kedua. Menurut Mofareh (2015) pula, pengajaran perbendaharaan kata mungkin bermasalah kerana guru tidak yakin dengan metod terbaik yang boleh digunakan dalam pengajaran perbendaharaan kata dan kadangkadangkang tidak tahu untuk mula membentuk penekanan instruksional pada pembelajaran kosa kata.

Kendatipun, baru-baru ini, terdapat pembaharuan minat terhadap penyelidikan tentang kosa kata dan peranannya dalam mempelajari bahasa sasaran (Matthews, 2018). Perhatian yang serius diberikan kepada strategi pembelajaran yang paling berkesan terutamanya dalam penyelidikan kelas bahasa kedua dan bahasa asing (Haifa, 2018). Hal ini dibuktikan oleh Gonzalez-Fernandez dan Schmitt (2017, hlm. 282) yang telah menarik perhatian kepada "ledakan jumlah penyelidikan kosa kata yang sedang berlangsung" dalam dunia penyelidikan berkaitan dengan pembelajaran bahasa kedua. Perkara ini memverifikasi bahawa pentingnya pengajaran perbendaharaan kata kepada para pelajar kerana pengetahuan kosa kata ialah asas untuk menguasai sebarang bahasa. Walaupun telah ada peningkatan yang besar dalam penyelidikan berkaitan perbendaharaan kata dalam pemerolehan bahasa kedua, beberapa masalah masih memerlukan perhatian. Salah satu kemelut utama adalah pemilihan pendekatan yang efektif yang boleh digunakan oleh para guru untuk mengajar perbendaharaan kata. Hal ini demikian kerana guru-guru harus melaksanakan aktiviti yang berbeza di dalam kelas untuk memaksimumkan keupayaan pelajar dalam mempelajari kosa kata baharu.

Menurut Milton (2009), guru-guru memainkan peranan yang penting dalam pengajaran perbendaharaan kata kerana pelajar yang diajar perbendaharaan kata secara eksplisit melalui aktiviti di dalam kelas memperoleh perbendaharaan kata yang lebih luas daripada mereka yang hanya belajar perbendaharaan kata secara tersirat. Oleh itu, pelajar yang diajar secara eksplisit akan menjadi lebih cekap dalam penguasaan kosa kata selanjutnya bahasa tersebut. Hal ini turut disokong oleh Schmitt (2014) yang mendakwa bahawa amalan terbaik untuk memastikan pemerolehan perbendaharaan kata yang mencukupi merangkumi pemilihan kosa kata yang berprinsip dan metodologi pengajaran yang mendorong penglibatan yang aktif daripada para pelajar. Dalam erti kata lain, aktiviti pengajaran perbendaharaan kata haruslah menarik dan menuntut pelajar untuk berfikir secara kritikal pada masa yang sama. Oleh hal yang demikian, tujuan utama kertas ini yang ingin mempromosikan tentang keberkesanan permainan bahasa secara berkumpulan sebagai langkah mantap bagi meningkatkan motivasi para pelajar dalam pengajaran perbendaharaan kata BI merupakan salah satu informasi yang boleh dijadikan sebagai info tambahan dalam bidang penyelidikan yang berkaitan.

Permainan Bahasa

Permainan mempunyai sejarah yang panjang dan asal usulnya yang tersendiri. Dalam konteks pendidikan pula, permainan diberi maksud sebagai “alat yang berkesan untuk belajar kerana ianya menawarkan persekitaran hipotesis kepada pelajar di mana mereka dapat meneroka keputusan alternatif tanpa adanya risiko kegagalan. Pemikiran dan tindakan digabungkan menjadi tingkah laku yang bertujuan untuk mencapai sesuatu matlamat. Permainan mengajar kita untuk mengatur strategi, membuat pertimbangan alternatif, dan berfikir secara fleksibel” (Martinson dan Chu 2008: 478). Oleh itu, kebanyakan penyelidik berpendapat bahawa permainan menjadi strategi yang berkesan dalam meluaskan perbendaharaan kata para pelajar. Hal ini boleh dibuktikan melalui kajian-kajian lepas yang telah dijalankan sebelum ini di pelusok dunia bagi mengetahui keberkesanan permainan bahasa dalam meningkatkan saiz kosa kata para pelajar.

Berpandukan kajian yang diselesaikan oleh Elliot (2004) di England, beliau menjelaskan bagaimana permainan membantu dalam kemajuan bahasa pelajar tanpa menyedari bahawa mereka sedang belajar. Satu lagi kertas oleh Moon dan Reifel (2008) di Amerika Syarikat mendapati bagaimana permainan dapat memberi manfaat dalam pelajaran dan meningkatkan lagi kemahiran membaca dalam kalangan golongan muda dan kanak-kanak kerana mereka berasa lebih selesa untuk belajar dalam persekitaran yang santai. Rao (2006) menjelaskan bahawa di China permainan bahasa telah digunakan untuk membantu pelajar belajar dengan cara baru yang telah membuka minda mereka untuk memperoleh lebih banyak perkataan baharu. Tambahan pula, kajian di Malaysia yang telah dilaksanakan oleh Ilangko (2014) menunjukkan keputusan bahawa aktiviti permainan bahasa patut diimplementasikan secara formal dan tersusun agar dapat menolong para pelajar bagi mendominasi sesuatu isi pelajaran. Beliau juga menambah bahawa aktiviti permainan bahasa harus disertakan sebagai sebahagian dalam sukatan pelajaran dan bukannya sebagai aktiviti selingan.

Namun begitu, didapati bahawa ramai guru menganggap permainan sebagai aktiviti yang tidak serius. Ada antara tenaga pendidik yang mempunyai tanggapan bahawa permainan

hanyalah aktiviti tambahan untuk mengukuhkan kemahiran asas pembelajaran bahasa pada peringkat prasekolah dan sekolah rendah sahaja (Birova, 2013). Persepsi guru-guru ini haruslah diubah kerana permainan bahasa sememangnya mempunyai kebaikannya sendiri maka haruslah diperkasakan lagi agar manfaat melalui aktiviti tersebut menjadi kejayaan kita.

Kepentingan Pengajaran Perbendaharaan Kata Melalui Permainan Bahasa

Permainan memainkan peranan penting dalam kelas pembelajaran bahasa walaupun terdapat sebilangan besar guru yang tidak menyedarinya sebagai strategi pembelajaran. Walau bagaimanapun, aktiviti permainan bahasa mempunyai banyak faedah untuk pembelajaran kosa kata. Bukti bagi pernyataan ini boleh didapati melalui hasil kajian-kajian lepas yang telah dijalankan sebelum ini. Huyen dan Nga (2003) yang membuat kajian di China tentang keberkesanan pembelajaran kosa kata melalui permainan bahasa mendapati bahawa permainan (1) mencipta persekitaran santai yang menolong pelajar belajar dan mengenal perkataan; (2) memperkenalkan aktiviti mesra, berdaya saing yang memberi tenaga kepada pelajar justeru meningkatkan penyertaan yang aktif; dan (3) meningkatkan komunikasi pelajar.

Selain itu, kajian lain yang dijalankan oleh Sigurðardóttir (2010) menerangkan bagaimana permainan membolehkan pelajar terlibat secara bebas dalam proses pembelajaran individu sambil membuka ruang untuk mempraktikkan pengalaman kehidupan sebenar dalam suasana terkawal di bilik darjah. Beliau terus menerangkan bagaimana jenis aktiviti ini dapat memberi kebolehan kepada pelajar untuk meningkatkan keyakinan diri justeru terlibat secara aktif dalam tugas pembelajaran mereka. Penggunaan permainan bahasa di dalam kelas juga membenarkan guru memberi lebih banyak input berdasarkan keperluan pelajar yang berbeza dan gaya pembelajaran masing-masing. Menurut beliau, pelajar dapat mengambil bahagian dalam aktiviti kumpulan, adanya pergerakan fizikal, lebih banyak tugas mental dan permainan visual yang membolehkan pendidik mengajar secara langsung mengikut gaya pembelajaran pelajar yang berlainan.

Tambahan pula, penyelidikan yang diselesaikan oleh Shazhad (2011) tentang penggunaan permainan bahasa yang autentik dalam konteks kelas di Malaysia memberikan lebih banyak bukti bahawa bahasa paling baik dipelajari melalui pelakuan dan pelajar mempunyai peranan aktif dalam pengalaman pembelajaran mereka melalui permainan lebih-lebih lagi apabila permainan tersebut melibatkan aktiviti kumpulan. Semasa bermain adalah mustahak untuk setiap orang terlibat atau mengambil bahagian secara aktif. Penyertaan aktif ini mewujudkan persekitaran di mana pelajar dapat memberi perhatian yang tidak diketahui pada titik pembelajaran perbendaharaan kata yang tertentu secara semula jadi di dalam kelas.

Secara keseluruhannya, kajian-kajian di atas menyimpulkan bahawa terdapat kepentingan yang boleh dirasai oleh kedua-dua pihak; guru dan pelajar, apabila menggunakan modus operandi permainan bahasa secara berkumpulan sebagai saluran untuk membantu pelajar meluaskan perbendaharaan kata mereka.

Motivasi dan Pembelajaran Bahasa Kedua

Motivasi ialah faktor perdana yang menentukan kejayaan atau kegagalan sesuatu aktiviti yang sukar. Pada dasarnya, tidak boleh dinafikan bahawa kejayaan seseorang dalam melaksanakan sesuatu tugas dengan jayanya adalah disebabkan bahawa dia bermotivasi. Dalam pembelajaran bahasa kedua pula, adalah mudah untuk menyatakan bahawa pelajar akan menjadi berjaya sekiranya memiliki tahap motivasi yang tinggi. Hal ini adalah kerana motivasi mempunyai peranan penting dalam memperkembang kemahiran bahasa. Guru boleh memainkan tanggungjawab mereka dalam memotivasi pelajar untuk pembelajaran bahasa kedua. Motivasi adalah faktor penting dalam mempelajari bahasa kedua yang dipengaruhi oleh pemboleh ubah yang berbeza (Mitra, 2016). Penyataan tersebut disokong oleh banyak kajian dan eksperimen yang telah dibuat sebelum ini dalam bidang pembelajaran manusia dan bahasa.

Kajian tentang motivasi telah dibuat sejak dahulu lagi dan pelopor utama yang membuat penyelidikan tentang motivasi dan pembelajaran bahasa ialah Howard Gardner. Menurut Gardner (1985), motivasi ialah gabungan antara usaha dan keinginan seseorang untuk mencapai sesuatu tujuan yang ditambah dengan sikap yang baik. Oxford dan Shearin (1994) mendefinisikan motivasi sebagai keinginan untuk mencapai objektif, digabungkan dengan tenaga untuk mencapai objektif tersebut. Narayanan (2006) mengatakan bahawa motivasi adalah sebab atau sebab di sebaliknya tindakan atau tingkah laku seseorang. Motivasi adalah punca-punca yang mendasari tingkah laku seseorang (Guay et al., 2010). Broussard dan Garrison (2004) pula mendefinisikan motivasi sebagai sifat yang menggerakkan seseorang untuk melakukan atau tidak melakukan sesuatu. Dalam pada itu, motivasi boleh diberi definisi sebagai faktor pendorong yang membuatkan seseorang untuk terlibat dan menjayakan sesuatu tugas dengan menunjukkan tingkah laku mereka yang bersungguh-sungguh.

Dalam konteks penyelidikan pembelajaran bahasa pula, menurut Brown (2000) dan Gardner (1985), terdapat dua jenis motivasi asas; integratif dan instrumental. Menurut Gardner dan Lambert (1959 seperti dirujuk dalam Pourhosein Gilakjani, Leong, & Saburi, 2012), motivasi integratif merujuk kepada pembelajaran bahasa untuk pertumbuhan peribadi dan pengayaan budaya; iaitu, pelajar suka belajar bahasa tertentu untuk berjaya menempatkan diri dalam masyarakat yang berkomunikasi dengan bahasa sasaran tersebut. Sebaliknya, mereka meneruskan bahawa motivasi instrumental pula muncul apabila adanya keperluan mempelajari bahasa kedua untuk mencapai sesuatu tujuan yang khas seperti belajar untuk lulus peperiksaan atau mendapat ganjaran kewangan. Perkara ini turut disokong oleh Dörnyei (1998) seperti yang dirujuk daripada (Mitra, 2016) menyatakan bahawa konstruk motivasi melibatkan motivasi instrumental dan integratif. Kebanyakan situasi dalam pembelajaran bahasa merangkumi campuran setiap jenis motivasi. Adalah menjadi sukar untuk mengaitkan sebab-sebab integratif atau instrumental tertentu yang memberi sumbangan terhadap kejayaan pembelajaran bahasa kedua. Dinyatakan bahawa kepentingan motivasi integratif dan motivasi instrumental bergantung pada situasi atau konteks sama ada pembelajaran bahasa berfungsi sebagai bahasa asing atau sebagai bahasa kedua.

Selain itu, Brown (2000) pula telah menambah dua lagi jenis motivasi iaitu motivasi intrinsik dan motivasi ekstrinsik. Menurut beliau, motivasi intrinsik merujuk kepada

motivasi untuk terlibat dalam suatu aktiviti kerana aktiviti itu menyeronokkan. Ironinya, motivasi ekstrinsik merujuk kepada tindakan yang dilakukan untuk mencapai beberapa tujuan instrumental seperti mendapatkan hadiah atau menghentikan hukuman. Brown (2000) menunjukkan hubungan antara kedua-dua jenis motivasi ini. Motivasi ekstrinsik boleh berubah menjadi motivasi integratif jika orang lain mahu pelajar bahasa kedua mengetahui bahasa tersebut untuk tujuan integratif manakala motivasi ekstrinsik boleh berubah menjadi motivasi instrumental jika kekuatan luaran menginginkan pelajar untuk mempelajari bahasa kedua. Lebih-lebih lagi, motivasi intrinsik boleh berubah menjadi motivasi integratif jika pelajar ingin berintegrasi dengan budaya bahasa kedua; motivasi intrinsik juga boleh berubah menjadi motivasi instrumental jika pelajar ingin memperoleh tujuan menggunakan bahasa kedua. Begitu juga, pelajar dengan motivasi integratif yang sama dapat menunjukkan perbezaan intrinsik dan motivasi ekstrinsik (Brown, 2000).

Secara intinya, menjadi tanggungjawab guru untuk mengorak langkah dan mencetus idea-idea yang kreatif bagi menjana aktiviti-aktiviti yang boleh diimplementasikan di dalam kelas pembelajaran bahasa bagi memotivasi pelajar mengikut kesesuaian dan kehendak mereka. Guru-guru harus cakna akan teori-teori tentang motivasi dan pembelajaran bahasa kedua agar program-program yang sesuai boleh dibangunkan untuk membangkit motivasi dan semangat para pelajar dalam belajar bahasa kedua tersebut. Oleh itu, kertas ini boleh menjadi inisiatif yang dibuat bagi menentukan bahawa permainan bahasa bukan sahaja kaedah pengajaran yang baik, tetapi juga merupakan strategi pembelajaran dan alat motivasi yang hebat untuk pelajar di kelas bahasa Inggeris.

Motivasi dan Permainan Bahasa

Marcapada ini, di mana BI dikategorikan sebagai bahasa yang harus dikuasai oleh para pelajar, guru-guru BI di Malaysia selalu mencari kaedah untuk menagih komitmen dan pengertian serius daripada pihak pelajar agar terlibat dalam proses pembelajaran BI secara aktif. Usaha luhur daripada warga pendidik ini amat penting untuk pembelajaran BI oleh para pelajar dan pada masa yang sama memotivasi mereka untuk belajar kerana status bahasa tersebut sebagai bahasa kedua yang sukar dikuasai dan diinternalisasi. Salah satu metod efisien yang seharusnya digunakan oleh para guru bagi memotivasi pelajar dalam pembelajaran BI terutamanya dalam peluasan kosa kata BI adalah melalui pelaksanaan aktiviti permainan bahasa di dalam kelas. Hal ini boleh dibuktikan melalui kajian-kajian lepas yang telah dijalankan sebelum ini berkaitan dengan keberkesanan permainan bahasa dalam memotivasi pelajar untuk meningkatkan tahap penguasaan perbendaharaan kata BI.

Kajian lepas membuktikan bahawa strategi untuk mengajar BI boleh menggunakan permainan bahasa kerana aktiviti tersebut "sangat memotivasikan pelajar kerana ianya lucu dan pada masa yang sama mencabar (Mubaslat, 2012, h. 4)." Hal ini menunjukkan bahawa pelajar boleh belajar dalam suasana yang ceria dan gembira. Seterusnya, beliau juga menjelaskan bahawa pelajar akan didedahkan kepada suasana pembelajaran yang kompetitif yang mendorong mereka untuk maju dalam proses pembelajaran bahasa. Pelajar dapat belajar melalui permainan dengan menggunakan kosa kata yang baru diperkenalkan melalui aktiviti yang menyeronokkan dan mencabar, di mana mereka dapat dimotivasikan secara intrinsik atau ekstrinsik seperti kehendak untuk memenangi permainan atau menerima hadiah. Mereka juga dapat merasakan hubungan dengan apa

yang mereka pelajari dan menjadi bersemangat dengan menyadari kepentingan tatabahasa atau perbendaharaan kata melalui bermain.

Menurut Chen et al., (2015) pula, bukan sahaja pendidik yang menganggap permainan sebagai kaedah yang memotivasi untuk mengajar, tetapi juga menetapkan dalam penemuannya bagaimana pelajar melihat bahawa mereka lebih bermotivasi, dan dapat menyerap maklumat yang dipelajari secara dalaman semasa mereka bermain permainan di kelas untuk berlatih BI. Permainan juga dapat mewujudkan suasana pembelajaran yang sah atau nyata di bilik darjah melalui penggunaan realia atau jenis permainan yang dimainkan. Beliau juga menulis bagaimana mempelajari bahasa kedua di samping meningkatkan kemahiran melalui bermain mewujudkan konteks di mana pelajar dapat berkorelasi dengan kehidupan sebenar dan akhirnya menolong mereka menginternalisasikan maklumat dan ingat apabila menggunakan alat ini di luar kelas.

Selain itu, kajian yang diselesaikan oleh Julia (2016) yang memilih untuk menggunakan permainan di setiap kelas untuk memperkenalkan, mempelajari dan memperkukuh tatabahasa dan perbendaharaan kata seperti bermain pelbagai jenis permainan yang menguatkan pertuturan, kemahiran membaca, menulis dan mendengar untuk mempromosikan pembelajaran bahasa di persekitaran yang lebih semula jadi, sambil memotivasi mereka untuk melanjutkan pembelajaran BI. Hasil kajian menunjukkan bagaimana permainan meningkatkan kebolehan pelajar untuk bercakap dengan lebih fasih, meningkatkan pembelajaran bahasa mereka ke tahap seterusnya, membolehkan pelajar menjadi lebih maju. Pelajar memperoleh lebih banyak motivasi intrinsik untuk belajar Bahasa Inggeris, sejak mereka mula menikmati pembelajaran bahasa melalui penggunaan permainan bahasa oleh guru di dalam kelas. Permainan juga membantu pelajar mengingati dan menggunakan bahasa dengan betul dalam situasi lain. Maka, boleh dibuktikan bahawa sememangnya ada kaitan antara motivasi dan permainan bahasa yang memberi impak yang besar terhadap penguasaan kosa kata BI dalam kalangan pelajar.

Contoh Permainan Bahasa Berkumpulan

Berpandukan kepada perkara yang telah dibincangkan di atas, adalah wajar bagi pihak guru BI untuk menggunakan teknik permainan bahasa secara berkumpulan sebagai langkah pragmatis untuk mengajar kosa kata BI kepada para pelajar. Lazimnya, terdapat pelbagai jenis permainan yang boleh dijadikan sebagai rujukan untuk dipraktikkan di dalam kelas. Sepuluh contoh permainan disenaraikan di bawah yang sesuai digunakan bagi pelajar sekolah menengah rendah boleh dijadikan panduan oleh para guru untuk mengajar kosa kata dan memberi gambaran yang lebih jelas kepada pembaca kertas ini tentang permainan bahasa. Permainan-permainan ini juga bukanlah permainan yang biasa dimainkan oleh pelajar di dalam kelas seperti teka silang kata, cari perkataan tersembunyi dan cari sinonim atau antonim tetapi senarai permainan ini lebih menyenorokkan dan mencabar intelektual para pelajar. Kesemua permainan ini harus dimainkan secara berkumpulan yang dinamakan secara kesluruhannya sebagai, 'Vocabulary Taskforce.' Guru-guru boleh mengubah suai permainan di bawah mengikut kesesuaian sendiri dengan menitik berat tahap dan umur para pelajar mereka.

1. Vocabulary Bingo

Agihkan pelajar kepada beberapa kumpulan. Setiap pelajar memerlukan kertas permainan Bingo dengan 5x5 kotak. Sekiranya anda ingin menggunakannya berulang kali, laminasi kertas tersebut dan minta pelajar menggunakan pen yang boleh dipadam. Jika tidak, mereka boleh menggunakan kertas dan sebarang peralatan menulis. Sediakan senarai kosa kata yang ingin anda uji pelajar kerana permainan ini bagus untuk dimainkan di hujung unit untuk menyemak tahap penguasaan pelajar. Pelajar akan menulis perkataan yang berbeza di setiap kotak mengikut senarai perkataan yang diberi oleh guru. Mereka memutuskan perkataan mana dan urutan untuk menulisnya sehingga cara penulisan setiap pelajar sedikit berbeza. Apabila anda sudah bersedia untuk bermain, berikan definisi kepada pelajar. Pelajar menentukan perkataan mengikut definisi yang dibacakan oleh guru. Sekiranya mereka mempunyai perkataan itu di kertas, mereka boleh melorekkan atau mewarnainya. Orang pertama yang mendapat lima perkataan berturut-turut perlu melaung BINGO dan mereka adalah pemenang. Kumpulan yang mempunyai ramai pemenang menjadi juara permainan ini.

2. Pictionary

Bahagikan pelajar kepada dua pasukan. Seorang pelajar dari pasukan pertama datang ke hadapan kelas, memilih perkataan daripada bakul, dan melukis gambaran perkataan tersebut pada papan putih tanpa menulis sebarang huruf. Mana-mana pasukan yang menjerit perkataan yang betul terlebih dahulu memperoleh mata. Pelajar seterusnya dari kumpulan kedua tampil ke hadapan untuk menarik perkataan dan seterusnya. Mana-mana pasukan yang mempunyai mata terbanyak apabila tamatnya masa dipanggil pemenang. Anda mungkin mahu menghadkan setiap pasukan kepada dua atau tiga tekaan setiap giliran.

3. Charades

Charades agak serupa dengan Pictionary, tetapi permainan ini menggunakan lakonan untuk menyampaikan kata rahsia sebagai pengganti gambar. Ini ialah permainan yang baik kerana permainan ini memerlukan pergerakan dan ekspresi wajah daripada pelajar. Tuliskan perkataan di atas kepingan kertas untuk dipilih oleh pelajar. Kata kerja mungkin merupakan yang paling mudah, tetapi anda juga boleh menggunakan kata-kata yang lebih rumit, dengan syarat anda pasti kebanyakan pelajar mengetahuinya. Bahagikan kelas kepada dua pasukan dan minta satu orang dari setiap pasukan memilih sehelai kertas dan melakonkan perkataannya secara bergilir-giliran. Pasukan mesti meneka perkataan yang betul sebelum tiga minit habis. Untuk setiap perkataan yang betul, pasukan itu mendapat satu mata. Pasukan yang mendapat sepuluh mata pertama ialah pasukan yang menang.

4. Last to Stand, Wins!

Permainan ini pantas, tetapi memberi peluang kepada pelajar untuk berfikir. Permainan ini juga mendorong konsep pembelajaran bersama-sama rakan sebaya, kerana pelajar akan mendengar perkataan yang disebut oleh rakan. Untuk bermain, ambil bola dan minta semua pelajar membentuk bulatan. Namakan kategori atau tema, seperti alatan yang terdapat di dalam bilik darjah, makanan, pekerjaan, dan sebagainya. Mulakan dengan melemparkan bola ke arah pelajar. Pelajar itu akan melaungkan perkataan yang berkaitan dengan tema dan melemparkan bola kepada pelajar lain. Semasa setiap orang menangkap bola, mereka perlu mengemukakan kata lain yang sesuai dengan temanya. Sekiranya mereka

mengulangi kata yang sudah disebut atau tidak dapat memikirkan yang baharu dalam beberapa saat, mereka akan keluar daripada bulatan tersebut. Selain itu, daripada menamakan tema, permainan ini boleh ditukar wajah dengan mengarahkan setiap pelajar untuk memberikan tema yang lain kepada pelajar seterusnya. Contohnya, anda mungkin memulakan dengan "sesuatu yang kuning." Pelajar pertama yang menangkap bola boleh mengatakan "bunga matahari" dan kemudian memilih topik lain dan melemparkan bola kepada pelajar seterusnya. Ini menjadikan permainan lebih sukar, kerana pelajar tidak dapat memikirkan satu perkataan sehingga mereka tahu apa tema mereka. Pelajar akhir yang berdiri sehingga tamat permainan menjadi pemenang.

5. Outburst

Bahagikan kelas kepada Pasukan A dan B. Guru memberikan setiap pasukan topik tertentu (contohnya sukan, kenderaan, alatan di dapur) yang harus dirahsiakan daripada pasukan lain. Setiap pasukan bertemu selama 5 minit dan secara kolektif menyusun senarai sepuluh item yang berkaitan dengan topik tersebut. Setelah senarai dibuat, permainan bermula. Guru memberitahu Pasukan A topik yang diberi kepada Pasukan B. Pasukan A kemudian mempunyai satu minit untuk mencuba meneka item dalam senarai Pasukan B. Ahli Pasukan B mesti mendengar dan menandakan item yang berjaya diteka oleh Pasukan A. Untuk setiap kata yang diteka oleh Pasukan A dengan betul, mereka mendapat satu mata. Untuk setiap perkataan yang mereka gagal meneka, Pasukan B mendapat mata. Setelah mata dicatat, giliran Pasukan B untuk meneka senarai Pasukan A. Pusingan tambahan boleh dimainkan dengan topik yang berbeza yang diberikan oleh guru. Pasukan pertama yang menjaringkan X jumlah mata, menang permainan ini.

6. Categories

Permainan ini boleh dimainkan secara berpasangan mahupun berkumpulan. Minta pelajar melukis enam lajur di atas kertas mereka dan menulis kategori di bahagian atas setiap lajur. Anda boleh memilih kategori yang sesuai dengan apa yang telah anda ajar di kelas. Kategori yang popular termasuk makanan, nama, bandar atau negara, perabot, kata kerja dan pakaian. Pilih huruf secara rawak dan tulis di papan tulis. Setiap pasukan mesti bekerjasama untuk mencari perkataan dengan cepat bagi setiap enam kategori yang bermula dengan huruf yang dipilih. Pasukan pertama yang melengkapkan keenam-enam kategori menghantar wakil ke hadapan kelas. Kelas kemudian berhenti menulis dan guru kemudian memeriksa setiap perkataan dengan kelas dan juga memaparkan apa yang dimiliki pasukan lain untuk setiap kategori. Sekiranya pasukan terpantas mengisi setiap kategori dengan betul, mereka memperoleh satu mata untuk pasukan mereka. Guru kemudian memilih huruf yang berbeza dan pusingan lain dimainkan. Pasukan pertama yang menjaringkan X jumlah mata menang. Beri pelajar masa yang cukup untuk menulis satu perkataan untuk setiap kategori yang bermula dengan huruf itu. Anda boleh mengulang dengan huruf baru seberapa banyak yang anda suka.

7. 20 Objects

Uji tahap memori dan perbendaharaan kata pelajar anda pada masa yang sama dengan permainan yang menyeronokkan ini. Bahagikan kelas kepada beberapa kumpulan. Yang anda perlukan hanyalah meja dan 20 barang biasa dari sekitar kelas. Susun objek di atas meja dan biarkan pelajar berkumpul untuk melihatnya. Tutup semua dengan kain (atau

sesuatu yang serupa) setelah satu minit dan hantar semua orang kembali ke tempat duduk mereka. Setiap pelajar harus menulis seberapa banyak item yang mereka ingat pada sehelai kertas dengan berbincang bersama-sama ahli kumpulan mereka. Apabila semua orang selesai, tulis senarai item di papan tulis dan biarkan pelajar membuat pembetulan dengan melihat objek-objek tersebut. Kumpulan yang berjaya menulis senarai yang terbanyak dengan jawapan yang betul menjadi pemenang permainan ini.

8. *Can You Guess?*

Arahkan pelajar untuk mencari pasangan masing-masing dan minta mereka untuk memikirkan suatu objek. Setiap pelajar harus menulis 5-10 perkataan yang menggambarkan objek tersebut pada sehelai kertas tanpa menyebut nama objek tersebut. Apabila masa tamat, pelajar bertukar kertas dan cuba mengetahui objek yang difikir oleh pasangannya mengikut deskripsi yang diberi. Pasukan pertama yang meneka kedua-dua perkataan dengan betul, menang.

9. *Popsicle Vocabulary*

Untuk permainan ini, anda boleh menulis perkataan pada batang 'popsicle' dan masukkan ke dalam bekas. Pelajar bergilir-gilir mengeluarkan satu 'popsicle' daripada bekas dan mereka mesti memberikan definisi perkataan yang ditulis pada batang 'popsicle'. Anda boleh mengubahnya sedikit dengan mewajibkan mereka memberikan sinonim dan antonim jika anda mahu. Sekiranya mereka menjawab dengan betul, mereka menyumbang mata kepada kumpulan masing-masing. Kumpulan yang memperolehi mata yang terbanyak menjadi pemenang permainan ini.

10. *What's Above My Head?*

Anda memerlukan kad perkataan. Pelajar bergilir-gilir meletakkan kad perkataan di atas kepala mereka sebelum melihat kad tersebut, sehingga mereka tidak dapat melihatnya tetapi pemain lain dapat melihatnya. Pelajar akan mengemukakan soalan ya atau tidak dari ahli kumpulan mereka sehingga mereka dapat meneka perkataan dengan betul. Contohnya: "Adakah kata yang saya dapat kata kerja?" "Adakah 'cantik' sinonim untuk perkataan saya?" Beritahu pelajar bahawa mereka mesti mengemukakan soalan berkaitan dengan definisi dan aspek tatabahasa perkataan tersebut. Setelah pelajar meneka perkataan mereka, pemain dari kumpulan lain mulakan permainan dan seterusnya bergilir-gilir. Kumpulan yang berjaya meneka perkataan yang banyak dengan tepat menjadi juara permainan ini.

Cadangan dan Penutup

Akhir kata, boleh dirumuskan bahawa melalui perbincangan di atas dan juga berdasarkan kajian lain yang telah dijadikan sebagai rujukan dan contoh, permainan bahasa sememangnya mempunyai impak positif terhadap pembelajaran perbendaharaan kata bahasa kedua, dalam kertas konsep ini, subjek BI. Lebih-lebih lagi, apabila permainan bahasa tersebut dimainkan secara berkumpulan yang menjadikan pelajar lebih aktif dalam menuntut ilmu. Selanjutnya, aktiviti permainan bahasa turut memberi sumbangan yang ketara dalam memberi motivasi kepada para pelajar untuk menimbulkan rasa minat mereka terhadap konteks yang diajar. Oleh itu, guru-guru haruslah menggunakan pendekatan ini

untuk menjalankan aktiviti pengajaran kosa kata di dalam kelas secara lebih berleluasa lagi. Guru-guru boleh merujuk pelbagai sumber bagi menjana idea berkaitan dengan permainan bahasa yang wajar digunakan di dalam kelas sebagai elemen bantuan dalam memperkasa saiz kosa kata para pelajar.

Cadangan bagi pengkaji lain yang ingin membuat penyelidikan tentang topik ini adalah untuk menjalankan kajian penyelidikan berbentuk emperikal atau kuantitatif agar kepentingan permainan bahasa boleh dibuktikan dengan lebih kukuh lagi menggunakan analisis data dan nombor. Kajian seterusnya boleh juga dijalankan dalam bentuk eksperimen di mana permainan bahasa dijadikan sebagai 'treatment' bagi mengatasi masalah teknik pengajaran perbendaharaan kata BI. Modul permainan bahasa juga boleh dihasilkan untuk mengkaji keberkesanan modul yang dicadangkan oleh pengkaji.

Perakuan

Terlebih dahulu, setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih dirakamkan kepada penyelia saya, Dr. Muhammad Syawal Amran yang telah memberi banyak bimbingan dan tunjuk ajar kepada saya bagi menjayakan kertas konsep ini. Seterusnya, ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga ditujukan kepada kedua-dua ibu bapa dan ahli keluarga saya yang sentiasa memberi kasih sayang, dorongan dan motivasi kepada saya untuk melengkapkan kertas konsep ini. Saya juga ingin berterima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan yang sudi berkongsi ilmu dalam menjayakan kertas konsep ini. Sekian, terima kasih.

Rujukan

Ahmad Azman Mokhtar. (2009). *English Vocabulary Learning Strategies among Malaysian Second Language Tertiary Students*. Universiti Sains Malaysia, Penang, Malaysia.

Annisa, A., (2013) Techniques in presenting vocabulary to young EFL learners. *Journal of English and Education*, 1(1), 11-20.

Birova (2013). Game as a main strategy in language education. *American Journal of Educational Research*, 1 (1): 6-10.

Brown, H. D. (2000). *Teaching by Principle: an Interactive Approach to Language Pedagogy*. New York: Longman.

Broussard, S. C., & Garrison, M. E. B. (2004). The Relationship between Classroom Motivation and Academic Achievement in Elementary School-aged Children. *Family and Consumer Sciences Research Journal*, 33(2), 106–120.

Chen, Bodong & Ma, Leanne & Matsuzawa, Yoshiaki & Scardamalia, Marlene. (2015). *The Development of Productive Vocabulary in Knowledge Building: A Longitudinal Study*.

- Dörnyei, Z. (1998). Conceptualizing Motivation in Foreign Language Learning. *Language Learning*, 40, 46-78, 1998.
- Elliot, J. (2004). 6 Group Activities for Teaching ESL children. *The Internet TESL Journal*, 10(4)
- Esra. (2018). Developing Vocabulary in Game Activities and Game Materials. *Journal of Teaching and Education*.
- Gardner, R. C. (1985). *Social Psychology in Second Language Learning*. Edward Arnold Ltd, London, Great Britain.
- González-Fernández, B., & Schmitt, N. (2017). Vocabulary acquisition. In S. Loewen & M. Sato (Eds.), *The Routledge handbook of instructed second language acquisition* (pp. 280-298). New York: Routledge
- Guay, F., Chanal, J., Ratelle, C. F., Marsh, H. W., Larose, S., & Boivin, M. (2010). Intrinsic, Identified, and Controlled Types of Motivation for School Subjects in Young Elementary School Children. *British Journal of Educational Psychology*, 80(4), 711–735.
- Haifa H. Alghamdi. (2018). *Exploring Second Language Vocabulary Learning in ESL Classes*. United States: Seattle University.
- Ilangko. (2014). *Aktiviti Permainan Bahasa, Wahana Penguasaan Kosa Kata*. Universiti Sains Malaysia.
- Jamalipour, S. & Farahani, A. A. A. (2012). The effect of vocabulary knowledge and background knowledge on Iranian EFL learners' LS reading comprehension. *Jurnal of Applied Linguistics and Language Research*, 2 (2), 107-121.
- Julia. (2016). *Different Reasons to Play Games in an English Language Class*. Ecuador: Redfame Publishing.
- Kumaresen & Melor. (2016). *Good Language Learners and Their Strategies: An Insight*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Maftoon, P., Hamidi, H., & Sarem, S. N. (2012). The effects of CALL on vocabulary learning: A case of Iranian intermediate EFL learners. *Broad Research in Artificial Intelligence and Neuroscience*, 3(4), 19-30
- Mamat. (2016). *Penguasaan Bahasa Inggeris dalam Kalangan Pelajar Tahun Satu di UKM*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Martinson, B. & Chu, S. (2008). Impact of learning style on achievement when using course content delivered via a game-based learning object. In R. E. Ferdig(Eds.) *Handbook of Research on Effective Electronic Gaming in Education*. (pp. 478-488). Pennsylvania: IGI Global.
- Matthews, J. (2018). Vocabulary for listening: Emerging evidence for high and mid-frequency vocabulary knowledge. *System*, 72, 23-36. <https://doi.org/10.1016/j.system.2017.10.005>

Milton, James. (2009). *Measuring second language vocabulary acquisition*. Bristol, Buffalo & Otranto: Multilingual Matters.

Mitra Alizadeh. (2016). *The Impact of Motivation on English Language Learning*. Lahijan Branch, Islamic Azad University, Lahijan, Iran.

Mofareh Alqahtani. (2015). *The Importance of Vocabulary in Language Learning and How to Be Taught*. *International Journal of Teaching and Education*.

Moon, K., & Reifel, S. (2008). *Play and Literacy Learning in a Diverse Language Pre-Kindergarten Classroom*. *Contemporary Issues in Early Childhood*, 1(9). <https://doi.org/10.2304/ciec.2008.9.1.49>

Mubaslat, M. M. (2012). *The Effect of Using Educational Games on the Students' Achievement in English Language for the Primary Stage*. Retrieved from <http://files.eric.ed.gov/fulltext/ED529467.pdf>

Narayanan, R. (2006). *Motivation Variables and Second Language Learning*. Vinayaka Mission Research Foundation University, Kanchipuram, India.

Oxford, R., & Shearin, J. (1994). *Language Learning Motivation: Expanding the Theoretical Framework*. *Modern Language Journal*, 78, 12-28.

Pourhosein Gilakjani, A., Leong, L. M., & Saburi, N. B. (2012). *Study on the Role of Motivation in Foreign Language Learning and Teaching*. *I.J. Modern Education and Computer Science*, 7, 9-16.

Rao, Z. (2006). *Understanding Chinese Students' Use of Language Learning Strategies from Cultural and Educational Perspectives*. *Journal of Multilingual and Multicultural Development* 6(6). Retrieved from <https://doi.org/10.2167/jmmd449.1>

Rubin, J., & Thompson, I. (1994). *How to become a more successful language learner*. Boston, MA: Heinle & Heinle.

Saniago Dakhi & Tira Nur Fitria. (2019). *The Principles and the Teaching of English Vocabulary: A Review*. *Indonesia: Journal of English Teaching*.

Schmitt, N. (2014). *Size and depth of vocabulary knowledge: What the research shows*. *Language learning*, 64 (4).

Sigurðardóttir, S. D. (2010). *The use of game in the English language classroom*. Retrieved from <http://skemman.is/stream/get/1946/6467/13457/1/Sigridurdogg2010.pdf>.

Shahzad, A. (2011). *The use of authentic games in English language teaching*. *Ekev Academic Review*, 15(47). Retrieved from <http://connection.ebscohost.com/c/articles/83752324/use-authentic-games-english-language-teaching>.

Therese Larsson. (2014). *Vocabulary Learning: A study of students' and teachers' attitudes towards English vocabulary learning in lower secondary school*. Sweden: Karlstads Universitet

Thi Thanh Huyen, Nguyen, & Thi Thu Nga, Kwat. (2003). Learning Vocabulary Through Games, The Effectiveness of Learning Vocabulary Through Games. Asian EFL Journal. Retrieved on October 20, 2014 from <http://Games in Teaching English>.

Wilkins, David A. (1972). Linguistics in language teaching. London: Arnold.

Yahaya, Hashim, & Che Shariff. (2008). Pengajaran Sains Dan Matematik dalam Bahasa Inggeris: Permasalahan dalam Pendidikan Sains Dan Matematik. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.

Yahaya, M. F, Mohd Noor, M. A., Mokhtar, A. A., Mohd Rawian, R., Othman, & Jusoff, K. (2009). Teaching of Science and Mathematics in English: The teachers' voices. English Language Teaching, 2(2), 141-147. DOI: <http://dx.doi.org/10.5539/elt.v2n2p141>.

Pembentukan Nilai Melalui Pembelajaran Informal Dalam Kalangan Orang Asli Suku Semai

Nor Syazwani Mat Salleh¹, Harleny Abd Arif², Elis Syuhaila Mokhtar³ & Muhammad Akhbar Shah Abdul Manaf⁴

^{1,2,3,4}*Jabatan Seni dan Reka Bentuk, Fakulti Seni, Komputeran dan Industri Kreatif
Universiti Pendidikan Sultan Idris*

syazwani.ms@fskik.upsi.edu.my, harleny@fskik.upsi.edu.my,
elis.mokhtar@fskik.upsi.edu.my, shah040396@gmail.com

ABSTRAK

Pengenalan- Kemahiran pembelajaran sepanjang hayat adalah aktiviti pembelajaran yang dilaksanakan sepanjang hayat yang bermanfaat kepada individu untuk memperbaiki kehidupan. Nilai melalui pembelajaran informal adalah asas bagi penglibatan individu secara demokrasi, kesamarataan dan keadilan sosial.

Objektif- Kajian ini meneroka kesedaran terhadap pembentukan nilai menerusi pembelajaran informal dalam kalangan komuniti Orang Asli suku Semai bagi memperluaskan pendidikan alternatif kepada golongan terpinggir ini.

Metodologi- Kajian ini dijalankan di Kampung Sg. Perangin, Proton City, Perak. Data dikumpulkan melalui temu bual mendalam bersama Tok Batin serta empat kumpulan berfokus dengan Orang Asli terpilih. Kaedah literatur sebagai analisis dokumen, dan pemerhatian di lapangan turut dilakukan bagi menganalisis konsep pembentukan nilai melalui pembelajaran informal dalam kalangan komuniti ini.

Dapatan- Dapatan kajian mendapati kesedaran terhadap hubungan nilai alam sekitar dan hubungan nilai persekitaran sosial melalui pembelajaran informal berlaku menerusi peningkatan kemahiran kerja, penambahbaikan sahsiah diri, kemahiran informal secara tidak langsung melalui hasil tangan, sumber hutan, ekspresi kebebasan, pergerakan, kepercayaan dan juga penambahan ilmu pengetahuan seiring dengan arus pemodenan. Kelangsungan hidup komuniti Orang Asli Kampung Sg. Perangin yang masih berbentuk sara diri dan 'cukup hidup' sedikit sebanyak menyempitkan mentaliti mereka untuk mengubah gaya dan taraf hidup ke arah yang lebih baik.

Kepentingan- Justeru, kemahiran informal melalui aktiviti dan sumber hutan, warisan kesenian secara tidak langsung membantu komuniti ini menjana ilmu dan pendapatan yang diterjemahkan dalam bentuk barangan dan juga perkhidmatan. Kajian ini diharapkan dapat menjadi rujukan kepada komuniti Orang Asli yang lain dalam menggunakan kemahiran informal mereka sebagai satu kelebihan dalam menjana pendapatan melalui pembelajaran informal.

Kata Kunci: pembelajaran informal, orang asli, keadilan sosial, Semai, nilai

Pengenalan

Pembelajaran sepanjang hayat (PSH), merupakan pendemokrasian pendidikan yang merangkumi program pemerolehan pengetahuan, kemahiran dan kompetensi sama ada secara formal atau tidak formal berdasarkan pengalaman dan latihan di tempat kerja mahupun kehidupan seharian (Mat Salleh et al., 2019). Konsep PSH menekankan kepada proses pembelajaran secara berterusan yang mana seseorang itu dapat meningkatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran melalui pengintergrasian tiga komponen pendidikan iaitu pendidikan formal, pendidikan tidak formal (informal) dan pendidikan non-formal yang mana proses ini boleh berulang di sepanjang hayatnya.

Dasar Pendidikan Kebangsaan bermatlamat untuk memberikan pendidikan kepada seluruh rakyat di negara ini tanpa mengambil kira budaya, kelas sosial, kelompok etnik, amalan atau cara hidup (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2012). Dasar ini selari dengan dasar UNESCO yang menekankan kepentingan pendidikan pembangunan lestari, kepelbagaian budaya dan pemuliharaan biodiversiti dalam sistem pendidikan (UNESCO, 2010; UNESCO, 2015). Pada tahun 1990, UNESCO telah melancarkan satu kempen inisiatif untuk pendemokrasian pendidikan iaitu Education for All (EFA) di World Conference on Education for All. Terdapat enam matlamat dalam EFA. Salah satu daripada matlamat utama EFA ialah untuk memberi peluang kepada semua golongan yang tidak bernasib baik, golongan terpinggir, tercacir dan berkeperluan khas serta yang sering tersisih dalam bidang pendidikan (UNESCO, 2015).

Namun, matlamat yang sebegini luas tidak dapat dipenuhi melalui sistem pendidikan formal semata-mata kerana reka bentuk pendidikan formal perlu melibatkan pedagogi yang terhad dan memerlukan keseragaman pembelajaran yang sama rata (Mat Salleh et al., 2019). Walhal, tidak semua individu mahupun masyarakat dapat menerima persekitaran pembelajaran sebegini. Keperluan kepada pembelajaran sama ada berbentuk formal atau informal merupakan tonggak kepada kehidupan setiap golongan masyarakat pada masa ini (Ma'rof et al., 2008; Mohd. Azhar et al., 2003). Melalui pendidikan, boleh membawa manusia mengecapi tamadun hidup yang lebih tinggi dan menikmati proses kehidupan yang lebih bersistematik (Mohd Hazli & Maimun, 2018). Hal ini bermakna, semua individu termasuk masyarakat Orang Asli sebenarnya telah menerima pendidikan secara tidak langsung melalui kemahiran informal yang diperolehi berdasarkan pengalaman yang dilalui semenjak lahir lagi. Penguasaan pembelajaran informal adalah faktor penting untuk meningkatkan keupayaan diri dan taraf hidup yang lebih baik secara spontan dan tidak berstruktur (Juli Edo, 1990; Heikkila, 2016).

Sorotan Kajian literatur

Masyarakat Orang Asli Suku Semai

Di Malaysia, terdapat tiga kumpulan terbesar bangsa Orang Asli, iaitu, Negrito, Senoi dan Melayu-Proto. Bancian pada Mac 2018 menunjukkan jumlah suku Semai adalah 31 437 orang dan merupakan suku kaum Orang Asli yang terbesar jumlahnya dalam kumpulan

suku Senoi. Ini menjadikan Orang Asli suku Semai merupakan suku yang teramai di Semenanjung Malaysia. Kaum Semai terbentuk dari suku Hoabinhian dan Neolitik. Suku kaum Semai tinggal bertaburan di kawasan Banjaran Titiwangsa, meliputi Perak Tengah, Perak Selatan dan Pahang Barat. Mereka tinggal menetap di sesuatu tempat, tetapi yang berpindah ialah kawasan pertanian (Mohd Mizan & Shuhairimi, 2004).

Orang Asli suku kaum Semai ini masih mengamalkan kepercayaan animisme sehingga kini (Siti Fatiemah dan Jama'yah, 2013). Mereka mempunyai budaya yang tersendiri, yang boleh melambangkan identiti dan jati diri mereka. Berdasarkan keterangan sejarah, Orang Asli diiktiraf sebagai komuniti yang terawal berada di negara ini. Walaupun mereka menjadi komuniti yang terawal berada di negara ini, tetapi tahap pencapaian mereka dalam aspek pendidikan dan pekerjaan amat mengecewakan berbanding kaum-kaum lain yang terdapat di Malaysia (Mohd Muizzuddin et al, 2018). Secara umumnya, masyarakat Orang Asli masih terpinggir dari segi pendidikan secara formal walaupun anak-anak mereka menunjukkan minat untuk belajar (Gordon & White, 2014). Namun begitu, tidak semestinya Orang Asli suku kaum Semai ini terus ketinggalan dalam pembelajaran. Ini kerana pemerolehan pendidikan mereka sebenarnya telah berlaku secara tidak langsung dan tidak berstruktur di tempat tinggal mereka dengan menyesuaikan diri dalam proses sosialisasi informal, iaitu melalui proses pembelajaran sepanjang hayat yang diperoleh melalui kehidupan seharian.

Pembelajaran Informal

Istilah pembelajaran informal telah lama diperkenalkan oleh beberapa ahli falsafah pendidikan. Pembelajaran informal adalah sebahagian daripada pembelajaran sepanjang hayat (Mohammad Aslam et al., 2004). Eraut (2004), mentakrifkan bahawa pembelajaran informal merupakan kunci kepada pembelajaran sepanjang hayat. Pembelajaran informal adalah tidak berstruktur dan dikawal sepenuhnya oleh individu itu sendiri (Avoseh, 2002). Justeru pembelajaran yang dikawal sepenuhnya oleh individu itu sendiri, dapat dikaitkan dengan pembelajaran arahan sendiri (self-directed learning). Pembelajaran informal yang bersifat bebas, santai dan berdikari dalam persekitaran semula jadi ini merupakan suatu yang rutin dan nyata (Vanitha Thanabalan et al., 2015). Pembelajaran ini boleh dikatakan sebagai "pembelajaran sebenar". Umumnya, penglibatan orang dewasa dalam pembelajaran informal adalah untuk memperoleh pengetahuan baru, mengubah sikap sedia ada dan menambah kemahiran mereka seiring dengan pembelajaran sepanjang hayat (Wotherspoon & Butler, 1999).

Nilai dalam Pembelajaran Informal

Walaupun pendidikan informal bergantung pada konteks, nilai-nilai yang ada di dalamnya kadang-kadang melebihi agama-budaya dan sempadan geo-ras. Nilai motivasi umumnya penting dalam pendidikan terutama dalam pendidikan orang belia dan dewasa (Juli Edo, 2005; Nik Haslinda, 2017). Nilai boleh dibahagikan kepada intrinsik atau ekstrinsik dan mempunyai cara mempengaruhi pembelajaran dalam konteks dan tahap yang berbeza (Juliyana Selamat, 2016; Mohd Fahmi, 2016; Mohd Hazli & Maimun, 2018;). Dalam kajian ini berpendapat bahawa nilai-nilai yang ada pada pembelajaran informal mempunyai daya tarikan universal yang dapat digunakan untuk memupuk penyertaan demokratik, ekuiti, dan 'Kebebasan serta keadilan sosial' tanpa mengira perbezaan kaum, ekonomi, jantina, umur dan politik (Legault, 2017).

Metodologi

Kajian yang dilaksanakan ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui reka bentuk kajian kes. Kaedah temu bual yang dijalankan melibatkan tok batin dan empat kumpulan berfokus Orang Asli yang dipilih mengikut aktiviti yang dijalankan iaitu mengutip pucuk paku, mengambil buluh, memasak nasi menggunakan daun lerek dan mencabut ubi kayu. Kajian ini terdiri dari masyarakat Orang Asli suku Semai, Kampung Sg. Perangin, Proton City, Perak dan tujuh fasilitator sokongan dari penyelidik Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) melalui teknik pensampelan secara kebetulan (*convenience*) ini dipilih kerana ahli sampel mudah diakses dan berdasarkan kesediaan dan secara sukarela. Manakala pensampelan bertujuan juga turut digunakan kerana penyelidik menetapkan maklumat dan ciri tertentu yang perlu ada pada sampel serta penyelidik telah membuat pertimbangan berdasarkan pengetahuan dan tujuan kajian dalam memilih sampel. Oleh hal demikian, kedua-dua pemilihan sampel ini berlaku serentak dalam kajian ini supaya dapat memperoleh dapatan yang kaya. Kod 'PK' diberikan kepada peserta kajian manakala kod 'FS' diberikan kepada fasilitator sokongan kajian.

Instrumen dan Teknik Pengumpulan data

Penyelidikan dan penulisan kajian kualitatif adalah kompleks kerana berjalan serentak bermula dari pengutipan data, penganalisan data dan interpretasi data. Keadaan ini berpunca dari sifat data kajian kualitatif yang subjektif, interpretif, deskriptif, holistik dan banyak kuantitinya. Teknik kajian ini pula adalah kombinasi temu bual, pemerhatian, kumpulan berfokus, video, audio, nota yang diambil dan analisis kandungan dokumen.

Analisis Data

Dalam kajian ini, bagi setiap isu polisi maklumat, penyelidik mengemukakan penemuan dari sumber primer yang berkaitan dan diikuti dengan refleksi dan kritik dari penyelidik dengan cara membuat perbandingan dengan penemuan dari dokumen sekunder mahupun konflik dari data sumber primer (Krippendorff, 2004). Analisis data bermula sebaik sahaja pengkaji memulakan kerja lapangan. Data yang dikumpul dianalisis melalui dua peringkat. Peringkat pertama adalah analisis semasa peringkat pengumpulan data dan peringkat kedua merupakan analisis yang dijalankan selepas data dikumpulkan. Analisis data pada peringkat pertama dilakukan secara serentak dan berterusan semasa dan di luar lapangan. Hal ini bermakna, pengkaji membuat analisis semasa kaedah pemerhatian dijalankan. Isu atau perkara yang terjelma dan memerlukan penjelasan daripada peserta kajian ditanya menerusi kaedah temu bual kemudiannya. Pengkaji juga berpeluang mendapatkan dokumen yang berkaitan bagi tujuan triangulasi. Kesemua data yang dikumpul disusun dalam bentuk catatan lapangan dan koleksi pita audio menggunakan Digital Voice Editor yang perlu melalui peringkat pembersihan data, memahami data dan dianalisis untuk pembentukan kod dan kategori.

Dapatan Kajian

Dalam bahagian ini akan diperincikan proses pengumpulan data kajian berdasarkan kategori yang diperolehi.

Dapatan berdasarkan pemerhatian

Kumpulan penyelidik melawat perkampungan orang asli yang terletak kira-kira 20 kilometer dari pekan Tanjung Malim untuk melihat dan menyelami sendiri rona-rona kehidupan masyarakat orang asli Suku Semai yang telah mendiami penempatan itu sejak lebih sepuluh tahun dahulu. Tumpuan terhadap norma sosiobudaya pembelajaran tidak formal kelompok anak muda penduduk kampung orang asli diperhatikan melalui aktiviti-aktiviti yang biasa dilakukan oleh anak muda orang asli di sini. Penempatan Kampung Orang Asli Sungai Perangin terletak kira-kira 10 kilometer dari pintu masuk Ujana Tanjung Malim. Rangkaian hubungan perjalanan menuju ke kampung orang asli dengan jalan utama hanyalah laluan tanah merah tidak berturap dengan jalan tar. Beberapa tema dapatan telah dikeluarkan menggunakan penceritaan secara naratif.

(i) Rumah batu tak selesa!

Rumah yang dibuat daripada buluh dan rotan oleh masyarakat Orang Asli lebih selesa berbanding rumah batu. Keadaan rumah yang penuh dengan keunikan dan hasil buatan tangan mereka lebih disukai terutamanya golongan tua. Keadaan ini membuktikan bahawa tidak semua masyarakat Orang Asli suku Semai selesa mendiami rumah batu yang diberikan kepada mereka malah rumah tradisi mereka tetap utuh dibina. Orang Asli sendiri yang tidak mahu berhijrah, mereka lebih suka dan selesa tinggal bersama dengan kaum mereka, di tempat mereka.



Rajah 1: Sebahagian kanak-kanak Orang Asli Kampung Sungai Perangin, Proton City, Perak



Rajah 2: Persekitaran Perkampungan Sungai Perangin, Proton City, Perak

(ii) Buluh bekas terbaik untuk memasak nasi.

Kumpulan penyelidik dibahagikan kepada tiga kumpulan. Kumpulan penyelidik pertama yang akan bersama beberapa orang masyarakat orang asli akan menuju ke hutan untuk mendokumentasikan proses pencarian buluh bagi dijadikan bekas menanak nasi (Rajah 3). Sungguhpun pokok buluh antara tumbuhan yang paling mudah dijumpai kerana habitatnya hidup melata di dalam hutan, namun buluh yang menjadi pilihan perlulah menepati kesesuaian supaya memudahkan proses memasak kelak.

Hampir semua jenis buluh boleh digunakan, tetapi buluh dengan ruas yang panjang, tidak terlalu tebal dan tidak terlalu muda adalah pilihan yang terbaik. Asalnya, nasi buluh adalah masakan tradisional masyarakat kampung di kawasan pedalaman khususnya Orang Asli di Perak dan Kedah. Prosedur menanak nasi menggunakan buluh hampir sama dengan lemang, cuma tidak mengandungi santan, hanya beras dan daun lerek serta dibungkus mengikut kesesuaian saiz batang buluh.



Rajah 3: Aktiviti menebang buluh untuk menanak nasi

(iii) Pucuk Paku Muda penyeri hidangan

Kumpulan penyelidik kedua bersama-sama dengan beberapa pemuda orang asli di sini akan masuk ke hutan mendokumentasi proses mencari ulam pucuk paku (Rajah 4). Riu rendah dengan nyanyian kanak-kanak Orang Asli ini sepanjang perjalanan memasuki hutan

untuk mencari pucuk paku menghilangkan rasa penat berjalan. Perjalanan mencari pucuk paku mengambil masa selama sejam setengah dengan jaraknya lebih kurang 3 kilometer dari kampung mereka. Pencarian pucuk paku ini berada di kaki bukit yang mana pintu masuk kami ke Kampung Sg. Perangin ini. Kesusahan mencari pucuk paku sehingga terpaksa meredah hutan dan semak samun untuk mencari tempat pucuk paku yang segar membuatkan kami terfikir betapa cekalnya mereka untuk mencari sesuap nasi walaupun pulangan pendapatannya kecil sahaja. Didapati secara statistik, sebanyak 91% masyarakat Orang Asli bergantung kepada sumber hutan untuk kehidupan seharian. Hal tersebut menggambarkan tahap kebergantungan yang tinggi terhadap sumber-sumber hutan seperti sayuran hutan, petai, pucuk paku, pucuk ubi dan sebagainya sebagai sumber utama makanan kepada penduduk.



Rajah 4: Aktiviti mengutip pucuk paku sebagai sajian tengahari

(iv) Daun lerek pembuka selera

Selepas buluh tadi sampai ke tangan penduduk kampung, pendokumentasian kaedah mereka membelah buluh seterusnya menggunakan buluh tersebut untuk menanak nasi atau dikenali sebagai nasi tumang. Ruas-ruas dipotong menggunakan parang dengan pembahagian satu perenam dari hujung ruas untuk mengisi beras. Selesai sahaja buluh dipotong dengan kemas, salah seorang pemuda ini membawa ke dalam dapur rumah Encik Ajid untuk dibilas bersih dengan air. Kemudiannya mereka menggunakan daun lerek sebagai pembalut beras. Daun lerek mudah didapati kerana hanya ditanam hadapan laman rumah (Rajah 5). Selepas dipetik dan daun lerek tadi dibersihkan dengan air. Daun lerek beraroma wangi dan unik, namun keharumannya tidaklah sekuat haruman daun kunyit atau wangi seperti daun pandan. Teksturnya kuat, berdaya tahan dan sesuai digunakan untuk membungkus beras dalam buluh.

Daun lerek memang tidak asing bagi masyarakat Melayu, tetapi jarang-jarang sekali digunakan dalam masakan pada zaman sekarang. Cara memasak tradisional yang kian dilupakan masyarakat Melayu. Keistimewaan nasi buluh ini adalah kurang kanji, sekali gus sesuai buat semua golongan khususnya pesakit kencing manis. Bau nasi yang ditanak

menggunakan daun lerek dan buluh membangkitkan aroma menyelerakan apatah lagi dihidang dengan pelbagai set lauk pauk tradisional



Rajah 5: Aktiviti menanak nasi beramai-ramai bersama penyelidik dan komuniti Orang Asli Kampung Sungai Perangin

(v) Ubi Kayu makanan ruji nenek moyang kita!

Kumpulan penyelidik ketiga pula akan membantu mencabut ubi kayu yang terdapat di sekitar perkarangan rumah penduduk di sini (Rajah 6). Selain mendokumentasi proses pencarian, ulam pucuk tadi turut dijadikan sebagai salah satu hidangan makan tengahari kami manakala nasi dan ubi kayu akan ditanak di dalam buluh mengambil inspirasi kaedah tradisional masyarakat orang asli memasak makanan ruji mereka. Ketiga-tiga tumbuhan ini hidup melata di sekitar hutan hujan tropika di tanahair sekaligus menjadi elemen yang cukup akrab dalam keperluan kehidupan masyarakat orang asli secara umum.

Kebanyakan daripada penduduk mencari sumber yang berdekatan dengan kawasan rumah mereka. Ada juga dalam kalangan mereka yang bercucuk tanam untuk menampung keperluan mereka seperti tanaman ubi kayu, sayuran kampung dan sebagainya. Sumber hutan merupakan sumber makanan seperti petai, jering, ubi kayu dan pelbagai lagi untuk dijual bagi mendapatkan sumber pendapatan.



Rajah 6: Aktiviti mencabut ubi kayu untuk minum petang

Dapatan pemerhatian, temu bual dan analisis gambar serta dokumen

(i) Ringkasan dapatan triangulasi pemerhatian, temu bual dan analisis gambar serta dokumen bagi aktiviti bersama kumpulan penyelidik dan masyarakat Orang Asli semai, Kampung Sungai Perangin, Proton City.

Jadual 1: Ringkasan sumber data, kod dan tema

Sumber data	Jenis Tema	Kod	Kategori
Pemerhatian persekitaran	Klasifikasi terhadap pengaruh pemodenan menyebabkan perubahan hidup Orang Asli Semai	Kemahiran informal Nilai ekuiti Ekspresi Kebebasan Penambahan ilmu pengetahuan	Nilai Alam Sekitar Nilai Persekitaran Sosial Nilai Persekitaran Sosial Nilai Alam Sekitar
Jurnal dan nota catatan	Nilai kemanusiaan Alam Persekitaran Identiti Orang Asli	Kemahiran informal Nilai ekuiti Nilai keadilan sosial Penambahan ilmu pengetahuan Pergerakan	Nilai Alam Sekitar Nilai Persekitaran Sosial Nilai Persekitaran Sosial Nilai Alam Sekitar Nilai Persekitaran Sosial
Tiga Kumpulan berfokus setiap aktiviti (mencari buluh, pucuk paku, ubi kayu)	Belajar dari mak ayah Sejak kecil Identiti orang asli Alam Persekitaran	Penambahan Ilmu Pengetahuan Kemahiran informal Pergerakan Sumber Hutan Ekspresi Kebebasan	Nilai Alam Sekitar Nilai Alam Sekitar Nilai Persekitaran Sosial Nilai Alam Sekitar Nilai Persekitaran Sosial
Temu bual separa berstruktur bersama Tok Batin	Pantang larang Hak milik Identiti orang asli	Nilai ekuiti Nilai keadilan sosial Adat & Kepercayaan Penambahan ilmu pengetahuan	Nilai Persekitaran Sosial Nilai Persekitaran Sosial Nilai Alam Sekitar Nilai Alam Sekitar

Jadual 2 Kod untuk menganalisis pembelajaran informal dalam kalangan anak muda orang asli melalui kehidupan seharian dan turun-temurun

Nama Kod	Definisi
Nilai Ekuiti	Dalam kajian ini, nilai ekuiti adalah dalam pendidikan, Usaha bagi mewujudkan peluang pendidikan yang adil kepada semua tanpa mengira sosio ekonomi, budaya, serta faktor latar belakang dan etnik.
Nilai Keadilan Sosial	Hak mendapat pendidikan merupakan sebahagian dari keadilan sosial. Prinsip keadilan adalah menegakkan keadilan yang berlandaskan nilai-nilai demokrasi dan hak asasi manusia.
Kemahiran informal	Mahir dalam menghasilkan kraftangan. Mereka begitu memanfaatkan segala bahan mentah yang ada di kawasan sekeliling, malah mereka kreatif dalam mengitar semula bahan terbuang. Antara yang menarik perhatian ialah rumah yang diperbuat daripada buluh, tikar dan bakul daripada daun mengkuang.
Sumber hutan	Masyarakat Orang Asli tidak mempunyai pendapatan yang tetap dan hidup dalam kemiskinan. Perhatian khusus perlu diberikan kepada masyarakat Orang Asli yang kaya dengan adat resam, budaya dan hasil hutan yang banyak agar tidak terbiar Alam dan alam sekitar merupakan ciri-ciri unik yang terdapat dalam kehidupan mereka (Hood Salleh 2004b). Ciri-ciri ini memainkan peranan penting dalam membentuk pembangunan sosial dan ekonomi mereka (Aniza 2015)
Ekspresi kebebasan	Keadaan ini tentulah jauh berbeza dengan masyarakat kita dibandar hari ini. Masalah sosial seperti sumbang mahram, tamak, hasad dengki, dendam, mementingkan diri-sendiri, materialistik dan sebagainya adalah perkara yang biasa. Kita selalu mengatakan masyarakat bandar lebih bertamadun berbanding masyarakat asli, tetapi sejauh manakah kenyataan ini benar. Oleh itu sama-samalah kita melihat dan memahami bahawa orang-orang asli terutamanya masyarakat Semai memang mempunyai satu budaya dan adat yang tinggi yang mana telah berjaya mengawal masyarakat ini dengan baik sekali.
Pergerakan	Kesinambungan dan perubahan cara hidup masyarakat Orang Asli disebabkan pemodenan tidak menyebabkan mereka meninggalkan warisan turun-temurun nenek-moyang.
Adat dan Kepercayaan	Masyarakat Orang Asli memang kaya dengan adat resam dan budaya kerana lingkungan hidup mereka yang masih berkait rapat dengan alam semula jadi walaupun sudah, memasuki dunia moden. Adat dan kepercayaan mereka mempunyai hubungan yang rapat dengan makhluk-makhluk ghaib di alam semesta ini. Adat dan kepercayaan orang Semai yang berkait rapat dengan makhluk semulajadi, ini dapat dilihat dengan lebih dekat dalam aspek berikut: (i) Kehidupan sosial (ii) Kehidupan ekonomi

(iii) Kehidupan politik	
Penambahan ilmu pengetahuan	Kehidupan sosial dalam konteks ini merangkumi aspek-aspek seperti nilai, sikap dan personaliti, komunikasi sosial, adat resam dan sebagainya. Secara keseluruhannya, pembentukan kehidupan sosial ini adalah manifestasi daripada kawalan sosial dan supernatural yang berorientasikan kedua-dua sistem ini.

Perbincangan

Berdasarkan empat aktiviti ringkas yang telah diterangkan di atas, kemahiran informal berlaku pada semua peringkat umur, jantina, bangsa. Ilmu pengetahuan, kemahiran dan nilai akan diperoleh secara informal dan secara tidak langsung melalui hubungan nilai alam sekitar dan nilai persekitaran sosial. Menerusi pembelajaran informal ini juga akan membentuk nilai-nilai murni dalam kalangan Orang Asli. Pembentukan nilai dalam kalangan Orang Asli ini mengambil kira pelbagai faktor kemanusiaan dan kebebasan hak melalui pendekatan adat dan kepercayaan mereka.

Nilai mengatur pendidikan, kehidupan dan cara kehidupan dalam bermasyarakat. Nilai-nilai ini membimbing dan menentukan individu yang bercita-cita untuk menjadi golongan dewasa yang dihormati tanpa mengira jantina atau status sosio-ekonomi. Sistem hubungan nilai persekitaran sosial adalah penekanan kepada kehidupan individu dan kehidupan dalam komuniti yang membuktikan bahawa persamaan asas perlu diperhalusi dan tidak dipandang remeh oleh semua masyarakat terhadap kehidupan Orang Asli. Faktor-faktor nilai ekuiti, nilai keadilan sosial, ekspresi kebebasan dan pergerakan menjadikan seseorang individu Orang Asli itu dapat meneruskan kehidupan mereka mengikut kesesuaian arus pemodenan sekarang ini. Nilai persekitaran sosial wujud dalam diri Orang Asli yang merangkumi kejujuran, toleransi, kebenaran, kerendahan hati, integriti, kehormatan, kawalan diri, kesabaran, dan empati antara lain.

Bagi hubungan nilai alam sekitar pula mempunyai dimensi spiritual yang menjadikannya asas untuk mencapai keadilan kerana nilai ini mempunyai hubungan dengan nenek moyang mereka. Melalui hubungan nilai alam sekitar ini merangkumi sumber hutan sebagai sumber pendapatan utama mereka, kemahiran informal sejak kecil serta penambahan ilmu pengetahuan secara tidak langsung dan tidak berstruktur melalui pengalaman hidup. Nilai-nilai itu bertujuan untuk mengembangkan kekuatan tubuh dan jiwa. Oleh kerana sifat masyarakat Orang Asli yang holistik, mustahil untuk memisahkan pendidikan dari kehidupan mereka dan sebaliknya. Oleh itu, nilai seumur hidup ini, seperti pendidikan, tidak dapat dipisahkan dari kehidupan. Walaupun nilai-nilai tersebut ditekankan dalam aspek 'formal' dalam pendidikan orang asli Malaysia, mereka lebih tertanam dalam pendidikan tidak formal yang mengungguli setiap aspek kehidupan dalam sebuah komuniti.

Melalui semua nilai yang diterangkan dalam perenggan sebelum ini, perkara-perkara yang dipelajari secara informal di tempat kerja mahupun kehidupan seharian boleh dibahagikan

kepada lapan bahagian iaitu mengenai prestasi tugas, prestasi peranan dan tanggungjawab, kesedaran dan pemahaman tentang pekerjaan, pengetahuan dan kemahiran akademik, pembangunan individu, kerjasama, membuat keputusan, penyelesaian masalah dan penilaian dengan persekitaran sekeliling. Pembelajaran informal secara tidak langsung akan turut mencipta nilai-nilai murni yang perlu ada dalam diri seseorang individu. Cullen et al., (2000) menyatakan pembelajaran informal boleh memberi kesan terhadap domain yang berbeza antaranya di peringkat ekonomi dan profesional, pendidikan dan juga boleh menyumbang kepada peningkatan dalam alam pekerjaan individu.

Oleh yang demikian, berdasarkan dapatan kajian mendapati kesedaran terhadap hubungan nilai alam sekitar dan hubungan nilai persekitaran sosial memainkan peranan penting bagi pembelajaran informal. Keadaan ini boleh dilihat menerusi peningkatan kemahiran kerja, penambahbaikan sahsiah diri, kemahiran informal secara tidak langsung melalui hasil tangan, sumber hutan, ekspresi kebebasan, pergerakan, kepercayaan dan juga penambahan ilmu pengetahuan seiring dengan arus pemodenan (Abdul Razaq & Zalizan, 2009). Kelangsungan hidup komuniti Orang Asli Kampung Perangin yang masih berbentuk sara diri dan 'cukup hidup' sedikit sebanyak menyempitkan mentaliti mereka untuk mengubah gaya dan taraf hidup ke arah yang lebih baik. Justeru, kemahiran informal melalui aktiviti dan sumber hutan, warisan kesenian secara tidak langsung membantu komuniti ini menjana ilmu dan pendapatan yang diterjemahkan dalam bentuk barangan dan juga perkhidmatan.

Penutup

Banyak pengalaman menarik yang penulis peroleh setiap kali ke kampung Orang Asli, antaranya suasana dan penerimaan Orang Asli terhadap kehadiran orang luar. Di sini jelaslah kepada kita bahawa masyarakat Orang Asli sebenarnya mempunyai satu adat dan budaya yang amat unik terutamanya bagi Orang Asli suku Semai. Keunikannya telah menjadikan masyarakat ini semakin stabil dari sudut sosial, ekonomi dan politiknya. Dengan nilai-nilai yang diterapkan menerusi pembelajaran informal menjadikan mereka sangat menitik beratkan dalam menjaga hubungan baik dengan ketiga-tiga unsur di dunia ini iaitu makhluk supernatural, manusia dan alam sekitar. Kesimpulannya, dalam kajian ini membuktikan bahawa persamaan asas perlu diperhalusi dan tidak dipandang remeh oleh semua masyarakat tanpa mengambilkira budaya, kelas sosial, kelompok etnik, amalan atau cara hidup. Selain daripada itu, turut meletakkan hak kebebasan bersuara, pergerakan, kepercayaan agama, pergaulan dalam konteks undang-undang bagi golongan Orang Asli suku Semai. Justeru itu, kajian ini diharapkan dapat menjadi rujukan kepada komuniti Orang Asli yang lain dalam menggunakan kemahiran mereka sebagai satu kelebihan dalam menghasilkan pendapatan melalui pembelajaran informal.

Perakuan

Kami mengucapkan terima kasih atas sokongan dan kerjasama ahli penyelidik FRGS 2019. Penyelidikan ini dibiayai oleh Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) Fasa 1 2019 (2019-0146-107-02 (FRGS/1/2019/SS109/UPSI/02/14)

Rujukan

Abdul Razaq Ahmad & Zalizan Mohd Jelas (2009) Masyarakat Orang Asli: Perspektif Pendidikan dan Sosiobudaya. Bangi: Penerbit UKM, 47-58.

Avoseh, Mejai B.M. (2008). "Values and Informal Education: From Indigenous Africa to 21st Century Vermillion," Adult Education Research Conference. <https://newprairiepress.org/aerc/2008/papers/4>

Avoseh, Mejai B.M. (2001). Learning to be active citizens: lessons of traditional Africa for lifelong learning. *International Journal of Lifelong Education*, 20(6), 479-486.

Cullen, J., Batterbury, S., Foresti, M., & Lyons, C. (2000). Informal learning and widening participation. DfEE Research Report No. 191. Retrieved from <https://www.education.gov.uk/publications/eOrderingDownload/>

Eraut, M. (2004). Informal Learning in the Workplace. *Studies in Continuing Education*, 26 (2), 247- 273

Gordon, C. E., & White, J. P. (2014). Indigenous educational attainment in Canada. *The International Indigenous Policy Journal*, 5 (3), 1-28.

Heikkila, K. (2016). "In situ testimonies: The witness of whetstones and Semai Orang Asli toponyms to the Rawa Malay slave raids". *Erdkunde*: 341-353.

Juli Edo. (2005). Adan dan Nilai Masyarakat Orang Asli. Dalam orang Asli Khazanah Tersembunyi. Kuala Lumpur. Perpustakaan Negara Malaysia.

Juli Edo. (1990). Tradisi lisan masyarakat Semai (Vol. 16). Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Juliyana Selamat. (2016). Pembelajaran Informal dalam kalangan Guru Bukan Opsyen Bahasan Melayu di Sekolah Menengah Harian. Tesis Ijazah Sarjana Pendidikan Teknikal. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Batu Pahat, Johor

Kementerian Pendidikan Malaysia. 2012. Pelan Transformasi Pendidikan Orang Asli.

Legault, L. (2017). Self-Determination Theory. Dlm. Zeigler-Hill, V. & Shackelford, T. K. (pnyt.). *Encyclopedia of Personality and Individual Differences*, 1-9. Cham: Springer International Publishing.

Ma'rof Redzuan & Abdul Razak Abdul Rahman. 2008. Integrasi Orang Asli dalam Masyarakat Arus Perdana. Dlm. Ma'rof Redzuan dan Sarjit S.Gill. Edisi. *Orang Asli. Isu, Transformasi dan Cabaran*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.

Mat Salleh.N. S, Abdul Karim.A, Mat Deli.M., Abdul Manaf. S.Z., JZ Nun Ramlan. N.F. & Hamdan. A. (2019). An evaluation of Content Creation for Personalised Learning Using Digital ICT Literacy Module among Aboriginal Students (MLICT-OA). *Turkish Online Journal of Distance Education-TOJDE* July 2019 ISSN 1302-6488 Volume: 20 Number: 3 Article 4, 41-58

Mohd Fahmi Bin Ismail. (2016). Nilai Budaya dalam Cerita Rakyat Masyarakat Orang Asli Temiar di Gua Musang, Kelantan, Malaysia. Tesis Ijazah Sarjana Sastera. Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang, Selangor

Mohd Muizzuddin Mohd Nor, Mohamad Fauzi Sukimi, Mohd Nasaruddin Mohd Nor. (2018). Kesedaran pendidikan dan minat kerja pelajar Orang Asli suku kaum Jakun di Rompin, Pahang. *GEOGRAFIA Online Malaysian Journal of Society and Space* 14(1), 72-86

Mohd.Azhar Abd Hamid, Muhammed Fauzi Othman, Zainudin Hassan & Othman A. Kassim. (2003). Pendidikan Bukan Formal (PBF) di Malaysia: Cabaran dan Hala Tuju Wawasan 2020. Seminar Kebangsaan Memperkasakan Sistem Pendidikan, 19-21 October 2003, Hotel Puteri Pan Pacific, Johor Bahru. Retrieved from <http://eprints.utm.my/id/eprint/2287/>

Mohd Mizan Bin Mohammad Aslam & Shuhairimi Abdullah (2004). *Pembentukan nilai-nilai murni masyarakat Semai melalui konsep pandang dunia (world view): Satu analisis awal*. In: Seminar Antarabangsa Nilai dalam Komuniti Pasca Modenisme (SIVIC 2004), 4-6 September 2004, Hotel City Bayview Langkawi.

Mohd Hazli Yah@Alias & Maimun Aqasha, (2018). Motivasi Intrinsik dan Ekstrinsik Pelajar Dalam Aktiviti Kemahiran Membaca Teks Arab. *Global Journal Al-Thaqafah (GJAT)*, 8 (2), 97-107

Nik Haslinda Nik Hussain. (2017). Pembentukan Nilai-nilai Murni Masyarakat Orang Asli Kelantan Melalui Konsep Tarian Sewang. *The 1st International Conference on Political Science Development (ICOPOI 2017)*, 22-23 Mei 2017, University Sumatera Utara Medan Indonesia. Retrieved from <http://eprints.usm.my/38686/>

Siti Fatiemah Sa'at, & Jama'yah Zakaria. (2013). Masa depan cerita rakyat masyarakat Orang Asli Jakun. *International Journal of The Malay World and Civilisation*, 1 (1), 83-88.

UNESCO. (2015). *Education for All 2000-2015: Achievements and Challenges. EFA Global Monitoring Report 2015. 2ⁿ*. United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization, Paris, France: UNESCO.

UNESCO. (2010). *Indigenous Knowledge in Global Policies and Practice for Education, Science and Culture*. Paris: UNESCO.

Vanitha Thanabalan. T., Saedah Siraj & Norlidah Alias. (2015). Evaluation of a digital story pedagogical module for indigeneous learners using the stake countenance model. *Procedia-Social and Behavioral Sciences* 176, 907-914. doi: 10.1016/j.sbspro.2015.01.557

Wotherspoon. T., & Butler. J. (1999). *Informal Learning: Culultural Experiences and Entrepreneurship Among Aboriginal People*. WALL Working Paper, 4.

Covid-19: Cabaran Dan Pelaksanaan Pengajaran Dan Pembelajaran Teradun

Simah Mamat¹, Che Aleha Ladin², Azni Yati Kamaruddin³, Siti Mariah Mazan⁴ & Nor Asiah Ismail⁵

¹²³⁴Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya

⁵Institut Pendidikan Guru Kampus Tengku Ampuan Afzan

simah@usim.edu.my, chealeha@um.edu.my, azniyati@um.edu.my,

sitimariahmazan@um.edu.my, asiisma8@gmail.com

ABSTRAK

Pengenalan-Penggabungan penggunaan media digital dengan kaedah tradisional (*chalk and talk, tugasan, nota, tayangan video, youtube*) secara dalam talian telah menjadi satu platform penting kepada semua guru untuk melaksanakan pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara formal dan tidak formal semasa COVID-19. Namun, untuk merealisasikan medium baharu ini dalam kalangan guru, banyak persoalan yang perlu ditangani dengan bijak oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan semua pihak.

Objektif – Kertas kerja ini dilaksanakan untuk mendalami fenomena yang berlaku dari segi cabaran dan pelaksanaan pembelajaran secara dalam talian sewaktu tempoh perintah kawalan pergerakan pemulihan (PKPP). Selain itu, objektif kajian ini juga adalah untuk mengenal pasti langkah dan inisiatif yang dilaksanakan oleh KPM dalam PdP.

Methodologi – Metod yang digunakan adalah kaedah kualitatif dengan mendapatkan sumber data daripada kajian-kajian lepas, catatan perkembangan pembelajaran teradun daripada kumpulan-kumpulan e-didik, di bawah KPM, telegram, laman web, petikan dan berita dari seluruh Malaysia dan luar negara.

Dapatan – Cabaran yang didapati adalah bukan semua kawasan kediaman murid-murid mendapat liputan internet terutama mereka yang tinggal di pedalaman. Cabaran seterusnya ialah keluarga yang kurang berkemampuan. Melalui penyediaan bahan PdP yang kreatif dan berinovasi, para guru telah mendapat sokongan daripada pihak KPM kerana berjaya melaksanakan PdP secara dalam talian sekali gus guru dapat menjana cara berfikir murid-murid di luar kotak. Penggunaan media digital tidak mengira jarak dan masa kerana penyampaian ilmu merupakan tanggungjawab dan amanah hakiki para pendidik kepada masyarakat. Walaubagaimanapun, bukan semua kawasan mendapat liputan terutama yang tinggal di pedalaman. Terdapat juga keluarga yang kurang berkemampuan sukar menyediakan kemudahan data dan gadget untuk anak-anak mereka meneruskan PdP secara maya ini.

Kepentingan – Memberikan pendedahan kepada guru-guru dengan kursus-kursus dan latihan pengajaran yang mengintegrasikan teknologi digital secara berterusan dalam

pengajaran dan pembelajaran. Dapatan memberikan panduan kepada KPM untuk menggubal atau menambah baik kurikulum pendidikan dengan mengintegrasikan elemen-elemen lain merangkumi pengetahuan teknologi dalam pengajaran.

Kata Kunci: *Pengajaran dan Pembelajaran Teradun, teknologi digital, kreatif, inovasi*

Pengenalan

Pembudayaan penggunaan teknologi digital kini telah mendominasi sebahagian besar dunia pendidikan. Norma pendidikan dahulu masyarakat adalah belajar di bangunan dan premis seperti di sekolah dan universiti. Secara umumnya, masyarakat telah mengetahui bahawa pada hari ini, berlakunya satu fenomena jangkitan wabak Covid-19 yang ditemui berlaku di China pada tahun 2019 dan merebak ke seluruh dunia. Akibat pandemik ini, telah memberi kesan besar kepada dunia pendidikan kerana semua kawasan terlibat penduduknya diperintahkan duduk di rumah agar tidak berisiko untuk dijangkiti. Pada 10 April 2020 lepas dan pada 09 November 2020, Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin telah meminta KPM melaksanakan inisiatif pembelajaran dari rumah atau *home-based learning* sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP). Oleh itu KPM telah mengambil langkah segera untuk menyelamatkan masa depan anak-anak yang tidak dapat bersekolah kerana semua sekolah dan agensi-agensi diperintahkan tutup sepanjang tempoh PKPP. Hasilnya kaedah utama yang digunakan untuk memastikan kurikulum dan PdP dapat dilaksanakan, KPM telah menyarankan penggunaan *Google Classroom* (GC) dan platform yang sesuai dalam PDP. Sekiranya terdapat kekangan berlaku, para guru juga dibenarkan menggunakan aplikasi yang lain seperti *Youtube, Facebook, Whatsapp, Zoom, Google Meet dan Telegram* dalam PDP. Sehingga jam 3.15 petang, 16 April 2020 dalam *Google Trends*, guru-guru di Malaysia dikesan pengguna kedua tertinggi medium *Google Classroom* di dunia. Hal ini, menunjukkan bahawa usaha guru yang jitu untuk memastikan pengajaran dapat disampaikan dalam apa juga keadaan. Perkara ini memberi kesan kepada semua sekolah, dan institusi pengajian.

Sorotan Kajian literature

Trisnani (2017) menyatakan mengenai *Use and gratifications theory*, iaitu penelitian ini menggunakan '*use and gratifications theory*' (teori penggunaan dan kepuasan). Teori ini diperkenalkan oleh Herbert Blumer dan Elihu Khatz pada tahun 1974 dalam bukunya *The Uses Of Mass Communication; Current Perspective On Gratification Research*. Teori ini banyak berkaitan dengan sikap dan prilaku para pengguna, bagaimana mereka menggunakan media untuk mencari informasi tentang apa yang mereka perlukan. Teori ini menyatakan bahawa manusia secara aktif mencari media tertentu dan isi tertentu untuk menghasilkan kepuasan (hasil) tertentu yang mana individu atau masyarakat menggunakan media dan isi media massa untuk memenuhi keperluan-keperluan tertentu yang dapat memberikan kepuasan bagi mereka. Jadi individu atau masyarakat mempunyai kebebasan yang lebih besar untuk memilih dan menentukan media dan isi media yang dapat

memberikan kepuasan, dibandingkan dengan kekuasaan media untuk mempengaruhi mereka.

Kaukab dan Nayab (2018) menimbulkan persoalan dalam kajiannya iaitu 'Apakah persepsi guru terhadap keberkesanan GC?'. Bilik Darjah Google boleh digunakan sebagai alat pembelajaran campuran untuk meningkatkan produktiviti bilik darjah. Kurangnya penyelidikan Google di bilik darjah, khususnya dalam konteks negara-negara membangun, mendorong keperluan untuk terus menyelidik keberkesanan kemajuan alat tersebut. Menggunakan teknologi dengan cara yang sesuai adalah salah satu cabaran terbesar untuk diuruskan oleh guru dalam persekitaran pembelajaran yang bercampur; oleh itu, ini kajian mereka difokuskan untuk menilai keberkesanan *Google Classroom* di kelas pengajian tinggi. Pembelajaran campuran ini dipanggil '*Blended Learning*'. Hasil dapatan kajiannya beliau mendapati para guru tidak menganggap GC sebagai media yang '*friendly user*', ia memang memudahkan memberi tugas dan menyemak kembali tugas itu walau dimana murid-murid berada, namun menuntut masa yang panjang untuk guru menggunakannya. Murid-murid pula mengeluh mengalami masalah uploading tugas yang lama dan sukar.

Kajian Syed Lamsah (2017), mengemukakan beberapa persoalannya yang bertujuan menghuraikan keperluan atau persediaan apabila pendekatan pengajaran dan pembelajaran (PdP) berasaskan teknologi komunikasi telefon pintar, iaitu WhatsApp dan Telegram dilaksanakan. (m-pembelajaran mewakili *mixed learning*). Antaranya ialah, bagaimanakah kesediaan pelajar menerima m-pembelajaran?, Bagaimanakah keupayaan pelajar mengikuti m-pembelajaran? dan adakah penggunaan WhatsApp dan Telegram membantu pelajar menguasai hasil pembelajaran?. Procter (2003) mendefinisikan pembelajaran campuran sebagai 'Kombinasi berkesan dari pelbagai mod penyampaian, model pengajaran dan gaya belajar'. Menurut Chew, Jones dan Turner, 'pembelajaran campuran melibatkan gabungan dua bidang tumpuan iaitu pendidikan dan teknologi pendidikan. Proses pengajaran dan pembelajaran yang menggunakan aplikasi komputer adalah proses yang sangat berkesan kerana membantu pelajar untuk mengembangkan pelbagai kemahiran yang berkaitan dengan psikologi, komunikasi, pemikiran kritis, pemikiran ekonomi dan sosial, membuat keputusan dan lain-lain (Shahinaz, 2017).

Erika Okumura (2020) mendefinisikan *Facebook* sebagai aplikasi Android rasmi untuk keunggulan rangkaian sosial asli ikonik. Sekali lagi, aplikasi ini ada di sini untuk mempermudah pengalaman *Facebook* anda dengan menyediakan semua ciri kegemaran anda dari satu tempat. Pada dasarnya, aplikasi *Facebook* ini mempunyai semua ciri yang sama dengan versi penyemak imbas asalnya, satu-satunya perbezaan utama yang boleh perhatikan ialah pengguna tidak dapat memainkan permainan *Facebook* di atasnya. Walaupun begitu, selain permainan, pengguna akan mendapat semua kemas kini yang sama dari rakan dan keluarga, semakan garis masa, muat naik dan simpan foto, ubah status, komen dan banyak lagi dari mana-mana sahaja. Salah satu ciri terbaik aplikasi *Facebook* rasmi ini adalah pilihan untuk berkongsi semua jenis kandungan terus dari telefon pintar. Pengguna boleh memuat naik foto dan video terus dari galeri terus ke akaun *Facebook* mereka. *Facebook* untuk Android benar-benar merupakan aplikasi yang mesti dimiliki untuk sesiapa sahaja yang cukup aktif di rangkaian sosial yang diketahui oleh semua pengguna teknologi digital.

Syed Lamsah (2017) menyatakan kaedah pembelajaran teradun semakin meluas dilaksanakan di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) sama ada dirujuk sebagai Sistem Pengurusan Pembelajaran (LMS), e-pembelajaran atau m-pembelajaran. Objektif kajian beliau adalah untuk meneroka potensi WhatsApp dan Telegram dalam pembelajaran (m-pembelajaran) sebagai pelengkap kepada pengajaran bersemuka dan penggunaan portal e-pembelajaran. Dapatan kajian beliau menunjukkan sebahagian besar daripada responden telah menggunakan telefon pintar sejak empat tahun lalu (71%), membayar kurang daripada RM100 sebulan (81%) dan memilih pelan prabayar (85%). Aplikasi popular ialah WhatsApp (n=60, 88.2%), Youtube (n=49, 72.1%), Facebook (n=47, 69.1%), Instagram (n=43, 63.2%), dan Google+ (n=36, 52.9%). Para pelajar didapati kurang didedahkan dengan m-pembelajaran, tidak bersedia serta kurang berpuashati dengan capaian Internet, ketiadaan garis panduan, dan kaedah penilaian. Pelajar sarjana muda program kejuruteraan, sains komputer dan teknologi maklumat dan bioteknologi lebih aktif terlibat dalam perbincangan dan perkongsian maklumat berbanding pendidikan. Sebahagian besar pelajar bersetuju m-pembelajaran membantu mereka untuk lebih memahami hasil pembelajaran, meningkatkan imej universiti, daya saing dan kebolehpasaran graduan.

Blended Learning (BL) juga merupakan satu konsep pencampuran model pembelajaran secara konvensional dengan pembelajaran secara maya melalui teknologi maklumat komunikasi (Hussin et al., 2013). Dalam pembelajaran maya ini, murid dan guru dapat bersemuka dan melaksanakan tugas online menerusi pelbagai teknik penyampaian yang mana ia dapat menarik minat dan menghilangkan kebosanan murid kerana gaya pembelajaran yang lebih kepada literasi ICT. Objektif pengajaran merupakan target utama dalam pembelajaran *Blended Learning* berbanding dengan tempat atau bilik darjah mereka belajar. Kerana menurut O'Byrne & Kristine (2015) adalah mustahak bahawa tujuannya bukan hanya untuk mengintegrasikan teknologi di dalam kelas; sebaliknya, objektif pedagogi harus menentukan kaedah pengajaran yang berbeza (O'Byrne & Kristine, en 2015).

Caravan (2007) dalam Nursyazwani (2015) menyatakan konsep *Blended Learning* muncul pada abad ke-21 apabila konsep e-learning mula hilang kredibiliti (2007). Walaupun pada tahun 1990-an konsep *e-learning* adalah popular kerana fleksibiliti dan kelebihannya dan digunakan untuk menggantikan pembelajaran secara tradisional tetapi pelajar tidak bermotivasi dan pembelajaran *e-learning* tidak menyokong pembelajaran pelajar berikutan sistem tidak mesra dan sukar untuk digunakan dan pada masa itu pelajar tidak didedahkan dengan alat teknologi dan literasi komputer juga lemah. Melalui BL, pelajar akan lebih aktif semasa proses pembelajaran serta dapat mencari cara belajar yang sesuai bagi diri mereka. Fungsi guru hanya sebagai mediator, fasilitator dan teman yang membuat keadaan pembelajaran lebih kondusif serta terkawal. Komunikasi antara pelajar dan guru adalah berbentuk dua hala iaitu pelajar serta guru boleh berkongsi ilmu serta dikawal oleh guru semasa proses pembelajaran. Konsep BL ini akan menambah baik model pembelajaran secara tradisional melalui penggunaan teknologi (Nursyazwani (2015). Dalam kajiannya Nursyawani telah menggariskan beberapa kelebihan dan kelemahan BL antaranya ialah fleksibiliti tempat dan masa dalam penyampaian pembelajaran dan pembelajaran ini boleh dilakukan secara bersendirian dan berkumpulan serta saling melengkapi. Kelemahannya

pula termasuklah pelajar dan guru sukar untuk mengakses internet atau laman web tertentu berikutan tidak semua sekolah dan kawasan dapat capaian internet dan kekurangan kemudahan infrastruktur seperti peralatan komputer dan capaian ke Internet sama ada di rumah atau di tempat pengajian.

Google adalah alat Web 2.0 yang popular yang menawarkan banyak kemudahan dan aplikasi menarik. Google Classroom adalah alat baru yang diperkenalkan di *Google Apps for Education* pada tahun 2014. Melalui bilik darjah ini memudahkan guru membuat dan menyusun tugas dengan cepat, memberi maklum balas dengan cekap, dan berkomunikasi dengan kelas mereka dengan senang (Izwan Nizal, 2018). *Google Inc.* juga telah memberikan sumbangan besar dalam dunia perniagaan dan akademik. *Google Apps for Education* telah ditawarkan kepada universiti di seluruh dunia. Walaupun penyedia perkhidmatan awan besar seperti Google lakukan tidak menyulitkan semua data elektronik mereka yang tersimpan dan menghubungkan data yang dapat dikenal pasti di seluruh akaun. *Google Drive* telah menjadi salah satu ciri utama Google untuk guru dan pelajar di institusi pendidikan tinggi (Krisawan Prasertsith et. al, 2016). Pelbagai bahan bermanfaat dapat diakses oleh murid-murid daripada *Google Drive* walau di mana mereka berada dengan pelbagai gadget seperti Android, tablet dan laptop atau komputer. Bahan daripada *Google Drive* ini boleh dikongsikan ke dalam GC untuk digunakan oleh murid-murid. Semua murid dan guru diberikan password daripada Gmail KPM untuk akses masuk ke dalam GC.

Telegram pula adalah aplikasi pesanan mudah alih dan desktop berasaskan awan yang berfokus pada kebolehpercayaan, kelajuan, dan keselamatan. Mereka mempunyai perisian asli untuk hampir setiap platform. Anda boleh menggunakan Telegram pada telefon pintar, tablet, dan juga komputer. Mereka mempunyai aplikasi untuk iOS (6 ke atas), Android (2.2 dan lebih tinggi), dan *Windows Phone*. Anda juga dapat menggunakan versi web Telegram mereka di *Firefox*, *Safari* dan *Google Chrome*. Mereka juga memiliki Telegram untuk desktop yang merangkumi Windows, Mac OS X dan Linux. Seperti yang anda lihat, mereka menyokong peranti yang paling biasa (Kim Martin, 2020)

Shahinaz (2018) pula menyatakan aplikasi bilik darjah Google bergantung pada dokumen Google dan penyimpanan awan dan surat Gmail perkhidmatan untuk memenuhi fungsi yang diperlukan, penyelidikan dan tindakan lanjut dengan pelajar, sebaliknya memberikan perkhidmatan juga menyediakan alat untuk guru terus membenarkan mereka menerbitkan tugas, kerja rumah, soal selidik dan ujian untuk pelajar dan mendapatkan jawapan kepada mereka dalam masa nyata. Pendek kata kelas Google ini boleh dijalankan dimana-mana sahaja murid-murid berada dengan syarat tempat itu mempunyai liputan internet yang mencukupi. Sekalipun di rumah, di negeri lain atau dimana sahaja kelas atas talian ini masih boleh dijalankan dan sukatan pengajaran serta pembelajaran dapat diteruskan mengikut masa ditetapkan.

Pembelajaran dengan media GC benar-benar berbeza dengan pembelajaran yang biasa dijalankan di sekolah di dalam sebuah bilik darjah. Walaupun Siti Hawa (1986) telah menegaskan bahawa suatu perubahan itu dianggap berjaya jika guru bersedia menerima idea baru dan mampu melaksanakannya di bilik darjah, namun pada masa kini, bilik darjah

bukan lagi menjadi satu premis penting untuk melaksanakan PdP. Malahan perubahan masih tetap dapat diteruskan kerana para guru hari ini semakin bersikap terbuka dan berusaha meningkatkan kemahiran teknologi maklumat dan ilmu pengetahuan dalam PdP Abad-21 walau dimana mereka berada. Guru-guru kita sudah bersedia menerima idea baru dan pelaksanaan GC telah pun mencapai kejayaannya. Walaupun penglibatan murid-murid tidak 100% kerana ada beberapa sebab dan kekangan tersendiri namun, dapatan menunjukkan prestasi penggunaan *Google Classroom* ini telah meningkat.

Metodologi

Kajian kualitatif yang bersifat naratif ini dijalankan dengan mendapatkan sumber data daripada kajian-kajian lepas, catatan perkembangan pembelajaran teradun daripada kumpulan-kumpulan e-didik, di bawah KPM, Telegram, laman web, petikan dan berita dari seluruh Malaysia.

Dapatan Kajian

Kekangan dan Permasalahan Pembelajaran Maya Sewaktu tempoh PKP (Covid-19).

Nursyazwani (2015) telah menggariskan beberapa kelebihan dan kelemahan *Blended Learning* antaranya ialah fleksibiliti tempat dan masa dalam penyampaian pembelajaran dan pembelajaran ini boleh dilakukan secara bersendirian dan berkumpul serta saling melengkapi. Kelemahannya pula termasuklah pelajar dan guru sukar untuk mengakses internet atau laman web tertentu berikutan tidak semua sekolah dan kawasan mendapat capaian internet dan kekurangan kemudahan infrastruktur. Dalam PdP semasa PKP ramai guru memberi tugas melalui GC. Sememangnya umum sudah mengetahui bahawa data yang besar dan laju diperlukan bagi melayari perisian tersebut. Bagi keluarga yang berkemampuan mereka tidak mempunyai masalah untuk membeli data, kredit dan menambah nilai. Namun bagi ibu bapa yang bekerja sendiri, dengan peraturan PKP yang harus dipatuhi, mereka tidak dapat keluar mencari rezeki, hanya mengharapkan bantuan wang saku yang diberi oleh kerajaan melalui BPN, Brim, dan sedikit wang simpanan yang ada di dalam bank. Terdapat juga murid yang mengadu kehabisan kertas lukisan dan pensil warna tertinggal di sekolah. Keadaan ini amat difahami oleh semua warga KPM. Oleh itu, tidak ada paksaan bagi mereka untuk melaksanakannya bagi yang kurang berkemampuan dan masalah kritikal seperti kawasan pedalaman yang sukar untuk dihubungi melalui telefon. Dalam beberapa pandangan dan komen ibu bapa pula, ada yang tidak mampu menyediakan kemudahan telefon untuk anak-anak yang ramai. Mereka hanya mengharapkan telefon yang digunakan oleh ibu bapa mereka. Hal ini merupakan satu masalah yang sukar diselesaikan kerana pelajar tidak dapat menggunakan telefon itu dengan masa yang lama untuk menyiapkan tugas secara dalam talian. Tanpa menggunakan GC, guru telah bertindak mengirim foto untuk ditiru oleh murid melalui

telefon ibu bapanya. Selain itu, terdapat juga guru mengirim modul latihan dari rumah ke rumah murid dengan motosikal dan kereta melalui jalan berliku di kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak.

Cikgu Norhailmi Abdul Mutalib, 39, pernah disenaraikan sebagai 50 Guru Terbaik Dunia anjuran *Varkey Foundation*. Selain itu, guru subjek Sains di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Jerlun, Kedah juga mencipta sejarah apabila menjadi guru pertama di negara ini yang dipilih menyertai kursus guru antarabangsa di Pusat Nuklear Eropah di Geneva, Switzerland. “Saya perlu menangani kesejahteraan mental dan emosi para pelajar kerana mereka turut terkesan dengan PKP. Sebagai contoh, terdapat pelajar yang berlatar belakang keluarga susah. Ibu bapa mereka kehilangan punca pendapatan kerana tidak dapat bekerja dan semua faktor ini perlu diambil kira,” katanya. Terdapat juga dalam kalangan pelajar yang terputus atau kehabisan kredit dan tidak dapat melanggan pakej internet untuk mengikuti sesi pembelajaran secara dalam talian. Pada masa sama, beliau yang pernah menjadi ahli panel untuk program #MYDIGITALMAKER anjuran MDEC berkata, masalah lain yang timbul termasuklah liputan rangkaian internet yang perlahan di kawasan kampung turut mengganggu rentak pembelajaran. “Antara medium yang digunakan termasuklah WhatsApp, Telegram, Kahoot, Quizizz, Zoom dan Microsoft Team,”

(Sumber MDEC 17 April 2020)

Ternyata bukan mudah melaksanakan kemahiran pembelajaran sepanjang hayat dengan konsep *Blended Learning* ini. Apa yang penting, musim PKP dan Covid-19 ini adalah peluang yang perlu digunakan dengan bijak untuk mengasah kemahiran ini. Kerjasama antara ibu bapa dan guru sangat penting dalam memastikan kejayaan pembelajaran ini. Mimi Mohaffyza (2008) menjelaskan pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) adalah kombinasi proses pembelajaran secara berterusan di mana seluruh individu dan minda melalui situasi yang berubah-ubah untuk menghasilkan perubahan berterusan seseorang. Polisi PSH adalah sebahagian usaha kerajaan Malaysia untuk pelaburan terhadap rakyat. Pembangunan sumber manusia berterusan untuk mengekalkan strategi utama memastikan tenaga pekerja di Malaysia mampu bersaing di peringkat global. PSH menjadi wacana kepada latihan pendidikan untuk meningkatkan prestasi, kerja dan pengetahuan, kemahiran dan tahap pendidikan seseorang individu. Manakala dalam kalangan murid-murid sekolah pula amat wajar mereka mengambil peluang yang diberikan ini untuk meningkatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran ICT dalam pembelajaran supaya mampu bersaing dalam bidang pekerjaan dan peringkat global kelak. Menurut Pensyarah Pusat Pendidikan dan Kesejahteraan Komuniti, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Anuar Ahmad, jika sebelum ini pembelajaran dalam talian hanyalah satu pilihan, tetapi dengan penguatkuasaan PKP, ia menjadi suatu keperluan. “Pensyarah juga harus meningkatkan kemahiran dalam teknologi maklumat, pedagogi dan penilaian dalam talian” katanya ketika dihubungi baru-baru ini. “Tidak semua pelajar ada capaian internet yang baik di kediaman masing-masing khususnya di kampung dan pedalaman. Jadi pembelajaran dalam talian secara terus seperti aplikasi zoom mungkin pilihan kedua. “Pilihan yang baik ialah dalam talian yang bukan *'real time'* seperti menggunakan *Google Classroom*, Telegram dan sebagainya,” katanya, sambil menambah, jika melihat keadaan semasa, Malaysia belum bersedia sepenuhnya menggunakan kaedah pembelajaran dalam talian berikutan kekurangan prasarana, internet terutama di luar bandar (Petikan Sinar Harian, 19 Jun 2020).

Daripada pandangan yang diberikan beliau ternyata negara kita masih belum mencapai tahap memuaskan dari segi prasarana dan capaian internet. Oleh sebab itu, bukan semua murid dan pelajar dapat menggunakan gaya pembelajaran *Blended Learning* dari rumah atau di lokasi masing-masing. Malah pihak KPM juga wajar memikirkan solusi terbaik yang boleh dijadikan jalan penyelesaian sebagai intervensi kepada permasalahan ini sekiranya fenomena virus berbahaya seperti ini tidak dapat dibendung atau semakin berleluasa.

Penerokaan Cabaran Pendidikan Masa Kini dalam Peendemik Covid-19

Ramlan et. al (2008) menjelaskan persoalan dalam kajiannya mengenai Pendidikan Sepanjang Hayat: Isu, Cabaran dan Peranan, iaitu cabaran seterusnya ialah bagaimana untuk membudayakan ilmu di dalam komuniti setempat. Membudaya di sini membawa maksud supaya menjadi amalan dalam hidup. Natiujahnya akan berlaku sesuatu perubahan dalam kehidupan hasil dari pemerolehan dan perkembangan ilmu pengetahuan. Inilah budaya yang hidup subur dan berkembang di negara maju. Banyak lagi yang perlu dilihat dan dipertontonkan kepada kita mengapa barat berjaya membudayakan ilmu sedangkan masyarakat kita masih meraba-raba menuju kearah yang sama. Adakah sukar untuk mendapat bahan bacaan atau harganya sangat tinggi di negara kita? Adakah bahan bacaan bukan dalam bahasa sendiri menyebabkan kita kurang berminat untuk membaca kerana tidak faham?. Beliau menyifatkan sekolah dilihat mempunyai potensi yang besar untuk memainkan peranan menyuburkan kursus-kursus pendek dan sepanjang hayat kepada komuniti setempat asalkan tidak mengganggu kelangsungan pembelajaran formal yang sedia ada. Di antara peranan yang boleh dimainkan bagi meletakkan sekolah sebagai fokus kepada pelbagai pusat adalah seperti pengiktirafan sekolah sebagai pusat sosialisasi dalam komuniti setempat menjadikannya hampir di hati masyarakat. Selain itu, amalan kolaborasi dan guna sama kepakaran membawa kepada menang-menang kepada sekolah.

Oleh itu untuk memastikan kejayaan pelaksanaan PdP secara *Blended Learning* ini, kerjasama murid dan ibu bapa amatlah diperlukan. Hal ini juga merupakan usaha bersama semua pihak untuk melihat kejayaan matlamat dan objektif dalam dalam PdP era pandemik covid-19, Pemikiran PAK-21, dan Elemen Merentas Kurikulum seperti literasi Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK). Keberkesanan pendidikan berteraskan TMK ini mampu melahirkan pelajar yang berbakat dan keyakinan tinggi untuk bersaing dalam bidang kerjaya yang bakal ditempuhi kelak. Ketika melaksanakan pembelajaran teradun di rumah, ibu bapa tidak boleh menyerahkan tugas ini kepada guru sahaja dan penggunaan telefon juga harus dipantau. Hai ini kerana anak dapat memberi lebih tumpuan untuk menyiapkan tugas dan tidak bermain-main ketika proses PdP sedang berlangsung.. Menurut Fatin Aliah Phang (2020) bagi pelajar sekolah, ibu bapa perlu memainkan peranan mendidik anak-anak untuk mendapatkan kemahiran ini dengan menunjukkan contoh susunan jadual yang bersesuaian dengan mata pelajaran tertentu, kemudian memberikan pilihan kepada anak untuk mengubah suai jadual tersebut. Ibu bapa pada mulanya perlu membimbing anak menyusun tugas yang diberikan oleh guru untuk diselesaikan dan dihantar kepada guru secara maya. Guru perlu memberi maklum balas kepada hasil kerja pelajar supaya mereka terus bermotivasi untuk menyelesaikan tugas seterusnya. Pelajar juga sekali sekala diberikan peluang untuk berkomunikasi dengan rakan sekelas untuk membincangkan tugas dan pembelajaran. Lama kelamaan, pelajar boleh lebih berdikari

untuk meneruskan pembelajaran dalam talian ini. Sewaktu PKP dalam usaha menangani wabak covid-19 ini, bagi pendidik dan pentadbir TMK yang bersiap sedia untuk menutup sekolah yang berpotensi atau sedang menghadapinya berpeluang meneroka petua sumber pembelajaran jarak jauh untuk sekolah yang terjejas oleh COVID-19 melalui *G-Suite* dan *Chrome*, petua untuk membolehkan pembelajaran jarak jauh melalui *Google Meet*, unit pembelajaran jarak jauh melalui pendidikan, latihan-latihan penyediaan *GC*, *Google Slides* dan *Google Meet*.

Menurut Pensyarah Kanan Jabatan Pengurusan, Pentadbiran dan Dasar Pendidikan, Fakulti Pendidikan Universiti Malaya, Prof Madya Dr Zuraidah Abdullah, pembelajaran atas talian ini lebih fleksibel, bukan hanya menggunakan *Google Classroom*, malah boleh mengaplikasikan pelbagai aplikasi seperti *Google Meet*, *Microsoft Team*, *Zoom*, *Telegram* dan *WhatsApp*. Katanya Covid-19 ketika ini sehingga memaksa kerajaan melaksanakan PKP menjadi titik tolak kepada perubahan yang besar dalam sistem pendidikan Malaysia. Oleh itu, ibu bapa dan guru perlu melakukan anjakan paradigma untuk menguasai ilmu pengetahuan teknologi maklumat terkini bagi menangani masalah ini. Telefon pintar hanya peralatan bantuan pembelajaran bagi memastikan anak-anak dapat meneruskan pembelajaran mereka semasa di rumah. Persoalan yang timbul ialah, adakah pihak sekolah bersedia meneruskan kaedah pembelajaran maya dan bagaimana mahu menilai pembelajaran murid dan pelajar dengan lebih efektif.

Dapatan – Hasil dapatan, terdapat dua tema iaitu kemahiran teknikal manipulatif pelajar dan faktor yang mempengaruhi kemahiran manipulatif. Bagi tema kemahiran teknikal manipulatif, terdapat tiga sub tema iaitu pengecaman fungsi peralatan dan bahan, kemahiran pengendalian peralatan dan masalah dalam numerasi dan lukisan specimen. Manakala bagi tema faktor yang mempengaruhi kemahiran manipulatif, terdapat dua sub tema iaitu guru sebagai fasilitator dan persekitaran semasa melakukan kerja amali. Secara ringkasnya, pengkaji mendapati ketiga-tiga peserta kajian belum dapat menguasai penggunaan radas makmal dengan betul dan cermat. Hal ini memberi kesan kepada masalah numerasi dan lukisan spesimen pelajar kerana teknik pengendalian radas yang salah.

Kepentingan – Kajian ini memberi implikasi bahawa pentingnya guru memberi penekanan terhadap pengintegrasian kemahiran ini di dalam pengajaran dan pembelajaran sains bagi memastikan pelajar dapat melakukan kerja amali dengan yakin, cermat dan selamat.

Kata Kunci: Kemahiran manipulatif; kemahiran psikomotor, kerja amali sains

Pengenalan

Penghasilan sumber manusia yang berpengetahuan teknikal dan berwibawa menunjukkan kepentingan penguasaan sains dan teknologi di kalangan pelajar sekolah dengan kemunculan teknologi maklumat. Antara tujuan pendidikan sains adalah bagi mengembangkan kemahiran teknikal and kemahiran intelek pelajar yang amat diperlukan di dalam bidang sains (Gobaw & Atagana, 2016). Kajian di peringkat global telah mengakui kepentingan kerja amali sains dalam pembelajaran dan pengajaran konsep sains di setiap peringkat sistem pendidikan dunia (Gobaw & Atagana, 2016; Muhtasib, 2019; Pareek, 2019; Tsakeni, 2018). Pemahaman konsep sains yang pertama boleh diwujudkan dengan melakukan kerja amali yang tidak hanya tertumpu dengan pembelajaran secara teori sahaja (Pareek, 2019; Zengele & Alemayehu, 2016).

Pendapat umum menyatakan kemahiran proses sains adalah kemahiran yang dilakukan semasa penglibatan dalam aktiviti yang berasaskan sains (Duda et al., 2019; Damopolii et al., 2019). Salah satu matlamat penting pendidikan sains adalah untuk mengajar pelajar bagaimana untuk mengambil bahagian di dalam pembelajaran secara inkuiri (Kamba et al., 2018). Dengan kata lain, pelajar perlu melengkapkan diri dengan kemahiran, kepakaran, minat dan sikap yang baik bagi membangunkan pemahaman yang lebih baik mengenai teori sains. Oleh itu, guru memainkan peranan yang penting dalam mengajar fakta, konsep dan teori melalui kaedah penyelidikan saintifik (Kamba et al., 2018).

Pembelajaran sains yang menggunakan kaedah amali dapat meningkatkan kemahiran saintifik pelajar dengan penerapan elemen-elemen di dalam kerja amali ke atas pelajar. Pembelajaran berasaskan praktikal adalah salah satu pendekatan pembelajaran yang bersifat konstruktivisme (Duda et al., 2019). Melalui kerja amali pelajar dapat membina pengalaman konkrit dan memperoleh idea baru semasa menjalankan eksperimen. Ini dikuatkan lagi dengan pernyataan oleh Duda et al. (2019) yang berpendapat melalui pembelajaran pratikal di kelas, pelajar dapat membina pengalaman konkrit, memperoleh idea baru dalam perbincangan bersama-sama rakan sekolah semasa melakukan kerja amali sains. Semua pendapat di atas menjurus kepada kepentingan pembelajaran secara praktikal yang memberi impak positif kepada pelajar terutamanya dalam pembentukan kemahiran saintifik pelajar seperti kemahiran proses sains dan kemahiran menipulatif.

Experimen atau dengan kata lain, kerja amali merupakan elemen penting di dalam pembelajaran sains dan di dalam pembentukan kemahiran pelajar (Kızılaslan, 2019). Kerja amali ini dapat membantu dalam membangunkan kemahiran di dalam diri pelajar. Kızılaslan (2019) menyimpulkan kerja amali dalam pembelajaran sains dapat mengaktifkan penglibatan pelajar serta menimbulkan minat dan rasa ingin tahu serta dapat menerapkan pelbagai kemahiran, pengetahuan sains dan pemahaman konseptual. Ini dapat disimpulkan bahawa dengan melakukan kerja amali ia memberi impak positif terhadap diri pelajar di dalam pembelajaran sains.

Di dalam konteks pendidikan sains di Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia, memberi tumpuan kepada kemahiran berfikir dan kemahiran saintifik yang diterapkan melalui pendekatan inkuiri di dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran, DSKP (KPM, 2017). Kemahiran saintifik dan kemahiran berfikir diperlukan di dalam pembelajaran berbentuk inkuiri dan pembelajaran berasaskan masalah. Maka, aktiviti

seperti kerja amali memerlukan pelajar mempunyai kemahiran saintifik bagi menjalankan aktiviti kerja amali sains di makmal (KPM, 2017). Menurut KPM (2017) kemahiran saintifik terbahagi kepada dua iaitu kemahiran proses sains dan kemahiran manipulatif. Kajian ini bertujuan untuk melihat penguasaan kemahiran manipulatif murid dalam melakukan kerja amali sains.

Sorotan Kajian Literatur

Kerja Amali

Kerja amali boleh ditakrifkan dengan aktiviti yang membolehkan pelajar melibatkan diri dalam mempelajari sains di mana pelajar akan berkerja secara individu, berpasangan atau secara berkumpulan (Pareek, 2019). Kepentingan kerja amali di semua peringkat pendidikan sains adalah pada membantu pelajar dalam menganalisis dan memahami pengetahuan secara teori terhadap bidang sains seperti Kimia, Biologi dan Fizik (Zengele & Alemayehu, 2016). Menurut Gobaw (2016) kerja amali tidak hanya dilakukan di dalam makmal tetapi boleh diperluaskan kepada kerja lapangan, muzium dan lawatan galeri. Pembuktian teori sains yang dipelajari oleh murid boleh melalui pembelajaran secara praktikal (Xongwana, 2018). Kemudahan makmal sains di sekolah dapat membantu pelajar dalam membina pengalaman, kemahiran dan pandangan semasa menjalankan kerja amali (Hidayah Mohd Fadzil & Rohaida Mohd Saat, 2014)

Kemahiran Manipulatif

Kemahiran manipulatif boleh ditakrifkan dengan kemahiran teknikal yang diperolehi oleh pelajar semasa menjalankan kerja amali dengan syarat pelajar memahami kegunaan radas makmal dan memahami penggunaan radas makmal dengan betul (Hidayah Mohd Fadzil & Rohaida Mohd Saat, 2017). Menurut Kementerian Pendidikan Malaysia (2017) kemahiran manipulatif merupakan kemahiran psikomotor semasa pelajar melakukan penyiasatan sains. Elemen kemahiran manipulatif yang diterapkan di dalam kurikulum sains di Malaysia adalah seperti berikut :-

1. Menggunakan dan mengendalikan peralatan sains dan bahan dengan betul.
2. Mengendalikan spesimen dengan betul dan cermat.
3. Melakar spesimen, bahan dan peralatan sains dengan tepat.
4. Membersihkan peralatan sains dengan cara yang betul.
5. Menyimpan peralatan sains dan bahan dengan betul dan selamat

Kajian yang berkaitan kemahiran manipulatif masih lagi terhad diperingkat antarabangsa dan tempatan. Antara kajian yang melibatkan kemahiran manipulatif pelajar adalah kajian oleh Capuno & Plando 2015; Gobaw & Atagana, 2016; Hidayah Mohd Fadzil & Rohaida Mohd Saat, 2017 dan Zengele & Alemayehu, 2016. Kajian oleh Capuno & Plando (2015) dan Hidayah Mohd Fadzil & Rohaida Mohd Saat (2017) diperingkat menengah rendah

mendapati penguasaan kemahiran manipulatif pelajar berada pada tahap yang rendah. Kedua-dua kajian ini membuktikan pelajar masih mengalami masalah mengenal pasti fungsi radas makmal. Manakala kajian terhadap pelajar siswazah universiti oleh Gobaw & Atagana (2016) mendapati pelajar tidak mahir menggunakan radas makmal terutamanya mikroskop. Manakala kajian oleh Zengele & Alemayehu (2016) mendapati faktor yang menghalang aktiviti amali dijalankan di dalam makmal adalah peralatan dan radas makmal yang terhad, masa dan jadual makmal yang terhad, dan kurang latihan yang diberikan kepada guru.

Metodologi

Kajian ini menggunakan reka bentuk deskriptif kualitatif yang menumpukan kepada tiga orang peserta kajian. Kajian ini ingin meneroka kemahiran manipulatif pelajar dalam menggunakan radas makmal dalam melakukan kerja amali sains. Bagi menjawab persoalan kajian, data yang dikumpulkan adalah melalui temu bual dan pemerhatian.

Peserta kajian ini adalah pelajar tingkatan 4 yang berumur 16 tahun yang mengambil subjek biologi. Populasi kajian berfokuskan kepada pelajar yang menetap di Daerah Kuala Lumpur. Dalam kajian ini penentuan sampel dibuat melalui kaedah persampelan bertujuan (*purposive sampling*). Lokasi bagi kajian ini dijalankan di sekolah menengah kebangsaan di daerah Kuala Lumpur. Faktor lokaliti diambilkira untuk akses ke lokasi kajian bagi memudahkan urusan pengkaji memperoleh data kajian.

Instrumen yang digunakan di dalam kajian ini adalah senarai semak bagi pemerhatian dan temu bual separa berstruktur. Pemerhatian yang dijalankan adalah pemerhatian separa berstruktur yang mana Pemerhatian yang dilakukan ke atas elemen yang telah dikenal pasti iaitu semasa pelajar mengendalikan radas makmal semasa melakukan kerja amali. Senarai semak pemerhatian yang digunakan telah diubahsuai mengikut aras pelajar yang diadaptasi daripada rubrik pemerhatian (Gobaw, 2016). Tiga kemahiran asas manipulatif pelajar yang dinilai adalah mengenal pasti radas asas makmal sains, penggunaan mikroskop yang tepat dan cara menyukat suhu dan isipadu.

Menurut Nadzirah (2019) kesahan bertujuan untuk memastikan sama ada ukuran atau item yang digunakan itu mengandungi semua kriteria dalam konsep yang diukur. Manakala kebolehpercayaan pula merujuk kepada sejauh mana pengkaji melakukan pemerhatian dan nota yang ditranskripsikan dari data naratif akan menghasilkan tafsiran dan hasil yang serupa (Franklin et al., 2001). Oleh itu, bagi kajian ini kesahan dan kebolehpercayaan yang dilakukan adalah pengesahan responden (*member checking*), semakan rakan (*peer review*), semakan pakar terhadap tema yang dibina dan triangulasi data.

Pengesahan responden (*member checking*) dijalankan dengan responden membuat semakan terhadap transkripsi data dan tema yang dibentuk selepas analisis kajian telah dijalankan. Manakala semakan rakan (*peer review*) dijalankan bagi menyemak tema yang telah dibina.

Proses analisis data dilakukan dengan data triangulasi data dengan menggunakan nota lapangan pemerhatian, senarai semak dan temu bual. Pengkaji membuat kepada pemerhatian dan temu bual yang dijalankan. Selepas membuat transkrip, pengkaji membuat penentuan kod dengan menyusun, mengorganisasi dan menyemak data yang

telah ditranskrip. Tema-tema dibentuk melalui penentuan kod ini. Analisis perbandingan konsisten dilakukan bagi pembentukan tema. Kemudian pengkaji mengulas tema yang telah diperolehi daripada kajian ini.

Dapatan & Perbincangan

Hasil daripada analisis data daripada pemerhatian dan temu bual bersama pelajar, terdapat dua tema yang berbeza hasil dapatan daripada pemerhatian dan temu bual. Dua tema ini mewakili penguasaan kemahiran manipulatif pelajar tingkatan 4. Tema yang pertama adalah kemahiran teknikal manipulatif dan tema yang kedua adalah faktor yang mempengaruhi kemahiran manipulatif. Rajah 1 merupakan tema yang menerangkan penguasaan kemahiran manipulatif pelajar dengan jelas.



Rajah 2. 6 Tema yang dibentuk hasil penerokaan pelajar dalam menggunakan radas makmal

Kemahiran Teknikal Manipulatif

Pengecaman fungsi peralatan dan bahan

Sub tema yang pertama adalah pengecaman fungsi peralatan dan bahan. Menurut Ferris & Aziz (2005) dalam melakukan kerja amali atau praktikal pengecaman fungsi alat dan bahan dalam memastikan kerberkesanan dan kelancaran dalam melakukan tugas adalah merupakan kemahiran praktikal yang paling asas sekali. Di dalam kajian ini ketiga-tiga peserta tidak mempunyai masalah dalam pengecaman fungsi peralatan dan bahan. Ini boleh dibuktikan dengan pemerhatian dan temu bual yang dijalankan ke atas peserta. Berikut merupakan contoh temu bual dan pemerhatian pengkaji bersama peserta M, S dan N.:

Pengkaji: *Tadi adik guna mikroskop kan? Mikroskop tu untuk apa?*
Peserta M: *Nak apa..nak tengok sel*

Pengkaji: *Adik tahu tak fungsi silinder penyukat?*
Peserta S: *Tahu ahh untuk sukat air*
Pengkaji: *Selain dari air?*
Peserta S: *ahh liquid lah*

Peserta N: Peserta menggunakan silinder penyukat bagi menyukat 20 ml air.

Menurut Hidayah Mohd Fadzil & Rohaida Mohd Saat (2017) pengecaman fungsi peralatan dan bahan merupakan langkah yang pertama yang pelajar perlu kuasai agar pelajar dapat mengendalikan peralatan dan radas makmal dengan baik. Teori psikomotor oleh Ferris & Aziz (2005) juga menerangkan pentingnya pengecaman fungsi peralatan dan bahan bagi keberkesanan dan keselamatan pelajar semasa mengendalikan peralatan dan radas makmal. Akan tetapi bagi peralatan kompleks seperti mikroskop, peserta menyatakan mereka masih tidak pasti akan komponen-komponen mikroskop. Malah ini dapat dibuktikan apabila peserta S tidak pasti untuk menggunakan pelaras kasar untuk melihat spesimen. Berikut merupakan temu bual dan pemerhatian yang dijalankan semasa peserta S menggunakan mikroskop:

Peserta S: Peserta S terus melihat ke kanta mata tanpa menyelaraskan pelaras kasar. Peserta mengalami kesukaran untuk melihat spesimen kerana tidak menyelaraskan pelaras kasar dan pengkaji mengambil jalan untuk menegur peserta S menggunakan pelaras kasar bagi melihat spesimen

Pengkaji: *Komponen mikroskop tadikan ada tak adik tahu? Ke adik tak tahu?*

Peserta S: *tahu sikit-sikit.. ah tak ingat sangat*

Peserta N: *tak tahu sangat*

Kajian ini, selari dengan kajian oleh Hidayah Mohd Fadzil & Rohaida Mohd Saat (2017) yang mendapati pelajar tidak pasti akan penggunaan komponen-komponen mikroskop. Kajian oleh Capuno & Plando (2015) mendapati hanya 56.82% pelajar dapat mengenal pasti fungsi radas makmal dan selebihnya mempunyai masalah dalam mengenal pasti fungsi-fungsi radas makmal. Pada peringkat rendah lagi pelajar seharusnya sudah didedahkan dengan fungsi radas makmal dan dapat mengenal pasti bahagian-bahagian radas bagi mengelakkan pelajar membuat kesilapan apabila berada di tahap yang lebih tinggi (Hidayah Mohd Fadzil & Rohaida Mohd Saat, 2017). Ini dibuktikan di dalam kajian oleh Gobaw & Atagana (2016) mendapati seramai 26.09% pelajar ijazah biologi yang boleh menetapkan mikroskop sebelum menggunakannya.

Kemahiran pengendalian peralatan

Sub tema yang kedua adalah kemahiran pelajar dalam pengendalian peralatan dan radas makmal. Di dalam kajian ini pengkaji melihat penggunaan tiga jenis radas makmal iaitu mikroskop, silinder penyukat dan termometer. Hidayah Mohd Fadzil & Rohaida Mohd Saat (2017) menyatakan kemahiran pengendalian peralatan ini merupakan prinsip asas yang perlu dikuasai oleh pelajar bagi memastikan pelajar mendapat hasil yang tepat semasa melakukan kerja amali. Pengkaji mendapati ke tiga-tiga peserta masih tidak kompeten dalam mengendalikan radas makmal. Hasil pemerhatian penggunaan mikroskop, dua daripada peserta tidak mempunyai masalah dalam menggunakan pelaras kasar bagi melihat spesimen kecuali peserta S yang tidak pasti penggunaan pelaras kasar sehingga perlu dibantu oleh pengkaji. Kesilapan yang sering dilakukan oleh peserta adalah peserta hanya menggunakan sebelah tangan sahaja untuk memusing pelaras kasar. Berikut merupakan pemerhatian yang dijalankan ke atas peserta M:

Peserta M: Kemudian peserta M meletakkan slaid ke atas pentas baru membuka lampu. Peserta M dilihat berjaya untuk menyesuaikan kanta objektif akan tetapi peserta hanya memusingkan pelaras kasar dengan menggunakan sebelah tangan sahaja. Peserta M kelihatan tidak mempunyai masalah dalam memusingkan kanta objektif dari kuasa tinggi ke kuasa rendah.

Manakala, rata-rata peserta tidak mempunyai masalah dalam penggunaan silinder penyukat bagi menyukat isi padu air. Ketiga-tiga peserta meletakkan silinder penyukat di atas permukaan yang rata. Dua daripada peserta menggunakan penitis bagi memindahkan air daripada bikar ke silinder penyukat kecuali peserta S yang pada mulanya ingin memindahkan air terus daripada bikar ke silinder penyukat. Berikut merupakan pemerhatian peserta S semasa menggunakan silinder penyukat:

Peserta S: Pada mulanya peserta S cuba untuk menuang air dari bikar terus ke silinder penyukat akan tetapi kerana kesukaran untuk menuang ke dalam silinder peserta S menggunakan penitis bagi memindahkan air ke dalam silinder penyukat.

Bagi penggunaan termometer, pelajar masih tidak mengamalkan pengendalian termometer dengan cermat. Dua daripada peserta membiarkan permukaan termometer mencecah dasar bikar. Teknik yang tepat menggunakan termometer adalah kedudukan termometer berada dalam keadaan tegak dan permukaan termometer seharusnya tidak mencecah dasar bikar. Teknik yang betul dapat dilihat daripada peserta N apabila peserta memastikan permukaan termometer tidak mencecah dasar bikar. Ini boleh dibuktikan di dalam temu bual dan pemerhatian bersama peserta N. Berikut merupakan hasil temu bual dan pemerhatian peserta N:

Peserta N: Peserta N membuka bekas termometer dan terus meletakkannya di dalam air. Peserta memastikan permukaan termometer tidak mencecah permukaan bikar.

Pengkaji: *Macam mana adik sukut suhu?*

Peserta N: *Gunakan termometer lepas tu kita sukut air tu ahh lepas tu termometer tu tak boleh kena cawan sebab kita nak sukut air bukan cawan. Ahh bahaya*

Pengkaji: *Jadi kedudukan termometer tu macam mana?*

Peserta N: *tegak je*


Teori psikomotor oleh Ferris & Aziz (2005) mengelaskan kemahiran pengendalian peralatan adalah pada tahap kedua di dalam teori domain psikomotor. Ferris & Aziz (2005) turut mengelaskan operasi peralatan asas yang memerlukan keupayaan dalam penggunaan peralatan yang bersesuaian dalam melakukan tugas-tugas asas hingga ke tahap yang tertentu berada di tahap ketiga. Manakala kompetensi dalam penggunaan peralatan dalam melancarkan tugas dengan mengikut langkah, prosedur dan pemasangan mengikut urutan yang betul merupakan kemahiran yang berada di tahap ke empat di dalam domain psikomotor. Pada peringkat ini, pelajar seharusnya sudah boleh memanipulasikan radas makmal terutamanya radas yang tidak kompleks agar pelajar tidak mempunyai masalah dalam menggunakan radas kompleks di peringkat yang lebih tinggi.

Masalah dalam numerasi dan lukisan spesimen


Sub tema yang terakhir adalah masalah dalam numerasi dan lukisan spesimen. Masalah yang sering dilakukan oleh peserta adalah ketiga-tiga peserta tidak mahir dalam membaca nilai senggatan silinder. Mata peserta tidak berada lurus di senggatan silinder malah peserta M mengangkat silinder penyukat bagi membaca nilai bacaan isi padu air. Kesan daripada masalah ini, ketiga-tiga peserta tidak dapat merekod nilai bacaan isi padu air dengan tepat. Masalah kedua adalah dua peserta menulis unit bacaan suhu yang tidak tepat. Peserta N menulis 62C manakala peserta S menulis 66C. Di sini dapat dilihat pelajar masih keliru untuk menulis unit suhu dengan betul. Kajian ini bertentangan kajian oleh Capuno & Plando (2015) yang mendapati sebanyak 97.73 % pelajar mahir dalam menyukat isi padu.

Bagi kemahiran lukisan spesimen ketiga-tiga peserta kajian tidak mempunyai masalah untuk melukis spesimen mengikut kuasa kanta objektif yang betul. Masalah utama yang pengkaji dapati adalah rata-rata peserta tidak melabel lukisan yang dilukis. Peserta M


melukis petak di bahagian tengah bulatan bulat. Ketiga-tiga peserta melukis specimen mengikut apa yang mereka lihat bukan apa yang di ajar secara teori di dalam kelas. Kajian ini bertentangan dengan kajian Hidayah Mohd Fadzil & Rohaida Mohd Saat (2013) yang mendapati pelajar tingkatan 1 melukis spesimen mengikut apa yang diajar secara teori di dalam kelas. Menurut Fiorella & Zhang (2018) kepentingan kemahiran melukis adalah sama penting dengan aktiviti konstruktif yang lain yang meminta pelajar terlibat di dalam pergerakan fizikal seperti memanipulasikan objek atau peralatan. Gambar di bawah berikut merupakan hasil lukisan peserta mengikut kuasa kanta objektif.



Gambar 1: Peserta N



Gambar 2: Peserta S



Gambar 3: Peserta M

Faktor Yang Mempengaruhi Kemahiran Manipulatif

Guru sebagai fasilitator

Menurut Hidayah Mohd Fadzil & Rohaida Mohd Saat (2014) guru sains seharusnya dilengkapi diri dengan pengetahuan sains yang komprehensif dan penguasaan kemahiran manipulatif yang baik. Oleh itu, guru yang mempunyai pengetahuan sains dan penguasaan manipulatif yang komprehensif akan memberi impak kepada kemahiran saintifik pelajar. Bagi sub tema ini pengkaji mendapati peserta tidak yakin untuk membuat kerja amali tanpa bantuan atau kehadiran guru. Ini dibuktikan di dalam temu bual bersama ketiga-tiga peserta yang menyatakan peserta yakin melakukan kerja amali jika guru adanya kehadiran guru. Selain itu, peserta M turut menyatakan guru sering membuat demonstrasi di makmal sebelum pelajar dibenarkan untuk membuat kerja amali. Ini selari dengan kajian oleh Tsakeni (2018) yang mendapati guru di sekolah hanya melakukan demonstrasi amali kepada pelajar tanpa pelajar melakukan kerja *hands-on*. Demonstrasi yang dilakukan oleh guru semasa melakukan kerja amali menyebabkan tiada aktiviti *hands-on* pelajar dalam melakukan kerja amali. Hal ini menyebabkan pelajar tidak mempunyai pengalaman dalam memanipulasikan radas makmal semasa melakukan kerja amali. Berikut merupakan temu bual bersama peserta kajian:

Pengkaji: *Adik yakin tak buat kerja amali sains?*

Peserta M: *Boleh lah kalau cikgu ada.*

Peserta S: *Yakin kot kalau cikgu ajar dulu*

Peserta N: *Yakin kot kadang-kadang tengok lah kalau jadi kalau tak ada cikgu tak yakin sangat*

Pengkaji: *Jadi macam mana adik atasi masalah adik?*

Peserta M: *Kalau tak tahu tanya cikgu lah bagi tahu cikgu macam mana*

Pengkaji: *Cuba adik terang bagaimana kerja amali dijalankan di sekolah?*

Peserta M: *ahh cikgu tunjuk lepas tu baru kitaorang buat. Kalau tak faham baru cikgu tunjuk balik semula.*

Persekitaran semasa melakukan kerja amali

Sub tema yang terakhir adalah persekitaran semasa melakukan kerja amali. Ketiga-tiga peserta menyatakan kerja amali yang dilakukan di sekolah adalah secara berkumpulan. Peserta M dan S menyatakan mereka tidak berpeluang untuk melakukan kerja amali kerana rakan kumpulan ingin membuat juga. Bukan itu sahaja, ketiga-tiga peserta menyatakan mereka tidak berpeluang menggunakan radas makmal kerana radas yang digunakan perlu dikongsi dengan rakan sekelas yang lain. Berikut merupakan hasil temu bual bersama peserta.

Pengkaji: *Cuba adik terang bagaimana kerja amali dijalankan di sekolah?*

Peserta N: *Ahhh berkumpul ahh berkumpul je lah*

Pengkaji: *Adik berpeluang tak buat kerja amali dekat sekolah?*

Peserta M: *haaa kadang-kadang ada peluang kadang-kadang tak ada macam saya nak buat kawan saya pun nak buat.*

Pengkaji: *Adik ada peluang tak guna radas-radas makmal?*

Peserta N: *Kadang-kadang tak cukup so tak ada lah guna kena share-share*

Kajian ini selari dengan hasil beberapa kajian mendapati infrastruktur makmal sains di sekolah dan kuantiti radas makmal masih berada di tahap yang tidak memberansangkan (Gobaw & Atagana, 2016; Hidayah Mohd Fadzil & Rohaida Mohd Saat, 2017; Tsakeni, 2018; Zengele & Alemayehu, 2016). Kajian oleh Tsakeni (2018) mendapati masih terdapat sekolah yang tidak mempunyai makmal sains yang mencukupi sehingga pelajar perlu berkongsi makmal. Kemudahan peralatan makmal di makmal sekolah yang terhad akan menyukarkan guru dalam melakukan kerja amali sains di dalam kumpulan yang kecil (Hidayah Mohd Fadzil & Rohaida Mohd Saat, 2017). Menurut Gobaw (2016) keperluan peralatan dan radas makmal memberikan keputusan yang positif terhadap keputusan ujian prestasi kemahiran makmal pelajar. Ini membuktikan bahawa keperluan peralatan dan radas makmal adalah penting dalam pembelajaran secara praktikal. Ini kerana dengan adanya peralatan yang mencukupi semua pelajar dapat menggunakan dan memanipulasikan radas makmal.

Penutup

Secara umumnya kajian ini bertujuan untuk meneroka kemahiran manipulatif pelajar tingkatan 4 dalam melakukan kerja amali sains. Secara ringkasnya, kajian ini dapat membina dua tema yang berkaitan dengan kemahiran manipulatif pelajar. Tema yang dibina adalah kemahiran teknikal manipulatif dan faktor yang mempengaruhi kemahiran manipulatif. Bagi subtema yang pertama adalah pengecaman fungsi peralatan dan radas. Pelajar menengah atas seharusnya sudah boleh menguasai kemahiran ini yang paling asas ini. Pengecaman fungsi peralatan dan radas ini membantu pelajar untuk menggunakan radas dengan cermat dan betul. Sub tema yang kedua adalah kemahiran pengendalian

peralatan yang mementingkan cara pelajar mengendalikan peralatan dengan cermat dan selamat dan juga kompetensi pelajar dalam memanipulasikan peralatan dan radas. Kemahiran ini memastikan perlaksanaan kerja amali berjalan dengan lancar dan tidak memberi kerosakan kepada radas dan memdatangkan bahaya kepada pelajar lain. Sub tema yang seterusnya adalah masalah dalam numerasi dan lukisan specimen. Kemahiran ini adalah antara kemahiran yang berada di bawah kemahiran proses sains (KPM 2017). Pengkaji mendapati kelemahan pelajar dalam memanipulasikan radas memberi kesan kepada masalah dalam numerasi dan lukisan spesimen pelajar.

Selain itu, tema bagi faktor yang mempengaruhi kemahiran manipulatif adalah guru sebagai fasilitator dan persekitaran semasa melakukan kerja amali. Boleh disimpulkan tiga-tiga pelajar merasa yakin membuat kerja amali apabila adanya kehadiran guru. Ini dibuktikan di dalam satu temu bual bersama pelajar apabila pelajar mengambil jalan untuk bertanyakan kepada guru apabila beliau mempunyai masalah dalam kerja amali. Bukan itu sahaja, persekitaran yang tidak kondusif seperti saiz pelajar yang terlalu besar, kekurangan radas makmal memberi kesan kepada kemahiran manipualtif pelajar.

Kesimpulannya, walaupun Pendidikan Sains sudah berubah mengikut tahun akan tetapi melalui kajian ini masih kurangnya penekanan kemahiran manipulatif ini dijalankan di sekolah. Bagi membina kemahiran manipulatif dalam diri pelajar penekanan oleh guru perlu dititikberatkan malah penilaian kemahiran manipulatif pelajar perlu di pertingkatkan. Ini memastikan guru tahu akan kelemahan dan kekuatann murid dalam mengendalikan dan memanipulasikan radas dan peralatan makmal.

Rujukan

Capuno, F. T., & Plando, M. C. (2015). The Manipulative Skills of Grade 8 St. Peter Students: Basis for Laboratory Remediation. *International Journal Of Biology Education* 4(2), 94–107.

Cossa, E. F. R., & Uamusse, A. A. (2015). Effects of an In-service Program on Biology and Chemistry Teachers' Perception of the Role of Laboratory Work. *Procedia - Social and Behavioral Sciences* 167, 152–160.

Damopolii, I., Nunaki, J. H., Nusantari, E., & Kandowangko, N. Y. (2019). Integrating local resources into inquiry-based teaching materials to training students' science process skills. *AIP Conference Proceedings* 2120(July). doi:10.1063/1.5115703

Duda, H. J., Susilo, H., & Newcombe, P. (2019). Enhancing different ethnicity science process skills: Problem-based learning through practicum and authentic assessment. *International Journal of Instruction* 12(1): 1207–1222. doi:10.29333/iji.2019.12177a

Ferris, T., & Aziz, S. (2005). A psychomotor skills extension to Bloom's taxonomy of education objectives for engineering education. *Exploring Innovation in Education and Research* (March): 1–5. Retrieved from <http://slo.sbccc.edu/wp-content/uploads/bloom-psychomotor.pdf>

- Fiorella, L., & Zhang, Q. (2018). Drawing boundary conditions for learning by drawing. *Educational Psychology Review*, 30(3), 1115-1137.
- Franklin, C. S., Cody, P. A., & Ballan, M. (2001). Reliability and validity in qualitative research. *The handbook of social work research methods*.
- Gilbert, J. K., & Justi, R. (2016). *Modelling-based Teaching in Science Education*. Cham, Switzerland: Springer International Publishing
- Gobaw, G. F. (2016). *An Assessment of The State of Practical Biology Skills of Undergraduate Students in Ethiopian Universities*. University of South Africa.
- Gobaw, G. F., & Atagana, H. I. (2016). The Relationship Between Students' Biology Laboratory Skill Performance and Their Course Achievement. *Problems of Education in the 21st Century*.
- Hamlyn, R., Matthews, P., & Shanahan, M. (2017). *Young people's views on science education Science Education Tracker Research Report Science Education Tracker*.
- Hidayah Mohd Fadzil & Rohaida Mohd Saat. (2013). Phenomenographic Study of Students' Manipulative Skills During Transition from Primary to Secondary School. *Journal Teknologi* 71–75.
- Hidayah Mohd Fadzil & Rohaida Mohd Saat. (2014). Enhancing STEM education during school transition: Bridging the gap in science manipulative skills. *Eurasia Journal of Mathematics, Science and Technology Education* 10(3), 209–218.
- Hidayah Mohd Fadzil & Rohaida Mohd Saat. (2017). Exploring students' acquisition of manipulative skills during science practical work. *Eurasia Journal of Mathematics, Science and Technology Education* 13(8): 4591–4607. doi:10.12973/eurasia.2017.00953a
- Hidayah Mohd Fadzil & Rohaida Mohd Saat. (2019). Development of Instrument in Assessing Students' Science Manipulative Skills. *Malaysian Online Journal of Educational Science* 7(1), 47–57.
- Kamba, A. H., Giwa, A. A., Libata, I. A. & Wakkala, G. T. (2018). The relationship between science process skills and student attitude toward physics in senior secondary school in Aliero metropolis. *African Educational Research Journal* 6(3), 107–113.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2017). *Kurikulum Standard Sekolah Menengah Sains*. (B. P. Kurikulum, Ed.). Kuala Lumpur.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2018). *Analisis Keputusan Sijil Pelajaran Malaysia 2018*.
- Kızılaslan, A. (2019). The development of science process skills in visually impaired students: analysis of the activities. *International Journal of Evaluation and Research in Education (IJERE)* 8(1), 90.

Kramer, M., Olson, D., & Walker, J. D. (2018). Design and assessment of online, interactive tutorials that teach science process skills. *CBE Life Sciences Education* 17(2), 1–11.

Muhtasib, A. Al. (2019). The Effect of Interactive Drills Using Dry Lab on the Acquisition of Laboratory Skills in Learning Science Among the Ninth-Grade Female Students in Palestine in Light of Their Thinking Style. *Journal of Education and Learning* 8(5), 89.

Nadzirah Md Zubir. (2019). Penerokaan Terapi Filial Dalam Kaunseling Kepada Ibu Dan Anak. Disertasi Dr. Fal. Universiti Kebangsaan Malaysia

Pareek, R. B. (2019). An Assessment of Availability and Utilization of Laboratory Facilities for Teaching Science at Secondary Level. *Science Education International* 30(1), 75–82.

Tsakeni, M. (2018). Inquiry-based practical work in physical sciences: Equitable access and social justice issues. *Issues in Educational Research* 28(1), 187–201.

Xongwana, B. (2018). *The Effectiveness of the Use of Practical Work in Teaching Electric Circuits in Grade 11 Physical Sciences*. University of the Western Cape.

Zengele, A. G., & Alemayehu, B. (2016). The Status of Secondary School Science Laboratory Activities for Quality Education in Case of Wolaita Zone, Southern Ethiopia. *Journal of Education and Practice* 7(31), 1–11.

Membangunkan Sistem Pengudaraan Mekanikal *Smart Vehicle Ventilation* (SVV) Pada Kenderaan Berasaskan IOT

Mohd Bekri Rahim¹, Wan Mohd Akmal Jayati², Faizal Amin Nur Yunus³, Khairul Anuar Abdul Rahman⁴, Nizamuddin Razali⁵, Khairul Fahmi Ali⁶
Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
bekri@uthm.edu.my, faizaly@uthm.edu.my, anuarr@uthm.edu.my,
nizamuddin@uthm.edu.my, khairulf@uthm.edu.my

ABSTRAK

Pengenalan- Pengguna kenderaan mempunyai risiko terhadap strok haba yang boleh membunuh jika tidak mempunyai pengudaraan yang baik. Menjadi masalah apabila pemandu meninggalkan kenderaan mereka yang parkir terus di bawah matahari memberi potensi besar memerangkap haba yang tinggi.

Objektif – Objektif kajian adalah menghasilkan sistem pengudaraan mekanikal yang digunakan pada kenderaan dan boleh dikawal menggunakan IoT bagi menyingkirkan haba yang terperangkap di dalam kenderaan ketika diparkir bawah radiasi matahari.

Methodologi – Pembangunan sistem ini berdasarkan model ADDIE yang mengandungi lima elemen utama iaitu Analisis (*Analysis*), Reka Bentuk (*Design*), Pembangunan (*Development*), Perlaksanaan (*Implementation*), dan Penilaian (*Evaluation*).

Dapatan – Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa dengan menggunakan sistem pengudaraan ini, proses penyingkiran haba di dalam kabin kenderaan dapat ditingkatkan sehingga maksima 16.7% dan minimum 7.0%. Pemasangan sistem pengudaraan ini dianggap sebagai kaedah yang mempunyai kos rendah, mesra alam serta cekap tenaga kerana untuk menyingkirkan haba di dalam kenderaan. Berdasarkan ulasan dan cadangan pakar, penambahbaikan terhadap kajian ini adalah menggunakan CFM yang betul berdasarkan saiz kabin dan reka bentuk produk yang bersesuaian dengan ruang di dalam kenderaan.

Kepentingan – Pembangunan produk ini dapat mengelakkan pengguna kenderaan menghadapi strok haba. Ini kerana suhu yang terperangkap dalam kereta boleh melebihi 48°C. Malahan itu juga, suhu badan yang melebihi 40°C juga memberikan risiko yang untuk menghadapi strok haba.

Kata Kunci: *IOT, smart vehicle ventilation, ADDIE, Pengudaraan.*

Pengenalan

Industri automotif yang dilihat semakin rancak percambahan teknologi perlu memberikan fokus yang jitu kepada keselesaan pengguna yang bertentangan dengan pemanasan global makin hari makin mengusarkan. Beberapa tahun kebelakangan ini Jepun menghadapi gelombang musim panas yang boleh membawa peningkatan risiko rakyatnya memperoleh penyakit haba (Miyake, 2013). Strok haba adalah sangat merbahaya terhadap manusia. Implikasi strok haba sahaja boleh meningkatkan suhu badan lebih daripada 40° C malahan disebabkan panas, kulit menjadi kering dan menjadikan sistem saraf tidak normal seperti kekejangan, koma, dan kecelaruan (Bouchama & Knochel, 2002). Strok haba terjadi apabila manusia terdedah kepada suhu persekitaran yang tinggi atau melakukan kerja yang berat (Leon & Helwig, 2012). Bahkan jika strok haba tidak dirawat dengan segera, seseorang itu mempunyai risiko mati. Di Amerika, gelombang haba lebih banyak membawa maut berbanding bencana alam yang lain. Sepanjang tahun 1979 hingga 1997 sahaja telah direkodkan 7000 kematian di Amerika akibat kesan terus terdedah kepada persekitaran haba yang tinggi (Bouchama & Knochel, 2002).

Oleh demikian, pengkaji merasakan pengguna kenderaan berisiko mempunyai strok haba yang boleh membunuh jika tidak mempunyai pengudaraan yang baik. Adalah perkara yang baik apabila kenderaan mampu memberikan keselesaan kepada penumpang sehingga mereka keluar dari kenderaan. Tetapi ianya menjadi masalah apabila pemandu meninggalkan kenderaan mereka yang parkir terus di bawah matahari memberi potensi besar memerangkap haba yang tinggi (Basar, Musa, Faizal, & Razik, 2013). Keadaan cuaca di malam hari kurang memberi kesan kepada kenderaan pengguna tetapi ketika siang adalah sebaliknya. Haba yang dihasilkan radiasi matahari memasuki di dalam kabin kenderaan seterusnya terperangkap kerana tidak mempunyai pengudaraan yang baik.

Deria rasa manusia mampu untuk mengesan suhu panas dan juga sejuk. Keadaan yang merbahaya kepada manusia adalah terdedah kepada suhu yang tinggi dan menimbulkan rasa ketidakselesaan (Hamat, 2017). Bahang terjadi apabila haba yang terperangkap didalam kenderaan dan keboleh kebarangkalian menyumbang implikasi negatif kepada manusia jika terdedah dalam jangka tempoh yang lama. Malahan manusia juga boleh berisiko untuk mendapat komplikasi strok haba jika terdedah kepada haba yang tinggi. Dengan Malaysia yang mempunyai iklim panas dan lembab sepanjang tahun ini, pasti keadaan panas ini membuatkan rakyat Malaysia tidak berasa selesa (Hamat, 2017).

Suhu udara yang pernah direkodkan di ruang penumpang mampu mencapai 48° C (Kamar et al., 2017). Sudah pasti dengan suhu dalam kabin yang tinggi memaksa pengguna menunggu seketika untuk suhu menurun. Dengan caranya ini pengguna terpaksa menghidupkan enjin kenderaan untuk menggunakan sistem penghawa dingin dan secara langsung asap yang dihasilkan oleh enjin mencemarkan udara sekeliling. Faktor utama pencemaran udara adalah berpunca daripada pelepasan asap kenderaan terutama sekali di kawasan urban di Malaysia (Shuhaili, Ihsan, & Faris, 2013). Akibat daripada situasi ini,

pencemaran udara yang mengandungi bahan-bahan beracun dan merbahaya tersebar ke ruang atmosfera memberi acaman kepada kehidupan di bumi serta memusnahkan persekitaran (Jailani & Jaafar, 1999).

Falsafah sistem pengudaraan kenderaan dan juga sistem pengudaraan bangunan adalah tidak ketara perbezaannya. Kedua-duanya mempunyai tujuan yang sama iaitu mengeluarkan udara tercemar dan menyingkirkan haba yang terperangkap di dalam sesuatu ruang. Oleh itu, sistem pengudaraan ini juga penting kepada kenderaan bagi mendapatkan keselesaan pengguna dan penumpang. Sistem pengudaraan yang baik memerlukan menggunakan pengudaraan jenis mekanikal agar pretasi yang lebih cekap. Udara dan haba di dalam kenderaan disedut keluar ke persekitaran yang dikawal oleh motor (Hamat, 2017).

Pengkaji berpendapat pembangunan sistem pengudaraan mekanikal berasaskan IoT pada kenderaan ini dapat menyelesaikan permasalahan ini. Sistem ini dapat dikawal dari jauh hanya menggunakan telefon pintar dan sambungan internet yang boleh diakses dimana-mana sahaja. Pasti sistem ini dapat menjimatkan masa pengguna dan dapat mengurangkan pencemaran udara kerana ianya tidak perlu menghidupkan enjin tetapi menggunakan bateri kenderaan.

Metodologi


Dalam kajian ini pengkaji merujuk kepada model ADDIE. Model ADDIE mempunyai elemen bermula daripada Analisis (*Analysis*), Reka Bentuk (*Design*), Pembangunan (*Develop*), Perlaksanaan (*Implement*) dan Penilaian (*Evaluate*) sebagai dasar bagi model ini (Sega, 2006). Pengkaji menggunakan model ADDIE kerana ianya mudah diguna pakai sebagai penanda aras dan rujukan dalam pembangunan produk. Instrumen kajian yang dipilih oleh pengkaji adalah menggunakan borang pengesahan pakar dan borang soal selidik bagi melakukan penilaian terhadap hasil keputusan yang di terima. Dalam kajian ini, eksperimen akan di laksanakan sebanyak empat keadaan. Empat keadaan itu adalah suhu sebelum dan selepas pengudaraan, perubahan suhu ambien dengan suhu kabin sebelum pengudaraan, perubahan suhu ambien dengan suhu kabin selepas pengudaraan, dan tempoh masa yang diambil untuk proses penyingkiran haba. Suhu keempat-empat keadaan akan direkodkan dan dibandingkan sama ada produk ini dapat menyingkirkan haba.

Dapatan

(i) Perubahan suhu kabin sebelum dan selepas pengudaraan


Bagi mendapatkan bacaan suhu yang secara langsung, maka pengkaji telah menggunakan sensor suhu yang dipasangkan pada litar pada kotak elektronik. Bacaan suhu tersebut dihantar secara langsung ke aplikasi *Blynk* milik pengkaji. Seterusnya, pengkaji membuat jadual perbandingan suhu sebelum dan selepas pengudaraan menyingkirkan haba mengikut pembahagian waktu. Pengkaji menjalankan kajian ini secara rawak pada waktu siang. Ini

kerana pengkaji mahukan data yang terperinci mengikut suhu semasa pada pada jam berlainan, suhu pada setiap jam adalah berbeza.




Rajah 1: Perubahan suhu kabin sebelum dan selepas pengudaraan

(ii) Perubahan suhu ambien dengan suhu kabin sebelum pengudaraan
 Perbezaan suhu ambien dan suhu kabin sebelum proses penyingkiran haba juga diambil kira. Ini kerana suhu ambien juga mempengaruhi suhu di dalam kabin. Haba yang terperangkap di dalam kabin produk adalah pemindahan haba daripada suhu ambien. Malahan suhu di dalam kabin adalah lebih tinggi berbanding dengan suhu ambien.



Rajah 2: Perubahan suhu ambien dengan suhu kabin sebelum pengudaraan


(iii) Perubahan suhu ambien dengan suhu kabin selepas pengudaraan
 Perbandingan suhu ambien dengan suhu kabin selepas pengudaraan juga direkodkan. Ini kerana pengkaji mahu melihat pengurangan suhu hasil penyingkiran haba dan adakah ianya menghampiri suhu ambien atau sebaliknya.



Rajah 3: Perubahan suhu ambien dengan suhu kabin selepas pengudaraan

(iv) Tempoh masa yang diambil untuk proses penyingkiran haba

Selain suhu sebelum dan selepas pengudaraan dicatatkan, masa yang perlu untuk mengurangkan haba dari tinggi ke rendah juga direkodkan. Ianya bertujuan untuk menilai kecekapan kipas pengudaraan mekanikal dalam mengeluarkan haba yang tinggi daripada dalam kabin produk.



Rajah 4: Tempoh masa yang diambil untuk proses penyingkiran haba

Perbincangan

Pembangunan produk kajian SVV adalah merupakan satu usaha untuk menyingkirkan haba di dalam kenderaan yang dijemur bawah sinaran radiasi matahari. Produk ini dibina berpandukan model ADDIE yang model bersifat bebas dan sesuai dari segi langkah-langkahnya yang sistematik bagi menghasilkan produk mesra pengguna dan berkualiti. Produk ini juga dibina dan telah dinilai oleh tiga orang pakar yang terdiri daripada pensyarah FPTV. Borang soal selidik ini telah diberi untuk menilai dari aspek reka bentuk, pembangunan, dan kebolehfungsian produk.

Dalam tempoh pembangunan produk ini, terdapat rintangan dan cabaran yang dihadapi oleh pengkaji. Antara cabaran yang ditempuhi oleh pengkaji ialah semasa membangunkan produk ini, kekangan masa menjadi cabaran kerana pengkaji perlu membina produk ini bersama-sama dengan enam bab penulisan berkaitan kajian ini. Oleh

kerana kekangan itu, pengkaji tidak dapat mencari lebih ramai responden untuk menilai produk yang dibangunkan.

Seterusnya, halangan dan cabaran yang lain adalah pengkaji sukar mendapatkan bahan-bahan produk yang sukar di kawasan berhampiran UTHM. Ini kerana pengkaji perlu mencari bahan tersebut di sekitar bandar Batu Pahat. Walaupun bandar Batu Pahat yang besar, tetapi ianya tetap sukar untuk menjumpainya. Akhirnya pengkaji menjumpai bahan tersebut di sebuah kedai hardware yang berhampiran dengan kawan Bukit Pasir. Oleh kerana bahan yang digunakan didalam produk ini perlu menggunakan ukuran yang tepat, maka banyak uji kaji atau eksperimen untuk memilih bahan yang sesuai. Malah ianya memerlukan kos dan meletihkan kerana pembangunan ini perlu dilakukan secara terperinci. Namun cabaran dan halangan yang di hadapi oleh pengkaji ini sedikit pun tidak mematahkan semangat pengkaji untuk menambahbaik dan menjadikanya mencapai objektif.

Kebolehfungsian produk ini jika dilihat daripada responden memberi maklum balas adalah 100% berfungsi sepenuhnya. Selain itu juga, responden bersetuju bahawa produk ini mudah dikawal oleh pengguna dan selamat digunakan. Seteusnya, ketiga-tiga responden tersebut menyatakan produk yang dibangunkan sesuai diguna pakai didalam kenderaan.

Ini kerana hasil daripada kajian yang dijalankan, terdapat perbezaan pada suhu kabin kenderaan diantara penggunaan kipas pengudaraan dan tanpa pengudaraan. Bagi menjawab persoalan kajian yang ketiga, pengkaji telah menjalankan dua analisis utama terhadap produk ini. Dua analisis tersebut adalah perubahan suhu kabin sebelum dan selepas pengudaraan, dan tempoh masa yang diambil untuk proses penyingkiran haba. Keputusan analisis itu menunjukkan bahawa produk kajian ini berjaya menurunkan haba di dalam kabin. Malah ianya juga menunjukkan keberkesanan produk ini yang sehingga suhu selepas pengudaraan menghampiri suhu ambien. Tujuan kajian ini dijalankan adalah bagi mengelakkan pengguna memasuki kenderaan mereka dalam keadaan yang tidak selesa dan berisiko menghadapi strok haba. SVV ini tidak dapat memberikan suhu yang sejuk seperti penghawa dingin tetapi ianya dapat memberikan suhu yang selesa kepada pengguna ketika memasuki kenderaan. Jumlah peratusan yang paling besar haba dapat disingkirkan adalah pada pukul 1.00 p.m dan 2.00 p.m yang masing-masing memegang 16.7%. Manakala peratusan yang paling sedikit pula adalah pada pukul 10.00 a.m iaitu hanya 7% haba dapat disingkirkan.

Walau bagaimanapun, hipotesis yang boleh pengkaji kemukan adalah, semakin besar peratusan haba dapat disingkirkan, semakin lama tempoh di masa diambil untuk nyah habakan kabin kenderaan tersebut. Ini dapat dilihat di mana semakin besar perbezaan suhu semakin lama masa diambil untuk disingkirkan. Oleh demikian proses haba disingkirkan ini juga boleh dipergaruhi oleh faktor cuaca dan kelajuan angin ketika kajian ini dijalankan (Hamat, 2017). Suhu ambien yang dinyatakan oleh pengkaji tidak dapat menggambarkan cuaca ketika itu adakah ianya panas, mendung, ataupun berangin.

Penutup

Pengkaji telah membangunkan produk SVV sebagai alat penyingkiran haba bagi ruang kabin kenderaan apabila ditinggalkan parkir di bawah sinaran matahari. Secara keseluruhan produk ini berjaya dapat dibangunkan dengan menggunakan model ADDIE. Di dalam bahagian penambahbaikan untuk kajian lanjutan akan datang, beberapa cadangan dan pendapat yang dilontarkan oleh penilai pakar agar dapat meningkatkan kualiti dan mutu kajian ini agar pengkaji tidak menghadapi kesulitan dan dapat meningkatkan prestasi dan kecekapan penyingkiran. Malah ianya juga dapat memendekkan tempoh masa untuk SVV menyingkirkan haba agar pengguna tidak perlu menunggu pada ruang masa yang lama.

Selain itu, untuk proses pembangunan dan pemurnian produk lanjutan adalah satu proses yang memerlukan kemahiran dalam pelbagai skop kerja dan berterusan. Oleh kerana kekurangan kemahiran dan kreativiti, pengkaji menghadapi beberapa kesukaran dan halangan ketika membangunkan produk ini. Sehubungan itu, pengkaji mengharapkan segala ulasan dan pandangan yang diberikan oleh pensyarah dalam penilaian pakar dapat menaikkan sistem pengudaraan SVV ini ke peringkat yang lebih tinggi dan meluas dalam penggunaan kenderaan komersial.

Rujukan

- Basar, M. ., Musa, M., Faizal, M. ., & Razik, N. H. . (2013). Alternative Way in Reducing Car Cabin Temperature Using Portable Car Cooling System (Car-Cool). *International Journal of Innovative Technology and Exploring Engineering (IJITEE)*, 3(3), 140–143. <https://doi.org/10.1111/wrr.12502>
- Bouchama, A., & Knochel, J. P. (2002). Heat Stroke. *The New England Journal of Medicine Review*, 346(25), 1978–1988.
- Hamat, M.H. (2017). *Prototaip Nyah Haba Bas* (Tesis Sarjana Muda). Universiti Tun Hussien Onn Malaysia, Batu Pahat, Malaysia.
- Jailani, M. A., & Jaafar, M. N. (1999). Emisi Ekzos Dari Kenderaan Bermotor, Kesannya Ke Atas Atmosfera dan Kaedah Pengurangannya: Satu Kajian. *Jurnal Mekanikal, Jilid II*, 12–27.
- Kamar, H. M., Kamsah, N., Sabri, I. S., & Musa, M. N. (2017). Reducing Soak Air Temperature Inside A Car Compartment Using Ventilation Fans. *Jurnal Teknologi*, 7(Ccd), 1–10.
- Leon, L. R., & Helwig, B. G. (2012). Heat stroke : Role of the systemic inflammatory response. *U.S. Army Research Institute of Environmental Medicine*, 1(June 2010), 1980–1988. <https://doi.org/10.1152/jappphysiol.00301.2010>
- Miyake, Y. (2013). Pathophysiology of heat illness: Thermoregulation, risk factors, and indicators of aggravation. *Japan Medical Association Journal*, 56(3), 167–173.
- Sega, M. A. (2006). *Training and Needs Assessment Technique Improvement In Customer*

Service Through Afield Observation Study. University of Wisconsin-Stout. Retrieved from <http://www2.uwstout.edu/content/lib/thesis/2006/2006segam.pdf>

Shuhaili, A. F., Ihsan, S. I., & Faris, W. F. (2013). Air Pollution Study of Vehicles Emission In High Volume Traffic: Selangor , Malaysia As A Case Study. *WSEAS TRANSACTION on SYSTEM*, 12(2), 67–84.

Bagaimana Retorik Quranik Surah an-Nisa Membentuk Pendidikan Adab Dan Kesopanan Masyarakat

Wan Azura W.A.¹ & Ahmad Fazullah M.Z.A.^{2*}

¹Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia, Malaysia

²Pusat Sains Kemanusiaan, Kolej Pengurusan dan Kemanusiaan,

Universiti Malaysia Pahang, Malaysia

wanazura@usim.edu.my, fazullah@ump.edu.my

*Corresponding author

ABSTRAK

Pengenalan: Pendidikan kesopanan dan adab susila perlu diterapkan dalam setiap individu kerana ia merupakan benteng penting dalam mengawal perilaku seseorang. Golongan yang paling mudah terpengaruh dengan masalah kerosakan akhlak dan salah laku masyarakat adalah remaja. Jiwa remaja yang sentiasa sukakan cabaran dan perkara baru mendorong remaja sentiasa ingin mencuba dan kecepatan ilmu pengetahuan biasanya menjebakkan mereka kepada perilaku yang salah. Oleh yang demikian pendidikan akhlak perlu disemai semenjak kecil bermula dengan ilmu akidah, menghormati ibu bapa dan seterusnya masyarakat secara keseluruhannya.

Objektif: Kertas kerja ini cuba mengupas permasalahan akhlak serta kesannya terhadap masyarakat. Selain itu kertas kerja ini juga meninjau beberapa kupasan Adab dalam al-Quran iaitu Surah An-nisa' dalam menangani masalah ini.

Metodologi: Kajian ini berdasarkan kajian deskriptif dan analisis kandungan ayat-ayat terpilih bertemakan adab dan akhla dari surah an-Nisa'.

Dapatan: Dapatan kajian mendapati bahawa surah an-Nisa banyak mengandungi unsur adab yang boleh dipraktikkan terutamanya berkaitan harga diri. Pemahaman yang jelas terhadap isu kandungan al-Quran ini khususnya dalam hal berkaitan akhlak boleh dijadikan pedoman khususnya kepada golongan remaja dalam membentuk perwatakan mereka.

Kepentingan: Kajian ini merupakan salah satu bidang penyelidikan yang menggabungkan pelbagai bidang (*multidisciplinary*) iaitu bidang adab sosial, psikologi dan retorik bahasa Arab-al-Quran dalam menjelaskan tema-tema kemanusiaan dalam al-Quran sebagai panduan kepada manusia sejagat.

Pengenalan

Adab merupakan elemen penting dalam kehidupan seharian manusia kerana manusia hidup bermasyarakat. Dewasa ini kita dapati adab sering dipinggirkan lantaran perubahan kehidupan manusia yang mengejar masa, tuntutan keperluan mencari nafkah, masalah

stress akibat tekanan hidup dan sebagainya. Sering dilaporkan di dada akhbar, pembunuhan kerap kali berlaku lantaran kurangnya nilai adap sopan dalam kalangan masyarakat seperti peristiwa ejek mengejek, memperlekehkan orang lain, serta kurang rasa kasih sesama manusia.

Baru-baru ini berita akhbar tempatan melaporkan seorang remaja di bunuh oleh seorang rakannya yang lain gara-gara diejek melalui tajuk akhbar ‘Kes bunuh: Polis tahan rakan sekolah mangsa’ (<https://www.bharian.com.my/berita/kes/2020/11/749060/kes-bunuh-polis-tahan-rakan-sekolah-mangsa> 02 November 2020). Kes pembunuhan yang berlaku di lebuh raya dengan tajuk akhbar “bunuh di jalan raya: suami isteri ditahan reman seminggu” merupakan antara kes perselisihan faham kecil yang membawa kepada kes besar, tidak puas hati dan seterusnya tanpa disangka berakhir dengan pembunuhan kejam. Nilai-nilai kesopanan, toleransi yang pudar serta hilang pertimbangan dan sabar membawa kepada insiden yang amat menyayat hati dan kadang-kadang hilangnya rasional pertimbangan akal yang waras. (<https://newmalaysianpost.com/2019/08/11/bunuh-di-jalan-raya-suami-isteri-ditahan-reman-seminggu/> 11 Ogos 2019). Jelas di sini bahawa kurangnya adap sopan dan budi pekerti dalam berbicara akan membawa kepada bukan sahaja masalah sosial namun yang lebih parah jenayah berat sehingga menyebabkan kehilangan nyawa.

Dalam perseptif Islam, adab dan akhlak adalah aspek utama nilai kehidupan yang sangat dititik beratkan sehinggakan Imam al-Ghazali dalam bukunya *Ihya Ulumuddin* membicarakan persoalan akhlak. Iman dari segi istilah al-Ghazali justifikasi dengan hati, akui ia secara lisan atau kata-kata dan amalkan dengan amal akidah (al-Ghazali, 2004). Oleh itu, kesopanan akhlak yang bermula dengan kesopanan komunikasi perlu ditekankan sama ada secara lisan atau bertulis supaya tiada pihak yang tersinggung atau mengalami konflik sehingga menyebabkan perkara buruk seterusnya berlaku seperti pertelingkahan dan pergaduhan.

Adab Dan Akhlak Dalam Surah An-Nisa Menerusi Retorik Quranik

Istilah “Adab” dalam bahasa Arab

Nabi Muhammad SAW diutuskan untuk menyempurnakan akhlalk yang mulia, justeru isi kandungan al-Quran selain dari akidah, ia turut menekankan persoalan akhlak.

Adab dalam bahasa Arab berasal dari perkataan “addaba” “yuaddib”, “ta’dib”, yang bermaksud memberikan “tahqif” atau “ta’lim” iaitu ilmu pengetahuan. Menurut kamus Munjid ia membawa maksud perilaku atau adat yang bertepatan dengan nilai agama Islam. (Kamus Munjid pdf).

Menurut Shari Krismanto, (2016), istilah “al-adab” pada zaman Jahiliyyah adalah berasal dari “panggilan ke menu atau hidangan makanan” dan pada zaman Islam berlaku sedikit perubahan dalam istilah perkataan tersebut iaitu dakwah atau panggilan iaitu dakwah kepada Allah dalam santapan rohani juga memuliakan tetamu dengan hidangan serta dengan akhlak yang baik dalam masa yang sama. Istilah “adab” semasa zaman Umayyah memberi maksud “taklim” atau pendidikan. Adab juga membawa maksud sastera dalam kesusasteraan Arab seperti buku karangan Ibn al-Muqaffa berjudul “al-Adab al-Kabir”.

Oleh yang demikian boleh disimpulkan bahawa “adab” di sini bermaksud dua iaitu “adab dan akhlak asil dari pemikiran dan “adab” yang bermaksud “sastera”.

Tema adab dan akhlak dalam surah Annisa

Surah An-Nisa’ pula membawa utusan utama tentang keadilan sosial dan rahmat, terutamanya terhadap golongan yang mudah dianiyai, diperas dan ditindas yang perlu diberi perhatian. Melalui surah itu, Allah Swt menjelaskan hak umat insan, terutamanya bagi golongan tersisih, tertindas, anak yatim, hamba abdi, golongan minoriti bukan Islam, orang kurang upaya dan lain-lain (<https://www.sinarharian.com.my/article/73162/KHAS/Pendapat/An-Nisa-bela-kemajuan-masyarakat> 10 Mac 2020).

Dengan hikmah yang hanya ada pada-Nya, Allah Swt menamakan surah itu surah An-Nisa’ (wanita) yang mengingatkan umat manusia bahawa ketidakadilan atau kezaliman terhadap wanita seolah-olah merumuskan segala jenis *zulm*. Maka, kata An-Nisa’ itu merangkumi semua golongan yang tertindas, bukan hanya kaum wanita.

Kupasan akhlak dalam Surah An-nisa berdasarkan retorik ilmu al-Ma’ani:

Ilmu al-ma’ani merupakan ilmu pertama yang dibincangkan dalam balaghah selain ilmu al-bayan dan al-badi’. (al-Qazwini, nd). Dalam al-Quran pelbagai uslub atau gaya bahasa digunakan bagi mengindahkan penyampaian ilmu dan mesej serta ajaran yang terkandung dalam al-Quran itu sendiri. Dalam surah an-Nisa’ terdapat beberapa tema akhlak dan adab kesopanan dibincangkan dan uslub yang digunakan juga merupakan uslub retorik yang menarik bersesuaian dengan topik perbincangan tersebut.

Surah An-Nisa’ bermula dengan senarai hak anak yatim:

1. وَأَتُوا الْيَتَامَىٰ أَمْوَالَهُمْ ۖ وَلَا تَتَبَدَّلُوا الْخَبِيثَ بِالطَّيِّبِ ۖ وَلَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَهُمْ إِلَىٰ أَمْوَالِكُمْ ۚ إِنَّهُ كَانَ حُوبًا كَبِيرًا ۚ

“Berikan kepada anak-anak yatim itu harta mereka.” (Surah An-Nisa’, ayat 2)

Hak mereka yang lemah dan tidak berupaya:

“Berikanlah mereka belanja dan pakaian (daripada harta itu) dan ucapkanlah kepada mereka dengan kata-kata yang baik.” (Surah An-Nisa’, ayat 5)

Kali pertama dalam sejarah manusia, hak pusaka wanita diperkenalkan:

“Bagi perempuan ada bahagian pusaka daripada peninggalan ibu bapa dan kerabat, sama ada sedikit atau banyak menurut harta yang telah ditetapkan.” (Surah An-Nisa’, ayat 7)

Dalam ayat ini digunakan *uslub amar* iaitu uslub perintah bagi menyatakan bahawa menjaga hak anak yatim adalah wajib. Seterusnya uslub *al-tibaq* iaitu perkataan berlawanan digunakan bagi menggambarkan perbezaan antara *al-khabith* iaitu perkara

buruk dan *al-tayyib* iaitu perkara baik. Perbandingan secara berlawanan antara kedua-dua perkara dapat menarik perhatian pembaca seterusnya menyebabkan mereka lebih berfikir.

2. Hak wanita:

يا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا يَحِلُّ لَكُمْ أَنْ تَرِثُوا النِّسَاءَ كَرِهَاءَ ۚ وَلَا تَعْضَلُوهُنَّ لِتَذَهَبُوا بِبَعْضِ مَا آتَيْتُمُوهُنَّ إِلَّا أَنْ يَأْتِيَنَّ بِفَاحِشَةٍ مُبَيِّنَةٍ ۚ وَعَاشِرُوهُنَّ بِالْمَعْرُوفِ ۚ فَإِنْ كَرِهْتُمُوهُنَّ فَعَسَىٰ أَنْ تَكْرَهُوا شَيْئًا وَيَجْعَلَ اللَّهُ فِيهِ خَيْرًا كَثِيرًا

“Tidak halal bagi kamu mewarisi perempuan-perempuan dengan jalan paksa dan janganlah kamu menyulitkan mereka kerana ingin mengambil sebahagian daripada apa yang telah kamu berikan kepada mereka kecuali apabila mereka melakukan perbuatan keji yang nyata. Dan pergaulilah mereka dengan cara yang baik.” (Surah An-Nisa’, ayat 19)

Allah Swt bukan hanya menegaskan hak mereka dari segi keperluan jasmani, tetapi juga dari segi martabat dan kehormatan yang seharusnya mereka nikmati:

“Anak-anak yatim serta orang miskin, maka berikanlah mereka daripada harta itu dan berkatalah kepada mereka dengan kata-kata yang baik.” (Surah An-Nisa’, ayat 8)

Dalam ayat ini uslub *annida’* iaitu gaya bahasa panggilan digunakan seolah-olah seruan itu dekat dengan orang yang dipanggil. Dengan cara memulakan ayat secara seruan atau panggilan terlebih dahulu kepada orang yang ingin disampaikan seruan maka hal ini kan lebih mendekatkan diri mereka untuk mendengar nasihat ataupun larangan.

3. Hak ibu bapa, keluarga, jiran dan para musafir:

وَاعْبُدُوا اللَّهَ وَلَا تُشْرِكُوا بِهِ شَيْئًا ۚ وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا ۚ وَبِذِي الْقُرْبَىٰ وَالْيَتَامَىٰ وَالْمَسَاكِينِ وَالْجَارِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَالْجَارِ الْجُنُبِ وَالصَّاحِبِ بِالْجَنبِ وَابْنِ السَّبِيلِ ۚ وَمَا مَلَكَتْ أَيْمَانُكُمْ ۚ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ مَنْ كَانَ مُخْتَالًا فَخُورًا

“Berbuat baik kepada ibu bapa, kaum kerabat, anak-anak yatim, orang-orang miskin, jiran tetangga yang dekat dan jauh, rakan sejawat, orang musafir dan hamba yang kamu miliki. Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang sombong dan takbur.” (Surah An-Nisa’, ayat 36)

Keadilan ditekankan berkali-kali sepanjang surah itu dengan merujuk kepada keadaan serta hubungan dengan manusia yang lainnya:

“Sesungguhnya Allah menyuruh kamu menyampaikan amanah kepada yang berhak menerimanya dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia hendaklah kamu menghukumnya dengan adil.” (Surah An-Nisa’, ayat 58)

Susunan ayat dari segi retorik dan psikologi adalah berturutan iaitu dengan mendahulukan hak Allah swt kemudian ibu bapa, keluarga, jiran dan para musafir. Dalam menerangkan hak ibu bapa misalnya *uslub taqdim* (medahulukan) iaitu perkataan ibu bapa didahulukan dari perkataan lain seperti *hasana* (berbuat baik) menunjukkan bahawa ibu bapa perlu diutamakan dalam semua perkara kebaikan.

4. Hak minoriti ditekankan; misalnya, apabila beberapa orang Islam merayu kepada Rasulullah saw supaya bertindak secara tidak adil terhadap seorang Yahudi, Allah Swt berfirman:

إِنَّا أَنْزَلْنَا إِلَيْكَ الْكِتَابَ بِالْحَقِّ لِتَحْكُمَ بَيْنَ النَّاسِ بِمَا أَرَاكَ اللَّهُ ۗ وَلَا تَكُنْ لِلْخَائِنِينَ خَصِيمًا

“Sesungguhnya Kami menurunkan kepadamu Kitab al-Quran dengan membawa kebenaran, supaya menghukum di antara manusia menurut apa yang ALLAH telah tunjukkan kepadamu dan janganlah engkau menjadi penentang (orang yang tidak bersalah) kerana membela orang-orang yang khianat.” (Surah An-Nisa’, ayat 105)

Dalam ayat ini antara uslub yang digunakan ialah *uslub taukid* iaitu penegasan dengan partikel “inna”. Selain itu penegasan sekali lagi digunakan apabila menggunakan perkataan tegahan iaitu “janganlah” iaitu engkau menjadi penentang (orang yang tidak bersalah) kerana membela orang-orang yang khianat.”

Penutup:

Kesimpulannya Surah an-Nisa mengandungi pelbagai unsur adab, akhla, nilai murni dan etika pergaulan yang baik bagi mendidik masyarakat. Pelbagai gaya bahasa yang sesuai digunakan bagi memantapkan makna dan penyampaiannya sebagaimana yang dikehendaki al-Quran iaitu uslub penegasan, larangan, seruan atau *annida*, *taqdim* atau mendahulukan dan lain-lain dari ilmu al-Ma’ani dalam retorik Arab.

Perakuan

Makalah ini merupakan sebahagian daripada Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) yang dibiayai oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) di bawah kod penyelidikan: FRGS/1/2017/SSI01/USIM/02/1. Penyelidik merakamkan jutaan terima kasih kepada pihak KPT dan USIM atas sokongan yang diberikan.

Rujukan

Al-Quran al-karim

al-Ghazali. (2004). *Ihya Ulumuddin*. Kuala Lumpur: JAKIM.

<https://www.sinarharian.com.my/article/40272/BERITA/Jenayah/Bunuh-rakan-kerana-sering-mengata>

https://www.bharian.com.my/berita/kes/2020/11/749060/kes-bunuh-polis-tahan-rakan-sekolah-mangsa_02_November_2020)

Kamus Munjid pdf

Shari Krismanto. (2016). “Konsep adab dan relevansinya dengan Pendidikan Islam Menurut Syed Naquib al-Attas”. Program Pascasarjana (PPS) Universiti Islam Negeri (UIN) Sultan Syarif Kasim.

Profesor Dr Jomo Kwame Sundaram ialah pakar ekonomi dan Penasihat Penyelidik Institut Penyelidikan Khazanah (KRI). Petikan dari Kata Pengantar buku *Inteligensia Penyuluh Nusantara* suntingan Mohd Rashidi Artikel Penuh: <https://www.sinarharian.com.my/article/73162/KHAS/Pendapat/An-Nisa-bela-kemajuan-masyarakat> © 2018 Hakcipta Terpelihara Kumpulan Karang kraf 10 Mac 2020).

al-Qazwini, Jalaluddin Muhamamd bin Abdurrahman. (nd). *Al-Talkhis fi Ulum al-Balaghah*. (ed): Abdul Hamid Handawi. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.

Emosi Dan Kesopanan Komunikasi Dalam al-Qur'an: Tinjauan Psikologi Dan Retorik al-Quran

Wan Azura W.A.¹ & Ahmad Fazullah M.Z.A.^{2*}

¹Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia, Malaysia

²Pusat Sains Kemanusiaan, Kolej Pengurusan dan Kemanusiaan,
Universiti Malaysia Pahang, Malaysia

wanazura@usim.edu.my, fazullah@ump.edu.my

*Corresponding author

ABSTRAK

Pengenalan: Emosi dan kesopanan komunikasi merupakan unsur dan bahagian penting dalam kehidupan manusia. Walaupun pelbagai kajian telah dijalankan dalam kedua-dua bidang, sangat sedikit yang memperkatakan tentang hubungan antara emosi dan kesopanan komunikasi daripada perspektif al-Quran dan ilmu retorik al-Quran.

Objektif: Makalah ini bertujuan untuk menjelaskan unsur emosi dan kesopanan komunikasi dalam al-Qur'an daripada perspektif- psikologi dan retorik al-Quran.

Metodologi: Kajian ini merupakan penyelidikan kualitatif yang menganalisis ayat-ayat Al-Quran berkaitan emosi dan komunikasi dari segi unsur psikologi dan retorik dalam teks al-Qur'an terpilih.

Dapatan: Dapatan menunjukkan bahawa tema emosi dan kesopanan komunikasi dalam al-Quran mengandungi prinsip psikologi dan retorik al-Quran (seperti kosa kata, struktur ayat dan makna). Pertama, mesej a-Qur'an tentang emosi menggalakkan para pentelaah al-Quran untuk mewujudkan hubungkait emosi dalam konteks ayat-ayat "emosi" itu sendiri dan ayat-ayat yang membangkitkan emosi manusia. Kedua, dari sudut komunikasi, tujuan al-Qur'an adalah untuk memberi sentuhan emosi, jiwa dan pemikiran para pentelaah al-Quran. Ketiga, ayat-ayat komunikasi mengandungi unsur retorik al-Ma'ani memaparkan amalan komunikasi yang praktikal dalam menghasilkan komunikasi yang harmoni dan sejahtera. Satu kerangka konseptual Kesopanan Komunikasi Emosi berteraskan Psiko-Retorik al-Quran turut dicadangkan.

Kepentingan: Kajian ini merupakan salah satu bidang penyelidikan yang menggabungkan pelbagai bidang (*multidisciplinary*) iaitu bidang psikologi dan retorik bahasa Arab-al-Quran dalam menjelaskan tema-tema kemanusiaan dalam al-Quran sebagai panduan kepada manusia sejagat.

Kata kunci: emosi, kesopanan komunikasi, psikologi, kajian retorik, al-Quran

Pengenalan

Komunikasi merupakan unsur dan bahagian penting dalam aktiviti kehidupan manusia. Ia meliputi urusan peribadi mahupun urusan kerjaya dan profesional, keadaan rasmi atau santai, saluran bersemuka mahupun dalam talian dan sebagainya. Para pengkaji bidang komunikasi menyatakan hampir 80% masa dalam 24 jam sehari diperuntukkan untuk berinteraksi dan berkomunikasi. Tambahan pula, manusia harus mendapatkan pelbagai keperluan hidup melalui aktiviti interaksi dan proses komunikasi. Justeru, keperluan kepada aspek psikologi (seperti emosi dan perasaan) dan nilai-nilai etika (seperti santun, sopan, beradab dan sebagainya) sebagai panduan dan kemahiran yang dapat membentuk iklim komunikasi yang harmoni dan sejahtera. Aspek emosi dan perasaan merupakan unsur afektif dalam diri seseorang dan ia dibincangkan secara mendalam dalam bidang psikologi. Emosi ini digunakan dalam proses komunikasi yang melibatkan aspek-aspek fisiologi, psikologi dan kognitif seseorang individu. Manakala, kesopanan atau kesantunan pula merupakan kunci utama dalam setiap hubungan sesama manusia dan ia memainkan peranan asas dalam tata cara komunikasi dan keperibadian seseorang individu dalam kalangan individu lain. Ia bukan hanya terbatas kepada aspek etika bahasa atau linguistik sahaja, malah merangkumi semua jenis tingkah laku atau psikologi sama ada intrapersonal mahupun interpersonal individu itu. Melalui aspek kesopanan atau kesantunan komunikasi inilah kita menjalinkan dan mengekalkan sesuatu bentuk hubungan yang bermakna dan beretika.

Dalam perspektif Islam, aspek komunikasi yang baik dan penglibatan unsur psikologi (khususnya emosi dan perasaan) ditekankan dalam membentuk peribadi dan personaliti seseorang insan. Didikan insan ini bukan hanya terfokus kepada perilaku atau tampak fizikal dengan akhlak yang baik tetapi turut merangkumi adab dalam berbicara atau berkomunikasi. Tutur kata yang sopan, santun, beradab, gaya bahasa yang penuh dengan budi pekerti mulia melambangkan keperibadian dan jati diri seorang individu Muslim yang yang sejati. Dalam konteks kajian bahasa al-Quran pula, salah satu bidang yang mengkaji keunikan, kesenian dan keindahan ayat al-Quran daripada perspektif retorik bahasa ialah ilmu Balaghah al-Quran. Ilmu Balaghah al-Quran merupakan ilmu terapan bahasa (*applied*) dalam memahami konteks dan makna ayat-ayat dan tema-tema tertentu dalam al-Quran dari sudut ilmu retorik. Namun demikian, perbincangan aspek komunikasi sopan-santun dengan peranan emosi kurang dibincangkan dalam konteks Islam. Malah istilah komunikasi dan emosi daripada perspektif Islam juga mengandungi makna dan skop yang luas. Justeru, makalah ini cuba membincangkan aspek emosi dan kesopanan komunikasi dalam konteks Islam dengan merujuk kepada al-Quran dan kupasan daripada sudut psikologi dan retorik al-Quran.

Emosi: Perspektif Psikologi

Emosi memberi impak yang besar dalam kehidupan manusia seperti mengurus tindakan dan tingkah laku serta memberi makna kepada kewujudan manusia itu sendiri. Umumnya, emosi merupakan tindak balas yg berasaskan penilaian (sama ada tindak balas perasaan positif atau negatif) yg merangkumi unsur-unsur berikut (Burton, Westen & Kowalski,


2019; Coon & Mitterer, 2013; Levenson, Carstensen, Friesen, & Ekman, 1991; Rathus, 2020):-

- a) **Pengalaman subjektif** (Apa yang dirasa seperti rasa gembira, sedih, marah, teruja dan lain-lain)
- b) **Tindak balas fisiologi** (seperti resah gelisah, berpeluh, hati berdebar dan sebagainya) dan
- c) **Ekspresi/tindakbalas tingkah laku** (tanda tingkah laku emosi seperti (ekspresi muka, gaya/kedudukan badan, isyarat badan, nada suara dan lain-lain).

Asasnya, ahli-ahli psikologi menyenaraikan beberapa emosi asas (*basic emotions*) seperti keriangangan/keseronokan (*joy*), ketakutan (*fear*), kemarahan (*anger*), kesedihan (*sadness*), jijik (*disgust*), pengharapan (*anticipation*) dan percaya (*trust*), dan Terkejut (*surprise*) (Rujuk Ekman, 2003; Plutchik, 1962; Plutchik & Kellerman, 1980). Setiap manusia berpengalaman dalam proses mengkomunikasikan emosi (*communicating emotions*) dalam pelbagai urusan harian sama ada dalam keadaan intrapersonal mahupun interpersonal. Semasa proses komunikasi, emosi “dikomunikasikan” dengan ucapan lisan, bukan lisan, ekspresi wajah, postur badan dan sebagainya sehingga memberi makna yang harmoni sepanjang komunikasi berlangsung.

Beberapa teori mengenai emosi telah dibentuk dan dibincangkan dalam usaha untuk menjawab persoalan tentang keadaan dan proses terbentuknya satu-satu emosi. Teori-teori emosi ini berbeza dari sudut penekanan yang diletakkan ke atas fisiologi, tingkah laku dan kognitif. Antara teori emosi ialah teori Emosi James-Lange, Teori Cannon-Bard dan Teori Psikobiologi dan teori Penilaian Kognitif (*cognitive appraisal theory*) (Burton, Westen & Kowalski, 2019; Coon & Mitterer, 2013; Rathus, 2020; Spielman, Jenkins, & Lovett, 2020). Makalah ini merujuk model emosi kontemporari berdasarkan Teori Penilaian Kognitif yang menumpukan kepada peranan aspek kognitif seperti pemikiran, pembelajaran, ingatan dan persepsi dalam pengalaman emosi seseorang.

Teori Penilaian Kognitif merupakan model emosi kontemporari yang mengandaikan bahawa jawapan kepada pelbagai situasi atau keadaan kehidupan yang dihadapi tersebut bergantung kepada bagaimana anda menilai (menginterpretasi atau mentafsirkan) situasi atau sesuatu keadaan tersebut. Ia melibatkan (1) Stimulus Emosi (*emotional stimulus*) yang akan mempengaruhi (2) “Penilaian Emosi” (*emotional appraisal*) yang akhirnya membentuk (3) Perasaan Emosi (*emotional feelings*) seseorang tersebut. Penerangan lanjut tentang teori tersebut dapat dirujuk dalam Jadual 1 berikut.



(Coon & Mitterer, 2013)

Jadual 1: Model Emosi kontemporari berdasarkan Teori Penilaian Kognitif

Andaian asas teori ini ialah manusia bertindak balas dengan emosi yang berbeza (walaupun dalam situasi yang sama) bergantung kepada penilaian atau pentafsiran mereka terhadap situasi atau keadaan itu. Fokusnya kepada penilaian terhadap situasi dan bukannya situasi itu yang menentukan keadaan atau tindak balas emosi. Seterusnya, perasaan emosi (*emotional feelings*) yang terhasil adalah ditentukan oleh bagaimana situasi itu dinilai atau ditafsirkan.


EMOSI: PERSPEKTIF AL-QURAN

Unsur jiwa dan emosi telah diberi perhatian lebih awal dalam pendidikan psikologi Islam (Abdul Latif, 2019; Abdul Mujib & Jusuf Mudzakir, 2001; Al-Attas, 2014; Al-Mahdi Jenkins & Abdul Aziz, 2016; Ansari, 1992; Haque & Mohamed, 2009; Hude, 2006; Najati, 2001, Utz, 2011) Al-Quran mengandungi istilah yang menggambarkan emosi seperti mana yang diutarakan dan disenaraikan oleh pengkaji-pengkaji Barat (Bauer, 2017). Antaranya, emosi cinta, seronok, gembira, berharap, takut, belas ihsan, sakit, marah, sedih, malu, benci, bersalah dan lain-lain.

Dalam Islam, emosi merupakan unsur kerohanian (spiritual) atau disebut sebagai psyche dan ia dihubungkan dengan hati dalam (*inner heart*) atau hati rohani (*spiritual heart*) atau dalam bahasa Arab disebut sebagai “*Qalb ruhi*”. Justeru, hati emosi (*emotional-heart*) atau (al-Qalb) dalam konteks spiritual/psyche adalah keupayaan emosi (yg disebut sebagai perasaan, mood, afektif). (rujuk Abdul Mujib & Jusuf Mudzakir, 2001; Al-Mahdi Jenkins & Abdul Aziz, 2016; Hude, 2006; Purwoko, 2012; Sukanto & A. Dardiri, 1995).

Bagi mengkaji aspek emosi (dari segi psikologi dan retorik al-Quran, model emosi kontemporari iaitu merujuk kepada teori Penilaian Kognitif digunakan sebagai model atau kerangka konseptual dalam makalah ini. Unsur “Retorik Emosi” dan “Retorik yang membangkitkan Emosi” cuba diterapkan di peringkat awal sebelum berlakunya Stimulus Emosi (*emotional stimulus*) yang akhirnya membentuk Perasaan Emosi (*emotional feelings*) semasa proses komunikasi dan interaksi berlaku. Jadual 2 menunjukkan peranan dua unsur iaitu “Retorik Emosi” dan “Retorik yang menimbulkan perasaan emosi” dalam model kontemporari emosi tersebut.

- 1) **“Retorik Emosi” & “Retorik yang membangkitkan perasaan Emosi”** adalah input tambahan unsur kesenian/keindahan (retorik) yang berkaitan emosi dalam al-Quran dan amalan dalam kalangan pentelaah al-Quran (sama ada pendengar, pembaca dan orang yang beriman) apabila berhubungan dengan al-Quran (Bauer, 2017). Dalam erti kata lain, ayat-ayat al-Quran berkenaan emosi ada unsur kesenian (retorik) dan ayat-ayat ini dapat menyentuh emosi manusia secara retorik dan halus yang meresap masuk ke jiwa manusia.
- 2) **Stimulus Emosi** (Perbualan yang baik dan sopan) akan dinilai sebagai peluang atau penyebab kepada lahirnya Emosi (yang dinilai sebagai tenang, selesa, selesa, sejahtera)
- 3) **Penilaian Emosi** anda (dalam masa yang sama) akan mempengaruhi aspek-aspek berikut iaitu:-
 - ✓ **Tindak balas *Autonomic Nervous System* (ANS)** (iaitu dengupan jantung, debaran hati, dan anggota badan akan didorong) dan Pelabelan secara Kognitif-Spiritual manusia.
 - ✓ **Tindak balas tingkah laku** (iaitu senyum dan terus berbual).
 - ✓ **Ekspresi Emosi** diluahkan (iaitu wajah dan muka ceria, riang dan kedudukan anggota badan semakin santai).
 - ✓ **Perasaan Emosi** iaitu perubahan secara sedar (iaitu pengalaman subjektif yang seronok dan gembira).



Jadual 2: Unsur Retorik Emosi dan Retorik yang menimbulkan perasaan Emosi dalam Model Kontemporer Emosi (iaitu Teori Penilaian Kognitif)


Jadual 3 menunjukkan ayat-ayat Al-Quran yang mengandungi contoh-contoh emosi positif semasa proses komunikasi.

Contoh Emosi Positif semasa berkomunikasi	Surah & Ayat
Nadhrāh wa Surūr: Keindahan yg berseri-seri (di wajah) dan perasaan emosi yang riang gembira (di hati)	al-Insān-76:11
Fārih fakhūrā: Emosi dan perasaan gembira dan rasa megah/bangga selepas melalui kesusahan	Hud-11:10
Rasa gembira apabila membantu dan mengasihi orang lain: Apabila golongan Ansār membantu dan mengasihi golongan Muhājirin	Al-Hasyr-59:9
Rasa gembira dan ikhlas kpd Allah apabila memberi makanan kepada yang memerlukan, anak yatim dan tawanan	Al-Insān-76:8-9
Rasa gembira di atas pencapaian dan kebaikan: Dengan melakukan amal soleh, Allah akan memberikan kehidupan yang baik dan pahala yang lebih baik	An-Nahl-16:97

Jadual 3: Contoh-contoh ayat Al-Quran yang menunjukkan emosi positif

KOMUNIKASI DAN KESOPANAN KOMUNIKASI

Komunikasi merupakan unsur penting dlm kehidupan. Kejayaan atau kegagalan seseorang dipengaruhi oleh cara atau gaya dan proses komunikasinya terhadap orang lain. Cara atau gaya komunikasi yang baik, sopan, mengandungi emosi dan nilai-nilai positif mampu memberi kesan sejahtera terhadap diri sendiri dan orang lain. Unsur asas komunikasi mengandungi Sumber/Pengirim (*sender*), Mesej (*message/content*), Saluran (*channel*), Penerima (*receiver*), Maklumbalas (*feedback*) dan Gangguan (*noise*). Jadual 4 menunjukkan model asas komunikasi.



Jadual 4: Model Asas Komunikasi

KONSEP KESOPANAN KOMUNIKASI


Konsep kesopanan komunikasi atau kesantunan berbahasa atau kesantunan bahasa merupakan teras utama perhubungan dalam setiap amalan berbudaya bagi masyarakat yang bertamadun. Malah tamadun dan peradaban yang unggul adalah apabila setiap individu masyarakat berupaya mengamalkan budaya santun dan sopan dalam urusan kehidupan seharian mereka (sama ada santun dan sopan dari segi penggunaan bahasa, gaya dan proses komunikasi, penampilan fizikal dan sebagainya).

Kajian dan penyelidikan tentang kesopanan (*politeness*) semakin banyak dijalankan (seperti kajian oleh Leech, 2014; Brown 1980; Brown & Levinson 1987; Watts, 2003). Kesopanan merupakan asas penting dalam komunikasi manusia yang mengerakkan interaksi sosial, melancarkan dan memudahkan komunikasi, mengelakkan masalah interpersonal dan membina hubungan yg baik dan akrab.

Konsep kesantunan bahasa yang diperkenalkan oleh Asmah (2002) pula membahagikan kesantunan kepada dua iaitu kesantunan asas dan kesantunan berkendala. Kesantunan asas merupakan kesantunan yang sedia ada yang menjadi pedoman bagi masyarakat untuk berhubung antara satu sama lain manakala kesantunan berkala ialah kesantunan yang merujuk kepada kesantunan yang menggambarkan ucapan yang dilakukan oleh masyarakat dalam hubungan antara satu sama lain. Istilah Kesopanan juga dikaitkan dengan kesantunan. Istilah ‘santun komunikasi’ digunakan kerana ia melambangkan komunikasi yang berteraskan prinsip, etika, norma, dan budaya masyarakat semasa (Abdul Mu’ati, 2001). Lakoff (1990) merujuk kesantunan sebagai satu sistem yang memudahkan hubungan interpersonal sesama manusia. Sementara itu, Awang Sariyan (2007) merujuk istilah ‘Santun Berbahasa’ kepada penggunaan ciri-ciri bahasa yang baik, beradab, mempunyai nilai penghormatan serta mencerminkan keperibadian mulia. Asmah (2002) pula menjelaskan bahawa kesantunan bahasa dalam berkomunikasi ialah melalui penggunaan bahasa yang tidak menimbulkan kegusaran, serta tidak menyinggung para pendengar. Kenyataan ini seiring dengan pandangan Noriati (2005) yang menyatakan bahawa pendekatan sentiasa menjaga air muka para pendengar menjadikan bahasa itu lebih santun dan baik.

Justeru, kesopanan boleh diringkaskan sebagai aplikasi praktikal perangai, sikap, kelakuan yang baik dan positif oleh seseorang (seperti hormat-menghormati, mulia-memuliakan, berlemah-lembut, berbudi pekerti, berbudi bahasa, santun berbahasa dan sebagainya) terhadap atau sesama orang lain yang dapat menjadikan suasana/iklim yang baik, ceria, harmoni dan sejahtera dalam pelbagai keadaan komunikasi (seperti komunikasi lisan atau bukan-lisan).

Merujuk kepada Jadual 5, aspek Kesopanan dalam komunikasi (panduan etika komunikasi) dengan aspek Emosi (psikologi) cuba diterapkan dalam model asas komunikasi. Aspek Kesopanan dalam komunikasi dan Unsur Emosi ini merupakan panduan yg mengandungi Strategi dan Kaedah Kesopanan Komunikasi dan Ciri-ciri Komunikasi-Emosi berkesan.



Jadual 5: Unsur Kesopanan Komunikasi-Emosi Berteraskan Psiko-Retorik al-Quran dalam Model Model Asas Komunikasi

Kesopanan komunikasi dalam al-Quran

Konsep kesantunan atau kesantunan berbahasa dalam Islam dapat dirujuk melalui perbahasan yang terkandung dalam al-Quran (al-Khatib, 2012). Al-Quran mengandungi ayat-ayat retorik yang menggambarkan keindahan komunikasi antara sesama manusia sesuai dengan tujuan penurunannya adalah bagi mendidik akhlak yang mulia. Etika komunikasi terdapat dalam beberapa surah dalam al-Quran. Pertama, *qaulan sadida* (QS.4 an-Nisa': 9) iaitu medium bahasa yang digunakan mestilah jujur dan benar pengisiannya. Kedua, *qaulan ma'rufa* (QS.4 an-Nisa': 8) yang menyarankan agar manusia berkomunikasi dengan bahasa yang tidak menyentuh jiwa dan perasaan khalayak. Ketiga, *qaulan baligha* (QS.4 al-Nisa': 63) yang menekankan maklumat yang disebarkan kepada masyarakat mampu meninggalkan kesan mendalam kepada jiwa mereka. Seterusnya ialah *qaulan maisura* (QS.17: al-Isra': 28) yang memperingatkan manusia bahawa maklumat yang disebarkan mestilah mampu difahami sesuai dengan tahap kemampuan para pendengar. Kelima, *qaulan karima* (QS.17: al-Isra': 23) yang menjelaskan bahawa bahasa dan perkataan yang diungkapkan mestilah mempunyai nilai yang baik dan mulia. Di samping itu, aspek nada suara, penggunaan bahasa yang terbaik dan sesuai amat penting dalam proses komunikasi. Ini dapat digambarkan sebagai satu panduan strategi dan kaedah dan ciri-ciri komunikasi berkesan seperti yang dijelaskan dalam Jadual 6 berikut.

Strategi & Kaedah Kesopanan Komunikasi dalam al-Quran	Surah & Ayat
Qawlan sadida: berkomunikasi dgn baik, menggunakan perkataan yg tepat dan benar	al-Ahzab- 33:70
Qawlan ma'rūfa: berkomunikasi dgn menggunakan bahasa bersesuaian (spt menyedapkan hati, tidak menyinggung perasaan, jujur, ikhlas)	Al-ahzab- 33-32
Qawlan baligha: Berkomunikasi dgn ungkapan yg jelas, tepat, nyata dan berkesan	Al-Nisa'- 4:63
Qawlan maysura: Berkomunikasi dgn ayat-ayat yg lembut, baik dan pantas dan tidak mengecewakan atau mengelirukan pendengar	Al-Isra- 17:28

Aghdhud min shaut: Guna nada suara yang rendah dan bersesuaian	Luqman-31:19
Yastamiuna al-Qaul fayattabiuna ahsanahu: Guna bahasa yang terbaik dan bersesuaian semasa mendengar dan bercakap	Az-Zumar- 39:18
Tayyib min Qaul: Mengutamakan penggunaan perkataan dan ucapan yang baik	Al-Hajj-22:24


Jadual 6: Strategi & Kaedah Kesopanan Komunikasi dalam al-Quran yang mengandungi unsur Retorik Emosi dan Retorik Membangkitkan Emosi

Seterusnya, Jadual 7 menunjukkan Strategi & Kaedah Kesopanan Komunikasi dalam al-Quran yang mengandungi unsur psikologi dan retorik (Retorik Emosi & Retorik yang membangkitkan emosi) dan yang dikupas dari sudut ilmu Retorik al-Quran (merujuk kepada ilmu Balaghah-al-Maani). Dalam ilmu retorik (balaghah) membincangkan pelbagai cabang ilmu balaghah daripada al-Quran sama ada *ilmu al-Ma'ani*, *ilmu al-Bayan* dan *ilmu al-Badi'* (Abdul-Raof, 2006). Ilmu al-Ma'ani adalah ilmu yang mengkaji keadaan susunan perkataan (*word order*) yang sesuai dengan situasi dan keadaan. Penggunaan kata dalam ayat-ayat berunsurkan komunikasi mengandungi unsur retorik al-Maani dan seterusnya memberi impak psikologi iaitu Retorik Emosi (*emotional rhetoric*) dan Retorik yang membangkitkan Emosi (*emotive rhetoric*) kepada pentelaah al-Quran. Ini dilihat dari segi kaedah penyampaian kata-kata yang sesuai dengan keadaan orang yang diajak bicara, tujuan yang digunakan, dan kata-kata yang diucapkan bersesuaian dengan ilmu bahasa Arab dan memenuhi kriteria *balaghah (retorik Arab)*.


Strategi & Kaedah Kesopanan Komunikasi berteraskan Psiko-Retorik al-Quran	Surah & Ayat	Retorik Arab dan Retorik al-Quran
Panggilan mesra dan nama terbaik - spt Wahai. Ya Rahman-Ya Rahim, Ya Bunayya	Al-Israa' - 17: 110 Luqman- 31: 13	Ilmu al-ma'ani <i>Annida</i> (seruan)
Ulangan Panggilan- Panggilan mesra yg sering diulang-ulang utk membina hubungan rapport dan empati, menunjukkan kerendahan diri dan pengharapan	Luqman-31: 16, 17 Yusuf 12: 5, 67, 87	Ilmu al-ma'ani <i>Al-tikrar</i> (ulangan)
Psikologi Penegasan utk Peringatan Diri- Peringatan agar taat kpd Allah, berbuat baik kpd ibu bapa, jangan melakukan syirik/mungkar; Emosi sabar dan syukur	Luqman- 31: 13- 19 Al-Baqarah 2:132	Al-ma'ani <i>At-taukid</i> (penegasan)
Hikmah/bijaksana (wisdom) + Nasihat yg baik + Nilai Etika- Nasihat yg baik spt jangan sombong, jangan berpaling, sederhanakan langkah berjalan, jangan tinggikan suara, jaga rahsia	Luqman-31: 13- 19 Al-Baqarah 2:132 Yusuf 12:5,	Al-ma'ani <i>Nahi</i> (Larangan- Janganlah)

Jadual 7: Strategi & Kaedah Kesopanan Komunikasi berteraskan Psiko-Retorik al-Quran dengan merujuk kepada ilmu al-Ma'ani

Seterusnya, daripada ayat-ayat al-Quran yang mengandungi unsur psikologi (emosi dan perasaan) dan unsur retorik al-Quran (seperti ilmu al-Ma'ani) dibentuk satu model umum yang mengandungi unsur-unsur tersebut seperti yang dijelaskan dalam Jadual 8 berikut.



Jadual 8: Unsur Emosi dan Kesopanan Komunikasi sebagai panduan kesopanan komunikasi berteraskan Retorik al-Quran dan Psikologi



Jadual 9: Kerangka Konseptual Kesopanan Komunikasi-Emosi berteraskan Psiko-Retorik al-Quran

Jadual 9 menunjukkan kerangka konseptual Kesopanan Komunikasi yang mengandungi unsur psikologi (emosi) dan kesopanan komunikasi dalam al-Quran secara keseluruhan. Unsur ini dikupas daripada perspektif psikologi dan retorik al-Quran (iaitu ilmu al-Ma'ani). Mesej al-Quran dan bidang psikologi menggalakkan penerapan emosi positif yang khusus dalam tujuan komunikasi dan interaksi. Bidang psikologi dan bidang retorik al-Quran memaparkan wujudnya impak emosi (*emotional impact*) terhadap pentelaah al-Quran (yang terdiri daripada pembaca, pendengar, pengkaji) dalam pelbagai aspek komunikasi.

Kerangka konseptual ini meliputi:

- **Konsep Emosi dan Proses komunikasi emosi** dalam kehidupan seharian manusia.
- **Konsep dan Model Asas Komunikasi dengan tambahan unsur-unsur Kesopanan Komunikasi dalam al-Quran:** Qaulan Sadida, Qaulan Makrufa, Qaulan Baligha dan Qaulan Maysura, Qaulan Karima dan Qaulan Layyina.
- **Ciri-ciri Keberkesanan Komunikasi-Emosi (melalui analisis psikologi-retorik):** Panggilan Mesra & Nama terbaik, Ulangan, Psikologi Penegasan untuk Peringatan diri, dan Hikmah, Nasihat dan Etika.

Penutup

Kesimpulannya, wujud kesalinghubungan di antara unsur psikologi emosi dan kesopanan komunikasi dalam interaksi manusia dalam menghasilkan suasana dan iklim komunikasi yang harmoni dan sejahtera. Secara konseptualnya, aspek emosi dan kesopanan komunikasi dalam al-Quran memberi impak kepada kehidupan komunikasi manusia sama ada secara psikologi (*yg disebut sebagai Retorik Emosi dan Retorik yang membangkitkan emosi*) melalui analisis ilmu retorik al-Quran-bahasa Arab (*yg disebut Quranic-Arabic rhetoric*). Jelaslah di sini bahawa al-Quran merupakan kalam Allah yang cukup sempurna dari semua sudut sama ada hukum-hakamnya, keindahan gaya bahasa dan susunan kata, galakan psikologi dan nilai-nilai etika. Sekaligus, Al-Quran memberi panduan, strategi dan kaedah komunikasi yang harmoni, sejahtera dan berkesan ke arah kebaikan individu, persekitaran mahupun masyarakat.

Perakuan

Makalah ini merupakan sebahagian daripada Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) yang dibiayai oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) di bawah kod penyelidikan: FRGS/1/2017/SSI01/USIM/02/1. Penyelidik merakamkan jutaan terima kasih kepada pihak KPT dan USIM atas sokongan yang diberikan.

Rujukan

Al-Quran al-Karim.

Abdul Latif Abdul Razak. (2019). *Spiritual health: conceptual, philosophical and practical aspects of Iman Restoration Therapy*. Kuala Lumpur: IIUM Press.

Abdul Mua'ti@Zamri Ahmad. (2001). *Santun komunikasi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Abdul Mujib & Jusuf Mudzakir. 2001. *Nuansa-nuansa psikologi Islam*. Jakarta, Indonesia: PT RajaGrafindo Persada.

Abdul-Raof, Hussein. (2006). *Arabic rhetoric: a pragmatic analysis*. Abingdon, Oxon: Routledge.

Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. (2014). *Prolegomena to the metaphysics of Islam: an exposition of the fundamental elements of the worldview of Islam*. Johor Bahru, Johor: UTM Press.

Al-Khatib, Mahmoud A. (2012). Politeness in the holy Quran: a sociolinguistic and pragmatic perspective. *Intercultural Pragmatics*, 9(4), 479–509. doi 10.1515/ip-2012-0027

Al-Mahdi Jenkins, Muhammad & Abdul Aziz Azimullah. (2016). *Positive Islamic Psychology: a transcendent model to achieve peace, happiness and success in the 21st century*. Kuala Lumpur: Excellent Ummmah Development Association and Positive Islamic Psychology Centre.

Awang Sariyan. (2007). *Santun berbahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ansari, Zafar Afaq (Ed.). (1992). *Qur'anic concepts of human psyche*. Islamabad, Pakistan: International Institute of Islamic Thought.

Asmah Haji Omar. (2002). *Setia dan santun bahasa*. Perak: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Bauer, K. (2017). Emotion in the Qur'an: An overview. *Journal of Qur'anic Studies* 19.2: 1–30. doi: 10.3366/jqs.2017.0282.

Brown, P. & Levinson, S.C. (1987). *Politeness: some universals in language usage*. Cambridge: Cambridge University Press.

Coon, D., & Mitterer, J.O. (2013). *Introduction to psychology: gateways to mind and behavior* (13th ed.). Belmont, CA: Wadsworth Cengage Learning.

- Ekman, P. (2003). *Emotion revealed: recognizing faces and feelings to improve communication and emotional life*. New York: Times Books.
- Haque, A., & Mohamed, Y. (Eds.). (2009). *Psychology of personality- Islamic perspectives*. Singapore: Cengage Learning Asia Pte Ltd.
- Hude, M. Darwis. (2006). *Emosi: penjelajahan religio-psikologis tentang emosi manusia dalam al-Qur'an*. Jakarta: Erlangga.
- Lakoff, R.T. (1990). *Talking power: the politics of language in our lives*. New York, NY: Basic Books.
- Leech, G. (2014). *The pragmatics of politeness*. New York, NY: Oxford University Press.
- Levenson, R.W., Carstensen, L.L., Friesen, W.V., & Ekman, P. (1991). Emotion, physiology, and expression in old age. *Psychology and Aging*, 6(1), 28–35. <https://doi.org/10.1037/0882-7974.6.1.28>
- Najati, Muhammad Usman. (2001). *Al-Quran dan psikologi* (Tb. Ade Asnawi Syihabuddin, Terj.). Jakarta: Penerbit Aras Pustaka.
- Noriati A. Rashid. (2005). Nilai kesantunan dalam konteks sosiobudaya masyarakat Melayu. *Jurnal Pengajian Melayu*, 15, 232 – 253. Retrieved from http://www.myjurnal.my/filebank/published_article/23959/Article_11.PDF.
- Plutchik, R. (1962). *The emotions: facts, theories, and a new model*. New York, NY: Random House.
- Plutchik, R. & Kellerman, H. (1980). *Emotion: theory, research, and experience (Vol. 1. Theories of Emotion)*. New York, NY: Academic Press.
- Purwoko, S.B. (2012). *Psikologi Islami: teori dan penelitian (Ed. kedua)*. Bandung: Saktiyono WordPress.
- Rathus, S.A. (2020). *Psych⁶: introductory psychology*. Boston, USA: Cengage.
- Rusydi Room. (2013). Konsep kesantunan berbahasa dalam Islam. *Jurnal Adabiyah*, 13(2), 223-234. Retrieved from http://journal.uin-alauddin.ac.id/index.php/adabiyah/article/view/384/pdf_29
- Spielman, R.M., Jenkins, W.J., & Lovett, M.D. (2020). *Psychology 2e*. Houston, Texas: Openstax, Rice University.
- Sukanto Mm & A. Dardiri Hasyim. (1995). *Nafsiologi: refleksi analisis tentang diri dan tingkah laku manusia*. Surabaya, Jakarta: Risalah Gusti.

Utz, Aisha. (2011). *Psychology from the Islamic perspective*. Saudi Arabia: International Islamic Publishing House.

Watts, R.J. (2003). *Politeness*. Cambridge: Cambridge University Press.

Pembangunan Penulisan Melalui ‘*Carousel with A Destination*’: Satu Projek CSR Bersama Murid Tahun 5 SK Banting

Noor Saazai Mat Saad¹, Fariza Puteh-Behak¹, Norhana Abdullah¹, Normazla Ahmad Mahir¹, Suzanah Selamat¹, Zarina Ashikin Zakaria¹, Hazleena Baharun¹, Ramiaida Darmi¹, and Shahirah Sulaiman²

¹*Faculty of Major Language Studies, ²Tamhidi Centre*

University Sains Islam Malaysia

*noorsaazai@usim.edu.my, fariza@usim.edu.my, hana66@usim.edu.my,
normazla@usim.edu.my, suzanah@usim.edu.my, zarina@usim.edu.my,
hazleena@usim.edu.my, ramiaida@usim.edu.my, shahirah@usim.edu.my*

ABSTRAK

Pengenalan- Penulisan merupakan satu kemahiran yang mengumpulkan pelbagai disiplin ilmu seperti perbendaharaan kata, struktur ayat, ejaan dan juga nahu. ‘*Carousel with a Destination*’ (CwaD) adalah merupakan satu konsep yang menggabungkan semua ilmu yang terlibat bagi menghasilkan sesuatu penulisan. Carousel merujuk kepada stesen yang disusun di dalam bulatan yang mana setiap stesen tersebut menyediakan aktiviti yang sesuai untuk topik yang telah dipilih bagi kemahiran menulis. Untuk penyelidikan ini, topik yang dipilih adalah ‘Picnic’. Maka, *carousel* yang biasanya berpusing setempat di taman tema dan pesta ria telah diberikan destinasi iaitu penulisan. Pelajar membuat aktiviti yang bertepatan dengan topik dan juga kemahiran menulis di setiap stesen di *carousel* tersebut. Aktiviti adalah pelbagai dan kebanyakannya berbentuk kompetitif. Kerangka konseptual untuk CwaD menggabungkan Stail Pembelajaran *Perceptual*, Gamifikasi dan *Affective Filter*.

Objektif – Artikel ini mengetengahkan projek CwaD dan yang lebih pentingnya adalah konsep pembelajaran yang menyeronokkan dan berkesan. Maka, bagi menunjukkan bahawa CwaD ini berkesan, artikel ini membincangkan satu penyelidikan yang telah dijalankan semasa projek itu dikendalikan.

Methodologi – Penyelidikan ini menggunakan soalselidik yang ringkas. Terdapat 56 responden yang semuanya murid tahun lima yang menyertai CwaD. Soalselidik itu mempunyai empat soalan dikotomi yang disimbolkan oleh muka yang senyum dan muka yang sedih. Terdapat juga tiga soalan berbunyi ‘Kenapa’ dan ‘Apa’. Murid-murid boleh menjawab soalan ini dengan menulis mengenai perasaan mereka.

Dapatan – Terdapat tiga dapatan yang boleh dikongsikan. Pertama, murid-murid sangat gembira dengan projek ini. Mereka telah memilih muka senyum untuk setiap dari empat soalan dalam soalselidik tersebut. Kedua, penulisan yang dibuat di akhir projek adalah baik kerana mereka telah menggunakan perbendaharaan kata, struktur perenggan dan nahu yang betul yang telah mereka pelajari di stesen *carousel*. Ketiga, perkataan yang mereka kongsikan menunjukkan elemen CwaD – sama ada mengenai aktiviti, guru atau ‘pembelajaran’ itu sendiri. Semua perkataan itu mempunyai konotasi yang positif.

Kepentingan – CwaD adalah bersifat lestari kerana ia mempunyai *scalability* di mana ia boleh digunakan untuk apa-apa subjek dan juga kepada bilangan pelajar yang pelbagai. Ia berguna sebagai pengenalan atau rumusan sesuatu topik.

Kata Kunci: Bahasa Inggeris, pembelajaran yang menyeronokkan, penulisan

Composing Your Paragraph Through ‘Carousel with A Destination’: A CSR Project With SK Banting Year 5 Students

ABSTRACT

Introduction- Writing is a skill that amalgamates various knowledge like vocabulary, sentence structure, spelling, and grammar. ‘Carousel with a Destination’ (CwaD) is a concept that provides the students with the required knowledge which is to be pieced together in writing. Carousel refers to the stations arranged in a circle and each station offers different activities which are related to the chosen topic and skills for writing. In the case of this study, it was ‘Picnic’. Hence, the usual carousel that goes round and round now has a destination which is writing. Students go around the carousel to complete an activity related to the knowledge and skill in writing at each station. The activities are in variety and competitive in nature. The conceptual framework for CwaD combines Perceptual Learning Styles, Gamification, and Affective Filter.

Purpose – This paper highlights CwaD - the project and more importantly, it discusses the concept of effective fun learning. Thus, to show its effectiveness, the paper puts forth a study as proof of the success of CwaD.

Methodology – This study utilised a simple and direct pencil-paper questionnaire. The respondents were 56 year five students who participated in the project. The questionnaire consists of four dichotomous questions. The dichotomy is symbolised by a smiling face and a sad face. Further, three of the questions are accompanied by two short lines with questions like ‘Why’ and ‘What’. They are for the students to express themselves in detail using words they know.

Findings – There are three findings that can be shared. Firstly, the students really enjoyed participating in the project. It was discovered that all of them circled a smiling face for each of the four questions. Secondly, the writing they produced was good as they used the vocabulary, the paragraph structure and correct grammar which they just learnt at the carousel stations. Thirdly, the words they chose to express themselves in the questionnaire reflect the elements that they like about CwaD – either regarding the activities, the teachers or the ‘learning’ itself. All the words are positively-connotated.

Significance – CwaD is sustainable in terms of scalability where it can be conducted for any subject and for any number of students. It is beneficial as an introduction or as a recapitulation of any topic.

Keywords: English, fun learning, writing

Introduction

Among the many skills one learns in the effort to excel in English, writing can be deemed as one of the most difficult. Previous research and studies highlighted this supposition (Chokwe, 2013; Cole & Feng, 2015; Fareed & Bilal, 2016). Writing is complex because it amalgamates various knowledge like vocabulary, sentence structure, spelling, and grammar, just to name a few. In fact, the key personnel for second language learning, Nunan (1989) propounds that writing involves complicated cognitive activities as the learner needs to conflate many aspects to produce a paragraph, what more a full-blown essay. More recent studies also echo this (Kellog, 2001; Durga & Rao, 2018). Thus, it can be surmised that throughout the decades, even after new and more effective methods have been utilised, writing remains a mystery.

In order to demystify writing, there is a need to unpack the elements that are needed to compose a good piece of writing. The concept of Carousel with a Destination or CwaD dissects writing and proposes that the elements should be presented separately to the learners. However, looking at CwaD from another angle, it can be said that CwaD puts together the elements to make writing. Either way, CwaD offers a compilation of activities that are related and relevant in completing a set objective. This paper shares the concept of CwaD and how does this fit into writing based on a programme conducted at a school in Banting. Hence, this requires an introduction to CwaD and it is followed by a literature review looking into the areas underpinning CwaD before it ends with the delineation of the study.

‘Carousel with a Destination’ or CwaD began as a concept of putting things together with a purpose. This is contradictory to the actual carousels found in theme parks where each alternate horse moves up and down in synchrony on its axle, but they are actually not going anywhere. Although all the horses seem to be moving, they have no destination, just a stop which is usually the same location. Hence CwaD embraces the movement of each of the horses as it portrays dynamic activity but it amends the lack of direction by setting a destination for the carousel. Mapping this analogy unto learning writing, the horses are the

activity stations, while the destination is completing a paragraph. Each station provides an activity that is closely related to the element needed to complete a paragraph. The researchers, who are also practicing English teachers and lecturers have identified seven (7) elements important and relevant for the writing of a paragraph on ‘Picnic’. The elements are as follows:

1. Vocabulary
2. Sentence structure and paragraph structure
3. Adjectives
4. Preposition
5. Spelling
6. Linkers
7. Grammar – subject-verb-agreement and past tense.

These elements are the base for the activities conducted at each station respectively. Students were divided into seven (7) groups and each was assigned to a station in Round 1. The stations are arranged in a circle as seen in Figure 1. For example, Group A would start at Station One (1) while Group E would go to Station Five (5) in the first round. Each round would be for 15 minutes; in other words, each group spent 15 minutes at one station. When the whistle was blown, it signified the next round. Thus, in round two (2), Group A would move to Station Two (2) while Group E to Station Six (6). Figure 1 shows the movement of the groups based on the arrows. With seven (7) groups and seven (7) stations, there were seven (7) rounds. They went around as a group to individual station to learn about each of the elements by completing the activities provided by the team who manned the station. At the end of the seventh round, all groups would gather in the middle of the hall to apply collaboratively what they have learnt at each station by writing a paragraph on ‘A Picnic’.

Figure 1 The Stations in a Circle





Figure 1 illuminates the location of the seven stations and how the group moves from one station to the other. Figure 1 resembles the carousel and the stations are the horses. After seven (7) rounds, all of the groups would sit together in the middle of the circle and they were given a mahjong paper to write the paragraph. That would be the set destination. The next section discusses the theories and models that are the cornerstone of the CwaD concept.

Literature review

Jadual 2: Hubungan antara Reka Bentuk Bahan dengan Pengurusan Pembelajaran Berasaskan *Blended learning*

Variabel Kajian	Pengurusan Pembelajaran Berasaskan <i>Blended learning</i>
Reka Bentuk Bahan	.711*

Penutup

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara Reka Bentuk Bahan dengan Pengurusan Pembelajaran Berasaskan *Blended learning* dalam kalangan pelajar Sarjana Pendidikan. Dapatan kajian ini juga telah memberi implikasi yang positif terhadap tahap Pengurusan Pembelajaran Berasaskan *Blended learning* dalam kalangan pelajar Sarjana Pendidikan.

Perakuan

Merakamkan ucapan ribuan terima kasih dan penghargaan kepada pihak Universiti Utara Malaysia atas pembiayaan geran penyelidikan serta pihak Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden kerana memberi sokongan dan kerjasama dalam menjalankan penyelidikan ini.

Rujukan

- Abdul Rasid, J., Norhashimah, H., & Shamsudin, O.(2012) Multimedia interaktif mempertingkatkan pembelajaran kemahiran membaca murid-murid probim. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu ;Malay Language Education (MyLEJ)*, 2 (2). pp. 46-53.
- Amrien Hamila, M., & Mohamed Amin, E. (2016). Implementation of *Blended learning* in Higher Learning Institutions: A Review of Literature. *International Education Studies*. 9. 41. 10.5539/ies.v9n3p41.

- Hall, R. J. (2004). *Correlation Coefficient Estimator*. Diakses pada 10 April 2020 dari <http://bobhall.tamu.edu/Correlation/>.
- Moersch, C. (2001). Next steps: Using LoTi as a research tool. *Learning & Leading with Technology*, 29(3), 22-27.
- Linda, H. (2012). *Online Collaborative Learning Theory (HARASIM)*. Diakses pada 13 Oktober 2019 dari <http://www.learning-theories.com/online-collaborativelearning-theory-harasim.html>
- Mizan Kamalina, A. (2013). *Amalan penggunaan modul pengajaran berasaskan modul multimedia interaktif (mmi) dalam pendidikan teknik dan vokasional (ptv)*. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Mosa, A., Yoo, I., & Sheets, L. (2011). A Systematic Review of Healthcare Applications for Smartphones. *BMC Medical Informatics and Decision Making*, 12,67. doi: 10. 1186/1472-6947-12-67.
- Rosnaini, M., Mohd. Arif, I., Arba'at, H., & Isham Shah, H. (2007). Pembangunan perisian kursus multi media interaktif acad r14: penghasilan lukisan persembahan. *MEDC*, 1, 71-82.
- Starr, L. (2011). *Integrating Technology in the classroom: It takes more than just having computers*. Diakses pada 13 Oktober 2019 dari http://www.educationworld.com/a_tech/tech/tech146.shtml

Hubungan Jantina Dan Kepuasan Klien Dalam Kaedah Kaunseling Bersemuka Dan E-Kaunseling

Zaida Nor Zainudin*, Siti Aishah Hassan, Nor Aniza Ahmad, Yusni Mohamad Yusop,
Wan Norhayati Wan Othman

*Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia, Serdang Selangor
Corresponding author: zaidanor@upm.edu.my*

ABSTRAK

Pengenalan- Memandangkan kemampuan internet mewujudkan prasarana yang sesuai untuk membina hubungan, pengamal kaunseling telah mengambil inisiatif memaksimumkan ruang internet ini. Satu perkhidmatan alternatif menolong melalui interaksi maya ini diwujudkan. E-Kaunseling telah mula mendapat perhatian kaunselor sebagai satu perkhidmatan alternatif yang ditawarkan kepada klien.

Objektif – Kajian ini bertujuan untuk meneroka sejauh mana keberkesanan perkhidmatan E-Kaunseling terhadap jantina.

Methodologi – Kajian eksperimental-kuasi ini menggunakan reka bentuk Kumpulan Kawalan Ujian Pra Dan Ujian Pasca. Data kuantitatif diperolehi menggunakan soal selidik *Client's Satisfaction Inventory Short-Form* (CSI-SF). Seramai 60 subjek kajian terlibat dan dijalankan dalam dua kumpulan kajian iaitu kumpulan kawalan menggunakan kaedah Kaunseling Bersemuka dan kumpulan eksperimen pula menggunakan kaedah E-Kaunseling.

Dapatan – Dapatan menunjukkan tiada perbezaan antara jantina dan Kepuasan Klien dalam kedua-dua kaedah dan hasil analisis Anova Dua Hala menunjukkan tiada perbezaan utama (*main interaction*) antara Jantina dan Kepuasan klien. Hasil analisis lanjut menggunakan Anova Sehala menunjukkan kesan interaksi (*interaction effect*) bahawa klien lelaki mendapat lebih kepuasan dalam kaedah E-kaunseling manakala klien perempuan mendapat lebih kepuasan dalam kaedah Kaunseling bersemuka.

Kepentingan – Implikasi kajian ialah kepada kaunselor sekolah dalam menawarkan perkhidmatan e-kaunseling bagi membantu pelajar yang ingin mendapatkan perkhidmatan kaunseling di luar waktu persekolahan.

Kata Kunci: E-kaunseling, jantina, kaunseling bersemuka, kepuasan klien

Pengenalan

Takrifan 'Kaunseling' menurut Akta Kaunselor (1998), kaunseling adalah satu proses hubungan menolong yang sistematik berasaskan prinsip psikologi yang dilakukan oleh kaunselor profesional. Hubungan menolong ini dilakukan bagi menghasilkan perubahan dan perkembangan peribadi klien yang baik dan menyeluruh secara sukarela sepanjang hayat.

Kaunselor bertindak membantu klien meneroka aspek diri dan kehidupannya yang menimbulkan masalah baginya.

Perkembangan perkhidmatan kaunseling atas talian seiring dengan arus pemodenan maklumat dan komunikasi dalam pembangunan teknologi pada masa kini. Permulaan era penggunaan intervensi elektronik pertama yang mula diperkembangkan seawal tahun 1960-an lagi (Tirel, Rozgonjuk, Purre, & Elhai, 2019, Foon, et. al, 2020). Perkhidmatan kaunseling online yang mula dibentuk daripada email bermula pada pertengahan 1990-an dan diikuti pada masa yang sama laman web psikopendidikan mula bertambah popular pada masa tersebut (Tirel et al., 2019).

Kemajuan penyebaran maklumat dan teknologi komunikasi (ICT) terutamanya Web telah mengubah bagaimana cara masyarakat berinteraksi sesama mereka, menggunakan perkhidmatan selain menawarkan pengetahuan dan kepakaran masing-masing. Menurut Lazuras & Dokou, 2016 lebih 32% daripada populasi dunia menggunakan laman web pada masa kini yang mana pada masa yang sama mencipta satu peluang yang bermakna dalam menyampaikan perkhidmatan profesional melalui teknologi laman web yang ada. Kepesatan arus modenar memaksa masyarakat untuk memaksimumkan penggunaan pemodenan internet secara lebih berluasa dan pesat. Sekaligus membuka ruang kepada perkembangan perkhidmatan kaunseling atas talian untuk merebut peluang yang ada (Zainudin et al., 2019).

Memandangkan kemampuan internet mewujudkan prasarana yang sesuai untuk membina hubungan, pengamal kaunseling telah mengambil inisiatif memaksimumkan ruang internet ini. Satu perkhidmatan alternatif menolong melalui interaksi maya ini diwujudkan. Perkhidmatan e-kaunseling ini dilihat telah meningkat penawarannya melalui pelbagai istilah yang telah digunakan dalam menggambarkan aktiviti profesional yang istimewa ini antaranya e-terapi (kaunseling), terapi dalam talian, dan cyberterapi, dan kadang-kala dirujuk sebagai e-kesihatan atau telekesihatan. Manakala beberapa istilah dalam penggunaan kaunseling online yang turut digunakan seperti terapi online atau internet, e-counseling, e-terapi, terapi siber, terapi email, kaunseling internet dan kaunseling siber, kaunseling synchronous dan terapi e-mail (Richards and Vignano, 2012; Li, Aga, Jaladin, & Abdullah, 2013). Beberapa kajian lain juga menunjukkan peningkatan drastik penawaran perkhidmatan e-kaunseling (Griffith, 2005). Peningkatan ini dijangkakan kerana kaunselor-kaunselor tidak lagi meletakkan kemodenan sebagai halangan tetapi sebaliknya melihat Internet sebagai satu potensi dan kemudahan (Harris & Birbaum, 2014; Dawn, 2004; Lunt, 2004).

Terdapat banyak kelebihan dalam penawaran perkhidmatan e-kaunseling yang dilaporkan secara bertulis. Antara beberapa kelebihan dan kebaikan e-kaunseling ialah klien di kalangan pelajar universiti lebih memilih perkhidmatan e-kaunseling berbanding kaunseling secara bersemuka (Wong, Bonn, Tam, & Wong, 2018). Oleh itu, dapat dilihat hasil daripada kepesatan penggunaan aplikasi chat secara online seperti Whatsapp dan Wechat yang disediakan oleh para kaunseling menunjukkan hasil yang memberangsangkan. Kelebihan e-kaunseling turut diperaku dalam membantu meringankan isu kesihatan mental (Clement et al., 2015; Cuijpers et al., 2017). Selain itu, bantuan e-kaunseling terhadap kanak-kanak juga membolehkan klien segera dirujuk terhadap masalah yang dialaminya. Perkhidmatan e-kaunseling melibatkan proses meluahkan perasaan secara bertulis. Proses menulis atau menaip merupakan proses penerokaan diri dan satu terapi (Harris & Birbaum, 2014; Hall, 2004; Oravec, 2000; Robson & Robson, 2000, Sindahl, et. al., 2018).

Beberapa kajian perkhidmatan e-kaunseling ada membincangkan mengenai jantina yang kerap mendapatkan perkhidmatan e-kaunseling. Ada kajian yang menunjukkan perempuan lebih ramai memilih dan mendapat lebih manfaat dari perkhidmatan e-kaunseling (Chester & Glass, 2006; Dawn, 2004; Chang & Chang, 2004; Leibert et al., 2006; Lily Mastura, 2000; Robinson & Serfaty, 2001). Bagaimanapun ada juga kajian yang melaporkan kaum lelaki memilih dan mendapat manfaat setelah menjalani sesi e-kaunseling berbanding kaum perempuan (Rodda & Lubman, 2013; Nolan et al., 2011; Hall, 2004; Wright, 2002; Young, 2005). Terdapat juga kajian menunjukkan tiada perbezaan antara jantina dalam memilih dan mendapat manfaat dari perkhidmatan e-kaunseling (Rochlen, Beretvas dan Zack, 2004). Kajian ini bertujuan untuk melihat kesan jantina ke atas kepuasan klien dalam kaedah kaunseling bersemuka dan kaedah e-kaunseling.

Objektif

Objektif kajian adalah untuk:

1. Mengenalpasti hubungan antara jantina dengan kepuasan klien dalam kaedah kaunseling bersemuka dan e-kaunseling.
2. Mengenalpasti perbezaan antara jantina dengan kepuasan klien dalam kaedah kaunseling bersemuka dan e-kaunseling.

Metodologi

Kajian kuantitatif dijalankan menggunakan kaedah kuasi-eksperimental. Seramai 60 responden dibahagi kepada kumpulan kawalan dan kumpulan eksperimen. Kumpulan kawalan menerima perkhidmatan kaunseling secara bersemuka. Kumpulan eksperimen menerima perkhidmatan kaunseling secara e-kaunseling. Instrumen Kepuasan Klien (*Client Satisfaction Inventory CSI-SF*) oleh McMurtry (2000) digunakan untuk mengukur kepuasan klien setelah mendapatkan perkhidmatan kaunseling. Data kemudiannya dianalisis menggunakan ANOVA Dua Hala untuk melihat perbezaan kepuasan klien yang wujud dalam kedua-dua kaedah kaunseling. ANOVA sehala kemudiannya digunakan bagi melihat kesan interaksi antara jantina dan kaedah kaunseling.

Dapatan

Hubungan antara jantina dengan kepuasan klien dalam kaedah kaunseling bersemuka dan e-kaunseling

Kajian melihat adakah terdapat perbezaan yang signifikan antara jantina dan Kepuasan Klien dalam kedua-dua kaedah kaunseling. Ujian Anova Dua-hala digunakan untuk melihat kesan jantina dan kaedah kaunseling ke atas Kepuasan Klien. Dapatan kajian dijelaskan dalam Jadual 1.

Jadual 1: Perbezaan antara jantina dan kaedah kaunseling ke atas Kepuasan Klient


Kepuasan Klient	X ²	df	F	sig	Partial eta ²
Kaedah	24.039	1	.191	.664	.003
Jantina	354.586	1	2.811	.099	.048
Kaedah*Jantina	1.216	1	.010	.922	.000

R Squared = .071 (Adjusted R Squared = .021)

Dapatan menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan pada kesan interaksi (*interaction effect*) antara jantina dan kaedah kaunseling ($F=.010$, $sig=.922$, $p>.05$) ke atas Kepuasan Klient dengan saiz kesan yang sederhana bagi interaksi ini ($partial\ eta^2=.000$) ke atas Kepuasan Klient.. Ini bermaksud tiada perbezaan yang signifikan antara jantina dan Kepuasan Klient.

Kajian seterusnya melihat kesan utama (*main effect*) bagi kedua-dua pemboleh ubah bebas. Tiada perbezaan yang signifikan pada kesan utama untuk kaedah ($F=.191$, $sig=.664$, $p>.05$) dengan saiz kesan yang tinggi ($partial\ eta^2=.003$). Kesan Utama untuk jantina juga ($F=2.811$, $sig=.099$, $p>.05$) tidak menunjukkan perbezaan signifikan ke atas Kepuasan Klient.

Kesan interaksi jantina dan kaedah kaunseling ke atas kepuasan klien dapat dilihat melalui graf 1 berikut. Graf 1 menunjukkan Klient lelaki dan perempuan mendapat kepuasan tinggi dalam kaedah e-kaunseling tetapi rendah bagi kaedah kaunseling bersemuka.



Graf 1: Kesan interaksi jantina dan kaedah kaunseling ke atas Kepuasan Klient


Perbezaan antara jantina dengan kepuasan klien dalam kaedah kaunseling bersemuka dan e-kaunseling

Memandang tiada perbezaan antara kepuasan klien dan jantina dalam kedua-dua kaedah kaunseling, analisis kesan interaksi diteruskan. Bagi melihat kesan interaksi (*interaction effect*) ke atas kaedah kaunseling yang menyumbang pada Kepuasan Klien, pengkaji menjalankan ujian anova satu hala. Dapatan kajian dijelaskan dalam Jadual 3.

Jadual 2: Perbezaan Kepuasan Klien mengikut jantina dan kaedah kaunseling


	F	df	sig
E-kaunseling	11.782	28	.671
Kaunseling Bersemuka	1.376	28	.156

Keputusan menunjukkan dalam kaedah E-Kaunseling menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan dalam Kepuasan Klien dengan nilai $F=11.782$, $sig=.671$, $p>.05$. Walaubagaimanapun, Kepuasan Klien lelaki ($min=45.33$) lebih rendah dari Kepuasan Klien perempuan ($min=51.85$) dalam kaedah E-kaunseling. Secara visual, kesan interaksi jantina ke atas kepuasan klien dilihat dalam graf 2.



Graf 2: Kesan interaksi jantina ke atas Kepuasan Klien dalam kaedah E-Kaunseling

Kaedah Kaunseling Bersemuka pula menunjukkan dapatan ($F =1.376$, $sig=.156$, $p>.05$) berbanding dalam kaedah Kaunseling Bersemuka. Perbandingan jantina perempuan dengan kaedah kaunseling ($F =11.782$, $sig=.671$, $p>.05$) juga menunjukkan perbezaan yang signifikan. Walau bagaimanapun, terdapat perbezaan jantina dalam Kepuasan Klien dalam kaedah Kaunseling Bersemuka iaitu min kepuasan perempuan ($min=54.45$) pula lebih tinggi dari min kepuasan lelaki ($min=43.13$) dengan perbezaan min sebanyak 7.32. Ini bermaksud kaedah kaunseling bersemuka memberi lebih kepuasan kepada klien perempuan berbanding lelaki. Kesan interaksi dapat dilihat secara visual dalam graf berikut.



Graf 3: Kesan interaksi jantina ke atas Kepuasan Klien dalam kaedah bersemuka

Walaupun tiada perbezaan signifikan, terdapat juga sikit perbezaan dalam dua kaedah ini. Dalam kaedah E-Kaunseling dan bersemuka, klien lelaki dilihat mempunyai skor kepuasan klien yang rendah berbanding dengan Klien perempuan. Klien perempuan dilihat mendapat skor kepuasan klien yang lebih tinggi dalam kaedah bersemuka. Klien lelaki mendapat skor kepuasan klien yang lebih tinggi dalam kaedah E-Kaunseling.

Perbincangan

Kajian-kajian literatur yang lalu menyatakan bahawa perkhidmatan E-Kaunseling memberi kesan kepada jantina tertentu. Ada kajian yang menyatakan klien lelaki akan mendapatkan manfaat lebih dan ada juga kajian yang menyatakan klien perempuan akan mendapat lebih manfaat. Ada juga kajian-kajian yang menyatakan jantina tidak mempengaruhi kejayaan perkhidmatan E-Kaunseling. Maka, kajian ini melihat kesan jantina ke atas kaedah E-Kaunseling. Bagi melihat kesan ini, kajian melihat perbezaan dan hubungan antara jantina dengan kedua-dua kaedah kaunseling. Dapatan yang menarik ialah dapatan kajian menunjukkan tidak wujud perbezaan yang signifikan antara jantina kepada Kepuasan Klien. Walaupun tiada perbezaan yang signifikan, terdapat juga sikit perbezaan dalam kepuasan kaedah perkhidmatan.

Klien lelaki didapati mendapat kepuasan klien lebih tinggi dalam perkhidmatan E-Kaunseling dan klien perempuan pula mendapat kepuasan klien yang lebih tinggi dalam perkhidmatan Kaunseling Bersemuka berbanding dengan kaedah E-kaunseling. Wright (2002) menyatakan bahawa berdasarkan statistik pengguna internet, lelaki lebih mendominasi ruang siber dan daripada statistik pelanggan perkhidmatan Kaunseling Bersemuka, kaum perempuan pula dilihat mengatasi kaum lelaki. Atas faktor keselesaan lelaki di ruang siber, dan rasa segan untuk mendapatkan perkhidmatan kaunseling secara bersemuka, maka Wright menyatakan lelaki mendapat manfaat dari perkhidmatan E-Kaunseling berbanding perempuan. Beberapa faktor lagi yang membolehkan klien lelaki mendapat kepuasan klien lebih tinggi dalam perkhidmatan E-Kaunseling ialah faktor anonimiti yang membuat klien lelaki merasa yakin, selesa dan selamat dalam meluahkan emosi (Baker & Ray, 2011; Hall, 2004).

Faktor seterusnya ialah faktor prejudis dan stigma orang ramai telah membuka ruang kepada klien untuk mendapatkan bantuan kaunseling tanpa menjejaskan harga dirinya (Zainudin & Yusop, 2018). Kajian yang dibuat oleh Clement et al. (2014) menunjukkan bahawa individu lelaki merupakan antara kelompok-kelompok individu, seperti kumpulan minoriti dan ahli tentera, yang terjejas dengan kewujudan stigma. Faktor kewujudan komunikasi, penerimaan dan sokongan yang aktif dalam sesi bersemuka membuatkan lelaki tidak selesa dengan perkhidmatan kaunseling secara bersemuka dan E-Kaunseling merupakan penyelesaian kepada masalah ini (Young, 2005; Bathje, 2014).

Dapatan kajian menunjukkan klien lelaki merasakan diri ingin mendapatkan pertolongan tetapi faktor stigma orang ramai membantutkan usaha mereka. Perkhidmatan E-kaunseling memberi perkhidmatan tanpa nama, ini dimaksud membolehkan klien tidak dikenali (Zainudin et al., 2019). Perkhidmatan E-Kaunseling membuka ruang kepada lelaki untuk mendapatkan bantuan kaunseling tanpa menjejaskan harga dirinya. Ini kerana lelaki dianggap gagah dan tidak mudah dipengaruhi emosi berbanding perempuan (Dawn, 2004; Griffiths & Cooper, 2003; Young, 2005).

Selain itu faktor kemampuan meluahkan emosi juga mempengaruhi kepuasan lelaki. Semakin tinggi kemampuan klien dalam meluahkan emosi, semakin tinggi juga sikap mereka dalam mendapatkan perkhidmatan kaunseling secara bersemuka. Dapatan kajian menunjukkan lelaki memilih pendekatan E-Kaunseling kerana mereka mempunyai kemampuan meluahkan emosi yang rendah (Rochlen, et al., 2004). Dapatan ini juga disokong oleh Richards dan Viganò (2012) yang menyatakan bahawa perempuan lebih cenderung, mampu dan natural dalam mendedahkan dan meluahkan emosi daripada lelaki.

Kajian psikologi juga menunjukkan lelaki secara genetik mampu melihat dua kali lebih baik dari perempuan tetapi perempuan pula mendengar dua kali lebih baik dari lelaki. Faktor ini mungkin berkaitan dengan dapatan bahawa lelaki lebih positif terhadap penerimaan perkhidmatan E-Kaunseling Dewdney (1995). Dari sudut sosial pula lelaki dan perempuan memberi nilai yang berbeza kepada perbualan. Lelaki melihat perbualan sebagai 'laporan' (*report-talk*) berbanding perempuan yang melihat perbualan sebagai 'membina hubungan' (*rappor-talk*) (Dawn, 2004).

Dari sudut penyelesaian masalah pula, lelaki memilih pendekatan informatif berbanding perempuan yang lebih selesa mendapatkan perkhidmatan menolong kerana mereka lebih fokus kepada aspek emosi dalam penyelesaian masalah. Perempuan lebih selesa membincangkan masalah dan kemudian perasaannya terhadap masalah tersebut. Perempuan lebih memerlukan '*emotional comfort*' berbanding '*problem solving*' ketika berhadapan dengan masalah. Pendekatan yang berbeza ini memberikan kesan dalam pemilihan pendekatan dalam mendapatkan bantuan. Lelaki didapati lebih selesa mendapatkan perkhidmatan E-Kaunseling atau faktor anonimiti yang tidak akan menjejaskan faktor peranan sosial dan kuasa sosial. Faktor lain ialah perkhidmatan E-Kaunseling bersifat informatif dan menjurus kepada penyelesaian masalah. Perempuan lebih memilih Kaunseling Bersemuka kerana mereka lebih memerlukan hubungan dan sokongan (Barnett, 2005). Faktor ini, termasuk dengan faktor-faktor yang telah dinyatakan, memberi sokongan kepada dapatan daripada kajian yang dilakukan oleh Rodda and Lubman (2013) yang mendapati bahawa lelaki lebih cenderung kepada menggunakan perkhidmatan kaunseling melalui medium chat dan email berbanding perempuan.

Penutup

Dapatan yang menarik ialah dapatan kajian menunjukkan tidak wujud perbezaan yang signifikan antara jantina kepada Kepuasan Klien. Klien lelaki didapati mendapat kepuasan klien yang tinggi dalam perkhidmatan E-Kaunseling berbanding dengan perkhidmatan Kaunseling Bersemuka. Klien perempuan pula mendapat kepuasan klien lebih tinggi dalam perkhidmatan Kaunseling Bersemuka berbanding dengan perkhidmatan E-Kaunseling. Perbezaan ini berlaku akibat faktor keselesaan atas talian, anonimiti, stigma sosial dan kemampuan meluahkan emosi. Malah faktor genetik, sosial, kemahiran penyelesaian masalah juga dilihat menyumbang kepada perbezaan dalam kepuasan klien. Dapatan ini penting bagi membolehkan kaunselor membuat keputusan dalam meluaskan jaringan perkhidmatan mereka iaitu dengan menawarkan perkhidmatan e-kaunseling. Malah perkhidmatan e-kaunseling ini dapat meluaskan masa perkhidmatan kaunselor dan kemudahan (*reachout*) kaunselor dan klien.

Perakuan

Penulis mengucapkan terima kasih kepada subjek kajian terlibat. Kajian ini disokong oleh Geran Putra dibawah Inisiatif Putra Muda, 2018.

Rujukan

- Barnett, R. (2005). *Uncovering Sex and Gender Differences in Use Patterns of Self-help and Support Group: Annotated Bibliography and Research Agenda*. The Prairie Women's Health Centre of Excellence, UK: Manitoba.
- Bathje, G. J., Kim, E., Rau, E., Bassiouny, M. A., and Kim, T. (2014). Attitudes toward face-to-face and online counseling: roles of self-concealment, openness to experience, loss of face, stigma, and disclosure expectations among Korean college students. *Int. J. Adv. Couns.* 36, 408–422. <https://doi.org/10.1007/s10447-014-9215-2>
- Sindahl, T.N., Cote, L.P., Dargis, L., Mishara, B.L. & Bechmann, J. T. (2018). Texting for Help: Processes and Impact of Text Counseling with Children and Youth with Suicide Ideation, *Suicide Life Threat Behavior*. 23, 1–19. <https://doi.org/10.1111/sltb.12531>
- Chang, T. & Chang, R. (2004). Counseling and the Internet: Asian American and Asian international college students' attitudes towards seeking online professional psychological help. *Journal of College Counseling*, 7, 140-149. <https://doi.org/10.1002/j.2161-1882.2004.tb00245.x>
- Chester, A. & Glass, C. (2006). Online Counselling: A descriptive analysis of therapy services on the Internet. *British Journal of Guidance & Counselling*, 34 (2), 145-160. <https://doi.org/10.1080/03069880600583170>
- Clement, S., Schauman, O., Graham, T., Maggioni, F., Evans-Lacko, S., Bezborodovs, N., Thornicroft, G. (2015). What is the impact of mental health-related stigma on help-seeking? A systematic review of quantitative and qualitative studies. *Psychological Medicine*, 45(01), 11–27. <https://doi.org/10.1017/S0033291714000129>
- Cuijpers, P., Kleiboer, A., Karyotaki, E., & Riper, H. (2017). Internet and mobile interventions for depression: Opportunities and challenges. *Depression and Anxiety*, 34(7), 596–602. <https://doi.org/10.1002/da.22641>
- Cook, J.E. & Doyle, C. (2002). Working alliance in online therapy as compared to face-to-face therapy: Preliminary results. *CyberPsychology & Behavior*, 5(2): 95-105. <https://doi.org/10.1089/109493102753770480>
- Dawn, D. (2004). Clinical and demographic features of the online counselling client population. *Counselling & Psychotherapy Research Journal*, 4(1), 18-22. <https://doi.org/10.1080/14733140412331384028>

- Foon, L.W., Zainudin, Z.N., Yusop, Y.M., Wan Othman, W.N. (2020). E-counselling: The intention, motivation and deterrent among school counsellors. *Universal Journal of Educational Research*, 8(3), 44-51.
- Griffith, M.D. (2005). Online Therapy for Addictive Behaviors. *Cyberpsychology & Behavior*, 8(6), 555-561. <https://doi.org/10.1089/cpb.2005.8.555>
- Griffith, M.D., & Cooper, G. (2003). Online therapy: Implication for problem gamblers and clinicians. *British Journal of Guidance and Counselling*, 31(1), 113-135. <https://doi.org/10.1080/0306988031000086206>
- Harris, B., & Birnbaum, R. (2014). Ethical and legal implications on the use of technology in counselling. *Clinical Social Work Journal*, 43(2), 133-141. <https://doi.org/10.1007/s10615-014-0515-0>
- Hall, P. (2004). Online psychosexual therapy: A summary of pilot study findings. *Sexual and Relationship Therapy*, 19(2), 167-178. <https://doi.org/10.1080/14681990410001691389>
- Lazuras, L., & Dokou, A. (2016). Technology in Society Mental health professionals' acceptance of online counseling. *Technology in Society*, 44, 10-14. <https://doi.org/10.1016/j.techsoc.2015.11.002>
- Leibert, T., Archer, J.J., Munson, J & York, G. (2006). An exploratory study of client perceptions of internet counseling and the therapeutic alliance. *Journal of Mental Health Counseling*, 28(1): 69-83. <https://doi.org/10.17744/mehc.28.1.f0h37djr89nv6vb>
- Lily Mastura Harun (2000). 'E-mail therapy: a case study'. Proceeding of Education and ICT in the new millennium, Park Royal, Kuala Lumpur.
- Li, P., Aga, R., Jaladin, M., & Abdullah, H. S. (2013). Understanding the two sides of online counseling and their ethical and legal ramifications. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 103, 1243-1251. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2013.10.453>
- Lunt, P.T. (2004). *Adolescents' Willingness to Utilize Online Counseling*. Thesis Doktor Falsafah, Virginia Polytechnic Institute and State University, USA.
- Manhal-Baugus, M. (2001). E-Therapy: Practical, Ethical and Legal Issues. *Cyberpsychology & Behavior*, 4(5), 551-563. <https://doi.org/10.1089/109493101753235142>
- Nolan, C., Quinn, S., & MacCobb, S. (2011). Use of Text Messaging in a Mental Health Service for University Students. *Occupational Therapy in Mental Health*, 27(2), 103-125. <https://doi.org/10.1080/0164212X.2011.565702>
- Oravec, J.A. (2000). Online counselling and the Internet: Perspectives for Mental Health Care Supervision and Education. *Journal of Mental Health*, 9 (2): 121-136. <https://doi.org/10.1080/09638230050009122>
- Oravec, J.A. (2000). Internet and computer technology hazards: perspective for family counseling. *British Journal of Guidance & Counselling*, 28(3), 309-324. <https://doi.org/10.1080/03069880050118966>
- Richards, D., & Vigano, N. (2012). Online counseling. In Z. Yan (Ed.), *Encyclopedia of cyber behavior*. Pennsylvania: IGI Global.
- Richards, D. (2009). Features and benefits of online counselling: Trinity College online mental health community. *British Journal of Guidance & Counselling*, 37(3), 231-242. <https://doi.org/10.1080/03069880902956975>
- Robinson, P. H., & Serfaty, M. A. (2001). The use of e-mail in the identification bulimia nervosa and its treatment. *European Eating Disorders Review*, 9, 182-193. <https://doi.org/10.1002/erv.411>
- Robson, D. & Robson, M. (2000). Ethical issues in internet counseling. *Counselling Psychology Quarterly*, 13(3), 249-257. <https://doi.org/10.1016/B978-0-12-378596-1.00005-8>

- Rochlen, A.B., Beretvas, S.N. & Zack, J.S. (2004). The Online and Face-to-Face Counseling Attitudes Scales: A Validation Study. *Measurement and Evaluation in Counseling and Management*, 37, 95-111. <https://doi.org/10.1080/07481756.2004.11909753>
- Rodda, S., & Lubman, D. I. (2013). Characteristics of Gamblers Using a National Online Counselling Service for Problem Gambling. *Journal of Gambling Studies*, 30(2), 277–289. <https://doi.org/10.1007/s10899-012-9352-7>
- Sharf, R.S. (2000). *Theories of psychotherapy & counseling: Concepts and cases*. USA: Brooks/Cole.
- Skinner, A. & Latchford, G. (2006). Attitudes to counseling via the internet: A comparison between in-person counseling clients and internet support group users. *Counselling & Psychotherapy Research*, 6(3), 158-163. <https://doi.org/10.1080/14733140600853641>
- Tirel, M., Rozgonjuk, D., Purre, M., & Elhai, J. D. (2019). When Do People Seek Internet Counseling Exploring the Temporal Patterns of Initial Submissions to Online Counseling Services. *Journal of Technology in Human Services*, 1–19. <https://doi.org/10.1080/15228835.2018.1561348>
- Wright, J. (2002). Online Counselling: Learning from writing therapy. *British Journal of Guidance & Counselling*, 30(3), 285-298. <https://doi.org/10.1080/030698802100002326>
- Wong, K. P., Bonn, G., Tam, C. L., & Wong, C. P. (2018). Preferences for Online and / or Face-to-Face Counseling among University Students in Malaysia. *Frontier Psychology*, 9(1), 1–5. <https://doi.org/10.3389/fpsyg.2018.00064>
- Young, K.S. (2005). An empirical examination of client attitudes towards online counseling. *Cyberpsychology and Behavior*, 8(2), 172-177. <https://doi.org/10.1089/cpb.2005.8.172>
- Zainudin, Z. N., & Yusop, Y. M. (2018). Client's Satisfaction in Face-To-Face Counselling and Cyber Counseling Approaches: A Comparison. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 8(3), 677–684. <http://dx.doi.org/10.6007/IJARBS/v8-i3/3992>
- Zainudin, Z. N., Yusop, Y. M., Hassan, S. A., Alias, B. S. (2019). The effectiveness of cybertherapy for the introvert and extrovert personality traits, *Malaysian Journal of Medicine and Health Sciences*, 15, 105-109.

Aplikasi Jawi Dalam Pendidikan Guru

افليکاسي جاوي دالم فنديديقن کورو

نورحياتي بنت هاشم

(Noorhayati binti Hashim)

اونيورسي تي ساءين س اسلام مليسيا

drnoorhayati@usim.edu.my

ابسترک

فغلن

جاوي ساغت سينونيم دغن توکس حقيقي کورو فنديديقن اسلام. سفنجغ فرخدمتن مريک، تيدق بوليه تيدق، مريک ترليبیت سچارا لغسوغ دغن فغکوناءن جاوي دالم فغاجرن دان فمبلاجرن. اوليه ايت، کتیک براد دالم فغاجين فنديديقن فرکوروبان، مريک امت ممرلوکن بيمبيغن سچارا لغسوغ برکاءيتن دغن افليکسي جاوي دالم فغاجرن دان فمبلاجرن.

اوبجیکتيف

کاجين اين چوبا مپيغکف ادکه بيمبيغن دان سوکوغن يغ دبريکن کفد کورو فنديديقن اسلام سماس براد دالم فنديديقن اختصاص فرکوروبان برتقتن دغن قدر يغ مريک فرلوکن سفنجغ فرخدمتن مريک کلک سباکاي کورو فنديديقن اسلام. تراوتام دالم مغهادهفي چابرن منديديقن فلاجر يغ ممقوپاءي فلباکاي کاي دان داي دالم ممفلاجري دان مغهافلکاسي جاوي.

ميتودولوجي

فروسيسي فنديديقن اختصاص فرکوروبان مليبتکن فروسيس فمبلاجرن فنديديقن دان فرکتیکوم فرکوروبان. باکي مغل فستي افليکاسي جاوي دالم فروسيس ترسبوت، سوءال سلیديق يغ دباغونکن مغهوناکن کوکل فورم دايدرکن کفد کورو فنديديقن اسلام اگر مريک داقت برکوغسي فغالمن مريک سماس کاجين اين يغ چوبا منينجاو بنتوق بيمبيغن دان سوکوغن يغ مريک تريما دالم اوسها ممرتبتکن جاوي اونتوق کينراسي اکن داغ.

داقتن

کاجين منداقتي اينستيتوسي فنديديقن يغ ملاهيرکن کورو فنديديقن اسلام تيدق ممبودايکن جاوي سفنوھن دالم فروکريم منديديق دان ملاتيه کورو فنديديقن اسلام. اناليسيس فغالمن کورو فنديديقن اسلام دالم فروسيس فمبلاجرن اختصاص فرکوروبان دان لاتيهن فرکتیکوم فرکوروبان منوجوکن دستياف فريغکت دالم فروسيس فمبلاجرن دان فرکتیکوم رومي جوک دگوناکن.

کفتيغن

کاجین منچادغکن فیہق یغ ترلیبت دغن فنیدیقن گورو فنیدیقن اسلام فرلو برساتو هاتي دالم منیدیق دان ممبیبیغ گورو فنیدیقن اسلام یغ چکف دالم فغوروسن فمبلاجرن جاوي اونتوق ممبودایاکن جاوي سفنجغ فرخدمتن مریک.

کات کونچی

فنیدیقن اسلام، جاوي، فنیدیقن گورو، گورو فنیدیقن اسلام.

فغئلن

ایسو اقلیکاسی جاوي دالم فغاجرن دان فمبلاجرن فنیدیقن اسلام سریغ دکاءیتکن دغن سیکف گورو یغ تیدق تکس مغاقلیکاسی جاوي سفنوھن دالم مغاجر دان مغوروس فمبلاجرن فنیدیقن اسلام (ناقویہ دان جماعین، 2016). گورو ملتقن کسالهن کفد فلاجر دغن ممبری السن فلاجر لمه دالم مغاقلیکاسی جاوي (نیک روسیلا، 2007). کاجین تروس دجالنکن دان داقتن یغ سام دفراولیھی یاءیت ترداقت کلمهن یغ سیریوس دالم مغواساءي جاوي دکالغن فلاجر (فیصل دان نیسوی، 2009) دغن السن ماس فمبلاجرن جاوي تیدق منچوکوفي (أزر الهزام دان لاءینش، 2020) اونتوق ممقلباکایکن اکتیویتی سفرت فرماینن (عدلی دان مردیہ، 2016). این اکن ملمبتکن فروسیسی فمبلاجرن فنیدیقن اسلام سدغکن کوریکولوم فرلو دهابیسکن دالم ماس یغ تله دنتقن. کتیدق چکفن گورو (أشرف دان برهان، 2015) فرلو دلپت سمولا اتاو دایمبس کمبالی اف یغ برلاکو دالم فروسیسی فنیدیقن فرگوروان یغ دتریمای اولیہ گورو فنیدیقن اسلام. اولیہ ایت، کاجین این دجالنکن باکی منینجاو کادان ریالیتی سبئر فغگونان جاوي دالم سیستم فنیدیقن اختصاص فرگوروان. اداکه برلاکو فغگونان تولیسن رومی دالم فروسیسی فنیدیقن فرگوروان گورو فنیدیقن اسلام؟

سوروتن کاجین لیتراتور

کداتغن فداکغ ۲ عرب کتانه ملایو ممباوا برسام اکام اسلام (محمد علوي، 2005). مریک تیغئل دتانه ملایو سمنتارا منوگکو فرتوکرن اغین مونسون تیمور لاءوت دان بارت دای. اکام اسلام تله مغوبه کهیدوقن اورغ ملایو دان یغ توروت بروبه اداله لمبغ بهاس ملایو یغ قد مولاش ممقویایي لمبغ یغ دکنالی سباکای تولیسن رینچوغ، تولیسن فللاوي دان تولیسن کاوي (سید نقیب، 1990). نامون حروف این تیدق داقت ملمبغکن کباپقن بوپی دالم اصطلاح اکام اسلام. مک بهاس ملایو مینجم حروف ۲ عرب یاءیت حروف هجائیة اونتوق مغیجا فرکاتان دالم بهاس ملایو. لمبغ ترسبوت دنامکن سباکای لمبغ جاوي یاءیت حروف جاوي. مک حروف عرب ایت ککل منجادی لمبغ بهاس ملایو هیغک کینی (نیک یسری دان نذری، 2017). نامون کسن درقد فنجاجهن، اورغ ملایو سنیدیری تله منوکر لمبغ عرب کفد لمبغ یغ دفرکنلکن اولیہ فنجاجه یاءیت حروف رومی. نامون دمکین، تولیسن جاوي ماسیہ تروس دگونانکن والاو دالم کادان یغ ممبیبغکن (عبد الجلیل، 2012).

ڦنديديقن اسلام مروفاڪن مات ڦلاجرن يڄ واجب دڦلاجري دالم توليسن جاوي (ڪي ڦي ايم، 2003). بهاگين ڦروفيسيونل ڪورو ملالوءي لامن ويب راسمي ڪمنٽرين ڦنديديقن مليسيا تله منٺڪن اوبجڪٽيفن ملاهين ڪن انسان ڪورو يڄ برڪواليتي (بي ڦي جي). سيستم ڦنديديقن ڪورو دمليسيا دڪندالين اوليه اينسٽيٽوسي ڦنديديقن ڪورو دان اونيورسيتي عوام دان سواستا. داونيورسيتي ڦروگريم ڦنديديقن دلٺڪن دباوه فاكلتي ڦنديديقن اتاو فاكلتي يڄ ادڪاءيتن دغن ڪورسوس ڦنديديقن يڄ دتاورڪن. سٽياڦ اينسٽيٽوسي اين ممبنتوق ڪوريڪولوم ڦنديديقن ڪورو يڄ دتاورڪن دغن مرجوع دوڪومن سنٽرد يڄ دڪلوارڪن اوليه اگنيسي ڪلايقن مليسيا (ايم ڪيو اِي، 2016). نامون ڦد داسرن، ڦمبنتوقن ڪوريڪولوم ڦنديديقن يڄ داوله ماسيه برڪنتوغ ڪڦد ويسا اينسٽيٽوسي ترابايت. سچارا عموم، ڦغوروسن ڦنديديقن ڪورو دبهاهيڪن ڪڦد دوا بهاگين ياءيت بهاگين ڦغتاھوان دان ڦرڪتيڪوم. بهاگين ڦرڪتيڪوم ساغت دبري ڦنڪن ڪران ڦرڪتيڪوم اين (بي ڦي جي، 2016). سڦرت جاوي مليبتڪن ڦمبلاجرن قاعده مغيجا جاوي دان ڦيداڪوڪي ڦغاجرن جاوي. ڦيداڪوڪي جاوي مليڦوتي ڦيداڪوڪي عام يڄ بوليه داڦليڪاسي دالم مڦاجر جاوي، ڦيداڪوڪي خاص برڪاءيتن ڦغاجرن جاوي سهاج دان ڦيداڪوڪي ڦموليهن جاوي (حمدي ايت. اول، 2012). ڪدوا-دوا بهاگين اين ممڦوپاءي ڦروسيس يڄ روميت باڪي ممسٽيڪن سيسوا ڦنديديقن بنر ۲ ترديديق دغن ڪمنٺن علمو قاعده ايجاءن جاوي دان ڪمنٺن مڦوروس ڦمبلاجرن جاوي دغن برڪسن ().

ميتودولوجي ڪاجين

باڪي منينجاو ڦغالمن ڪورو ڦنديديقن اسلام دالم ڦمبلاجرن اختصاص ڦنديديقن ڦرڪوروان، ساتو سبت سوءال سلديق تله دبينا برڪاءيتن دغن اڦليڪاسي جاوي دالم ڦروسيس ڦمبلاجرن ڦنديديقن دان ڦرڪتيڪوم ڦرڪوروان. سوءال سلديق يڄ دباغونڪن ايت دايدركن مڦغونانڪن ڪوڪل فورم ڪڦد ڪورو ڦنديديقن اسلام. ڪاجين اين يڄ چوبا منينجاو بنتوق بيمبيغن دان سوڪوڄن يڄ مريڪ تريما دالم اوسها ممرتبٺڪن جاوي اونتوق ڪينراسي اڪن داٽغ. تينجاون مليڦوتي سٽياڦ ڦروسيس يڄ ترليبٺ دالم ڦنديديقن ڪورو. اناليسي داٽا دلپهت دري سڪي ڦراتوسن سهاج باڪي ممڦرليهٺڪن اداڪه برلاڪو ڦغڪوناءن توليسن رومي دالم ڦروسيس ترسبوت اتاو جاوي سهاج. ڪاجين اين تيدق برمقصود مڦهالغ ڦغڪوناءن توليسن رومي اونتوق بهاس ملايو، نامون دراساڪن توليسن رومي تيدق سسواي دڪوناڪن دالم ملاهين ڪن ڪورو ڦنديديقن اسلام.

داڦتن

داٽا ڪاجين دڦراوليهي درڦد 47 ريسڦوندن يڄ مواڪيلي اينسٽيٽوسي ڦنديديقن ڪورو دان سبلس اونيورسيتي عوام دان سواستا. داٽا ڪاجين يڄ بروڦا ريسڦون ڦغڪوناءن جاوي اتاو رومي دالم ڦروسيس ڦمبلاجرن ڦنديديقن دان ڦرڪتيڪوم ڦرڪوروان ڪورو ڦنديديقن اسلام داناليسيس دري سڪي ڦراتوس اونتوق مليهت برلاڪو اتاو تيدق ڦغڪوناءن رومي دالم ڦروسيس ڦنديديقن اختصاص ڪورو ڦنديديقن اسلام. سچارا عموم، دداڦتي رومي دڪوناڪن دسموا ڦريغڪت دالم ڦروسيس ڦنديديقن ڪورو ڦنديديقن اسلام. اين برمعي ڦنديديقن ڪورو ڦنديديقن اسلام دچماري اوليه ڦغڪوناءن رومي. دغن اين، سٽياڦ ڦيهق يڄ ترليبٺ دالم ڦنديديقن ڪورو ڦرلو لبه ٽڪس

باکي ممستيکن قلقسانان جاوي دالم ملاهيرکن کورو قنديديقن اسلام. سموک دغن اين قغکونان جاوي منجادي بودايا دالم ملاهيرکن کورو قنديديقن اسلام.

بيلغن	فروسيس قمبلاجرن قنديديقن	اقليکاسي جاوي (%)	اقليکاسي رومي (%)
1	کوريکولوم علمو قنديديقن	66.0	34.0
2	مودول قنديديقن	42.2	57.8
3	باهن قمبلاجرن قنديديقن	63.8	36.2
4	سوءالن توکسن	55.3	44.7
5	منجواب توکسن	70.2	29.8
6	سوءالن قفريقساءن قنديديقن	70.2	29.8
7	منجواب سوءالن قفريقساءن	72.3	27.7
	جومله	440	260
	%	62.86	37.14

جدوال 1 : اقليکاسي جاوي دالم قمبلاجرن قنديديقن

جدوال 1 منونجوکن برمولا درقد اول لثکه قمبلاجرن قنديديقن تله تيدق مڭکونان جاوي (34.0%). نامون سيسوا قنديديقن ممقوپاين راس تڭکو غجواب يڭ ليه اونتوق مڭکونان جاوي برينديغ قنشرح. اين داقت دليهت والوفون سوءالن توکسن دسدياکن دالم جاوي هان (55.3%). نامون سيسوا قنديديقن ماسيه منجواب دالم جاوي (70.2%). بکيتو جوک دغن سوءالن قفريقسا (70.2%) دان سيسوا قنديديقن ماسيه تروس منجواب قفريقساءن دالم جاوي (72.3%). مليهت کقد قراتوسن قغکونان جاوي دالم کالغن سيسوا قنديديقن، دراساکن قلوغ اونتوق مڭکونان جاوي سفنوهن اتاو ممبوداياکن جاوي دالم قمبلاجرن قنديديقن کورو قنديديقن اسلام اداله موده.

بيلغن	فروسيس فرکتیکوم فرکوروان	اقليکاسي جاوي (%)	اقليکاسي رومي (%)
1	تعليمت فرکتیکوم	42.6	57.4
2	بورغ قپليان	14.9	85.1
3	رنچغن قغاجرن هارين	91.5	8.5
4	دمينتا منوليس رنچغن قغاجرن هارين	42.6	57.4
5	کومينتر قپليان کورو قمبيميغ	55.3	44.7
6	قنشرح قپليا ماهير جاوي	74.5	25.5
7	کومينتر قپليان قنشرح قپليا	61.7	38.3
8	باهن بنتو بلاجر قنديديقن اسلام	78.7	21.3
9	نوتا قنديديقن اسلام	63.8	36.2
10	سوءالن لاتيھن قنديديقن اسلام	80.9	19.1

افليکاسي		فروسيس فرکتیکوم فرگوروان	بیلغن
جاوي (%)	رومي (%)		
21.3	78.7	فلاجر منجواب لاتیهن فنديديقن اسلام	11
21.3	78.7	سوءالن فریقسا فنديديقن اسلام	12
29.8	70.2	فلاجر منجواب سوءالن فریقسا فنديديقن اسلام	13
44.7	55.3	دوکومين دالم فاءیل فرکتیکوم	14
510.4	889.4	جمله	
36.47	63.53	%	

جدوال 2 : افليکاسي جاوي دالم فرکتیکوم فرگوروان

جدوال 2 منونجوکن بورغ فليپان دسدياکن دالم توليسن جاوي منجادي عملن یغ امت سديکيت دالم کالغن اينستيتوسي یغ ملاهيرکن گورو فنديديقن اسلام (14.9%). والاوڦون دمکين، اتس اينيسياتيف سيسوا فنديديق، مریک ماسيه تروس منوليس رنچن فغاجرن هارين دالم توليسن جاوي (91.5%). فليپان بورغ فليپان دالم توليسن رومي اين اکت ميمبغکن دان بوليه دکاتکن منجادي فونچا کغد فغابان فغکونان توليسن جاوي دالم کالغن فنشر فليپا (38.3%) دان گورو فمبمبغ (44.7%). سکيراڻ بورغ فليپان دسدياکن دالم جاوي، برکمونکين اکن تياد فليپا یغ دهنتر ممتاو فغاجرن فنديديقن اسلام سغکوڦ ممينتا سيسوا فنديديق منوليس رنچن فغاجرن هارين دالم توليسن رومي (40.0%). تيندنن تگس فیهق فغوروسن فرکتیکوم دالم منتفکن کومينتر فليپان هندقله دنوليس دالم توليسن جاوي، سوده فستي فنشر فليپا یغ تيدق بوليه منوليس جاوي دغن ريبلا هاتي مگکوئي یغ مریک تيدق داقت منجانکن توكس یغ دبريکن دان ريبلا هاتي منولق توكسن فليپان باکي ممستين اينستيتوسين ملاهيرکن گورو فنديديقن اسلام یغ بنر ۲ منتف دالم مگافليکاسي توليسن جاوي دالم فغاجرن فنديديقن اسلام. فنکسن اين جوک داقت منوتوف فواغ بيدغ فنديديقن اسلام دگکو اتاو دچمفوري اوليه مریک یغ تيدق ممفوپاي کلايقن دالم بيدغ فنديديقن اسلام. اين اداله انتارا فونچا یغ کيت داقتي دمان گورو فنديديقن اسلام تيدق ماهير دالم مگافليکاسي جاوي دالم فغاجرن مریک. فرمسئلن اين دتمبه لاکي دغن هان ترداقت (40.4%) سهاج اينستيتوسي یغ مناورکن فروگريم فنديديقن فرگوروان یغ مپدياکن مات فلاجرن خاص برکاءيتن قاعده مفاجر جاوي اونتوق سيسوا فنديديق فنديديقن اسلام.

فربينچن

اناليسيس داتس منونجوکن ستياف ايليمن یغ ترداقت دالم فروسيس فنديديقن گورو سام اد دفريغت فمبلاجرن فنديديقن دان فرکتیکوم فرگوروان ماسيه ترداقت فغکونان توليسن رومي. کيت ماهو ملاهيرکن گورو فنديديقن اسلام یغ ماهير مگافليکاسي جاوي تافي کيت سنديري مگکوناکن رومي دالم ملاتيه مریک. دسيني منونجوکن جاوي ماسيه بلوم منجادي بودايا دالم فنديديقن اسلام. اداله تيدق عاديل تودوهن فرمسئلن جاوي هان دتوجوکن کغد گورو سهاج. سموا فیهق یغ ترابابت دالم فنديديقن اسلام فرلو مغمبيل فرانن یغ لبیه فرو اکتيف اکر فرمسئلن یغ دهادقي اوليه گورو تيدق برتروسن دبیارکن سهیغک برلاروتن

(اڪماریه دان صفیة، 2010). فیہق فنڈبیرن دکمنترین یغ مغوروس کورو ۲ فنڈدیقن اسلام فرلو مغمبیل قرانن فرو اکتیف باگی ممستیکن ستیاف کورو یغ دلنتیق اداله مریک یغ تله دساریغ اکن کماہیرن جاویث ترلیبہ دھولو. دغن این کورو اکن تروس کریاتیف دالم مغمادھی چابرن فنڈدیقن دالم جاوی (خزریاتی، 2012).

فنونوف

اوسها ممقرکاساکن جاوی فرلو مغمبیل کیرا سگالا سودوت اکر تیدق اد فیہق یغ ترلفس فنڈغ. دغن این دافت دسیمفولکن بهاوا فغکوناعن رومی دالم فروسیسی فنڈدیقن کورو فنڈدیقن اسلام مروفاکن ساتو انچامن ترهادف فمبودایاعن جاوی ایت سندیری سچارا تیدق لغسوغ. ستیاف فیہق فرلو ممستیکن فنڈدیقن کورو فنڈدیقن اسلام سام اد دفریغکت فرا اتاو فسچا هاں ملیتکن فغکوناعن تولیسن جاوی سهاج سهیغک جاوی ایت منجادی بودایا (ناقویہ دان جماعین، 2016) اونتوق قلاجرن فنڈدیقن اسلام دان سبجیک ۲ اگام یغ لاءین سفرت فنڈدیقن شریعة اسلامیة، تصور اسلام دان فنڈدیقن القرآن دان السنة. دچادغکن اکر کاجین این دادکن سچارا برتروسن قد ستیاف تاهون باگی ملیت اوسها فتمبه باعیقن تروس دلاکوکن اولیہ فیہق ۲ یغ ترلیبت دغن فنڈدیقن کورو. سموک دغنث جاوی تروس ریلیون دغن فرکمبغن سماس (حسین ایت. اول، 2010). سیسوا فنڈدیقن ماسیہ لاکي ممرلوکن بیمیبغن سچارا لیبہ فرکتیکل برکاءیتن جاوی (فیصل دان نیسوی، 2009).

رجوعن

سورت سیارن Bil. (JAPIM)5206/4/41Jld.2(4) : فلقساناعن جاوی دان القرءان دالم فغاجرن دان فمبلاجرن فنڈدیقن اسلام کی بی ایس ار / کی بی ایس ایم تاهون 2003. اینستیتوت فنڈدیقن کورو ملیسیا، کمنترین فنڈدیقن ملیسیا. (2018). مودول لاتیهن ترنسفورمسی فرکتیکوم آی فی جی. سایبرجایا : اینستیتوت فنڈدیقن کورو ملیسیا. بهاگین فروفیسیونل کورو، کمنترین فنڈدیقن ملیسیا.

(<https://www.moe.gov.my/korporat/bahagian-dan-unit/bahagian-profesionalisme-guru>)

أزر الهزام شافعی، زینل راشد محی الدین دان سابرینا عثمان. (2020). جوم جاوی : منیغکت فغواساعن بهاس جاوی دکالغن مرید سکوله رنده مغمکونا میدیا اینترکتیف. جورنل دنیا فنڈدیقن. Vol. 2. No. 3 212-230, 2020.

أشرف رضوان علی دان برهان الدین عبد الله. (2015). فلسفه فنڈدیقن جاوی دالم ممقرکاساکن تمدن اسلام دملیسیا. Proceedings of ICIC. 2015 – International Conference on Empowering Islamic Civilization in the 21st Century. 6-7 September 2015 – Universiti Sultan Zainal Abidin, Malaysia

اڪماریه مامت دان صفیة اسماعیل. (2010). قاعده فغاجرن دان فمبلاجرن کورو فمولیهن جاوی دملیسیا. Proceedings of The 4th International Conference on Teacher Education; Join Conference UPI & UPSI. Bandung, Indonesia, 8-10 November 2010

حسين عثمان، محمد هشام عبد الرحيم، شاكيلا أحمد، مقدار رشدي دان رافع الدين أفكاري. (2010). حروف بهارو مواكيلي بوئي "EKS" دالم سيستم توليسن جاوي. اونيورسيتي تون حسين عون مليسيا.

حمدن عزيز، هاليلن سلامون دان رازي يعقوب. (2018). كلغسوغن سيستم فغاجين فوندوق تراديسيونل دتر غگانو. فروسيديغ سمينر كبغساءن مجلس ديكن فنديديقن اونيورسيتي عوام 2018.

حمدي اسحاق، عبد الحلیم تاموري، روساده عبد المجيد دان سفاني باري. (2012). عمالن فغاجرن گورو دالم فغاجرن دان فمبلاجرن فنديديقن اسلام دسکوله كبغساءن فنديديقن خاص (مسئله فندغرن). Journal of Islamic and Arabic Education 4(2), 2012 11-24.

خزرياتي صالح الدين. (2012). فنيلاين کاتس کروميتن کوننيتيف دالم فرويسيس مباح جاوي.

Gema Online Journal of Language Studies. Volum 12(4), November 2012.

سيد محمد نقيب العطاس. (1990). اسلام دالم كبوداياعن دان سجاره ملايو. فنتاليغ جاي : اي بي أي ايم.

عبد الجليل بن بورهم. (2012). توليسن جاوي : توليسن سرنناو. کرتس كرج أوجف اوتام سمينر جاوي دان تيكنولوگي فريغكت كبغساءن 2012 دديوان استاكا، اونيورسيتي مليسيا فهغ فد 18 اكتوبر 2012.

عدي حاج محمد حافظين دان مرذيله مخسين. (2016). كسن Play-Based Learning ترهادف افيكثيف مرید فموليهن جاوي j-Qaf دسکوله رنده. Proceeding of ICECRS, 1 International Seminar on Generating Knowledge Through (2016) 587-598 Research, UUM-UMSIDA, 25-27 October 2016, Universiti Utara Malaysia, Malaysia فاعود ذي نعیم حاج بدر الدين. (2010). فرانن كتاب جاوي سباکاي ميديوم ترنسميسي علمو اسلام کفد مشارکت ملايو نوسنتارا. International Journal of Islamic Thought. Vol. 1 : (June) 2012

فيصل / أحمد فيصل عبد الحميد دان نيسوی / نورالينا عبد الله. (2009). فغواساعن توليسن جاوي دکالغن مهاسيسوا فغاجين اسلام داينستيتوسي فغاجين تيغكي عوام (IPTA) تمقتن. جورنل التمدن. Bil. 4 (2009) 145 – 156

محمد علوي يوسف. (2005). فرکمبغن توليسن جاوي دان اقليکاسيئ دالم مشارکت اسلام مليسيا. جورنل أصول الدين، Bil. 21 (2005) 23-38

ناقويه نهر دان جماعين صفر. (2016). فغاجرن جاوي برکسن دالم اوسها ممرتبکن

Proceedings of the International Conference on Education واريسن بودايا بغسا. towards Global Peace 30 November – 01 December 2016 Kulliyah of Education, International Islamic Education Malaysia

ناقويه نهر دان جماعين صفر. (2016). عملن قعاجرن جاوي دالم قنديديقن ماس كيني :
سواتو تينجاون. تينتا اترىكولاسي ممينا امة. 70-85, 2016 2(2),

نيك روسيلا يعقوب. (2007). قعواساعن جاوي دان هوبوغنن دغن مينت دان قنچاقين
قلاجر دالم قنديديقن اسلام. جورنل قنديديق دان قنديديقن. Jil. 22, 161-172, 200

نيك يسري داوود زكريا دان نذري مسلم، جمساري الياس (). سجاره قركمبغن سني خط دان
قعاروهن ترهادف توليسن جاوي دنوسنتارا. ماليم – جورنل قعاجين عموم داسيا
تعكارا.

Pemupukan STEM Dalam Kalangan Pelajar Luar Bandar

Sabariah Sharif¹, Muralindran Mariappan², Rosy Talin³, Soon Singh Bikar Singh⁴,
Uswatun Nurrahmah Binti Noorhassanah⁵, Rachel Ingkee Martin⁶, Prescylla Kristyn
Kiok⁷

Faculty of Psychology and Education, Universiti Malaysia Sabah
sabariah@ums.edu.my, murali@ums.edu.my, rostalin@ums.edu.my, soonbs@ums.edu.my,
uswatunhassanahchua@gmail.com, rachel09martin@gmail.com, pres_kris@yahoo.com

ABSTRAK

Pengenalan- Perkembangan dunia yang mula berpaksikan Revolusi Industri 4.0 telah banyak memberi impak kepada bidang pendidikan yang turut terpengaruh dalam mengadaptasikan ICT dalam kurikulum. Trend terkini yang semakin kerap dibincangkan dalam pendidikan ialah gamifikasi dalam pendidikan dengan menggunakan elemen robotik. Di Malaysia, terdapat hanya sebilangan kajian yang membincangkan mengenai penggunaan robotik dalam pendidikan dan impaknya kepada pelajar terutamanya pada peringkat sekolah rendah. Adalah sangat penting untuk memahami peranan gamifikasi dengan robotik terhadap sikap dan penglibatan pelajar dalam pembelajaran kerana penggunaan robotik atau gamifikasi mempunyai potensi untuk memupuk minat pelajar dalam bidang STEM.

Objektif – Kertas konsep ini bertujuan untuk membincangkan sejauh mana pendedahan teknologi dalam bidang pendidikan dapat memupuk minat STEM dalam kalangan pelajar luar bandar.

Methodologi – Kajian ini menfokuskan projek-projek minimalis robotik yang pernah dianjurkan dan disertai oleh CERA sebagai model dalam menyumbang kearah pembangunan modul berasaskan STEM.

Dapatan – Hasil dapatan terbukti bahawa penganjuran program yang berasaskan inovasi dan teknologi mampu memberi kesan yang positif; misalnya dari aspek persepsi pelajar, perkongsian ilmu antara guru-guru dan penggalakkan aktiviti berkolaborasi berasaskan STEM dalam sesebuah komuniti.

Kepentingan – Dapatan kajian dalam kertas kerja ini dilihat dapat memberi panduan kepada pihak sekolah dan universiti untuk membuat perancangan program berasaskan STEM yang berkesan di sekolah atau universiti masing-masing untuk memupuk nilai-nilai STEM dalam kalangan pelajar.

Kata Kunci: STEM, pendidikan, teknologi, robotik, pelajar luar bandar.

Pengenalan

Terma “Revolusi Perindustrian 4.0” sudah tidak asing lagi terutamanya pada zaman ini di mana negara di seluruh dunia masing-masing berlumba meningkatkan lagi teknologi sedia ada kerana kekuasaan teknologi seakan-akan menjadi tonggak kepada kemajuan sesebuah negara. Hal ini kerana, permulaan revolusi industri ini sudah lama di sekitar akhir kurun ke-18 yang memberikan impak yang amat besar terhadap sosial, ekonomi dan kebudayaan di Britain terutamanya pada bidang pembuatan, pengangkutan dan pertanian (Breschi et al., 2000). Penaklukan teknologi terhadap hidup manusia menjadi lebih penting apabila wujudnya *Artificial intelligence* (AI) iaitu merujuk kepada kecerdasan manusia yang dipamerkan oleh mesin, malahan bidang perniagaan dan pemasaran telah pun dipengaruhi oleh teknologi canggih dari AI dan menunjukkan kesan yang meningkat secara ketara dalam masa yang singkat (Siau & Yang, 2017). Peningkatan teknologi turut mempengaruhi keadaan dan system pengajaran dan pembelajaran. Hal yang demikian, penggunaan dan pengintegrasian teknologi kedalam bidang pendidikan semakin meningkat dan mampu meningkatkan kesan positif kepada pelajar dan juga guru.

Perkembangan teknologi di dunia telah mempengaruhi transformasi model dan aktiviti pengajaran dan pembelajaran dari pembelajaran pasif menjadi pembelajaran aktif (Adam & Nel, 2000). Pelajar pada zaman yang dipanggil sebagai “*millennial*” ini yang dianggap sebagai celik digital (*Digital Native*), sudah biasa dengan pelbagai jenis teknologi dan mereka sangat mahir dalam melakukan pelbagai tugas dalam satu masa yang sama (*Multitask*) di era maklumat moden di mana hubungan di mana-mana kini boleh dilakukan malah turut berinteraksi secara berterusan dan lancar dengan teknologi dan ini mempengaruhi cara mereka pembelajaran mereka di mana-mana peringkat pendidikan dan amalan pengajaran guru (Panagiotis, Pinelopi & Panagiotis (2018).

Sejajar dengan usaha untuk menjadi negara maju pada tahun 2020, Malaysia semestinya memerlukan sebilangan besar pekerja mahir dalam bidang Sains dan teknologi. Bagi memenuhi syarat, kerajaan telah mengalihkan perhatiannya untuk mendorong pelajar untuk mendaftar dalam Sains, Teknologi, Kejuruteraan, dan Mata pelajaran Matematik (STEM) melalui penyatuan Pendidikan STEM dalam pengajaran dan pembelajaran pada tahun 2017 (Ahmad, 2016). Pendidikan STEM di Malaysia bertujuan memastikan bahawa Malaysia mempunyai masyarakat yang celik STEM dan bilangan tenaga kerja mencukupi yang berkecukupan STEM dapat menyumbang kepada inovasi baru. Pendidikan yang mengintegrasikan STEM adalah pendekatan untuk meneroka pengajaran dan pembelajaran antara komponen STEM atau antara satu STEM komponen dengan bidang pengetahuan yang lain (Becker & Park, 2001).

Memupuk budaya yang menghargai STEM pada peringkat awal usia adalah penting untuk meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan STEM dalam masyarakat. Dapat dilihat dalam sistem pembelajaran Malaysia dari dahulu lagi, pelajar-pelajar sudah dibahagikan ke bidang masing-masing semasa di peringkat sekolah menengah iaitu aliran Sains tulen dan Sains Sosial. Pelajar-pelajar yang berada di dalam kelas Sains tulen akan diasah bakat dan pengetahuan mereka dalam bidang STEM. Malah, pelajar-pelajar yang berada di dalam kelas Sains Sosial juga boleh mengetengahkan bakat mereka dalam bidang STEAM (*Science Technology Engineering Arts and Mathematics*) iaitu melibatkan bidang sains sosial atau seni. Hal yang demikian adalah salah satu cara untuk melahirkan pelajar dengan literasi yang tinggi terhadap STEM yang mana ditentukan melalui keupayaan untuk mengenal pasti dan mengintegrasikan

konsep sains, teknologi, kejuruteraan, dan matematik untuk memahami masalah yang kompleks dan membuat inovasi untuk menyelesaikan masalah (Ahmad, 2016).

Akan tetapi, dengan kepesatan teknologi yang sentiasa bergerak ke hadapan turut terdapat pihak-pihak yang kurang mendapat perhatian dan pendedahan. Pelajar-pelajar yang berada di luar bandar khususnya turut berhak mendapat pendedahan dan pembelajaran yang setara dengan pelajar-pelajar yang berada di bandar. Menurut Johnson dan Strange (2005), sekolah luar bandar merujuk kepada sekolah yang terletak di tempat di bahagian dalam sesuatu tempat atau berada di luar bandar raya dan mempunyai populasi kurang daripada 2,500 orang. Namun, dalam erti konteks dalam negara, Malaysia yang dikenali sebagai negara dengan keadaan geografi yang unik terdiri daripada semenanjung dan bahagian utara Pulau Kalimantan, menghadapi masalah yang lebih mencabar di mana beberapa sekolah, misalnya, terletak di kawasan yang hanya dapat dicapai dengan jalan masuk yang sempit dan terhad malah ada yang memerlukan sistem sistem sebagai pengangkutan utama seperti di negeri Sarawak (Ardi, bambang & Nora, 2014) dan Sabah. Dalam kertas ini, sekolah luar bandar adalah merujuk kepada konteks di Malaysia sahaja dan aktiviti-aktiviti yang telah dianjurkan oleh Universiti Malaysia Sabah dalam mempukuk minat STEM dalam kalangan pelajar luar bandar.

Anjuran Majlis Perasmian STEM4ALL bersama Universiti Malaysia Sabah

Pelbagai jenis teknologi STEM telah menjadi satu alat yang berjaya untuk menyokong proses pendidikan di peringkat sekolah menengah dan tinggi. Untuk meningkatkan pendidikan STEM di golongan prasiswazah, institusi pengajian perlu membentuk kaedah yang bermakna untuk menilai pengetahuan yang digunakan oleh pengajar dalam pengajaran mereka (Suchman, 2014). Semua pelajar harus menjadi sebahagian daripada visi STEM, dan semua guru mesti diberi peluang persediaan professional yang sesuai untuk dipersediakan membimbing pelajar ke arah kemahiran literasi STEM (Kennedy & Odell, 2014).

Inisiatif yang telah diambil oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) ialah penganjuran program STEM4ALL dan dilaksanakan dengan kolaborasi Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar & Perubahan Iklim (MESTECC). Program tersebut melibatkan pelbagai agensi kerajaan dan swasta. Antara agensi tersebut ialah Universiti Malaysia Sabah, Pusat Sains Negara dan Planetarium Negara. Pada 10 hingga 11 Mac 2020, Universiti Malaysia Sabah telah menjadi tuan rumah Majlis Perasmian Program STEM4ALL di negeri Sabah. Majlis tersebut diadakan di Perpustakaan UMS dengan pengisian aktiviti Science Show, STEM Challenge, "Let's Experiment dan pelbagai pameran.



Gambar 1: Majlis Perasmian Program STEM4ALL di Perpustakaan UMS



Gambar 2: Majlis Perasmian Program STEM4ALL di Perpustakaan UMS Bersama Naib Canselor UMS



Gambar 3: Pameran Robotik Mahasiswa UMS semasa program STEM4ALL

Objektif program tersebut adalah untuk mengubah industri pendidikan Malaysia melalui promosi pendidikan STEM di kalangan rakyat Malaysia dan memastikan bahawa siswazah dilengkapi dengan kemahiran yang tepat di era digital semasa.

Menurut Scaramozzino (2010), pelajar bidang sains sering melanjutkan pengajian ke peringkat tinggi tanpa pengalaman yang mencukupi dan kekurangan kemahiran yang diperlukan untuk memanipulasi maklumat. Oleh itu, dengan kesedaran akan kepentingan pendidikan STEM, Universiti Malaysia Sabah telah menunjukkan usaha dalam memberikan pendedahan and peluang kepada mahasiswa untuk melibatkan diri dalam bidang STEM.

Selain itu, program STEM4ALL Kundasang yang merupakan program kolaborasi antara KPM dan MESTECC melibatkan pelbagai agensi kerajaan dan swasta bagi memperkasakan dan memperkukuhkan pendidikan STEM. Antara institusi yang menjadi rakan strategik termasuklah UMS, UKM, Planetorium Negara, Pusat Sains Negara, Jabatan Kimia, Jabatan Alam Sekitar, MET, Sabah Stargazer dan Cybertech Security. Program tersebut telah dilaksanakan di SMK Mesilou, Kundasang, Sabah bagi memberi peluang kepada pelajar-pelajar yang berada di luar bandar untuk mendapatkan pendedahan terhadap pendidikan dengan STEM. Melalui program tersebut, pelajar dapat mengikuti aktiviti robotik dengan pendidikan secara “hands on” yang turut memupuk semangat dan minat pelajar terhadap pembelajaran STEM dan robotik.



Gambar 4: Aktiviti robotic bersama pelajar semasa Program STEM4ALL di Kundasang.



Gambar 5: Model Robot yang digunakan semasa program STEM4ALL.

Sebagai rumusan, walaupun pihak UMS adalah institusi tinggi yang tertumpu kepada pendidikan di peringkat pengajian tinggi, UMS turut berusaha dalam melibatkan pelajar di sekolah rendah dan sekolah menengah sebanyak yang mungkin. Aktiviti seperti program minimalis robotik dan STEM4ALL yang telah dikemukakan sebelum ini sedikit sebanyak telah memberi asas kepada pelajar untuk mengambil minat dengan aktiviti berkaitan dengan STEM.

Bengkel “Train of Trainers” (TOT) untuk Pelajar Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah

Sejak kebelakangan ini, penggunaan teknologi yang semakin pesat telah membuatkan teknologi sebagai alat keperluan asas untuk menjalankan aktiviti harian kita. Perkara ini turut diambil kira dalam soal pendidikan. Penggunaan teknologi dalam pendidikan pada masa kini bukan sahaja melibatkan guru atau bakal guru yang mengajar di sekolah, tetapi juga secara

perlahan-lahan melibatkan pelajar yang berada di peringkat sekolah menengah mahupun sekolah rendah. Hal ini sedemikian kerana pengintegrasian teknologi dalam bilik darjah semakin kerap diamalkan selaras dengan objektif pembelajaran abad ke-21. Oleh itu, pendedahan awal teknologi kepada pelajar sekolah haruslah lebih digalakkan. Kajian menunjukkan bahawa tahap sikap pelajar terhadap disiplin ilmu seperti sains dan matematik dibentuk jauh sebelum mereka melangkah ke tahap university (Sadler et al., 2012). Sikap pelajar terhadap STEM atau STEAM merupakan faktor yang mempengaruhi motivasi pelajar untuk mempelajari subjek STEM dan bercita-cita untuk mengejar kerjaya dalam bidang STEM (Maltese dan Tai, 2011). Kajian daripada Maltese dan Tai (2011) turut mengatakan bahawa pelajar yang berada di peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah merupakan tahap yang kritikal dalam memupuk sikap dan kepercayaan mereka terhadap kebolehan diri mereka untuk mengambil bahagian dalam aktiviti STEM. Sehubungan dengan itu, penglibatan pelajar dalam bengkel “Train of Trainers” merupakan inisiatif yang wajar diambil sebagai tujuan untuk melatih pelajar menjadi fasilitator atau mentor kepada rakan-rakan mereka mengenai apa yang telah dipelajari dalam bengkel tersebut.

Berdasarkan hal yang telah dikemukakan, pihak Universiti Malaysia Sabah telah melatih beberapa mahasiswa dan mahasiswi daripada fakulti pendidikan di UMS dan guru daripada beberapa sekolah di Kota Kinabalu dan Tuaran untuk menjadi fasilitator dalam kursus TOT minimalis robotik. Fasilitator program minimalis robotik ini akan menggunakan kemahiran yang baru dipelajari daripada bengkel TOT dan mengajarnya kepada pelajar-pelajar sekolah. Sebagai contoh, pada tahun 2017 di mana Projek Aplikasi Robotik Minimalis telah dianjurkan di Tamparuli yang melibatkan beberapa pelajar yang terpilih untuk mewakili sekolah masing-masing. Dalam projek tersebut, setiap sekolah akan dibentuk sebagai satu kumpulan dan bagi setiap kumpulan ini, terdapat dua fasilitator (mahasiswa/mahasiswi daripada UMS dan guru daripada sekolah tersebut) yang akan mengajar langkah demi langkah penggunaan robot minimalis yang diberi nama “Comel”. Salah satu objektif projek tersebut ialah untuk memberi pendedahan kepada pelajar sekolah mengenai pengintegrasian robotik dalam pembelajaran serta berkongsi apa yang mereka telah pelajari pada hari tersebut kepada rakan-rakan mereka yang belum pernah berpeluang untuk mengikut program robotic minimalis.



Gambar 6: Guru sekolah sebagai fasilitator kepada pelajar.



Gambar 7: Mahasiswa UMS sebagai fasilitator kepada pelajar.



Gambar 8: Pelajar mengaplikasikan ilmu yang dipelajari semasa Projek Aplikasi Robotik Minimalis

Bengkel “Train of Trainers” (TOT) untuk Bakal Guru dan Guru Sekolah

Peredaran zaman menjadikan penggunaan teknologi semakin meluas dan lebih besar. Pendidikan di sekolah terutamanya tidak terkecuali oleh perubahan ini juga. Malangnya, tidak semua guru atau sekolah cukup mampu mengintegrasikan teknologi dalam pengajaran mereka walaupun mereka dibekalkan dengan banyak bahan digital dan alat ICT di sekolah. Terdapat banyak sebab berkaitan dengan masalah ini. Seperti yang dinyatakan, terdapat lima rasional yang telah diketengahkan dalam artikel ini oleh para penulis. Menurut Raman dan Yamat (2014), antara rasionalnya adalah keraguan guru, jumlah beban kerja, masa yang tidak mencukupi sama ada untuk menyediakan bahan juga untuk menggunakan ICT dan teknologi di kelas, pengalaman mengajar, usia yang pada pendapat saya berkorelasi dengan kurangnya kemahiran teknologi di kalangan para guru.

Hal yang demikian, bagi mengurangkan permasalahan tersebut usaha Universiti Malaysia Sabah dalam menentengahkan dan mengintegrasikan STEM dan STEAM untuk bakal guru (mahasiswa dan mahasiswi yang mengambil bidang pendidikan di UMS) dan guru dari beberapa buah sekolah luar bandar di daerah Kota Kinabalu dan Tuaran dengan menjalankan beberapa aktiviti dan kursus TOT minimalis robotik. Beberapa orang fasilitator yang mahir dengan minimalis robotik membantu dan menjadi pemudah cara sepanjang program atau kursus berlangsung. Mengambil contoh melalui program TOT yang dijalankan pada tahun 2016 di mana mahasiswa dan mahasiswi yang mengambil aliran Pendidikan dengan Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Kedua (TESL), dibantu dan diajar tentang penyelenggaraan dan cara penggunaan robot minimalis bernama “Comel”. Mereka kemudiannya menjadi fasilitator kepada pelajar-pelajar sekolah rendah di daerah Tuaran yang juga merupakan daerah luar bandar. Pada masa yang sama, beberapa orang guru dari beberapa sekolah di daerah Tuaran turut mengikuti TOT tersebut dan mereka dilatih untuk menjadi guru perintis di sekolah masing-masing tentang robotik minimalis. Rajah 1 di bawah menunjukkan aktiviti yang dilakukan secara ringkas. Pada tahun 2019, seramai 13 orang pelajar TESL menjadi *STEM AMBASSADOR* bagi Universiti Malaysia Sabah dan telah mengikuti kursus STEM AMBASSADOR yang melibatkan mahasiswa dan mahasiswi dari seluruh universiti awam di Malaysia pada tahun yang sama.

Beberapa aktiviti dan program yang melibatkan guru-guru sekolah dan bakal guru yang diadakan oleh Fakulti Psikologi dan Pendidikan (FPP) bersama Fakulti Kejuruteraan (FKJ) Universiti Malaysia Sabah. Antaranya ialah Bengkel TOT Fasilitator bersama guru-guru dari daerah Tuaran dan pelajar TESL FPP, Program Aplikasi Robotik Minimalis: Peningkatan Minat dan Pencapaian Murid Terhadap Sains, Teknologi, Kejuruteraan, Seni dan Matematik (STEAM) dan Kemahiran Abad ke-21, Jom Robot @ Tuaran, Kem Motivasi dan Bimbingan UPSR di SK Daingin Papar dan Kem Motivasi dan Bimbingan UPSR SK Kayau Papar, English Language Camp with Integration of Robotics STEAM pada tahun 2018 dan 2019. Kebanyakan aktiviti tersebut melibatkan bakal guru bersmuka dengan murid-murid dan berinteraksi sesama sendiri. Cara pembelajaran yang diketengahkan ialah menggunakan robot minimalis dan gamifikasi.



Gambar 9: Bengkel TOT bersama pelajar-pelajar TESL FPPambilan 2015/2016 bersama guru-guru dari daerah Tuaran.



Gambar 10: Fasilitator Bengkel TOT memberikan penerangan kepada guru dari daerah Tuaran dan pelajar pendidikan.



Gambar 11: Guru-guru dan bakal guru dibimbing oleh fasilitator TOT mencuba aktiviti secara “hands on”



Gambar 12: Fasilitator Bengkel TOT, guru-guru dan mahasiswa mahasiswi (bakal guru) semasa bengkel Program Aplikasi Robotik Minimalis: Peningkatan Minat dan Pencapaian Murid Terhadap Sains, Teknologi, Kejuruteraan, Seni dan Matematik (STEAM) dan Kemahiran Abad ke-21



Gambar 13: Seorang guru menerangkan konsep Pemikiran Komputasional kepada murid-murid sekolahnya.



Gambar 14: Seorang pelajar pendidikan TESL menerangkan konsep Pemikiran Komputasional kepada murid-murid.



Gambar 15: Pelajar-pelajar TESL melakukan aktiviti “hands on” yang menggunakan robot minimalis sebagai bahan pengajaran. Mereka mengintegrasikan robotik kedalam pengajaran Bahasa Inggeris



Gambar 16: Murid-murid SK Kayau bersedia untuk melakukan aktiviti. Menggunakan robot minimalis dalam gamifikasi.



Gambar 17: Seorang pelajar TESL memberikan penerangan kepada murid-murid SK Daingin sebelum memulakan aktiviti bersama robot minimalis.




Gambar 18: Pelajar TESL mengintegrasikan penggunaan robot minimalis dalam pembelajaran Bahasa Inggeris di SK Daingin, Papar.



Gambar 19: Bengkel TOT kepada pelajar TESL ambilan 2018/2019 dan 2019/2020 (STEM AMBASSADOR) untuk Program English Language Camp with Integration of STEAM




Gambar 20: STEM AMBASSADOR bersama pelajar Pogram English Language Camp with Integration of STEAM



Rajah 1: Ringkasan aktiviti TOT yang dilakukan

Pada tahun 2019, pelajar Diploma Pendidikan Lepas Ijazah (DPLI) dan beberapa orang pelajar sarjana telah mengikuti TOT yang sama. Mereka dilatih oleh beberapa fasilitator robotik minimalis termasuk alumni-alumni sarjana muda sebelum mereka. Mereka dilatih untuk menggunakan dan mengintegrasikan perisian di dalam komputer riba dan cara penggunaan robot minimalis dijadikan sebagai permainan (gamifikasi). Antara matapelajaran yang diajar diintegrasikan dengan gamifikasi untuk program ini ialah Sains, Matematik, Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Pendidikan Jasmani. Mereka dilatih bagi melakukan Program Pendidikan Revolusi Industri 4.0: Gamifikasi di SK Ulu Kukul, Kota Belud. SK Ulu Kukul terletak di Kampung Ulu Kukul iaitu sebuah perkampungan yang terletak di sempadan Kota Belud dan Kota Marudu. Berkeluasan 10 hektar dan ia berdekatan dengan kawasan Hutan Simpan Ulu Kukul dan mempunyai struktur tanah berbukit-bakau. Kampung Ulu Kukul mempunyai seramai 500 orang penduduk dengan bilangan rumah sebanyak 72 buah. Majoriti penduduk kampung ini merupakan orang Dusun Tebilong dengan pelbagai agama yang dianuti. Hal yang demikian menjadikan program yang dijalankan di SK Ulu Kukul merupakan salah satu pemupukan STEM dalam kalangan pelajar di luar bandar. Program tersebut mendapat maklum balas yang baik terutamanya dari murid-murid SK Ulu Kukul dan guru-guru yang mengajar di sana.



Gambar 21: Bengkel TOT untuk pelajar DPLI



Gambar 22: Pelajar-pelajar DPLI dan pelajar sarjana bersama fasilitator bengkel TOT.



Gambar 23: Pelajar DPLI memberikan keterangan kepada pelajar SK Ulu Kukul yang sedang melakukan aktiviti secara “hands on”.



Gambar 24: Profesor Datuk ChM. Dr. Taufiq Yap Yun Hin, Naib Cancellor UMS mencuba perisian aktiviti gamifikasi yang telah disediakan oleh pelajar-pelajar DPLI.



Gambar 25: YB Puan Isnaraissah Munirah Bt Majilis @ Fakharudy mencuba perisian aktiviti gamifikasi yang telah disediakan oleh pelajar-pelajar DPLI.

Kesimpulannya, usaha UMS dalam mengetengahkan dan mengintegrasikan pendidikan STEM bukan sahaja dapat mengeluarkan para graduan yang mahir dalam bidang mereka malah graduan yang celik teknologi, STEM dan robotik. Bakal guru dan guru yang terpilih menjadi

perintis kepada pendidikan robotik untuk murid-murid di sekolah masing-masing. Seperti yang telah diterangkan, kebanyakan aktiviti yang dilakukan adalah pengintegrasian antara robotik serta gamifikasi dalam pengajaran dan pembelajaran. Selain itu, bidang STEAM juga turut diketengahkan iaitu mengintegrasikan robotik dan gamifikasi dalam pembelajaran dan pengajaran Bahasa Inggeris. Robot minimalis dijadikan alat bantu mengajar oleh mahasiswa dan mahasiswi TESL ketika mengadakan aktiviti seperti kem motivasi dan sebagainya. Robot minimalis dan gamifikasi sememangnya mampu menarik minat murid-murid untuk mengikuti aktiviti dalam kelas dan mendorong kepada pembelajaran abad ke-21 seperti yang sangat disarankan pada masa ini, selain turut membantu guru dalam mempelbagaikan kaedah dan cara pengajaran. Malahan, mereka boleh menarik minat murid-murid di sekolah untuk mempelajari lebih tentang STEM dan robotik sekaligus meningkatkan lebih banyak jumlah murid-murid yang akan mengambil bidang STEM di masa hadapan.

“Pitching” di Smk Tebobon

Salah satu cara untuk membangunkan firma sesebuah perniagaan adalah melalui pelaburan terhadap modal insan (Manfaat pelaburan modal insan, 2017). Pendidikan STEM bukan sahaja penting di sekolah iaitu dalam pengajaran dan pembelajaran turut mempunyai peluang dalam bidang perniagaan untuk pelabur pendidikan masa hadapan. Hal ini kerana, pelabur-pelabur sememangnya akan mendapat kelebihan melalui pelaburan ke dalam bidang pendidikan atau pelaburan terhadap modal insan. Kelebihan yang paling ketara ialah kepada pemasaran firma mereka sendiri di mana nama firma akan digunakan dan ditunjukkan sebagai penaja sekaligus menjadikan para pelanggan sasaran mengenali mereka. Pendidikan STEM terbuka luas bukan sahaja kepada Kementerian Pendidikan Malaysia, malah agensi-agensi bukan kerajaan atau para pensyarah, guru-guru dan ibubapa malah pelajar sendiri yang berminat untuk menceburi bidang STEM. Pada tahun 2017, UMS telah membawa beberapa robot minimalis untuk dijadikan pelaburan kepada pelabur. Ketika karnival tersebut berlangsung terdapat pelbagai jenis komuniti serta agensi yang datang dan kebanyakan guru dan pelajar sekolah menunjukkan minat terhadap robot minimalis yang ditunjukkan.

Pada tahun 2018, satu program telah diadakan di SMK Tebobon iaitu Karnival Mentor-Mentee STEM & Robotik Minimalis Sempena Sambutan Bulan ICT. Acara ini telah dianjurkan oleh Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Sabah, Fakulti Psikologi dan Pendidikan (FPP) UMS, Fakulti Kejuruteraan (FKJ) UMS dan Sabah Net Sdn. Bhd. Terdapat 45 pelajar (Tingkatan 1 dari SMK Tebobon untuk Program Robotik Minimalis), 35 pelajar (dari SMK Tebobon untuk Program 'Botol Kompos'), 10 orang pelajar (Tingkatan 1 dari 4 sekolah: SMK Sanzac, SMK Tun Fuad, SMA Toh Puan dan SMK Tebobon) dan beberapa sekolah-sekolah lain di sekitar daerah Tuaran & Kota Kinabalu. Pelajar masing-masing menunjukkan hasil masing-masing disamping mempromosikan inovasi masing-masing. Hal ini kerana agensi seperti Sabah Net Sdn. Bhd. dan JPN turut menghadiri carnival tersebut. UMS juga tidak melepaskan peluang untuk mempromosikan inovasi mereka kepada semua hadirin yang hadir ke karnival tersebut.



Gambar 26: Fasilitator dari UMS menunjukkan demo kepada pelajar sekolah yang terlibat mengenai inovasi mereka.



Gambar 27: Pelajar-pelajar yang terlibat melakukan aktiviti “hands on”

Penutup

Bagi merumuskan perkara yang telah dibincangkan, kertas ini bertujuan untuk menunjukkan aktiviti-aktiviti robotik yang telah diadakan oleh pihak UMS, terutamanya daripada Fakulti Psikologi dan Pendidikan dalam usaha untuk memupuk minat pelajar dalam pembelajaran STEM terutamanya dalam kalangan pelajar luar bandar. Aktiviti STEM yang sebahagian besarnya menggunakan robotik pendidikan ternyata bukan sahaja melibatkan mahasiswa/mahasiswi dan pensyarah di peringkat pengajian tinggi sahaja, tetapi juga pihak sekolah seperti pelajar sekolah rendah, pelajar sekolah menengah, bakal guru, guru sekolah serta pihak pelabur daripada agensi-agensi kerajaan atau swasta. Sehubungan dengan itu, kolaborasi yang dibentuk daripada pelbagai pihak ini telah mewujudkan sebuah komuniti yang

mempunyai perkongsian maklumat dan pengetahuan mengenai STEM yang aktif. Justeru, dengan wujudnya sebuah komuniti ini, pengintegrasian robotik dan teknologi dalam pendidikan, pihak UMS dapat memperkembangkan lagi rangkaian kolaborasi dengan sekolah yang berada di kawasan luar bandar agar pelajar di kawasan tersebut turut mendapat pendedahan terhadap pembelajaran dengan STEM.

Perakuan

Terima kasih diucapkan kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri Sabah, Universiti Malaysia Sabah atas penganugerahan geran (SDK 2019-111) yang diberikan untuk menjalankan program ini. Ucapan terima kasih juga diberikan kepada Yayasan Inovasi Malaysia, SabahNet dan pihak pentadbir dan guru-guru daripada sekolah-sekolah yang terlibat kerana sentiasa bersikap terbuka dalam memberi kerjasama dengan pihak pengkaji dalam menjalankan program ini.

Rujukan

- Adam, S. & Nel, D. (2009). Blended and online learning Student perceptions and performance. *Interactive Technology and Smart Education*, 6(3), 140-155.
- Ahmad Zamri Khairani. (2017). *Assesing urban and rural teacher's competencies in stem integrated education in Malaysia*. MATEC Web of Conferences: ENCON 2016. 10.1051/mateccconf/20178704004.
- Ardi Marwan, Bambang Sumintono & Nora Maslan. (2012). Revitalizing Rural Schools: A Challenge for Malaysia. *Educational Issues, Research and Policies*: UTM Press RMC, 172-188.
- Breschi, S., F. Malerba, & L. Orsenigo. (2000). Technological regimes and Schumpeterian patterns of innovation, *Trends in Cognitive Science*, 9, 535-541.
- Becker, K & Park, K. (2001). Effects of integrative approaches among science, technology, engineering, and mathematics (STEM) subjects on students' learning: A preliminary meta-analysis. *J STEM Educ*, 12.
- Johnson, J., & Strange, M. (2005). *Why rural matters 2005: The facts about rural education in the 50 states*. Rural School and Community Trust. Retrieved from, <https://files.eric.ed.gov/fulltext/ED497988.pdf>
- Maltese, A. V., & Tai, R. H. (2011). Pipeline persistence: examining the ssoiation of educational experiences with earned degrees in STEM among U.S. students. *Science Education*, 95(5), 877-907.
- Manfaat pelaburan modal insan (2017, September 4), *Berita Harian Online*. Retrieved from https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/2017/09/321164/manfaat_pelaburan-modal-insan
- Pinelopi, K., Panagiotis, A., & Panagiotis, P. (2018). Technology as a motivational factor in foreign language learning. *European Journal of Education*, 1(3), 43-52.

- Raman, K & Hamidah Yamat. (2014). Barriers teachers face in integrating ict during English lessons: A case study. *The Malaysian Online Journal of Educational Technology*, 2(3), 11-19.
- Sadler, P. M., Sonnert, G., Hazari, Z., & Tai, R. (2012). Stability and volatility of STEM career interest in high school: a gender study. *Science Education*, 96(3), 411-427
- Siau, K. & Yang, Y. (2017, May 18-19). *Impact of artificial intelligence, robotics and machine learning on sales and marketing*. Twelfth Midwest Association for information Systems Conference: MWAIS 2017, Springfield, Illinois. Retrieved from, <https://aisel.aisnet.org/cgi/viewcontent.cgi?article=1047&context=mwais2017>

Pengaruh Kepimpinan Instruksional, Kecerdasan Emosi Dan Personaliti Guru Besar Terhadap Prestasi Kerja Guru Sekolah Rendah di Sabah

Abdul Said Ambotang¹, Rosdah Herawaty Hamid², Mohamad Nizam Nazarudin¹ & Roslee Talip¹

¹*Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah*

²*Sekolah Kebangsaan Lahad Datu III, Sabah*

said@ums.edu.my, rosdahhh71@yahoo.com, mnizam@ums.edu.my, roslee_73@ums.edu.my

ABSTRAK

Pengenalan- Sekolah sebagai sebuah organisasi sosial merupakan pusat pendidikan bagi melahirkan generasi masa hadapan yang cemerlang. Sekolah yang dipimpin oleh seorang guru besar dan mempunyai ahli yang terdiri daripada guru serta pelajar. Guru memerlukan seorang pemimpin yang mampu menyuntik semangat dan motivasi untuk lebih efektif dalam pengajaran. Pelajar pula amat bergantung kepada guru bagi memperoleh pengetahuan dan kemahiran

Objektif – Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti hubungan dan pengaruh kepimpinan instruksional, kecerdasan emosi dan persoaliti guru besar terhadap prestasi kerja guru sekolah rendah di negeri Sabah

Methodologi – Penyelidikan ini berbentuk kajian kuantitatif dengan menggunakan reka bentuk tinjauan yang menggunakan kaedah deskriptif. Reka bentuk kuantitatif dipilih untuk kajian ini kerana kaedah kuantitatif adalah sesuai untuk menjelaskan hubungan antara pemboleh ubah dalam kajian dan bagaimana sesuatu pemboleh ubah itu mempengaruhi pemboleh ubah yang lain serta mengetahui adakah sesuatu faktor itu merupakan jangkakan kepada sesuatu hasil kajian.

Dapatan – Hasil kajian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara ketiga-tiga variabel bebas dengan variabel bersandar. Hasil analisis mendapati bahawa personaliti guru besar mempengaruhi prestasi kerja guru adalah signifikan dengan nilai $R\ square = .564$. Nilai varian $R\ square .564$ menunjukkan bahawa 56.4% daripada perubahan keseluruhan prestasi kerja guru adalah dipengaruhi oleh faktor personaliti guru besar. Manakala, 43.6% prestasi kerja guru mungkin dipengaruhi oleh faktor-faktor lain. Dapatan ini menunjukkan terdapat pengaruh antara personaliti guru besar dengan prestasi kerja guru sekolah rendah di negeri Sabah. Ini bermakna, terdapat pengaruh yang signifikan antara personaliti guru besar dengan prestasi kerja guru sekolah rendah di negeri Sabah.

Kepentingan – Dapatan kajian boleh dijadikan bahan rujukan dan panduan dalam merangka kandungan kursus atau latihan kepimpinan pendidikan yang relevan dalam kalangan guru besar, barisan penolong kanan sekolah, pegawai kanan pendidikan di Pejabat Pendidikan Daerah dan Pegawai Pendidikan Negeri

Kata Kunci : Kepimpinan Instruksional, Kecerdasan Emosi, Personaliti, Prestasi Kerja

Pengenalan

Dalam usaha mentransformasikan sistem pendidikan bertaraf dunia, sistem pendidikan di Malaysia telah mula mengorak langkah besar dengan terhasilnya Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 - 2025. Anjakan ke-4 dalam PPPM adalah memperluas laluan guru untuk peranan kepimpinan, pakar pengajaran dan pakar bidang menjelang 2016 dan anjakan ke-5 ialah memastikan kepimpinan berprestasi tinggi ditempatkan di institusi pendidikan yang merupakan antara perkara yang dititikberatkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) selaras dengan perkembangan semasa dunia iaitu negara berusaha untuk berubah daripada negara berpendapatan rendah ke arah negara berpendapatan tinggi (PPPM, 2013 - 2025).

Pendidikan memainkan peranan utama bagi perkembangan ekonomi dan pembangunan sesebuah negara. Bidang pendidikan dilihat sebagai salah satu aspek yang paling penting dalam memainkan peranan ke arah melahirkan generasi akan datang bagi mendukung dan mentadbir negara dari segi intelek, emosi, rohani dan jasmani yang stabil. Oleh itu, proses pengajaran dan pembelajaran yang berlaku dalam bilik darjah merupakan petunjuk utama yang dapat mengukur dengan tepat kemajuan masa hadapan negara (Shafinaz A. Maulod, Chua Yan Piaw, Hussein Ahmad, Leong Mei Wei & Shahrin Alias, 2017). Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia yang dilancarkan pada tahun 2013 menitikberatkan kualiti kepimpinan sekolah dan kualiti guru selaras dengan pendidikan abad ke 21. Peranan pemimpin sekolah adalah memastikan kualiti pendidikan di sekolah dapat mencapai Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang telah ditetapkan oleh KPM.

Sekolah merupakan institusi yang dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan program pendidikan negara berlandaskan dasar dan falsafah yang telah ditetapkan oleh KPM manakala individu yang perlu memikul tanggungjawab bagi memastikan kejayaan pelaksanaan dasar dan matlamat ini di sekolah ialah guru besar (Baharuzaini Baharin, Muhammad Hisham Adnan, Mohd Hanif Mohd Zin, Mohd Norhisyam Kamaludin & Azlin Norhaini Mansor, 2016).

Zuraidah Abdullah (2016), menegaskan bahawa sekolah yang berjaya adalah merujuk kepada kepimpinan sekolah yang dinamik. Kepimpinan dilihat sebagai perhubungan yang dinamik antara individu dengan ahli-ahli kelompok dalam kumpulan serta persekitarannya. Ia juga merupakan satu proses yang mana individu lain dipengaruhi untuk mencapai matlamat yang menjadi asas kepada kecemerlangan (Nur Syariaah & Mohamed Yusoff, 2017). Oleh itu, guru besar selaku pemimpin sekolah perlu memastikan guru di bawah seliaannya menunjukkan prestasi cemerlang, produktiviti dalam bidang pendidikan (Danielle & Mohd. Khairuddin, 2017).

Sorotan Kajian literatur

Kepimpinan merupakan antara isu yang paling awal mendapat perhatian dalam bidang penyelidikan (Bass & Stogdill, 1990). Isu kepimpinan sering dibincangkan dalam pelbagai wadah organisasi termasuklah organisasi pendidikan, seperti sekolah. Kecenderungan penyelidik membicarakan dan membincangkan topik ini mungkin kerana terdapat anggapan yang kepimpinan mempunyai kesan yang besar ke atas jatuh bangunnya sesebuah organisasi (Edmonds, 1979; Bass, 1990; Yulk, 2006). Kajian (Edmonds 1979; Hussein, 1993) menunjukkan sekolah yang berkesan biasanya dipimpin oleh guru besar yang berwibawa. Di Malaysia, kajian oleh Abdul Karim (1989) menyimpulkan bahawa sekolah-sekolah yang mencapai kejayaan yang tinggi dalam bidang akademik, dipimpin oleh guru besar yang mempunyai sifat-sifat kepimpinan instruksional yang berkesan.

Kejayaan organisasi pendidikan bergantung kepada pemimpin yang efektif. Pemimpin efektif diukur berdasarkan kemampuan melaksanakan tugas sebagai pemimpin instruksional dalam membaiki dan meningkatkan mutu pengajaran ke tahap maksimum (Hornig & Loeb, 2010; Leithwood & Levin, 2010; Hallinger, 2011). Oleh itu, KPM secara proaktif telah menggariskan PPPM, 2013 - 2025 dengan memastikan guru besar mengaplikasikan kepemimpinan instruksional dan bukannya kepemimpinan pentadbiran (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013).

Kenyataan ini disokong oleh Shukri Zain, Mohd Yusof Abdullah, Baharom Mohamad, Abdul Said Ambotang, Muhamad Suhaimi Taat & Roslee Talip (2012), yang mengatakan peranan guru besar sebagai penentu kejayaan di sekolah boleh dilihat melalui kepemimpinan yang diamalkan. Jelas mereka lagi, kepemimpinan yang dilihat realistik dan mampu menjadi penentu kecemerlangan yang diinginkan ialah kepemimpinan instruksional. Melalui kepemimpinan instruksional yang berkesan, guru besar mampu mewujudkan iklim pembelajaran yang kondusif kepada tenaga pengajar dan murid untuk mencapai matlamat pendidikan secara berterusan sehingga dapat mengurangkan rasa tekanan serta membantu meningkatkan motivasi diri (Shukri Zain *et al.*, 2012).

Walau bagaimanapun, tugas guru besar sekolah kini dilihat lebih tertumpu kepada tugas pentadbiran dan malah tugasnya bersifat *ad-hoc* bagi membolehkan sekolah berfungsi seperti yang dikehendaki oleh KPM (Shukri Zain *et al.*, 2012) akibatnya tugas ikhtisas selaku pemimpin instruksional kurang diberi penekanan dan sering diserahkan kepada pihak lain dalam pengurusan akademik. Oleh itu, bebanan tanggungjawab, tugas dan peranan yang disandang oleh guru besar menjadi kekangan kepada fokus guru besar untuk melaksanakan kepimpinan instruksional (Danielle & Mohd. Khairuddin, 2017)

Pada masa kini, guru besar semakin dibebani dengan pelbagai tugas dan tanggungjawab. Kajian yang dijalankan oleh Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP) berkaitan kesibukan guru besar menunjukkan 75 peratus, guru besar di negara ini menumpukan tugas pentadbiran pejabat termasuk urusan staf, kewangan, surat-menyurat, melayan tetamu, melakukan tugas penyelenggaraan, bermesyuarat bersama guru dan staf (Mohd. Yusof, Baharom, Abdul Said, Muhammaf Suhaimi & Roslee, 2012) termasuk menghadiri persidangan, memberi taklimat serta mengadakan dialog prestasi, pertemuan dengan pelajar, ibu bapa, Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) dan komuniti.

Umumnya, sebahagian besar masa guru besar dihabiskan untuk melakukan tugas pengurusan dan pentadbiran. Menurut Bity, Ahmad, Ramlee & Mohammed Sani (2010) walaupun guru besar ingin menjalankan tugas pengajaran dan pembelajaran tetapi kurang berkesempatan melaksanakannya kerana para guru besar selalu meninggalkan sekolah atas urusan rasmi, selain dibebani dengan kerja pengurusan.

Tambahan lagi, Azlin & Roselan (2007) dan Juhana (2007) menjelaskan bahawa tugas seorang guru besar didapati terlalu banyak dan memerlukan jangka masa kerja yang panjang menyebabkan tekanan hasil daripada keperluan mereka untuk menjawab kepada kehendak pelbagai pihak yang kadangkala mewujudkan konflik. Tugas guru besar yang mengurus pelbagai bidang menghadkan masa yang diperuntukkan untuk merancang, mengurus, mengarah dan mengawal kurikulum sekolah (Jameelaa & Jainabee, 2011). Rata-rata guru besar menghadapi masalah terpaksa memenuhi arahan pihak atasan sama ada daripada kementerian, jabatan mahu pun pejabat pendidikan yang mengakibatkan mereka sendiri terpaksa meninggalkan sekolah dan dalam pada masa yang sama proses pengurusan instruksional sepatutnya berlaku.

Implikasinya, proses pengajaran dan pembelajaran terganggu, jadual penyeliaan, pemantauan dan pencerapan tidak dapat dipatuhi dan ketiadaan guru besar di sekolah. Selain itu, Baharom,

Mohamad Johdi & Che Noraini (2009) menjelaskan bahawa kepimpinan guru besar yang bercorak konservatif dan jumud, kini tidak relevan lagi dalam dunia tanpa sempadan. Impaknya, peranan guru besar yang semakin mencabar dari sehari ke sehari memerlukan mereka meneliti dan memahami semula isu-isu kepimpinan dan pengurusan yang pelbagai (Norasmah & Kamaruzaman, 2012) jelas mereka lagi, kurangnya peranan kepimpinan instruksional daripada guru besar ini merupakan masalah utama yang dihadapi oleh kebanyakan sekolah.

Kerencanan tugas dan peranan guru besar hari ini menunjukkan guru besar banyak menghabiskan masa terhadap tugas pentadbiran berbanding mengurus pengajaran dan pembelajaran di sekolah (Azlin Norhaini, 2006). Keadaan ini memberi impak yang besar terhadap pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Lan (2014) menyatakan kepimpinan guru besar mempengaruhi keyakinan guru mengenai kebolehan mereka melaksanakan pengajaran dalam bilik darjah. Persoalannya bagaimanakah guru besar sebagai pemimpin sekolah dapat mengimbangi tugas pengurusan dan tugas utama sebagai pemimpin instruksional yang memerlukan fokus kepada proses pengajaran dan pembelajaran?

Kepimpinan yang berkesan dapat meningkatkan prestasi kerja guru dan seterusnya meningkatkan keberkesanan organisasi sekolah (Shafinaz *et al.*, 2017). Kajian lepas membuktikan kepimpinan guru besar memberikan kesan secara langsung dan tidak langsung terhadap kecemerlangan pelajar (Hallinger, 2012; Tschannen Moran & Gareis, 2015) serta kepimpinan guru besar mempengaruhi kualiti kejayaan sekolah, pencapaian pelajar dan komitmen guru.

Salah satu saluran untuk guru besar mempengaruhi kecemerlangan pelajarannya adalah melalui interaksi dengan guru. Guru besar sebagai pemimpin, perlu mempengaruhi guru dengan menyediakan suasana yang membolehkan guru untuk bekerja secara efektif dan berkesan (Shafinaz *et al.*, 2017). Kepimpinan guru besar yang berkesan sering dikaitkan dengan tingkah laku pemimpin yang memperlihatkan cara bertindak, berinteraksi, mengawal emosi dan berkomunikasi dengan kakitangan di dalam organisasi (Yulk, 2013).

Selain itu, tugas seorang guru besar didapati terlalu banyak dan memerlukan jangka masa kerja yang panjang menyebabkan tekanan hasil dari keperluan mereka untuk menjawab kepada kehendak pelbagai pihak yang ada kalanya mewujudkan konflik (Shafinaz, 2017) disamping itu, setiap perubahan yang berlaku memerlukan kekuatan dan pengawalan emosi bagi mengelakkan kekecewaan dan tekanan kepada warga sekolah teutamanya guru besar. Guru besar sebagai pemimpin di sekolah perlu mampu mengenal pasti emosi dirinya dan guru bagi mewujudkan budaya saling percaya mempercayai dan keterbukaan dalam hubungan (Nazri Halim & Yaakob Daud, 2017).

Pemahaman emosi yang jelas membolehkan guru besar bekerjasama bersama guru untuk mencapai matlamat sekolah yang dibina. Lantaran itu, kepelbagaian tugas ini memerlukan seseorang guru besar itu mempunyai kecerdasan emosi yang terkawal dan seimbang. Bagaimanakah guru besar sebagai pemimpin tertinggi dalam meneraju sekolah mengimbangi kecerdasan emosinya dalam memastikan prestasi kerja guru pada tahap maksimum untuk kecemerlangan sekolah?

Persoalan berkaitan pengaruh kecerdasan emosi guru besar terhadap prestasi kerja guru amat sukar diperolehi memandangkan amat kurang kajian yang dijalankan. Kajian-kajian yang dijalankan banyak tertumpu kepada kecerdasan emosi guru. Oleh itu, kajian ini berusaha untuk

mengisi jurang kajian (*gap*) dengan memfokuskan terhadap pengaruh kecerdasan emosi guru besar terhadap prestasi kerja guru. Kajian ini penting kerana ia dapat menjadi panduan dan memberi kesedaran kepada guru besar sebagai pemimpin sekolah menyedari betapa pentingnya kecerdasan emosi guru besar bagi mewujudkan budaya saling percaya mempercayai dan keterbukaan dalam hubungan bagi memastikan kejayaan dalam pengurusan organisasi.

Dalam hal mengurus emosi dengan baik, pemimpin harus faham dan peka mengenai perbezaan individu yang wujud antara individu. Perbezaan individu ini boleh dilihat berdasarkan ciri dan tingkah laku yang dimiliki oleh seseorang yang dihuraikan sebagai personaliti (Maccoby, 2009). Sehubungan itu, personaliti yang dimiliki oleh pemimpin didapati mempengaruhi tingkah laku kepimpinan yang merupakan adunan utama bagi melahirkan pemimpin pendidik yang konsisten (Nurul Hudani Md. Nawawi, Ma'rof Redzuan & Noor Hisham Md Nawawi, 2016). Hal ini disedari oleh Judge & Bono (2000) serta Hautala (2006) yang menyatakan bahawa personaliti mempunyai hubungan dengan tingkah laku kepimpinan dalam memberi kesan ke atas pencapaian kerja.

Guru besar perlu mempunyai kualiti diri dalam memimpin sekolah dengan cemerlang (Jamil & Norlia 2009). Hogg (2001) pula menyatakan personaliti guru besar mempunyai hubungan dengan kejayaan sesebuah sekolah. Guru besar adalah orang yang bertanggungjawab terhadap kejayaan dan kecemerlangan sekolah (Bush, Bell & Middlewood, 2008; Chan 2004). Seorang pemimpin yang berjaya terbukti mempunyai personaliti yang berkesan (Kouzes & Posner 2000; Ishak Sin 2001). Hakikatnya, kajian empirikal menyokong guru besar yang berkualiti ditentukan oleh personaliti dalam setiap tindakan yang dilakukan (Ishak Sin, 2001).

Oleh yang demikian, faktor personaliti individu pemimpin didapati mampu menyumbang kepada keberkesanan gaya kepimpinan dalam kalangan pemimpin (McCormack & Mellor, 2002) yang memberi kesan terhadap pencapaian prestasi kerja dalam organisasi. Menurut Bass (1990), perlu bagi seorang pemimpin untuk mempunyai tingkah laku tertentu bagi menjelaskan keunikan yang ada dalam dirinya supaya mampu memberikan keyakinan dan pengaruh kepada pengikutnya. Untuk mempengaruhi orang lain, pemimpin perlu bertingkah laku positif dan mempunyai kualiti sebagai pemimpin berdasarkan kepada personaliti yang telah sedia ada dalam dirinya. Persoalannya, adakah guru besar sekolah hari ini mempunyai personaliti yang dapat mempengaruhi prestasi kerja guru ke arah mencapai matlamat organisasi?

Di atas kesedaran inilah, pengkaji melihat kajian ini adalah penting kerana kajian berkaitan personaliti guru besar terhadap prestasi kerja guru amat kurang dijalankan. Oleh itu, penyelidik menghadapi kesukaran untuk mendapatkan bahan rujukan. Norhasliza (2016) turut menyatakan bahawa kajian kesan dimensi personaliti guru besar terhadap prestasi kerja amat kurang dijalankan oleh mana-mana penyelidik. Justeru, kajian ini perlu dijalankan bagi menilai dan menjawab persoalan pengaruh personaliti guru besar terhadap prestasi kerja guru di negeri Sabah.

Sifat personaliti yang dinamik memberi banyak keistimewaan kepada ahli organisasi khususnya pemimpin pendidik. Jackson & Rothstein (1991) mendapati personaliti mempunyai hubungan dengan prestasi kerja. Dapatan kajian meta-analitik mereka mendapati hanya faktor-faktor personaliti tertentu sahaja mempunyai hubungan dengan prestasi kerja (Nurul Hudani *et al.*, 2016). Mekonnen (2014) dalam kajiannya mengatakan bahawa prestasi kerja guru bolehlah ditakrifkan sebagai tugas yang dijalankan oleh guru-guru dalam suatu tempoh tertentu berdasarkan sistem sekolah untuk mencapai matlamat sekolah.

Syed Ismail & Ahmad Subki (2010) menyatakan bahawa sistem pendidikan akan dapat mencapai matlamat apabila guru-guru yang berkualiti dapat dihasilkan. Sehubungan dengan

itu, guru adalah aset yang sangat berharga dalam sistem pendidikan. Hal ini kerana, peranan guru-guru adalah sangat penting demi memastikan pencapaian objektif dalam proses persekolahan secara amnya serta proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara khususnya (Mohamad Johdi, 2007). Menurut Saedah & Mohammed Sani (2012), tanpa penglibatan dan sokongan daripada kaum guru, segala perancangan pendidikan yang telah disediakan akan terbengkalai begitu sahaja.

Prestasi kerja menyediakan pelbagai tujuan dan manfaat dalam organisasi khususnya bagi meneliti aspek pengukuran pencapaian guru (Muhammad Qudrat, 2008). Sejak kebelakangan ini ketidakpuasan kerja dalam kalangan guru semakin ketara ekoran dari pelbagai perubahan dalam sistem pendidikan negara melalui reformasi dan transformasi pendidikan yang menyebabkan tugas serta beban kerja guru semakin bertambah (Shafinaz *et al.*, 2017). Perubahan peranan ini menyebabkan guru berfungsi bukan hanya sebagai tenaga pengajar dalam bilik darjah sahaja tetapi sebagai pembimbing, pemberi ransangan, menyiapkan tugas pendokumentasian (perabot, kewangan, keceriaan dan keselamatan sekolah, disiplin dan sebagainya) dan hal berkaitan sekolah secara menyeluruh (Shafinaz, 2017).

Perubahan peranan ini menyebabkan tahap pengajaran guru merosot, didapati hanya 12 peratus pengajaran guru disampaikan pada standard yang tinggi, manakala 38 peratus lagi berada pada standard memuaskan dan 50 peratus pengajaran guru disampaikan pada tahap tidak memuaskan (PPPM, 2013 – 2025). Apakah yang menyebabkan masalah ini berlaku? Atas keperluan dan permasalahan inilah penyelidik ingin mengetahui faktor mempengaruhi prestasi kerja guru dalam melaksanakan tugas mereka agar dapat memenuhi kehendak dan harapan bagi menghasilkan mutu pengajaran yang berkualiti.

Secara umumnya, penyelidikan ini juga melihat kepada keperluan untuk menilai perbezaan prestasi kerja dari sudut demografi responden. Dalam konteks kajian ini empat faktor demografi jantina, umur, pengalaman mengajar dan gred perkhidmatan. Kesemua faktor ini berpotensi menunjukkan perbezaan terhadap variabel kepemimpinan instruksional, kecerdasan emosi, personaliti dan prestasi kerja.

Kesemua faktor ini dilihat penting untuk menentukan tindakan dan strategi yang boleh diambil untuk merapatkan jurang perbezaan mengikut ciri demografi guru sekiranya wujud. Penelitian terhadap perbezaan variabel kepemimpinan instruksional, kecerdasan emosi, personaliti dan prestasi kerja mengikut ciri demografi guru ini penting untuk mengenal pasti penyebab kepada perbezaan yang wujud dan mencari penyelesaian kepada permasalahan tersebut.

Sebagai kesimpulan kepada perbincangan ini, penyelidik melihat kepada keperluan untuk menjalankan penyelidikan berkaitan prestasi kerja guru serta faktor yang mempengaruhinya. Justeru, dalam konteks kajian ini penyelidik cuba melihat peranan kepemimpinan instruksional, kecerdasan emosi, personaliti guru besar sebagai pemangkin dalam meningkatkan prestasi kerja guru. Keperluan untuk menilai pengaruh kepemimpinan instruksional, kecerdasan emosi, personaliti guru besar terhadap prestasi kerja guru adalah perlu untuk menilai sejauh mana kepemimpinan guru besar memberi kesan terhadap prestasi kerja guru.

Metodologi

Penyelidikan ini berbentuk kajian kuantitatif dengan menggunakan reka bentuk tinjauan yang menggunakan kaedah deskriptif. Reka bentuk kuantitatif dipilih untuk kajian ini kerana menurut Creswell (2014) kaedah kuantitatif adalah sesuai untuk menjelaskan hubungan antara pemboleh ubah dalam kajian dan bagaimana sesuatu pemboleh ubah itu mempengaruhi pemboleh ubah yang lain serta mengetahui adakah sesuatu faktor itu merupakan jangkakan kepada sesuatu hasil (Gay, Mills & Airasian, 2012). Menurut Ghazali & Sufean (2016) kajian

kuantitatif merujuk kepada kajian yang dapatannya dihasilkan dengan menggunakan analisis statistik dalam bentuk angka manakala kajian deskriptif digunakan kerana kajian ini berbentuk tinjauan dan pengumpulan data melalui soal selidik.

Kajian deskriptif yang digunakan melalui borang soal selidik yang melibatkan variabel bebas kepimpinan instruksional, kecerdasan emosi, personaliti manakala variabel bersandar prestasi kerja. Bagi mendapatkan kebolehpercayaan instrumen kajian, ciri-ciri demografi guru yang terlibat dalam penyelidikan ini diberi perhatian yang khusus oleh penyelidik. Justeru, reka bentuk dalam kajian ini dibuat bersesuaian dengan objektif, persoalan kajian, saiz populasi dan sampel kajian.

Penggunaan soal selidik berupaya untuk merangkumi sampel yang ramai dengan kos yang rendah dan menyebabkan perbandingan antara kajian menjadi lebih terperinci serta tahap objektiviti yang lebih tinggi (Sackman, 1991). Kelebihan kaedah tinjauan soal selidik membolehkan penyelidik mengumpul banyak maklumat pada satu-satu masa dengan kos yang rendah dan mudah dikendalikan (Cohen, 2000; Mohd. Majid, 2009; Awang, Afthanorhan & Asri, 2015).

Kaedah ini telah digunakan secara meluas dalam pelbagai bidang penyelidikan dan sesuai untuk mengumpul maklumat berkaitan tingkah laku (Gorard, 2001). Kenyataan ini selaras kenyataan Mohd. Majid (2009) yang menyatakan kaedah soal selidik sesuai digunakan untuk mendapatkan maklumat berkenaan fakta-fakta, kepercayaan, perasaan, kehendak dan sebagainya daripada responden. Kaedah ini juga telah digunakan untuk menentukan kecerdasan dan kepemimpinan di sekolah (Allen, 2003).

Kaedah tinjauan melalui soal selidik adalah popular bagi kajian bukan eksperimental dalam pelbagai bidang terutama kajian sains sosial (Chua, 2012) dan pendidikan (McMillan, 2012). Kaedah tinjauan dipilih berdasarkan keupayaannya untuk memberikan penerangan yang boleh diukur secara numerikal bagi ketiga-tiga pemboleh ubah iaitu kepimpinan instruksional, kecerdasan emosi, personaliti guru besar serta prestasi kerja guru. Di samping itu, kaedah ini menjimatkan masa, lebih ekonomi dan bertepatan dalam memberikan maklumat berkaitan populasi kajian serta sesuai bagi kajian deskriptif apabila penyelidik mahu melihat hubungan antara pemboleh ubah dalam konteks kehidupan yang sebenar (Muijs, 2011).

Dapatan

- a) Hubungan kepimpinan instruksional guru besar dengan prestasi kerja guru sekolah rendah di negeri Sabah.

Ujian korelasi Pearson (*Pearson product-moment*) digunakan bagi menganalisis hubungan antara dua pemboleh ubah kajian iaitu untuk mengetahui hubungan antara kepimpinan instruksional guru besar dan prestasi kerja guru sekolah rendah di negeri Sabah. Ujian korelasi ini juga turut digunakan bagi menguji hipotesis pertama kajian iaitu:

Ho1: Tidak terdapat hubungan yang signifikan kepemimpinan instruksional guru besar dengan prestasi kerja guru sekolah rendah di negeri Sabah.

Jadual 1 : Korelasi Kepimpinan Instruksional dengan Prestasi Kerja

Variabel	<i>Pearson Correlation</i>	<i>Sig (2-tailed)</i>	N
Kepimpinan Instruksional	.725**	.000	419

Nota:**korelasi adalah signifikan pada tahap $p < .01$

Analisis korelasi Pearson telah digunakan bagi menentukan hubungan konstruk kepimpinan instruksional dengan prestasi kerja pada aras signifikan $p < 0.05$. Jadual 1, menunjukkan hasil analisis korelasi Pearson's r antara variabel tidak bersandar kajian iaitu kepimpinan instruksional. Analisis menunjukkan variabel kepimpinan instruksional mempunyai nilai $r = 0.725$ *Sig. (2-tailed) = 0.00* ($p < 0.01$). Berdasarkan analisis ini, korelasi variabel kajian menunjukkan nilai $p=0.00$ ($p < 0.01$). Oleh yang demikian terdapat bukti yang kukuh untuk menolak hipotesis nol kajian *Ho1*.

Dapatan ini menunjukkan terdapat hubungan antara kepimpinan instruksional guru besar dengan prestasi kerja guru sekolah rendah di negeri Sabah. Kekuatan nilai pekali korelasi berada pada aras yang kuat. Ini bermakna, hipotesis *Ho1* ditolak kerana telah terbukti terdapat hubungan yang signifikan antara kepimpinan instruksional guru besar dengan prestasi kerja guru sekolah rendah di negeri Sabah.

- b) Hubungan kecerdasan emosi guru besar dengan prestasi kerja guru sekolah rendah di negeri Sabah.

Analisis bagi mengkaji hubungan antara kecerdasan emosi guru besar dan prestasi kerja guru telah dijalankan menggunakan Ujian Korelasi Pearson. Ujian Korelasi ini juga turut dijalankan bagi menguji hipotesis kedua kajian iaitu:

Ho2: Tidak terdapat hubungan yang signifikan kecerdasan emosi guru besar dengan prestasi kerja guru sekolah rendah di negeri Sabah.

Jadual 2: Korelasi Kecerdasan Emosi dengan Prestasi Kerja

Variabel	<i>Pearson Correlation</i>	<i>Sig (2-tailed)</i>	N
Kecerdasan Emosi	.750**	.000	419

Nota:**korelasi adalah signifikan pada tahap $p < .01$

Analisis korelasi Pearson telah digunakan bagi menentukan hubungan konstruk kecerdasan emosi dengan prestasi kerja pada aras signifikan $p < 0.05$. Jadual 2, menunjukkan hasil analisis korelasi Pearson antara variabel tidak bersandar kajian iaitu kecerdasan emosi. Analisis menunjukkan variabel kecerdasan emosi mempunyai nilai $r = 0.750$ *Sig. (2-tailed) = 0.00* ($p < 0.01$).

0.01). Berdasarkan analisis ini, korelasi variabel kajian menunjukkan nilai $p=0.00$ ($p < 0.01$). Oleh yang demikian terdapat bukti yang kukuh untuk menolak hipotesis nol kajian H_02 .

Dapatan ini menunjukkan terdapat hubungan antara kecerdasan emosi guru besar dengan prestasi kerja guru sekolah rendah di negeri Sabah. Kekuatan nilai pekali korelasi juga berada pada aras yang kuat. Ini bermakna, hipotesis H_02 ditolak kerana telah terbukti terdapat hubungan yang signifikan antara kecerdasan emosi guru besar dengan prestasi kerja guru sekolah rendah di negeri Sabah.

- c) Hubungan antara personaliti guru besar dengan prestasi kerja guru sekolah rendah di negeri Sabah.

Ujian korelasi Pearson digunakan bagi menganalisis hubungan antara personaliti guru besar dan prestasi kerja guru sekolah rendah di negeri Sabah. Analisis juga dijalankan bagi menguji hipotesis ketiga kajian iaitu:

H_03 : Tidak terdapat hubungan yang signifikan Personaliti guru besar dengan prestasi kerja guru sekolah rendah di negeri Sabah.

Jadual 3: Korelasi antara Personaliti dengan Prestasi Kerja

Variabel	Pearson Correlation	Sig (2-tailed)	N
Personaliti	.751**	.000	419

Nota:**korelasi adalah signifikan pada tahap $p<.01$

Analisis korelasi Pearson telah digunakan bagi menentukan hubungan konstruk personaliti dengan prestasi kerja pada aras signifikan $p < 0.05$. Jadual 3, menunjukkan hasil analisis korelasi Pearson antara variabel tidak bersandar kajian iaitu personaliti. Analisis menunjukkan variabel personaliti mempunyai nilai $r = 0.751$ Sig. (2-tailed) = 0.00 ($p < 0.01$). Berdasarkan analisis ini, korelasi variabel kajian menunjukkan nilai $p=0.00$ ($p < 0.01$). Oleh yang demikian terdapat bukti yang kukuh untuk menolak hipotesis nol kajian H_03 .

Dapatan ini menunjukkan terdapat hubungan antara personaliti guru besar dengan prestasi kerja guru sekolah rendah di negeri Sabah. Kekuatan nilai pekali korelasi berada pada aras yang kuat. Ini bermakna, hipotesis H_03 ditolak kerana telah terbukti terdapat hubungan yang signifikan antara personaliti guru besar dengan prestasi kerja guru sekolah rendah di negeri Sabah.

- d) Pengaruh kepimpinan instruksional, kecerdasan emosi, persoaliti guru besar terhadap prestasi kerja guru sekolah rendah di negeri Sabah.

Analisis bagi mengkaji pengaruh antara kepimpinan instruksional, kecerdasan emosi, personaliti guru besar terhadap prestasi kerja guru telah dijalankan menggunakan Ujian Regresi berganda. Ujian regresi ini juga turut dijalankan bagi menguji hipotesis keempat-empat kajian iaitu:

Ho4 : Terdapat pengaruh yang signifikan kepemimpinan instruksional, kecerdasan emosi, personaliti terhadap prestasi kerja guru sekolah rendah di negeri Sabah.

Hipotesis kajian *Ho4* adalah untuk menentukan sama ada wujud pengaruh dan sekuat mana pengaruh item-item peramal kepemimpinan instruksional, kecerdasan emosi, personaliti guru besar terhadap variabel bersandar prestasi kerja guru. Ujian ini mengambil kira tiga variabel bebas dan satu variabel bersandar iaitu kepemimpinan instruksional, kecerdasan emosi, personaliti terhadap prestasi kerja.

Prosedur analisis regresi berganda digunakan untuk meramal dan menerangkan nilai antara satu variabel bersandar dengan beberapa variabel bebas. Analisis ini juga akan menunjukkan sekuat mana pengaruh variabel peramal kepemimpinan instruksional, kecerdasan emosi dan personaliti terhadap prestasi kerja.

Hasil analisis data menunjukkan ketiga-tiga variabel bebas iaitu kepemimpinan instruksional, kecerdasan emosi dan personaliti mempunyai pengaruh yang signifikan dengan variabel bersandar prestasi kerja. Variabel bebas personaliti mempunyai pengaruh yang paling tinggi dengan variabel bersandar kajian (*r square* = 0.564, *p* < 0.05) diikuti oleh variabel kecerdasan emosi (*r square* = 0.563, *p* < 0.05) dan seterusnya variabel kepemimpinan instruksional (*r square* = 0.526, *p* < 0.05). Hasil analisis ujian regresi data kajian bagi ketiga-tiga variabel ditunjukkan seperti berikut.

Jadual 4 : Analisis Pengaruh Kepimpinan Instruksional, Kecerdasan Emosi, Personaliti terhadap Prestasi Kerja.

Variabel	<i>R</i>	<i>R Square</i>	<i>Adjusted R Square</i>	<i>Std. Error of the Estimate</i>	<i>Sig F Change</i>
Kepimpinan Instruksional	.725 ^a	.526	.525	.26399	.000
Kecerdasan Emosi	.750 ^a	.563	.56	.25360	.000
Personaliti	.751 ^a	.564	.563	.25326	.000

Hasil analisis mendapati bahawa kepemimpinan instruksional guru besar mempengaruhi prestasi kerja guru adalah signifikan dengan nilai *R square* = .526. Nilai varian *R square* .526 menunjukkan bahawa 52.6% daripada perubahan keseluruhan prestasi kerja guru adalah dipengaruhi oleh faktor kepemimpinan instruksional guru besar. Manakala, 47.4% prestasi kerja guru dipengaruhi oleh faktor-faktor lain. Dapatan ini menunjukkan terdapat pengaruh antara kepemimpinan instruksional guru besar dengan prestasi kerja guru sekolah rendah di negeri Sabah. Ini bermakna, terdapat pengaruh yang signifikan antara kepemimpinan instruksional guru besar dengan prestasi kerja guru sekolah rendah di negeri Sabah.

Analisis yang dijalankan mendapati bahawa kecerdasan emosi guru besar mempengaruhi prestasi kerja guru adalah signifikan dengan nilai *R square* = .563. Nilai varian *R square* .563 menunjukkan bahawa 56.3% daripada perubahan keseluruhan prestasi kerja guru adalah dipengaruhi oleh faktor kecerdasan emosi guru besar. Manakala, 43.7% prestasi kerja guru

mungkin dipengaruhi oleh faktor-faktor lain. Dapatan ini menunjukkan terdapat pengaruh antara kecerdasan emosi guru besar dengan prestasi kerja guru sekolah rendah di negeri Sabah. Ini bermakna, pengaruh yang signifikan antara kecerdasan emosi guru besar dengan prestasi kerja guru sekolah rendah di negeri Sabah.

Hasil analisis mendapati bahawa personaliti guru besar mempengaruhi prestasi kerja guru adalah signifikan dengan nilai $R\ square = .564$. Nilai varian $R\ square .564$ menunjukkan bahawa 56.4% daripada perubahan keseluruhan prestasi kerja guru adalah dipengaruhi oleh faktor personaliti guru besar. Manakala, 43.6% prestasi kerja guru mungkin dipengaruhi oleh faktor-faktor lain. Dapatan ini menunjukkan terdapat pengaruh antara personaliti guru besar dengan prestasi kerja guru sekolah rendah di negeri Sabah. Ini bermakna, terdapat pengaruh yang signifikan antara personaliti guru besar dengan prestasi kerja guru sekolah rendah di negeri Sabah.

Secara keseluruhannya, dapat dibuat kesimpulan berdasarkan persepsi guru di negeri Sabah bahawa terdapat pengaruh yang signifikan di antara ketiga-tiga variabel bebas kepimpinan instruksional, kecerdasan emosi dan personaliti guru besar terhadap prestasi kerja guru. Kepimpinan instruksional, kecerdasan emosi dan personaliti guru besar dibuktikan mempengaruhi prestasi kerja guru.

Perbincangan

Peranan guru besar sebagai pemimpin di sekolah bukan hanya sebagai pemimpin instruksional sahaja malah lebih dari itu. Kesibukan guru besar menghadkan tugasan mereka sebagai pemimpin instruksional di sekolah (Azlin, 2006); Azlin & Roselan (2007); Bity Salwana (2009) dan Munroe (2009). Guru Besar didapati lebih cenderung melibatkan diri dengan memenuhi tuntutan tugas pengurusan dan pentadbiran. Oleh itu, guru besar perlu berupaya mengurus masa antara tugas pengurusan pentadbiran dan peranan sebagai pemimpin instruksional bagi memastikan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran.

Guru besar yang melaksanakan peranan sebagai pemimpin instruksional perlu merancang, melakukan pentaksiran, pemerhatian dan penilaian bagi memastikan perkembangan guru dan keberkesanan proses pengajaran dalam bilik darjah (Glickman, Gordon & Roos-Gordon, 2007). Guru besar yang mengamalkan kepimpinan instruksional dengan berkesan terbukti mampu memupuk semangat serta motivasi kepada guru dalam pengajaran, bertindak sebagai motivator dan pembina pasukan (Richards, 2005). Ini adalah kerana menurut Simin *et al.*, (2015), guru besar yang mengamalkan kepimpinan instruksional berupaya mempengaruhi tingkah laku dan prestasi kerja guru.

Selain itu, guru besar yang memperlihatkan kesungguhan dalam kepimpinan instruksional dapat mewujudkan perasaan kepuasan kerja yang tinggi dalam kalangan guru (Abdul Said, Jumriah & Christina, 2014) dan meningkatkan komitmen guru dalam pengajarannya (Tschannen-Moran & Gareis, 2015). Komitmen, kepuasan kerja dan prestasi kerja dalam kalangan guru amat penting bagi membolehkan guru sentiasa mempunyai semangat dan berusaha sepenuhnya bagi menghasilkan pengajaran yang berkesan.

Guru Besar yang berkesan merupakan petunjuk utama kepada kecemerlangan pencapaian pelajar. Pemimpin yang bijak akan berjaya memberi kesan secara positif kepada pelajar, guru dan komuniti sekolah (Marzano, Waters & McNulty, 2005; Moore, 2009). Hallinger (2003) mengatakan bahawa pemimpin instruksional yang berkesan adalah gabungan antara kemahiran interpersonal dan intrapersonal yang dikuasai oleh pemimpin. Kedua-dua kemahiran ini sangat

diperlukan oleh pemimpin sekolah dalam mewujudkan hubungan yang positif, saling menghormati dan berkerjasama dalam memastikan pencaian dan kecemerlangan organisasi.

Kepimpinan guru besar memberi kesan secara langsung dan tidak langsung terhadap kecemerlangan pelajar (Hallinger 1998, 2008,2012; Sim 2011; Tschannen-Moran & Gareis, 2015; Waters, Marzano & McNulty, 2003). Kepimpinan guru besar mempunyai pengaruh yang tinggi terhadap kualiti kejayaan sekolah, pencapaian pelajar, komitmen dan prestasi kerja guru. Oleh itu, guru besar sebagai pemimpin instruksional perlu memastikan guru sentiasa mempunyai semangat kerja yang tinggi dalam strategi pengajaran, pengurusan bilik darjah dan menggalakkan iklim sekolah agar kualiti pengajaran dan pembelajaran sentiasa berkesan. Kebolehan guru besar untuk meningkatkan prestasi kerja guru akan membuatkan guru lebih bermotivasi dan mempunyai tahap kepuasan kerja yang tinggi.

Ini adalah kerana menurut Gu (2014), hubungan antara guru besar dan guru secara personal berdasarkan kerja mempunyai kesan pengaruh yang besar dalam memastikan kepercayaan guru tentang kebolehan yang mereka miliki. Blase & Blase (2000) turut berpendapat bahawa tingkah laku kepimpinan instruksional guru besar seperti memberi cadangan, maklum balas, penghargaan dan menggalakkan pembangunan profesional guru mempengaruhi prestasi kerja guru. Kajian terdahulu menunjukkan hubungan antara kepimpinan guru besar dan prestasi kerja berlaku secara langsung.

Ashley (2010), Clark (2009) , Horton (2013), Jameela (2012), Mohd Nor (2005), Mohd Nor & Mohamad (2013), Mohd Yusri & Aziz (2014), Munroe (2009) mengatakan kepimpinan instruksional secara signifikan mempengaruhi prestasi dan kecemerlangan organisasi. Justeru, dalam kajian ini dapat dibuktikan bahawa kepimpinan instruksional guru besar mempunyai hubungan signifikan terhadap prestasi kerja guru. Kajian ini juga mendapati bahawa kepimpinan instruksional guru besar signifikan mempengaruhi prestasi kerja guru sekolah rendah di negeri Sabah.

Kebolehan untuk memimpin orang lain dalam persekitaran tempat kerja bermula dengan tahap kecerdasan emosi pemimpin yang tinggi (Bradberry & Greaves, 2003; Goleman et al., 2002). Seseorang individu yang mempunyai kecerdasan emosi yang tinggi merupakan seorang pemimpin yang berkesan berbanding pemimpin yang mempunyai tahap kecerdasan emosi yang rendah (Cherniss & Goleman, 2005, Goleman, 2000).

Walau bagaimanapun, kajian yang mengkaji dan meneroka hubungan antara kecerdasan emosi dengan prestasi kerja adalah terhad, manakala kajian yang menggabungkan kepimpinan instruksional, kecerdasan emosi, personaliti dan prestasi kerja guru masih kurang dijalankan di Malaysia. Kecerdasan emosi amat penting kerana sebagai pemimpin di sekolah, guru besar perlu pemahaman yang mendalam berkaitan psikologi manusia bagi memimpin dan mengetuai kepelbagaian personaliti warga sekolah (Dinham, 2005; Fall, 2004). Personaliti, nilai, sikap dan kebolehan setiap individu dalam organisasi perlu difahami oleh guru besar kerana individu yang berjaya dimotivasikan akan menggunakan sepenuh potensi dalam menjalankan tugas seiring dengan kehendak organisasi.

Seterusnya, gelagat individu akan mencorakkan kumpulan individu dan mempengaruhi gelagat organisasi. Interaksi dan kerjasama antara satu sama lain dalam melaksanakan tugas adalah petunjuk kepada kecemerlangan organisasi tersebut. Kenyataan ini selari dengan pendapat oleh Kouzes & Posner (2007) serta Owens & Valesky (2007) iaitu seseorang pemimpin perlu mempunyai kebolehan untuk memimpin kerana hubungan yang berkesan antara pemimpin dan pengikut akan menghasilkan organisasi yang cemerlang.

Membina perhubungan antara ahli dalam sesebuah organisasi seperti sekolah melibatkan kebolehan mengendalikan emosi. Komponen ini membantu interaksi yang baik dengan orang di sekeliling dan berkebolehan untuk mempengaruhi mereka dalam menyelesaikan sesuatu konflik yang timbul. Menurut Karim (2011), perhubungan antara pemimpin dan pengikut adalah sesuatu yang unik dan membawa kepada kerjasama antara setiap ahli dalam organisasi.

Pemimpin yang mampu mengawal dan mengurus emosi diri sendiri serta pengikutnya akan dihormati dan mewujudkan organisasi yang menjamin kepercayaan dan semangat kesetiaan terhadap tugas yang dijalankan. Ini adalah kerana menurut Owens & Valesky (2007) dalam dunia pendidikan, gelagat atau tingkah laku dalam organisasi sekolah wujud apabila fungsi interaksi antara setiap individu dan persekitaran berlaku dengan berkesan. Gelagat dan tingkah laku yang dimaksudkan adalah kepimpinan, proses sosialisasi, motivasi, interaksi sosial, hubungan interpersonal, proses kumpulan, dinamika kumpulan serta peranan sikap dan tingkah laku kumpulan. Oleh itu, guru besar sebagai pemimpin di sekolah perlu mempunyai kecerdasan emosi yang tinggi dalam memahami gelagat organisasinya.

Kecemerlangan bidang pendidikan akan lebih berkesan apabila kecerdasan emosi dan kecerdasan rasional diterapkan dalam sekolah bagi memahami keperluan dan tingkah laku ahli (Goleman, Boyatzis & McKee, 2002). Stogdill (1974) turut mengatakan bahawa terdapat korelasi antara personaliti dan ciri kepimpinan seseorang pemimpin seperti kecerdasan, kemahiran, kebolehan mengawal emosi, kebertanggungjawaban dan keyakinan diri serta mempunyai hubungan dan pengaruh terhadap amalan kepimpinan seseorang pemimpin. Yulk (2013) mengatakan secara tidak langsung faktor kecerdasan emosi merupakan antara ciri-ciri trait yang perlu ada dalam diri seseorang pemimpin untuk menjadi pemimpin yang berkesan.

Kajian awal yang dilakukan oleh Lim & Poon (1997) juga membuktikan bahawa guru di Malaysia yang mempunyai komitmen yang tinggi, daya usaha tinggi adalah mereka yang mempunyai prestasi kerja yang tinggi. Bipath (2008); Blanchard (2004); Cherniss & Goleman (2005); Goleman, (2011) dan Munroe (2009) mengatakan kecerdasan emosi secara signifikan mempengaruhi prestasi seseorang pemimpin untuk cemerlang dalam mengetuai organisasi. Justeru, dalam kajian ini dapat dibuktikan bahawa kecerdasan emosi guru besar mempunyai hubungan signifikan terhadap prestasi kerja guru. Kajian ini juga mendapati bahawa kecerdasan emosi guru besar signifikan mempengaruhi prestasi kerja guru sekolah rendah di negeri Sabah.

Selain kecerdasan emosi, personaliti juga sering dikaitkan dengan keberkesanan kepemimpinan guru besar. Personaliti pemimpin dengan tingkah laku kepimpinan yang diamalkan memberi sumbangan kepada pencapaian prestasi kerja yang lebih baik. Kajian terbaru turut mempamerkan bahawa personaliti adalah berkait rapat dengan pencapaian organisasi terutama terhadap aspek prestasi kerja, perkembangan kerjaya, keberkesanan kepimpinan, penilaian sendiri dan juga pengurusan latihan (Barrick, Mount & Judge, 2001; Judge, Higgins, Thoresen, & Barrick, 1999; Judge & Bono 2000; Salgado, 2003).

Berdasarkan kajian Bass (1990) menghuraikan kepentingan bagi seorang pemimpin untuk mempunyai personaliti tertentu bagi menggambarkan keunikan yang ada dalam dirinya supaya mampu memberikan keyakinan dan pengaruh kepada pengikutnya sehingga boleh dianggap menjadi pemimpin yang berjaya. Dalam hal ini, Van Schaack & Glick (1982) mendapati personaliti yang berjaya merujuk kepada individu yang bersifat kreatif, bersemangat, penyayang, dan mempunyai sikap ingin tahu yang kuat. Mereka juga didapati sentiasa bersikap positif terhadap diri sendiri dan orang lain dalam menghadapi pelbagai krisis situasi. Kajian-kajian lepas yang dijalankan menunjukkan bahawa jenis-jenis personaliti tertentu berupaya menjadikan golongan pekerja lebih bertanggungjawab terhadap tugasnya khususnya bagi

mereka yang bertindak sebagai pemimpin dalam organisasi pendidikan sehingga pemilihan personaliti ini diandaikan dapat menyumbang kepada peningkatan prestasi kerja yang lebih tinggi terhadap organisasi.

Dapatan kajian berkaitan, kesemua dimensi personaliti guru besar seperti kehematan, keterbukaan, ekstraversi dan kesetujuan menunjukkan hubungan positif dengan prestasi kerja guru kecuali dimensi gangguan emosi. Dalam hal ini, pemimpin yang berpersonaliti bagi keempat-empat dimensi berikut secara positif dapat berperanan untuk memenuhi keperluan cabaran perubahan yang berlaku. Malah, kini menjadi tanggungjawab pemimpin untuk mempraktikkan elemen personaliti tersebut secara konsisten dalam organisasi masing-masing pada semua peringkat. Dalam hal ini, kepentingan personaliti dalam kepimpinan adalah suatu kewajaran yang perlu dimiliki pemimpin bagi melahirkan hasil kerja yang berkualiti.

Pemimpin harus mempunyai personaliti yang dapat menggambarkan kewibawaannya dalam menerajui organisasi dengan berketerampilan positif dalam semua urusan pentadbiran. Keterampilan positif bukan setakat luaran seperti cara berpakaian kemas dan bersih tetapi juga sifat dalaman seperti menghormati dan mempunyai kesabaran yang tinggi dalam mengurus keinginan dan kehendak ahli kumpulan bagi mencapai kesepakatan dan kerjasama dari semua pihak.

Sesungguhnya, memang tidak dapat dinafikan bahawa untuk menjadi seorang pemimpin yang berkaliber dan disegani bukan hanya bergantung kepada kelayakan akademik, pengetahuan atau pengalaman semata-mata, sebaliknya personaliti yang konsisten dapat menambat hati serta meyakinkan guru untuk meningkatkan prestasi kerja mereka. Justeru, dalam kajian ini dapat dibuktikan bahawa personaliti guru besar mempunyai hubungan signifikan terhadap prestasi kerja guru. Kajian ini juga mendapati bahawa personaliti guru besar signifikan mempengaruhi prestasi kerja guru sekolah rendah di negeri Sabah.

Guru merupakan aset terpenting bagi meningkatkan pendidikan ke tahap yang lebih tinggi. Peningkatan prestasi kerja guru merupakan petunjuk kepada kepuasan kerja guru yang berusaha ke arah kecemerlangan pelajar (You, Kim & Lim, 2015). Guru yang mempunyai semangat kerja yang tinggi mendorong serta menggalakkan mereka untuk berusaha lebih cemerlang dalam aktiviti pengajaran di dalam bilik darjah melalui kepelbagaian variasi dan teknik mengajar (Tschannen-Moran & Hoy, 2001). Menurut Nurahimah & Rafisah (2010) guru yang memiliki semangat kerja tinggi mampu menyampaikan isi pelajaran dengan baik dan berkesan. Kesungguhan guru yang dipamerkan melalui strategi pengajaran yang dilaksanakan secara berkesan, pengurusan bilik darjah yang cemerlang dan penglibatan pelajar yang maksimum semasa proses pengajaran dan pembelajaran mampu menghasilkan pelajar yang menghargai kepentingan pelajaran.

Guru yang selesa dengan persekitaran kerja, memperoleh sokongan dan kerjasama dari guru besar cenderung mempunyai prestasi kerja yang tinggi. Secara khususnya, guru besar mempengaruhi prestasi kerja guru melalui amalan dan peranannya sebagai pemimpin instruksional serta kecerdasan emosi dan personaliti yang dimilikinya. Ini adalah kerana prestasi kerja guru merupakan kunci kepada peningkatan kualiti pengajaran. (Mariani, Mohd Nazri, Norazana, Nor'ain & Zabidi, 2016).

Penutup

Secara keseluruhannya, terdapat tiga peranan utama guru besar sebagai pemimpin instruksional yang perlu diamalkan iaitu mendefinisikan Misi sekolah, mengurus program instruksional dan menggalakkan iklim sekolah agar guru boleh melaksanakan proses pengajaran dan

pembelajaran dengan berkesan. Kebolehan guru besar mengenal pasti dan mengurus emosi memberikan impak kepada prestasi kepimpinan instruksional guru besar. Dimensi kesedaran sendiri, pengurusan sendiri, kesedaran sosial dan pengurusan perhubungan yang dimiliki oleh guru besar merupakan petunjuk kepada kecemerlangan serta keberkesanan kepimpinan mereka. Personaliti pemimpin didapati mampu menyumbang kepada keberkesanan gaya kepimpinan dalam kalangan pemimpin yang memberi kesan terhadap pencapaian prestasi kerja dalam organisasi. Dimensi kehematan, keterbukaan, extraversi dan kesetujuan yang diamalkan dapat menggambarkan kewibawaannya dalam menerajui organisasi dengan berketerampilan positif dalam semua urusan pentadbiran. Seterusnya, guru memerlukan sokongan dan motivasi dari guru besar dalam meningkatkan prestasi kerja mereka. Apabila prestasi kerja guru meningkat, maka guru akan lebih berusaha sepenuhnya mengajar bagi melahirkan pelajar yang cemerlang. Akhir kata, semoga hasil dapatan kajian ini boleh membantu penambahan ilmu kepada sistem pendidikan negara dalam membina negara bangsa.

Rujukan

- Abdul Ghani Kanesan Abdullah, Ekerim A/P Din Chen, & Ying Leh Ling. (2019). Pengaruh moderator bagi komuniti pembelajaran professional terhadap kepimpinan instruksional pengetua dan efikasi kolektif guru. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*. Julai 2019, Bil.6, Isu 3.
- Abdul Karim Md. Nor. (1989). *Characteristics of effective rural secondary schools in malaysia*. Unpublished PhD thesis. University of Wisconsin, Madison, Amerika Syarikat.
- Abdul Said Ambotang, Birma P. Tandra, & Christina Andin. (2017). Hubungan personaliti guru besar dan iklim sekolah terhadap kepuasan kerja guru. *Jurnal Sains Sosial Dan Kemanusiaan*, 9(1), 59 – 64.
- Abdul Said Ambotang, Jumriah Abdul Aziz, & Christina Andin. (2014). *Kepimpinan pengajaran guru besar, hubungannya dengan komitmen dan kepuasan kerja guru sekolah rendah*. Paper presented at the International Conference on Education 2014, Sabah, Malaysia.
- Abdul Syukor Abdullah. (2004). *Kepimpinan unggul tonggak pengurusan pendidikan cemerlang*. *Jurnal Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan*, 14(1), 18-30.
- Adeyemi, T. O. (2010). *Principals' leadership styles and teachers' job performance in senior secondary school in ondo state, Nigeria*. *Journal of Economic Theory* 3(3), 84 – 92
- Alimuddin, M. D. (2010). *Ciri-ciri pengetua yang "outstanding"*. *Pendidik* (53). Widad Publications. Selangor.
- Allen, N. (2003). *Organizational commitment in the military: A discussion of theory and practice*. *Military psychology*, Vol. 15, pp. 237-253.
- Ashley Ng Yoon Mooi. (2010). *Kepimpinan instruksional dan kepimpinan transformasional pengetua-pengetua Negeri Perak*. Pembentangan Kertas, Perak: SMK Methodist (ASC), Sitiawan.
- Awang, Z., Afthanorhan, A., Mohamad, M., & Asri, M. A. M. (2015). An evaluation of measurement model for medical tourism research: The confirmatory factor analysis approach. *International Journal of Tourism Policy*, 6(1), 29-45.
- Azlin, N. M. (2006). *Amalan pengurusan pengetua: satu kajian kes*. Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Azlin, N. M. & Roselan, B. (2007). *Amalan pengurusan pengetua*. Selangor: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azlin, N. M. & Roselan, B. (2015). *Amalan pengurusan pengetua*. Selangor: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Baharom, M. (2004). *Persepsi guru terhadap kepimpinan pengajaran dalam celik komputer di sekolah-sekolah di Negeri Johor*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor.
- Baharom Mohamad, Mohamad Johdi Salleh, & Che Noraini Hashim. (2009). *Kepimpinan pendidikan berkesan*. Prosiding Seminar Kepengetuaan Kebangsaan Ke-VI - Halatuju Kepimpinan Sekolah Untuk Penambahbaikan Yang Mapan, VI(2009), 1–19.
- Baharuzaini Baharin, Muhammad Hisham Adnan, Mohd Hanif Mohd Zin, Mohd Norhisyam Kamaludin, & Azlin Norhaini Mansor. (2016). Gaya kepimpinan guru besar dan tahap efikasi guru di sebuah sekolah rendah di daerah Gua Musang, Kelantan. *Journal of Personalized Learning*, 2(1), 9–17.
- Bandura, A. (1986). *Social foundations of thought and action: A social cognitive theory*. Prentice Hall, Englewood Cliffs.
- Barrick, M.R., Mount, M.K. & Judge, T.A. (2001). *Personality and job performance at the beginning of the new millennium: What do we know and where do we go next?* *International Journal of Selection and Assessment*, 9, 9-30.
- Barrick, M.R. & Mount, M.K. (1999). *The big five personality dimensions and job performance: A meta-analysis*. *Personnel Psychology*, 44, 1-26.
- Barrick, M.R. & Mount, M.K. (2005). *Personality Matters : Moving on to more important matters*. *Human Performance*, 18(4), 359-372.
- Bass, B. M. (1990). *Bass and Stogdill's handbook of leadership (3rd edition): Theory research and management application*. New York: Free Press.
- Bass, B. M., & Bass, R. (2008). *The bass handbook of leadership: Theory, research and managerial applications (4th edition)*. USA: The Free Press.
- Bass, B. M. & Stogdill, R. M. (1990). *Bass & Stogdill's handbook of leadership: Theory, research, and managerial applications*. New York: Free Press.
- Bipath Keshni. (2008). The emotional intelligence of the principal is essential in the leadership of a functional school. *The International Journal of Learning: Annual Review*, Vol. 15 (57-64).
- Bity Salwana. (2009). *Analisis kompetensi berdasarkan kualiti peribadi, pengetahuan, kemahiran dan amalan dalam pelbagai bidang pengurusan dalam kalangan pengetua sekolah menengah di Malaysia*. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Bity Salwana Alias, Ahmad Basri Md. Yussof, Ramlee Mustapha, & Mohammed Sani Ibrahim. (2010). Analisis kompetensi pengetua berdasarkan kualiti peribadi, pengetahuan, kemahiran dan amalan dalam bidang pengurusan sekolah menengah Malaysia. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 35(2),31-41.
- Blanchard, K. H. (2004). *Foreword: The heart of servant leadership*. In L. C. Spears & M. Lawrence (Eds), *Focus on leadership: Servant leadership for the twenty-first century (ix-xii)*. New York: John Wiley & Sons, Inc.
- Blase, J., & Blase, J. (2000). Effective instructional leadership: Teachers' perspectives on how principals promote teaching and learning in schools. *Journal of Educational Administration*, 38(2), 130-141.
- Bradberry, T., & Greaves, J. (2003). *Emotional intelligence appraisal: There is more than IQ*. San Diego,CA:Talent Smart.
- Bush, T. Bell, L. & Middlewood, D. (2008). *Principles of educational : Leadership and management*. Sage Publishing.com.
- Cagle, K., & Hopkins, P. (2009). *Teacher self efficacy and the supervision of marginal teachers*. *Journal of Cross-Disciplinary Perspectives in Education*, 2(1), 25-31.
- Chan, A. (2004). *Key performance indicators for measuring construction success*. *Benchmarking : An International Journal*, Vol. 11, No. 2, pp 203 – 221.

- Cherniss, C., & Goleman, D. (2005). *The emotionally intelligent workplace*. New York: Bantam.
- Chua, Y.P. (2005). *Kaedah dan statistik penyelidikan*. McGraw-Hill Education Malaysia.
- Chua, Y. P. (2006). *Asas statistik penyelidikan: Kaedah dan statistik penyelidikan: Buku 2*. Kuala Lumpur, Malaysia: McGraw Hill.
- Chua, Y. P. (2012). *Mastering research methods*. Kuala Lumpur, Malaysia: McGraw Hill.
- Chua Bee Seok. (2010). *Hubungan di antara personaliti, motivasi dan prestasi kerja dalam kalangan belia Malaysia*. Universiti Malaysia Sabah.
- Churchill, G. A., & Surprenant, C.F., & Walker, J.W. (1985). An investigation into the determinants of customer satisfaction. *Journal of Marketing Research*, 19, 491-504.
- Clark, I. (2009). *An analysis of the relationship between K-5 elementary school teachers' perception of principal instructional leadership and their science teaching efficacy*. Disertasi Doktor Pendidikan yang tidak diterbitkan, University of Minnesota.
- Coakes, S. J. (2005). *SPSS Version 12.0 for Windows analysis without anguish*. Australia: National Library of Australia.
- Coakes, S. J., Steed, L. & Ong, C. (2009). *SPSS analysis without anguish Version 16.0 for Windows*. Australia: Jhon Wiley & Sons.
- Cohen, L. (2000). *Research methods in education (5th edition)*. Routledge Falmer. London.
- Cohen, L., Manion, L., & Morrison, K. (2011). *Research methods in education (7th edition)*. New York: Routledge.
- Creswell, J. W. (2014). *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches. Research design qualitative quantitative and mixed methods approaches (Fourth)*. California: SAGE Publications, Inc.
- Cohen, L. (2000). *Research methods in education (5th edition)*. Routledge Falmer. London.
- Cohen, L., Manion, L., & Morrison, K. (2011). *Validity and reliability*. Research Methods In Education.
- Cohen, L., Manion, L., & Morrison, K. (2011). *Approaches to quantitative data analysis*. Research Methods In Education.
- Creswell, J. W. (2014). *Educational research: Planning, conducting and evaluating quantitative and qualitative research (4th edition)*. USA: Pearson.
- Creswell, J. W. (2009). *Research design: Qualitative, quantitative and mixed methods approaches (3th edition)*. London: SAGE Publications Inc.
- Danielle Foong Chai Yen. & Mohd. Khairuddin Abdullah @ Jerry. (2017). Analisis perbandingan kepimpinan instruksional pengetua dan kepuasan kerja guru. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*. ISSN Volume: 2 Issues: 5 September, 2017.
- Dinham, S. (2005). Principal leadership for outstanding educational outcomes. *Journal of Educational Administration*, 43(4), 338-356.
- Edmonds, R. (1979). *Effectives schools for the urban poor*. Educational Leadership, 37(1): 15-18 & 20-24.
- Edward E. Leonard, & Wanda Maulding Green. (2018). *Are leader behavior and emotional intelligence. Related to teacher efficacy?*. The Journal of Values-Based Leadership. Vol.11 (2).
- Fall, M. J. (2004). *Emotional intelligence as a factor in the leadership of elementary school principals*. Central Michigan University. AAT 3150970
- Gay, L. R. Mills. G. E. & Airasian, P. (2012). *Educational research: competencies for analysis and applications (10th edition)*. Boston: Pearson Education Inc.
- Ghazali Darusalam, & Sufean Hussin. (2016). *Metodologi penyelidikan dalam pendidikan: Amalan dan analisis kajian (edisi kedua)*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

- Glickman, C. D., Gordon, S., & Roos-Gordon, J. M. (2007). *Supervision and instructional leadership : A developmental approach (7th edition.)*. Boston: Pearson.
- Golamen, D. & Cherniss, C. (2001). *An EI-Based theory of performance. The emotional intelligence workplace*. San Francisco: Jossey-Bass Book.
- Goleman, D. (2001). *Emotional intelligence: Issues in paradigm building*. Bantam Books.
- Goleman, D. (2006). *Emotional intelligence*. Bantam Books.
- Golamen, D. & Cherniss, C. (2001). *An EI-Based theory of performance. The emotional intelligence workplace*. San Francisco: Jossey-Bass Book.
- Goleman, D. (2000). *Leadership that get results*. Harvard Business Review, March/Apr 2000, 78 (12), 78.
- Goleman, D. (2011). *Leadership: The power of emotional intelligence*. USA. More Than Sound.
- Goleman, D., Boyatzis, R., & McKee, A. (2002). *Primal leadership: realizing the power of emotional intelligence*. Boston: Harvard Business School Press.
- Gorard, S. (2001). *Quantitative methods in educational research: the role of numbers made easy*. Continuum. London.
- Gu Saw Lan. (2014). *The relationship between instructional leadership behavior, school climate and teacher efficacy in secondary schools in Kedah*. (Tesis Doktor Falsafah yang tidak diterbitkan). Universiti Utara Malaysia.
- Hallinger, P. (2011). *A review of three decades of doctoral studies using the principal instructional management rating scale: a lens on methodological progress in educational leadership*. Educational Administration Quarterly, 47(2), 271-306.
- Hallinger, P. (2008). *Methodologies for studying school leadership. A review of 25 years of research using the principal instructional management rating scale*. Paper prepared for presentation at Annual Meeting of the American Educational Research Association.
- Hallinger, P. (2012). *Assessing and developing instructional leadership in schools*. In Shen, J. (Ed). *Tools for improving the principalship*. Oxford, UK: Peter Lang.
- Hallinger, P. (2003). *Leading educational change : Reflections on the practice of instructional and transformational leadership*. Cambridge Journal of Education, 33(3), 329-352.
- Hallinger, P. (2008). *Educational change in Southeast Asia: The challenge of creating learning systems*. Journal Of Educational Administration.
- Hallinger, P. (2005). *Instructional leadership: How has the model evolved and what have we learned?*. Paper presented at the Annual Meeting of the American Educational Research Association, Montreal.
- Hallinger, P., & Taraseina, P. (2001). *The principal's role as instructional leader: A review of studies using the principal instructional management rating scale*. Paper presented at the annual meeting of the American Educational Research Association, Seattel.
- Hautala, T. M. (2006). *The relationship between persenality and transformational leadership*. Journal Of Management Development, Vol. 25, No 8, pp 777 – 94.
- Hazalizah Hamzah. (2011). *Hubungan antara personaliti dan kepengikutan dengan prestasi kerja dalam kalangan guru sekolah rendah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur*. Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Tesis Kedoktoran.
- Hogg, M. A. (2001). *A social identity theory of leadership*. Sage Journal.
- Horng, E. L. & Loeb, S. (2010). *New thinking about instructional leadership*. Phi Delta Kappan, 93 (3), 66 – 69.
- Horton, T. (2013). *The relationship between teachers' sense of efficacy and perceptions of principal instructional leadership behaviors in high poverty schools*. (Unpublished Doctoral Tesis). University of Texas at Arlington.

- Hoy, A. W. & Hoy, W. K. (2003). *Instructional leadership a learning-centered guide*. USA: Allyn & Bacon.
- Hoy, W. K., & Miskel, C. G. (2005). *Educational administration; theory, research and practice (7th. edition)*. New York; McGraw-Hill.
- Hussein Ahmad. (2007). *Towards world class leadership model of principals for school in the future*. Kertas Kerja Seminar Nasional Pengurusan dan Kepemimpinan Pendidikan Ke-14, Institut Aminuddin Baki, 25-27 Jun.
- Hussein Ahmad. (2001). *Kesepaduan pengurusan dan kepimpinan pendidikan: keperluan dan tuntutan*. Paper presented at the Seminar Kepimpinan dan Pengurusan Pendidikan Nasional ke 9, Institut Aminuddin Baki, Genting Highlands.
- Iran Herman & Fatimah Wati Halim. (1997). *Nilai kerja dan hubungannya dengan prestasi kerja dan kualiti kehidupan bekerja. Satu kajian perbandingan di antara sektor awam dan sektor swasta*. Kertas Penyelidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ishak Sin. (2001). *Pengaruh kepimpinan pengajaran, kepimpinan transformasi dan gantian kepada kepemimpinan ke atas komitmen terhadap organisasi, efikasi dan kepuasan kerja guru*. (Tesis Doktor Falsafah). Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ishak Sin. (2004). *Sekolah berkesan: Amalan-amalan dalam pengurusan pendidikan*. Jurnal Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan, 14(2): 1-21
- Jackson, D. N. & Rothstein, M. (1991). *Personality measures as predictors of job performance: A meta – analytic review*. Personnel Psychology, 44, 703 – 742.
- Jameela Bibi Abdullah. 2012. *Amalan kepimpinan instruksional dalam kalangan pengetua sekolah menengah di Negeri Pahang: Satu kajian kualitatif*. (Thesis Doktor Falsafah yang tidak diterbitkan). Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jamelaa Bibi Abdullah, & Jainabee Md. Kassim. 2011. *Instructional leadership and attitude towards organizational change among secondary schools principal in Pahang, Malaysia*. Procedia -Social and Behavioral Sciences, 15(2011), 3304–3309.
- Jamil Ahmad & Norlia Goolamally. (2008). *Pentadbiran dan pengurusan sistem pendidikan di Malaysia ke arah pendidikan berkualiti*. Panitia Diklat Mahajemen Guru Internasional 2008.
- Judge, T. A. & Bono, J. E. (2000). Five factor model of personality and transformational leadership. *Journal of Applied Psychology* 2000. Vol. 85, No. 5, 751 – 765.
- Judge, T. A. Higgins, C. A. Thoresen, C. J. & Barrick, M. R. (1999). Personnel psychology. *Journal of Applied Psychology* 52.
- Judge, T. & Bono, J. E. (2001). Relationship of core self-evaluation with job satisfaction and job performances: A meta-analysis. *Journal of Applied Psychology*, 86(1), 80-92.
- Juhana Bt Zailah. (2007). *Hubungkait kesibukan pengetua dengan tahap kepimpinan pengajaran yang diamalkan di sekolah menengah di zon bandar Muar*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Junjun Chen & Wei Guo, (2018). *Emotional intelligence can make a difference: The impact of principals' emotional intelligence on teaching strategy mediated by instructional leadership*. Educational Management Administration & Leadership. XX (X), June 2018.
- Karim, J. (2011). Emotional intelligence: Leader-member exchange, organizational justice, and outcome variables: A conceptual model. *International Journal of Leadership Studies*, 6(3): 390-411.
- Kouzes, J. M., & Posner, B. Z. (2007). *The Leadership Challenge (4th edition)*. USA: Jossey-Bass.
- Kouzes, J. M., & Posner, B. Z. (2000). *The Janusian Leader*. Prentice Hall.
- Lan, G. S. (2014). *The relationships between instructional leadership behavior, school climate and teacher efficacy in secondary schools in Kedah*. Universiti Utara Malaysia.

- Lay Yoon Fah & Khoo Chwee Hoon. (2014). *Pengenalan kepada analisis data dengan Amos 18 dalam penyelidikan pendidikan*. Universiti Malaysia Sabah.
- Leithwood, K., & Levin, B. (2010). *Understanding how leadership influences student learning*. International Encyclopedia of Education. Oxford, UK: Elsevier.
- Leithwood, K., Pattern, S. & Jantzi, D. (2010). *Testing a Conception of How School Leadership Influences Student Learning*. Educational Administration Quarterly, 46(5): 671-706
- Lim, B. L & Poon, M. L. (1997). Kesan efikasi diri terhadap komitmen, daya usaha dan prestasi kerja di kalangan guru sekolah. *Jurnal Pendidikan*, 18:37-55.
- Lunenburg, F. C. & Ornstein, A. C. (2008). *Educational administration: Concepts and practices (5th edition)*. USA: Wadsworth.
- Ma'rof Redzuan, & Haslinda Abdullah. (2004). *Psikologi*. Kuala Lumpur : McGraw Hill.
- Maccoby, M. (2009). *Needed: Managers who are leaders*. Research Technology Management. 52(2).
- Maltby, J., Day, L., & Macaskill, A. (2007). *Personality, individual differences, and intelligence*. Harlow: Pearson Education Limited.
- Mariani, M. N., Mohd Nazri, A. R., Norazana, M. N., Nor'ain, M. T., & Zabidi, A. R. (2016). Amalan kepimpinan pengajaran untuk penambahbaikan sekolah: retrospeksi guru besar sekolah berprestasi tinggi. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 3(3): 44 – 53.
- Marzano, R. J., Waters, T., & McNulty, B. A. (2005). *School leadership that works: From research to results*. Alexandria, Va: Association for Curriculum and Development.
- McCormack, L., & Mellor, D. (2002). *The role of personality in leadership: An application of the five-faktor model in Australian military*. Military Psychology, 14, 179 – 197.
- McMillan, J. H. (2012). *Educational research : Fundamental for the consumer*. Pearson College Division.
- Mekonnen, S. (2014). *Problems challenging the academic performance of physics student in higher governmental institutions in the case of Arbaminch, Wolayita Sodo, Hawassa and Dilla Universities*. Natural Science, 2014. 6, 362 – 375.
- Mohamad Johdi Salleh. (2007). *Guru efektif dan peranan guru dalam mencapai objektif persekolahan sekolah rendah: Perspektif guru besar*. Seminar Penyelidikan Institut Perguruan Batu Lintang.
- Mohamad Zakaria Mat Khazani. (2005). *Hubungan antara iklim organisasi dan prestasi kerja di kalangan guru matematik sekolah rendah di Semenanjung Malaysia*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Universiti Malaya.
- Mohd Majid Konting. (2009). *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Nor, J. & Mohamad, H. (2013). *Principal's instructional leadership and teachers' work place well-being: a comparative and relationship study between sekolah menengah agama bantuan kerajaan and sekolah menengah agama rakyat*. Seminar Kebangsaan Kali Ke IV, Majlis Dekan Pendidikan IPTA (2013). Prosiding, 23 – 25 Sept 2013, UIAM.
- Mohd. Yusri Ibrahim, & Aziz Amin. 2014. *Model kepimpinan pengajaran pengetua dan kompetensi pengajaran guru*. Jurnal Kurikulum dan Pengajaran Asia Pasifik, 2(1): 11-25.
- Mohd. Yusof Adbullah, Baharom Mohamad, Abdul Said Ambotang, Muhammad Suhaimi Taat & Roslee Talip. (2012). *Kepimpinan instruksional pengetua: Cabaran dan harapan*. Utusan Borneo. 8 Februari 2012:4.
- Moore, B. (2009). *Emotional intelligence for school administrator: A priority for school reform?*. American Secondary Education, 37(3), 20-28. Retrieved from EBSCOhost.
- Muhammad Qudrat Nugraha. (2008). *A study on the relationship between emotional intelligence organizational commitment, leadership styles and performance among the*

- deans in private higher learning at west jaya and banten provinces in Indonesia.* Tesis Phd Universiti Malaysia Sabah.
- Muijs, D. (2011). *Doing quantitative research in education with SPSS (2nd edition)*. Los Angeles: SAGE.
- Munroe, M. D. (2009). *Correlation of emotional intelligence and instructional leadership behaviors*. (Doctorial Dissertation). University of Phoenix.
- Nadeem, M., Rana, M. S., Lone, A. H., Maqbool, S., Khan, A. W., Naz, K. & Ali, A. (2011). Teacher's competencies and factors affecting the performance of female teachers in Bahawalpur (Southern Punjab) Pakistan. *International Journal Of Business and Social Science*, 2 (19), 217 – 229.
- Nazri Halim, & Yaakob Daud. (2017). Hubungan kecerdasan emosi dengan lima stail disiplin guru. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*.
- Norasmah Othman, & Kamaruzaman Moidunny. (2012). *Kepimpinan pendidikan dan pengurusan pendidikan: cabaran kepada guru besar dan pengetua*. <http://kamaruzamanmoidunny.blogspot.my/2012/09/kepimpinan-pendidikan-dan-pengurusan.html>. Dicitak pada 10 Mac 2017.
- Norhannan Ramli. (2016). *Prestasi guru pendidikan islam berasaskan daya kekuatan dalaman*. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Malaya.
- Norhasliza Abdullah. (2016). *Hubungan dimensi personaliti terhadap prestasi kerja guru sekolah rendah*. Prosiding Seminar Penyelidikan Tindakan Pendidik Guru. IPG Kampus Sultan Mizan.
- Nur Syariaah Raduan, & Mohamed Yusoff Mohd Nor. (2017). *Amalan kepimpinan transformasional guru besar dan hubungannya dengan prestasi kerja guru sekolah rendah Zon Batu Kawa*. Seminar Penyelidikan Pendidikan. Mac 20-22 IPBL Kuching, Sarawak.
- Nurul Hudani Md Nawi, Ma'rof Redzuan & Noor Hisham Md Nawi. (2016). Hubungan antara tret personaliti kehematan, keterbukaan pada pengalaman, ekstraversi dan kesetujuan dengan prestasi kerja dalam kalangan pemimpin pendidik bagi Sekolah Prestasi Tinggi (SBT). *Jurnal Psikologi Malaysia* 30 (1): 102-112
- Nurul Hudani Md Nawi, Ma'rof Redzuan, Puteri Hayati Megat Ahmad & Noor Hisham Md Nawi. (2015). Pengujian model hubungan antara kecerdasan emosi, trait personaliti dan tingkah laku kepimpinan terhadap prestasi kerja. *Journal Of Southeast Asia Social Sciences and Humanities*, Vol 85, No 2.
- Nurul Hudani Md Nawi, Ma'rof Redzuan & Noor Hisham Md Nawi. (2013). Pengaruh aspek kecerdasan emosi terhadap tingkah laku kepimpinan transformasi dalam kalangan pemimpin pendidik sekolah. *Journal Article Repository*, (2 & 3), pp 3 – 11.
- Ololube, N. P. (2009). The problems and approaches to educational planning in nigeria: a theoretical observation. *Mediterranean Journal Of Social Sciences*. Vol 4, No 12.
- Owens, R. E. & Valesky, T. C. (2007). *Organizational behavior in education: Leadership and school reform, (9th edition)*. USA: Pearson.
- Richards, J. (2005). *Principal behaviors that encourages teachers: Perceptions of teachers at three career stages*. Online Submission, Paper presented at the Annual Meeting of the American Educational Research Association (Montreal, Quebec, Canada, Apr 11-15).
- Greenwald, R. (2014). *Child trauma handbook: A guide for helping trauma-exposed children and adolescents*. Routledge.
- Hoeboer, C., de Roos, C., van Son, G. E., Spinhoven, P., & Elzinga, B. (2020). The effect of parental emotional abuse on the severity and treatment of PTSD symptoms in children and adolescents. *Child Abuse & Neglect*, 104775.

- Hoover, J. H., Oliver, R. L., & Thomson, K. A. (1993). Perceived victimization by school bullies: New research and future direction. *The Journal of Humanistic Education and Development, 32*(2), 76-84.
- Hyland, P., McGuckin, C., Lewis, C. A., & Cruise, S. M. (2011). The stress and trauma of school victimization in Ireland: a retrospective account.
- Hyman, I., Berna, J., Snook, P., DuCette, J., & Kohr, M. (2002). *Manual for the My Worst Experience Scales*. Los Angeles, CA: Western Psychological Services.
- Idsoe, T., Dyregrov, A., & Idsoe, E. C. (2012). Bullying and PTSD symptoms. *Journal of abnormal child psychology, 40*(6), 901-911.
- Kelly, C. (2013). *The experiences of bullied adolescents: A case study approach*. Capella University). *ProQuest Dissertations and Theses, , 94*.
- Kreidie, L. H., & Kreidie, M. (2016). Living with ongoing political trauma: The prevalence and impact of PTSD among Syrian refugees. *Psychology Research, 6*(10), 598-615.
- Kukihara, H., Yamawaki, N., Uchiyama, K., Arai, S., & Horikawa, E. (2014). Trauma, depression, and resilience of earthquake/tsunami/nuclear disaster survivors of H irono, Fukushima, J apan. *Psychiatry and clinical neurosciences, 68*(7), 524-533.
- Lembaga Kaunselor Malaysia(2011). Piawaiian dan kelayakan latihan kaunselor Lembaga Kaunselor (Malaysia). *Kuala Lumpur: Penerbitan Lembaga Kaunselor Malaysia*.
- Leymann, H., & Gustafsson, A. (1996). Mobbing at work and the development of post-traumatic stress disorders. *European Journal of work and organizational psychology, 5*(2), 251-275.
- Ma, X., Stewin, L. L., & Mah, D. L. (2001). Bullying in school: Nature, effects and remedies. *Research papers in education, 16*(3), 247-270.
- Mailloux, S. L. (2014). The ethical imperative: Special considerations in the trauma counseling process. *Traumatology: An International Journal, 20*(1), 50–56. doi:10.1177/1534765613496649
- Manrique, M., Allwood, M. A., Pugach, C. P., Amoh, N., & Cerbone, A. (2020). Time and support do not heal all wounds: Mental health correlates of past bullying among college students. *Journal of American college health, 68*(3), 227-235.
- McConnell, A. A., Messman-Moore, T. L., Gratz, K. L., & DiLillo, D. (2020). Beyond the force–substance dichotomy: Examining the experience of combined and incapacitated type rapes and their relation to PTSD symptoms. *Journal of interpersonal violence, 35*(23-24), 5853-5876.
- McDermott, E. R., Donlan, A. E., & Zaff, J. F. (2019). Why do students drop out? Turning points and long-term experiences. *The Journal of Educational Research, 112*(2), 270- 282.
- Meor Ahmad Nasrin, R.I. (2017, 17 Ogos). Bahana Buli: Tindakan segera banteras dari awal. *Berita Harian*. Capaian 15 Februari 2019, dari https://news.usim.edu.my/keratan-akhbar?resetfilters=0&limitstart1=650&group_by=newst_newsclipping___news_title

- Mikkelsen, E. G., & Einarsen, S. (2002). Basic assumptions and symptoms of post-traumatic stress among victims of bullying at work. *European Journal of Work and Organizational Psychology*, 11(1), 87–111. doi:10.1080/13594320143000861
- Mishna, F. (2012). *Bullying: A guide to research, intervention, and prevention*. OUP USA.
- Muhd Hisham, R. (2016, 21 Oktober). Kes buli pelajar menurun dalam tempoh tiga tahun. *Sarawakvoice.com*. Retrieved June 25, 2020, from <https://sarawakvoice.com/2016/10/21/kes-buli-pelajar-menurun-dalam-tempoh-tiga-tahun/>
- Musu-Gillette, L., Zhang, A., Wang, K., Zhang, J., and Oudekerk, B.A. (2017). Indicators of school crime and safety: 2016 (NCES 2017-064/NCJ 250650). National Center for Education Statistics, U.S. Department of Education, and Bureau of Justice Statistics, Office of Justice Programs, U.S. Department of Justice. Washington, DC. <https://nces.ed.gov/pubs2017/2017064.pdf>
- Neupane, S. P., Bramness, J. G., & Lien, L. (2017). Comorbid post-traumatic stress disorder in alcohol use disorder: relationships to demography, drinking and neuroimmune profile. *BMC psychiatry*, 17(1), 312.
- Noraini, I. (2010). *Penyelidikan dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill.
- Noran Fauziah, Y. (2005, 8 Jun). Empat langkah halang perbuatan buli. *UtusanOnline*. Capaian dari 15 Julai 2019 dari http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2005&dt=0608&sec=Rencana&pg=re_02.htm
- Olweus, D., & Limber, S. P. (2010). Bullying in school: evaluation and dissemination of the Olweus Bullying Prevention Program. *American journal of Orthopsychiatry*, 80(1), 124.
- Ossa, F. C., Pietrowsky, R., Bering, R., & Kaess, M. (2019). Symptoms of posttraumatic stress disorder among targets of school bullying. *Child and adolescent psychiatry and mental health*, 13(1), 43.
- Ostrander, J., Melville, A., Bryan, J. K., & Letendre, J. (2018). Proposed modification of a school-wide bully prevention program to support all children. *Journal of school violence*, 17(3), 367-380.
- Plexousakis, S. S., Kourkoutas, E., Giovazolias, T., Chatira, K., & Nikolopoulos, D. (2019). School bullying and post-traumatic stress disorder symptoms: the role of parental bonding. *Frontiers in public health*, 7, 75.
- Rigby, K & Bagshaw, D . (2001), ‘What hurts?’, *Children Australia*, vol. 26, no. 4
- Rohany, N. (2004). *Pendekatan dan peranan kaunselor dalam intervensi krisis*. Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia
- Samsiah, M.J., Mohamad Nasir, B., & Mohd Aziz Shah, M.A. (2014). Needs Assessment Survey Of Trauma Counselling In Malaysian Schools. Dlm. *The 6th International Conference On Teacher Education. The Standardization of Teacher Education: Asian*

- Qualification Framework* (p. 1471). Bandung: Universitas Pendidikan Indonesia Press.
- Schuster, M. A., & Bogart, L. M. (2013). Did the ugly duckling have PTSD? Bullying, its effects, and the role of pediatricians. *Pediatrics*, *131*(1), e288-e291.
- Scott, M. J., & Stradling, S. G. (1994). Post-traumatic stress disorder without the trauma. *British Journal of Clinical Psychology*, *33*(1), 71-74.
- Sekaran U. 2003. *Research Methods for Business: A Skill Building Approach*. 4th edn. John Wiley: Hoboken, NJ.
- Sidek, M., N., & Jamaludin, A. (2005). *Pembinaan modul: Bagaimana membina modul latihan dan modul akademik*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia
- Siti Raudzah, G., Chen, Y. Y., & Hafizah, A., A. (2018). Childhood maltreatment and symptoms of PTSD and depression among delinquent adolescents in Malaysia. *Journal of Child & Adolescent Trauma*, *11*(2), 151-158.
- Siti Raudzah, G., Elklit, A., & Chen, Y. Y. (2015). Reliability and Validity of Child Posttraumatic Stress-Revised Instrument in Malay Language among Malaysian Adolescents. *Malaysian Journal of Psychiatry*, *24*(1).
- Siti Raudzah, G., Elklit, A., Balang, R. V., Sultan, M. A., & Kana, K. (2014). Preliminary findings on lifetime trauma prevalence and PTSD symptoms among adolescents in Sarawak Malaysia. *Asian Journal of Psychiatry*, *11*, 45-49. doi:10.1016/j.ajp.2014.05.008
- Siti Raudzah, G., Elklit, A., Sultan, M. A., Balang, R. V., & Chen, Y. Y. (2017). Lifetime trauma exposure, gender, and DSM-5 PTSD symptoms among adolescents in Malaysia. *Traumatology*, *23*(3), 235.
- Terr, L.C. (1991). Childhood traumas: An outline and overview. *Journal of Psychiatry*. *148*, 10-20.
- Thyer, B. (2009). *The handbook of social work research methods*. Sage Publications.
- Van Ryzin, M. J., & Roseth, C. J. (2018). Cooperative learning in middle school: A means to improve peer relations and reduce victimization, bullying, and related outcomes. *Journal of educational psychology*, *110*(8), 1192.
- Whitted, K. S., & Dupper, D. R. (2005). Best practices for preventing or reducing bullying in schools. *Children & Schools*, *27*(3), 167-175.

Aspirasi Falsafah Pendidikan Islam Dalam Memperkasa Peranan Guru Pendidikan Islam Sebagai Pemangkin Perubahan Masyarakat

Maziahtusima Ishak¹, Mohd Mursyid Arshad², Fathiyah Mohd Fakhruddin², Ismi Ariff Ismail², Hayati Ismail¹, Sakinah Ahmad¹, Siti Rosilawati Ramlan¹, Hazlina Abdullah¹, Noor Saazai Mat Saad¹ & Sarifah Nurhanum Syed Sahuri¹

Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)¹

Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia (UPM)²

mshima@usim.edu.my

ABSTRAK

Pengenalan- Sejarah perkembangan pendidikan negara menunjukkan pendidikan Islam tidak formal merupakan kaedah penyampaian ilmu yang paling berkesan khususnya dalam kalangan masyarakat Melayu. Guru agama sangat berpengaruh terutamanya dalam aspek pengukuhan identiti Melayu Islam dan bimbingan kerohanian. Sistem pendidikan negara yang bertunjangkan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) menjadi teras kepada pembangunan Falsafah Pendidikan Islam (FPI) ke arah pemantapan sikap, kemahiran, keperibadian dan pandangan hidup seorang individu berteraskan al-Quran dan al-Sunnah. Namun begitu, pelbagai kepingangan dalam masyarakat turut dikaitkan dengan penglibatan GPI dalam aktiviti kemasyarakatan yang masih rendah. Justeru, isu ini perlu diberikan perhatian.

Objektif – Kertas ini bertujuan menilai tahap prestasi peranan guru pendidikan Islam (GPI) sebagai pemangkin perubahan ke arah pembentukan masyarakat yang bertamadun terutamanya dalam era pasca moden.

Metodologi – Peranan GPI sebagai pemangkin perubahan dinilai menggunakan soal selidik yang terdiri daripada 8 item yang dibina berdasarkan teori peranan dan ciri ejen berkesan dalam model Perubahan Terancang. Nilai kebolehpercayaan instrumen ialah .923. Kajian melibatkan 320 orang GPI sekolah agama swasta di Selangor yang dipilih menggunakan kaedah persampelan rawak berstrata. Data dianalisis menggunakan perisian SPSS 23.0.

Dapatan – Keputusan kajian menunjukkan tahap peranan GPI sebagai pemangkin perubahan adalah sederhana. Ini membuktikan persepsi dan jangkaan orang lain terhadap tanggung jawab yang harus dijalankan oleh GPI terhadap ahli masyarakat dapat mempengaruhi tingkah laku GPI.

Kepentingan – Kajian merupakan satu konteks baru iaitu mengukur penglibatan dan peranan GPI dalam pendidikan tidak formal. Peranan pemangkin perubahan yang dikaji adalah mengikut jangkaan dan persepsi masyarakat menurut Teori Peranan serta keperluan standard profesionalisme guru di Malaysia. Dapatan kajian boleh digunakan sebagai kayu ukur oleh KPM dalam menilai tahap pengamalan nilai profesionalisme guru berdasarkan Model Standard Guru Malaysia.

Kata Kunci: *guru pendidikan Islam, nilai profesionalisme guru, pemangkin perubahan, pendidikan tidak formal, teori peranan*

Pengenalan

Pendidikan merupakan salah satu alat penting bagi membina negara bangsa dan membentuk modal insan kelas pertama ke arah mencapai status negara maju menjelang tahun 2020. Aspirasi kerajaan dalam memperkasa modal insan ini jelas ditunjukkan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) di mana gagasan yang dinyatakan dalam FPK bertujuan membentuk insan yang memiliki potensi secara holistik, berilmu, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri. FPK juga menjadi teras kepada pembangunan Falsafah Pendidikan Islam (FPI) untuk pemantapan sikap, kemahiran, keperibadian dan pandangan hidup seorang individu bertunjangan al-Quran dan al-Sunnah. FPI menekankan pembangunan modal insan yang bukan sahaja bertanggung jawab terhadap agama, bahkan bertanggung jawab terhadap sesama manusia dan alam sekitar.

Bagi mencapai matlamat FPK dan FPI, guru khususnya guru pendidikan Islam (GPI) dituntut untuk memainkan peranan sebagai pemangkin perubahan ke arah pembentukan masyarakat yang bertamadun (Zakaria, Noranizah & Abdul Fatah, 2012) terutamanya dalam era pasca moden (Maimun Aqsha, Sabariah & Mohd Sham, 2016). Kesenambungan peranan GPI dalam konteks masyarakat boleh dilaksanakan menerusi pendidikan Islam (PI) tidak formal di mana GPI boleh menyumbang dalam aktiviti kemasyarakatan iaitu aktiviti di luar sekolah seperti menyampaikan kuliah di masjid mahupun surau, membuka kelas pengajian al-Quran dan fardhu ain di waktu malam dan hujung minggu, menghantar karya penulisan di majalah (Kamarul Azmi Jasmi 2010) berdasarkan bidang kepakaran guru (Abdullah & Ainon, 2006).

Pendidikan tidak formal adalah pelengkap kepada pendidikan formal sedia ada (Coombs, 1976; M. Mahruf & Andrew, 2018; Solahuddin, Mohd Sobri & Zaheruddin, 2014). Sejarah perkembangan pendidikan negara menunjukkan PI tidak formal dalam kalangan masyarakat khususnya masyarakat Melayu bermula selepas kedatangan Islam ke Semenanjung Tanah Melayu pada abad ke empat belas (Mohd Roslan & Wan Mohd Tarmizi, 2011; Rosnani, 2004). Guru agama mempunyai pengaruh besar dalam komuniti setempat (Rogers, 1975) dan sering dilibatkan dalam urusan kemasyarakatan (Wall & Callister, 1999). Pada zaman pra kemerdekaan, guru agama banyak terlibat dalam perjuangan menyedarkan dan mengukuhkan identiti Melayu Islam (Ibrahim Majdi & Mariam, 2017; Latifah et al., 2012), memberi bimbingan dalam urusan akidah dan ibadah (Masyhurah, Harun, Maimun & Siti Aisyah, 2015) serta membangkitkan kesedaran masyarakat Islam untuk kembali kepada suruhan Islam (Mashitah, 2013).

Peredaran zaman dan perubahan landskap sosial dewasa ini membuatkan masyarakat terpaksa berhadapan dengan cabaran hidup yang semakin kompleks. Pelbagai isu negatif didapati semakin berleluasa dalam masyarakat (Ma Razhanlaily & Salasiah Hanin, 2016; Syarul Azman, Muhammad Yusuf, Sahlawati & Siti Khaulah, 2018) dan situasi ini sering dikaitkan dengan tahap pegangan agama yang longgar (Siti Aishah & Sidar, 2016) Untuk itu, PI tidak formal diperlukan sebagai sokongan kepada individu dan masyarakat dalam proses pembangunan nilai dan akhlak (Kamiz Uddin & Mohammad Aman, 2006; Shuhadak & Ibnor Azli, 2014; Tampubolon, 2007). Namun begitu, realiti penglibatan GPI dalam aktiviti kemasyarakatan menerusi pendidikan tidak formal yang berbeza daripada norma tugas seharian didapati masih rendah (Asmadi & Ramlan, 2020; Muhamad Suhaimi & Mohd Yusof,

2014) dan perlu diberikan perhatian serius (Noornajihan et al., 2019; Muhamad Zahiri et al., 2012).

Sorotan Kajian Literatur

Konsep Ejen Perubahan

Istilah ejen perubahan biasa dijumpai dalam konteks kajian yang melibatkan organisasi (Alagoz et al., 2018; Lunenburg, 2010; Pugh, Bahn & Gakere, 2013; Van Poeck, Laessoe & Block, 2017) termasuklah dalam bidang pendidikan pengembangan (Anaeto et al., 2012; Cerf, Guillot & Olry, 2011; Jasmin et al., 2013; Strong & Irani, 2011). Caldwell (2003) merujuk ejen perubahan sebagai seorang yang memainkan peranan signifikan dalam memulakan, mengurus atau melaksanakan perubahan manakala Rimal (2018) pula menganggap ejen perubahan sebagai seseorang yang membantu melaksanakan satu bentuk perubahan sosial atau inovasi terancang. Bagi Nnebedum (2019) pula, ejen perubahan adalah seorang yang boleh bekerja dengan individu lain, kumpulan dan ahli masyarakat dengan tujuan meningkatkan kualiti hidup.

Menurut Jasmin, Azizan dan Azahari (2013), ejen perubahan menjalankan fungsi pelbagai dan bertindak sebagai penghubung antara kerajaan dan masyarakat. Ejen perubahan yang berkesan pula mampu melaksanakan tanggung jawab sebagai pemangkin perubahan, penyelesaian masalah, penghubung sumber dan pembantu proses. Pemangkin perubahan menurut Rahim (2011, p.78) ialah seseorang yang secara ketara menyebabkan sesuatu perubahan berlaku untuk kepentingan komuniti dan mempunyai ciri-ciri seperti mempunyai pengetahuan teknikal terkini, selalu berinteraksi sama ada dalam situasi formal atau tidak formal, mempunyai sikap positif terhadap pekerjaan dan organisasi serta mampu mempamerkan imej positif.

Guru Pendidikan Islam Sebagai Pemangkin Perubahan

Di Malaysia, penglibatan golongan agamawan sebagai ejen perubahan masyarakat telah lama berlaku. Wall dan Callister (1999) menyatakan bahawa selain menjadi pemimpin, golongan agamawan khususnya imam juga berperanan sebagai pemangkin perubahan dalam kalangan masyarakat Melayu dengan bertindak sebagai pengantara dalam menyelesaikan hal ehwal kekeluargaan selain pertelingkahan hal agama. Ini disebabkan oleh tuntutan masyarakat Melayu pada masa itu yang mengharapkan pemimpin yang berpengetahuan, berpengalaman dalam kepimpinan, memiliki kualiti personaliti agama, alim, mengamalkan adat dan rukun Melayu, aktif dalam aktiviti setempat dan menguasai ilmu pengetahuan selain bidang agama (Rogers, 1975). Kemampuan golongan agamawan dalam mempengaruhi masyarakat dalam kajian lepas menunjukkan keunggulan ciri sebagai ejen perubahan meskipun tidak disebutkan secara jelas dalam kalangan masyarakat pada ketika itu.

Kini, keperluan guru untuk bertindak sebagai pemangkin perubahan boleh dilihat menerusi Kerangka konsep Amalan Nilai Profesionalisme Keguruan iaitu dalam dokumen Standard Guru Malaysia (SGM). SGM mempamerkan tiga domain ke arah melahirkan guru yang unggul iaitu domain diri, profesion dan sosial yang bertunjangkan paksi ketuhanan, kenegaraan dan kemasyarakatan (KPM, 2016). Domain sosial mengandungi lima nilai utama iaitu 1) keharmonian; 2) kemahiran sosial; 3) semangat bermasyarakat; 4) patriotisme dan 5) kecintaan terhadap alam sekitar. Meskipun tidak dinyatakan secara eksplisit kepentingan peranan guru dalam konteks sosial masyarakat, domain sosial tersebut memberi justifikasi yang jelas kepada

perlunya guru untuk sama-sama terlibat dalam agenda memperkasa aspek sosial masyarakat seperti politik untuk perpaduan antara kaum (Hie et al., 2018).

Peranan guru dalam memantapkan nilai keharmonian merujuk kepada kemampuan guru untuk melakukan pelbagai aktiviti dengan semua peringkat masyarakat tanpa mengira kaum dan agama. Nilai kemahiran sosial pula menuntut guru untuk mempamerkan kemahiran berkomunikasi dengan semua peringkat masyarakat, berupaya mengawal emosi dan bijak memilih rakan. Bagi nilai semangat kemasyarakatan, guru disyorkan untuk melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti kemasyarakatan, memberi khidmat kepada masyarakat dan mempamerkan semangat pemuafakan yang tinggi. Bagi nilai patriotisme, guru dituntut untuk menonjolkan semangat kecintaan yang tinggi kepada negara dengan memberi sokongan padu kepada aktiviti yang mengukuhkan semangat patriotisme.

Nilai kecintaan terhadap alam sekitar pula mengesyorkan guru agar mengutamakan penjagaan alam sekitar dan sentiasa cakna tentang isu pemeliharaan alam sekitar (Noraziah & Latipah, 2010; Jumardin La Fua, Ratna Umi Nurlila, Fahmi Gunawan, & Ismail Suwardi, 2018; Muhardi, Nurdin & Irfani, 2020). Nilai murni ini sejajar dengan pandangan Islam tentang kepentingan memelihara alam sekitar sebagai salah satu lambang ketamadunan manusia (Halizah, 2019) selain berkait rapat dengan falsafah ekologi menurut perspektif Islam yang mampu membangunkan domain spiritual insan (Wan Nornajmiwati & Asri, 2019) dan lambang kepada pencapaian aspek kesejahteraan hidup (M. Ma'ruf, 2019; Razali, 2014). Kesemua nilai yang ditegaskan dalam Standard 1 ini membuktikan bahawa peranan guru tidak terbatas kepada penglibatan dalam hal-hal di sekolah tetapi merentasi keperluan dan kehendak dalam masyarakat. Ringkasan konsep amalan nilai profesionalisme seperti yang ditunjukkan dalam rajah 1.



Rajah 1. Kerangka konsep amalan nilai profesionalisme keguruan (KPM, 2016)

Bagi GPI, peranan sebagai pemangkin perubahan dalam masyarakat bukan sahaja dapat dilaksanakan melalui pendekatan keagamaan, bahkan merentasi pelbagai dimensi ilmu. Dapatan kajian oleh Celone et al. (2016) berkaitan intervensi perubahan tingkah laku menunjukkan guru madrasah telah berjaya memainkan peranan sebagai pemangkin perubahan

dalam program kesihatan komuniti bagi membasmi penyakit *schistosomiasis* di Zanzibar. Guru madrasah menganggap diri mereka sebagai sumber dan rujukan kepada masyarakat.

Guru agama juga mampu menjadi ejen perubahan sosial yang sangat berkesan melalui penglibatan dalam kempen kesihatan kekeluargaan (Freij, 2009). Penglibatan guru agama telah berjaya mengubah pandangan masyarakat untuk memberi sokongan kepada program perancangan keluarga dan kesihatan reproduktif kerana kredibiliti golongan ini telah meningkatkan nilai maklumat yang diberikan serta dapat mempengaruhi sikap menerima atau menolak kepada sesuatu idea atau praktis. Dapatan kajian oleh A. Halai dan N. Durrani (2017) di Pakistan juga menunjukkan guru agama berjaya memainkan peranan sebagai ejen keamanan yang mengubah perpaduan sosial dan mengurangkan ketaksamaan dalam pendidikan. Pergolakan dalam masyarakat Islam dan bukan Islam di Pakistan telah meletakkan guru sebagai orang tengah yang berperanan menyelesaikan konflik menggunakan medium pendidikan. Ketiga-tiga kajian menguatkan andaian bahawa guru mampu bertindak sebagai ejen perubahan dengan menggunakan kedudukan dan fungsi guru dalam menyelesaikan isu sosial dalam masyarakat.

Penglibatan GPI dalam aktiviti kemasyarakatan menurut Kamarul Azmi (2010) adalah bersesuaian dengan ciri seorang *murabbi* atau pemangkin perubahan (*catalyst*) yang membangunkan akhlak, bukan hanya sebagai penyampai ilmu (*mu'allim*). Jelas sekali, konsep GPI sebagai pemangkin perubahan telah lama ditekankan tetapi dalam konteks yang berbeza dan lebih kepada pendidikan formal di sekolah sedangkan peranan guru agama dalam masyarakat Melayu sebelum ini lebih kepada pendidikan tidak formal.

Metodologi

Reka Bentuk Kajian

Kajian yang dijalankan ini adalah merupakan kajian kuantitatif. Maklumat kajian dikumpul menggunakan kaedah tinjauan keratan rentas berdasarkan soal selidik yang dijawab oleh responden. Dalam kaedah tinjauan rentas ini, pengkaji memungut data pada satu titik masa tertentu daripada sampel populasi yang telah ditentukan (Noraini, 2010). Kaedah ini membantu mendapatkan banyak maklumat pada satu-satu waktu, menjimatkan kos, perbelanjaan yang rendah dan mudah dikendalikan (Creswell, 2012).

Populasi Kajian

Melalui data statistik yang diperolehi, populasi kajian adalah 3681 orang guru di 586 buah sekolah agama swasta di seluruh negeri Selangor. Sekolah agama swasta yang dikaji dalam kajian ini pula hanya melibatkan sekolah rendah agama swasta, sekolah menengah agama swasta serta sekolah tahfiz swasta rendah dan menengah. Kajian ini tidak mengambil kira GPI yang berada di tadika agama swasta dan sekolah pondok atau madrasah. Kajian ini melibatkan GPI sekolah agama swasta di negeri Selangor sahaja memandangkan bilangan sekolah agama swasta di Selangor meliputi hampir 59% daripada bilangan sekolah agama swasta keseluruhan yang terdapat di Malaysia. Sekolah yang dipilih merupakan sekolah yang berdaftar dan mempunyai rekod lengkap maklumat sekolah dan bilangan guru seperti dalam Portal Maklumat Pendidikan Islam (SIMPENI), JAKIM. Pemerolehan maklumat sekolah dan guru sekolah adalah dengan bantuan daripada pegawai di Bahagian Pendidikan Islam, Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS).

Kaedah Persampelan & Saiz Sampel

Sampel dalam kajian ini ditentukan menggunakan teknik persampelan rawak berstrata berkadar disebabkan bilangan GPI dalam kajian ini berbeza mengikut daerah dan jenis sekolah agama yang dikaji. Selain itu, bilangan GPI perempuan lebih ramai berbanding GPI lelaki (mengikut data pada tarikh analisis data dilakukan). Berdasarkan jadual Cohen et al. (2001) dengan saiz populasi seramai 3681 orang, maka saiz sampel minimum yang diperlukan adalah antara 346 hingga 357.

Instrumen Kajian

Kajian ini menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen untuk mengumpul data yang diperlukan. Terdapat 8 item yang dibina bagi mengukur peranan GPI sebagai pemangkin perubahan. Nilai kebolehpercayaan instrumen bagi peranan sebagai pemangkin perubahan adalah .923.

Prosedur Analisis Data

Kajian ini menggunakan data primer. Data-data yang diperolehi dianalisis menggunakan SPSS versi 23.0. Statistik deskriptif digunakan untuk membuat huraian secara menyeluruh mengenai demografi sampel kajian seperti jantina, umur, tempoh perkhidmatan, bilangan waktu pengajaran, status tauliah mengajar, status tauliah sebagai penceramah/pengajar agama, kelayakan ikhtisas, bidang pengkhususan serta kelayakan akademik tertinggi responden. Kajian ini menggunakan kekerapan dan peratus untuk menerangkan demografi sampel. Tahap prestasi GPI sebagai pemangkin perubahan ditentukan menggunakan garis panduan tahap skor min yang dikemukakan oleh Muhammad, Ismail, Wan, Mohd. dan Zawiah (2013) seperti dalam jadual 1 di bawah.

Jadual 1. Garis Panduan Bagi Skor Min

Skor Min	Tafsiran Skor Min
1.00 hingga 4.00	Rendah
4.01 hingga 7.00	Sederhana
7.01 hingga 10.00	Tinggi

Sumber: Muhammad et al. (2013)

Dapatan

Profil Responden

Kajian ini melibatkan 320 orang guru Pendidikan Islam (GPI) di sekolah agama swasta di negeri Selangor. Seramai 104 orang (32.5%) adalah dari kalangan guru lelaki manakala 216 orang (67.5%) adalah guru perempuan. Majoriti iaitu 216 orang (67.5%) GPI berumur di bawah 30 tahun, 73 orang (22.8%) berumur antara 31 hingga 45 tahun manakala 10 orang (3.1%) berumur lebih 45 tahun. 21 orang (6.6%) responden tidak menjawab soalan tentang umur mereka. Umur minima responden pula ialah 18 tahun manakala umur maksima ialah 69 tahun.

Selanjutnya, 71 orang (22.2%) GPI berkhidmat di Sekolah Rendah Islam (SRI), 120 orang (37.5%) di Sekolah Rendah Islam Integrasi (SRITI), 35 orang (10.9%) di Sekolah Menengah Islam (SMI), 92 orang (28.8%) berkhidmat di Tahfiz manakala 2 orang (0.6%) tidak menjawab. 269 orang (84.1%) menyatakan tempoh mengajar mereka kurang daripada 10 tahun, 32 orang (10.0%) pula telah mengajar antara 11 hingga 25 tahun sementara hanya 3 orang (0.0%) telah berkhidmat melebihi 25 tahun. 16 orang (5.0%) tidak memberi respon kepada soalan ini.

Seramai 189 orang (59.1) melaporkan bahawa mereka mengajar kurang daripada 20 waktu seminggu manakala 60 orang (18.8%) mendakwa mereka mengajar lebih daripada 20 waktu seminggu. 71 orang (22.1%) pula tidak menjawab. Seterusnya, 208 orang (65.0%) menyatakan mereka masih belum mendapatkan tauliah mengajar di sekolah tempat mereka sedang berkhidmat manakala baki 101 orang (31.5%) memiliki tauliah tersebut. 11 orang (3.5%) tidak memberi sebarang respon kepada soalan ini.

Selanjutnya analisis menunjukkan 264 orang (82.5%) tidak memiliki tauliah sebagai penceramah atau pengajar agama yang dikeluarkan oleh mana-mana Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) manakala hanya 44 orang (13.8%) memiliki tauliah. 12 orang (3.7%) tidak memberi respon. Data juga menunjukkan bahawa hanya 55 orang (17.2%) memiliki kelayakan ikhtisas manakala baki seramai 246 orang (76.9%) tidak memiliki kelayakan ikhtisas. Baki 19 orang (5.9%) tidak menjawab soalan.

Namun begitu, dari segi bidang pengkhususan pula, 151 orang (47.2%) adalah mengkhusus dalam bidang berkaitan Pendidikan Islam (Pendidikan Islam, Bahasa Arab dan Pengajian Islam) manakala 118 orang (36.9%) mendakwa mereka mengkhusus dalam lain-lain bidang dan baki 51 orang (15.9%) tidak menjawab soalan. Akhir sekali, bagi kelulusan akademik tertinggi, 161 orang (50.3%) memiliki Ijazah Sarjana Muda, 18 orang (5.6%) memiliki Ijazah Sarjana, 48 orang (15.0%) memiliki Diploma manakala baki 60 orang (18.8%) memiliki Sijil Tinggi Pelajaran/Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia/STAM atau yang setara dengannya. 33 orang (10.3%) tidak memberi sebarang maklum balas.

Analisis Skor Min, Sisihan Piawai, Kekerapan, Peratusan dan Tahap Prestasi GPI Sebagai Pemangkin Perubahan

Analisis data mendapati skor min bagi dimensi peranan GPI sebagai pemangkin perubahan masyarakat ialah 5.865 dengan sisihan piawai 2.246. Analisis terperinci mendapati 68 orang (21.3%) menunjukkan tahap peranan sebagai pemangkin perubahan adalah pada tahap rendah, 150 orang (46.9%) pada tahap sederhana manakala 102 orang (31.9%) pada tahap tinggi.

Perbincangan

Keputusan kajian mendapati tahap prestasi peranan GPI sebagai pemangkin perubahan masyarakat adalah sederhana (Min=5.865, SP=2.246). Dapatan ini selari dengan kajian Azrina (2012) yang mendapati peranan golongan agamawan di Malaysia sebagai ejen perubahan masyarakat khususnya dalam aktiviti kemasyarakatan adalah memuaskan tetapi masih perlu ditambah baik. Selain itu, dapatan kajian Noornajihan (2014) juga menunjukkan GPI masih kurang menyumbang dalam aktiviti kemasyarakatan meskipun dimensi kualiti GPI yang lain seperti penguasaan ilmu agama dan pengamalan ilmu agama menunjukkan tahap yang cemerlang.

Tahap prestasi peranan GPI sebagai pemangkin perubahan masyarakat yang sederhana dalam kajian ini juga menimbulkan persoalan tentang kemampuan GPI bertindak sebagai ejen sosialisasi sedangkan van Ommering (2017) berpendapat seorang guru haruslah bertindak sebagai pemangkin perubahan dalam sebuah masyarakat yang penuh dengan konflik dengan memainkan peranan yang pelbagai antaranya sebagai pembawa damai (*peacebuilder*), pendukung kualiti pendidikan, ejen sosialisasi dan pemangkin perubahan kepada isu-isu berkaitan politik. Di samping itu, Masheko et al. (2016) juga berpandangan keberhasilan seorang guru bertindak sebagai ejen perubahan dalam masyarakat bergantung kepada tahap penglibatan mereka dalam sesuatu isu berbangkit.

Prestasi sederhana GPI sebagai pemangkin perubahan masyarakat juga berkemungkinan didorong oleh pertindihan peranan sebagai guru dan persepsi mereka tentang kemampuan untuk bertindak sebagai ejen perubahan masyarakat. Sikap ragu-ragu dan ketidakpastian golongan agamawan untuk mengintegrasikan agama dalam bidang lain juga memberi kesan kepada prestasi mereka sebagai ejen perubahan (Hitzhusen, 2006). Selain daripada itu, perbezaan persepsi dengan pihak lain (Gardner, 2002) dan pertentangan sikap sebenar golongan agamawan dengan prinsip keagamaan yang memandang tinggi nilai etika dan moral baik juga menjadi punca golongan ini kurang berkesan sebagai ejen perubahan masyarakat (Bhagwat, Ormsby & Rutte, 2001).

Prestasi peranan ejen perubahan masyarakat juga dikaitkan dengan motivasi seseorang untuk bekerja (Ragasa et al., 2015). Kegagalan ejen untuk menunjukkan prestasi yang baik kemungkinan disebabkan oleh faktor ketiadaan polisi yang jelas, tahap kompetensi yang rendah selain kekurangan motivasi ekstrinsik seperti penghargaan. Terdapat kemungkinan prestasi GPI sebagai pemangkin perubahan masyarakat berada pada tahap sederhana kerana kurangnya latihan secara formal untuk menyampaikan dakwah serta ilmu kepada golongan sasaran walaupun dalam kajian ini tahap pembelajaran berterusan sama ada secara individu mahupun berkumpulan adalah tinggi.

Namun begitu, Hoyle (1969) menyimpulkan peranan guru sebagai ejen perubahan adalah peranan informal yang biasanya tidak dapat dikenalpasti dengan mudah. Ini disebabkan oleh peranan informal seorang guru adalah berbeza mengikut jenis sekolah, tahap penerimaan masyarakat serta jangkaan masyarakat terhadap seorang guru meskipun guru dianggap merupakan pihak yang bertanggung jawab dan merupakan watak utama yang membawa perubahan yang besar dalam komuniti pendidikan dan masyarakat (Bourn, 2015).

Penutup

Penerokaan konsep baru guru sebagai pemangkin perubahan masyarakat dalam konteks pendidikan tidak formal yang dikemukakan dalam kajian ini diharapkan dapat memperkasa fungsi dan peranan GPI dalam masyarakat. GPI sebenarnya mampu dan perlu berperanan dalam spektrum pendidikan yang lebih luas dan berbeza daripada kebiasaan di mana GPI boleh memindahkan ilmu pengetahuan sedia ada mereka menerusi kaedah fasilitasi yang tidak formal kepada anggota masyarakat (*klien*) menerusi peranan sebagai pemangkin perubahan. Kemampuan GPI untuk bertindak sebagai pemangkin perubahan juga adalah selari dengan aspirasi Falsafah Pendidikan Islam dalam usaha membentuk masyarakat yang mendukung nilai keagamaan sebagai salah satu kaedah membina negara bangsa yang diharapkan. Kajian seperti ini amat penting agar pembuat polisi dan dasar yang berkaitan dengan pembangunan kesejahteraan masyarakat khususnya dapat merangka pelan tindakan yang wajar dan terbaik agar fungsi dan peranan golongan agamawan seperti GPI dapat dioptimumkan dan diperkasakan dalam membentuk negara bangsa Malaysia mengikut formulasi dan acuan tersendiri.

Rujukan

- A. Halai, & N. Durrani. (2019). Dynamics of gender justice, conflict and social cohesion: Analysing educational reforms in Pakistan. *International Journal of Educational Development*, 61, 27-39.
<https://www.sciencedirect.com/science/article/pii/S0738059317303851>
- Abdullah, H., & Ainon, M. (2006). *Kemahiran Interpersonal untuk Guru*. PTS Publisher.

- Alagoz, E., Chih, M. Y., Hitchcock, M., Brown, R., & Quanbeck, A. (2018). The use of external change agents to promote quality improvement and organizational change in healthcare organizations: a systematic review. *BMC Health Services Research*, 18(1), 42. <https://doi.org/10.1186/s12913-018-2856-9>
- Anaeto F. C., Asiabaka C. C., Nnadi F. N., Ajaero J. O, Aja O. O., Ugwoke F. O., Ukpongson M.U., & Onweagba, A. E. (2012). The role of extension officers and extension services in the development of agriculture in Nigeria. *Wudpecker Journal of Agricultural Research*, 1(6), 180 – 185.
- Asmadi, A. R., & Ramlan, M. (2020). Cabaran pelaksanaan dakwah terhadap masyarakat Orang Asli oleh Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang. *Jurnal Antarabangsa Pengajian Islam (Islamiyyat)*, 42, 59-67.
- Azrina, S. (2012). Involvement of religious leaders in environmental awareness and conservation activities in Malaysia: A preliminary review. *TAFHIM: IKIM Journal of Islam and the Contemporary World*, 5(2012), 65–91.
- Bhagwat, S.A., Ormsby, A.A., & Rutte, C. (2011). The role of religion in linking conservation and development: Challenges and opportunities. *Journal for the Study of Religion, Nature and Culture*, 5(1), 39–60.
- Bourn, D. (2015). Teachers as agents of social change. *International Journal of Development Education and Global Learning*, 7(3), 63–77. [http://discovery.ucl.ac.uk/1475774/1/5.Bourn_Teachers as agents%20of%20social%20change.pdf](http://discovery.ucl.ac.uk/1475774/1/5.Bourn_Teachers%20as%20agents%20of%20social%20change.pdf)
- Caldwell, R. (2003). Models of change agency: a fourfold classification. *British Journal of Management*, 14(2), 131-142. <https://doi.org/10.1111/1467-8551.00270>
- Celone, M., Person, B., Ali, S. M., Lyimo, J. H., Mohammed, U. A., Khamis, A. N., ... Knopp, S. (2016). Increasing the reach: Involving local Muslim religious teachers in a behavioral intervention to eliminate urogenital schistosomiasis in Zanzibar. *Acta Tropica*, 163, 142–148. <https://doi.org/10.1016/j.actatropica.2016.08.004>
- Cerf, M., Guillot, M. N., & Olry, P. (2011) Acting as a change agent in supporting sustainable agriculture: How to cope with new professional situations? *The Journal of Agricultural Education and Extension*, 17(1), 7-19. <https://doi.org/10.1080/1389224X.2011.536340>
- Cohen, L., Manion, L. and Morrison. Keith. (2001). *Research methods in education* (6 th Edition). London and New York: Routledge.
- Coombs, P. (1976). Nonformal education: Myths, realities, and opportunities. *Comparative Education Review*, 20(3), 281-293. Dicapai melalui <http://www.jstor.org/stable/1187481>
- Creswell, J. W. (2012). *Educational research: Planning, conducting and evaluating quantitative and qualitative research-4th Edition* (Fourth.). Boston, MA: Pearson Education, Inc.
- Freij, L. S. (2009). Muslim religious leaders as partners in fostering positive reproductive health and family planning behaviors in Yemen: A Best Practice. *Laporan The Extending Service Delivery (ESD) Project, USAID*. Dicapai melalui https://www.k4health.org/sites/default/files/ESD_Legacy_Religious_Leaders_Yemen_Brief_6_24_10.pdf.
- Gardner, G. (2002). *Invoking the spirit: Religion and spirituality in the quest for sustainable world*. Kertas kerja dalam 7th Annual Conference Of The International Environment Forum (pp. 11–20). Orlando, Florida, USA.

- Halizah, A. R. (2019, 19 September). Pembangunan lestari tangani isu alam sekitar. *Berita Harian Online*.
<https://www.bharian.com.my/kolumnis/2019/09/605010/pembangunan-lestari-tangani-isu-alam-sekitar>
- Hie, Y.H., Ku Hasnita, K.S., Zatul Himmah, A., Mohd Daud, A. & Adlina, A.H. (2018). Peranan Guru Sebagai Agen Sosialisasi dalam Membentuk Perpaduan Kaum di Sekolah. *Akademika* 88(2), 95-108. <https://doi.org/10.17576/akad-2018-8802-07>.
- Hitzhusen, G.E. (2006). Religion and environmental education: Building on common ground. *Canadian Journal of Environmental Education*, 11(1), 9-25.
<https://files.eric.ed.gov/fulltext/EJ881792.pdf>
- Hoyle, E. (1969). *The role of the teacher*. London: Routledge & Kegan Paul.
- Ibrahim Majdi, M.K., & Mariam, A.M. (2017). Analisis kritikal perkembangan intelektual muslim di Malaysia pasca merdeka (1960-1990) terhadap kebangkitan Islam di Malaysia. *Jurnal Pengajian Islam*, 10(II), 88-110.
- Jasmin, A.S., Azizan, A., & Azahari, I. (2013). Roles of extension agents towards agricultural practice in Malaysia. *International Journal on Advanced Science, Engineering and Information Technology*, 3(1), 59. <https://doi.org/10.18517/ijaseit.3.1.278>
- Jumardin La Fua, Ratna Umi Nurlila, Fahmi Gunawan, & Ismail Suardi. (2018). Islamic Education on Formation of Environmental Awareness in Pondok Pesantren Indonesia. *IOP Conference Series: Earth and Environmental Science*, 156.
<https://iopscience.iop.org/journal/1755-1315>
- Kamarul Azmi, J. (2010). *Guru cemerlang pendidikan Islam sekolah menengah di Malaysia: Satu kajian kes* (Tesis Doktor Falsafah). Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kamiz Uddin, A.A., & Mohammad Aman, U.M. (2006). Informal Islamic education and its role in human resource development in society: A theoretical evaluation. *IIUC Studies*, 3(December), 83-92.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). (2016). *Dokumen awal pelan induk pembangunan profesionalisme keguruan Kementerian Pendidikan Malaysia*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia. <https://www.moe.gov.my/index.php/medimedia/media-cetak/penerbitan/1249-dokumen-awal-pelan-induk-pembangunan-profesionalisme-keguruan/file>
- Latifah, A.M., Haziyah, H., Ahmad Munawar, I., Zakaria, S., Mohd. Arif, N., Sabri, M., ... Faisal, A.S. (2012). The contribution of Islamic education in strengthening malay identity. *Journal of Applied Sciences Research*, 8(8), 4322-4327.
- Lunenburg, F.C. (2010). Managing change: The role of the change agent. *International Journal Of Management, Business, And Administration*, 13(1), 1-6. Dicapai melalui https://naaee.org/sites/default/files/lunenburg_fred_c._managing_change_the_role_of_change_agent_ijmba_v13_n1_2010.pdf
- M. Ma'ruf. (2019). Konsep mewujudkan keseimbangan hidup manusia dalam sistem pendidikan Islam. *Jurnal Al-Makrifat*, 4(2).
<https://core.ac.uk/download/pdf/234800681.pdf>
- M. Mahruf, C. S., & Andrew, J. H. (2018). The relevance of formal and nonformal primary education in relation to health, well-being and environmental awareness: Bangladeshi pupils' perspectives in the rural contexts. *International Journal of Qualitative Studies on Health and Well-being*, 13(1), 1-9. <https://doi.org/10.1080/17482631.2018.1554022>

- Ma Razhanlaily, A.R., & Salasiah Hanin, H.(2017). Faktor zina dan kesannya dalam kehidupan remaja. *Jurnal Sains Insani*, 2(2), 1-10.
- Maimun Aqsha, L., Sabariah, S., & Mohd Sham, K. (2016). Peranan guru pendidikan Islam dalam inovasi pengajaran: Cabaran pasca moden. Dalam M.S., Mohd Farid & S., Noor Hartini (Eds), *Guru cemerlang pendidikan Islam persediaan dan cabaran* (pp.137-158). Kuala Lumpur: Penerbit IKIM.
- Masheko, C., Chic, A, Dema, T., Mosweu, T. Thekiso, T. & Mimolai, S. (2016). The involvement of religious communities in the teaching of multi-faith syllabus in Botswana Junior Secondary Schools. *Advances in Social Sciences Research Journal*, 3(13), 119-128.
- Mashitah, S. (2013, Jun). *Islam dan transformasi sosial masyarakat Melayu Malaysia: Suatu kajian eksploratori*. Proceeding of The International Conference on Social Science Research (ICSSR), 778-800.
- Masyhurah, M.R., Harun, B., Maimun Aqsha, L., & Siti Aisyah, R. (2015, Jun). *Institusi pondok dalam sistem pendidikan Islam di Malaysia*. Kertas kerja Proceeding The 7th International Workshop And Conference Of Asean Studies On Islamic And Arabic Education And Civilization (Poltan-Ukm-Polimed), Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Roslan, M.N., & Wan Mohd Tarmizi, W.O. (2011). Sejarah dan perkembangan pendidikan Islam di Malaysia. *Jurnal At-Ta'dib*, 6(1), 59-78.
- Muhamad Zahiri, A.M., Nik Ahmad Hisham, I., Arifin, M., Md Yusnan, Y., Mujaini, T., Md. Noor, H., & Noor Akmal, A.W. (2012). Kajian tahap profesionalisme guru agama di sekolah rendah agama kelolaan Jabatan Agama Islam Selangor. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan dan Pengajian Islam*, 1(Februari), 36-73.
- Muhammad, S. A. Y., Ismail, M., Wan, S. W. A., Mohd, N. I., & Zawiah, S. (2013). Peranan faktor linguistik dan kognitif terhadap kefahaman bacaan teks kesusasteraan Arab. Dalam *Tema 1: Bahasa dan Pendidikan* (pp. 45-47). Kuala Terengganu: Persatuan Pengajian Siswazah UniSZA.
- Muhamad Suhaimi, T., & Mohd Yusof, A. (2014). Impak pengajaran dan bimbingan guru Pendidikan Islam terhadap motivasi dan pembelajaran terarah sendiri pelajar. *Jurnal Pemikir Pendidikan*, 5, 1-17.
- Muhardi, M, Nurdin, N, & Irfani, A. (2020). The role of knowledge-based ecological pesantren in environmental conservation. *IOP Conf. Series: Journal of Physics: Conf. Series 1469* (2020) 012126. doi:10.1088/1742-6596/1469/1/012126
- Nnebedum, C. (2019). The value of integrating 21st century skills into the enterprise of teaching Sociology. *Academic Journal Of Interdisciplinary Studies*, 8(1), 37-44. Dicapai melalui <https://www.mcser.org/journal/index.php/ajis/article/view/10407/10036>
- Noornajihan, J. (2014). *Pengaruh efikasi sendiri dan faktor persekitaran terhadap kualiti guru Pendidikan Islam sekolah menengah kebangsaan*. [Tesis Ph.D, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia].
- Noornajihan, J., Nurul Asiah Fasehah, M., Ab. Halim, T., Azhar, A., Nur Hanani, H., Mohd Khamal, M.D., & Maziahtusima, I. (2019). The significant correlation between self efficacy and the role of Islamic Education Teachers as a society change agent. *Mediterranean Journal Of Social Sciences*, 10(3), 83. <https://www.mcser.org/journal/index.php/mjss/article/view/10424>.

- Noraini, I. (2010). *Pensampelan*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Noraziah, M.Y., & Latipah, S. (2010). Pendidikan alam sekitar dalam pendidikan islam: Peranan guru. *Proceedings of The 4th International Conference on Teacher Education* (pp. 839-851). Join Conference UPI & UPSI Bandung, Indonesia, 8-10 November 2010. http://file.upi.edu/Direktori/PROCEEDING/UPI-UPSI/2010/Book_5/PENDIDIKAN_ALAM_SEKITAR_DALAM_PENDIDIKAN_I_SLAM-PERANAN_GURU.PDF
- Pugh, L. B., Bahn, S., & Gakere, E. (2013). Managers as change agents. *Journal of Organizational Change Management*, 26(4), 748-764. <https://doi.org/10.1108/JOCM-Feb-2011-0014>
- Ragasa, C., Ulimwengu, J., Randriamamonjy, J., & Badibanga, T. (2015). Factors Affecting Performance of Agricultural Extension: Evidence from Democratic Republic of Congo. *The Journal of Agricultural Education*, 22(2), 113-143. <https://doi.org/10.1080/1389224X.2015.1026363>
- Rahim, M.S. (2011). Melaksanakan program pembangunan komuniti menggunakan pendekatan pendidikan pengembangan. Dalam Khadijah Alavi, Rahim Md Sail, & Nurul Akhtar Kamarudin (Eds), *Pembangunan komuniti membina keupayaan & potensi masyarakat* (pp. 67-80). Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Razali, K. (2014). *Dakwah kepada muallaf orang asli: Tanggungjawab dan peranan PERKIM Pahang*. <https://www.researchgate.net>. 1-14.
- Rimal, K. (2018). Teacher: An important but less recognized actor of school curriculum development in Nepal. *Dhaulagiri Journal of Sociology and Anthropology*, 12, 66-71.
- Rogers, M. (1975). Patterns of leadership in a rural malay community. *Asian Survey*, 15(5), 407-421. <https://doi:10.2307/2643254>
- Rosnani, H. (2004). *Educational dualism in Malaysia*. Kuala Lumpur: The Other Press.
- Shuhadak, M., & Iknor Azli, I. (2014). Pelaksanaan program takmir sebagai medium pengimarahannya masjid di Negeri Sembilan. *Al-Hikmah*, 6 (2), 53-64.
- Siti Aishah, Y., & Sidar, N. (2016). Tahap penghayatan agama dalam kalangan remaja hamil tanpa nikah. *Jurnal Sains Sosial*, 1(2016), 17-35. <http://www.kuim.edu.my/journal/index.php/JSS/article/download/49/41>
- Solahuddin, I., Mohd Sobri, D., & Zaheruddin, O. (2014, 20-21 November). *Pola sistem pendidikan Islam di Malaysia: Agenda pendidikan insan sepanjang hayat*. Kertas kerja 3rd Lifelong Learning International Conference 2014. Hotel Promenade Kota Kinabalu, Sabah.
- Strong, R., & Irani, T. The relationship of future agricultural extension educators' cognitive styles and change strategies for adult learners. *Journal of Extension*, 49(2), 1-6. <https://www.joe.org/joe/2011april/rb2.php>
- Syarul Azman, S., Muhammad Yusuf Marlon, A., Sahlawati, A.B., & Siti Khaulah, M.H. (2018, 18-19 September). *Persepsi masyarakat non-muslim terhadap dakwah Islam di Malaysia*. Kertas kerja 4th International Conference On Islamiyyat Studies. <http://conference.kuis.edu.my/irsyad/images/e proceeding/2018/1085-irsyad-2018.pdf>
- Tampubolon, M. (2007). Non-formal education and its role in establishing a democratic culture within Indonesian heterogeneous society. *Jurnal Teknologi*, 38(6), 93-108.
